

PENYATA RASMI

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15**

HARI PERTAMA

KHAMIS, 16 MAC 2023

BIL. 5 TAHUN 15

HADIR

YB Speaker,

Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, PJN., DSAP., PIS.

**YAB Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan,
Perancangan dan Pembangunan Ekonomi)**

Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, PMW.
(Machap)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar

Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.
(Buloh Kasap)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, DIMP.
(Bukit Permai)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya

Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, KMN.
(Tenggaroh)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Puan Hajah Khairin-Nisa binti Ismail @ Md On
(Serom)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan
Sumber Manusia**

Tuan Mohd Hairi bin Mad Shah
(Larkin)

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam

Tuan Mohd Fared bin Mohd Khalid
(Semerah)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan

Tuan Ling Tian Soon
(Yong Peng)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna

Tuan Lee Ting Han
(Paloh)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur

Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh
(Bukit Pasir)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi

Cik Norlizah binti Noh
(Johor Lama)

YB Dato' Ir. Hasni bin Mohammad, SPMJ., SUMW., PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Mutalip bin Abd Rahim, PSI., PIS.
(Layang-Layang)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.
(Mahkota)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan, DIMP.
(Kukup)

YB Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, DSAP., P.JN.
(Rengit)

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap
(Pemanis)

YB Puan Hajah Haslinda binti Salleh, AMN., BCM.
(Tenang)

YB Datuk Haji Mohd Fuad bin Tukirin, PMW., BCM.
(Bukit Naning)

YB Tuan Sahrihan bin Jani
(Gambir)

YB Tuan Tan Chong
(Bekok)

YB Tuan Muszaide bin Makmor
(Sedili)

YB Puan Saraswati a/p Nallathamby, PPN.
(Kemelah)

YB Tuan Tan Eng Meng, PPN.
(Pekan Nanas)

YB Puan Fauziah binti Misri
(Penawar)

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan, PPN.
(Pulai Sebatang)

YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri, DPSM.
(Parit Yaani)

YB Tuan Haji Selamat bin Takim
(Sungai Balang)

YB Tuan Aznan bin Tamin
(Tanjung Surat)

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib
(Permas)

YB Datuk Haji Ramlee bin Bohani, DPSM., JMN., AMN.
(Kempas)

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail
(Senggarang)

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad, DPSM., PPN.
(Kota Iskandar)

YB Tuan Azizul bin Bachok
(Tiram)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub, DSPN., DGSM.
(Simpang Jeram)

YB Tuan Liew Chin Tong
(Perling)

YB Cik Amira Aisya binti Abd Aziz
(Puteri Wangsa)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Tuan Chiong Sen Sern
(Bukit Batu)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

YB Puan Marina binti Ibrahim
(Skudai)

YB Puan Ng Kor Sim
(Jementah)

YB Tuan Wong Bor Yang
(Senai)

YB Dato' Dr. Sahrudin bin Haji Jamal, DMIJ.
(Bukit Kepong)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, JSM., PIS.
(Endau)

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib
(Maharani)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, PSM., SPMJ., DMIJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Amir bin Nasruddin, DMIJ.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji Salehuddin bin Haji Hassan, DMIJ., SIJ., PIS.

Persidangan bermula jam 9.20 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.

(Jurutulis membaca doa).

PEMASYHURAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR MEMANGGIL DEWAN NEGERI UNTUK BERMESYUARAT.

Pemasyhuran oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim.

Bahawasanya diperuntukkan oleh Pecahan Fasal (1) Fasal 23 dalam bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895, bahawa Raja hendaklah dari satu masa ke satu masa memanggil Dewan Negeri mengadakan mesyuaratnya:

Maka oleh yang demikian, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan sebagaimana yang tersebut di atas, dengan ini memanggil Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 16 Mac 2023 jam 9.30 pagi sebagai tarikh dan waktu bagi memulakan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-15 yang akan di adakan di Dewan Persidangan Dewan Negeri, Kota Iskandar, Iskandar Puteri, Johor.

Jurutulis : TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

YB Speaker : Bismillahirrahmanirrahim. Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar. (Bacaan selawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Maju Johor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, pagi ini kita akan memulakan Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-15. Selaras dengan peruntukan di bawah Fasal 26 Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895, Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkenan bertitah kepada Dewan Negeri pada pagi ini. Bagi membolehkan kita menyambut keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Tuanku di hadapan Tangga Agung Bangunan ini, maka saya tangguhkan Persidangan ini sehingga jam 10.30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 9.30 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 10.15 pagi.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula.

Sukacita saya memaklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan berangkat masuk sebentar lagi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Jurutulis : Ampun Tuanku, Mufti Negeri Johor mohon perkenan membaca doa.

DOA PEMBUKAAN PENGGAL PERSIDANGAN.

(Mufti Negeri Johor baca doa).

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkenan bertitah kepada Dewan Negeri.

DYMM Sultan Johor : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim. Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala Puji Bagi Allah, Tuhan pentadbir seluruh alam. Selawat dan salam kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad semulia-mulia Rasul dan para sahabatnya sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat saya hadir merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kedua Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-15 pada pagi ini.

Saudara saudari sekalian, pada 2 minggu lalu yang lepas, negeri Johor telah ditimpa bencana banjir yang sangat besar dan sampai hari ini, masih terdapat banyak kawasan yang belum pulih sepenuhnya terutama di daerah Batu Pahat. Saya ingin menzahirkan rasa sedih dan simpati terhadap rakyat saya yang terpaksa berhadapan dengan musibah banjir yang sangat mencabar ini, saya harap mereka sentiasa sabar dan tabah dalam menghadapi ujian dan dugaan ini.

Banjir yang berlaku kali ini adalah berpunca daripada taburan hujan yang luar biasa, iaitu hampir 2 kali ganda banyaknya daripada purata hujan bulanan. Malah jumlah hujan yang turun selama 2 hari iaitu pada 28 Februari dan 1 Mac 2023 telah melebihi rekod jumlah hujan sebulan. Secara keseluruhan, banjir kali ini telah merekodkan seramai 74,453 orang mangsa. Daripada 26,376 keluarga di semua 10 daerah dan melibatkan sebanyak 379 pusat pemindahan sementara.

Suka saya merakamkan ucapan penghargaan kepada semua petugas yang telah bekerja bertungkus-lumus siang dan malam untuk membantu dan menyelamatkan mangsa-mangsa banjir.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua pihak yang telah menghulurkan sumbangan kewangan, bekalan makanan dan keperluan harian, alatan pembersihan dan yang paling penting adalah bantuan tenaga sukarela yang datang dari seluruh pelosok tanah air. Saya amat berbangga dengan semangat bekerjasama dan bantu-membantu yang diberikan tanpa mengira kaum atau agama. Inilah budaya hidup masyarakat kita yang mesti dipertahankan ibarat aur di tebing, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

Tidak lupa juga saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Perdana Menteri Malaysia dan kerajaan pusat yang memberikan peruntukan kewangan segera bagi meringankan beban mangsa banjir serta meluluskan projek Tebatan Banjir di daerah Kota Tinggi, Segamat dan Batu Pahat untuk dilaksanakan segera. Selepas bencana ini berakhir, saya harap kerajaan pusat akan memberikan peruntukan khas untuk membaik pulih infrastruktur awam yang telah rosak dan harta benda yang telah musnah.

Saya juga menyeru kepada orang ramai untuk menghulurkan bantuan dan sumbangan kepada mangsa-mangsa banjir agar mereka dapat membaiki rumah yang telah rosak dan menggantikan perabot dan alatan rumah yang telah musnah. Janganlah kita ini jadi kedekut sangat, masalah banjir ini juga telah, adalah kesan daripada perubahan iklim dunia. Oleh itu, saya menggesa kepada semua Bangsa Johor, supaya membudayakan amalan mesra alam menjadi kebersihan dan mengurangkan pencemaran alam sekitar.

Saudara-saudari sekalian, setelah genap 1 tahun Ahli-Ahli Dewan Negeri Johor dipilih dan dilantik, saya boleh katakan yang saya berpuas hati dengan tingkah laku dan peranan yang telah dijalankan oleh setiap Ahli Dewan. Tetapi, selepas ini janganlah dibawa semula

perangai lama yang jelek dan tidak senonoh supaya tidak perlu saya sebut lagi. Jangan jadikan Dewan ini seperti apa. Setiap Ahli Dewan harus sentiasa menjaga imej, tingkah laku, kerana gelaran Yang Berhormat kenalah sesuai dengan orangnya.

Saya juga berpendapat, gelaran pembangkang yang diberikan kepada Ahli Dewan di pihak bukan kerajaan adalah kurang sesuai. Kerana peranan mereka bukanlah hanya membangkang segala cadangan kerajaan, mereka bertanggungjawab untuk menjadi pengimbang dan pemeriksa terhadap tindakan kerajaan supaya tidak berbuat sesuka hati, namun begitu, janganlah pula ada sikap balas dendam atau suka mencari salah kerajaan sahaja. Saya juga tiada masalah dengan pihak pengimbang kerajaan, mereka boleh menghadap saya dan berikan pendapat atau idea mereka. Saya sangat berharap keadaan politik yang stabil ini terus dikekalkan dan semua pihak bekerjasama demi untuk rakyat dan negeri Johor.

Suka saya memantau prestasi kerja Menteri Besar dan Ahli-Ahli EXCO Kerajaan, setakat ini saya lihat mereka telah bekerja dengan baik dan sempurna. Walaupun, ada yang kurang pengalaman mereka berusaha bersungguh-sungguh untuk membuktikan kebolehan mereka. Kalau tidak faham tentang sesuatu perkara mereka bolehlah datang dan tanya saya. Pegawai-pegawai Tadbir Negeri juga ada untuk membantu melicinkan segala tugas dan menyelaras segala program yang hendak dibuat.

Saudara-saudari sekalian, pengurusan kewangan kerajaan adalah perkara penting yang selalu saya tekankan kerajaan, mesti mempunyai kewangan yang kukuh dan tidak menanggung hutang yang banyak. Syabas saya ucapkan kepada pihak kerajaan yang telah berjaya merekodkan lebihan hasil pada tahun lepas berbanding baki defisit pada tahun sebelumnya. Walaupun lebihan itu tidak besar, sekurang-kurangnya kita tidak belanja lebih dari hasil yang kita kutip. Saya harap prestasi kewangan kerajaan akan lebih baik pada tahun ini. Kerana aktiviti pembangunan ekonomi dilihat semakin rancak, terutama dalam sektor pembangunan hartanah dan industri. Setiap jabatan mesti patuh kepada arahan perbelanjaan dan berhemah dan langkah berjimat cermat serta pastikan semua perolehan dibuat dengan telus, cekap dan mengikut konsep *value for money*. Panjang lagi ini.

Saudara-saudari sekalian, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Anuar Ibrahim yang telah mendengar permintaan Johor dengan memberikan peruntukan dalam Bajet 2023 untuk menaik taraf Lebuhraya Utara – Selatan, dari Yong Peng ke Senai kepada lapan lorong. Kalau boleh daripada Gemas lah, buat apa separuh jalan? Kerajaan pusat juga akan menyediakan lorong memotong di Lebuhraya Senai – Desaru. Daripada Pasir Gudang ke Bandar Penawar yang merupakan satu-satu lebuhraya di Malaysia yang hanya ada dua lorong dan dikenakan bayaran tol. Saya juga berharap agar bajet pembaikan jalan persekutuan akan disalurkan untuk membaiki Lebuhraya Pasir Gudang dan Jalan Johor Bahru ke Mersing yang berlubang-lubang dan merbahaya kepada pengguna jalan raya. Habis *rim* kereta saya pun bengkok.

Saya juga menyahut baik cadangan kerajaan persekutuan yang mewujudkan zon khas kewangan di kawasan Iskandar Malaysia yang akan menarik lebih ramai pelabur untuk menjalankan perniagaan di Johor Bahru. Sokongan dan bekerjasama yang padu antara kerajaan negeri dan persekutuan saya percaya Johor akan maju membangun dan semua rakyatnya akan hidup sejahtera. Tahniah juga saya ucapkan kepada kerajaan kerana berjaya meletakkan semula kedudukan negeri Johor di tangga nombor 1 bagi pelaburan tertinggi yang diluluskan pada tahun 2022 iaitu sebanyak RM70.6 bilion. Namun begitu nilai pelaburan yang diluluskan ini belum lagi terlaksanakan projeknya. Oleh itu, semua pihak perlu bekerjasama memberikan perkhidmatan yang cekap, tanpa ada *red tape* supaya pelabur boleh memulakan perniagaan mereka dengan segera. Jangan melambatkan segala urusan kerajaan.

Saudara-saudari sekalian, ingin saya ingatkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan, agar memastikan setiap pembangunan yang hendak dibuat di kawasan berbukit atau tanah tinggi mesti mengekalkan bentuk muka bumi atau topografi asal tanah itu seberapa yang boleh. Pihak pemaju tidak wajar dibenarkan untuk meratakan permukaan tanah kesemuanya, jika kerja pemotongan bukit perlu dibuat ianya mesti dikawal dan dilakukan secara minima. Saya harap semua Datuk Bandar dan Yang DiPertua selidik dahulu betul-betul sebelum meluluskan semua pelan kerja tanah. Mulai sekarang, saya menggesa semua Majlis agar tidak meluluskan sebarang Kebenaran Merancang (KM) jika pemaju tidak menyediakan laluan perjalanan kaki dan lorong berbasikal di dalam pelan *layout* mereka. *Highway* bukan untuk berbasikal.

Saudara-saudari sekalian, sejak dari dahulu lagi kerajaan sentiasa menjaga kebajikan Orang Asli di Johor. Dengan melaksanakan pelbagai projek pembangunan dan pemberian bantuan bagi menaik taraf kehidupan mereka. Kerajaan juga telah menyediakan kawasan penempatan Orang Asli yang lebih tersusun dengan kemudahan bekalan air dan elektrik serta kemudahan awam yang lain untuk memberikan keselesaan kepada mereka. Namun begitu, saya merasa kecewa apabila segelintir Orang Asli yang membuka kawasan hutan simpan kerajaan untuk dijadikan ladang getah dan kelapa sawit secara besar-besaran. Saya percaya ada orang luar yang menjadi dalang di dalam hal ini dan cuba mengambil kesempatan dengan menggunakan hak Orang Asli sebagai alasan. Malah ada juga yang cuba menuntut kawasan rayau yang tidak masuk akal. Kalau hendak ikutkan, awak semua dalam Dewan ini pun banyak tempat merayau. Suka saya ingatkan, walaupun kedudukan Orang Asli dilindungi oleh Perlembagaan mereka juga wajib patuhi kepada undang-undang yang ada pencerobohan hutan adalah salah dan Orang Asli juga tidak terkecuali. Kerajaan mesti tegas dalam tindakan yang diambil dan membuat pemantauan secara berterusan untuk menjaga khazanah hutan dan melindungi kehidupan liar. Saya menggesa kepada kerajaan supaya meletakkan kesemua kawasan penempatan dan rizab Orang Asli di bawah *Sultanate Land*, supaya tidak ada mana-mana pihak yang boleh berbuat sesuka hati. Jangan sampai pisang berbuah dua kali mengulangi kesilapan dahulu seperti kes Orang Asli di Bekok.

Saudara-saudara sekalian, ingin saya tegaskan di sini bahawa mana-mana penceramah agama yang hendak menyampaikan ceramah di dalam negeri Johor mestilah memiliki tauliah daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor. Semua Ahli Jawatankuasa Masjid dan Surau yang hendak menganjurkan ceramah agama wajib mendapatkan kebenaran daripada Majlis Agama Islam Johor melalui Pejabat Kadi Daerah dan nyatakan mengenai tajuk dan perkara yang akan disampaikan. Sekiranya ada mana-mana masjid atau surau yang gagal mematuhi peraturan ini maka semua Ahli Jawatankuasanya akan diambil tindakan dan dipecat.

Tindakan ini bukanlah untuk menghalang program penyebaran ilmu Islam tetapi adalah untuk mengawal penyebaran fahaman yang menyeleweng atau terpesong daripada hukum syarak yang berlandaskan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah di negeri Johor. Keadaan ini juga adalah untuk mengawal golongan pelampau agama yang boleh mencetuskan kekeliruan kepada umat Islam dan golongan muda yang kurang berilmu. Sehubungan itu juga, kerajaan harus meningkatkan mutu pendidikan di sekolah-sekolah dan di pusat pengajian tinggi bagi melahirkan generasi masa depan yang tinggi ilmu pengetahuan.

Last page, saudari-saudari sekalian, akhir kata sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pegawai-Pegawai Daerah, para petugas, sukarelawan serta semua pihak terlibat dalam membantu mangsa banjir di negeri Johor. Semoga bencana ini segera beransur pulih dan kehidupan rakyat yang selesa dan sejahtera dapat dikecapi semula. Marilah kita berdoa ke hadrat Allah SWT semoga negeri Johor terus maju membangun

dengan aman dan makmur, dijauhi daripada segala bala bencana agar seluruh rakyatnya dapat hidup harmoni, bersatu padu dan bahagia.

Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Persidangan Penggal Kedua bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke 15. Sekian, wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

YB Speaker : Ampun Tuanku, adalah patik Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Negeri merafak sembah menjunjung setinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku berangkat ke Dewan yang mulia ini dan bertitah merasmikan pembukaan Penggal Persidangan Kedua Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke 15.

Ahli-Ahli Yang Berhormat dan dif-dif sekalian, Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan berangkat meninggalkan Dewan ini ke bilik rehat DiRaja dan seterusnya berangkat ke Dewan Banquet untuk majlis santapan. Dijemput Ahli-Ahli Yang Berhormat dan dif-dif sekalian beredar ke Dewan Banquet. Maka saya tangguhkan Persidangan ini sehingga hari Ahad, 19 Mac 2023, jam 9.30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 10.50 pagi.

PENYATA RASMI

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15**

HARI KEDUA

AHAD, 19 MAC 2023

BIL. 5 TAHUN 15

HADIR

YB Speaker,

Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, PJN., DSAP., PIS.

**YAB Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan,
Perancangan dan Pembangunan Ekonomi)**

Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, PMW.
(Machap)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar

Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.
(Buloh Kasap)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, DIMP.
(Bukit Permai)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya

Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, KMN.
(Tenggaroh)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Puan Hajah Khairin-Nisa binti Ismail @ Md On
(Serom)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan
Sumber Manusia**

Tuan Mohd Hairi bin Mad Shah
(Larkin)

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam

Tuan Mohd Fared bin Mohd Khalid
(Semerah)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan

Tuan Ling Tian Soon
(Yong Peng)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna

Tuan Lee Ting Han
(Paloh)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur

Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh
(Bukit Pasir)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi

Cik Norlizah binti Noh
(Johor Lama)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Mutalip bin Abd Rahim, PSI., PIS.
(Layang-Layang)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.
(Mahkota)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan, DIMP.
(Kukup)

YB Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, DSAP., P.JN.
(Rengit)

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap
(Pemanis)

YB Puan Hajah Haslinda binti Salleh, AMN., BCM.
(Tenang)

YB Datuk Haji Mohd Fuad bin Tukirin, PMW., BCM.
(Bukit Naning)

YB Tuan Sahrihan bin Jani
(Gambir)

YB Tuan Tan Chong
(Bekok)

YB Tuan Muszaide bin Makmor
(Sedili)

YB Puan Saraswati a/p Nallathamby, PPN.
(Kemelah)

YB Tuan Tan Eng Meng, PPN.
(Pekan Nanas)

YB Puan Fauziah binti Misri
(Penawar)

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan, PPN.
(Pulai Sebatang)

YB Tuan Haji Selamat bin Takim
(Sungai Balang)

YB Tuan Aznan bin Tamin
(Tanjung Surat)

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib
(Permas)

YB Datuk Haji Ramlee bin Bohani, DPSM., JMN., AMN.
(Kempas)

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail
(Senggarang)

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad, DPSM., PPN.
(Kota Iskandar)

YB Tuan Azizul bin Bachok
(Tiram)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Tuan Liew Chin Tong
(Perling)

YB Cik Amira Aisya binti Abd Aziz
(Puteri Wangsa)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Tuan Chiong Sen Sern
(Bukit Batu)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

YB Puan Marina binti Ibrahim
(Skudai)

YB Puan Ng Kor Sim
(Jementah)

YB Tuan Wong Bor Yang
(Senai)

YB Dato' Dr. Sahrudin bin Haji Jamal, DMIJ.
(Bukit Kepong)

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib
(Maharani)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, PSM., SPMJ., DMIJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Amir bin Nasruddin, DMIJ.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji Salehuddin bin Haji Hassan, DMIJ., SIJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Dato' Ir. Hasni bin Mohammad, SPMJ., SUMW., PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri, DPSM.
(Parit Yaani)

YB Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub, DSPN., DGSM.
(Simpang Jeram)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, JSM., PIS.
(Endau)

Persidangan bermula jam 9.30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.

(Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.

YB Speaker : Bismillahirrahmanirrahim. Allahu Akbar. Allahu Akbar. Allahu Akbar. (Bacaan selawat). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Maju Johor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izinNya, sempurnalah sudah Majlis Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Kelima Belas oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim pada hari Khamis, 16 Mac 2023.

Dengan ini, Ahli-Ahli Dewan Negeri merafak sembah ucapan setinggi-tinggi kasih di atas keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku ke Dewan yang mulia ini bagi merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-15.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Duli Yang Maha Mulia Tuanku bertitah, supaya kita Ahli-Ahli Yang Berhormat menjaga imej dan tingkah laku, kerana gelaran Yang Berhormat mestilah sesuai dengan apa yang kita tuturkan dan yang kita lakukan. Jadilah pengimbang kerajaan yang berwibawa, berilah idea dan cadangan yang konkrit, bukan mencari kesalahan kerajaan semata-mata. Terima kasih.

Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas-Kertas Mesyuarat Bilangan 1 dan 2 Tahun 2023.

Bilangan 1 Tahun 2023 - Penyata Kewangan Tabung Amanah Warisan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019.

Bilangan 2 Tahun 2023 - Penyata Kewangan Tabung Amanah Warisan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas-Kertas Mesyuarat Bilangan 3 Tahun 2023.

Bilangan 3 Tahun 2023 - Penyata Kewangan Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas-Kertas Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2023.

Bilangan 4 Tahun 2023 - Penyata Kewangan Perbadanan Taman Negara (Johor) Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Bismillahirrahmanirrahim, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas-Kertas Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2023.

Bilangan 5 Tahun 2023 - Penyata Kewangan Perbadanan Islam Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

YB Speaker : Yang Berhormat Johor Jaya, dijemput.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 1.

Apakah usaha kerajaan negeri, pelan jangka panjang dan pelan jangka pendek bagi menangani masalah banjir yang berlaku pada 28 Februari 2023.

YB Speaker : Saya jemput, Yang Berhormat Mengkibol.

YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 2.

Memandangkan banyak daerah di dalam negeri Johor yang terjejas dengan bencana banjir pada tahun ini, berapakah bajet tambahan yang akan diberikan oleh kerajaan negeri bagi JPS dan peruntukan jalan bagi memastikan bencana ini dapat ditangani?

YB Speaker : Saya jemput, Yang Berhormat Parit Raja.

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 3 dan nombor 4.

Minta dinyatakan usaha kerajaan negeri dan persekutuan untuk menaik taraf sistem saliran dalam usaha menangani isu banjir terutama berdepan dengan perubahan iklim yang telah memberi kesan kepada rakyat pelbagai lapisan umur serta mengganggu aktiviti rutin dan sosioekonomi.

Minta nyatakan usaha pihak kerajaan dalam kesiapsiagaan menghadapi bencana banjir dalam keadaan perubahan iklim dunia.

YB Speaker : Saya jemput, Yang Berhormat Bukit Batu.

YB Tuan Chiong Sen Sern (Bukit Batu) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 5.

Berapakah jumlah dana yang diperuntukkan oleh kerajaan negeri kepada NADMA untuk menyelaras operasi dan bantuan di kawasan terjejas akibat banjir di negeri Johor?

YAB Menteri Besar : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Maju Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya memohon untuk menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh Parit Raja, Mengkibol, Johor Jaya dan Bukit Batu mengenai bencana banjir yang melanda negeri Johor secara bersekali. Seperti yang kita semua sedia maklum, bermula 28 Februari tahun ini, Johor diuji dengan satu ujian yang cukup besar, di mana lebih 85,000, maaf Datuk Speaker, rehal pun terkejut. Di mana lebih 85,000 rakyat Johor menjadi

mangsa banjir kali ini. Melihat kepada kesengsaraan yang dihadapi oleh mereka, kerosakan harta benda, kereta, perabot, kebun, ladang, jalan, bahu jalan, malah ada yang terkorban.

Hancur hati ini apabila kita turun untuk menghulurkan sedikit bantuan, bagi kita meringankan beban yang dihadapi oleh mereka. Bayangkan, bagaimana perasaan ibu bapa yang perlu menghantar anak-anak mereka ke sekolah hari ini, dalam keadaan serba-serbinya tak cukup. Bayangkan juga, bagaimana perasaan mereka yang berada di Batu Pahat, yang risau mungkin terpaksa berada di PPS dalam bulan Ramadan yang hampir menjelma. Sesungguhnya, kerajaan negeri, ingin merekodkan dalam Dewan yang mulia ini, ucapan simpati yang tidak terhingga kepada mangsa-mangsa banjir ini. Kerajaan negeri tidak pernah berpejam mata ataupun berpeluk tubuh demi untuk terus membantu semua mangsa-mangsa banjir di Johor ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada kesempatan ini juga, izinkan patik bagi pihak kerajaan negeri Johor, menzahirkan ucapan menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim, Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofia binti Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor; Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor; Yang Amat Mulia Che Puan Besar Khaleda binti Bustamam, serta Paduka-Paduka Anakanda, atas perkenan mencemar duli, menziarah mangsa-mangsa banjir, menyumbang tenaga, wang ringgit dan aset-aset bagi meringankan beban mangsa-mangsa banjir.

Untuk rekod dan untuk makluman semua Ahli-Ahli Dewan, Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga telah mengurniakan 26,000 set khemah bencana melalui Yayasan Sultan Ibrahim. Tidak cukup dengan itu, 103,000 set khemah telah diedarkan kepada semua negeri-negeri sempena bencana dan sebagainya. Dan, jumlah peruntukan yang telah disalurkan ialah sebanyak RM19 juta. Menjunjung kasih Tuanku. Patik mendoakan agar Kebawah Duli Tuanku serta seluruh keluarga DiRaja sentiasa dirahmati dan dilindungi Allah SWT.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menjawab soalan Johor Jaya, Mengkibol, Bukit Batu dan juga Parit Raja, izinkan saya berkongsi 7 usaha kerajaan negeri dan juga kerajaan persekutuan untuk menyelesaikan masalah banjir di peringkat negeri Johor dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Dari segi 7 inisiatifnya.

Pertama, ialah Rancangan-rancangan Tebatan Banjir (RTB). Seperti yang ramai sedia maklum, sudah dua RTB yang telah diselesaikan, pertamanya, RTB Lembangan Sungai Muar, Fasa 1 di Segamat, yang melibatkan peruntukan sebanyak RM300 juta.

Keduanya, Lembangan Sungai Muar, Fasa 2 di Muar dan juga Tangkak yang melibatkan kos RM331 juta.

Untuk RTB semasa, yang sedang dan akan dijalankan kerana bajetnya pun sudah ada, terdapat sejumlah 5 RTB, pertamanya, RTB Lembangan Sungai Johor Fasa 1 di Kota Tinggi, yang melibatkan kos sebanyak RM762 juta. Keduanya, RTB di Kampung Sungai Kapal Lama Kota Tinggi juga melibatkan RM15 juta. RTB di Kampung Sepang Loi, Segamat melibatkan peruntukan sebanyak RM5 juta. RTB di Seri Medan, ni nak kena tukar (ketawa). Mohon maaf Speaker, RTB di Sungai Pemandi, Kota Tinggi melibatkan kos sebanyak RM42 juta.

Untuk yang akan datang pula Yang Berhormat Speaker, kita telah memohon dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang amat prihatin tentang masalah yang kita hadapi mengenai banjir di Johor. Pertamanya, permohonan ialah di Bandar Batu Pahat, RTB berkos RM195 juta. Keduanya, di Sungai Muar, Fasa 3, melibatkan kos sebanyak RM648 juta.

Secara dasarnya, Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya difahamkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak ada masalah untuk meluluskan kedua-dua RTB. Pada masa sama, dengan bantuan JPS, kita juga akan meminta 5 lagi RTB, pertamanya Lembangan Sungai Pontian Besar, yang melibatkan kos sebanyak RM73 juta, Lembangan Sungai Tenglu Besar di Mersing, RM50 juta. RTB Sungai Belemang di Tangkak, RM12 juta, Lembangan Sungai Kesang Fasa 2 Tangkak juga, sebanyak RM136 juta dan Lembangan Sungai Muar Fasa 4 dari Kampung Jawa ke FELDA Medoi sebanyak RM109 juta.

Inisiatif yang kedua, Yang Berhormat Speaker, ialah penyelenggaraan parit, pintu air, sungai, saliran, pantai, jalan ladang, rumah pam, jambatan dan lain-lain lagi. Tahun lepas, kerajaan negeri telah meluluskan peruntukan RM39.9 juta, untuk tahun ini kita meluluskan peruntukan sebanyak RM43 juta.

Untuk pam bergerak dan juga pam *portable* ialah inisiatif yang ketiga, kita semua sedia maklum ya, di kawasan Batu Pahat, banjirnya masih lagi termenung dan kalau kita tengok dari segi pam-pam yang sudah diletakkan di pintu-pintu air ada 20, melalui gabungan tenaga semua pihak termasuk bantuan daripada kerajaan persekutuan dan juga JPS daripada negeri-negeri lain, kita telah menambah sebanyak 53 unit pam. Kita harap dengan usaha ini, insya-Allah, air yang termenung di kawasan daerah Yang Berhormat Speaker, akan dapat surut sebelum Ramadan, insya-Allah.

Keempatnya, ialah menaik taraf rumah pam. Kita telah menaik taraf rumah pam di kawasan Parit Johar, Batu Pahat; Bakau Condong, Batu Pahat dan kita sedang menaik taraf 5 lagi rumah pam di Kuala Senggarang, Parit Bintang, Kampung Pasir, Kampung Seri Serdang dan juga Sungai Durian.

Inisiatif kelima pula, Yang Berhormat Speaker, ialah menaik taraf pintu-pintu air. Untuk pengetahuan semua, sekarang ini kita mempunyai bilangan pintu air sebanyak 207. Sebelum ini, 6 projek negeri melibatkan kos sebanyak RM2.5 juta telah dilaksanakan untuk menaik taraf pintu-pintu air dan juga 4 projek persekutuan melibatkan RM2 juta. Sekarang ini 8 projek negeri melibatkan kos sebanyak RM2 juta sedang dilaksanakan di seluruh negeri. Untuk masa akan datang, 3 lagi projek Persekutuan melibatkan RM2.7 juta akan dilaksanakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, inisiatif keenam Program Ramalan Amaran Banjir Negara ataupun lebih dikenali sebagai PRABAN, Program Ramalan Amaran. Jadi selepas ini insya-Allah kita dapat meramal kejadian banjir monsun, 7 hari lebih awal. Dengan ada sistem ini, insya-Allah, kita dapat memaklumkan kepada rakyat dan juga membuat persiapan melalui agensi-agensi berkaitan untuk memastikan persiapan dibuat dengan lebih terperinci sebelum banjir itu berlaku insya-Allah. 247 stesen melibatkan RM19 juta sedang dilaksanakan di seluruh negeri Johor.

Ketujuhannya Yang Berhormat Speaker ialah Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam ataupun lebih dikenali sebagai PISMA. Kajian ini adalah satu kerangka bagi pengurusan air hujan di kawasan-kawasan kajian berkenaan kuantiti air, kualiti air dan juga aset inventori terutamanya di kawasan-kawasan bandar. *So, there is a better planning system* untuk kawasan-kawasan bandar melalui program PISMA ini. Dan mereka telah melaksanakan kajian ini di kawasan Tebrau, Plentong dan juga Pengerang. Selepas ini kajian akan dibuat oleh JPS di kawasan Johor Bahru, Muar, Pontian, Pekan Nanas dan juga Batu Pahat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, itu sedikit sebanyak huraian tentang pelan-pelan jangka masa pendek dan jangka masa panjang yang dibuat oleh kerajaan negeri dan juga kerajaan persekutuan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seperti yang saya tegaskan berkali-kali kerajaan negeri Johor ini tidak akan berpeluk tubuh, mendiamkan diri, membutakan mata, menulikan telinga dan menutupkan hati terhadap penderitaan yang dialami oleh Bangsa Johor yang telah bertekad-tekad lama. Isu banjir ini bukan isu sehari dua tuan-tuan dan puan-puan. Isu banjir ini telah berlaku sekian lama. Allah SWT berfirman dalam Surah Muhammad ayat ke-22 dan juga ke-23 (membaca ayat al-Quran) yang bermaksud, “*apakah sekiranya kamu diberikan kuasa, kamu akan melakukan kerosakan di bumi dan memutuskan hubungan kekeluargaan? Mereka itulah orang-orang yang dikutuk oleh Allah, lalu ditulikan pendengarannya dan dibutakan penglihatannya.*”

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai pemimpin-pemimpin di muka bumi Allah SWT ini, kita mempunyai tanggungjawab yang cukup besar untuk memastikan bahawa negeri Johor yang kita semua sayangi ini dihindari bencana dan bala. Dalam kita mengejar dunia, jangan kita sekali-sekali terlalai untuk menjaga dan menggalas tanggungjawab yang cukup besar ini. Sebab itu, saya menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan yang telah menitahkan dan juga menggesa kita semua Bangsa Johor supaya membudayakan amalan mesra alam, menjaga kebersihan dan mengurangkan pencemaran alam sekitar.

Tuanku juga berkenan mengingatkan kita semua bahawa setiap pembangunan yang hendak dibuat di kawasan yang berbukit atau tanah tinggi mestilah mengekalkan bentuknya.

Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, Ke bawah Duli Tuanku titahnya berkait rapat dengan misi yang ingin digarapkan oleh kerajaan negeri. Oleh itu, kerajaan negeri ingin menggesa agar satu Jawatankuasa Perubahan Iklim dan Bencana Banjir dibentuk oleh Dewan yang Mulia ini yang akan dibarisi oleh Ahli-Ahli Dewan Negeri merentasi parti politik (Dewan bertepuk), waima di pihak kerajaan ataupun di pihak penimbang.

Oleh itu mengikut Fasal 32(viii) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Johor, kerajaan negeri akan mengemukakan satu rundingan penubuhan Jawatankuasa Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana Banjir semasa sidang DUN ini. Dan menjadi harapan saya agar rundingan ini mendapat sokongan sebulat suara daripada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan ini. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Saya jemput Parit Raja.

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Pertamanya, Parit Raja merakamkan setinggi penghargaan di atas komitmen yang tidak berbelah bagi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan kerajaan negeri serta seluruh agensi yang terlibat. Namun, apa juga yang penting pada hari ini, saya amat berharap dan soalan saya sebenarnya apakah bantuan-bantuan yang akan diberikan oleh kerajaan negeri dan juga kerajaan persekutuan dalam tempoh banjir di negeri Johor ini? Terima kasih.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Menjawab soalan Yang Berhormat Parit Raja mengenai bantuan-bantuan yang telah dihulurkan oleh kerajaan persekutuan dan juga kerajaan negeri. Pertamanya tentang bantuan yang telah diberikan oleh kerajaan persekutuan.

Untuk makluman Dewan, pada awal bulan Mac telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, bantuan sebanyak RM10 juta campur RM50 juta disalurkan kepada mangsa-mangsa banjir di negeri Johor. Tidak cukup dengan itu, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengumumkan tambahan sebanyak RM150 juta untuk membantu lagi kita di negeri Johor.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan bukan sahaja terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri, tetapi juga kepada semua Menteri-Menteri dan juga Timbalan-Timbalan Menteri yang turun padang membantu kita di peringkat kerajaan.

Seterusnya juga, saya nak ambil kesempatan dari segi bantuan daripada kerajaan negeri pula, penghargaan diberikan kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga Timbalan-Timbalan Setiausaha Kerajaan, Pegawai-Pegawai Daerah, agensi-agensi persekutuan dan negeri yang semuanya menggembeng tenaga membantu kita rakyat-rakyat secara keseluruhan dalam menghadapi cabaran yang cukup besar ini.

Saya tengok dalam masa seminggu dua ini, memang tak lepas tangan tuan-tuan dan puan-puan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, sehinggakan negeri-negeri lain seperti Selangor, Pahang, Terengganu dan juga Wilayah Persekutuan juga menghulurkan bantuan, membantu kita di negeri Johor. Sama-samalah kita memberikan tepukan yang paling gemuruh kepada mereka. (Dewan bertepuk.)

Dari segi pengiktirafan juga, bantuan yang diberikan oleh agensi-agensi ini, saya rasa perlu kita iktiraf. Dan saya akan sebutkan satu-satu :

1. Polis DiRaja Malaysia
2. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
3. Jabatan Kesihatan
4. Jabatan Kebajikan Masyarakat
5. Jabatan Alam Sekitar
6. Angkatan Tentera Malaysia
7. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)
8. Pihak Berkuasa Tempatan
9. Pejabat-Pejabat Daerah
10. Angkatan Pertahanan Awam (APM)
11. Jabatan Met
12. Jabatan Penerangan
13. Jabatan Pendidikan
14. Jabatan Kerja Raya
15. Jabatan Pengairan dan Saliran
16. RELA
17. Majlis Keselamatan Negara
18. Jabatan Mineral dan Geosains
19. Telekom Malaysia
20. Tenaga Nasional Berhad
21. Ranhill SAJ
22. Penghulu-Penghulu Mukim
23. Ketua-Ketua Kampung;

Mereka semua ini terlibat dalam Jawatankuasa Bencana Banjir. Dari segi bantuan yang disalurkan kepada rakyat pula, secara *direct* kepada mereka ialah Bantuan Wang Ihsan ataupun lebih dikenali sebagai BWI. Setiap daripada ketua isi rumah diberikan bantuan sebanyak RM1,000.00, barang keperluan asas sebanyak RM2,500.00, bantuan pembaikan rumah sebanyak RM5,000.00 dan bantuan kematian sebanyak RM10,000.00.

Dan perkara ini ada juga saya berbincang dengan Yang Berhormat Perling. Ada juga kedengaran kerisauan isu-isu di mana mangsa-mangsa banjir ataupun ketua-ketua isi rumah yang tidak berdaftar di PPS, kononnya ada isu mereka juga tidak mendapat bantuan.

Ini seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri, Datuk Amizan, semua mangsa-mangsa banjir waima kalau tak duduk di PPS sekali pun boleh menerima bantuan, kaedah ataupun prosedurnya terutamanya berjumpa dengan ketua-ketua masyarakat untuk mendapatkan *endorsement* dan kemudian perkara itu akan diserahkan kepada pegawai-pegawai daerah yang akan akhirnya menyalurkan maklumat tersebut kepada NADMA. Jadi yang akan membayar, kelulusan terakhir adalah melalui NADMA.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bantuan kedua ialah bantuan tunai oleh kerajaan negeri yang berjumlah sebanyak RM300.00 kepada setiap ketua isi rumah. Setakat ini jumlah yang telah disalurkan ialah sebanyak RM3.7 juta.

Seterusnya, oleh kerajaan negeri melalui JKM ialah bantuan peruntukan perbelanjaan darurat, keperluan makan minum di PPS sebanyak RM12.5 juta. Dan tidak lupa juga bantuan daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor sebanyak RM1.6 juta dalam bentuk makanan dan keperluan asas.

Saya juga ingin menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor yang telah menitahkan supaya *Southern Volunteers* dan NGO-NGO belia di seluruh negeri Johor digerakkan membantu mangsa-mangsa banjir sempena pasca banjir ini.

Untuk maklumat Dewan seperti Yang Berhormat Stulang dan saya saksikan tadi, sebanyak 500 lebih sukarelawan telah digerakkan hari ini bersama 250 aset yang melibatkan bantuan daripada PBT-PBT dan juga NGO-NGO termasuk GLC-GLC menggembelng tenaga bergerak hari ini membantu mangsa-mangsa banjir di kawasan Batu Pahat. Tidak cukup dengan itu, sumbangan tunai juga diberikan oleh GLC-GLC – PIJH, PDT, KPRJ, REHDA, Yayasan Mohd Noh, Majupadu Sdn. Bhd., French Business Community dan juga DIALOG Group. Semuanya tampil ke hadapan untuk membantu kita di negeri Johor. Sekian.

YB Speaker : Sila Johor Jaya.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Pihak pengimbang mengalu-alukan penubuhan Jawatankuasa Perubahan Iklim dan juga Pengurusan Bencana yang akan ditubuhkan oleh pihak kerajaan negeri dan saya berharap supaya dengan penubuhan Jawatankuasa tersebut kita dapat berbincang dengan lebih produktif, efektif dan konklusif dalam Jawatankuasa tersebut.

Yang Berhormat datuk Speaker, sehingga hari ini masih ada 20,000 mangsa yang masih dalam PPS. Terima kasih atas usaha kerajaan negeri yang seperti apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat tadi, saya bagi soalan tambahan saya, bagi RTB iaitu Rancangan Tebatan Banjir yang sedang atau akan dilaksanakan, berapa lamakah jangkaan masa bagi pencegahan banjir tersebut supaya banjir tidak akan berlaku di dalam kawasan tersebut? Sebagai contoh apabila RTB itu telah siap, banjir tidak akan berlaku dalam tempoh 30 tahun ke 50 tahun? Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan yang diajukan oleh Johor Jaya ini sangat baik. Dari segi RTB-RTB yang sudah, sedang dan akan dilaksanakan, tempoh masa yang saya difahamkan adalah untuk jangka masa 50 tahun dan kalau kita tengokkan perubahan iklim yang berlaku ini, saya ada kerisauan sedikit sama ada ia mencukupi kerana bila banjir yang berlaku baru-baru ini seperti Ke bawah Duli Tuanku bertitah semasa Pembukaan Rasmi, air yang turun dalam masa dua hari itu lebih daripada jumlah satu bulan, hampir dua bulan air turun dalam masa dua hari. Sebab itu Jawatankuasa ini sangat penting Yang Berhormat Johor Jaya, supaya kita boleh memperhalusi rancangan yang telah kita ada, perbaiki dan juga belajar daripada negara-

negara yang sudah mempunyai satu pelan yang cukup komprehensif yang insya-Allah dapat membantu kita di negeri Johor. Terima kasih.

YB Speaker : Sila Mengkibol.

YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Pertama-tamanya izinkan Mengkibol ucapkan terima kasih kepada JKR Kluang kerana berjaya melaksanakan satu projek penambahan satu *crossing culvert* di Persimpangan Jalan Kota Tinggi – Jalan Mersing yang membuktikan program sebegini dapat menyelesaikan banjir kilat di tempat ini.

Soalan tambahan saya, memandangkan pengurangan peruntukan pembangunan di negeri Johor pada 2023 sebanyak 31% dan juga pengurangan belanjawan untuk JKR dan JPS dan pengangkutan sebanyak 18% dari RM140 juta kepada RM115 juta. Adakah terdapat rancangan untuk memberikan peruntukan tambahan dan bolehkah kerajaan mempertimbangkan penggunaan wang simpanan iaitu kalau ikut analisa Audit, baki terkumpul Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 adalah sebanyak RM2.245 bilion. Bolehkah ini dapat diguna untuk program tebatan banjir dan saya percaya semua pihak termasuk rakan media sangat ingin tahu berapakah anggaran kerugian ekonomi akibat banjir kali ini? Sekian, terima kasih.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Dewan dari segi isu banjir ini ia memerlukan kerjasama yang erat antara kerajaan persekutuan dan juga kerajaan negeri. Dan dari segi permohonan untuk makluman Dewan, kita telah menghantar surat bertarikh 8 Mac 2023 kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana anggaran kerosakan dan juga projek-projek tebatan banjir tambahan yang diperlukan berjumlah RM1.153 bilion. Ini bukan anggaran kerosakan, saya kata inilah gabungan projek tebatan banjir dan juga bantuan yang diperlukan untuk memperbaiki jalan-jalan raya kita, PBT-PBT kita dan juga daerah-daerah kita. Pecahannya Yang Berhormat Speaker dari segi permohonan yang diminta melalui JKR berjumlah RM168 juta. ini akan melibatkan baik pulih jalan, baik pulih *pavement*, baik pulih perparitan, baik pulih perabot jalan dan juga baik pulih cerun. Pejabat-pejabat daerah kita mohon sebanyak RM35.6 juta, baik pulih sekolah, baik pulih jalan, baik pulih longkang, parit, balai raya, masjid dan surau, baik pulih dewan, tebing, jambatan dan juga kompleks penghulu, melalui PBT-PBT sebanyak RM44 juta, melalui JPS sebanyak RM904 juta dan melalui Jabatan Pertanian sebanyak RM200,000.00.

Saya dimaklumkan oleh pihak Tan Sri Setiausaha Kerajaan Negeri, insya-Allah tidak ada masalah dari segi jalan-jalan ataupun bantuan-bantuan yang perlu disalurkan kepada rakyat akan dilaksanakan pada kadar yang segera. Jika ada keperluan tambahan untuk kita lihat kepada tabung kewangan, kerajaan negeri tidak akan teragak-agak bila kita nak membantu rakyat, insya-Allah. Terima kasih.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Kota Iskandar.

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad (Kota Iskandar) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 6. Terima kasih.

Berapa ramai para nelayan dan petani yang bekerja sendiri di dalam kawasan DUN Kota Iskandar yang telah mencarum SOCSO dan sekiranya ada kes bayaran manfaat caruman kepada mereka, bolehkah YB EXCO berikan butiran maklumat di dalam Dewan yang mulia ini?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat ADUN Kota Iskandar. Yang Berhormat Datuk Speaker, ADUN Kota

Iskandar bertanyakan tentang jumlah nelayan dan petani yang bekerja sendiri dalam kawasan DUN Kota Iskandar yang telah mencarum SOCSO dan sekiranya ada kes bayaran manfaat caruman kepada mereka, siapakah penerima tersebut.

Untuk makluman, Pertubuhan Keselamatan Sosial atau PERKESO telah ditubuhkan sebagai sebuah jabatan kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia bagi mentadbir, melaksana dan menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja (AKSP) 1969 dan Peraturan-Peraturan Am Keselamatan Sosial Pekerja Tahun 1971. Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri diwujudkan untuk memberi perlindungan kepada individu yang menjalankan pekerjaan sendiri di bawah Peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017. Bermula pada 1 Januari 2020, Skim Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial atau PERKESO telah diperluaskan lagi kepada 19 sektor pekerjaan sendiri termasuk sektor pertanian.

Berdasarkan statistik PERKESO sehingga 12 Februari 2023, terdapat seramai 287,000 orang berinsurans bekerja sendiri atau OBBS dalam negeri Johor. Dan dari jumlah tersebut, seramai 149,743 orang adalah terlibat dalam sektor pertanian yang mana telah berdaftar dan mencarum di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017.

Berkenaan dengan soalan Kota Iskandar, berdasarkan maklumat daripada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Negeri Johor, terdapat 9 buah kampung yang terdapat di dalam kawasan DUN Kota Iskandar yang mempunyai komuniti nelayan iaitu dari Kampung Pendas, Kampung Melayu, Kampung Melayu Gelang Patah, Kampung Pok, Sungai Che Manan, Kampung Sungai Melayu, Tiram Duku, Simpang Arang dan Tebing Runtuh. Dan dalam kawasan ini, seramai 436 orang nelayan dalam kawasan DUN Kota Iskandar berdaftar dengan PERKESO dan ditolak carumannya setiap tahun secara automatik daripada pembayaran elaun sara hidup iaitu dengan jumlah caruman sebanyak RM157.20 setahun. Mana-mana nelayan yang terkesan dan menerima elaun sara hidup memang akan di carum secara automatik. Walau bagaimanapun, bagi nelayan yang tiada lesen tetapi menjadi ahli persatuan nelayan kawasan, mereka juga boleh mencarum sendiri dengan penyelarasan oleh pihak persatuan nelayan kawasan masing-masing.

Dan berkaitan kes yang terdapat dalam Kota Iskandar, mengikut rekod kami sejak tahun 2017 sehingga 31 Januari 2023, seramai 59 orang berinsurans bekerja sendiri atau OBBS di kawasan DUN Kota Iskandar telah menerima manfaat caruman disebabkan kes kemalangan berkaitan dengan pekerjaan sendiri seperti Faedah Hilang Upaya Sementara, Faedah Hilang Upaya Kekal, Faedah Orang Tanggungan dan Faedah Perubatan dengan nilai pembayaran faedah sebanyak RM227,650.00.

Dan sebagai contoh, dua orang nelayan dalam DUN Kota Iskandar yang telah menerima manfaat daripada pelan caruman ini, contohnya pada tahun 2021, seorang nelayan Orang Asli kematian lemas semasa menjaring di laut yang warisnya menerima manfaat tunai RM900.00 sebulan, manakala pada tahun 2022 sebagai contoh seorang nelayan yang cedera ketika menggunakan *chainsaw* di jeti menerima manfaat RM1,500.00 kerana kemalangan. Secara rumusannya, pihak kerajaan sentiasa menyokong usaha bagi memberi perlindungan dan kebajikan kepada para petani dan usahawan tani yang bekerja sendiri terutama melibatkan sektor agro makanan. Bagi pendaftaran caruman Skim Perlindungan PERKESO, petani atau nelayan yang berminat akan terus ke pejabat PERKESO yang berhampiran atau membuat pendaftaran secara *online*. Tatacara atau syarat-syarat caruman akan diuruskan terus antara pencarum iaitu pihak petani dan nelayan dengan pihak PERKESO. Oleh yang demikian, segala maklumat dan butiran pencarum adalah di bawah pemantauan dan bidang kuasa pihak PERKESO. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ya, sila Kota Iskandar.

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad (Kota Iskandar) : Yang Berhormat Datuk Speaker, pertama Kota Iskandar merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk EXCO yang menang Ketua Bahagian dalam pemilihan yang lepas. Jadi dengan urusan itu mudah-mudahan dapat manfaat kerja yang lebih efisien kepada masyarakat yang saya sebut tadi. Soalan saya Yang Berhormat Datuk Speaker, adakah sebagai kerajaan negeri yang sentiasa membela nasib rakyat khususnya kaum nelayan dan petani, adakah ada cadangan kepada kerajaan negeri untuk memberikan caruman percuma SOCSO kepada nelayan-nelayan tradisional ini kerana dalam suasana iklim yang tidak menentu ini, nelayan tradisional ini dia tidak ke laut mencari nafkah ibarat 'kais pagi, makan pagi, kais petang makan petang'. Andai kata caruman ini diberikan secara percuma, setidaknya dapat membantu kepada hasrat nelayan-nelayan tradisional ini. Jadi itu soalan saya Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Terima kasih Datuk Speaker, terima kasih DUN Kota Iskandar. Untuk makluman Ahli Dewan bahawa setiap nelayan yang berdaftar dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia akan menerima elaun sara hidup sebanyak RM300.00 sebulan. Jadi saya fikir ia cukup untuk menampung nelayan sewaktu musim tengkujuh ataupun ketika tidak dapat turun ke laut dan potongan PERKESO ini adalah potongan secara automatik yang dipotong melalui elaun sara hidup ini dan untuk makluman Dewan juga bahawa jumlah elaun PERKESO, jumlah bantuan ataupun potongan yang dijalankan setiap bulan adalah sebanyak lebih kurang RM15.00 sahaja sebulan. Jadi saya fikir sebelum ataupun waktu ini kerajaan belum lagi berfikir untuk memberikan pemption ataupun bayaran secara automatik kerana memandangkan jumlah nelayan di seluruh negara, seluruh negeri Johor adalah lebih kurang 11,267 orang dan yang berlesen ialah 5,058. Walau bagaimanapun, kami mengalu-alukan jika ADUN-ADUN kawasan termasuk ADUN Kota Iskandar ingin memberikan mungkin potongan untuk mereka ataupun pulangan daripada potongan mereka RM15.00 sebulan itu terus kepada nelayan-nelayan berkenaan. Terima kasih.

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Panti.

YB Tuan Hahasrin Bin Hashim (Panti) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 8.

Apakah perancangan kerajaan negeri dalam mengurangkan kadar pengangguran di negeri ini?

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, menjawab soalan sekali, Yang Berhormat Benut dan Yang Berhormat Panti, saya, apakah perancangan kerajaan negeri dalam mengurangkan kadar pengangguran di negeri Johor ini?

Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan saya menjawab kedua-dua soalan, Yang Berhormat Benut dan juga Yang Berhormat Panti, secara bersekali. Untuk Yang Berhormat, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, penganggur bermaksud mereka yang tidak bekerja dan sedang mencari pekerjaan, manakala belia mengikut definisi sedang mencari pekerjaan, manakala Dasar Belia, DBN, adalah merujuk kepada penduduk dalam kumpulan sasaran 15 hingga 30 tahun.

Dan pada tahun 2021, bilangan penganggur belia di negeri Johor merekodkan jumlah 45.0 ribu orang berbanding 43.2 ribu penganggur belia pada tahun 2020. Dari segi kadar pengangguran belia berumur 15 hingga 30 tahun di negeri Johor pula, mencatatkan peningkatan 0.5% kepada 6.3% pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya berikutan pandemik yang berpanjangan dalam tempoh tersebut.

Kerajaan negeri Johor melalui Unit Strategik Modal Insan Johor telah dan giat melaksanakan program-program gerak kerjaya Johor. Program Latihan Kemahiran Johor (Pro-Mahir) dan hebahan jawatan kosong sepanjang tahun di platform-platform media sosial semua jabatan. Golongan sasar bagi setiap program anjuran jabatan ini adalah terbuka kepada semua golongan rakyat Johor termasuklah belia pencari kerja aktif dan juga golongan B40.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada tahun 2023, Unit Strategik Modal Insan Johor, telah membuat perancangan yang lebih drastik bagi menambah baik Program Gerak Kerjaya Johor dengan lebih memfokuskan kepada 3 zon dengan konsep turun padang ke daerah-daerah dan satu program berskala mega. Program Gerak Kerjaya Johor ini telah dibahagikan kepada 4 program iaitu Program Gerak Kerjaya Zon Selatan iaitu dibuat di Johor Bahru, Kulai dan insya-Allah, Pontian. Dan Program Gerak Kerjaya Zon Tengah yang akan dijalankan di Kluang, Batu Pahat, Kota Tinggi dan Mersing. Dan seterusnya, Program Gerak Kerjaya Zon Utara, yang melibatkan Muar, Tangkak dan Segamat, seterusnya satu Program Gerak Kerjaya secara besar-besaran itu secara mega.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Ahli Dewan, pada 25 dan 26 Februari 2023, Unit Strategik Modal Insan Johor telah menganjurkan temu duga secara *outreach*, iaitu di daerah Kulai dengan kerjasama Pejabat Daerah Kulai bersempena Karnival Maju Johor Peringkat Daerah Kulai, dengan menawarkan lebih 443 jawatan kosong yang melibatkan penyertaan lebih 8 majikan. Seterusnya, Program Gerak Kerjaya Johor di Zon Selatan akan diadakan pada 19 Mac yang bertempat di Institut Kemahiran Mara Johor Bahru. Dengan melibatkan 15 majikan, yang menawarkan pekerjaan sebanyak 500 jawatan kosong dengan permulaan gaji RM1,500.00 hingga RM7,000.00. Selain daripada itu, turut diadakan juga pameran, pameran interaktif yang disertai oleh agensi daripada PERKESO, NIOSH, Jabatan Kesihatan Negeri Johor dan agensi-agensi lain bagi membuat hebahan serta perkongsian inisiatif anjuran agensi-agensi masing-masing.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Program Gerak Kerjaya Johor ini akan diadakan di 3 zon daerah, yang mana zon tengah, yang akan diadakan pada Julai 2023, program akan diadakan pada bulan September di zon utara dan zon selatan program akan diadakan di Institut Kemahiran Mara pada 19 Mac 2023.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Program Latihan Kemahiran Johor (Pro-Mahir) juga, bagi mengurangkan kadar pengangguran di negeri Johor, Unit Strategik Modal Insan menjalankan satu inisiatif Program Latihan Kemahiran Johor yang dipanggil Pro-Mahir, yang berkonsepkan *train and place*. Program ini menawarkan peluang pekerjaan kepada peserta yang berjaya menjalani kursus-kursus di bawah Pro-Mahir, insya-Allah, bagi tahun 2023, sebanyak 15 buah kursus yang telah dipilih berdasarkan kajian dan perkongsian data yang dibuat oleh Unit Strategik Modal Insan Johor, kursus-kursus ini membantu memenuhi kriteria industri yang memerlukan tenaga kerja yang kompeten bagi memacu Johor pada 3 hingga 5 tahun akan datang. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Speaker : Dijemput Pantii.

YB Tuan Hahasrin Bin Hashim (Panti) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO atas jawapan. Dan, saya ucapkan syabas kepada kerajaan negeri atas segala usaha yang telah dibuat untuk memastikan kadar pengangguran ini dapat kita tangani sebaiknya, cuma kalau kita lihat daripada jawapan EXCO tadi, kadar pengangguran ni macam ialah semakin tahun, semakin bertambah. Tapi, kalau kita lihat mengikut pemerhatian saya dari minta Yang Berhormat EXCO betulkan kalau salah, kalau kita tengok sektor-sektor macam SME, pembinaan, sektor perkhidmatan khususnya, kadang-kadang pengusaha-pengusaha ini terpaksa tutup kedai ataupun tutup

perniagaan mereka atas sebab tidak dapat nak mencari pekerja untuk bekerja dengan mereka, macam restoran-restoran makanan segera, kalau perkhidmatan itu macam J&T, kadang saya dapat ada beberapa tempat tu dia tak dapat nak cari pekerja untuk bekerja dengan mereka. Soalan saya, bagaimana kerajaan negeri tengok dan lihat perkara ini, sebab kalau kita lihat, kita tak mampu untuk kehilangan sektor-sektor penting ye, nampak mungkin sikit tapi kalau dah bertambah seluruh Johor berlaku perkara yang sama ia akan sedikit sebanyak mencacatkan pertumbuhan ekonomi kerajaan negeri khususnya. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Terima kasih Yang Berhormat Panti di atas soalan tambahan. Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli Dewan yang mulia, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Panti, pastinya kerajaan negeri Johor di bawah Unit Strategik Modal Insan Johor, yang giat membuat hebahan jawatan di platform media sosial, seperti yang saya terangkan sebentar tadi. Dan, sepanjang Januari hingga Mac 2023 ini, sebanyak 425 jawatan kosong telah diiklankan serta dihebahkan. SMI Johor amat mengalu-alukan para majikan yang mempunyai jawatan kosong dan keperluan bagi mendapatkan pekerja untuk menghubungi SMI agar maklumat tersebut dapat disalurkan serta dihebahluaskan kepada pencari kerja.

Kementerian Sumber Manusia menerusi PERKESO sentiasa dan terus mempergiatkan usaha bagi merancakkan pasaran buruh menerusi pelbagai insentif bagi mengurangkan kadar pengangguran di negara kita termasuk di negeri Johor. Antara, di bawah Bajet 2023, PERKESO telah diberi peranan untuk melaksanakan 5 inisiatif Program Pasaran Buruh Aktif iaitu yang pertama, Program Transaksi Pekerjaan untuk perantis TVET dan lepasan sekolah atau kerjaya TVET yang menyediakan bayaran inisiatif sebanyak RM600.00 sebulan untuk tempoh 3 bulan kepada majikan mengajikan graduan teknikal dan vokasional TVET bagi menangani isu-isu ketidaksepadanan pekerjaan, *miss matched job* dengan izin. Kerjaya TVET akan memfokuskan kepada program *place and train*, dengan izin, penempatan dan latihan yang membolehkan majikan menghantar belia-belia khususnya graduan TVET yang diambil bekerja untuk menjalani latihan berasaskan kompetensi oleh penyedia latihan yang diiktiraf oleh kerajaan.

Yang kedua, Yang Berhormat Datuk Speaker, Program Bina Kerjaya, pekerja *Informal Gig Riders* atau yang menyediakan elaun sebanyak RM500.00 sebulan bagi tempoh 3 bulan kepada *gig rider* yang aktif menjalani latihan kemahiran untuk mendapatkan pekerjaan stabil dalam sektor formal dan subsidi bayaran yuran latihan juga disediakan untuk membolehkan pekerja *gig* menjalani pengajian mikro di IPTA atau di IPTS, khusus daripada program yang mendapat diiktiraf ini, yang akan membolehkan pelajar lebih fokus kepada topik mengikut kesesuaian dan kemampuan mereka.

Yang ketiganya, perlanjutan insentif-insentif pengajian secara bersasar, menerusi Program Daya Kerjaya, yang membabitkan penempatan pekerjaan bagi kumpulan sasaran daripada kalangan belia yang lama menganggur dan golongan rentan seperti Orang Asli, wanita, Orang Kurang Upaya (OKU), miskin tegar, individu di parol, bekas banduan dan sebagainya. Program Daya Kerjaya dijangka akan memberi manfaat kepada 40,000 orang dengan insentif sebanyak RM600.00 sebulan selama 3 bulan untuk majikan yang mengambil pekerja dari kumpulan sasaran ini.

Yang keempat, Elaun Mobiliti, yang diberikan kepada penerima faedah kehilangan pekerjaan di bawah sistem Insurans PERKESO yang mendapat tawaran pekerjaan baru, layak memohon bantuan mobiliti ini sebanyak RM500.00 sehingga RM1,00.00 sebulan. Bantuan sekali, mohon maaf, bantuan *one-off* ini bertujuan meringankan beban pencari kerja yang akan memulakan pekerjaan serta melibatkan penghijrahan jarak jauh dari Sabah atau Sarawak ke Semenanjung dan sebaliknya.

Dan yang terakhir, Pembangunan Pusat Satelit, *MyFutureJobs* di Pusat Transformasi Bandar atau UTC seluruh Malaysia. Oleh itu, Pusat UTC di seluruh negara akan dinaik taraf dan menjadikan Pusat Satelit *MyFutureJobs*, Pusat Satelit ini akan menyediakan perkhidmatan pekerjaan seperti jawatan kosong, sesi temu duga bersama majikan dan kaunseling kerjaya untuk manfaat pencari kerja termasuklah bakal graduan. Melalui usaha ini, insya-Allah, akses peluang kerjaya dan perkhidmatan pekerjaan kepada setiap lapisan masyarakat akan diperluaskan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, PERKESO secara berterusan, secara berterusan mempergiatkan Karnival Kerjaya atau *Job Carnival* di seluruh negara sebagai galakan kepada pencari kerja, secara tidak langsung turut membantu merangsang pasaran buruh negara. Berdasarkan sistem, berdasarkan statistik Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), PERKESO dari tahun 2022 hingga 28 Februari 2023, PERKESO Negeri Johor telah melaksanakan sebanyak 30 Program Karnival Kerjaya yang melibatkan seramai 5,392 orang pencari kerja. Selain itu, sebanyak 235 kali aktiviti temu duga secara terbuka dan di atas talian telah diadakan dalam tempoh yang sama. Program ini insya-Allah dapat membantu meningkatkan peluang pencari kerja di kalangan pencari kerja yang secara tidak langsung turut membantu majikan dalam memenuhi kekosongan jawatan yang ditawarkan. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Pulai Sebatang.

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan (Pulai Sebatang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Pulai Sebatang nombor 9. Terima kasih.

Berkenaan rumah flat Taman Sri Api-Api, Pontian. Apakah status semasa perumahan, adakah sudah bertuan atau belum? Jika belum, dicadangkan agar kerajaan negeri buat sesuatu supaya tidak terbengkalai dan usang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat pagi. Yang Berhormat Datuk Speaker, rumah flat Taman Sri Api-Api Pontian merupakan projek penswastaan. Tapak projek merupakan tanah milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan atau SSI dibina oleh YPJ Bina bersama pemaju WFC Development Sdn. Bhd. Rumah telah dijual dan diduduki oleh pembeli. Semakan mendapati pemaju ada membuat kutipan kos penyelenggaraan dan bertanggungjawab ke atas bangunan supaya dalam keadaan baik, tidak usang dan di selenggara dengan baik.

Mengikut Akta Hakmilik Strata Pengurusan 2013, Akta 757, pemaju bertanggungjawab bagi menubuhkan Badan Pengurusan Bersama atau dikenali JMB di flat Taman Sri Api-Api Pontian. Terima kasih.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Perling.

YB Tuan Liew Chin Tong (Perling) : Soalan saya soalan 10. Terima kasih.

Nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri dari segi infrastruktur, memudahkan cara perniagaan (*ease of doing business*) dan membina ekosistem rantaian bekalan tempatan untuk menerima pelaburan asing di Negeri Johor yang kian meningkat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker dan salam sejahtera dan salam Maju Johor. Antara teras Maju Johor termasuk kemudahan dan keperluan asas. Dalam hal ini, kerajaan negeri melalui Jabatan Kerja Raya sentiasa mengambil maklum dan prihatin tentang cadangan menaik taraf infrastruktur awam dalam negeri. Khususnya untuk kawasan

perindustrian, kerajaan negeri telah pun memohon peruntukan daripada kerajaan persekutuan bagi menambah baik infrastruktur yang sedia ada. Dan bagi tahun ini, melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia ataupun MIDA, kita telah pun memohon 7 projek yang meliputi kawasan perindustrian Lukut, Tangkak, Tongkang Pecah, Sembrong dan kawasan wawasan di daerah Kluang.

Dari segi memudah cara perniagaan ataupun *ease of doing business* di Negeri Johor, kerajaan telah pun memperkenalkan 2 inisiatif iaitu Jawatankuasa Pelaburan Johor (Johor *Investment Committee*) dan serta Johor *Fast Lane*.

Jawatankuasa Pelaburan Johor ditubuhkan bagi menyelaraskan segala kemasukan pelaburan yang ke negeri Johor. Kerajaan negeri juga akan lebih fokus dalam menjalankan promosi bagi menarik pelaburan dengan lebih pendekatan kepada sektor-sektor berpotensi tinggi yang boleh menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi Bangsa Johor.

GLC juga dapat menyelaraskan polisi dan dasar-dasar kerajaan mengenai pelaburan supaya diterima pakai dan diambil tindakan sewajarnya selain pemantauan secara berkala bagi industri-industri sedia ada.

Manakala bagi Johor *Fast Lane*, ia bertujuan untuk menyingkatkan tempoh menunggu daripada 24 bulan kepada 12 bulan kepada bakal pelabur untuk mendapatkan lesen-lesen ataupun sesi-sesi. Di bawah Johor *Fast Lane* ini lebih 17 agensi seperti JKR, JPS serta Jabatan Bomba dan Penyelamat memberi kelulusan mereka kepada pelabur dengan lebih pantas. Kemudahan di kawasan perindustrian ini telah disediakan untuk pelabur termasuk elektrik dan air selain infrastruktur lain seperti sambungan jalan raya untuk memudah cara lagi bagi pelabur ke negeri Johor. Pelabur yang memindahkan mesin mereka ke kilang-kilang dan boleh mula beroperasi dengan segera, dengan inisiatif Johor *Fast Lane* ini. Terima kasih.

YB Tuan Liew Chin Tong (Perling) : Terima kasih Datuk Speaker. Terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat EXCO. Soalan saya ialah memang kita faham di seluruh negara, bukan sahaja di Johor, keadaan di banyak kawasan perindustrian tidak memuaskan. Salah satu sebab ialah dari segi perancangan, so adakah kita bersedia untuk memikir bagaimana kita merancang kawasan perindustrian dengan pemikiran yang baru terutamanya fokus terhadap *clustering*? Sebaiknya kita kluster dan juga kita merancang terutamanya untuk kawasan-kawasan perindustrian swasta, bagaimana kita ada dasar yang lebih ketat dan juga kita merancang secara dengan pemikiran yang barulah supaya masalah-masalah yang sedia ada tidak berulang. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih Yang Berhormat Perling. Untuk Negeri Johor, kita ada Jawatankuasa *Industrial Park Management Committee* yang bermesyuarat secara berkala setiap suku dan dia dipengerusikan oleh Pegawai Daerah ataupun oleh Yang DiPertua di kawasan masing-masing.

Dan khususnya cadangan untuk *clustering*, ia memang satu cadangan yang dibangkitkan oleh Kementerian dan Kerajaan Negeri Johor telah pun berbincang dengan Kementerian... dengan MITI, dan kita bercadang untuk membawa kertas cadangan kepada Jawatankuasa Bersama Penyelaras Industri yang dipengerusikan secara bersama oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Yang Berhormat Menteri MITI.

Dan cadangan yang sedang diperhalusi adalah dari Muar untuk pembangunan *Maharani Gateway*, *Pagoh Special Economic Zone* dan juga Hab Perabot Malaysia. Manakala untuk daerah Kota Tinggi melibatkan pembangunan Kompleks Petroleum Bersepadu. Untuk daerah Mersing memfokuskan kepada Lembaga Tenusu Jemaluang. Manakala Segamat

sebagai hab bersepadu pertanian. Daerah Johor Bahru memberi fokus kepada perkhidmatan perniagaan global zon dron dan robotik. Daerah Kulai memberi fokus kepada pembangunan katalis projek Ibrahim Technopolis. Terima kasih.

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Pasir Raja.

YB Puan Rashidah binti Ismail (Pasir Raja) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 11.

Selain daripada menerima peruntukan baik pulih sebanyak RM600,000.00 yang diumumkan ketika pembentangan Bajet 2023, apakah perancangan kerajaan negeri di dalam menjadikan Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar sebagai satu hab kompleks Warisan terkenal di Malaysia?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Raja dalam Belanjawan Johor 2023 di bawah Inisiatif 2 iaitu penambahbaikan infrastruktur pelancongan telah diperuntukkan sebanyak RM600,000.00 yang dimaksudkan adalah peruntukan bagi baik pulih dan persediaan untuk membuka Muzium Sultan Abu Bakar di bawah seliaan Jabatan DiRaja Johor.

Bagi tahun 2023, walaupun kerja-kerja baik pulih di Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar tidak setimpal dengan kos baik pulih sebenar sehingga menjadikan Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar sebagai hab kompleks warisan terbaik.

Yayasan Warisan Johor telah mengambil langkah proaktif dalam memperkenalkan warisan sejarah seni dan budaya negeri Johor kepada masyarakat dari dalam dan luar negara menerusi program *Let's Visit Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar*.

Program *Let's Visit Kompleks Warisan* menawarkan lawatan berpandu yang dipimpin oleh kakitangan Yayasan Warisan keempat buah lokasi utama di Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar iaitu Rumah Limas Johor, Rumah Zapin, Galeri Seni Johor dan Galeri Tenun Johor.

Menerusi kempen yang dilancarkan pada bulan Ogos 2022 yang lalu ini juga, Yayasan Warisan Johor telah mencatatkan peningkatan jumlah pelawat ke Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar sebanyak 79% bersamaan 5,652 jumlah pelawat berbanding 1,200 jumlah pelawat pada tahun sebelumnya oleh kerana ketidaktentuan keadaan semasa fasa covid-19.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Yayasan Warisan Johor telah menerima peruntukan daripada Jabatan Kerja Raya Negeri Johor bagi kerja penggantian sistem pendingin hawa di auditorium Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar. Atas sebab itu, Yayasan Warisan Johor boleh menjalankan program-program yang melibatkan teater muzikal sebagai contoh Teater Muzikal Putera Gunung Pantii pada tahun 2022 dan pada tahun 2023, terdapat 3 teater yang akan berlangsung seperti Teater Bangsawan Puteri Daun Emas, Teater Ceritera Melayu dan Teater Battle Of Endau.

Selain itu peranan dan keberadaan Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar juga telah diperkukuh dengan dijadikan sebagai lokasi wajib henti untuk memperkenalkan khazanah warisan sejarah seni dan budaya Negeri Johor kepada tetamu kehormat kerajaan negeri. Ini termasuk dalam beberapa siri kunjungan hormat pejabat kedutaan antaranya dari Australia, Jerman, Republik Cuba, Jepun dan Korea Selatan ke negeri Johor.

Selain itu juga, Yayasan Warisan Johor turut dijadikan tempat rujukan bagi pelajar-pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi untuk mendapatkan maklumat mengenai sejarah dan

budaya warisan negeri Johor. Di dalam Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar mempunyai pusat dokumentasi Johor yang menempatkan buku-buku sejarah, pusat repositori Johor yang menyimpan artifak-artifak serta mempunyai fasiliti konservasi.

Yayasan Warisan Johor akan terus mempergiatkan strategi promosi *Let's Visit Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar* secara bersasar dengan memperluaskan undangan lawatan dan aktiviti kepada pejabat-pejabat kerajaan negeri dan persekutuan, syarikat berkaitan kerajaan negeri dan persekutuan, pertubuhan bukan kerajaan, institut pengajian tinggi awam atau swasta dan sekolah-sekolah yang berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia serta menjemput semua Wakil-Wakil Rakyat setiap daerah untuk datang melawat dan merasai sendiri di Yayasan Warisan Johor.

Yayasan Warisan Johor sentiasa membuat publisiti di media sosial seperti *facebook, Instagram dan tiktok* untuk memperkenalkan budaya dan warisan Negeri Johor. Selain itu Yayasan Warisan Johor juga mempromosikan Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar melalui media massa yang disiarkan secara langsung di siaran RTM. Oleh yang demikian, kerajaan negeri melalui Yayasan Warisan Johor komited dalam menjadikan Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar sebagai satu pusat rujukan utama dalam bidang sejarah, warisan seni dan budaya negeri Johor selain memainkan peranan sebagai pemegang taruh utama dalam mempamerkan dan menyebarkan luas keunikan budaya Johor untuk manfaat orang ramai. Terima kasih.

YB Puan Rashidah binti Ismail (Pasir Raja) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO atas jawapan.

Soalan tambahan saya adalah selain dari menjadi tempat tumpuan pelancong, adakah kerajaan negeri bercadang untuk dijadikan KWSAB ini sebagai satu hab pendidikan warisan budaya supaya warisan seni Johor, seni budaya Johor ini terus dipelihara di masa akan datang.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya : Terima kasih. Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam usaha memelihara warisan budaya Johor, kerajaan negeri Johor melalui Yayasan Warisan Johor sentiasa memastikan warisan seni budaya kekal subur dan tidak ditelan zaman, selain menjadikan Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar ini sebagai satu hab pendidikan warisan. Adalah dengan menjadikan warisan seni budaya sebagai salah satu subjek dalam meningkatkan kemahiran dan pendidikan. Melalui Program Perintis Negeri Johor yang telah dilaksanakan sejak tahun 2015 setelah penjenamaan semula dengan menekankan 4 program utama dalam memberi pendedahan dan pendidikan kepada masyarakat dalam bidang seni visual, seni khat, seni ukiran dan juga seni tenunan.

Program ini dilaksanakan di Kompleks Warisan dengan peserta akan diberikan pendedahan bagi mendalami dan mempelajari seni yang menekankan elemen dan identiti negeri Johor melalui kelas dan bengkel yang dianjurkan selama 6 bulan bagi setiap satu modul. Peserta yang menyertai akan memperolehi sijil penyertaan bagi kategori kanak-kanak dan remaja. Sijil pengiktirafan pula akan diberikan kepada golongan dewasa sekiranya layak dan menepati kriteria bagi dilantik menjadi tenaga pengajar di setiap daerah atau menjadi ahli kraf atau penenun di Yayasan Warisan Johor. Sehingga kini seramai 22 orang tenaga pengajar bagi bidang seni visual, seni khat, seni ukiran dan seni tenunan telah dilantik bagi setiap daerah dan lebih 12,000 orang peserta telah menyertai program ini bagi tahun 2022. Terima kasih.

YB Speaker : Dijemput sekali lagi Yang Berhormat Parit Raja. Ya sila.

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 12.

Jika berlaku sesuatu kes penderaan di sekitar, apakah tindakan yang sewajarnya perlu diambil oleh komuniti?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Raja. Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa memaklumkan orang awam atau komuniti bersama-sama memastikan penderaan terhadap kanak-kanak tidak berlaku, dengan melaporkan di mana-mana pejabat kebajikan masyarakat yang berdekatan. Talian *hotline* iaitu Talian Kasih 15999 yang beroperasi 24 jam sehari juga disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat bagi memudahkan orang awam melaporkan kejadian penderaan terhadap kanak-kanak.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sekiranya berlaku penderaan adalah menjadi kewajipan ibu bapa atau ahli keluarga untuk melaporkan perkara tersebut kepada pelindung di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah seperti di bawah Seksyen 28(1) Akta Kanak-Kanak 2001. Mana-mana ahli keluarga yang tidak mematuhi perkara ini telah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh dilepaskan dengan bon atas syarat-syarat yang hendaklah ditentukan oleh mahkamah. Sekiranya syarat-syarat yang telah ditentukan tidak dipatuhi, mereka telah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM5,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali. Manakala ibu bapa atau penjaga yang merasakan diri mereka tidak mendapat mengawal keadaan diri terutama apabila tertekan, bolehlah mendapat bantuan yang diperlukan seperti khidmat kaunseling yang disediakan secara percuma oleh agensi-agensi kerajaan yang terdapat di negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor sentiasa membantu klien yang datang untuk mendapatkan perkhidmatan dan disantuni dengan melihat kepada tahap keseriusan setiap klien yang akan dibantu melalui sesi kaunseling, sokongan psikologi, ujian psikologi yang mengukur personaliti tahap kesihatan mental, hubungan kekeluargaan dan sebagainya. Program-program yang bersesuaian dan diperlukan oleh mereka juga dilaksanakan terutamanya program-program pencegahan dan psiko pendidikan bagi mengelakkan klien melakukan tingkah laku yang kurang rasional seperti penderaan. Sekiranya klien memerlukan bantuan lanjut, kaunselor JKM Negeri Johor akan membantu merujuk klien berkenaan kepada agensi lain supaya klien dapat dibantu secara menyeluruh. Terima kasih Datuk Speaker.

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Bekok.

YB Tuan Tan Chong (Bekok) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Bekok nombor 13. Terima kasih.

Masyarakat Islam di Labis amat memerlukan perkhidmatan Tabung Haji agar beroperasi semula di bandar Labis. Oleh yang demikian, saya mengharapkan kerajaan negeri dapat membantu agar kaunter Tabung Haji dapat beroperasi semula di Labis.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Bismillahirrahmanirrahim. (Bacaan selawat). Terima kasih Yang Berhormat Bekok atas soalnya bertanya tentang kemungkinan untuk Tabung Haji membuka semula kaunternya di bandar Labis. Bagi pihak pengurusan Lembaga Tabung Haji merakamkan ucapan terima kasih atas saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bekok bagi pembukaan semula cawangan Tabung Haji

di Labis. Sejar dengan matlamatnya, Tabung Haji berusaha menyediakan saluran kemudahan perkhidmatan yang terbaik kepada umat Islam di Malaysia.

Untuk makluman, Tabung Haji mempunyai sebanyak 107 buah cawangan di seluruh negara termasuklah 10 buah cawangan Tabung Haji di Johor ketika ini. Perkhidmatan yang ditawarkan di cawangan-cawangan ini merangkumi urusan pembukaan akaun, simpanan dan pengeluaran, mengemas kini akaun, pendaftaran haji, hibah, amanah, penamaan waris dan sebagainya.

Untuk makluman Dewan yang mulia, sejar dengan arus perdana digitalisasi, pihak Tabung Haji juga membangunkan aplikasi perkhidmatan atas talian THiJARI. Para pendeposit boleh melaksanakan pelbagai urusan dengan mudah dan cepat di mana jua berada tanpa perlu hadir ke kaunter Tabung Haji lagi. Kemudahan ini boleh dilayari melalui portal www.thijari.com.my. Perkhidmatan digital kini menjadi pilihan pengguna dengan kadar lebih 80% transaksi dilakukan secara atas talian.

Bagi para pendeposit di kawasan Labis khasnya dan sekitarnya boleh membuat urusan transaksi Tabung Haji di cawangan-cawangan bank rakan strategik seperti di Maybank, jaraknya dari pekan Labis sekitar 0.18 kilometer, bagi Bank Rakyat jaraknya dari pekan Labis 1 kilometer sahaja dan bagi CIMB Bank boleh diakses jaraknya 2 kilometer dari pekan Labis. Para pendeposit juga boleh menggunakan kemudahan perbankan internet seperti Maybank2u, Bank Islam IB, CIMB *Clicks*, i-Rakyat, AmOnline dan *Mobile Banking Standard Chartered Sdn. Bhd.* Senarai penuh perkhidmatan tersebut dirujuk di laman web Tabung Haji.

Tabung Haji juga melebarkan perkhidmatannya melalui perkhidmatan kaunter bergerak dan Tabung Haji Komuniti sebagai inisiatif tambahan untuk kemudahan umat Islam mendapatkan perkhidmatannya. Perkhidmatan bergerak berjadual ini disediakan mengikut negeri dan daerah dalam memberikan kemudahan untuk pendeposit Tabung Haji. Tabung Haji percaya dengan pelbagai platform yang disediakan sebagai saluran penyampaian perkhidmatannya, umat Islam dan pendeposit Tabung Haji khususnya di kawasan Yang Berhormat Bekok dapat diakses menggunakan perkhidmatan secara atas talian dan melalui perbankan strategik dengan lebih berkesan. Terima kasih.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Sungai Balang.

YB Tuan Haji Selamat bin Takim (Sungai Balang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 14.

Sukan berbasikal merupakan suatu yang menjadi gaya hidup masa kini. Oleh hal yang demikian, saya menyarankan Jalan Muar-Batu Pahat dinaiktaraf dan dilebarkan untuk menyediakan lorong khas basikal bagi memberikan ruang rakyat bergiat aktif akan sukan tersebut di samping memelihara kesihatan badan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Sungai Balang. Kerajaan sentiasa prihatin dan menyokong aktiviti-aktiviti gaya hidup sihat termasuklah sukan berbasikal. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan terdapat laluan basikal disediakan di Jalan Muar - Batu Pahat (FT005) iaitu bermula di Seksyen 167 sehingga 180 sepanjang 13 kilometer. Namun begitu, kalau mengikutkan cadangan daripada Yang Berhormat Sungai Balang untuk membesarkan dan dilebarkan jalan khusus untuk penunggang-penunggang basikal mengikut Akta Pengangkutan Jalan 333 Tahun 1987 Klausula 54, basikal, basikal elektrik dan juga *tricycle* yang bukannya kenderaan bermotor adalah tidak dibenarkan di atas jalan raya dan boleh didenda. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Kahang.

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanandhan (Kahang) : Yang Berhormat Speaker, soalan nombor 15.

Sila nyatakan berapa banyak projek Rumah Terbengkalai yang masih belum diselesaikan di negeri Johor dan usaha kerajaan negeri untuk membantu pembeli yang menanggung hutang pada bank.

YB Speaker : Tahniah Yang Berhormat menang, itu yang terkejut tu.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan sentiasa memberi perhatian berkaitan isu-isu yang melibatkan perumahan sama ada ia merupakan pembangunan perumahan baharu, sedia ada mahupun projek-projek yang mengalami masalah sakit mahupun terbengkalai. Selaras dengan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1996 (Akta 118), projek-projek yang menghadapi masalah sama ada sakit mahupun terbengkalai ianya akan dikendalikan oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah Jabatan Perumahan Negara (JPN).

Pihak KPKT juga telah membuat pindaan kepada Akta 118 yang telah dikuatkuasakan bersekali dengan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) dan Akta Hak milik Strata (Pindaan 2013) (Akta 318) bermula 1 Jun 2015 untuk mengelakkan projek perumahan swasta daripada terbengkalai. Menjawab soalan yang dibangkitkan oleh ADUN Kahang, melalui laporan daripada Jabatan Perumahan Negara (JPN), sehingga 31 Januari 2023 terdapat sebanyak 8 buah projek perumahan swasta terbengkalai di negeri Johor meliputi 2,595 unit rumah melibatkan seramai 2,119 orang. Dan dua projek daripada 8 ini sedang dalam, sedang dipulihkan dan insya-Allah dijangka akan selesai pada hujung tahun ini. Terima kasih.

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanandhan (Kahang) : Datuk Speaker, soalan tambahan saya ialah kita sedar bahawa dalam konteks projek-projek terbengkalai ini, agensi, *the lead agency* ialah KPKT. Tetapi dalam konteks negeri Johor, apabila isu-isu seperti ini berlaku dahlah tak dapat rumah, tetapi pada masa yang sama pembeli rumah harus *furnish* dia punya *loan* dengan bank dan sebagainya. Jadi, ini yang jadi masalah kepada pembeli-pembeli dalam konteks rumah-rumah yang terbengkalai ini. Jadi, saya nak tahu apakah usaha ataupun bantuan yang kerajaan negeri boleh buat, adakah kerajaan negeri ada unit yang boleh membantu pembeli bincang dengan pihak bank untuk *restructure* balik dia punya pinjaman ataupun mengurangkan kadar faedah ataupun menerangkan sesuatu kepada pihak bank kerana sering kali apa yang berlaku yang menjadi mangsa adalah pembeli kerana mereka akan berhadapan dengan tindakan undang-undang daripada pihak bank dan sebagainya. Dan kadang-kadang pihak bank ni mereka tak peduli projek ni terbengkalai ataupun tak terbengkalai, yang mereka tahu adalah *interest* dan pembayaran balik diteruskan dan dia harus dibayar setiap bulan. Jadi dalam konteks ini, bagaimana kerajaan negeri boleh membantu? Kita ada 8 projek di sini dan mungkin ada yang menghadapi permasalahan dalam konteks pembayaran *loan-loan* ini, jadi adakah kerajaan negeri ada unit tertentu yang boleh membantu pembeli rumah dalam kes-kes seperti ini dan konteks *negotiate* dengan pihak bank dan sebagainya. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih kepada YB ADUN Kahang. Yang Berhormat Datuk Speaker, sepanjang satu tahun saya menjadi YB EXCO Perumahan, kita, saya bersetuju bahawa peringkat dasar perumahan negara terdapat dipanggil mungkin *grey area*, di mana bila seseorang pembeli membeli rumah dia

melibatkan pembeli, peguam dan bank. Dalam istilah rumah sakit dan rumah terbengkalai ini, pembeli ini dia akan berada dalam keadaan rugi sahaja sebab apa kalau rumah tidak siap, pembeli tidak boleh membuat apa-apa tuntutan walaupun ada LAD yang dikenakan kepada pemaju. Jadi, di peringkat kerajaan persekutuan sepatutnya dasar membela pembeli-pembeli rumah itu kena disemak semula sebab kalau ikut maklumat yang saya turun ke kawasan-kawasan projek sakit dan terbengkalai ini kadang-kadang pembeli-pembeli ini teraniaya, dahlah rumah tak dapat, tiap-tiap bulan kena bayar, tak boleh buat tuntutan kepada pemaju. Dan pemaju pula sangat bijak, bila dapati projek tidak membawa keuntungan pada dia, apa yang dia buat, dia isytihar *bankruptcy*. Lari, bila lari kat mana pembeli-pembeli nak tuju dan kerajaan tak ada hak, tak ada apa-apa kuasa untuk menindas pemaju ini. Sebab itu dalam konteks Johor ini, untuk makluman ADUN Kahang memang kita masuk contoh tahun lepas kita buat satu *task force* untuk selesaikan isu di Kota Tinggi, projek sakit dan yang terbaharu ini Residensi PRIMA 625 unit, yang ini lagilah saya tengok dalam empat projek sakit yang saya lawat, isu utama ialah pemaju tak ada duit, pemaju lari. Jadi, apa yang berlaku PRIMA melantik pemaju yang kedua, tetapi PRIMA ada perjanjian dengan pemaju pertama juga. Jadi dari segi pembeli ini tidak ada pembelaan langsung, pembelaan langsung. Jadi akhirnya, pembeli-pembeli ini dahlah dia terpaksa menyewa di rumah yang baharu kena bayar RM1,000.00, dalam masa yang sama dia bayar bulanan pada bank pula, janji setahun, jadi dua tahun, jadi tiga tahun. Ini jadi satu benda yang besarlah dalam perumahan ini. Sebab itu bila projek sakit dan terbengkalai ni bila dia orang minta di peringkat saya untuk masuk, saya akan tengok sama ada perkara itu boleh diselesaikan. Di perumahan Taman Molek, Johor Bahru pun isu yang sama. Pemaju pertama lari, lantik pemaju kedua, dahlah kos tu berganda, dan pemaju pulak dia letakkan harga yang pertama dah letak harga siling yang tinggi, yang kedua masuk, jadi tak ada untung, jadi akhirnya mereka tinggalkan.

Ini untuk makluman ADUN Kahang di peringkat kerajaan, saya secara ikhlasnya bersedia kalau projek-projek sakit yang tidak melibatkan undang-undang perjanjian. Contohnya, pemaju memang dah ada perjanjian dengan pembeli. Yang ni saya tak boleh masuk campur, pasal melibatkan *legal, legal* undang, undang-undang, tetapi macam PRIMA ni dia melibatkan isu PRIMA itu sendiri mintak kerajaan Johor bantu, yang tu kita boleh selesaikan, pasal kita boleh panggil PBT yang terlibat, JKR, SAJ, agensi-agensi persekutuan dan negeri untuk duduk sebagai satu *task force*. Jadi kita buat satu-satu penyelesaian. Yang itu boleh. Tetapi kalau pemaju itu tidak memberi kerjasama atau tidak meminta kerajaan negeri untuk masuk campur, yang tu sangat susah diselesaikan. Terima kasih.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ditangguhkan 20 minit hingga jam 11.20 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11.20 pagi.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbincangan terhadap Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, akan diadakan selama 3 hari mulai hari ini, 19 Mac hingga 21 Mac 2023. Pihak kerajaan akan menggulung perbincangan pada 22 Mac 2023 dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan membuat penggulungan pada 27 Mac 2023.

Suka saya mengingatkan kepada semua Ahli Yang Berhormat, supaya menjaga adab dan tata tertib ketika berada dan berbahas di dalam Dewan ini selaras dengan Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor Bilangan 45.

Jurutulis : RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya akan menyeru nama kawasan Ahli-Ahli Yang Berhormat berdasarkan senarai giliran yang saya telah perolehi. Untuk pencadang rundingan, masa yang diberikan ialah selama 40 minit. Penyokong diberi masa 30 minit, pengimbang kerajaan diberi masa 30 minit. Manakala, Ahli-Ahli Dewan yang lain akan diberi masa hanya 15 minit sahaja. Bagi membolehkan lebih ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat berucap, saya memohon kerjasama semua agar mematuhi masa yang telah diberikan. Dijemput Yang Berhormat Kukup.

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan (Kukup) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera, salam perpaduan. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya memohon membawa rundingan bahawa satu ucapan menjunjung kasih dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor seperti berikut. Ampun Tuanku, adalah patik, Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Negeri yang bersidang pada hari ini mengambil ketetapan merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi terima kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berangkat ke Dewan yang mulia ini dan seterusnya bertitah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kedua bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-15.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ada beberapa perkara yang menarik perhatian saya untuk dibahaskan dalam ucapan saya hari ini, yang merujuk kepada titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, isu semasa dan juga inti pati perbahasan Bajet 2023 oleh kerajaan persekutuan yang berkaitan dengan negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pertama kali saya ingin menzahirkan rasa simpati, sedih dan berdukacita kepada mangsa-mangsa yang terkesan disebabkan bencana banjir yang sehingga kini banyak tempat belum pulih sepenuhnya, dan masih ada mangsa yang terpaksa mendiami Pusat Pemindahan Sementara (PPS) kerana rumah mereka masih digenangi air terutamanya impak air termenung yang sukar surut. Saya menurut sejarah, 17 tahun yang lalu tahun 2006 Johor pernah dilanda bencana banjir yang teruk, menjejaskan kira-kira 100,000 penduduk Johor. Namun banjir pada tahun ini disifatkan sebagai berlaku secara tidak dijangka, boleh dikatakan sebagai yang terburuk pernah dialami dan memberi impak yang jauh lebih buruk daripada banjir tahun 2006. Lebih 80,000 penduduk terkesan dan kira-kira 379 PPS seluruh negeri diaktifkan.

Bagi kawasan saya di sekitar Tanjung Piai, Kukup dan Pontian juga ada dinaiki air. Saya berkesempatan melawat beberapa kawasan yang dilanda banjir seperti Kg. Sungai Burung, di PPS Pusat Koko Sg. Tempayan, Pekan Nenas dan PPS Seri Bunian. Walaupun banyak tempat di kawasan saya dilanda banjir, saya bersyukur kerana keadaan di kawasan saya mungkin tidak seteruk di daerah-daerah lain, seperti di Batu Pahat dan juga daerah yang paling teruk terkesan. Sahabat-sahabat kita Yang Berhormat juga, terlibat dan menjadi mangsa banjir seperti Yang Berhormat Sri Medan, Yang Berhormat Tenang dan juga rakan-rakan yang lain ya. Sampai menyingsing kain nampaknya YB Tenang mengharung dengan banjir pada kali ini. Walaupun, sehingga kini mangsa banjir kebanyakan terpaksa berdepan dengan situasi air termenung yang dikatakan mengambil masa lebih sebulan untuk surut, sekali gus menyebabkan bau busuk yang teruk kerana kawasan tersebut berada di kawasan tanah gambut atau mempunyai tangki septik yang menyebabkan air kumbahan keluar apabila air bertakung lama. Ini juga menimbulkan masalah lain yang mengundang kepada penyakit kulit ataupun penyakit bawaan kulit.

Walaupun cuaca panas dan tidak hujan tetapi air termenung ini tidak surut dan tiada penyelesaian lain dapat dilakukan seperti alternatif menyedut air keluar. Bagaimana hendak menyedut air termenung ini? Ke mana hendak disalurkan air yang disedut kerana seluruh

kawasan digenangi air dan sebab itulah solusi ini tidak dapat dipraktikkan. Banjir termenung ini hanya berlaku di negeri Johor. Inilah unik keadaannya. Ramai petugas dan sukarelawan yang datang membantu mangsa, namun sudah pasti jumlah mereka tidak mencukupi, memandangkan jumlah menjadi mangsa mencecah puluhan ribu kesan banjir yang sangat teruk. Waima pagi ini sahaja, Yang Berhormat Menteri Besar melancarkan konvoi bantuan banjir. Ini menunjukkan inisiatif segera dan juga perlu diperkasakan lagi. Kebanyakan rumah mangsa mengalami kerosakan, kemusnahan ini sudah pasti. Dari segi struktur rumah, barang elektrik, bangunan rumah, yang dipenuhi lumpur dan selut, pelbagai lagi masalah. Justeru itu, saya menyeru dan merayu agar lebih ramai sukarelawan akan turun ke Johor untuk membantu mangsa-mangsa banjir.

Saya juga berharap agar kerajaan pusat menerusi Kementerian yang berkaitan akan turut sama bekerjasama dan menggembleng tenaga membantu mangsa banjir. Antaranya menerusi Kementerian Kerja Raya yang menerima sebanyak RM8.439 bilion peruntukan bagi Bajet 2023. Saya berharap ada sedikit peruntukan yang boleh disalurkan dengan kadar segera kepada negeri Johor melibatkan pemulihan, penaiktarafan dan penyelenggaraan fasiliti dan prasarana yang terkesan disebabkan banjir. Begitu juga dengan peruntukan sebanyak RM150 juta yang disalurkan kepada pengurusan banjir Pusat Agensi Pengurusan Bencana Negara atau dikenali sebagai NADMA. Diharapkan agar peruntukan ini juga disalurkan kepada mangsa-mangsa banjir sekurang-kurangnya menerusi sedikit bantuan tunai yang dapat membantu mangsa banjir yang memerlukan untuk membina kehidupan semula. Alhamdulillah kita dengar pagi ini jawapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga menjelaskan adanya sumbangan dan keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyalurkan sebanyak RM150 juta sebagai tambahan bagi membantu mangsa banjir di Johor.

Selain itu Kementerian Kesihatan atau mana-mana agensi juga diharapkan dapat turun padang, membantu dan memberikan khidmat kesihatan dan kaunseling kepada mangsa banjir yang terjejas dari aspek kesihatan dan psikologi. Begitu juga dengan Kementerian Dalam Negeri, bantulah mangsa banjir yang kehilangan dokumen, pengenalan diri seperti kad pengenalan, passport, sijil kelahiran dan segala dokumen peribadi yang berkaitan secara percuma dan disegerakan prosesnya. Bagi memudahkan urusan mereka untuk memohon bantuan dan urusan rasmi seperti urusan bank. Saya ingin menyatakan beberapa persoalan yang penting pada hari ini.

Pertama sekali, apabila saya ingin bertanya berkaitan yang mereka yang tidak tinggal di PPS, kerana perkara ini saban kali berlaku sesiapa yang tidak tinggal di PPS, tidak akan menerima bantuan dan sebagainya. Tetapi Alhamdulillah, jawapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam menjawab beberapa persoalan Ahli-Ahli Yang Berhormat telah jelas, sesiapa yang tidak tinggal di PPS juga perlu dibantu. Inilah keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar di dalam mengurus mangsa banjir di negeri Johor. Terima kasih Yang Amat Berhormat. Yang Amat Berhormat juga ada menyatakan mengenai cadangan untuk meminjam pam air dari negeri-negeri yang berkaitan bagi mengepam air termenung keluar daripada kawasan tersebut. Apakah perkembangan bagi cadangan ini? Adakah alternatif lain yang boleh dicadangkan jika perkara ini tidak dapat dilaksanakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin membawa satu persoalan mengenai isu Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) kerana ramai penduduk-penduduk di kawasan saya mengeluh kerana mereka menggunakan CIQ ini setiap hari untuk bekerja di Singapura. Kesesakan di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di Bangunan Sultan Iskandar dan Kompleks Sultan Abu Bakar, Iskandar Puteri bukanlah suatu yang baru, malah sudah bertahun-tahun masalah kesesakan ini dilalui oleh rakyat Malaysia terutamanya kira-kira 300,000 rakyat yang bekerja di Singapura. Tambak Johor diakui sebagai antara laluan sempadan antarabangsa yang paling sibuk di dunia. Rekod pada tahun 2022 menunjukkan 70 juta pengguna berulang alik antara Johor dan Singapura

menerusi CIQ. Secara puratanya, sejak pembukaan semula sempadan Malaysia - Singapura pada April 2022, statistik harian keluar dan masuk warga Malaysia juga pengguna di CIQ Bangunan Sultan Iskandar kira-kira 20,211 orang sehari. Manakala kira-kira 28,000 orang di Kompleks Sultan Abu Bakar Iskandar Puteri. Sehingga kini, saban hari CIQ Bangunan Sultan Iskandar dan CIQ Kompleks Sultan Abu Bakar mencatatkan peningkatan pengguna yang mendadak. Bukan hanya sekadar mereka yang berulang alik di sebabkan bekerja malah mereka yang masuk di Singapura ke Malaysia untuk melancong dan membeli belah di Johor. Kerap kali kita disajikan dengan keluhan penggunaan CIQ yang terpaksa menempuh situasi sesak luar biasa dan terpaksa mengambil masa yang lama untuk proses dokumentasi. Walau pun di CIQ Bangunan Sultan Iskandar terdapat kira-kira 50 kaunter laluan motosikal dan 38 kaunter laluan kereta telah disediakan. Manakala CIQ Sultan Abu Bakar pula sebanyak 24 kaunter laluan kereta dan 25 kaunter laluan motosikal disediakan. Ianya masih tidak mampu sebenarnya melonggarkan waktu sedikit tempoh kesesakan di CIQ terutamanya waktu puncak. Ini bukan sekadar menyebabkan kesukaran dan membazir masa pengguna sebaliknya dalam masa yang sama ianya juga sedikit sebanyak memberi kesan buruk kepada prestasi dan reputasi agensi yang berkenaan disebabkan tidak kecekapan proses ini.

Saya juga ingin menyentuh mengenai sistem kaunter pasport di CIQ. Seperti yang dinyatakan ada puluhan kaunter terutamanya di CIQ Bangunan Sultan Iskandar termasuklah kaunter *auto lane* dan *e-Gate*. Sebelum ini, kemudahan *e-Gate* hanya terhad kepada kegunaan atau pemegang pasport rakyat Malaysia sahaja. Namun, mulai 20 Januari 2023 kegunaan *e-Gate* juga dibuka kepada kira-kira 30,000 hingga 50,000 warga Singapura yang berulang-alik ke Johor untuk tujuan sosial. Secara atas kertas ia dilihat sebagai satu inisiatif yang memudahkan pengguna daripada kedua-dua negara. Tetapi secara realitinya ia menyebabkan lebih kesesakan dan juga situasi tidak puas hati kepada rakyat Malaysia. Seharusnya sistem ini ditambah baik terlebih dahulu kerana penggunaan sedia ada kepada rakyat Malaysia sendiri masih tidak dapat ditampung dan menyebabkan kesesakan. Apabila dibuka kepada rakyat Singapura, ia telah menimbulkan kesesakan luar biasa kepada warga Malaysia terutamanya yang hendak pulang ke Malaysia.

Isu lain yang muncul adalah masih ramai warga Singapura yang tidak menyedari ada syarat-syarat yang dikenakan sebelum mereka boleh menggunakan kemudahan *e-Gate* berkenaan. Syarat yang ditetapkan adalah hanya pemegang e-Pasport sahaja yang menggunakannya dan mereka perlu menghantar *Malaysia Digital Arrival Card* (MDAC) secara dalam talian tiga hari sebelum perjalanan dan mengesahkan biometrik di kaunter Imigresen untuk kali pertama. Namun, ramai yang tidak tahu dan terus menggunakan *e-Gate* ini sekali gus menyebabkan mereka tersekat dan tidak memenuhi syarat tersebut dan lebih banyak masa diambil serta menyebabkan kesesakan pula. CIQ perlu menambah baik sistem ini dan mungkin sebaiknya diasingkan penggunaan *e-Gate* bagi rakyat Malaysia dan rakyat Singapura supaya lebih adil kepada rakyat Malaysia. Antara cadangan saya hanya beberapa kaunter *e-Gate* dibuka kepada rakyat Singapura dan bukan semua kaunter dibenarkan. Penggunaan *e-Gate* ini juga seharusnya ditambah baik supaya proses pengesanan pasport mengambil masa yang lebih singkat kerana banyak rungutan diterima adalah proses *scan* pasport di *e-Gate* mengambil masa terlalu lama berbandingkan hanya kira-kira seminit di Singapura.

Isu lain yang ingin saya bangkitkan adalah berkenaan penggunaan bas. Ramai pekerja dari Johor yang bekerja di Singapura menggunakan pengangkutan bas awam seperti Causeway Link. Namun, isu yang disuarakan oleh pengguna bas ini adalah jadual bas yang tidak mengikut waktu yang sepatutnya, menyebabkan pengguna terpaksa bersesak dan beratur panjang untuk menaiki bas. Ini juga menjadi punca kesesakan pada satu-satu masa hanya puluhan orang sahaja dapat menaiki bas dan apabila bas tidak beroperasi mengikut jadual ini menyebabkan ratusan orang terpaksa menunggu bas seterusnya yang entah bila akan tiba. Kita seharusnya melihat beberapa negara maju seperti Jepun, bas atau pengangkutan

awam apabila mereka menggunakan masa, tepat masanya maka datanglah pengangkutan tersebut. Ini perlu dipraktikkan di negara kita kerana kita akan menuju ke negara maju 2030, kita tidak boleh membenarkan sistem pengangkutan awam berada seperti tahun 70-an dan 80-an. Disebabkan itu juga, ada pengguna bas yang terpaksa menaiki bas pekerja atau bas kilang. Walaupun mengikut undang-undang, ianya adalah kesalahan kerana bas pekerja tidak boleh mengambil penumpang lain selain pekerja syarikat mereka sahaja. Tetapi mereka ini tiada pilihan lain dan terpaksa menaiki dan menumpang bas pekerja untuk masuk ke Singapura dan sebaliknya. Saya berharap, kerajaan negeri turut mengambil berat isu jadual bas walaupun perkhidmatan ini digerakkan oleh sektor swasta, namun saya yakin dengan ketegasan daripada kerajaan negeri masalah ini dapat diatasi dan dapat membantu kelancaran perjalanan pekerja di Singapura. Secara tidak langsung dengan perkhidmatan yang sistematik dan berjadual, ia menggalakkan lebih ramai pengguna bas dan mengurangkan kesesakan di laluan motosikal atau kereta.

Saya juga ingin menyentuh mengenai isu berkaitan prasarana di CIQ juga menjadi keluhan dan rungutan. Semua orang berhak mendapat perkhidmatan yang selesa dan menyenangkan. Tetapi apabila terpaksa berhadapan dengan situasi yang kurang selesa sudah pasti rungutan terpaksa disuarakan. Isu ini adalah berkaitan dengan tandas awam di CIQ yang kerap kali menjadi isu kepada pengguna sehingga ada yang memperli tahap kotor dan bau busuk di situ boleh dihidu sehingga ke bandar Johor Bahru. Bukan sahaja bab bau, malah ada tandas yang rosak tidak di selenggara dengan baik yang boleh menyebabkan kecederaan. Inilah agak bertentangan dengan konsep Johor Bersih yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar baru-baru ini. Ini kita perlu hayati bukan sahaja sampah sarap tetapi semestinya kemudahan awam juga perlu diambil kira. Ini bukan satu isu yang remeh, kebersihan adalah lambang dan reputasi pandangan pertama bukan sahaja oleh penduduk Malaysia malah pelawat dari luar negara. Secara tidak langsung ketidaksempurnaan fasiliti ini mampu menjejaskan reputasi negeri Johor apatah lagi lokasinya yang terletak di pintu masuk dan keluar sempadan negara. Saya mohon agar isu ini diambil berat dan ditangani dengan segera.

Persoalan yang ingin saya ajukan adakah kerajaan negeri ada mempertimbangkan untuk menambah baik sistem aliran keluar masuk di CIQ? Dengan memperbesarkan kompleks ini sekali gus membantu dan menambah lebih banyak lagi kaunter Imigresen dan laluan automatik untuk keluar dan masuk ke Malaysia dan Singapura. Yang kedua, apakah bentuk penambahbaikan yang boleh dilaksanakan dalam memastikan lebih banyak kepelbagaian mode pengangkutan untuk lalu Johor, Singapura dan adakah relevan sekiranya diperbanyakkan lagi waktu perjalanan bas secara 24 jam. Bagi membolehkan lebih ramai pengguna keluar atau masuk ke Singapura pada waktu bukan puncak, sekali gus mengelakkan kesesakan. Yang ketiga, adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk membina parkir bertingkat berhampiran Kompleks CIQ bagi kegunaan pengguna CIQ sebagai usaha mengurangkan kesesakan laluan motosikal dan kereta kerana parkir sedia ada tidak mencukupi dan menyebabkan banyak kes motosikal disaman dan disita oleh Majlis Bandaraya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Tuanku Sultan ada membangkitkan isu mengenai penceramah agama yang hendak menyampaikan ceramah di dalam negeri Johor mestilah mempunyai tauliah daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor. Ramai yang menyalah tafsirkan apa yang dititahkan oleh Tuanku kerana mereka tidak memahami secara konsep keseluruhan peraturan yang disediakan oleh pihak Agama Islam Negeri. Ahli Jawatankuasa Masjid dan Surau yang hendak menganjurkan ceramah agama juga mestilah mendapatkan kebenaran daripada Majlis Agama Islam Johor melalui Pejabat Kadi Daerah dan boleh diambil tindakan sekiranya mereka tidak melalui proses ini kerana boleh dianggap bersubhat. Saya amat peka dengan kerisauan Tuanku Sultan memandangkan isu ini bukanlah suatu isu yang baru malahan telah banyak kali berlaku bukan hanya di negeri Johor malah di negeri lain juga.

Malahan baru-baru ini timbul isu mengenai seorang penceramah terkenal yang tidak dibenarkan berceramah di Selangor disebabkan tiada tauliah dan isu ini telah menimbulkan pertikaian dalam kalangan masyarakat khususnya di media sosial. Seharusnya semua pihak yang terlibat perlu lebih faham dengan prosedur yang telah ditetapkan ini. Ada garis panduan, tatacara atau amalan dan kriteria yang perlu dipatuhi, bukan sebarang orang boleh menyampaikan ceramah agama walaupun mereka berpakaian mengikut sunnah, menggunakan gelaran ustaz atau mendakwa mereka memiliki ilmu agama yang tinggi. Kesejahteraan maqasid syariah itu perlu demi menjaga kesucian agama. Kita tidak mahu fahaman rakyat yang beragama Islam ini tercemar atau terpesong disebabkan oleh ajaran yang tidak sepatutnya. Tindakan tidak membenarkan penceramah tanpa tauliah memberikan ceramah bukanlah kerana mahu menghalang penyebaran agama sebaliknya mahu menjaga kesucian agama. Bukan baru sekali dua berlaku kes ceramah tanpa tauliah yang kemudiannya diketahui ianya adalah ajaran sesat daripada fahaman sebenar dan pelampau agama malah ada yang menggunakan medan ceramah untuk berpolemik dan berpolitik.

Ini jelas sekali lari daripada konsep ceramah agama yang sepatutnya. Ada yang mengatakan ceramah agama sepatutnya boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja. Tidak memerlukan tauliah daripada Majlis Agama kerana itu hanyalah satu peraturan manusia bukanlah peraturan oleh Allah malah ada yang mengatakan pada zaman nabi tidak memerlukan tauliah untuk menyebarkan kebenaran dan berbicara mengenai agama. Inilah dangkalnya ilmu individu yang mendakwa mereka beragama. Pada zaman ini terlalu banyak dakyah agama yang terpesong dan menyeleweng. Menerusi pentauliahan, Majlis Agama boleh menyemak dan menyiasat latar belakang penceramah dan sekali gus menjadi antara kaedah bagi mengawal doktrin dan fahaman yang menyeleweng daripada hukum syarak.

Di Johor sahaja ada beberapa kategori penceramah yang mempunyai tauliah. Antaranya pemegang tauliah sepanjang perkhidmatan, pemegang tauliah 5 dan 10 tahun dan pemegang tauliah mengikut daerah di negeri Johor yang mana secara keseluruhannya berjumlah kira-kira 1,053 orang. Di daerah saya di Pontian sahaja ada 109 penceramah bertauliah, Batu Pahat mencatatkan jumlah penceramah bertauliah paling ramai 182 orang. Ini semua data yang boleh disemak dan diperolehi daripada laman web Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) adalah pihak yang bertanggungjawab dalam hal ehwal Islam dan menjaga urusan ehwal masyarakat Islam supaya mematuhi hukum syarak yang berlandaskan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan syariatnya berlandaskan mazhab Syafie tanpa menolak mazhab lain serta bertasawuf berlandaskan Imam Al Baghdadi dan Imam Al Ghazali. Tidak seharusnya ada pengecualian dan keistimewaan dalam memberi ceramah atau tauliah khas hanya kerana individu itu seorang tokoh politik atau seorang yang terkenal. Setiap individu perlu melalui proses yang ditetapkan kerana ianya adalah prosedur biasa yang wajib dipatuhi. Hanya satu perkara yang ingin saya sarankan kepada Majlis Agama Islam berilah prosedur yang tertentu, berapa lama perlu diambil untuk kelulusan sesuatu ceramah atau tauliah yang diberikan? Kerana ramai juga yang merungut hantar untuk memohon tauliah jawapannya sehingga tarikh habis cadangan mengadakan ceramah tersebut. Jadi pihak Majlis Agama Islam juga perlu mengikut prosedur yang telah ditetapkan supaya lebih mudah penganjur untuk menguruskan tauliah sesuatu ceramah itu. Justeru itu, saya menyokong saranan dan gesaan Tuanku Sultan yang melarang sebarang bentuk ceramah tanpa tauliah, demi mengelakkan sebarang bentuk penyelewengan agama atau pemesongan fahaman.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada Februari lepas Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor ada menyenaraikan beberapa permintaan kepada kerajaan pusat menjelang Pembentangan Bajet 2023. Antaranya melibatkan projek utama yang menjadi fokus Johor iaitu penambahan 6 daripada 4 lorong bagi laluan Yong Peng - Skudai di Leburaya Utara Selatan, pembinaan Sultanah Aminah 2, Projek Tebatan banjir, menaik taraf sekolah-

sekolah di Johor dan memohon usaha dan pertimbangan kerajaan pusat dalam mengatasi kesesakan sempadan Johor dan Singapura.

Syukur ke hadrat Allah, menerusi Pembentangan Bajet Kerajaan Madani pada 23 Februari lepas, hampir kebanyakan daripada permintaan tersebut dipenuhi oleh kerajaan persekutuan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah membuka jambatan Baharu di Sungai Skudai pada 19 Januari yang lepas. Syukur alhamdulillah, ini merupakan satu jaringan terbaik bagi penduduk-penduduk di kawasan DUN saya, Kukup khususnya untuk terus ke Johor Bahru untuk mengadakan beberapa aktiviti-aktiviti ekonomi dan sosial.

Apa yang kita lihat setelah beberapa bulan pelancaran jalan tersebut, kita dapati masih banyak lagi kelemahan-kelemahan yang timbul. Antaranya, masih tidak ada papan tanda-papan tanda di jalan menyatakan kelajuan dan juga tidak boleh berhenti di atas jambatan. Beberapa bulan yang berlalu, terlalu banyak *accident* yang berlaku di atas jambatan tersebut. Kerana apa? Kerana ramai pengunjung yang berhenti mengambil gambar dan menikmati panorama yang indah di Sungai Pulai. Namun yang demikian, ini adalah membahayakan kepada pengguna. Saya menyeru dan menyarankan kepada pihak berwajib supaya langkah keselamatan perlu dijalankan dengan segera dan kita dapati laluan jalan tersebut masih lagi bergelombang kerana dilihat bahawa struktur tanah tersebut adalah kawasan tanah gambut. Hanya beberapa bulan sahaja pembukaan jalan tersebut, sudah ada kawasan-kawasan yang telah rendah dan juga tidak boleh dilalui dengan mudah. Sebab itu, saya berharap kawasan ini dilihat semula kerana ia membahayakan kepada pengguna jalan raya.

Saya juga menyeru supaya kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan supaya melihat jambatan tersebut perlulah ada satu mercu tanda yang sesuai sebagai pintu masuk daripada Kota Iskandar ke Kawasan DUN Kukup. Kerana ia boleh menggambarkan satu suasana penghubung yang cukup baik dan sempurna kerana tidak ada landskap yang menarik menerusi jambatan tersebut. Setidak-tidaknya dalam masa yang terdekat pihak kerajaan negeri juga perlu berusaha untuk menamakan jambatan tersebut supaya ianya boleh menjadi nama yang sesuai bagi penghubung jalan antara DUN Kukup dan juga Kota Iskandar.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga menyeru kepada pihak kerajaan kawasan-kawasan yang terdapat di kawasan jambatan itu beberapa kampung tradisional seperti Kampung Cokoh, Kampung Permas dan juga beberapa kampung tradisional yang perlu dibangunkan. Kerana ia merupakan pintu masuk untuk memastikan pembangunan dapat dinikmati dan dikecapi sekali oleh penduduk tempatan. Tambahan lagi, terdapat 2 projek besar yang ada di kawasan tersebut iaitu ATV dan juga janakuasa. Jadi, adalah sesuai kalau kampung-kampung itu dirancang pembangunannya. Tambahan pula, didapati projek *Tropicana Industrial Park*, dengan izin, akan dibangunkan tidak jauh daripada kawasan tersebut. Ini melihat bahawa sudah ada pembangunan yang cukup besar di kawasan DUN Kukup. Jadi, adalah wajar limpahan nikmat dan juga kemajuan perlu dinikmati oleh penduduk kampung sebab itu kerajaan negeri perlu ada satu perancangan bagaimana kampung-kampung tradisional ini perlu di maju dan diangkat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin membawa satu Projek Tebatan Banjir, satu lagi berita baik yang dijangka memberi manfaat kepada rakyat Johor adalah berkenaan isu Projek Tebatan Banjir. Kita sedia maklum mengenai isu banjir yang buruk di Johor, malah saya ada menyebut tentang hal banjir di Johor dalam ucapan saya ini. Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk melaksanakan 6 Projek Tebatan Banjir bernilai kira-kira RM600 juta yang bakal dilaksanakan sekurang-kurangnya pada Jun tahun ini. Antara yang terlibat adalah Rancangan Tebatan Banjir di Sungai Johor Kota Tinggi. Saya ingin tahu, apakah tahap, manakah kerajaan negeri peka dan terlibat dalam pelaksanaan projek ini dan

di manakah lokasi lain bagi projek ini dilaksanakan? Berapa lamakah masa yang bakal diambil untuk projek ini siap sepenuhnya dan alternatif yang dirancang bagi memastikan kerajaan negeri benar-benar bersedia sekiranya bencana ini berlaku lagi sebelum projek ini disiapkan?

Yang Berhormat Datuk Speaker, cadangan bagi memperkukuhkan lagi pembangunan Iskandar Malaysia di Johor melalui pewujudan Zon Khas Kewangan dengan pakej imbuhan bagi menarik lebih banyak pelaburan bernilai tinggi. Juga antara permintaan yang dipenuhi oleh kerajaan persekutuan yang bakal memberi impak besar kepada ekonomi negeri Johor.

Koridor ini dimulakan oleh bekas Perdana Menteri yang kelima. Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi pada 30 Julai 2006 yang menjadi kebanggaan negeri Johor. Terdahulu ianya dikenali sebagai Wilayah Pembangunan Iskandar bersempena nama Sultan Johor, Almarhum Sultan Iskandar Ibni Almarhum Sultan Ismail dan kemudiannya ditukar kepada Iskandar Malaysia pada 11 April 2008. Sebagai sebuah Wilayah Ekonomi Iskandar Malaysia mencatatkan pencapaian pelaburan yang cemerlang sejak 17 tahun pembukaannya. Iskandar Malaysia mencatatkan pelbagai jenis kejayaan bukan hanya di Malaysia malah di persada antarabangsa. Antaranya menerusi pelaksanaan Iskandar Malaysia Studio, Educity Iskandar, Iskandar Regional Development Area (IRDA) dan sebagainya. Semoga dengan pewujudan Zon Khas Kewangan ini juga mewujudkan keyakinan kerajaan persekutuan terhadap peranan Iskandar Malaysia. Ia mampu memberikan lebih kelebihan kepada negeri Johor dengan menarik lebih ramai pelaburan untuk melabur dan bertapak di Johor serta menambah nilai dan memberi kelebihan kepada wilayah ini sebagai destinasi pelaburan antarabangsa. Saya juga ingin menyarankan kepada IRDA supaya membuat pentafsiran semula berhubung dengan kawasan-kawasan termasuklah di daerah Pontian, adakah ianya meliputi kawasan-kawasan baru ataupun sebaliknya. Sebagai kawasan hijau yang digazet oleh IRDA berkenaan dengan Tanjung Piai, ianya perlu diperjelaskan. Jangan dibiarkan kawasan hijau tanpa diusik, tanpa dibangunkan, tanpa ada pembangunan yang sesuai dengan istilah kawasan hijau IRDA di Tanjung Piai ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga sangat menyambut baik persetujuan kerajaan persekutuan untuk meluluskan peruntukan menaik taraf hospital seluruh negara antaranya termasuklah penaiktarafan dan pemuliharaan Hospital Pontian yang sudah berusia lebih seabad. Hospital Pontian ini asalnya adalah *Kukup Government Hospital* yang didirikan pada 5 Jun 1917. Jika dilihat pada keadaan hospital ini, memanglah sangat memerlukan penaiktarafan dan pemuliharaan secara menyeluruh supaya rakyat sekitar daerah ini boleh mendapat perkhidmatan kesihatan yang jauh lebih baik dan selesa. Dalam masa yang sama, saya juga berharap agar fasiliti hospital dinaik taraf sepertimana bilangan katil serta meletakkan pakar yang lebih ramai staf kesihatan supaya sumber perkhidmatan perubatan dan kesihatan dapat dimaksimumkan untuk menampung permintaan masa depan. Di kawasan Pontian khususnya, kita telah ramai pekerja-pekerja asing yang datang untuk bekerja di kawasan-kawasan industri.

Setakat ini Yang Berhormat Datuk Speaker, tidak ada satu rancangan pun untuk mewujudkan hospital swasta di Pontian khususnya di DUN Kukup dan juga Pekan Nenas. Saya menyeru kerajaan supaya mengambil inisiatif supaya membangunkan hospital swasta dengan melihat perkembangan semasa kerana ramai masyarakat telah mampu dan mempunyai insurans kesihatan untuk memudahkan mereka menikmati kesihatan di hospital swasta. Inilah yang perlu dipertimbangkan.

YB Speaker : Yang Berhormat, 3 minit lagi.

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan (Kukup) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya juga berterima kasih kepada kerajaan persekutuan yang menyalurkan peruntukan

menerusi pengenalan pas perjalanan tanpa had, *Mybas* 50 untuk manfaat rakyat Johor Bahru yang menggunakan perkhidmatan bas terhenti-henti di program Transformasi Perkhidmatan Bas Terhenti-Henti. Ini dijangka akan memanfaatkan ramai rakyat Johor yang menggunakan perkhidmatan bas ini sama ada bas mini, bas biasa dan juga bas elektrik, di antara bandar utama di Johor dan mengurangkan beban sara hidup mereka terutamanya yang menggunakan perkhidmatan bas ini secara kerap.

Pada masa ini, pelaksanaan *Mybas* di negeri Johor melibatkan 19 laluan di 5 Koridor iaitu Kota Tinggi, Masai, Kulai, Gelang Patah dan Pontian melibatkan laluan sepanjang 1,052 kilometer. Dalam masa yang sama saya ingin bertanya kepada kerajaan negeri adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk memperluaskan lagi pelaksanaan SBST ini ke bandar lain di Johor memandangkan projek ini adalah antara projek yang sangat baik dan bermanfaat kepada rakyat khususnya di kawasan luar bandar bagi mereka yang tidak mempunyai kenderaan sendiri? Setakat ini apakah statistik pengguna yang telah menggunakan perkhidmatan bas dan berapa ramai pula yang telah berdaftar dan menggunakan bas perjalanan tanpa had *Mybas* 50?

Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya bagi membahaskan Ucapan Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Takzim. Besarlah harapan saya agar kerajaan negeri yang akan mengambil berat dan berlapang hati untuk menerima segala cadangan dan memberikan jawapan yang konklusif dan konstruktif agar segala perancangan yang dirancang dapat dilaksanakan dan memberi manfaat kepada rakyat negeri ini yang telah memilih kita semula untuk kehidupan yang lebih baik. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya mohon mencadang.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Kukup. Dijemput Yang Berhormat Sri Medan.

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan (Sri Medan) : Bismillahirrahmanirrahim. (Doa.) Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Maju Johor. Yang Berusaha, Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih kerana memberi ruang kepada Sri Medan untuk sama-sama dalam sesi perbahasan pada hari ini.

Pertama sekali saya ucap terima kasih juga kepada Kukup yang telah apa, bercerita soal banjir ya sebentar tadi. Bila Kukup cerita tu, sebenarnya bukan mangsa yang sebenar. Tapi bila hari ini, bila diberi peluang kepada Sri Medan, Sri Medan adalah mangsa banjir yang sebenar. Jadi hari ini saya akan bercerita soal banjir sahaja. Saya tak akan keluar daripada tajuk banjir kerana inilah sebenarnya yang berlaku, kesengsaraan rakyat di Sri Medan.

Pertamanya, saya ingin Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim. Dan juga atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, yang telah berkenan merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-15.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dia ada satu bidalan, kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai. Sekarang ni bidalan baru, kalau takut dilanda banjir, jangan berumah di Sri Medan. (Dewan ketawa). Yang Berhormat Datuk Speaker, sejarah banjir di Sri Medan sebenarnya dia terlalu panjang, cukup panjang. Saya ingat bila saya lahir pada tahun 1973, 1986 kita telah melalui suasana banjir. Yang pertama dalam sejarah hidup saya. Pada ketika itu banjir berlaku di Sri Medan, yang mana telah melibatkan hampir keseluruhan rumah-rumah di kawasan DUN Sri Medan, pada tahun 1986. Selepas itu pada tahun 2006, selepas 20 tahun kita menghadapi banjir pada tahun 1986, 2006 kita

menghadapi sekali lagi. Dan pada kali ini setelah 17 tahun kita menghadapi banjir 2 kali pada tahun 2023.

Saya ingat saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua agensi-agensi yang terlibat terutamanya kepada individu yang amat prihatin kepada nasib rakyat Sri Medan iaitu Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Dua kali beliau datang ke Sri Medan untuk melihat sendiri suasana yang berlaku di Sri Medan. Saya ucap terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tan Sri Setiausaha Kerajaan Negeri Johor dan juga kepada agensi-agensi yang bersama-sama kita melalui situasi yang cukup sukar, terutamanya agensi-agensi, jabatan kerajaan yang ada dalam daerah Batu Pahat, Terima kasih kepada Pegawai Daerah, terima kepada JPS, terima kasih kepada JKR, terima kasih kepada SAJ dan Bomba, ramai, kalau nak sebut satu persatu mengambil masa 10 minit saya rasa. Dan saya tak boleh lupa terima kasih juga kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor. (Dewan bertepuk). Ini salah satu agensi yang telah menyelamatkan kita. Mungkin rakan-rakan YB sini yang melalui situasi banjir, contoh di Tenang, contoh YB Parit Raja, mereka mengakui bahawa Majlis Agama Islamlah sebenarnya agensi yang telah menjadi satu badan menyelamatkan kita semua termasuk mangsa-mangsa banjir untuk kita menerima apa juga bekalan makanan di peringkat awal. Ha, itu kita kena akui.

Sebab itu Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga amat berbangga dengan semangat yang ditunjukkan oleh orang-orang Sri Medan dan juga Parit Sulong. Saya nak nyatakan di sini, di Dewan Negeri Johor bahawa orang-orang Sri Medan memang hebat. Orang-orang Sri Medan memang mereka yang betul-betul kuat semangat mereka untuk menghadapi suasana pada kali ini. Kalau sebelum ini kita pada tahun 1986, pada tahun 2006, tahun 2023, inilah banjir yang paling teruk dalam sejarah yang berlaku di Sri Medan. Sebab itu Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Datuk Menteri Besar pagi tadi, dan saya juga mendengar daripada Rundingan dibawa oleh rakan daripada Kukup, pelbagai rancangan telah dirangka untuk membantu kami semua. Apa yang dirancang daripada 40 tahun dulu hari ini dah tahun 2023, sebenarnya perkara ini berulang kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat rakan-rakan saya lihat, ia berlaku 15 atau 20 tahun sekali di kawasan Sri Medan. Kalau dahulu kawasan Segamat, Chaah, Yong Peng memang terkenal dengan kawasan banjir. Tapi dengan terbinanya Empangan Bekok, setidak-tidaknya dapat mengurangkan risiko banjir.

Saya suka berbual dengan kawan-kawan dan masyarakat di kawasan Sri Medan, walaupun kata-kata mereka ini kadang-kadang kita boleh dengar, dan kadang-kadang apa yang mereka katakan kita pun boleh mengambil kira sebagai satu cadangan yang cukup konkrit. Saya ingat sebelum berlakunya Empangan Bekok dibinanya Empangan Bekok, kawasan Sri Medan berlaku banjir pada tahun 1986. Tetapi setelah siap Empangan Bekok pada tahun 1990 kalau tak silap saya Yang Berhormat Datuk Speaker, ia telah dapat mengelakkan kawasan Sri Medan daripada banjir, termasuk pembinaan Empangan Sembrong dan hari ini saya ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri Johor dan saya pun telah bercakap di peringkat daerah, dengan Pegawai Daerah Batu Pahat disaksikan oleh rakan-rakan Jawatankuasa Tindakan Daerah Batu Pahat, saya mencadangkan kepada JPS, adakah logik untuk dibina Empangan Sri Medan? Saya tak boleh jawab sebagai Wakil Rakyat, kerana ini bukan bidang saya. Tapi saya dah minta kepada JPS untuk memikirkan bagaimana nak mengelakkan kesengsaraan orang-orang Sri Medan berulang lagi? Saya selalu bercakap dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun saya bercakap ketika taklimat JPS ke, Pejabat Daerah ya.

Apa yang berlaku kira-kira 2 atau 3 minggu yang lepas ia bukan berpunca daripada air yang semata-mata dari Sri Medan, ia adalah air daripada Segamat dan juga Chaah yang daripada Sg. Lenek turun ke kawasan Sri Medan, kerana kebetulan Sri Medan ini bentuk muka buminya adalah kawasan seperti tadahan. Jadi, bila berlaku seperti yang dititahkan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, yang mana kita dengar, yang kita sama-sama dengar,

bahawa hujan dua hari itu seperti hujan sebulan pada ketika itu bila berlaku hujan dua hari, kedudukan di Segamat, di Chaah, kalau dulu masa bulan 1, Balai Polis Chaah pada ketika itu tingginya baru 3 kaki. Untuk banjir yang kali ini, saya ingat melebihi 8 kaki dan saya telah pun mengandaikan dan saya telah maklumkan dengan rakan-rakan di Sri Medan berkemungkinan besar akan berlaku banjir besar di kawasan Sri Medan dan Parit Sulong. Itu yang berlaku Yang Berhormat Datuk Speaker, sebab itu apa yang kita lalui ini tak sanggup saya untuk kita melihat anak-anak untuk 15, 20 tahun akan datang menghadapi masalah yang sama. Kita cerita soal pembangunan setiap kali Dewan Negeri, 10 tahun saya jadi Wakil Rakyat dah. Kita bina jalan daripada jalan 10, 12 kaki kita nak mintak lebarkan, daripada parit yang tidak cukup dalam kita mintak dalamkan ya, bangunan kalau boleh kita nak bangunan pencakar langit, semua kita mohon, semua kita mintak dengan kerajaan negeri bantu. Tetapi oleh kerana dengan 2 minggu sahaja, berlaku banjir seperti ini, rosak, musnah semua pengorbanan kita selama ini. Bukan kata RM10 juta, saya rasa lebih daripada ratus juta kerugian yang apa ditanggung oleh rakyat Sri Medan. Mungkin Yang Berhormat Datuk Speaker tak sampai ke Sri Medan. Kalau di jalan Kampung Parit Warijo tu dengan tinggi kalau biasa pun banjir, tak lebih daripada paras lutut, tapi hari ini sampai ke bumbung rumah. Saya dah tak sanggup nak melihat. Bila orang tua-tua rasa sedih kita dok membayangkan, sabar cik, sabar. Kita sabarkan, sabarkan. Rupanya itu bukan buat-buat kerana ia berlaku pada diri saya, berlaku pada keluarga saya dan juga pada mak saya sendiri. Tak akan kita nak benarkan perkara ini berulang sekali lagi.

Soal tebatan banjir seperti diumumkan oleh Yang Amat Menteri Besar, kita dengar dah lama dah. EXCO, saya ingat EXCO yang berkaitan Alam Sekitar dah sebut dah. Daripada bulan 10 tangguh bulan 11, daripada bulan 11 tangguh tahun ni. Sampai bila? Sampai bila projek tebatan banjir ini sebenarnya akan dijalankan? 15 tahun dah sungai Simpang Kiri Parit Sulong dah cetek. Kalau dulu Sungai Simpang Kiri, saya ingat kalau kata kita nak berenang pun, saya takut, tapi hari ini orang boleh berjalan kaki, orang ketinggian 5 kaki lebih, ini menunjukkan bahawa sungai tu dah semakin cetek. Bila air turun daripada Segamat dan Chaah, air sungai dah tak boleh mengalir dengan laju, dan tak boleh menampung kadar air yang ada yang turun daripada Segamat dan juga Chaah. Saya ingat pihak JPS kena ambil berat, tak boleh menanggungkan, melewati-lewatkan, kerana ini memberi risiko kepada kita semua. Saya tak sanggup Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau hari ini saya cakap dengan rakan-rakan saya di Sri Medan, saya akan cerita soal banjir. Tak kan setiap kali Wakil Rakyat berubah banjir kita akan cerita lagi, soal banjir, banjir, banjir. JPS ataupun Jabatan Metrologi ya, saya rasa kalau kata ramalan cuaca yang lepas, tak ada seorang pun yang boleh memberitahu kita bahawa hujan lebat akan berlaku dua hari. Bagi tahu saya, selepas itu baru dia maklumkan lusa ini mungkin akan hujan lebat tok. Lusa tahu, kenapa 2 hari tu tak tahu? Kita tak bersedia, tak bersedia untuk melalui situasi sukar ini. Kelam kabut jabatan-jabatan, Pejabat Daerah, JKM, JKM pun saya lupa sebut. JKM, semua kelam kabut, tentera, Polis, tetapi itulah yang kita lalui. Sebab itu Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon jasa baik ya, selepas kita melalui situasi yang sukar, selepas ini rakyat pulak menghadapi pasca banjir, apa kita nak bantu? Apa kerajaan negeri boleh bantu rakyat di Sri Medan?

Kita dapat juga Pekeliling daripada NADMA, bantuan RM1,000.00 kepada mereka yang berpindah, mereka yang tidak berpindah, keluar Pekeliling daripada Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, terima kasih, tadi diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. RM300.00 ya, daripada kerajaan negeri. RM1,000.00 daripada NADMA, RM2,500.00 kerosakan barang letrik, RM5,000.00 kalau ada kerosakan rumah. Bila? Bila kita boleh dapat bantuan-bantuan untuk rakyat. Bila? Saya dimaklumkan 3 bulan, 4 bulan, kalau Yang Berhormat Datuk Speaker, saya boleh bawak Datuk Speaker kalau Datuk Speaker pun terlibat dalam banjir saya tahu. Datang Sri Medan tengok ya. Datang Sri Medan tengok macam mana mereka hari ini kalau balik rumah boleh menitiskan air mata. Kerana mereka rasa sedih, sayu melihat keadaan rumah-rumah mereka. Tapi kalau kita umumkan RM300.00 ke, RM1,000.00 ke, RM2,500.00 ke, RM5,000.00. Waima berapalah

RM10,000.00, saya rasa RM5,000.00 pun tak cukup untuk Sri Medan. Saya ingat kalau rumah emak saya, 90% *total loss*, 90%. Perabot, apa semua dah tak boleh guna dah. Bila masa ni, kedai perabot yang untung Yang Berhormat Datuk Speaker. Sampai semua stok dah tak ada. Cuma Parit Sulong saya nak umumkan ini ada perabot jati tu yang ada tu penuh daripada Indonesia dia datang. Dia pandai ambil kesempatan sampai dia tahu bahawa orang Parit Sulong, Sri Medan memang tengah mencari perabot-perabot semua.

Sebab itu Yang Berhormat Datuk Speaker, soal bantuan kita umumkan macam manapun, kita hebahkan macam mana pun, tolong segerakan. Dan juga satu lagi, yang berdaftar dan tidak berdaftar saya setuju dengan saranan Yang Amat Berhormat Menteri Johor, bila kita menghadapi banjir PPSnya, bila dalam keadaan mengejut semua. Satu PPS tidak boleh menampung sampai 100 keluarga, terpaksa berpindah randah sana sini kita buka sub PPS dan sebagainya, ada juga yang tertinggal daripada berdaftar. Mereka pun menghadapi banjir, macam mana kita nak menangani situasi ini? Sebab itu kerjasama daripada yang disebutkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, daripada Pejabat Daerah, daripada Penghulu, daripada Ketua Kampung amat-amat diperlukan pada ketika ini. Wakil Rakyat, Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tahu kita tidak mencampuri urusan tentang pendaftaran dan sebagainya. Kita cuma memudahkan cara untuk mereka berdaftar. Kerana ini kita tahu tanggungjawab kerajaan. Sebab itu Yang Berhormat Datuk Speaker, saya harap dalam kita nak melayani karenah manusia pada hari ini, kita perlu menjadi seorang manusia yang paling, paling lembut hati, yang terbuka kerana kita tidak mahu rakyat bertambah sengsara dengan apa yang berlaku pada hari yang lepas. Itu yang kita harapkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain daripada bantuan-bantuan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya amat bersetuju dan saya terima kasih sebab tu rakan-rakan EXCO yang ada di hadapan saya selepas ini, semak satu-satu agensi-agensi yang di bawah EXCO-EXCO apa yang boleh dibantu. Apa yang boleh dibantu orang Sri Medan? Apa yang boleh dibantu untuk orang Segamat, Chaah? MAIJ, eh, terima kasih Farid. Apa yang boleh dibantu? Contoh, cikgu-cikgu sekolah, bangunan sekolah digunakan sebagai PPS, *WhatsApp* kepada YB, macam mana YB, minta tolong YB, bantu kerana kerusi meja yang rosak kerana banjir, tak kan YB juga yang kena, mana Kementerian? Jabatan Pendidikan Negeri Johor, tak ada data ke PPS ke yang ada sekolah kena masuk banjir, uruskan. EXCO Usahawan, orang Parit Sulong yang meniaga dah habis dah, orang Sri Medan yang meniaga tepi jalan dah habis dah, *stall* ke apa modal nak bulan puasa dah tak ada, macam mana nak bantu? Macam mana nak bantu mereka semua? Kalau kata yang jaga EXCO, yang jaga PBT macam mana nak bantu peniaga-peniaga yang dah rosak barang-barang apa, perniagaan dan sebagainya. Adakah kita boleh kecualikan daripada bayar sewa setahun? Adakah kita boleh kecualikan daripada membayar cukai? Kerajaan bantu, fikirkan, macam mana nak mengurangkan beban yang ditanggung oleh mangsa-mangsa banjir.

Soal nak sekolah, saya tahu, yang daftar pada IPTA, berdaftar nak pergi sekolah menengah dan sekolah rendah. Hari ini bantuan daripada kerajaan, terima kasih, ada YPJ, ada Baitulmal dan sebagainya, adakah dengan bantuan itu mencukupi atau tidak untuk meringankan beban mangsa-mangsa banjir yang dah tak ada apa-apa pun dekat rumah mereka. Terputus bulanan, gaji tak ada dan sebagainya, boleh tak tolong fikirkan. Saya kalau EXCO daripada Pertanian memang biasalah, dia akan terlibat dalam kerosakan pokok-pokok, buah-buahan dan juga tanaman dan sebagainya, PBT macam mana sepatutnya membantu, YB EXCO Alam Sekitar, EXCO Wanita, semua, kalau kita harapkan daripada kerajaan persekutuan dengan kekuatan kewangan kita, eh malulah. Kalau kita tak boleh nak menanggung rakyat di kawasan Sri Medan terutamanya. Lebih umumnya rakyat yang terlibat di negeri Johor, malu, saya ada 63 PPS, 5,675 ketua isi rumah ramai, 20,000 lebih mangsa-mangsa banjir yang terlibat. Saya ucap terima kasih pada 2 hari lepas, Majlis Bandaraya Seberang Prai, hantar jentera lori dan sebagainya dia hantar, tapi mana ya kawan-kawan kita yang lain kat luar sana, 5,675 ketua isi rumah bermaksud ada 5,675 buah

rumah. Saya tanya dengan mereka yang datang daripada Seberang Prai, satu lorong tu, saya tanya dah berapa banyak yang dibawa keluar barang-barang yang rosak? Satu lorong dia pergi dalam panjang tu 50 meter dah 12 roro bin, satu lorong pendek saja, kalau macam ni, kalau kita tak seru rakan-rakan daripada luar untuk bantu bila kita pula nak mengembalikan kehidupan kita seperti biasa?

Kita dah menghadapi anak-anak masuk IPTA, kita dah menghadapi anak-anak mula bersekolah, kita menghadapi bulan puasa orang nak berniaga, kita menghadapi hari raya, saya ingat hari raya tahun ni dah tak ada Yang Berhormat Datuk Speaker dah, kita anggap raya tak ada lah kita tangguhkan tahun depan, cuma kita meraikan kemenangan kitalah, itu saja, dah tak boleh buat apa dah. Maka, tuan-tuan Ahli-Ahli Yang Berhormat, datanglah, datanglah ke Sri Medan, datanglah ke Tenang, datanglah tempat kawan-kawan saya yang lain, anda rasalah sendiri, hari ini kalau kata saya nak ambil video pun, di Jalan Parit Warijo, rumahnya tenggelam hampir 99%, kecuali satu rumah saja ada kaum Cina kan rumah dia tinggi tu tak tenggelam. Kita tak sampai hati. Video itu kita nak tunjuk pun ketika mereka masih di PPS pun kita tak sanggup kerana apa kita tak nak mereka sedih.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tugas kerajaan juga bukan mudah. Kita jangan anggap nanti kita lupa bila banjir dah selesai kita masing-masing buat kerja, kerajaan kena buat *post mortem* semula. Selain daripada soal hujan, apa sebenarnya kejadian ini boleh berlaku? Bijak pandai ramai, orang yang belajar tinggi pun ramai, tak kan mereka yang bijak pandai tak boleh memikir satu yang di luar kotak pemikiran, *beyond excellent*, macam mana nak menyelesaikan masalah banjir di kawasan Sri Medan. Wakil Rakyat bersilih ganti, Wakil Rakyat yang baru pun sama juga. Kita tak hendak perkara sebegini berlaku, bantulah kita. Kenapa berlaku? Macam mana benda ini boleh berlaku? Macam mana kita nak elak kan? Perkara ini jangan kata Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tak terlibat hari ini dia kata "Tak apa kawasan saya tak terlibat". Satu hari akan terlibat. Satu hari mungkin terlibat. Tak kan lah sekadar mengikut prosedur kewangan sehingga memakan masa berbulan, sepatutnya kita ada seperti dimaklumkan oleh EXCO Alam Sekitar, kita ada Datuk kita ada RM42 juta untuk kita program tebatan banjir di kawasan Sungai Simpang Kiri. Tapi bila lamanya nak buat, kita ada membina rumah pam Yang Berhormat Datuk Speaker, 8 buah rumah pam tapi bila, saya bercakap ulang-ulang akhirnya saya seperti menipu rakyat. Sebab tu, tolonglah, ambil perhatian, anggaplah bencana ini sebagai darurat. Yang terpaksa kita lalui bukan kata untuk kita apa, perjuangan kita untuk membantu rakyat kalau kata Tuanku sebut titah 24,000 keluarga terlibat, 75,000 mangsa terlibat, bukan kita boleh anggap itu sebagai satu gurauan. Cakap-cakap kosong. Itu sebenarnya adalah satu yang perlu kita ambil sebagai satu perkara yang cukup serius supaya perkara itu tidak berulang lagi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ada sebut tadi tentang bantuan-bantuan daripada EXCO-EXCO, saya ingat kalau kata selepas Dewan ini, kalau kata EXCO-EXCO ada apa-apa juga bentuk bantuan yang boleh dimaklumkan kepada orang Medan kasi dia ringan sikit, TNB, SAJ pun semua bantu ni. TNB kena bantu nak bagi rebat ke apa ke, kena bantulah. TNB, SAJ, kena ambil tanggungjawab. Kena ambil tanggungjawab bagaimana nak meringankan bebanan orang-orang mangsa-mangsa banjir di Sri Medan. Kena tanggungjawab. Jangan kata, bukan kata kita nak tengok TNB tak untung, SAJ tak untung, bukan, tapi hari ini kita perlu anda. Bila kita perlu anda kena hulurkan bantuan. Jangan lepas tangan kerana kita tidak mahu rakyat kita terus sengsara dengan keadaan yang menimpa mereka sebelum ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berapa minit, oh, tiga minit. Saya melihat bahawa bantuan-bantuan yang ada di peringkat kerajaan persekutuan, yang terakhir, dan juga di kerajaan negeri, perlu selaraskan, jangan ada bertindih, dan juga sukarelawan yang membantu tu perlu diselaraskan sebaik-baiknya. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi melepaskan 500 sukarelawan untuk kawasan Batu Pahat. Saya rasa itu tak cukup lagi. Kita dah tak ada soal sana pembangkang ke, sini kerajaan ke, tak ada YB. Kalau

YB boleh hantar, Tangkak boleh hantar 10 orang pun saya terima, Perling boleh hantar 5 orang pun saya terima, kerana apa kita nak semua merasai, menjiwai rakan-rakan kita yang menjadi mangsa. Sama-samalah bantu. Ini kemanusiaan. Jadi saya pun hari ini belum tutup lagi PPS Yang Berhormat Datuk Speaker, belum tutup lagi. Jadi, saya rasa tak tergamak saya nak meninggalkan rakyat saya di DUN Sri Medan. Tak tergamak. Saya duduk sini, kadang saya masuk *facebook* pakai tali leher, orang sana nak cari baju pun dah susah. Baju terpaksa orang bagi.

Saya dalam perbahasan ini, saya memohon, saya sebagai ADUN Sri Medan mohon pengecualian untuk saya hadir dalam Dewan Negeri sehingga hari Rabu ini. Saya mohon pengecualian. Ramai lagi mereka yang kat sana yang perlu, perlukan kita untuk kita bantu. Kalau kita ada insya-Allah, kerana mereka tahu mereka kenal Wakil Rakyat. Saya minta untuk dikecualikan untuk hadir Sidang sehingga hari Rabu ini untuk saya menguruskan rakyat saya di DUN Sri Medan. Masih ada lagi, masih ada lagi mereka di PPS, masih ada lagi mereka yang kita kena uruskan dengan JKM dan sebagainya. Jadi, saya harap Dewan Negeri Johor dapat meluluskan permohonan saya, saya akan buat secara rasmi kerana inilah salah satu daripada pengorbanan kita sebagai Wakil Rakyat untuk kita bersama rakyat ketika mereka susah. (Dewan bertepuk). Ketika mereka susah kita kena sama-sama.

Jadi saya ucap terima kasih sekali lagi kepada semua rakan-rakan YB yang ada niat nak datang, yang dah datang, yang ada niat teruskan niat yang baik untuk datang Sri Medan, kepada Yang Berhormat Datuk Speaker terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Itu saya akui memang dia menunjukkan keprihatinan yang cukup tinggi dengan rakyat di DUN Sri Medan dah dua kali dia datang dah. Alhamdulillah, terima kasih, jadi EXCO-EXCO teruskan apa yang saya minta tadi saya harap kita dapat maklumkan dengan mangsa-mangsa banjir di kawasan Sri Medan. Saya rasa itu saja, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker kerana memberi ruang kepada saya, terima kasih kepada Kukup, saya menyokong rundingan yang Kukup bawa dan kita harap apa yang berlaku pada hari ini ia tidak akan berulang di masa-masa yang akan datang. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Sri Medan, sesungguhnya apa yang dinyatakan adalah benar dan semuanya adalah benar. Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. Inilah masa untuk kita tunjukkan muafakat Johor. Muafakat itu berkat. Kerana di bawah sana masih ada insan-insan yang berebut baju bantuan yang dihantar ke PPS-PPS. *This is real*. Johor sedang diuji dan kita memegang amanah, gunakan cara yang terbaik. Terima kasih Sri Medan. Selanjutnya kita teruskan dengan menjemput Stulang untuk 30 minit.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih Datuk Speaker, Stulang ingin merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih pada Sultan Johor, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar kerana berangkat ke Dewan dan bertitah merasmikan Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Ke-15. Terima kasih atas peluang yang diberikan untuk membahaskan Titah Tuanku di Dewan yang mulia ini dan ini merupakan kali pertama saya berucap di Dewan ini sebagai Pengimbang ataupun Pemeriksa. Tuanku juga bertitah bahawa gelaran Pembangkang yang diberikan kepada Ahli Dewan di pihak bukan kerajaan adalah kurang sesuai kerana peranan mereka bukanlah hanya membangkang segala cadangan kerajaan. Mereka bertanggungjawab untuk menjadi pengimbang dan pemeriksa terhadap tindakan kerajaan supaya tidak berbuat sesuka hati.

Namun begitu, janganlah pula ada sikap membalas dendam atau suka mencari salah kerajaan. Keadaan politik yang stabil inilah terus dikekalkan dan semua pihak bekerjasama demi untuk rakyat dan negeri Johor. Patik menjunjung kasih atas pengiktirafan Tuanku berkenaan dengan peranan Ahli Dewan bukan kerajaan. Kestabilan yang diharapkan oleh

TuanKu pasti boleh menjelma sekiranya adanya kerjasama yang lebih intim termasuk agensi-agensi dan para pegawai pelaksana.

Biar pun apa nama pun, saya rasa komitmen dan peranan kami untuk berkhidmat adalah pasti dan semangat berbakti kepada Bangsa Johor, kami tidak pernah pudar. Bukan sekadar pengimbang, kami juga menawarkan diri sebagai pelengkap dan rakan strategi dalam menterjemahkan semangat perpaduan yang lebih akrab ini, inisiatif yang saya rasa kedua-dua pihak boleh menerima adalah seperti berikut :

MB atau EXCO boleh mengajak Ahli Dewan bukan kerajaan menyertai apa-apa mesyuarat atau taklimat yang dirasai sesuai dalam membincangkan isu rakyat. Terima kasih kepada EXCO Tenggaroh kerana mengajak dalam mesyuarat dan taklimat juga.

Dan yang kedua, MB atau EXCO boleh mengajak kami turun padang sekali, apabila perlu. Terima kasih kepada Menteri Besar atas jemputan tadi Majlis Pelepasan Konvoi Pasca Banjir. Saya rasa inilah semangat yang kita telah tunjukkan dan terima kasih kepada EXCO Tenggaroh juga kerana menjemput dalam Mesyuarat dan Tinjauan Tapak untuk menyelesaikan masalah banjir dan saya rasa para pegawai belah sana pun rasa selesa kerana tidak ada tekanan politik.

Bagi yang ketiga, bagi pihak kami pula kami akan sentiasa, di barisan kami, sentiasa memberikan input atau pandangan, cadangan yang pasti berguna untuk pembangunan.

Yang keempat, kami juga mengharapkan peruntukan kepada pihak Ahli Dewan Bukan Kerajaan yang cukup untuk pentadbiran dan pemberian terus.

Kami menyambut baik dan menyokong penuh penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Iklim Dan Pengurusan Banjir. Saya pasti Jawatankuasa ini mampu membantu Johor dalam menghadapi banjir monsun, banjir hujan lebat atau banjir kilat di samping menjalin kerjasama *by partism*. Terima kasih atas keputusan Menteri Besar untuk menubuhkan Jawatankuasa ini.

TuanKu juga bertitah, “dengan sokongan dan kerjasama yang padu antara kerajaan negeri dan persekutuan, saya percaya Johor akan maju, membangun dan semua rakyatnya akan kecapai hidup sejahtera”, ini titah TuanKu. Harapan kami adalah kerjasama baharu, BN dan PH di peringkat persekutuan boleh dijadikan panduan dalam apa jua bentuk yang bersesuaian agar muafakat yang matang boleh dijalinkan untuk membincangkan hala tuju pembangunan negeri dan melaksanakan segala pelan dan cadangan.

Keikhlasan kerajaan perpaduan persekutuan terhadap Johor terbukti dalam Belanjawan Madani 2023 di mana beberapa projek pembangunan penting telah pun digariskan. Antaranya adalah naik taraf Lebuhraya Yong Peng - Senai, Lebuhraya Senai - Desaru, Projek Tebatan Banjir, naik taraf hospital, Zon Kewangan Khas, *Mybas* 50 tambahan. Kemudian 2 hari yang lepas, Perdana Menteri juga telah menambah peruntukan tambahan sebanyak RM150 juta bagi Projek Pasca Banjir Johor. Ini merupakan satu suntikan kewangan dan juga semangat kepada Johor. Terima kasih diucapkan kepada Perdana Menteri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, demi memacu dan mengukuhkan ekonomi Johor secara holistik dan mampu menjana kesan ekonomi berantai yang menyeluruh, saya rasa inisiatif berikut perlu direalisasikan. Di sini saya akan sentuh 2 inisiatif. Yang pertama, syarat MM2H, perlu dikaji semula dengan syarat kewangan yang lebih rendah. Program MM2H bermula pada tahun 2002, dibekukan pada tahun 2020 dan dihidupkan semula pada 2021 dengan syarat yang lebih ketat. Stulang mencadangkan agar syarat kewangan yang lebih rendah perlu diperkenalkan agar program MM2H betul-betul mencapai objektif dasar dan

pelaksanaan. Selepas mengalami kancas ekonomi akibat pandemik COVID, Malaysia dan Johor amat memerlukan suntikan ekonomi tarik pelawat asing. Program MM2H dengan syarat yang berpatutan mampu menarik para pelancong yang berkualiti dari luar negara untuk menetap atau berada di Malaysia untuk jangka masa yang lebih panjang. Mereka akan membantu sektor hartanah Johor dari segi penjual rumah dan apabila mereka hidup di sini, mereka akan berbelanja dan menjana peluang pekerjaan serta melipatgandakan kesan ekonomi dalam sektor pendidikan, kesihatan, pengangkutan, perabot, perkakasan, perumahan, hiburan, makanan, minuman selain itu, pelancongan, perniagaan runcit dan perkhidmatan kewangan. Jadi secara kumulatif, mengikut data yang ada, Program MM2H telah berjaya merangsang ekonomi negara dengan pendapatan berjumlah RM11.89 bilion sejak 2002 sehingga 2019. Buat masa ini, ramai orang asing yang berminat untuk memohon merasai syarat MM2H terlalu ketat.

Syarat MM2H sekarang adalah seperti berikut :

1. Pendapatan bulanan adalah sekurang-kurangnya RM40,000.00 berbanding RM10,000.00 sebulan sebelum ini.
2. Angka atau simpanan yang melebihi RM1 juta.
3. Pengisytiharan aset cair sekurang-kurangnya RM1.5 juta.
4. *Fee* proses sebanyak RM5,000.00 bagi prinsipal serta RM2,500.00 bagi setiap tanggungan.
5. Tempoh kumulatif peserta perlu berada di dalam negara sekurang-kurangnya 90 hari setahun.

Jadi, cadangan Stulang berkenaan syarat yang lebih longgar adalah, cadangan saya adalah. pendapatan bulanan RM25,000.00. Angka atau simpanan melebihi RM500,000.00 sahaja, tak payah RM1 juta. Aset cair sekurang-kurangnya RM1 juta. *Fee* proses sebanyak RM5,000.00 untuk prinsipal sahaja. Tanggungan mungkin tidak payahlah. Kemudian untuk tempoh 90 hari berada di Malaysia, saya setuju. Justeru itu, saya menyarankan kerajaan persekutuan dengan agensi yang berkaitan KDN, Imigresen boleh mengadakan perbincangan yang cepat agar syarat-syarat MM2H boleh dilonggarkan demi menjana impak ekonomi yang memberangsangkan.

Pada 25 September 2001, Tuanku juga bertitah, "kaji semula syarat ketat yang ditetapkan sebelum ini dan kekalkan syarat lama dengan membuat beberapa penambahbaikan supaya ia dapat memberikan imbalan positif khususnya pertumbuhan ekonomi agar syarat ketat MM2H boleh disemak segera". Dalam hal ini juga kerajaan Johor boleh terus memainkan peranan untuk meyakinkan kerajaan persekutuan. Yang Berhormat Menteri Besar dan EXCO Perumahan juga pernah mengetengahkan kenyataan berkenaan dengan keperluan longgarkan syarat-syarat MM2H.

Walaupun visa ini merupakan visa lawatan yang menawarkan visa jangka panjang, ia tidak akan menimbulkan kewangan, masalah kawalan imigresen kerana ia perlu melalui kriteria-kriteria tertentu seperti semakan rekod jenayah di mana ia sukar disalahgunakan oleh mereka yang tidak *genius*. Jadi kalau syarat MM2H terlalu ketat maka kita akan hilang peluang menjana punca ekonomi. Kalau terlalu longgar maka timbul isu kawalan jugalah sebagaimana yang saya sentiasa ibaratkan di Persidangan yang dulu. Nak buat apa-apa pun kalau kita tangkap burung, terlalu ringan burung lepas, kalau terlalu ketat burung mati.

Yang kedua, Zon Khas Kewangan. Tuanku juga menyahut baik cadangan kerajaan persekutuan bagi mewujudkan Zon Khas Kewangan di Iskandar Malaysia yang akan menarik lebih ramai pelabur. Kami menyambut baik inisiatif ini kami berharap Zon Khas Kewangan dengan pakej imbuhan berdaya saing di Iskandar Malaysia boleh dilaksanakan secepat mungkin agar mampu menarik lebih ramai pelabur dan pekerja berpendidikan untuk bertapak di Johor sebagai destinasi pelaburan antarabangsa. Johor perlu diakui,

Johor merupakan salah satu negeri yang paling diminati oleh pelaburan dengan telah menarik FDI sebanyak RM70 bilion pada tahun 2022.

Kedudukan Johor yang berdekatan dengan Singapura merupakan salah satu USP, *Unit Selling Proposition*, dengan izin, kemasukan pelaburan asing ini mampu mewujudkan peluang pekerjaan di Johor. Contohnya, sekiranya Singapura melabur dan beroperasi di zon khas Johor sama ada mereka mengekalkan HQ di Singapura atau tidak dengan menawarkan gaji yang hampir setara maka rakyat Malaysia bekerja di Singapura boleh balik ke Johor untuk bekerja. Dengan Zon Khas ini, Johor mesti memastikan adanya unsur pemindahan teknologi, peluang pekerjaan yang bernilai tinggi demi menangani isu *Brain Drain*. Ini boleh dicapai dengan memberikan insentif cukai pada para pelabur asing yang memenuhi kriteria seperti integrasi dengan rangkaian pembekal tempatan dan kewujudan kluster industri baharu.

Limpahan ekonomi dalam sektor hartanah juga lumayan kesan rantaian ke sektor lain juga mampu membawa ekonomi Johor ke tahap yang lebih tinggi. Jadi, adalah diharapkan dengan pertumbuhan ini dengan adanya Zon Kewangan Khas ini, pertambahan pendapatan dapat dijana kepada kerajaan persekutuan dan seterusnya menyalurkan lebih banyak peruntukan khas kepada Johor berlandaskan pendapatan lebihan yang dikutip. Saya rasa ini *win-win situation*.

Demi merancakkan dan mempercepatkan pelaburan tersebut, setiap agensi yang terlibat seperti IRDA, Invest Johor, MITI, MIDA, JETCO, PBT perlu mempunyai koordinasi yang konsisten agar Johor boleh memanfaatkan Zon ini dengan sebaik-baiknya. Jadi, tadi saya cerita tentang MM2H dan Zon Kewangan Khas. Sebenarnya, Zon Kewangan Khas ini dan Program MM2H boleh saling *compliment*. Maknanya, dasar Program MM2H boleh diperbaiki supaya ia bukan sekadar menarik para pelancong yang seolah-olah datang bersara sahaja. Maknanya Zon kewangan Khas dan dasar MM2H boleh dimanfaatkan antara satu sama lain demi mengoptimumkan impak kedua-dua dasar tersebut. Ia boleh diperbaiki dengan memasukkan klausa yang melayakkan mereka sebagai pemegang visa MM2H sekiranya mereka adalah *expatriate* yang melabur di Zon Kewangan Khas. Dengan ini mereka akan membawa keluarga bersama dan berbelanja lebih. Dan saya rasa kedua-dua inisiatif ini kalau diperbincangkan dengan cepat dan ada keputusan yang memberangsangkan saya rasa pasti ekonomi Johor akan balik ke landasan yang betul.

Yang Berhormat Datuk Speaker, negeri Johor dilanda banjir, bencana banjir cukup serius baru-baru ini. Saya sendiri pun mengambil bahagian dalam kerja penyelamat, pembersihan dan pembinaan semula keluarga-keluarga. Terima kasih kepada semua petugas-petugas barisan harapan, pegawai-pegawai kerajaan yang telah mengorbankan masa untuk membantu mangsa banjir. NGO-NGO dan masyarakat yang prihatin baik dari negeri Johor mahupun dari seluruh Malaysia yang menawarkan diri untuk membantu juga patut diberi penghormatan dan penghargaan kerana mereka sama-sama memikul tanggungjawab untuk mengharungi cabaran ini.

Saya mengalu-alukan inisiatif PDRM yang membolehkan mangsa bencana membuat laporan Polis atas talian bagi kes kehilangan dokumen atau barangan yang tidak berkait dengan jenayah. Saya rasa inisiatif yang baik dan cadangan seterusnya saya amat bersetuju dengan Sri Medan bahawa SAJ perlu lakukan sesuai yang cadangan pertama saya adalah, pengecualian bil air untuk bulan Mac bagi kawasan banjir kerana mereka menghabiskan banyak air mentah untuk membasuh rumah. Ia sebagai satu tanda kita bersama dan prihatin terhadap mereka.

Yang kedua, melibatkan semua Wakil Rakyat dalam Jawatankuasa Pengurusan Bencana. Saya rasa ini boleh lihat dengan jelas bagaimana setiap Wakil Rakyat memainkan peranan masing-masing apabila berlakunya bencana. Melibatkan semua Wakil Rakyat, Parlimen,

ADUN dan sebagainya akan memastikan persefahaman yang lebih akrab kerana dalam pengurusan bencana masa itu sangat penting. Kita bekerja dengan masa. Jadi keberkesanan dalam mengharungi setiap fasa adalah penting, fasa banjir, fasa menyelamatkan, fasa pembersihan dan fasa pemulihan. Saya rasa semua ini perlu dilaksanakan dengan lebih teratur yang melibatkan semua Wakil Rakyat.

Yang ketiga, kerja pungutan sampah longgok di tempat perumahan dan tapak transit sementara perlu diuruskan dengan cepat bagi mengelakkan penularan jangkitan kuman. Terima kasihlah kepada EXCO Perumahan yang banyak membantu isu ini dalam memantau sampah longgok dan tapak pelupusan sementara untuk sampah tersebut, terima kasih.

Kemudian, suntikan RM150 juta Pasca Banjir Johor oleh Perdana Menteri, saya rasa boleh dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya untuk mangsa banjir. Saya mencadangkan kerajaan Johor agar menggunakan sebahagian peruntukan tersebut untuk subsidi pembelian perkakasan elektrik atau perabot. Selain itu, boleh juga bekerjasama dan menggalakkan para peniaga elektrik, perabot atau pasar raya mengadakan jualan yang mirip konsep Menu Rahmah, di mana barangan keperluan keluarga yang boleh dijual dengan harga yang lebih murah kepada penduduk.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah mengetengahkan Menu Rahmah mesra, Menu Rahmah untuk mengurangkan kos sarap hidup. Jadi, dalam saat yang genting ini, saya rasa mangsa banjir perlu dibantu untuk membina semula rumah halaman mereka kerana dalam musibah banjir ini ramai telah hilang keringat simpanan mereka yang diusahakan puluhan tahun. Habis dalam masa sehari, dua hari. Habis simpanan, keringat mereka sejak puluhan tahun yang lalu.

Yang kelima, cadangan saya, saya rasa EXCO JPS pun ada sentiasa tengah mengusahakan ialah, saya rasa tahap kemusnahan akibat banjir kilat juga tidak kurangnya serius berbanding dengan banjir monsun, banjir air pasang, banjir dan sebagainya, kerana banjir kilat ini dia berulang-ulang, mungkin setahun 2, 3 kali. Justeru itu, saya harap PBT, JPS setiap daerah boleh mengenal pasti *spot* banjir kilat di setiap daerah dengan tempat dan mencari jalan penyelesaian yang holistik dan dipantau dari semasa ke semasa. Dan ini saya harap pada masa yang akan datang baik persekutuan atau pun negeri, bolehlah memperuntukkan lebih banyak peruntukan kerana ini kepada JPS untuk saluran ini kerana kita perlu menyelesaikan masalah banjir.

Saya juga amat setuju dengan pandangan Kukup yang tadi mengetengahkan isu kesesakan di Tambak Johor dan CIQ. Dan saya rasa, saya tidak pernah tidak menyentuh isu Tambak Johor dan CIQ dalam perbahasan di Dewan Negeri sejak beberapa tahun ini. Dan untuk CIQ ini, ada 3 perkara yang saya rasa yang saya perlu bangkitkan di sini dan saya amat setuju dengan Yang Berhormat Kukup.

Yang pertama, perkongsian data mentah. Saya rasa, selain melaksanakan penambahbaikan yang telah dirancang melalui teknikal *working group* yang ada sekarang, melaksanakan segala penambahbaikan, saya rasa salah satu inisiatif yang perlu kita mula sekarang iaitu perkongsian data mentah. Perlu bermula sekarang. Kita tidak boleh lagi bermula dua tiga tahun yang akan datang, kerana data yang dikutip di Bangunan CIQ, Imigresen, Kastam, JPJ, KDN, PDRM dan sebagainya, data mentah tersebut merupakan data yang paling tepat yang paling berguna kepada kerajaan untuk membuat keputusan. Jadi, saya rasa kita perlu mulakan perkongsian data mentah antara jabatan. Jadi saya memohon agar semua agensi yang berkaitan boleh mengadakan suatu mesyuarat khas penyelarasan untuk merangka bagaimana data setiap jabatan di pintu masuk CIQ ini boleh dikongsi bersama agar pada masa depan kita boleh menggunakan *artificial intelligence* dan *big data* untuk memproses data agar kerajaan boleh membuat keputusan yang tepat berkenaan dengan pelaburan, pelancongan, keselamatan dan sebagainya kerana banyak negara telah pun melaksanakan

dasar ini. Jadi, mohon semua agensi yang berkaitan, duduk bersama membincangkan perkongsian data dan pemprosesan data.

Yang kedua, saya setuju juga iaitu tandas. Pintu masuk tandas di CIQ tidak boleh kotor. Dan sekarang masih lihat lagi tidak *up to the standard*. Jadi saya rasa sejajar dengan Johor Bersih, sejajar dengan inisiatif Menteri, Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan yang inginkan tandas yang bersih dan wangi dan saya rasa kita perlu menaik taraf atau pun memperbaiki keadaan sedia ada. Jadi, saya mohon KDN yang menyelia bangunan untuk baik pulih kebersihan tandas di pintu masuk CIQ kerana ini merupakan imej negara Malaysia dan Johor.

Yang ketiga, berkenaan dengan ketidakcukupan..

YB Timbalan Speaker : Stulang, panjang lagi?

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Tak, tak. 2 minit lagi, boleh?

YB Timbalan Speaker : Ok.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Yang ketiga, JB Sentral, yang ketiga tadi Kukup juga ada menyentuh tentang ketidakcukupan *parking*. Saya rasa mungkin, saya rasa, saya memohon kepada pihak JKR untuk mengkaji sama ada boleh tak, JB Sentral dengan kedua-dua sayapnya atau adakah kita boleh tambah tingkat. Sekarang, saya rasa hanya 4 tingkat. Adakah boleh tambah, 2 atau 3 tingkat lagi? Ya, ke atas supaya ada tempat lagi untuk kita buat parkir. Saya rasa, harap mohon JKR mengkaji kalau boleh adalah baik, saya rasa kita boleh mengurangkan kesesakan, ketidakcukupan parkir di CIQ, BSI.

Jadi, kesimpulannya, sebagai barisan pengimbang, kami mengharapkan kerjasama lebih akrab dengan MB, EXCO, para pegawai pelaksana. Dan yang kedua, kami berharap, saya berharap kita boleh, kerajaan boleh longgarkan syarat MM2H dengan segera dan Zon Kewangan Khas di Johor perlu dilaksanakan secepat mungkin dengan memastikan kita ada kewujudan lebih banyak peluang pekerjaan bernilai tinggi. Dan, berkenaan mangsa banjir, saya rasa banjir ini merupakan salah satu isu yang hangat, yang akan dan yang telah pun diperdebatkan, dibahaskan dalam Dewan ini, jadi marilah kita Bangsa Johor bersama-sama mengharungi cabaran banjir di Johor. Terima kasih kepada semua yang menghulurkan bantuan. Dan saya akhirnya mohon menyokong Rundingan Menjunjung Kasih Titah Tuanku. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih, Stulang. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.09 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung sekarang. Dijemput, Yang Berhormat Bekok untuk mengambil bahagian.

YB Tuan Tan Chong (Bekok) : Terima kasih, Datuk Timbalan Speaker, selamat petang dan Salam Maju Johor kepada Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Terlebih dahulu, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Dewan yang mulia ini kerana memberikan kesempatan sekali lagi kepada saya untuk

memberikan ucapan dalam Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Ke-15 pada petang yang mulia ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan sidang Dewan yang mulia, di dalam Titah Kebawah Duli Tuanku, Tuanku menzahirkan rasa sedih dan simpati terhadap rakyat yang berhadapan dengan musibah banjir dan berharap agar rakyat bersabar dan tabah dalam menghadapi dugaan ini. Kebawah Duli Tuanku juga berharap agar keadaan politik yang stabil pada masa ini terus dikekalkan dan semua pihak bekerjasama demi untuk rakyat dan negeri Johor.

Sebelum saya meneruskan ucapan mewakili rakyat di kawasan saya, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan negeri Johor, khususnya Yang Amat Berhormat Datuk Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Johor yang telah menggerakkan agensi-agensi kerajaan bagi membantu mangsa banjir di Parlimen Labis, terutamanya di kawasan saya, DUN Bekok, Chaah. Dan menyalurkan bantuan berupa makanan dan tenaga kerja, membersihkan rumah mangsa banjir melalui *Southern Volunteers*.

Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar juga telah turun ke padang menziarahi dan menyantuni mangsa-mangsa banjir serta menyampaikan sumbangan kepada mereka. Sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar yang amat prihatin kepada rakyat di Segamat.

Ucapan terima kasih juga saya kalungkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat EXCO Kerajaan Johor yang turut turun padang meninjau dan memberi bantuan kepada mangsa-mangsa banjir di dalam Parlimen Labis.

Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua jabatan-jabatan kerajaan, pertubuhan-pertubuhan *NGOs*, dan individu-individu perseorangan yang begitu gigih membantu mangsa-mangsa banjir di Parlimen Labis dengan menyediakan makanan lebih 30,000 bungkus dengan memasak secara gotong-royong dan bekalan barang-barang keperluan seperti tilam, selimut dan sebagainya untuk diagihkan kepada mangsa-mangsa banjir di Parlimen Labis.

Pada 28 Februari 2023, hujan mulai turun dengan lebat tanpa henti sekitar lebih 24 jam dan air mulai naik pada 1 Mac 2023, jam 1.00 pagi sedalam satu kaki hingga tiga kaki dan pada jam 4.00 pagi air meningkat sehingga empat kaki ke enam kaki dalam khususnya di Pekan Chaah. Secara peribadi, saya selaku ADUN Bekok merasa kagum atas komitmen yang tinggi ditunjukkan oleh jabatan kerajaan dari dalam dan luar kawasan bagi membantu mangsa-mangsa banjir. Saya amat berterima kasih kepada semua yang membantu mangsa-mangsa banjir di kawasan saya.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan sidang Dewan yang mulia. Kesan yang dialami oleh mangsa-mangsa banjir di dalam Parlimen Labis amat dahsyat sekali. Semua peralatan rumah dan premis perniagaan rosak dan tidak boleh digunakan lagi. Oleh yang demikian, saya ingin bertanyakan di dalam Dewan yang mulia ini, adakah kerajaan negeri Johor bercadang untuk memberikan insentif-insentif kepada mangsa-mangsa banjir di dalam Parlimen Labis? Seperti, pengecualian atau mengurangkan bayaran cukai taksiran dan lesen perniagaan kepada rumah atau premis perniagaan yang terjejas banjir atau pengecualian bayaran sewaan premis-premis Pihak Berkuasa Tempatan, seperti gerai, pasar dan sebagainya serta memberikan sumbangan berbentuk wang tunai kepada peniaga-peniaga yang terjejas dengan bencana banjir.

Rakyat sekarang ini berada di dalam situasi yang tertekan selepas kejadian banjir dan di samping rakyat menghadapi masalah ekonomi yang sangat mencabar. Selain daripada itu

juga, saya ingin membawa beberapa perkara di dalam Dewan yang mulia ini berkaitan masalah yang dialami oleh rakyat yang berada di dalam DUN saya.

Pertama, Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan sidang Dewan yang mulia. Berkaitan masalah gangguan bekalan air yang sering berlaku di kawasan DUN Bekok. Ianya melibatkan masalah tekanan air yang rendah dan paip pecah.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker dan sidang Dewan yang dimulihkan. Air adalah merupakan salah satu keperluan asas yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Air diguna untuk banyak perkara dan aktiviti penting seharian dan setiap manusia ber.. seperti untuk memasak, minuman, mandi dan sebagainya. Dengan ketiadaan air boleh menimbulkan rasa kurang selesa dan boleh menimbulkan perbalahan di dalam keluarga, masyarakat dan juga tidak ketinggalan tohmahan kepada Wakil Rakyat.

YB Datuk Timbalan Speaker, di sini saya ingin maklumkan kepada kerajaan negeri Johor melalui Pengerusi Jawatankuasa yang menjaga bekalan air, Pengerusi Kerja Raya, Pengangkutan dan Infra Negeri Johor, Yang Berhormat Bukit Pasir.

Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa saya telah membangkit perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini tetapi sampai sekarang masalah tekanan air yang rendah dan paip yang mudah pecah masih berlaku di sana sini di kawasan saya di DUN Bekok khususnya di Labis dan Chaah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, baru-baru ini berlaku gangguan bekalan air terputus terus pada 25 hingga 27.2.2023 dan bekalan air terputus lagi akibat banjir besar bermula 1 hingga 5.3.2023. *Total* 8 hari tiada bekalan air. Dan bila saya menelefon Ranhill SAJ Segamat berkenaan bekalan air yang terputus sebelum banjir besar, alasan yang diberikan adalah sangat tidak logik. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker bahawa di kawasan saya sering berlaku paip pecah terutamanya di Jalan Tan Cheng Lok, Chaah pada 29.07.2022, 25.10.2022, 28.10.2022 dan 05.01.2023, 16.01.2023 baru-baru ini, 13.03.2023 di mana dalam tempoh 8 bulan kerap pecah sebanyak enam kali di lokasi yang sama, jalan yang sama dan setiap kali paip pecah, penduduk akan terputus bekalan air selama dua hingga tiga hari dan yang terkini pada 11 hingga 16.03.2023, ianya selama enam hari terputus bekalan air. Persoalannya, sampai bilakah masyarakat dalam kawasan Labis akan menghadapi situasi ini? Saya sebagai Wakil Rakyat tebal telinga mendengar sindiran mereka. Justeru itu, saya ingin mendapat kepastian daripada Yang Berhormat Bukit Pasir, apakah sebenarnya masalah yang berlaku di dalam Ranhill SAJ? Ini menyebabkan kami masyarakat di kawasan Labis menanggung kesusahan sekian lama dan melebihi 30 tahun tanpa menampakkan jalan penyelesaian. Saya mengharapkan kerajaan negeri Johor ambil maklum permasalahan ini dan membawa permasalahan ini ke peringkat atasan Ranhill SAJ.

Yang Berhormat Datuk Speaker dan sidang Dewan yang mulia, perkara kedua adalah berkaitan operasi menukar meter elektrik dilakukan oleh kontraktor yang dilantik oleh Tenaga Nasional Berhad kepada premis-premis di dalam DUN Bekok. Yang Berhormat Datuk Speaker, sejak kebelakangan ini, di Parlimen Labis, terutamanya di kawasan saya DUN Bekok, pihak Tenaga Nasional Berhad sedang giat menukar meter TNB di premis-premis kediaman dan perniagaan. Ada beberapa kes kontraktor TNB yang diberi tanggungjawab untuk menukar meter tersebut datang semasa pemilik premis ada di rumah, tetapi setelah meter dibuka, kontraktor tersebut tidak menunjukkan meter yang dibuka kepada pemilik premis. Kemudian pemilik premis dapat surat saman dengan alasan mendakwa bahawa pemilik premis tersebut telah membuat pindaan atau ubahan pada meter tersebut, sedangkan pemilik premis tersebut langsung tidak menyentuh pun meter tersebut. Oleh yang demikian, saya meminta pihak kerajaan negeri Johor melalui Pengerusi Jawatankuasa yang berkenaan supaya mengambil langkah segera dan proaktif bagi

menyelesaikan isu ini kerana sekiranya isu ini dibiarkan dan tidak diambil tindakan, ianya akan menghilangkan kepercayaan rakyat kepada pengurusan kerajaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker dan sidang Dewan yang saya muliakan, perkara ketiga, berkaitan masalah jambatan putus di dalam kawasan DUN Bekok. Pada masa kini, terdapat sebuah jambatan yang senantiasa digunakan oleh penduduk dan masyarakat setempat iaitu dari Chaah ke Bekok telah rosak dan terputus. Pihak Jabatan Kerja Raya Daerah Segamat telah memberikan jadual pelaksanaan bagi membina jambatan baru, namun keseluruhan proses untuk membina dan menyiapkan jambatan tersebut makan masa antara dua ke tiga bulan bermula dari Mac hingga Mei tahun 2023. Pada masa kini, pihak pengurusan Ladang Achi Jaya memberikan kebenaran sementara untuk menggunakan jalan Ladang Achi Jaya kepada masyarakat setempat. Namun masa penggunaan jalan yang diberi adalah terhad iaitu bermula jam 6 pagi hingga 7 malam dan kenderaan berat tidak dibenarkan menggunakan laluan tersebut selepas jam 7 malam. Bagi kenderaan berat yang membawa hasil ternakan dan pertanian, ianya sangat memerlukan penggunaan jalan tersebut selepas jam 7 malam. Ini adalah kerana bagi kenderaan yang membawa muatan hasil pertanian dan ternakan sememangnya perlu menggunakan laluan tersebut selepas jam 7, jam 7 malam bagi perjalanan semasa terutamanya yang akan menghantar muatan ke Singapura. Saya minta kepada Yang Berhormat Pengerusi Kerja Raya, Pengangkutan dan Infra Negeri Johor, ianya Yang Berhormat Bukit Pasir proses bagi pembinaan jambatan boleh dipercepatkan di dalam keadaan situasi bencana yang melanda, memohon kebenaran dari pihak pengurusan jalan Ladang Achi Jaya untuk membenarkan kenderaan berat melalui jalan Ladang Achi Jaya selepas jam 7 malam sehingga jambatan siap dibina semula.

Perkara keempat, berkaitan masalah banjir di dalam kawasan DUN Bekok, sebenarnya masalah banjir di kawasan saya adalah masalah biasa setiap tahun atau setiap dua tahun sekali, bagi kawasan rendah yang sering dilanda banjir bila musim tengkujuh sampai. Tapi apa yang saya ingin bangkitkan di dalam Dewan yang mulia kali ini adalah banjir yang baru lepas iaitu banjir pada bulan Januari.

YB Timbalan Speaker : Bekok, masa

YB Tuan Tan Chong (Bekok) : Minta dua minit, kerana banjir. Pada bulan Januari dan Februari selain yang berlaku awal Mac yang lalu, sebagai contoh di Kampung Sungai Gatom, Labis, Kampung Jawa, Chaah dan Kampung Kangkar, Chaah, kalau nak dikira pada bulan Januari dan Februari yang lalu, kawasan tersebut tidak ditenggelami air, tetapi tiga kawasan yang saya nyatakan tadi telah ditenggelami air separas satu hingga dua kaki dalam, di dalam rumah. Banjir ini adalah disebabkan sistem perparitan tidak dapat berfungsi dengan baik, malah parit-parit tersebut membawa air sungai untuk masuk ke dalam kampung. Oleh yang demikian, saya memohon kerajaan negeri Johor, melalui Pengerusi Jawatankuasa yang berkenaan, dapat meninjau dan memikirkan cara mana untuk menghalang air sungai berdekatan masuk ke kawasan kampung sehingga menyebabkan banjir yang akhirnya menyusahkan rakyat. Akhir bicara, serangkap pantun dari saya. Johor gemilang naungan Tuanku, pemimpin bijak mentadbir negeri, Johor makmur rakyat bersatu, permata selatan sentiasa di hati. Saya Bekok mohon menyokong. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Bekok. Dijemput seterusnya, Yang Berhormat Layang-Layang.

YB Tuan Haji Abd Mutalip bin Abd Rahim (Layang-Layang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Maju Johor dan Salam Perpaduan. Bismillahirrahmanirrahim. (Doa.) Yang Berhormat Datuk Speaker dan Ahli Dewan yang saya muliakan, pertamanya saya sangat-sangat bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana sekali lagi saya dapat bersama-sama berbahas di dalam Dewan yang mulia ini bagi penggal yang

kedua, Persidangan Penggal Kedua Yang Ke-15, Dewan Negeri Johor, terutamanya saya ingin merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim, di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sudi hadir dan seterusnya bertitah merasmikan Persidangan pada kali ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor dan kerabat-kerabat Diraja yang telah berkenan sudi hadir di dalam Majlis Persidangan ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, boleh dikatakan rata-rata Wakil Rakyat yang berucap sebelum ini menceritakan tentang banjir. Saya ingin bawakan satu ayat, firman Allah SWT (bacaan firman) yang bermaksud, *“bertakwalah kamu kepada Allah SWT bahawa sesungguhnya ujian atau pun fitnah itu tidak akan menimpa kepada orang-orang yang zalim sahaja, dan ketahuilah olehmu bahawa sesungguhnya Allah SWT sangat dasyat pembalasanNya.”*

Dengan sebab itu saya ingin jelaskan dalam Dewan yang mulia ini, alim ulama ada menyatakan bahawa tiga golongan manusia yang akan menerima musibah itu. Yang pertamanya, dia akan menganggap bahawa musibah itu adalah hukuman dan juga azab. Sebab itu banyak kita dengar orang mengeluh, Wakil Rakyat pun mengeluh, saya sendiri pun terlibat juga tuan-tuan. Ada lebih kurang 100 orang, 100 keluarga terlibat, tapi tidak lama, empat hari sahaja. Yang pertama menganggap bahawa musibah itu sebagai hukuman dan juga azab, yang kedua menganggap sebagai penghapus dosa, yang ketiga dia meyakini bahawa musibah itu adalah untuk menguatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Kalau kita lihat daripada tiga jenis golongan manusia ini, golongan yang kedua yang menganggap sebagai penghapus dosa, yang ketiga meyakini bahawa musibah itu adalah untuk menguatkan keimanan dan ketakwaan, dua golongan ini sahaja yang dikira sebagai orang yang diredai oleh Allah SWT. Yang pertama jangan termasuk dalam golongan bahawa Allah hukum kita, Allah sedang azab kita, umat Nabi Muhammad SAW di akhir zaman ini tidak ada yang akan dihapuskan dengan musibah sebagaimana kaum Ad, di negeri Sabak begitu juga kaum Nabi Luth AS, begitu juga kaum Nabi Nuh AS.

Jadi, kita berpegang bahawa apa yang berlaku pada hari ini bahawa ini adalah ujian yang bertujuan untuk menguatkan keimanan kita kepada Allah SWT. Mungkin senang kita sampaikan kepada masyarakat, tapi bagi mereka-mereka yang mengalami mungkin mereka tidak dapat bersabar, maka dengan sebab itu, saya rasa mereka-mereka yang terlibat dengan musibah ini perlu diberikan kaunseling, takut mereka ini sentiasa menyalahkan Allah SWT di samping mereka kekurangan harta, kita bimbang mereka ini juga kekurangan iman. Jadi itu sebab kita perlu ada kaunseling supaya mereka ini sentiasa bersabar dan teruskan hidup. Di samping itu, yang penting sekali untuk menambahkan kesabaran mereka dan keimanan mereka, kita sebagai kerajaan pada hari ini perlulah berusaha membantu mereka dengan apa jua cara sekalipun sebagaimana yang dipohon sendiri oleh Sri Medan dan yang lain-lain tadi.

Saya pernah menegaskan di dalam Dewan yang mulia ini, di dalam perbahasan Persidangan yang lepas, bahawa apabila sesuatu wabak dah mula berakhir, pasti kita akan bertemu dengan dua keadaan, ini disebutkan oleh alim ulama. Yang pertama, sama ada kita akan mengalami satu banjir besar dan yang kedua kemarau yang panjang. Dan kita akan juga bertemu dengan tiga krisis, yang pertama krisis cuaca, yang kedua krisis kesihatan dan yang ketiga krisis makanan. Dan ini semuanya dah nampak dan saya dah beritahu dah, boleh semak pada verbatim tu, boleh semak apa yang pernah saya sampaikan. Iaitu di dalam hal ini tuan-tuan dan puan-puan sekalian menyentuh tentang banjir, banyak tempat yang saya pergi terutamanya di kawasan saya khususnya di Simpang Renggam, yang saya yang paling bersedih ialah mereka-mereka yang baharu bangkit memulakan semula kawasan pertanian mereka selepas COVID ini beransur pulih. Mereka dah nak menuai,

tinggal dua bulan lagi nak menuai, ada sebulan lagi nak menuai, ada setengahnya sedang menuai, ditimpa banjir dan kata orang tu istilahnya, sudah jatuh, ditimpa? Ditimpa tangga. Tambah lagi, ditimpa raga, raga yang dibawa. Sudah jatuh ditimpa tangga, ditimpa raga, maknanya bertimpa-timpa musibah itu tadi. Jadi itu sebab saya minta pada pihak kerajaan, khususnya Kementerian Pertanian khususnya bagi EXCO kita hari ini melihat balik bantuan-bantuan mungkin kita boleh pohonkan bagi mereka, mereka sendiri cakap dengan saya, sampaikan pada saya, sebab musibah kali ini agak besar, kalau di Simpang Renggam, tu kawasan tanaman kontan ini saya rasa lebih daripada beratus ekar lah, beratus ekar, ada yang terpaksa keluarkan hasil pertanian dalam, belum tempoh masanya lagi tapi mereka dapat jugalah selamatkan sedikit, daripada rugi besar, lebih baik ada sedikit pulangan untuk mereka sekurang-kurangnya mereka boleh jadikan modal untuk memulakan semula pertanian mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, apabila kita menyebut juga tentang banjir, saya ingat pada tahun ini berdasarkan banjir yang sangat besar, menyamai banjir yang berlaku pada tahun 2006. Di mana kadar hujan yang turun dalam tempoh dua hari itu, menyamai hujan yang turun dalam tempoh sebulan. Saya ingat pihak kerajaan pada hari ini walaupun dah disebutkan tadi ada peruntukan-peruntukan daripada pihak kerajaan pusat, ya? Yang akan diturunkan, jadi saya ingat mungkin perlu dilihat lagi perkara-perkara yang lain, ini belum kita cerita lagi tentang penternak-penternak ini tadi ini, yang penternak kambing, penternak lembu. Ya? Yang kerugian-kerugian mereka ini perlu dinilai balik, kalau tak boleh bantu keseluruhannya, kita bantulah mana yang boleh dibantu 'maqalla wadalla', apa yang kita boleh bantu sekurang-kurangnya boleh meringankan beban mereka, kalau tak mampu semua, jangan tinggalkan semua. Ha, ini kaedah yang kita kena gunakan pada hari ini supaya sekurang-kurangnya dapat meringankan beban mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dan Ahli Dewan yang saya muliakan. Saya tak ada banyak perkara yang saya nak sebutkan dalam sesi perbahasan pada kali ini, cuma saya ingin mengambil dan melihat sedikit sebanyak perkara yang telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku tentang tauliah, penceramah di negeri Johor. Saya ingat perkara dakwah ini sangat baik. Ya? Tetapi peraturan itu juga penting bukan tujuan untuk menyekat, tetapi untuk kita nak menyelaras. Semasa saya menjadi Pengerusi Jawatankuasa Agama dahulu, kita telah pun menyekat 16 orang penceramah yang kita kenal pasti kandungan ceramah atau pun doktrin yang dibawa, fahaman yang dibawa di dalam penyampaian itu boleh membawa kepada salah faham dan boleh memesongkan akidah umat Islam di negeri Johor. Maka dengan sebab itu juga di dalam Dewan yang terdahulu semasa itu pernah kita buat pindaan bahawa di negeri Johor ini hanyalah fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran Al-Assyariah dan al-Maturidiah. Dari segi sudut amalannya merujuk kepada Mazhab as-Syafie, begitu juga dari segi sudut akidahnya tadi kita rujuk kepada, apa Ahli Sunnah Wal Jamaah dan juga dari segi tasawufnya merujuk kepada Imam Al-Ghazali. Sebab itu dipinda, sebab kita nak selaraskan supaya jangan ada, mereka boleh nak buat, mereka nak amalkan boleh tetapi mereka tidak boleh menyebarkan dalam satu kelompok dalam masyarakat kita pada ketika ini.

Cuma yang saya inginkan hari ini maklumkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa hari ini melalui media sosial, terlalu banyak sangat yang kalau kita lihat pada hari ini penceramah-penceramah baik muda, baik pertengahan, baik dah tua dan sebagainya itu menyampaikan fahaman-fahaman ini dan ini sukar disekat, ini terlalu susah untuk disekat kerana dia berada di mana-mana, kadang-kadang kalau kita tengok ada majlis ilmu di depan sana ada penceramah tapi dia boleh dengar ceramah lain di *handphonenya* sendiri. Jadi, itu sebabnya tuan-tuan saya mintalah pada kerajaan pada hari ini, kalaulah katakan hari ini penceramah itu mesti ada tauliah.

Ada satu perkara yang ingin nyatakan, dalam Sambutan Maulidur Rasul biasanya penceramah ini tadi ini, penganjur-penganjur nak menjemput penceramah-penceramah

daripada luar, disediakan garis panduan supaya ada kemudahan yang boleh diberi sebab mereka ni *public figure*, ada peminat-peminat mereka yang nak panggil mereka, nak jemput mereka jadi kita sediakan peraturan, bukan tak boleh, macam dulu-dulu boleh, tapi kita sediakan peraturan yang mana yang kita dah *blacklist* itu jangan langsung diberikan kebenaran. Kita berikan supaya macam mana cara mereka boleh dapat dakwah itu sekiranya diadakan di masjid boleh meramaikan lagi mereka-mereka yang hadir di masjid. Selain daripada itu juga, yang saya bimbangkan tentang fahaman-fahaman dan doktrin-doktrin yang salah ini ia bermula di sekolah. Sekolah Agama Negeri Johor seiring dengan sekolah pendidikan akademik di sekolah kebangsaan darjah satu sehinggalah ke tingkatan satu mereka akan habis darjah khas Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor tetapi setelah tingkatan dua, sehinggalah ke tingkatan enam. Kalau mereka sampai ke tingkatan enam di sini ada ruang saya rasa pendidikan sekolah agama, pendidikan agama yang formal tidak ada. Maka itu sebab saya juga diberitahu oleh guru-guru bahawa sekarang ini kurang ada program sebaran dakwah daripada Jabatan Agama Islam Negeri Johor yang datang ke sekolah-sekolah mengadakan program-program sebaran dakwah. Ini penting, sebab ini nak mengukuhkan akidah anak-anak kita ini sekarang ini yang mana hambatannya yang cukup banyak bermula daripada tingkatan dua hinggalah mereka ini berumur 17 hingga 18 tahun.

Di sinilah yang paling banyak mereka menerima fahaman-fahaman dan sekiranya pihak yang berwajib khususnya Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Majlis Agama Islam Negeri Johor tidak tampil untuk tampil ataupun menyediakan program keagamaan melalui program dakwah sebaran Islam di sekolah-sekolah menengah, saya bimbang anak-anak kita ini nanti akan terpesong fahaman mereka. Jadi perlu diperkasakan, kita di negeri Johor ada sekolah agama yang dah 100 tahun usianya. Maka dengan sebab itu penting supaya selepas mereka sekolah agama, anak-anak kita ini tidak dibiarkan malah mereka ini dibimbing dengan program-program keagamaan melalui pihak sekolah Kementerian Pendidikan dan juga Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya sangat-sangat bersyukur ke hadrat Allah SWT, di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku bertitah di dalam Majlis Persidangan ini dan sendiri memuji wakil-wakil rakyat. Satu pujian yang kita perlu hargai dan kita perlu pertingkatkan dari masa ke semasa dari segi perkhidmatan kita kerana setiap perkhidmatan kita itu akan ditanya oleh Allah SWT sebab kita ni pemimpin (ayat al-Quran) 'tiap-tiap daripada kamu adalah pemimpin dan pemimpin itu akan ditanya akan kepimpinannya'.

Yang Berhormat Datuk Speaker, setakat itu yang saya sampaikan dalam perbahasan ini, Layang-Layang mohon menyokong ucapan Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. (Dewan bertepuk.) Wabillahi taufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Layang-Layang, seterusnya dijemput Yang Berhormat Perling.

YB Tuan Liew Chin Tong (Perling) : Terima kasih Dato' Speaker, Perling menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar atas kesudian Baginda mencemar duli untuk bertitah di Dewan yang mulia ini. Saya mengalu-alukan titah Tuanku Sultan bahawa pihak pembangkang boleh digelar sebagai pengimbang kerajaan. Tuanku bertitah, saya petik, 'peranan mereka bukanlah hanya membangkang segala cadangan kerajaan, mereka bertanggungjawab untuk menjadi pengimbang dan pemeriksa terhadap tindakan kerajaan supaya tidak berbuat sesuka hati'.

Pada bulan Jun tahun lepas, saya memaklumkan kepada dewan ini bahawa peranan pihak pembangkang sebagai badan semak dan imbang terhadap kerajaan negeri demi memastikan setiap dasar dan keputusan dibuat benar-benar memberi kesan positif kepada pembangunan negeri dan bangsa Johor. Malah, blok pembangkang Dewan Negeri Johor kali ini sudah bersedia menjadi pembangkang yang memberi pandangan yang konstruktif.

Sejak bulan Jun lalu, blok pembangkang di sebelah sini atau pengimbang telah memainkan peranan sebagai pembangkang yang konstruktif dan dulu dipimpin oleh saya, sampai bulan Disember dan sekarang dipimpin oleh YB Stulang. Sejak awalnya, kami memilih pendekatan konstruktif dan patik menjunjung kasih kepada Tuanku Sultan atas titah berkenaan peranan pengimbang kami.

Kita dalam suasana politik yang baharu di mana kerajaan perpaduan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ditubuhkan selepas tiada parti mempunyai majoriti dalam PRU. Selepas 100 hari usaha Perdana Menteri dan ahli-ahli kerajaan yang menekankan semangat perpaduan dan kerjasama di antara semua parti di bawah kerajaan perpaduan dan di kalangan dan perpaduan di kalangan rakyat jelata berbilang kaum dan latar belakang telah menunjuk juga berhasil. Kerjasama yang erat di antara Perdana Menteri dan Menteri Besar Johor dalam pengurusan musibah banjir baru-baru ini, boleh kita teruskan untuk merangkumi semua bidang urusan kerajaan. Dan ini hasrat dan harapan kami supaya ada perhubungan yang lebih erat dan supaya mewujudkan satu perhubungan yang boleh membantu dan memberikan impak dan kesan positif kepada semua rakyat Johor.

Dan kami harap bahawa kerjasama ini boleh memulakan padanan politik baharu ataupun *new political order* bukan sahaja di Johor tetapi di seluruh negara. Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Stulang telah menyatakan sokongan blok pembangkang terhadap cadangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar agar sebuah Jawatankuasa Perubahan Iklim Dan Pengurusan Banjir Merentas Parti ditubuhkan untuk meneliti dan mengkaji secara keseluruhan kesan perubahan iklim dan pengurusan banjir. Saya juga harap semua jawatankuasa-jawatankuasa yang telah di tubuh sebelum ini oleh Dewan yang mulia ini untuk penggal ini seperti Jawatankuasa Berkenaan Persempadanan Kawasan-Kawasan ataupun Jawatankuasa Kira-Kira Awam akan bersidang secara kerap dan menghasilkan laporan-laporan dan dibentangkan dan juga dibahaskan oleh Dewan kita.

Jika jawatankuasa-jawatankuasa yang tersebut, yang saya sebut tadi berjaya dan saya harap saya boleh ulangi apa yang saya telah cadang tahun lepas bahawa tiga lagi jawatankuasa berkenaan dasar-dasar ditubuhkan oleh Dewan ini supaya mencari konsensus merentas parti terhadap isu-isu jangka panjang dan isu-isu yang merangkumi semua portfolio.

Jawatankuasa-Jawatankuasa yang saya cadang sebelum ini ialah berikut :-

Pertama, Jawatankuasa Pilihan Kerjasama Johor-Singapura. Memang ekonomi kita bergantung terhadap hubungan ekonomi kita bersama dengan negara Singapura dan memang kita di sini lebih faham apa yang berlaku di Tambak Johor, apa yang berlaku di sini. Adalah penting untuk kita ada konsensus dan kita ada cadangan untuk kerajaan pusat, kerajaan persekutuan dan dilaksanakan oleh kerajaan persekutuan demi kebaikan ekonomi Johor.

Kedua, Jawatankuasa Pilihan Pemeraksanaan Federalisme dan Kuasa Negeri. Ini juga telah dititahkan oleh Tuanku, tahun lepas bahawa hubungan di antara persekutuan dan negeri terutama dari segi fiskal, dari segi kewangan adalah lebih baik kita kaji semula supaya memberikan kerajaan negeri lebih banyak sumber dari cukai. Supaya kerajaan negeri juga boleh mengambil alih atau pun memainkan peranan yang lebih penting dalam pelbagai bidang terutamanya saya rasa pengurusan jalan raya dan juga penyelenggaraan jalan raya.

Jawatankuasa ketiga yang saya cadangkan ialah Jawatankuasa Pilihan Ekonomi dan Kesejahteraan Bangsa Johor. Ini juga satu bidang di mana, boleh kita mewujudkan konsensus boleh kita mewujudkan kerangka atau pun idea-idea yang merentasi parti, supaya kita boleh janakan ekonomi kita dengan idea yang baru.

Jawatankuasa-jawatankuasa Dewan yang merentasi parti, bukan sahaja memberikan peluang kepada ahli-ahli pembangkang atau pengimbang dilibat uruskan dalam proses penggubalan dasar, malahan juga memberikan peluang yang sama kepada ahli-ahli *backbenchers*. Barangkali ahli-ahli *backbenchers* tidak ada peluang untuk melibatkan diri dalam proses kerajaan menggubalkan dasar dan saya harap ini cadangan saya bukan sahaja di sini tetapi di pusat saya pun sejak dulu lagi saya rasa peranan Dewan, Dewan Rakyat atau pun Dewan Negeri perlulah diperkasakan melalui proses jawatankuasa.

Proses Jawatankuasa Dewan membantu bukan sahaja di pihak sini tetapi juga membantu ahli-ahli *backbenchers* supaya mereka ada peluang untuk berunding dengan ahli-ahli EXCO. Dan budaya ini lebih baik daripada sidang Dewan kerana sidang Dewan ini perlu dan kita perlukan sidang Dewan tapi ada banyak isu kita boleh bincang di peringkat jawatankuasa dengan keadaan yang lebih boleh lebih kerap dan juga lebih secara konsensus atau pun syura.

Saya juga harap kerajaan negeri melibatkan Ahli-Ahli Dewan Negeri dan Ahli Parlimen dalam Jawatankuasa Bencana Peringkat Daerah supaya Wakil-Wakil Rakyat boleh membantu kerja-kerja persediaan menghadapi bencana. Kali ini memang ada cabaran di mana ahli-ahli yang bukan kerajaan yang tidak termasuk di dalam Jawatankuasa Bencana ada masa, memang ada masalah komunikasi dan saya harap ini boleh dibantu dengan penglibatan ahli-ahli atau Wakil-Wakil Rakyat dari pihak sini supaya kami boleh membantu kerajaan negeri.

Saya ingin sentuh sedikit tentang banjir. Saya menzahirkan rasa sedih, simpati dan solidariti terhadap semua mangsa yang terpaksa menghadapi musibah banjir. Saya juga ucapkan terima kasih kepada semua sukarelawan dan semua petugas dari pelbagai agensi kerajaan. Usaha saudara saudari memang penting terutamanya, paling penting untuk mangsa-mangsa yang menghadapi musibah banjir.

Dalam musibah banjir, biasanya ada tiga fasa. Fasa pertama, ialah kita menyelamatkan mangsa dan kita menempatkan mangsa di PPS. Fasa itu, nampaknya hampir berakhir selain daripada Sri Medan, tempat lain nampaknya dah hampir berakhir.

Fasa kedua ialah fasa pembersihan dan fasa pembersihan ini sangat penting. Kalau kita tidak membersihkan secara cepat, mungkin denggi akan berlaku, mungkin penyakit-penyakit yang lain akan tersebar. Dan saya harap, kalau boleh kita cuba bersihkan secepat mungkin. Saya turun ke Chaah 4 kali, saya pergi ke Gerisek dan juga di kawasan-kawasan di Pagoh juga. Usaha kerajaan negeri dihargai, tetapi saya harap juga kita boleh berkali ganda dan juga minta SW Corp, SWM dan juga PBT yang lain supaya kita cuba bersihkan secepat mungkin. Saya faham usaha itu bukan mudah dan saya melibatkan diri di Chaah dan saya memang faham, itu bukan mudah dan kalau boleh kita cuba sedaya upaya bawa lebih banyak aset. Memang aset yang saya nampak masih tidak mencukupi. Saya faham mudah tapi kalau boleh bawa lebih banyak aset untuk segerakan pembersihan.

Fasa ketiga ialah pemulihan. Mungkin kita boleh bincang bagaimana melalui jawatankuasa atau pun melalui apa *channel*, apa ini, cara yang lain, pendekatan lain untuk kita membincang bagaimana kita *build back better*. Apabila kita memulihkan keadaan mangsa-mangsa bukan sahaja kita cuba memulihkan keadaan mereka tetapi kita harap boleh *build back better*. Kita memulih yang lebih baik. Lebih baik daripada sebelum musibah banjir berlaku. Itu pun bukan mudah, saya faham. Tetapi saya rasa *mind set* kita, *mind set* kita, pendekatan kita harus berasaskan *build back better* iaitu kita bukan sahaja nak memulih tapi memulih dengan cara yang lebih baik. Memulih dengan keadaan yang lebih baik.

Untuk Jawatankuasa Perubahan Iklim dan Pengurusan Banjir, saya cadang pertama kita perlu cari kelemahan yang telah berlaku dan cari sumber kerana apa yang telah berlaku memang bukan sahaja hujan, tetapi dia juga diakibatkan kerana *deforestation* kerana hutan-hutan kita telah, liputan hutan kita telah kurang. Mungkin ada air dari di kawasan Segamat, daerah Segamat, bukan semestinya asal dari Johor. Mungkin ada asal dari negeri Pahang. Dan kita kena cari di mana air datang dari mana dan kenapa kita menghadapi keadaan yang begitu teruk sebegitu cepat dan ini adalah seperti yang telah disebut ini kali yang boleh kira yang paling teruk dalam sejarah Johor. Saya bukan kata kita tahu sebab dan saya cadang kita gunakan peluang ini dengan jawatankuasa supaya kita cari apa yang telah berlaku dan kita membaiki kan keadaan.

Banjir juga diakibatkan oleh, kalau banjir di kawasan Perling banyak diakibatkan kerana longkang sumbat, sungai ini ada sampah dan ini juga salah satu bidang di mana kita mesti menambahbaik supaya kita kurangkan sampah di sungai, kita bersihkan longkang supaya longkang tidak sumbat. Dan saya mengambil peluang ini juga meminta EXCO, YB EXCO dari Bukit Permai supaya Taman Tampoi Indah ini boleh bantu sikit. Ini dah keadaan banjir di sana dah begitu lama dan saya ucapkan terima kasih atas usaha tetapi kalau boleh segerakan. Terima kasih.

Banjir juga melibatkan isu yang lebih holistik dan lebih keseluruhan termasuk adakah kita bersedia untuk menanam lebih banyak pokok atau pun *reforestation*? Adakah kita bersedia untuk solusi-solusi yang bukan sahaja kejuruteraan? Biasanya saya nampak lazimnya pendekatan kita ialah pendekatan kejuruteraan. *We can't find any engineering solution*. Dan pendekatan kejuruteraan kita tertumpu terhadap satu daerah. Tapi isu ini tidak semestinya satu daerah, mungkin air datang dari negeri lain. Kita perlukan idea baru, *reforestation* mungkin *wet land* yang kita perlu wujudkan yang mungkin kita boleh fikir bagaimana kita usahakan supaya kawasan-kawasan industri dan juga perumahan ada *rain forest harvesting*. Kalau kita dia boleh kutip air kita boleh kurangkan penggunaan air yang *treated water* tetapi boleh juga jadi satu cara untuk kurangkan air hujan memasuki ke air sungai dan sistem pengairan. Dan juga perancangan bandar..

YB Timbalan Speaker : Masa, Yang Berhormat..

YB Tuan Liew Chin Tong (Perling) : Perancangan bandar juga salah satu apa ini, bidang di mana kita perlu ada idea baru supaya kita boleh mengatasi keadaan atau pun cabaran perubahan iklim dan pengurusan banjir. Dengan kata-kata itu, saya ucapkan terima kasih kepada Datuk Timbalan Speaker dan juga semua.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Perling. Dijemput Yang Berhormat Parit Raja.

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker. Terlebih dahulu Parit Raja merakamkan setinggi-tinggi penghargaan diberi peluang untuk berbahas dalam sidang Dewan ini. Parit Raja Merafak Sembah Menjunjung Setinggi-tinggi Kasih Di Atas Titah DiRaja oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor yang telah berkenan bertitah dan menyempurnakan Majlis Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-15 ini.

Patik serta seluruh warga Parit Raja juga menjunjung setinggi-tinggi kasih atas keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor yang telah mencemar duli menyantuni keluarga yang telah terjejas banjir di Pusat Pemindahan Sementara Kolej Perwira UTHM, Parit Raja, Pusat Pemindahan Sementara Pura Kenchana. Dan juga keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah, Permaisuri Johor ke Pusat Pemindahan Sementara Kolej Kemahiran Tinggi MARA, Sri Gading.

Patik serta seluruh warga Parit Raja mendoakan semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku sentiasa dalam keafiatan, dilanjutkan usia, bertambah daulat kebesaran dan kemuliaan. Payung dan puncak keadilan negeri bagi menaungi patik sekalian.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Parit Raja menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas titah DiRaja Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor berkenaan situasi banjir yang sedang melanda negara ini. Sesungguhnya titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengingatkan patik serta seluruh Ahli Dewan bahawa tugas kerajaan negeri merupakan satu tanggungjawab dan amanah yang berat ketika berhadapan dengan situasi banjir ini. Apatah lagi berhadapan dengan perubahan iklim yang tidak menentu dengan pelbagai situasi baru yang juga memerlukan kaedah penyelesaian yang baru.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, beberapa hari lagi umat Islam akan menyambut bulan Ramadan dalam suasana yang gembira tentunya selepas melalui pandemik COVID. Sebagai salah satu kawasan yang terkesan dengan situasi banjir ini, apa yang berlaku di Parit Raja merupakan antara yang terburuk selepas situasi besar sekitar tahun 2006 yang lalu. Rakyat terpaksa berhadapan dengan kemusnahan, kerugian harta benda dalam skala yang besar malahan mengganggu aktiviti rutin dan sosio ekonomi pelbagai lapisan umur keluarga yang terlibat.

Sejak 3 Mac lalu, sebanyak 14 Pusat Pemindahan Sementara telah dibuka di kawasan DUN Parit Raja menunjukkan trend peningkatan hingga melibatkan lebih 8,000 jumlah mangsa terjejas akibat banjir. Syukur alhamdulillah, Parit Raja merakamkan ucapan terima kasih atas usaha dan komitmen dari kerajaan negeri melalui JPS, 11 dari 73 pam air bergerak telah ditempatkan di kawasan Parit Raja dan Sri Gading. Kini, 8 PPS sudah pun ditutup dan masih ada sekitar 2,000 lagi yang berada di pusat pemindahan.

Menginsafi ayat Quran yang telah dibaca oleh Yang Berhormat Layang-Layang tadi dan juga surah Al-Baqarah ayat 105 hingga 156 yang bermaksud, "Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut, dengan kelaparan dan berlakunya kekurangan harta benda dan jiwa serta hasil tanaman dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar iaitu orang-orang yang apabila ditimpa sesuatu kesusahan, maka mereka berkata sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali." Saya melihat raut wajah Yang Berhormat Datuk Speaker, yang turut sama menggembleng tenaga, sama juga Yang Berhormat Sri Medan dan Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya daripada daerah Batu Pahat sebenarnya kami kagum di daerah Batu Pahat dengan angka 38,000 mangsa banjir yang terlibat dengan musibah, mereka dilanda kesusahan dan kepayahan, tetapi di antara mereka membantu menguruskan pembukaan Pusat Pemindahan Sementara. Mereka juga bergotong royong untuk memasak, untuk lebih 700 hingga 800 setiap hari untuk mangsa-mangsa yang terlibat dan hari ini ke arah pasca banjir, sebelum keluar daripada Pusat Pemindahan Sementara tersebut, mereka juga mesti bertanggungjawab untuk memastikan Pusat-pusat Pemindahan yang ditinggalkan dalam keadaan bersih dan baik.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kawasan Parit Raja menjadi tumpuan laluan semula jadi air dari Empangan Bekok dan Empangan Sembrong dan situasi banjir termenung sebelum bertembung dengan fenomena air pasang. Syukur cuaca panas terik di daerah Batu Pahat, tapi yang pelik, makin banyak rumah digenangi air.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kawasan Parit Raja merupakan antara penyumbang utama sektor sosio ekonomi di daerah Batu Pahat. Melihat dan berdepan dengan kesengsaraan rakyat, ketika berdepan situasi banjir, Parit Raja ingin tegaskan bahawa apa sahaja pembangunan Rancangan Tempatan Daerah, RTD mestilah melibatkan sekali Jabatan Pengairan Dan Saliran dan jabatan lain yang berkaitan agar pembangunan lebih bersepadu

sekali gus sebagai persediaan berdepan dengan pelbagai kemungkinan dan dapat membantu meminimumkan risiko. Ketika merancang atau pun ketika keghairahan merancang kawasan yang berpotensi, merangsang ekonomi yang maju dan berdaya tahan, kerajaan negeri terutama agensi berkaitan, amat wajar mengambil kira laluan-laluan pengairan dan saliran, apatah lagi berlawanan dengan sifat semula jadi laluan air. Apabila terlibat secara langsung berdepan dengan situasi banjir di daerah Batu Pahat, Parit Raja melihat beberapa perkara yang perlu diberikan keutamaan.

Yang pertama, keutamaan memperuntukkan kos untuk menaik taraf sistem saliran, khasnya daerah Batu Pahat yang mempunyai saliran terpanjang di negeri Johor, dengan pembangunan yang begitu pesat, Parit Raja menggesa JPS, juga mengkaji keperluan untuk kerja-kerja menyedut lumpur di sungai-sungai yang sudah tohor. Bila, berapa kali sudah dilakukan, berapa banyak pembangunan yang sudah dilaksanakan, tetapi kerja-kerja ini sudah lama tidak dilaksanakan.

Yang kedua, mengkaji dan menyusun semula projek mengatasi fenomena air pasang besar khasnya kawasan tumpuan di daerah Batu Pahat seperti pembaikan dan pembinaan ban kajian kewajaran tambahan untuk membina pintu air.

Ketiga, memperkasa aset-aset pam bergerak, khasnya di daerah tumpuan. Parit Raja juga mohon pihak JPS untuk mengkaji semula kawasan tumpuan, penempatan pam bergerak ini untuk dipasang rumah pam kekal bagi persediaan menghadapi pelbagai risiko. Di kesempatan ini, Parit Raja mengucapkan terima kasih kepada negeri Perlis dan Pulau Pinang yang menempatkan pam-pam air. Saya dapat melihat sendiri sekitar jam tiga, empat pagi, mereka masih bertungkus lumus, petugas-petugas JPS masih bekerja keras untuk mengendalikannya pam-pam air. Terima kasih JPS.

Keempat, kajian pembinaan *flat gate* dibenteng-benteng sempadan kampung-kampung untuk mencegah aliran air masuk dari hilir ke hulu kampung. Kaedah ini mungkin dilihat wajar bagi membendung aliran air pada masa-masa tertentu ketika air pasang dan dengan fenomena iklim semasa.

Kelima, oleh kerana pembangunan sama ada taman perumahan dan kawasan perindustrian yang begitu pesat, kerajaan negeri diminta mengkaji keperluan kawasan takungan banjir atau yang sama seperti.

Keenam, memperkasa kesiapsiagaan menghadapi banjir.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Parit Raja secara tegas menekankan perkara ini adalah sangat-sangat penting. Parit Raja amat menghargai seluruh anggota dan pasukan keselamatan yang terlibat secara langsung membantu menyelamatkan nyawa rakyat di negeri kita. Malah keseluruhan kakitangan awam sangat membantu dalam menyusun atur pembukaan Pusat Pemindahan Sementara dengan keadaan yang begitu sibuk pada saat kami berdepan dengan keadaan air yang mendadak naik begitu cepat. Antara yang Parit Raja ingin tekankan di sini ialah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia. Antara agensi yang bertanggungjawab dan peranan besar ketika negara berdepan dengan situasi banjir atau pun bencana lain, tapi sayangnya sehingga kini kebajikan anggota masih belum diperkasakan. Kalau ada kerja, adalah gaji. Itu pun waktu bertugas hanya 40 jam sahaja. Ketika negara berdepan dengan fenomena yang tidak menentu, tugas dan tanggungjawab serta peranan APM amat penting. Parit Raja menyeru agar kerajaan negeri dapat membawa suara ini ke peringkat persekutuan agar dapat dipertimbangkan, lantikan kontrak dan lantikan tetap dalam agensi ini agar dapat menarik minat orang muda untuk berbakti kepada negara. Betapa ruginya negara ketika mereka mahu berkhidmat, namun bukan sahaja imbuhan elaun, apatah lagi tiada jaminan Perlindungan Keselamatan Sosial, PERKESO. Dalam usaha memperkasa kesiapsiagaan banjir ini, Parit Raja berharap

kerajaan negeri melihat dan menilai semula aset-aset seperti truk-truk yang digunakan oleh agensi yang sudah tiba masanya untuk ditambah bilangannya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, yang ketujuh, meningkatkan fasiliti di sekolah, dewan-dewan ataupun mana-mana bangunan yang boleh dijadikan pusat pemindahan sementara bagi keluarga terjejas bencana. Ini berlaku di daerah Batu Pahat, ketika kita sibuk memindahkan mangsa terkesan di satu-satu PPS, PPS tersebut dinaiki air dan terpaksa dipindahkan ke tempat lain. Ada yang tiga kali pindah. Dan di Parit Raja, dewan-dewan besar, dewan-dewan terbuka, dewan sekolah dijadikan penempatan dan amat-amat membantu untuk keselesaan. Namun masih ada lagi sekolah-sekolah yang tidak ada dewan terbuka berkapasiti besar, bagi keperluan mendesak ketika kita berhadapan dengan situasi banjir. Parit Raja juga menyeru pihak kerajaan sama ada negeri atau pun pusat dapat meneliti untuk permohonan baik pulih sekolah yang terlibat banjir atau pun selepas dijadikan Pusat Pemindahan Sementara mesti dilaksanakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, yang kelapan, memperkasa fasiliti kesihatan. Situasi kami di daerah Batu Pahat ini memang amat mencabar, rumah banjir, sekolah yang dijadikan pusat pemindahan pun banjir, terpaksa berpindah dengan bantuan truk-truk agensi dan akhirnya klinik kesihatan pun banjir. Klinik Kesihatan Sri Gading juga turut dilanda banjir. Kedudukannya berhadapan taman perumahan yang begitu indah dan gah, Taman Pura Kencana. Apa yang Parit Raja nak tekankan di sini, fasiliti kesihatan juga mesti dinaik taraf dan betapa pentingnya, insya-Allah mudah-mudahan Klinik Kesihatan Parit Raja yang baru dapat disegerakan kerja-kerja pembinaannya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam menghadapi pasca banjir, bantuan dan sokongan amat penting dalam membendung emosi dan kesengsaraan rakyat. Parit Raja mohon agar Jabatan Pendaftaran Negara di peringkat daerah, turunlah ke akar umbi, bantulah rakyat untuk memudahkan urusan rakyat dan bantuan-bantuan lain, Parit Raja mohon untuk semua agensi-agensi yang ada saluran bantuan, berilah, bantulah rakyat. Soalannya, bilakah bantuan-bantuan berbentuk kewangan yang telah diumumkan juga menimbulkan keresahan selagi tidak disampaikan kepada rakyat. Dan bantuan-bantuan dari seluruh agensi kepada mangsa yang terlibat, sama ada bantuan memulakan semula perniagaan, kepada pekebun, petani, bidang pertanian, bidang penternakan dan lain-lain. Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Speaker : Yang Berhormat, masa.

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) : Baik, baik. Tinggal setengah helai. Penyertaan pihak swasta khasnya dalam tempoh berdepan situasi ini adalah amat diperlukan dan kerjasama yang erat amat diucapkan terima kasih. Parit Raja berterima kasih kepada Genting Properties yang memberikan kerjasama tidak berbelah bagi untuk membantu. Begitu juga UTHM dan Kolej Kemahiran Tinggi Mara, Sri Gading serta seluruh staf dan pelajar yang turut menjadi sukarelawan. Yang Berhormat Datuk Speaker, di dalam Dewan yang mulia ini, Parit Raja ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua agensi yang benar-benar menggembeng tenaga, berdepan dengan situasi sukar di Batu Pahat. Pegawai Daerah, Majlis Perbandaran Batu Pahat dan Yong Peng, Pejabat Tanah, PDRM, Bomba Dan Penyelamat, APM, JKM, Pejabat Pendidikan Daerah, Pejabat Pendidikan Islam Daerah, KKM, terima kasih banyak, kerjasama TNB dan SAJ sentiasa mendengar keluhan, SWCorp, Indah Water, JPS dan JKP, Jabatan Penerangan, MAIJ, serta Pejabat Kadi, masjid-masjid, surau-surau dan yang terpenting *Southern Volunteers*, terima kasih di atas peluang untuk perbincangan, sekian Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih Parit Raja, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga pukul 3.50.

Persidangan ditangguhkan pada jam 3.35 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 3.50 petang.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, diteruskan perbahasan, dijemput Yang Berhormat Bukit Kepong.

YB Dato' Dr. Sahrudin bin Haji Jamal (Bukit Kepong) : Bismillahirrahmanirrahim. (Doa.) Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Alhamdulillah, pertama sekali marilah kita sama-sama merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah perkenan dan kekuasaannya dapatlah kita berkumpul dalam Dewan yang mulia ini, yang mencerminkan betapa demokrasinya negara, negeri yang bertuah ini.

Bukit Kepong ingin memulakan ucapan perbahasan dengan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Negeri Johor atas keberangkatan untuk bertitah dan menyempurnakan Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-15. Syukur Alhamdulillah Bukit Kepong pada hari ini berulang menyertai perbahasan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Untuk itu, Bukit Kepong dengan penuh insaf memegang kukuh segala titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang menjadi pandu arah kepada Bukit Kepong dan sekalian Ahli Dewan yang berada di dalam Dewan yang mulia ini untuk melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan bagi memacu pembangunan demi kestabilan negeri dan kesejahteraan kepada rakyat. Keprihatinan baginda Tuanku Sultan amatlah Bukit Kepong sanjung tinggi.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, izinkan Bukit Kepong untuk mengambil sedikit masa menyentuh perihal titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang telah berpendapat gelaran pembangkang kepada Ahli Dewan di pihak bukan kerajaan sebagai kurang sesuai. Titah ini jelas menunjukkan tilik pandang dan kebijaksanaan Baginda Tuanku Sultan dalam memastikan negeri terus stabil dengan kesemua 56 Ahli Dewan dapat berfungsi dengan selayaknya.

Benarlah apa yang dititahkan oleh Baginda Tuanku Sultan bahawa Ahli Dewan ini di pihak bukan kerajaan bukan hanya untuk membangkang semata-mata segala cadangan kerajaan sebaliknya punya peranan dan tanggungjawab sebagai pihak yang menyemak, mengimbang dan memeriksa segala kelakuan mahupun keputusan yang dibuat oleh kerajaan agar tidak tersasar daripada hala tuju pentadbiran. Maka Bukit Kepong yang berada di pihak pegawai kerajaan menuntut perhatian kerajaan agar sentiasa membuka pintu seterusnya menerima teguran, pandangan bahkan berkongsi idea dalam perencanaan dasar atau polisi untuk kebaikan negeri dan rakyat. Rakyat di kawasan yang tidak diwakili oleh Ahli Dewan di pihak kerajaan juga adalah Bangsa Johor sekali gus wajar diberikan perhatian tanpa adanya *dwi-standard*. Sekiranya mahu impian melihat Johor menjadi negeri maju menjelang tahun 2030, tumpuan kerajaan perlulah menyeluruh tanpa memisahkan berdasarkan siapa Wakil Rakyat di kawasan tersebut. Berpolitik biarlah secara berpada-pada tetapi berkhidmat biarlah bersungguh-sungguh jangan dibezakan awak dan saya, kami dan kamu, santuni dan dengarilah suara di segenap kawasan dengan menampilkan kematangan dalam pentadbiran.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, banjir tahun 2023 ini harus menjadi peringatan kepada kita semua. Bukit Kepong ingin merujuk kepada surah al-Zuhraf, ayat ke-11 yang bermaksud “dan Dialah yang menurunkan hujan dari langit menurut ukuran, sukatan tertentu yang diperlukan, lalu dengan air hujan ini kami hidapkan negeri yang mati iaitu kering tandus

tanahnya, seperti itulah kamu akan dikeluarkan hidup dari alam kubur”. Merujuk kepada ayat ini, Allah SWT telah menurunkan hujan sebagai rahmat kepada kita, dan Allah jua yang menentukan jumlah air hujan yang turun, ada yang turun sedikit, ada juga yang turun banyak, semuanya dalam perintah Allah SWT. Allah SWT menurunkan hujan mengikut keperluan tempat itu.

Berdasarkan kefahaman tersebut, Bukit Kepong merasakan kerajaan seharusnya telah bersedia dan bersiap siaga untuk memastikan risiko banjir di negeri Johor adalah di peringkat yang minima. Kerana kerajaan telah pun melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir (RTB), Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRMB), Program Pembangunan *Water Balance* Bagi Pengurusan Sumber Air Negara serta Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara. Bagaimanapun, negeri Johor telah dilanda musibah banjir yang sangat luar biasa, kesemua daerah termasuklah Muar, khususnya kawasan Pagoh dan DUN Bukit Kepong tidak terkecuali dilanda bencana ini. Kami di Bukit Kepong sendiri telah membuka 36 PPS iaitu seramai 6,000 mangsa banjir. Walaupun tidak sedahsyat dan seramai Sri Medan, namun Bukit Kepong kerap dilanda banjir. Seperti tadi YB-YB di kawasan lain menyebut banjir tahun 2006. Namun di Bukit Kepong, 2006 banjir di Bukit Kepong, 2011 banjir di Bukit Kepong, tahun lepas juga banjir di Bukit Kepong dan pada tahun ini Bukit Kepong juga banjir. Jika Segamat banjir, maka banjirlah Bukit Kepong, jika Segamat dan Labis banjir, maka lebih hebatlah banjir di Bukit Kepong. Namun, Bukit Kepong mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh penjawat awam yang banyak membantu Bukit Kepong dari Pejabat Daerah, Pejabat Kesihatan, APM, KKM dan Jabatan Agama Islam sendiri.

Melihat sendiri semua kerosakan dan kemusnahan ini, Bukit Kepong berasa sangat sayu apabila melihat kediaman mangsa-mangsa yang terjejas dengan bencana banjir ini. Dengan keadaan banjir di negeri Johor yang semakin pulih, jumlah mangsa banjir yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara menunjukkan penurunan dan Bukit Kepong telah menggerakkan usaha pasca banjir. Namun memandangkan banjir pada kali ini adalah sangat hebat dan sangat dahsyat, sehingga banyak kawasan-kawasan kampung juga telah putus hubungan. Menyebabkan kita perlu menempuh jarak yang terlalu lama ke sesuatu tempat, contohnya jika Bandar Muar ke Bukit Kepong hanya memerlukan waktu satu jam, namun pada keadaan banjir terpaksa Bukit Kepong bergerak keluar tol Pagoh masuk tol Gambir lalu Jementah, Segamat dan Labis untuk sampai ke Bukit Kepong.

Alhamdulillah di atas keprihatinan semua jabatan dan semua agensi, kali ini banyak mangsa yang telah dapat dibantu oleh semua agensi kerajaan. Selain menghulurkan sumbangan bakul makanan serta kelengkapan rumah, pasukan misi pasca banjir di kawasan DUN Bukit kepong telah menyantuni mangsa-mangsa bencana yang ditemui seterusnya memberikan semangat dalam menghadapi ujian ini. Bagaimanapun, dalam keadaan mangsa banjir yang serba kekurangan, Bukit Kepong melihat keperluan bantuan untuk mereka yang terjejas disegerakan. Baik sama ada mereka yang berpindah ke PPS ataupun tidak berpindah ke PPS. Maka Bukit Kepong berharap kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan dapat mempercepatkan pemberian bantuan antaranya wang ihsan kepada setiap ketua isi rumah, memudahkan proses yang perlu dijalani oleh mangsa dan janganlah sesekali ada kerenah birokrasi sehingga menambahkan beban serta kesedihan mangsa banjir. Mereka sudah cukup terbeban dengan kesulitan yang dialami usahlah ditambah lagi dengan birokrasi.

Ucapan terima kasih Bukit Kepong kepada kerajaan negeri, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Azmi Rohani, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Pegawai-Pegawai Daerah, Pegawai-Pegawai Tadbir Negeri Johor, jabatan dan agensi kerajaan negeri mahupun persekutuan atas komitmen yang diberikan dalam menguruskan bencana banjir kali ini. Ucapan terima kasih Bukit Kepong juga kepada semua NGO, baik daripada negeri Johor dan luar negeri Johor yang memberi bantuan selama bencana banjir di Bukit Kepong. Bukit Kepong juga

mengharapkan pemberian moratorium daripada pihak institusi perbankan dan sumbangan tunai daripada kerajaan persekutuan. Bukit Kepong akan ada pengumuman daripada Menteri Besar Johor mengenai insentif atau bantuan khas daripada kerajaan negeri bagi meringankan beban, kesulitan mangsa banjir. Secara jelas mereka memerlukan modal untuk memulakan kembali kehidupan selepas bencana.

Mengenai mangsa banjir ini, Bukit Kepong ingin penjelasan daripada pihak kerajaan berkenaan keberkesanan projek Rancangan Tebatan Banjir atau RTB yang telah dilaksanakan sebelum ini serta keberkesanan pelaksanaan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRMB) Program Pembangunan *Water Balance* Bagi Pengurusan Sumber Air Negara dan Program Ramalan Alaman Banjir Negara bagi lembangan Sungai Muar. Ingin Bukit Kepong mencadangkan agar kerajaan melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir atau aktiviti tambahan iaitu selain daripada melencongkan atau membesarkan Sungai Muar atau Sungai Segamat, pembinaan takungan air di antaranya seperti Kolam Takungan Sungai Meda, Daerah Muar, Kolam Takungan Sungai Segamat, Kolam Takungan Sungai Kepah, Daerah Segamat dan lain-lain takungan air dalam lembangan Sungai Muar hendaklah dilaksanakan. Ini kerana Bukit Kepong berpandangan pembinaan kolam takungan tersebut bukan sahaja berfungsi untuk menyimpan air bagi mengurangkan risiko banjir semasa musim hujan tetapi boleh dijadikan sebagai sumber air tambahan khususnya bagi menampung keperluan pembangunan di persisiran Pantai Muar seperti cadangan Pembangunan Maharani *Energy Gateway* Muar iaitu pembangunan Hab Tenaga Lestari Serantau dan pelabuhan laut dalam yang boleh dibekalkan kepada negeri Melaka.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, seterusnya Bukit Kepong ingin memanjangkan suara rakyat mengenai Projek Perumahan Rakyat yang terhenti dan pembinaannya terbengkalai antaranya Program Rumah Transit Mampu Milik dan Rumah Generasi Kedua. Isu ini bukan baharu bagi Bukit Kepong panjangkan kepada kerajaan untuk dijadikan perhatian sehingga kini, masih lambat proses untuk disiapkan rumah generasi kedua terutama FELDA Moakil. Bukit Kepong melihat jika sesuatu kawasan itu berada di pihak kerajaan, maka projek itu akan berjalan laju dan pantas. Namun, apabila berada di pihak pembangkang projeknya perlahan dan malah boleh jadi tergendala. Contohnya seperti Projek Perumahan Generasi FELDA Moakil. Bila Yang Berhormat Pagoh berada di pihak kerajaan projek itu dapat berjalan dengan lancar, kemudian 2016 bila Pagoh berada di blok pembangkang, projek itu menjadi tergendala kemudian 2018 projek itu berjalan semula namun sekarang kelihatannya projek itu menjadi perlahan semula. Jadi, diharapkan pihak kerajaan negeri dapat memantau projek-projek yang sedemikian.

Kemudian juga Bukit Kepong mengharapkan isu yang sentiasa berbangkit iaitu ketiadaan lampu di sepanjang jalan ke Hab Pendidikan Pagoh, tiangnya dah ada, lampunya dah ada namun tidak menyala. Jadi, diharapkan dapat diselesaikan dengan kadar segera.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, sebelum mengakhiri ucapan ini, Bukit Kepong sekali lagi merafak sembah dengan ucapan setinggi-tinggi kasih ke atas Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Johor dan Jajahan Johor Darul Ta'zim kerana berkenan untuk berangkat ke Mesyuarat Pertama Pembukaan Rasmi Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor yang Ke-15 pada 16 Mac yang lalu. Bukit kepong turut ingin merafak sembah dengan ucapan selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Hari Keputeraan Rasmi Baginda Tuanku Sultan pada 23 Mac 2023 ini, semoga Allah SWT melanjutkan usia, mengurniakan kekuatan dan kesihatan serta terus merahmati pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku Sultan bersama seisi keluarga Diraja Johor.

Akhir kata, Bukit Kepong mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadan al-Mubarak dan selamat menunaikan ibadah puasa kepada semua Ahli Dewan yang beragama Islam, semoga kehadiran bulan Ramadan pada tahun ini membawa 1001 keberkatan dan rahmat

kepada kita semua. Marilah kita semua menginsafi seterusnya menjadi yang terbaik dalam menyambut Ramadan al-Mubarak (Doa). Kepada Allah Berserah, Muafakat Itu Berkat. Sekian, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih, Bukit Kepong. Dijemput Yang Berhormat Jementah.

YB Puan Ng Kor Sim (Jementah) : Terima kasih. Salam sejahtera dan selamat petang Yang Berhormat Datuk Speaker dan sekalian. Menjunjung kasih di atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ismail Ibni Almarhum Sultan Iskandar, sempena pembukaan Persidangan Pertama Bagi Penggal Kedua Dewan Negeri Johor Ke-15. Jementah menyambut baik titah Tuanku dengan penuh hormat dan takzimnya Jementah ucapkan terima kasih dan berasa amat bangga atas penghargaan yang tinggi daripada Duli Yang Maha Mulia kepada semua Ahli Dewan Negeri dalam sepanjang masa berkhidmat sejak Mac 2022.

Kami berasa amat bangga dan bersyukur atas pengiktirafan Tuanku kepada barisan bukan kerajaan bahawa kami bukan barisan pembangkang tetapi barisan yang sentiasa menyokong dan mengukuhkan pentadbiran kerajaan negeri supaya stabil dan seimbang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkataan banjir di bangkitkan sekurang-kurangnya 30 kali dalam persidangan ini walaupun hari ini hanya hari ke 2 persidangan ini dijalankan. Untuk maklumat Yang Berhormat sekalian, antara bulan Disember 2022 hingga Januari 2023 sebanyak 3 kali banjir berlaku di Segamat. Apatah lagi kes banjir yang berlaku 2 minggu lepas melibatkan melebihi 70,000 mangsa di seluruh Johor. Ini membawa impak negatif kepada kawasan dan individu yang terlibat. Izinkan Jementah mengambil kesempatan ini untuk memberikan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada para anggota dan sukarelawan yang terlibat dalam kejadian banjir ini. Mereka memberikan bantuan dan sokongan sepenuhnya sepanjang bencana ini berlaku. Kebanyakan anggota yang terlibat bertugas tanpa mengira masa dan sanggup mengambil risiko yang tinggi. Terima kasih atas kerjasama anda semua kerana sanggup mengorbankan masa demi masyarakat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita memahami banjir bukan sahaja membawa kerugian dari segi kewangan kepada mangsa tetapi juga kepada kerajaan. Dalam tempoh yang begitu singkat, begitu tinggi kosnya yang ditanggung oleh semua jabatan kerajaan tempatan yang terlibat kejadian banjir. Semasa kejadian banjir berlaku Jabatan Kebajikan tungkus lumus menyediakan pusat pemindahan sementara dan makanan kepada mangsa. Pasukan penyelamat dikerah membantu memindahkan mangsa banjir. Setakat hari ini, pejabat Jementah telah menerima sebanyak 1,200 borang permohonan pampasan banjir. Disebabkan banjir, kerajaan perlu membiayai kos yang amat membebankan bagi menyediakan pampasan kepada mangsa-mangsa banjir selepas kejadian. Tidak dilupai juga kos pembersihan sampah dan pembaikan infrastruktur yang rosak akibat banjir. Selain itu, lokasi yang terkena banjir juga perlu menjalankan operasi semburan racun bagi mencegah penyebaran jangkitan Denggi di kalangan penduduk. Kerja-kerja ini melibatkan perbelanjaan yang amat tinggi dan membebankan kerajaan kita. Seperti anggaran Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya Pengangkutan dan Infrastruktur Negeri pada minggu lepas, kerugian banjir ini mencecah sebanyak RM168 juta dan ini hanya untuk kerja-kerja membaik pulihkan beberapa jalan dan infrastruktur yang rosak sahaja. Kesemua kos kerugian ini hanya untuk kes kejadian banjir pertama di tahun ini.

Selain kos yang tinggi, kejadian banjir juga membawa beban kerja kepada anggota-anggota yang terlibat seperti pegawai JKM, NADMA dan lain-lain, sedangkan kita menemui masalah kekurangan sumber manusia dalam balai-balai di negeri kita. Berapakah kes kejadian banjir dijangka akan berlaku di masa depan?. Dan berapakah kos kerugian dijangka untuk kerja-kerja penyelamatan dan membaik pulih. Dalam Bajet 2023, Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengumumkan bahawa RM113.7 juta diperuntukkan dalam tahun ini untuk kerja-

kerja penyelenggaraan sungai dan saluran. Soalan Jementah ialah, adakah ini cukup untuk menyelesaikan masalah banjir secara kekal? Adakah peruntukan ini cukup untuk menyelesaikan kes banjir di seluruh Johor?. Jementah menyeru supaya semua pihak yang terlibat mewujudkan satu resolusi yang dapat mengatasi masalah yang sering berlaku secara kekal secepat mungkin.

Yang Berhormat sekalian, selain daripada kerja-kerja penyelenggaraan sistem pengaliran, pemuliharaan alam sekitar juga amat penting bagi mencegah banjir. Kebanyakan pihak hanya mementingkan kerja-kerja menaiktarafkan sistem pengaliran sahaja tetapi terabai punca induk kelakuan banjir. Pencemaran sampah di sungai-sungai yang seolah-olah tiada penghujungnya dan penebangan hutan secara tidak terkawal terutama di kawasan tadahan air secara tidak terkawal merupakan salah satu punca banjir berlaku. Pembuangan sampah merata-rata dan sikap kurang prihatin terhadap kesan yang mungkin timbul juga merupakan salah satu faktor banjir.

Kesedaran alam sekitar rakyat kita, *sorry*, kesedaran alam sekitar rakyat di negara kita masih amat rendah. Kebanyakan orang umum tidak menyedari bahawa banjir besar, hujan lebat luar biasa atau siri ribut taufan yang berlaku disebabkan pencemaran. Walaupun banyak kempen Pendidikan dan kesedaran alam sekitar dalam pelbagai bentuk penerangan, bahan bacaan, media cetak dan sosial diusahakan oleh pelbagai pihak yang bertanggungjawab. Namun usaha murni dijalankan itu seolah-olah mencurahkan air di daun keladi. Jutaan ringgit dilaburkan untuk kempen berkenaan, tahap kesedaran masyarakat mengenai kepentingan menjaga alam sekitar masih dalam tahap yang begitu rendah dan hampir mengecewakan. Justeru apakah pendekatan yang boleh digunakan atau dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar di peringkat negeri dan persekutuan untuk meningkatkan kesedaran yang membawa kepada tindakan untuk memulihara alam sekitar kita.

Yang Berhormat Datuk Speaker, banyak perniagaan yang terpaksa tutup dan menyebabkan banyak orang kehilangan kerja disebabkan Pandemik COVID-19 melanda negara kita. Ini mendorong kebanyakan orang terutamanya remaja memilih untuk kerja sebagai penghantar makanan. Walaupun sekarang kita berada dalam situasi post pandemik, keadaan ekonomi kita masih belum pulih dengan sepenuhnya dan masih banyak remaja tidak dapat mencari kerja yang sesuai. Beban rumah memaksa mereka bekerja rutin meredah hujan lebat dan cuaca panas terik. Ada penghantar makanan pernah mengadu dikejar dan digigit anjing, mengalami kemalangan semasa menghantar makanan atau duduk sepanjang masa sebab tidak dapat sebarang tempahan dan terpaksa ikat perut sepanjang hari. Pelbagai dugaan dan cabaran memaksa mereka menguatkan semangat dan terus berusaha dengan gigih demi rezeki diri dan keluarga. Pelbagai insentif memang telah dijalankan untuk disalurkan kepada golongan remaja seperti program *myfuture jobs*, pengajian di bawah PERKESO, peruntukan bantuan kewangan kepada pengusaha muda atau *food truck* dan lain-lain. Walaupun pelbagai insentif ini telah dijalankan sejak tahun lepas tetapi masalah kesuntukan kewangan ataupun masalah pengangguran dalam kalangan remaja ini masih tidak dapat diatasi sepenuhnya. Terutama di kawasan pinggir bandar dan kampung. Perkembangan ekonomi yang tidak seimbang merupakan faktor utama dan menyebabkan golongan remaja ini terasa mereka telah diabaikan.

Golongan remaja yang berniat bermula berniaga mengadu bahawa permohonan bantuan modal berniaga ditolak atau pun pasaran yang terhad dan menyebabkan persaingan yang ketat. Golongan yang berniat bermula perusahaan pertanian mengeluh bahawa tiada modal untuk membeli atau menyewa tapak manakala graduan baru dari institusi merungut tiada peluang pekerjaan yang sesuai di pinggir bandar. Kalangan ini tidak berniat untuk bergantung kepada bantuan sumbangan tunai sahaja. Mereka merupakan tiang negara yang berwawasan dan berhasrat menjana kecemerlangan dalam kehidupan mereka. Mereka mempersoalkan bagaimanakah kerajaan boleh membantu mereka untuk mencapai

impian atau kejayaan sedangkan pembangunan infrastruktur tidak mampu menyokong perkembangan ekonomi di kawasan kampung atau pinggir bandar.

Peluang bekerja atau pilihan kerja di bandar-bandar pendalaman seperti Segamat adalah amat terhad. Mereka terpaksa bekerja sebagai pekerja am sedangkan kebanyakan daripada mereka memegang sijil profesional atau kemahiran yang tinggi. Seruan golongan ini supaya mengukuhkan perkembangan ekonomi yang seimbang di kawasan pendalaman demi meningkatkan peluang bekerja untuk mereka. Seperti di rakam dalam Draf Rancangan Struktur Negeri Johor 2030, visi Johor 2045 adalah Johor Kuasa Ekonomi Negara dan Serantau. Dengan objektif pertumbuhan ekonomi yang stabil dan seiring antara daerah-daerah kolaborasi selatan dan luar selatan. Punca induk ketidakseimbangan perkembangan ekonomi tempatan adalah perhubungan dan penyambungan infrastruktur yang kurang sempurna. Pengangkutan darat memainkan peranan penting bagi merencanakan perkembangan ekonomi dan meningkatkan taraf hidup penduduk termasuk peningkatan tahap pendapatan, peningkatan taraf pekerjaan dan pendidikan. Pembangunan kemudahan infrastruktur juga memberangsangkan pembangunan ekonomi yang menarik pelaburan sempadan dan antara rantau. Aktiviti pelaburan yang semakin merancang akan meningkatkan ekonomi tempatan. Sehubungan ini, ekonomi tempatan yang lebih pro aktif bukan sahaja meningkatkan taraf ekonomi tempatan tetapi juga meningkatkan pendapatan penduduk tempatan dan merangsang lebih banyak peluang bekerja.

Mengikuti berita Utusan Malaysia yang bertarikh 25 Februari 2023, melaporkan berita mengenai perancangan inisiatif pendapatan rakyat. Menteri Ekonomi, Yang Berhormat Rafizi Ramli menyatakan bahawa penjana pendapatan rakyat lebih mustahak bagi membantu membasmikan miskin tegar dibandingkan dengan memberikan bantuan kewangan kepada rakyat. Justeru, Jementah menyeru supaya golongan jawatankuasa memandang berat, berat atas ketidak seimbangan pertumbuhan atau pembangunan infrastruktur di kawasan selatan Johor. Jementah juga menyeru supaya pendekatan diberi kepada peningkatan keupayaan *accessibility* dan sistem infrastruktur di Jementah dan Segamat bagi memacu ke arah objektif negeri kita iaitu pertumbuhan dinamik dan seimbang.

Perkembangan infrastruktur seperti telekomunikasi amat diperlukan untuk menyelaraskan kecekapan penggunaan pelaburan keseluruhan dalam ekonomi terutamanya di kawasan desa. Akan tetapi keadaan rangkaian infrastruktur telekomunikasi yang ketinggalan zaman di sekitar Segamat amat mendukacitakan. Ini merupakan salah satu punca kemunduran pertumbuhan ekonomi di kawasan ini. Setakat bulan lepas walaupun kerja-kerja pemasangan *fibre optic* telah lengkap liputan internet 5G di Segamat hanya naik daripada 21% ke 30% sejak awal tahun 2023. Jementah menyeru supaya masalah diambil berat bagi memperluaskan rangkaian telekomunikasi sebagai usaha merangsangkan pertumbuhan ekonomi tempatan. Sekian perbincangan Jementah. Terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Jementah. Dijemput seterusnya Yang Berhormat Puteri Wangsa.

YB Cik Amira Aisya binti Abd Aziz (Puteri Wangsa) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Patik menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar atas titah perasmian Baginda Sultan untuk Sidang Dewan Johor Penggal Kedua Kali Ke-15.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam ucapan saya pada hari ini saya mempunyai beberapa visi yang ingin saya kongsi kepada Dewan Negeri Johor. Ini merupakan sesi yang ketiga yang saya hadir setelah diangkat menjadi ADUN Puteri Wangsa dan sepanjang sesi yang lepas banyak yang telah saya belajar dan banyak juga dasar-dasar yang telah semua ADUN-ADUN Negeri Johor angkat di dalam Dewan Negeri Johor. Saya percaya

bahawa Dewan Negeri Johor ini bukan sahaja satu tempat yang mulia tetapi ia juga merupakan satu tempat yang mempunyai potensi yang besar untuk membawa negeri Johor menjadi sebuah negeri yang berdaya saing dan sebuah negeri yang maju. Maka untuk itu Yang Berhormat Datuk Speaker, suka untuk saya angkat visi pertama saya dalam ucapan ini iaitu Reformasi Dewan Negeri Johor.

Saya percaya bahawa banyak perkara yang boleh kita lakukan di dalam Dewan Negeri ini untuk memperkukuhkan lagi institusi demokrasi di dalam negeri Johor. Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan juga telah bertitah untuk kita mengubah cara fikir kita apabila Baginda Sultan mengubah gelaran pembangkang kepada pengimbang kerajaan. Dengan itu kita mengubah cara berfikir tentang fungsi pembangkang ataupun fungsi pengimbang kerajaan di dalam negeri Johor. Gelaran ini adalah satu hal yang sangat baru dan sangat segar. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas cadangan untuk menubuhkan Jawatankuasa Krisis Iklim Dan Banjir yang akan melibat samakan ADUN-ADUN Pengimbang Kerajaan bersama dengan ADUN-ADUN Kerajaan. Kerana saya percaya bahawa krisis banjir ini merupakan krisis yang kita perlu selesaikan dengan segera dan perlu kerjasama dua hala antara kedua-dua belah pihak. Saya juga nak ambil ruang ini untuk tambah lagi beberapa hal yang boleh kita reformasikan dalam Dewan Negeri Johor.

Yang pertama Yang Berhormat Datuk Speaker, Enakmen Peruntukan Saksama untuk semua 56 ADUN Johor. Perkara ini adalah polemik yang sedang dan sentiasa berlaku di peringkat pusat. Apabila peruntukan yang sama rata atau peruntukan yang saksama tidak diberikan kepada semua Ahli Parlimen, Ahli Parlimen Kerajaan dan juga Ahli Parlimen Pembangkang, saya sangat bersyukur kerana di Dewan Johor ini kita antara negeri yang mengambil langkah pertama untuk memberikan peruntukan yang sama rata kepada semua ADUN. Saya puji di bawah pentadbiran Yang Berhormat Benut sewaktu beliau merupakan Menteri Besar Johor dengan memperkenalkan peruntukan sama rata. Saya juga puji kerajaan hari ini kerana menyambung baik usaha ini. Tapi saya percaya dalam isu ini tak perlu saya tekankan betapa pentingnya peruntukan ini kepada semua ADUN daripada pengurusan pejabat ke projek-projek kecil sehinggalah pergerakan kita di peringkat komuniti kawasan setempat serta baru-baru ini apabila melandanya banjir di negeri Johor ini, segalanya memerlukan peruntukan daripada ADUN. Saya ingin mencadangkan agar Johor sekali lagi menjadi negeri contoh dengan menjadikan peruntukan saksama kepada semua ADUN sebagai satu Enakmen yang akan diikuti oleh kerajaan Johor pada tahun-tahun yang akan datang dan bukan sahaja pada kali ini.

Sebagai Wakil Rakyat, kita tak perlu menunggu lagi setiap penggal untuk menentukan sekiranya ada peruntukan yang akan diberikan kepada ADUN-ADUN pengimbang kerajaan. Dan saya juga percaya bahawa kita tidak perlu tunggu akta ini untuk lulus dan digazetkan di peringkat persekutuan. Johor sekali lagi boleh tunjukkan kepada semua bangsanya bahawa semua Wakil Rakyat di dalam Dewan ini meletakkan kebajikan bangsa Johor lebih tinggi daripada agenda parti politik. Hak rakyat di setiap DUN harus dijaga dengan sempurna tidak kira parti politik mana yang memegang kuasa. Jadi saya fikir peruntukan DUN ini tidak harus diguna pakai sebagai alat politik sekiranya kita luluskan enakmen di negeri Johor, perkara ini secara tidak langsung juga dapat menjamin kestabilan sesebuah kerajaan di Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kedua untuk kita dekatkan hubungan Dewan Negeri Johor bersama bangsa Johor. Dengan mencadangkan siaran langsung perbahasan. Ini hal yang mungkin nampak remeh tetapi sebenarnya memberi makna yang besar kepada usaha reformasi Dewan Johor. Sejak Parlimen adakan siaran langsung perbahasan, rakyat lebih cakna dengan apa yang berlaku kepada pentadbiran negara. Saya percaya siaran langsung ini bukan sahaja penting, ia juga memberi ruang kepada negeri Johor untuk tunjukkan kepada rakyat bahawa kita memang benar-benar serius berbahas tentang dasar dan isu rakyat. Sekiranya ada ADUN-ADUN yang berperangai tidak senonoh, biar rakyat yang

menentukan. Pun begitu saya percaya bahawa semua ADUN dalam negeri Johor ini semuanya ada sikap dan adab yang baik. Jadi elok kita tunjukkan kepada negeri dan negara seterusnya bahawa Dewan Negeri Johor ini terbaik dari sudut dasar dan juga budaya kerja. Maka saya mohon Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk diberi perhatian kepada agenda Reformasi Dewan Negeri Johor.

Visi kedua yang ingin saya bawa ke dalam Dewan pada hari ini adalah satu perkara yang telah banyak kali dibicarakan pada hari ini tapi saya kira masih penting untuk dibawa oleh Puteri Wangsa. Iaitu Perubahan Iklim Sebagai Agenda Utama Negeri Johor. Isu banjir dan bencana alam yang terkini ini telah memberikan impak yang sangat besar kepada negeri Johor. Di mana lebih 74,000 rakyat Johor terkesan dan lebih teruk lagi apabila ada juga meragut nyawa beberapa orang bangsa Johor. Walau pun sudah ada usaha untuk menangani isu ini, saya percaya perlu juga ada usaha yang lebih banyak untuk menjamin keselamatan bangsa Johor secara menyeluruh. Walau pun di Puteri Wangsa mungkin tidak begitu teruk terkesan jika nak dibandingkan dengan Parit Raja ataupun Sri Medan. Tetapi masih ada lagi beberapa kawasan di dalam Puteri Wangsa yang banjirnya turut teruk. Kalau baru-baru ini masih ada kawasan-kawasan sebagai contohnya di Kampung Tengah yang banjir naik sehingga bumbung, Kampung Kangkar Tebrau yang sentiasa banjir apabila hujan lebat. Di Puteri Wangsa walau pun merupakan satu kawasan bandar, terdapat juga 7 Pusat Pindahan Sementara sewaktu banjir yang baru-baru ini berlaku. Jadi saya puji bahawa memang ada misi-misi pasca banjir yang dilakukan oleh semua pihak tidak kira sama ada ADUN-ADUN, sama ada ketua-ketua masyarakat, badan-badan bukan kerajaan dan ramai lagi yang sama-sama membantu dalam misi banjir. Tetapi apa yang ingin saya tekankan pada hari ini adalah kita kena komited untuk juga memberi usaha bukan sahaja pasca banjir tetapi usaha sebelum berlakunya banjir itu. Kehilangan harta benda memang satu perkara yang sangat menyedihkan. Tetapi apa yang lebih menyayat hati apabila ada kehilangan nyawa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita lihat di Jakarta, Indonesia sebagai contohnya mereka ada sistem kawalan banjir yang digunakan yang bersifat memberi amaran awal kepada penduduk dan pihak berkuasa sebelum berlakunya bencana banjir. Sistem ini berbentuk sensor fasiliti amaran awal seperti siren. Dan kemudahan lain terutama di kawasan *hot spot* yang mampu meramalkan kemungkinan banjir seterusnya memberikan amaran awal kepada penduduk-penduduk dan pihak-pihak yang berwajib untuk memindahkan penduduk dengan segera. Di Malaysia kita memang ada *update* dengan izin Yang Berhormat Datuk Speaker, berkaitan ramalan hujan dan ramalan banjir di *website* Info Banjir. Tetapi *website* Info Banjir ini tidaklah disebarkan kepada orang ramai terutamanya penduduk di kawasan-kawasan yang tidak mempunyai akses Internet yang stabil apatah lagi warga emas yang kemungkinannya tidak lihat pun *website* Info Banjir ini. Jadi saya ingin ambil kesempatan ini untuk mencadangkan agar kita wujudkan sensor amaran awal seperti siren yang boleh diguna pakai di *hot spot-hot spot* banjir supaya sebelum berlakunya banjir itu dengan melibatkan kerosakan begitu banyak harta benda dan melibatkan kehilangan nyawa penduduk-penduduk di kawasan yang akan terkesan boleh pindah terlebih dahulu.

Kemudian kedua untuk isu banjir ini Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin bawa tentang Skim Insurans Bagi Golongan B40. Sebagai ADUN Johor, kita telah mengangkat sumpah untuk menjaga kebajikan semua warga Johor. Tidak kira siapa sahaja jadi wajarlah bantuan diberikan kepada mereka yang lebih cenderung terdedah kepada bencana banjir. Salah satu cara untuk menangani hal ini, adalah dengan menyediakan skim insurans kepada mereka yang terdedah dengan bencana banjir. Contoh nyata di kawasan saya sebagai contohnya Kampung Paya Kenangan, Kampung Kangkar Tebrau tahun lepas sahaja 3, 4 kali banjir dan tahun ini apabila berlakunya banjir baru-baru ini memang teruk terkesan mereka dengan harta bendanya banyak yang musnah. Kita tidak buat skim insurans dalam negara ini atau pun dalam negeri Johor tetapi hanya bantuan khas secara berkala ataupun secara bermusim sahaja. Walau pun bantuan itu sangat bagus dan saya

puji komitmen daripada kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan tapi harus juga dimasukkan dalam dasar kerajaan negeri Johor skim insurans untuk memastikan semua rakyat Johor merasa selamat dengan sebarang bencana yang kita tidak pasti bila akan terjadi.

Kita lihat beberapa contoh skim insurans di negara-negara luar sebagai contohnya di United Kingdom mereka memiliki skim semula banjir di mana insurans ini dibuat dengan kerjasama kerajaan bersama dengan industri-industri insurans swasta. Ataupun di Korea Selatan, di mana skim insuransnya adalah 100% untuk skim insurans awam. Saya harap kita semua dapat bekerjasama untuk bersetuju dalam menyediakan skim insurans yang merupakan langkah proaktif untuk meringankan beban rakyat terutama mereka yang terkesan dengan banjir setiap tahun.

Yang Berhormat Datuk Speaker, visi saya yang ketiga adalah untuk membuka ruang autonomi kepada institusi TVET yang bertapak di Johor berbanding di negeri-negeri lain. Saya tertarik dengan kenyataan yang dibuat oleh Menteri Besar Johor bahawa Johor telah mencatatkan penerimaan pelaburan langsung asing tertinggi dalam negara bagi tahun lalu iaitu sebanyak RM70.6 bilion. Pelaburan besar ini telah membuka lebih 12,000 pekerjaan berimpak tinggi di Johor. Cabaran kita hari ini adalah untuk menguruskan potensi Johor yang besar dan kaya ini. Peluang kerja yang kita ada ini harus diisi. Pekerja-pekerja harus menjadi enjin yang menggerakkan ekonomi negeri Johor. Maka saya cadangkan untuk menguruskan cabaran ini, kita perlu sedaya upaya memberikan ruang autonomi kepada semua institusi TVET dalam negeri ini yang bertapak di negeri Johor. Apa autonomi yang saya maksudkan? Autonomi yang kita perlu berikan kepada institusi TVET adalah untuk mereka bekerjasama secara langsung dengan semua industri-industri yang melabur di Johor supaya pembelajaran murid tertumpu kepada bidang berkaitan di dalam industri negeri ini. Kerana kita tahu setiap negeri mungkin memerlukan kepakaran yang berbeza-beza kerana setiap negeri mempunyai industri-industri yang berbeza.

Misalnya, pelaburan hab pusat data Johor iaitu Taman Pusat Data Hijau YTL, Taman Teknologi Nusajaya dan Lembah Teknologi Sedenak. Ini semua memerlukan pekerja yang dilatih dengan lebih rinci oleh industri pusat data. Permintaan untuk pusat data dijangka akan berkembang pada tahap 12.9% setiap tahun. Dengan nilai pusat data dunia bakal mencecah USD517.17 menjelang 2030. Ini kita kena cari tenaga kerja, kita tidak boleh biarkan peluang pekerjaan yang banyak ini diisi oleh pekerja-pekerja luar. TVET adalah potensi besar untuk membekalkan tenaga kerja dan pemberian autonomi dapat membantu kita untuk latih dan hasilkan pekerja yang berkualiti untuk ekonomi negeri Johor. Pada masa yang sama juga Yang Berhormat Datuk Speaker, kita dapat pastikan agar orang-orang muda dalam negeri kita memiliki pekerjaan yang separa mahir ataupun pekerjaan mahir. Dengan secara tidak langsung meningkatkan juga jumlah gaji orang-orang muda dalam negeri Johor. Saya juga ingin tekankan apabila kita bercerita tentang memberikan autonomi kepada industri-industri, kepada sektor-sektor pendidikan bekerjasama dengan industri TVET, kita kena tekankan bahawa lebih penting untuk mereka menjalankan dengan izin Yang Berhormat Datuk Speaker *place and train* berbanding *train and place*. Kerana lebih mudah untuk mereka berlatih di industri-industri tersebut daripada di dalam ruang kelas sahaja. Saya memang memandang tinggi dengan usaha kita untuk mewujudkan *silicone valley* kita sendiri di Johor. Maka kita harus berusaha untuk ke arah itu dengan kita memulakan langkah mengautonomikan TVET dalam negara kita.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya dengan itu dengan penuh rendah diri ingin mengucapkan rasa syukur kerana masih diberi peluang untuk berucap dalam Dewan yang mulia ini. Setiap kali saya hadir ke sini insya-Allah saya akan sentiasa ingatkan diri saya bahawa setiap masa dan ketika yang saya luangkan dalam Dewan Negeri Johor ini adalah amanah dan pinjaman daripada rakyat. Masih ramai lagi rakyat Johor yang memerlukan bantuan yang masih susah yang masih melarat. Maka saya juga ingin seru semua ADUN-

ADUN, rakan-rakan ADUN-ADUN untuk kita bekerja keras bersungguh-sungguh untuk Johor dan isinya. Saya akan jalankan tanggungjawab saya sebaik mungkin untuk berkhidmat sebagai ADUN pengimbang kerajaan terutama sekali untuk penduduk di DUN Puteri Wangsa. Sama-sama kita buang yang keruh kita ambil yang jernih dan sekali lagi Puteri Wangsa menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar, semoga kita semua diberi kesihatan dan rezeki yang baik untuk terus berkhidmat pada negeri Johor Darul Ta'zim. Amin Ya Rabbal Alamin. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Puteri Wangsa, dijemput Yang Berhormat Permas.

YB Tuan Baharudin bin Mohamed Taib (Permas) : Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat sejahtera dan salam maju Johor. Yang Berhormat Timbalan Datuk Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua jabatan dan Sidang Dewan yang saya muliakan. Terlebih dahulu marilah kita ucapkan rasa kesyukuran kita kepada Allah SWT kerana limpah dan kurniaNya kita semua diberi kesihatan yang baik dan kekuatan bagi menghadiri mesyuarat kali pertama Dalam Persidangan Penggal Yang Kedua pada tahun 2023. Semoga Persidangan kali ini dapat berjalan dengan lancar dan dipermudahkan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, terlebih dahulu Permas merafak sembah Menjunjung Kasih Di Atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim dalam Sidang Dewan Yang Ke-15 pada kali ini. Permas juga merasa gembira bila Baginda Sultan dengan nada ceria menyatakan kepuasan hati dalam pentadbiran di bawah kepimpinan Menteri Besar Johor dan juga barisan EXCO kerajaan negeri. Tahniah saya ucapkan. Permas juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang mentadbir Dewan yang mulia ini. Dari pihak PKN, Pejabat Jurutulis hingga kepada penyediaan makanan telah memberi perkhidmatan yang baik-baik, tahniah, saya ucapkan. Dalam Persidangan ini Permas juga ingin menyampaikan rasa dukacita di atas kepayahan kawasan-kawasan yang telah dilanda banjir. Saya juga pernah mengalami musibah, berat mata memandang, berat lagi bahu memikul.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga bersetuju dengan beberapa Wakil Rakyat supaya kita bergerak secara jawatankuasa, supaya Wakil-Wakil Rakyat dapat sama-sama membantu, merancang, memajukan kerajaan negeri Johor. Sebagai contoh, di setiap PBT di Johor mempunyai jawatankuasa yang merancang di kalangan ketua-ketua jabatan dan juga Ahli-Ahli Majlis di setiap portfolio dan ia memberi impak yang baik kepada pihak PBT di mana setiap keputusan akan mengambil kira soal-soal rakyat dan juga polisi kerajaan yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan perpaduan dilihat sedang berusaha mentadbir negara dengan baik sebaik mungkin. Dalam pengalaman Pakatan Harapan selama 22 bulan, bermula pada tahun 2018 membuatkan mereka lebih teliti dalam segala tindakan yang dilakukan. Ditambah dengan pengalaman yang baik oleh tokoh-tokoh dari Barisan Nasional dilantik sebagai barisan Kabinet, Menteri, banyak membantu kerajaan perpaduan mencapai matlamat membangunkan negara dan rakyat. Pemimpin-pemimpin parti dan gabungan kerajaan perpaduan banyak bertolak ansur menjadikan kerajaan ini bergerak dengan keadaan yang dilihat agak stabil. Tiada prasangka tak baik antara pemimpin dapat mewujudkan keharmonian dalam mentadbir negara. Rakyat perlu menjaga keharmonian dan kestabilan politik yang wujud bagi memberi ruang yang luas kepada kerajaan memikirkan soal keselesaan rakyat menjalani kehidupan yang lebih baik. Jika keadaan ini terus wujud, sudah pasti kehidupan rakyat akan wujud kembali seperti zaman pemerintahan Barisan Nasional yang gilang gemilang suatu ketika dahulu. Tanggungjawab menjaga kestabilan ini adalah tanggungjawab bersama. Sama ada di pihak kakitangan kerajaan,

parti pembangkang mahu pun rakyat. Jangan lagi menabur fitnah, jangan lagi mencipta naratif berniat jahat hingga menyebabkan rakyat rasa tidak tenteram.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Amat Mulia Sultan dalam penyampaian titahnya ada menyebut bahawa keadaan ekonomi sedang berjalan dengan rancak dalam sektor pembangunan hartanah dan juga industri. Sejumlah RM7.6 bilion sedang dilabur di negeri Johor oleh pelabur-pelabur dari luar negara dan juga dalam negeri. Manakala, Malaysia menunjukkan prestasi ekonomi yang baik walaupun dunia mengalami ekonomi yang masih lagi tidak menentu. Pada tahun 2022, nilai dagangan melebihi pada RM2.0 trilion mencatatkan antara pertumbuhan terpantas berbanding tahun-tahun lepas. Pada tahun 2023, nilai dagangan terus meningkat. Ia menunjukkan petanda yang amat baik untuk Malaysia keluar daripada masalah ekonomi selepas pandemik COVID-19.

Oleh yang demikian, Johor perlu mengurus peluang ini dengan baik. Jadikan pelabur sebagai rakan dagangan yang menguntungkan, sediakan infrastruktur dan kemudahan yang menarik bagi keselesaan para pelabur. Perlu dibantu segala urusan mereka dengan jabatan kerajaan yang kebiasaannya beberapa proses kelulusan akan mengambil masa bertahun-tahun. Kelewatan masa memulakan sesuatu perniagaan akan mengakibatkan pertambahan kos. Ia akan menimbulkan keresahan kepada pelabur, kelewatan juga akan menyebabkan kerajaan tidak dapat menambah hasil sedangkan jika kelulusan dapat dipercepatkan, bermakna hasil kerajaan dapat ditambah dengan cepat. Elakkan karenah birokrasi yang tidak munasabah hingga menyebabkan kepayahan para pelabur mendapat satu kelulusan. Saya suka mengambil contoh Majlis Bandaraya Pasir Gudang yang menjadikan pelabur sebagai rakan kongsi, menjadikan Pasir Gudang tempat yang menarik kepada para pelabur. Di mana kalau kita lihat di Majlis Bandaraya Pasir Gudang sentiasa menjaga jalan-jalan rayanya, menjaga tempat kawasan supaya lebih cantik dan memberi tempat-tempat yang selesa kepada pengunjung-pengunjung ke Pasir Gudang. Ini kalau dilihat di Pasir Gudang, pelabur-pelaburnya atau kilang-kilangnya tak pernah tutup, malah kilang-kilang pelabur-pelabur akan terus bertambah di Pasir Gudang. Jadi saya ingin ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Aman Shah kerana telah berusaha ke arah sini supaya Pasir Gudang lebih baik dan sebagainya. Jika hasil kerajaan bertambah dengan baik, ia akan memudahkan kerajaan untuk mentadbir urus.

Belanjawan negara, belanjawan kerajaan negeri yang lepas walaupun ia lebih belanjawan, tetapi ia terpaksa mengurangkan perbelanjaan dalam beberapa sektor. Beberapa perkara tidak dapat diselesaikan dengan baik seperti soal banjir, yang dialami oleh kawasan-kawasan tertentu. Jalan raya yang semakin teruk keadaannya kalau kita lihat, bukan hanya di Pasir Gudang malah, Yang Amat Mulia Sultan mengatakan bahawa jalan di Mersing juga menjadi jalan yang tidak berapa baik. Dan kalau kita lihat di kawasan-kawasan yang lain-lain, di kawasan-kawasan kampung juga, jalan-jalannya turut berlubang. Jadi kerajaan negeri terpaksa banyak bergantung kepada kerajaan pusat. Jika pendapatan kerajaan dapat ditingkatkan kepada RM2.5 bilion pada masa akan datang sudah pasti kerajaan mampu menangani masalah yang menghantui rakyat setiap tahun. Poket rakyat juga antaranya bergantung kepada pelabur-pelabur, setiap pergerakan aktiviti pelaburan akan menggerakkan ekonomi. Jika tiada pergerakan maka tiadalah pergerakan ekonomi yang berlaku maka tiadalah duit yang masuk ke dalam poket rakyat. Oleh yang demikian, Permas berharap kerajaan memberi fokus yang serius terhadap perjalanan ekonomi negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, politik negara dan negeri dianggap stabil, semua pihak perlu bekerja dalam satu pasukan. Orang politik tak kira kerajaan mahupun pembangkang, kakitangan kerajaan dan juga rakyat perlu berganding bahu membangunkan negara dan juga negeri. Permas ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kakitangan kerajaan yang sentiasa memberi kerjasama yang baik kepada Wakil-Wakil Rakyat khususnya di DUN Permas. Ketika Johor dilanda banjir yang buruk, kawasan DUN Permas

dan juga Johor Jaya hanya sedikit sahaja yang terkesan berbanding dengan musim banjir yang lepas. Terima kasih kepada Jabatan Parit dan juga Saliran yang telah menyelenggara sebahagian daripada sungai-sungai di kawasan DUN Permas dan Johor Jaya. Permas berharap kerajaan dapat terus menjaga sungai-sungai ini secara berkala. Dan kalau kita lihat di Permas, kawasan Permas dan Johor Jaya di tahun-tahun yang lepas, oleh kerana sungai-sungai tidak diselenggara dengan baik, sungai-sungainya tidak dibesarkan dan sungai-sungainya tidak di dalamkan, maka banjir yang buruk akan berlaku. Dan sepertimana yang kita lihat di *highway* Pasir Gudang, *highway* yang baik pun boleh tenggelam akibat oleh sungai-sungai yang tidak ditadbir urus dengan baik.

Oleh yang demikian saya berharap agar perkara-perkara tersebut tidak akan berulang dan yang paling saya berharap sekali adalah sungai-sungai ini dapat ditadbir atau diuruskan dengan baik supaya banjir-banjir ini tidak akan berlaku pada masa akan datang. Begitu juga pihak Jabatan Kerja Raya yang telah bertungkus lumus menampal jalan-jalan berlubang yang banyak di Lebuhraya Pasir Gudang, hingga sekarang jalan-jalan tersebut pun masih lagi berlubang-lubang. Kita hanya mampu untuk menampal tapi kita tidak memulihkan jalan tersebut supaya menjadi satu lebuhraya yang selamat untuk digunakan kepada rakyat di kawasan Pasir Gudang. Permas berharap agar pihak kerajaan mencari jalan terbaik untuk menyelesaikan masalah Lebuhraya Pasir Gudang dan juga mendapatkan peruntukan dari kerajaan pusat bagi membaik pulih semula Lebuhraya Pasir Gudang agar ia kembali selamat kepada pengguna Lebuhraya Pasir Gudang. Kalau kita lihat kita pun mempunyai beberapa pakar-pakar yang baik, pakar ekonomi, pakar teknologi, semua kita ada, tetapi masalah yang tersebut kita masih lagi tidak dapat selesaikan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dari segi pentadbiran kerajaan hanya satu perkara sahaja iaitu Penghulu di kawasan saya, dilihat tidak memberi kerjasama yang baik kepada Wakil Rakyat dan juga ketua-ketua masyarakat termasuk ketua-ketua kampung. Lantikan-lantikan yang dibuat seperti jawatankuasa masjid dan surau tidak memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin masyarakat untuk berbincang dan memberi pandangan, ia menyebabkan ada beberapa jawatankuasa masjid yang lantik di kalangan individu yang bermasalah dan rakyat setempat ramai yang tidak berpuas hati dengan pelantikan tersebut. Hingga juga timbul persepsi yang menggambarkan bahawa pihak Penghulu berpihak kepada parti pembangkang. Diharap Pejabat Daerah dan juga Pejabat Menteri Besar dapat memberikan perhatian supaya isu seperti ini tidak timbul lagi.

Permas berharap agar jangan pisahkan kerajaan dengan orang politik, ia sangat berkait rapat, ia bagaikan air dengan tebing. Jika tebingnya runtuh, maka banjirlah Parit Sulong itulah ibaratnya. Jadi kita bersama-sama untuk bekerjasama memastikan bahawa kerajaan kita dan tempat-tempat kita juga akan mendapat perkara-perkara yang baik, dapat menyelesaikan masalah-masalah yang ada. Permas juga berharap agar kerajaan negeri dapat membanyakkan rumah-rumah murah dan mempercepatkan pembangunannya. Kekurangan rumah-rumah murah menyebabkan harga-harga rumah murah terpakai telah meningkat harganya akibatnya sewa rumah semakin meningkat dan kekurangan tawaran untuk rumah-rumah sewa dan kalau kita lihat di Pasir Gudang bagi saya mentadbir di Pasir Gudang, semakin ramai rakan-rakan kita atau orang yang tidak bernasib baik telah dihalau daripada rumah masing-masing kerana telah dapat membayar sewa-sewa yang meningkat. Jadi itu sahaja Yang Berhormat Datuk Speaker, Permas menyokong Rundingan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Permas mengucapkan selamat berpuasa dan selamat hari raya sebab kita mungkin tak akan jumpa di masa kita hampir di hari raya dan mudah-mudahan kita semua dapat beraya termasuklah Pasir Sulong, harap-harap dapatlah juga beraya. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh (Dewan bertepuk).

YB Timbalan Speaker : Waalaikumussalam. Terima kasih Yang Berhormat Permas. Ahli-Ahli Yang Berhormat, di sini ada satu pemakluman awal untuk makluman semua, kerajaan

negeri Johor telah menetapkan hari Ahad 26 Mac 2023, sebagai gantian cuti bagi Hari Kelepasan Am Negeri Johor selaras dengan Seksyen 3 Akta Hari Kelepasan 1951 (Akta 369). Maka saya ingin memaklumkan bahawa Dewan akan dilanjutkan sehingga hari Isnin 27 Mac 2023.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga hari esok, Isnin 20 Mac 2023 jam 9.30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 5.00 petang.

PENYATA RASMI

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15**

HARI KETIGA

ISNIN, 20 MAC 2023

BIL. 5 TAHUN 15

HADIR

YB Speaker,

Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, PJN., DSAP., PIS.

**YAB Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan,
Perancangan dan Pembangunan Ekonomi)**

Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, PMW.
(Machap)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar

Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.
(Buloh Kasap)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, DIMP.
(Bukit Permai)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya

Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, KMN.
(Tenggaroh)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Puan Hajah Khairin-Nisa binti Ismail @ Md On
(Serom)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan
Sumber Manusia**

Tuan Mohd Hairi bin Mad Shah
(Larkin)

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam

Tuan Mohd Fared bin Mohd Khalid
(Semerah)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan

Tuan Ling Tian Soon
(Yong Peng)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna

Tuan Lee Ting Han
(Paloh)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur

Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh
(Bukit Pasir)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi

Cik Norlizah binti Noh
(Johor Lama)

YB Dato' Ir. Hasni bin Mohammad, SPMJ., SUMW., PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan, DIMP.
(Kukup)

YB Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, DSAP., PJN.
(Rengit)

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap
(Pemanis)

YB Puan Hajah Haslinda binti Salleh, AMN., BCM.
(Tenang)

YB Datuk Haji Mohd Fuad bin Tukirin, PMW., BCM.
(Bukit Naning)

YB Tuan Sahrihan bin Jani
(Gambir)

YB Tuan Tan Chong
(Bekok)

YB Tuan Muszaide bin Makmor
(Sedili)

YB Puan Saraswati a/p Nallathamby, PPN.
(Kemelah)

YB Tuan Tan Eng Meng, PPN.
(Pekan Nanas)

YB Puan Fauziah binti Misri
(Penawar)

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan, PPN.
(Pulai Sebatang)

YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri, DPSM.
(Parit Yaani)

YB Tuan Haji Selamat bin Takim
(Sungai Balang)

YB Tuan Aznan bin Tamin
(Tanjung Surat)

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib
(Permas)

YB Datuk Haji Ramlee bin Bohani, DPSM., JMN., AMN.
(Kempas)

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail
(Senggarang)

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad, DPSM., PPN.
(Kota Iskandar)

YB Tuan Azizul bin Bachok
(Tiram)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Cik Amira Aisya binti Abd Aziz
(Puteri Wangsa)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Tuan Chiong Sen Sern
(Bukit Batu)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

YB Puan Marina binti Ibrahim
(Skudai)

YB Puan Ng Kor Sim
(Jementah)

YB Dato' Dr. Sahrudin bin Haji Jamal, DMIJ.
(Bukit Kepong)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, JSM., PIS.
(Endau)

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib
(Maharani)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, PSM., SPMJ., DMIJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Amir bin Nasruddin, DMIJ.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji Salehuddin bin Haji Hassan, DMIJ., SIJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Mutalip bin Abd Rahim, PSI., PIS.
(Layang-Layang)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.
(Mahkota)

YB Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub, DSPN., DGSM.
(Simpang Jeram)

YB Tuan Liew Chin Tong
(Perling)

YB Tuan Wong Bor Yang
(Senai)

Persidangan bermula jam 9.30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.

(Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.

YB Speaker : Bismillahirrahmanirrahim. Allahu Akbar. Allahu Akbar. Allahu Akbar. (Bacaan selawat). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Maju Johor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan Negeri Johor telah mencipta sejarahnya yang tersendiri. Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah bertitah, istilah pembangkang tidak lagi sesuai digunakan di Dewan yang mulia ini. Justeru, sebagaimana yang telah dimulakan oleh Yang Amat Berhormat Machap semalam, kita akan menggunakan istilah Pengimbang, istilah pengimbang lebih murni, lebih tepat, lebih komprehensif dan lebih *futuristic* untuk mewujudkan peranan Dewan Negeri yang lebih berwibawa. Menjunjung Kasih Tuanku. Terima kasih.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Sungai Balang.

YB Tuan Haji Selamat bin Takim (Sungai Balang) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 1.

Pasca Pandemik memberi impak yang sangat besar kepada rakyat Johor khususnya aspek emosi individu yang menghadapi tekanan hidup lantas menjejaskan kewarasan fikiran. Justeru, apakah usaha Jabatan Kesihatan Negeri Johor dalam menangani masalah jiwa kalangan rakyat Johor yang terjejas?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan : Salam Maju Johor, salam perpaduan, salam Bangsa Johor. Bangun pagi cari sarapan, lepas sarapan pergi Dewan, bersidang demi masa depan, selamat pagi seisi Dewan.

Terima kasih Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Sungai Balang atas soalan dan sidang Dewan sekalian. Isu masalah kesihatan mental ataupun gangguan emosi semasa pasca pandemik COVID-19 adalah masalah global. Antara strategi yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Johor bagi menangani masalah kesihatan mental di kalangan penduduk Johor adalah beberapa strategi :

1. Strategi promosi dan pendidikan kesihatan mental melalui ceramah kesihatan secara atas talian.
2. Ceramah kesihatan secara bersemuka.
3. Promosi bahan pendidikan kesihatan mental melalui Telegram Minda Sihat Johor.
4. Memperkasa agen kesihatan di komuniti yang bernaung di bawah *Program MyChampion* untuk mempunyai asas pengetahuan berkenaan masalah kesihatan mental agar mereka boleh membantu masyarakat mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan mental di fasiliti JKNJ.

Strategi kedua, pengesanan awal masalah kesihatan mental. JKNJ telah menyediakan sistem Saringan Minda Sihat atas talian iaitu e-DASS untuk penduduk Johor melaksanakan

saringan kesihatan mental sendiri melalui Sistem Saringan Minda Sihat atau QR Dass. Orang awam boleh menjawab saringan akan mendapat jawapan serta-merta dan saranan intervensi seterusnya.

Kedua, saringan minda sihat di klinik kesihatan juga dilaksanakan dengan sasaran tertentu mengikut jenis klien yang hadir.

Yang ketiga, saringan minda sihat juga dilaksanakan dalam aktiviti *National Health Screening Initiative* yang dilaksanakan di seluruh negara.

Bagi strategi ketiga ialah, intervensi atau rawatan. Semua kes yang disyaki mempunyai masalah kesihatan mental akan dinilai oleh Pegawai Perubatan dan seterusnya klien akan diberi intervensi sewajarnya. Bagi kes-kes memerlukan penilaian lanjut oleh Pakar Psikiatri, mereka akan dirujuk ke hospital kerajaan yang berdekatan.

Strategi keempat, kesiapsiagaan bencana. JKNJ mempunyai pasukan *Mental Health Psychosocial Support* ataupun MHPSS. MHPSS merujuk kepada apa saja sokongan dalaman atau luaran bertujuan untuk melindungi atau mempromosi kesihatan psikososial, mencegah, merawat penyakit mental. Sokongan ini termasuk intervensi *Psychological First Aid* ataupun PFA. PFA adalah satu intervensi sokongan kepada mangsa bencana untuk digunakan secepat selepas sesuatu bencana, krisis yang ditunjukkan untuk mencegah masalah kesihatan mental yang terjadi akibat bencana lanjutan dan memberi kesan buruk kepada mangsa. Saya ambil contoh pada banjir yang baru-baru sahaja berlaku, pasukan JKNJ juga telah masuk ke setiap PPS bukan sahaja untuk membuat saringan kesihatan, dan juga melakukan program untuk membantu mangsa-mangsa banjir daripada segi mengawal emosi mereka.

Isu masalah kesihatan mental ini atau pun gangguan emosi perlu ditangani secara holistik, punca kepada perubatan, perubahan emosi yang ini perlu dikenal pasti dan ditangani agar gangguan emosi ini tidak berpanjangan dan berakhir dengan penyakit mental. Antara puncanya adalah kehilangan pekerja dan isu kewangan. JKNJ menyediakan perkhidmatan untuk membantu klien beradaptasi dengan situasi baru dan bagaimana untuk menghadapi kecelaruan emosi. Akan tetapi punca kepada gangguan emosi ini memerlukan penglibatan pelbagai agensi yang berkepentingan. Komponen pemerksaan masyarakat terhadap penjagaan dan pemeriksaan kesihatan sendiri, meliputi kesihatan fizikal dan mental. Ia terkandung dalam Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS). Dengan itu, semua ketua masyarakat atau agensi serta setiap individu perlu cakna tentang status kesihatan serta melaksanakan pemeriksaan kesihatan sendiri bukan sahaja dalam kesihatan fizikal malah kesihatan mental juga. Sekian, jawapan saya. Terima kasih.

YB Speaker : Sila...

YB Tuan Haji Selamat bin Takim (Sungai Balang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan saya. Terima kasih kepada YB EXCO Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan. Cuma, saya nak tahu berapakah jumlah ujian saringan dan juga apa yang telah dilakukan dan apakah keputusan-keputusannya kepada mereka-mereka ini yang kita maklum dalam pandemik COVID-19 ini dia menghadapi masalah kesihatan mental. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan : Terima kasih Datuk Speaker, terima kasih soalan tambahan daripada YB Sungai Balang. Dan, untuk jumlah saringan pada tahun 2022 iaitu tahun lepas, jumlah kes, jumlah apa ni sampel yang kita ambil ialah 57,875 kes dan untuk maklumat tambahan, pada tahun 2021, jumlah kes yang kita mengambil untuk buat saringan adalah 35,951 dan pada tahun 2020 iaitu permulaan PKP pada tahun 2020, jumlah kes ataupun jumlah saringan yang kita ambil ialah 37,128.

Dan untuk maklumat Yang Berhormat, saya ingin memberi satu maklumat yang cukup *ratio*, yang jumlah kes yang kita terima, kalau kita membandingkan kes-kes yang sebelum pandemik, mungkin jumlah kes yang kita terima dan jumlah kalau nisbahnya normal dengan abnormal, kalau sebelumnya cuma 111 atau 12%. Tapi, sejak permulaan pandemik COVID-19, yang jumlah kes yang kita terima, kita terdapat bahawa lebih daripada 20% iaitu 28% pada tahun 2020, dan 21% pada tahun 2021 dan 28% adalah menunjukkan kes abnormal pada tahun 2022. Dan juga kadar ini cukup membimbangkan kita dan merisaukan kita dan juga bagi pihak Jabatan Kesihatan Negeri Johor, kita akan sedaya upaya untuk bukan sahaja daripada saringan kesihatan, daripada fizikal, kita akan terus bergerak ke setiap pelosok dalam negeri Johor untuk memberi saringan atau pun nasihat bagi bangsa-bangsa Johor. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Kota Iskandar.

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad (Kota Iskandar) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 2. Terima kasih.

Ramai masyarakat hilang pekerjaan sewaktu pandemik COVID-19 menjadi penjaja makanan dan sebagainya. Isu penjaja berniaga di tempat tidak sesuai dan tidak dilesenkan menjadi gangguan hasil mata pencarian. Apakah rancangan untuk mengatasi isu supaya mereka di tempat secara berpusat yang lebih baik dan teratur?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan selamat pagi. Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat ADUN Kota Iskandar khususnya di kawasan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan pihak Majlis Bandaraya Iskandar Puteri telah melaksanakan dan menyelaras beberapa penempatan penjaja dengan mengambil kira beberapa sudut seperti kesesuaian dan keselamatan mengikut Undang-Undang Kecil Penjaja, MBIP 2020. Kawasan-kawasan yang telah dicadangkan dan dibangunkan seperti berikut :

1. Di Jalan Sri Orkid 34 telah dilaksanakan.
2. Jalan Pendidikan 3 telah dilaksanakan.
3. Tempat letak kereta pasar awam di Taman Perling telah dilaksanakan.
4. Jalan Teknologi 6, Taman Teknologi telah dilaksanakan.
5. Jalan Nusaria 3, Taman Nusantara telah dilaksanakan.

Penempatan penjaja yang telah disediakan oleh Majlis Bandaraya Iskandar Puteri ini telah membuka ruang kepada penjaja-penjaja bagi menjalankan perniagaan dengan selesa, selamat dan bersih. Pihak MBIP juga akan melesenkan penjaja-penjaja yang menjalankan perniagaan di kawasan yang berpusat seperti di atas sekiranya penjaja-penjaja tersebut masih belum memohon lesen perniagaan. Terima kasih.

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad (Kota Iskandar) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ada satu soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato EXCO. Kota Iskandar ada dua PBT yang terlibat, Yang Berhormat Datuk Speaker. Yang besarnya Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, yang keduanya Majlis Perbandaran Kulai. Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Datuk Speaker sebentar tadi, saya ingin merujuk kepada peniaga-peniaga yang lama berniaga secara kecil-kecilan, ibu tunggal terpaksa menyara anak, kemudian isu yang sentiasa dibangkitkan bila perjumpaan demi perjumpaan bersama ADUN dan terima kasih kepada Majlis Bandaraya Iskandar Puteri kerana *townhall* nya mengambil kira selepas operasi dijalankan. Pertanyaan saya adalah bagaimana kita nak menyakinkan dan menjamin bahawa mereka-mereka yang berniaga lama, seperti ibu tunggal menyara

cucu dan anak-anak mereka ditempatkan di tempat yang bersesuaian yang premisnya boleh menjadi tarikan ramai. Kebanyakan yang disediakan oleh Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, pengalaman saya mengikut lokasi yang dirizabkan oleh pihak pemaju dan sebagainya. Kadang tak strategik. Kita habis duit beratus ribu, akhirnya bila ditemu duga semula peniaga tak boleh berniaga, tutup kedai dan sebagainya. Dan saya bagi contoh, MPKu baru ini mengeluarkan notis kepada Jalan Taman Pulau Jaya dan kita, Wakil Rakyat didatangi oleh makcik-makcik ini mengatakan Datuk, apa jadi kami, niaga lama, pendapatan kami hanya berniaga pagi, sarapan pagi, menyediakan 50 bungkus nasi lemak, 30 bungkus mihun, kuih pendapatan seharian boleh dapat RM30.00 sahaja sedangkan di berhenti oleh alasan kerana Program Johor Bersih. Jangan kita jadikan alasan Johor Bersih ini kita nak menyapu bersih peniaga-peniaga yang menyara hidup mereka begitu lama. Apa kaedah PBT, dua PBT ini supaya menjamin mereka-mereka yang terkesan ini dapat pembelaan.

YB Speaker : Soalan, Yang Berhormat.

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad (Kota Iskandar) : Itu soalan saya. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih kepada Yang Berhormat. Bila kita cerita tentang pembangunan, kalau melibatkan Majlis Bandaraya atau Perbandaran, inilah isu yang sering dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat bila melibatkan peniaga-peniaga kecil ini. Ada juga di peringkat PBT, di peringkat Ahli Majlis mencadangkan sesuatu penempatan penjaja yang baru seperti saya beritahu tadi, lokasi tak strategik tetapi kerajaan, PBT belanja banyak. Bila dipindahkan peniaga-peniaga ini berniaga di tempat baru dan ditinggalkan begitu sahaja. Dan akhirnya modal yang dikumpul bertahun-tahun, jadi makcik ni gulung tikar. Saya setuju dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Kota Iskandar, sebab tu saya selalu berpesan kepada Datuk Bandar, Tuan YDP, Puan YDP dalam kita mengejar pembangunan, isu-isu peniaga kecil khususnya di pekan-pekan, di kampung-kampung, adakah perlu lesen PBT ni, kalau setakat dia meniaga di tepi-tepi jalan dan baru-baru ini sama juga isu di Kulai. Seorang peniaga Cina dah meniaga kat situ selama 10 tahun tetapi tidak ada lesen. Bila kita *interview* dia masa kita serahkan lesen selepas 10 tahun dia mohon, mereka ini adalah golongan ibu tunggal yang susah, ada anak untuk dibiayai pelajarannya, tetapi dia ibu tunggal. Jadi apa yang kita buat bila saya tanya jumpa, bila serahkan lesen itu menangis-nangis ni YB, menangis-nangis sebab apa dia kata, "YB inilah pertama kali selama 10 tahun saya meniaga dapat lesen penjaja"

Tuan-tuan dan puan-puan, Datuk-Datuk, bila kita cerita tentang membantu golongan peniaga kecil dan susah ini kita tidak boleh menggunakan undang-undang sepenuhnya, kena ada budi bicara dan pertimbangan untuk membantu orang-orang susah ini. Saya nak ambil, nak kongsilah di Dewan yang mulia ini ibu tunggal ini yang berbangsa Cina di Kulai ini dia meniaga daripada pukul 6 sampai pukul 10 aje, 6 sampai 10. Pendapatan kasar dia kadang-kadang RM100.00, RM100.00 lebih. Berapa pendapatan bersih dia, RM50.00 sahaja sebulan. Setiap hari dia meniaga daripada hari pertama sampai 30 hari, RM50.00 x 30 hari. RM1,500.00 sebulan. Inilah yang dia bayar sewa, bayar bil, *support* anak-anak dia.

Tuan-tuan, saya nak tanya adakah kerajaan mampu, mampu untuk menyediakan sumbangan RM1,500.00 kepada peniaga-peniaga seperti ini, tidak mampu tuan-tuan. Hatta Majlis Agama paling banyak pun RM300.00, RM500.00 bergantung, sebab tu di PBT ni tuan-tuan, kita memang ada Undang-Undang Kecil Penjaja, kita ada lesen gerai statik, ada lesen pasar, ada lesen pasar pagi, ada lesen pasar malam, ada juga lesen penjaja tepi jalan. Sebab tu di peringkat PBT baru-baru ni di 16 PBT tahun ini kita dah mula melaksanakan kelulusan lesen penjaja diluluskan dalam masa satu hari. Semua PBT, 16 PBT sebelum ini berbeza-beza dari segi borang dan sebagainya, tapi alhamdulillah tahun 2023 ini di semua 16 PBT akan guna borang yang sama, kaedah yang sama, kelulusan yang sama.

Jadi insya-Allah Yang Berhormat Kota Iskandar, saya faham bila makcik tu contohlah dia meniaga kat tepi jalan di dalam taman, Penguat kuasa datang beri notis amaran, dah meniaga 10 tahun, dah meniaga 10 tahun tuan-tuan, perlu ke diangkat gerai makcik ini. Kita buat penguatkuasaan tapi kita tak buat pembelaan. Jadi akhirnya orang-orang ini susah jadi semakin susah, kita ni pemimpin, kita dilantik mana tanggungjawab kita sebagai pemimpin atau pun sebagai ketua-ketua jabatan yang membela nasib orang-orang susah ini. Sebab tu saya selalu pesan di peringkat PBT-PBT akta, undang-undang satu perkara tetapi bila tengok makcik-makcik berniaga pasar sampai pukul 9 sampai pukul 10 tak kan nak beri amaran kecualilah kerajaan mampu menyediakan RM1,500.00 sebulan kepada mereka ini.

YB Speaker : Baik Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih Datuk Speaker.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Penawar.

YB Puan Fauziah binti Misri (Penawar) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker. Soalan nombor 3.

Apakah perancangan kerajaan untuk memperkasa atlet OKU negeri Johor dan adakah terdapat program-program khusus yang dirangka untuk golongan ini?

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, selamat pagi, salam Maju Johor. Terima kasih Penawar yang mengajukan soalan, berbunyi apakah perancangan kerajaan untuk memperkasakan atlet Orang Kurang Upaya negeri Johor dan adakah terdapat program-program khusus yang dirangka untuk golongan ini?

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Penawar dan seluruh Ahli Dewan Negeri dalam Dewan yang mulia ini, syukur alhamdulillah di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar kita menitikberatkan bukan sahaja golongan belia, bukan golongan B40 malahan golongan Orang Kurang Upaya juga tidak ketinggalan.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia, di bawah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor merupakan *focal point* dengan izin, bagi memperkasakan orang kurang upaya dalam aspek sukan sama ada sukan prestasi tinggi, sukan massa dan juga rekreasi. Jabatan ini juga bekerjasama dengan agensi-agensi lain yang berkaitan seperti Jabatan Pendidikan, Jabatan Kebajikan dan juga badan-badan bukan kerajaan (NGO) dalam melaksanakan program-program bagi memberi impak yang optimum terhadap golongan ini. Jabatan ini juga membuat *talent identification* dengan izin, dalam kalangan atlet Orang Kurang Upaya bersama persatuan-persatuan sukan untuk diketengahkan ke persada sukan yang berprestij di peringkat kebangsaan mahu pun antarabangsa.

Yang Berhormat Penawar, untuk makluman di antara program-program yang telah disusun seperti sukan dwi tahunan yang disertai oleh golongan Orang Kurang Upaya adalah sukan Pra SUKMA dan sirkuit-sirkuit sukan yang berdasarkan acara di peringkat negeri mahu pun kebangsaan. Selain itu setiap tahun Kementerian Belia dan Sukan menurunkan waran pelaksanaan bagi program-program pembangunan golongan Orang Kurang Upaya ini seperti *Carnival Inspire* OKU dengan izin, *Eksplorasi OKU*, *i-Talent*, *i-Train* sebagai pengisian kepada golongan istimewa ini. Itu sahaja Yang Berhormat Penawar, Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih.

YB Puan Fauziah binti Misri (Penawar) : Yang Berhormat Datuk Speaker soalan tambahan saya, berdasarkan jawapan Yang Berhormat EXCO mengenai pelaksanaan *talent identification* dalam kalangan atlet OKU bersama persatuan sukan bolehkah Yang Berhormat EXCO perincikan sukan yang terlibat termasuk bilangan atlet OKU yang dilibatkan dalam inisiatif tersebut. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Terima kasih Yang Berhormat Penawar di atas soalan tambahan. Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Penawar, di bawah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor selaku *focal point* dengan izin, dalam pembangunan sukan OKU sebagaimana yang saya nyatakan seawal tadi yang telah melaksanakan inisiatif pencarian bakat baru iaitu *talent identification* dan latihan susulan melalui program *inspire, i-Talent* dan *i-Train* yang mensasarkan golongan Orang Kurang Upaya. Kedua-dua program ini dilaksanakan dengan kerjasama penggerak sukan OKU dan persatuan sukan OKU bagi mengenal pasti bakat-bakat baru ini sama ada semasa dalam program yang berlangsung.

Untuk makluman Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri terdapat 10 sukan Para Sukan yang dipertandingkan di Kejohanan Sukan Para Sukan SUKMA iaitu, Para Renang, Para *Lawn Bowl*, Para Ping Pong, Para Olahraga, Para Badminton, Para Catur, Para *Wrestling*, Boshar, Para Memanah. Dan untuk makluman Ahli Dewan juga, berdasarkan waran peruntukan profil program ini dilaksanakan di peringkat negeri dan telah melibatkan seramai 97 orang.

Untuk rekod 34 Orang Kurang Upaya adalah atlet baru, yang telah dilahirkan melalui program *i-Talent* dan *i-Train* pada tahun 2022. Dan telah pun terpilih untuk menyertai kontinjen Para SUKMA Johor untuk bertanding di Temasya Sukan Para SUKMA ke 20 Majlis Sukan Negeri MSN Kuala Lumpur pada tahun 2022 yang lepas. Dan alhamdulillah memperolehi pencapaian yang membanggakan dalam acara Sukan Para Olahraga, Para Catur dan Para Ping Pong serta *Power Lifting*. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Senggarang.

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail (Senggarang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 4.

Mohon pihak JKM menambah elaun tenaga pengajar PKPDK supaya tidak lagi sebanyak RM1,200.00 memandangkan gaji minimum pada ketika ini adalah sebanyak RM1,500.00.

YB Speaker : Tahniah Yang Berhormat Senggarang menang, (Dewan bertepuk) tapi bos dia kalah, apa sudah jadi. Dijemput Yang Berhormat Pekan Nanas.

YB Tuan Tan Eng Meng (Pekan Nanas) : Selamat pagi, salam Maju Johor, Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan 5.

Bilakah kali terakhir elaun guru Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) disemak dan adakah kerajaan bercadang untuk menaikkan kadar elaun tersebut selaras perkembangan ekonomi semasa?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada Senggarang dan Pekan Nanas. Saya menjawab soalan ini bersekali Yang Berhormat Datuk Speaker. Kerajaan negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyalurkan pelbagai bentuk peruntukan kewangan kepada penyelia, petugas dan pelatih PKPDK atau lebih sebagai Pertubuhan Kebajikan Pemulihan Dalam Komuniti di negeri Johor. Pada

pembentangan bajet tahun 2021, kerajaan persekutuan telah mengumumkan kenaikan sugu hati kepada penyelia, petugas PDK. Sehubungan itu mulai Mac 2021 kadar sugu hati yang diterima oleh penyelia telah dinaikkan dari RM1,200.00 sebulan kepada RM1,500.00 sebulan, sementara elaun yang diterima oleh petugas pula adalah sebanyak RM1,200.00 sebulan berbanding RM800.00 sebelum ini.

Sukacita dimaklumkan juga bahawa kerajaan negeri Johor melalui tahun 2015, setiap penyelia dan petugas telah menerima elaun tambahan dari kerajaan sebanyak RM200.00 sebulan bagi setiap penyelia dan petugas. Oleh itu jumlah keseluruhan elaun yang diterima oleh penyelia adalah sebanyak RM1,700.00 sebulan dan petugas sebanyak RM1,400.00 sebulan. Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyalurkan pelbagai bentuk peruntukan bantuan kewangan kepada penyelia, petugas dan pelatih PKPDK di negeri Johor.

Pada pembentangan bajet tahun 2021 kerajaan persekutuan juga telah mengumumkan kenaikan sugu hati kepada penyelia, petugas dan PDK di negeri Johor. Sehubungan dengan itu pada pembentangan bajet tahun 2021 kerajaan persekutuan mengumumkan kenaikan sugu hati kepada penyelia dan petugas PDK. Kadar sugu hati yang diterima oleh penyelia telah dinaikkan daripada RM1,200.00 kepada RM1,500.00. Sementara elaun yang diterima adalah sebanyak RM1,200.00 berbanding RM800.00 sebelum ini. Sukacita ingin dimaklumkan juga Yang Berhormat Datuk Speaker, bahawa Pertubuhan Kebajikan Pemulihan Dalam Komuniti adalah sebuah persatuan pertubuhan yang melaksanakan program pemulihan dalam komuniti yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1996, (Akta 335) yang mempunyai entiti perundangannya tersendiri dan adalah berbeza dengan kerajaan. Secara amnya, pertubuhan ini bebas untuk mentadbir mengikut perlembagaan, penetapan waktu bekerja dan elaun tambahan yang mereka fikirkan sesuai. Dimaklumkan juga bahawa penyelia dan petugas PKPDK dilantik oleh Jawatankuasa Pertubuhan dan bertugas secara sukarela di Pusat PDK itu atau di rumah. Bagi menghargai penglibatan penyelia dan petugas sebagai sukarelawan di bawah seliaan pertubuhan dalam menjayakan Program Pemulihan Dalam Komuniti.

Elaun ini dibayar kepada mereka berdasarkan peruntukan yang diluluskan oleh kerajaan. Ini bermakna, mereka tidak terikat dengan gaji minimum sebagai seorang pekerja. Pertubuhan boleh membuat penetapan mengenai bayaran tambahan kepada penyelia dan petugas PKPDK bergantung kepada kaedah pengambilan penyelia dan petugas oleh pertubuhan itu sendiri sama ada secara *contract of service* atau secara *contract for service*.

Bagi *contract for service*, seseorang itu dibayar untuk melakukan suatu tugas dan tiada syarat perkhidmatan yang ditetapkan. Manakala *contract of service*, ialah pertubuhan sebagai majikan kepada penyelia, petugas tersebut. Penyelia dan petugas pula sebagai pekerja. Sebagai majikan, pertubuhan boleh membuat apa-apa penetapan mengenai apa-apa syarat perkhidmatan, mengenai tempoh bekerja dan tambahan elaun lain yang difikirkan sesuai oleh pertubuhan tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Speaker : Sila, Pekan Nanas.

YB Tuan Tan Eng Meng (Pekan Nanas) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Soalan Tambahan saya A150 dengan A153 berdasarkan jawapan Yang Berhormat sebentar tadi, berapa jumlah penerima Bantuan Khas Kewangan bagi penyelia dan petugas PKPDK di negeri Johor? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih. Yang Berhormat Datuk Speaker, setiap penyelia dan petugas akan menerima Bantuan Khas Kewangan mengikut pengumuman oleh kerajaan negeri Johor pada setiap tahun. Saya kongsi jumlah penerima Bantuan Khas Kewangan ini setiap tahun, Yang

Berhormat Datuk Speaker. Tahun 2016, jumlah seramai penerima 422 orang. Jumlah keseluruhan yang kerajaan negeri keluarkan adalah sebanyak RM633,000.00. Bagi tahun 2017, seramai 427 penerima iaitu RM470,000.00. Bagi tahun 2018, adalah seramai 447 penerima iaitu RM447,000.00. Bagi tahun 2019, 448 penerima RM670,000.00. Bagi tahun 2020, 430 penerima, RM860,000.00. Bagi tahun 2021, 443 penerima sebanyak RM896,000.00 dan pada tahun 2022 seramai 433 penerima dengan jumlah keseluruhan adalah RM866,000.00. Terima kasih Datuk Speaker.

YB Speaker : Saya jemput, Yang Berhormat Gambir.

YB Tuan Sahrihan bin Jani (Gambir) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker. Soalan nombor 7. Terima kasih.

Apakah rancangan pembangunan dan strategi pemasaran bagi menjadikan Gunung Ledang sebagai destinasi utama pelancongan Johor.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Yang Berhormat Datuk Speaker, terdapat 2 kawasan yang berada di bawah kelolaan Perbadanan Taman Negara Johor iaitu Taman Negara Johor Gunung Ledang Lagenda yang terletak pada Batu 26, Jalan Segamat-Sagil, Ledang dan Taman Negara Johor Gunung Ledang *Waterfall* pula terletak pada Batu 28, Jalan Segamat, Ledang.

Pewartaan Taman Negara Johor Gunung Ledang Lagenda pada 3 Oktober 2005 yang meliputi kawasan seluas 8,611 hektar dan merupakan gunung tertinggi di selatan semenanjung Malaysia dengan ketinggian 1,276 meter. Manakala bagi Taman Negara Johor Gunung Ledang *Waterfall* pula, pengambilalihan daripada pihak swasta telah pun bermula pada sekitar tahun 2022 dan kini fasa pembaikpulihan sedang giat dijalankan.

Antara tarikan utama di kawasan Taman Negara Johor Gunung Ledang Lagenda adalah menerusi pakej-pakej pendakian harian dan juga bermalam. Antara pakej-pakej yang popular yang menjadi tarikan utama pendaki dari dalam dan luar negara adalah Pakej *Summit Attack*, Pakej *Twinfall* yang merupakan Pakej Mendaki Harian dan Pakej *Sunrise Pursuit* iaitu Pakej 2 Hari 1 Malam. Terdapat juga pakej bermalam bagi tempoh 3 hari iaitu Pakej *Alfred Russel Wallage*.

Pada tahun 2022, sebanyak 22,089 pelawat tempatan dan 1,402 pelawat luar negara telah berjaya direkodkan. Peningkatan yang ketara secara keseluruhan jika dibandingkan kemasukan pelawat bermula pada tahun 2019 ialah 8,585, 2020 5,679 dan 2021 4,179 orang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, antara strategi pemasaran yang dilaksanakan adalah dengan merancang beberapa program yang berimpak tinggi yang telah pun dijalankan pada tahun 2022. Antara contoh adalah konvoi Jom ke Taman Negara Johor yang merangkumi peserta yang disertai oleh Gabungan Kelab Bikers Wanita yang merangkumi peserta dari dalam dan luar negara seramai lebih daripada 100 orang penunggang motosikal berkuasa tinggi.

Promosi secara tidak langsung melalui hebahan media sosial *facebook*, *instagram* dan juga tik tok oleh individu yang terlibat telah membantu mempromosikan Gunung Ledang sebagai salah satu destinasi persinggahan di negeri Johor.

Pihak Perbadanan Taman Negara Johor juga telah membuat video-video bagi memaparkan kawasan menarik melalui paparan khas video bagi setiap taman tidak terkecuali Gunung

Ledang. Paparan ini boleh dilihat di laman rasmi YouTube Perbadanan Taman Negara Johor iaitu *Johor National Parks*.

Antara kaedah lain seperti memasarkan produk pelancongan di Gunung Ledang melalui pameran-pameran tempatan dan antarabangsa yang telah disertai seperti Majlis Sambutan Jubli Mutiara PTNJ yang ke-30, Promosi sempena Hari Landskap Negara, Festival Bangsa Johor, Pendaftaran ke *Domestic Summit 2022*, Pameran *Batam EXPO Welcome to Malaysia 2022*, *Corporate Travel Bazaar* di Kelantan, *Majestic Johor Festival*, Pameran sempena *Fun Ride* Penghujung Benua Asia, Konvoi Motosikal, Hebah-hebahan *brochure* di industri perhotelan di sekitar Johor Bahru.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi perancangan tahun 2023 pula, bagi menarik lagi kemasukan pelawat ke Taman Negara Johor Gunung Ledang adalah melalui penganjuran Karnival Johor Gunung Ledang bersempena dengan pembukaan kawasan Taman Negara Johor Gunung Ledang *Waterfall* kelak. Karnival selama 3 hari yang akan memberi peluang kepada komuniti setempat dan menjana ekonomi bagi mempergiatkan lagi industri pelancongan di Tangkak. Tambahan lagi, cadangan penganjuran *Gunung Ledang International Climbathon* bagi menarik pendaki dari dalam dan luar negara bagi merencanakan lagi aktiviti rekreasi di kawasan Gunung Ledang yang terkenal dengan aktiviti pendakian.

Bagi perancangan pembangunan di Taman Negara Johor Gunung Ledang *Waterfall* bagi tahun 2022 ialah bagi menaik taraf kemudahan yang ada seperti pembinaan tandas baharu, pembinaan pintu gerbang, pembinaan kafe untuk pengunjung dan pemasangan sistem *auto gate*. Manakala perancangan di Taman Negara Johor Gunung Ledang Lagenda pula ialah menaik taraf kaunter pendaftaran bagi kemudahan pendaki-pendaki.

Perancangan pembangunan yang akan dilaksanakan pada tahun 2023 diharap akan dapat meningkatkan imej Taman Negara Johor serta memberi keselesaan kepada pengunjung yang akan datang ke Taman Negara Johor. Selain itu, Perbadanan Taman Negara Johor dalam proses untuk menyediakan satu dokumen Pelan Pembangunan Taman-Taman Negara Johor Selama 5 Tahun yang mana dokumen lengkap tersebut dilihat akan dapat meningkatkan imej taman negara kelak. Terima kasih.

YB Tuan Sahrihan bin Jani (Gambir) : Terima kasih YB EXCO di atas jawapan sebentar tadi. Soalan tambahan saya, apakah impak sosial dan impak ekonomi yang boleh diharap dan dijangkakan selepas pembukaan semula Taman Negara Johor Gunung Ledang nanti? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya : Terima kasih YB Gambir. Yang Berhormat Datuk Speaker, seperti dimaklumkan tadi, satu karnival akan dianjurkan selama 3 hari yang akan memberi peluang kepada komuniti setempat untuk menjana ekonomi bagi mempergiatkan lagi industri pelancongan Tangkak akan dijalankan pada hari pembukaan Taman Negara Johor Gunung Ledang *Waterfall*.

Selain itu, dengan pembukaan Taman Negara Johor Gunung Ledang *Waterfall*, ia akan bagi peluang lebih kepada *homestay-homestay* yang berdekatan dengan Gunung Ledang *Waterfall* tersebut. Peniaga-peniaga tempatan yang telah dipilih juga untuk berniaga di gerai jualan di Taman Negara Johor Gunung Ledang *Waterfall*. Terdapat 8 unit gerai makanan, minuman dan peralatan rekreasi serta 3 unit gerai cenderamata yang akan dibuka dan beroperasi.

Selain itu juga, Taman Negara Johor Gunung Ledang akan sering mengadakan karnival jualan di kawasan *parking*, pada hari cuti umum dan hujung minggu yang akan meningkatkan lagi ekonomi penduduk setempat. Terima kasih.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Tangkak.

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih atas penjelasan yang diberi oleh YB EXCO. Berkenaan dengan pembukaan semula air terjun Gunung Ledang dan juga kerja-kerja naik taraf Taman Negara Gunung Ledang, Tangkak ingin tanya adakah cadangan ataupun rancangan dari segi mempromosikan atau pun pengiklanan sebab kita sedia maklum laluan utama untuk sampai ke Taman Negara Gunung Ledang ini ada beberapa tempat kalau dari utara, Lebuhraya Utara - Selatan yang dari utara perlu masuk melalui Plaza Tol Tangkak, yang dari selatan boleh melalui Plaza Tol Bukit Gambir. Dan dari Pantai timur pula boleh melalui Segamat dan Jementah. Jadi, adakah rancangan atau pun persediaan dari segi pengiklanan untuk bandar-bandar seperti Tangkak, Bukit Gambir, Jementah ataupun Muar supaya lebih ramai pelancong dapat sampai ke destinasi Taman Negara Gunung Ledang? Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya : Terima kasih Yang Berhormat Tangkak. Seperti promosi-promosi yang antarabangsa saya telah pun nyatakan, buat masa ini kita akan berbincang dengan PBT Tempatan untuk mengadakan lebih banyak *billboard-billboard* kalau boleh dijalankan dan juga *pamphlet* sekitar kedai-kedai untuk makluman pelancong-pelancong yang datang ke daerah Tangkak dan boleh singgah ke Gunung Ledang. Tapi apa pun, orang yang datang ke Tangkak biasanya dah tahu Gunung Ledang itu. Kita lebih kena fokuskan kepada daerah-daerah lain dan juga kita juga akan buat promosi-promosi gambaran di Senai Airport misalnya pengunjung baharu yang datang akan lebih tahu pasal Gunung Ledang. Terima kasih.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Panti.

YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 8.

Johor mempunyai banyak kawasan-kawasan perindustrian yang diwujudkan bagi mendokong sektor-sektor perkilangan ini. Apakah inisiatif daripada kerajaan negeri Johor untuk memastikan kawasan-kawasan perindustrian ini dapat dioptimumkan sepenuhnya bagi memastikan manfaat yang besar kepada penduduk?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna : Yang Berhormat Datuk Speaker. Mengikut data *Invest Johor*, Johor mempunyai 143 kawasan perindustrian. Dalam usaha menarik lebih banyak pelaburan dan mewujudkan peluang pekerjaan untuk Bangsa Johor, kerajaan negeri menggalakkan pembukaan kawasan perindustrian baharu yang berkonsepkan *land industrial area* atau kawasan perindustrian terancang dengan utiliti serta kemudahan asas yang lengkap dan kondusif untuk para pelabur.

Ia adalah selari dengan hasrat Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang telah pun menubuhkan Unit Khas, *Industrial Estate Unite* melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia bagi memantau dan membangunkan taman perindustrian untuk menarik pelaburan berkualiti.

Di peringkat kerajaan negeri Johor kelak, 3 inisiatif telah pun dijalankan untuk menyokong dan membantu ekosistem di kawasan perindustrian.

Pertama, *Industrial Park Management Committee*. Ahli-ahli IPMC yang ditubuhkan adalah terdiri daripada agensi-agensy perkhidmatan kerajaan, separa kerajaan, persatuan pengilang-pengilang tempatan dan juga pihak industri. IPMC dipengerusikan oleh Tuan

Yang DiPertua Pihak Berkuasa Tempatan dan berfungsi sebagai platform perantara antara pihak industri dengan pihak jabatan kerajaan yang berkaitan untuk berbincang serta mencari jalan penyelesaian untuk menangani masalah-masalah industri yang dihadapi. Dan melalui IPMC, pihak PBT dapat memantau permasalahan sesuatu kawasan industri dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Ini secara langsung membolehkan PBT-PBT menyediakan kawasan perindustrian yang lebih kondusif dan memberikan imej yang lebih baik kepada para pelabur.

Dan kedua, Jawatankuasa Pelaburan Johor, JIC. *Johor Investment Committee* yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor untuk melaraskan polisi dan dasar-dasar kerajaan negeri mengenai pelaburan supaya diterima pakai dan diambil tindakan sewajarnya selain pemantauan secara berkala bagi industri-industri yang sedia ada. Isu-isu dasar yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan negeri akan diangkat dan dimuktamadkan keputusannya dalam Mesyuarat JIC.

Ketiga, Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Penyelarasan Industri. Mesyuarat ini dipengerusikan bersama oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan Yang Berhormat Menteri MITI bagi menyelaras isu-isu berkaitan permohonan industri antara kerajaan negeri Johor dengan kerajaan persekutuan. Keputusan mesyuarat ini yang memerlukan perhatian dasar atau pun bajet kerajaan persekutuan akan diangkat dan dibincangkan dalam mesyuarat ini. Sekian, terima kasih.

YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO atas jawapan bagi soalan saya tadi. Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau kita tengok kawasan perindustrian ini macam Yang Berhormat EXCO beritahu tadi, banyak merata negeri Johor. Ada yang kecil, ada yang besar, ada yang lama, ada yang baru. Dan, kawasan perindustrian ini diwujudkan oleh pelbagai pihak. Maksudnya ada agensi kerajaan mewujudkan, ada pihak kerajaan sendiri, ada pihak swasta. Lepas tu, kalau dah lama ini kadang-kadang isu dia terbiar maksudnya. Tapi, macam Yang Berhormat EXCO beritahu tadi ada satu Jawatankuasa Peringkat Daerah. Cuma saya nak tanya, soalan saya, kadang-kadang kita di peringkat penduduk, masyarakat ini kita tak tahu apa yang berlaku tentang mesyuarat itulah. Jawatankuasa itu kita tak tahu dan kita pun tak dimaklumkan bagaimana mungkin kerajaan negeri pantau perkara ini untuk pastikan keperluan industri yang berada di kawasan masing-masing ini dapat kita hubungkan dengan masyarakat, dengan mungkin pelabur. Sebab kadang-kadang ada yang berminat, tapi kita pun tak tahu macam mana nak *proceed* ke depanlah untuk kita sama-sama bantu majukan kawasan perindustrian ini. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih Yang Berhormat Panti. Invest Johor merupakan ahli kepada IPMC, *Industrial Park Management Committee* yang bermesyuarat setiap suku. Maka saya cadang supaya sekiranya ada apa-apa masalah setempat maka kita boleh melalui Invest Johor untuk bangkitkan di dalam mesyuarat IPMC dan seterusnya melalui mesyuarat JIC untuk diambil tindakan susulan. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput, Mengkibol.

YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Tadi YB EXCO jawab ada sebut mengenai menciptakan peluang pekerjaan. Tahniah kerana mencatat penarikan pelaburan asing (FDI) sebanyak RM70.6 bilion untuk tahun 2022. Soalan tambahan saya adalah setakat ini, berapakah antara RM70.6 bilion ini yang dikirakan sebagai komited amaun, berapa persen, progres ataupun berapa peratusan telah direalisasikan yang maksudnya pelaburan sudah masuk ke Malaysia atau ke Johor? Sekian, terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih Yang Berhormat Mengkibol. Daripada jumlah RM70.6 bilion tersebut, RM58.785 bilion adalah *foreign direct investment* (FDI) iaitu sebanyak 83.26%, manakala RM11.819 bilion adalah DDI, *domestic direct investment* iaitu 16.74%. Dan, daripada jumlah RM7.6 bilion tersebut, peluang pekerjaan yang dijangka dapat diwujudkan adalah sebanyak 16,762 dan jumlah projek yang diluluskan adalah 570. Dan, *progress* untuk pelaburan komited ini adalah ada yang melibatkan masa sebanyak 3 tahun, ada yang melibatkan 5 tahun, ada yang melibatkan 10 tahun. Maka, setakat ini kita belum ada satu peratusan yang terperinci tapi untuk dalam masa terdekat, sebab ini adalah untuk tahun lepas. Harap, mudah-mudahan dalam Sidang yang akan datang saya dapat memberikan satu angka yang lebih terperinci. Terima kasih.

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Bekok.

YB Tuan Tan Chong (Bekok) : Salam sejahtera, salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Bekok nombor 9. Terima kasih.

Jalan antara bandar Labis ke Perumahan Awam Jalan Muar Labis adalah merupakan kawasan yang sering berlaku kemalangan maut akibat binatang peliharaan dan binatang liar. Mohon kerajaan negeri untuk memasang lampu jalan di kawasan tersebut.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat sejahtera, salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Bekok. Untuk makluman semua, jarak antara bandar Labis ke Perumahan Awam Jalan Muar Labis adalah sepanjang 4.6 km. Hasil siasatan di tapak mendapati sepanjang 3 km telah pun dipasang lampu jalan yang di selenggara oleh pihak TNB. Manakala selebihnya masih tiada lampu jalan. Oleh itu, kerajaan negeri melalui fasa pertama akan memperuntukkan RM100,000.00, namun begitu kajian kaedah pemasangan masih lagi dalam pertimbangan. Sama ada pemasangan lampu jalan jenis LED, 12 batang lampu jalan dengan jarak 420 meter atau pun pemasangan lampu jalan jenis solar LED, 10 batang lampu jalan dengan jarak 300 meter. Insya-Allah pihak Jabatan Kerja Raya akan menghubungi ADUN Bekok untuk penilaian selanjutnya. Terima kasih.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Parit Raja.

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 10.

Minta dinyatakan usaha kerajaan dalam membantu usahawan di bidang pertanian dan penternakan yang terkesan akibat perubahan iklim dan bencana banjir.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Parit Raja. Pertanian adalah perniagaan. Sedia maklum aktiviti perniagaan termasuk aktiviti sektor pertanian sudah tentu akan berhadapan dengan pelbagai risiko dan cabaran. Ianya termasuklah risiko berhadapan bencana alam seperti banjir dan perubahan iklim. Walau bagaimanapun, kerajaan akan mengambil berat akan nasib yang menimpa para pengusaha sektor ini dengan bantuan-bantuan insentif yang disediakan.

Untuk makluman, banjir yang melanda negeri Johor baru-baru ini turut memberi impak kepada pengusaha sektor pertanian dan industri agro-makanan keseluruhannya. Berdasarkan dapatan daripada jabatan dan agensi di bawah sektor pertanian sehingga setakat ini seramai 4,862 orang telah terkesan dan melibatkan anggaran awal nilai kerugian

sebanyak RM35,524,600.00. Ianya termasuklah usahawan-usahawan tani daripada pelbagai sektor tanaman, penternakan, perikanan dan industri asas tani bimbingan jabatan-jabatan di bawah portfolio sektor pertanian. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah mengeluarkan SOP berkaitan bencana kepada semua agensi berkaitan di bawahnya sebagai persediaan menghadapi sebarang kemungkinan berlakunya bencana kepada sektor agro-makanan. Bantuan ihsan ini adalah bagi membantu memulihkan dan melaksanakan semula projek dan bukanlah bertujuan untuk membayar ganti rugi kerosakan akibat bencana. Umumnya insentif bantuan bencana agro-makanan terbahagi kepada dua sumber peruntukan iaitu insentif melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan insentif melalui Projek Pembangunan Pertanian kerajaan negeri Johor.

Terdapat 2 jenis insentif bantuan bencana ini. Yang pertama, Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP). Bantuan ini diberikan kepada petani dan pengusaha dalam kawasan jelapang padi atau luar jelapang. Ianya adalah bantuan berbentuk kewangan dan bukan kewangan iaitu input pertanian tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Induk Tabung Bencana Tanaman Padi. Yang kedua, peruntukan Pembangunan Semula Projek Agro-Makanan (PPSPA). Bantuan ini pula disasarkan kepada golongan petani, penternak, nelayan, pertubuhan peladang, pemasar agro-makanan, pengusaha akuakultur, pengusaha industri makanan dan asas tani (IMAT), pengusaha agro-pelancongan dan persatuan atau koperasi berasaskan pertanian yang berdaftar dengan jabatan dam agensi yang berkaitan. Ianya adalah bantuan bukan kewangan iaitu input pertanian, peralatan dan mesin mengikut nilai kadar yang ditetapkan atau bantuan lain yang bersesuaian dan diluluskan oleh Jawatankuasa Induk Peruntukan Pembangunan Semula Agro, Jawatankuasa Induk Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agro-Makanan.

Untuk rekod, pada tahun 2022 kerajaan negeri menerusi Jabatan Pertanian telah memperuntukkan pelbagai bantuan kepada mangsa bencana antaranya RM100,000.00 bagi membantu 70 orang pengusaha sektor pertanian yang terjejas akibat bencana. Manakala kerajaan pusat menerusi Jabatan Pertanian juga telah memperuntukkan sebanyak RM491,455.00 dengan manfaat kepada 94 orang dan menerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, RM92,802.00 telah diperuntukkan bagi membantu 82 orang pesawah padi yang terkesan akibat banjir dan ribut. Manakala bagi penternakan pula, seramai 135 orang penternak dalam negeri Johor yang terjejas akibat banjir, Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah menyalurkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM1.39 juta bagi membantu penternak tersebut. Dan, pada tahun ini sahaja, 185 orang penternak terjejas banjir baru-baru ini telah menerima bantuan makanan ternakan dengan peruntukan keseluruhan bernilai RM72,000.00. Dalam sub-sektor perikanan akuakultur pula, 23 pengusaha telah menerima bantuan Jabatan Perikanan dengan nilai peruntukan sebanyak RM246,366.00 dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia telah membantu 11 pengusaha yang terjejas banjir dengan peruntukan sebanyak RM182,372.00.

Dalam membantu usahawan di bidang pertanian dan penternakan dalam kalangan pekebun kecil RISDA pula, yang terkesan akibat perubahan iklim dan banjir, RISDA telah pun menyediakan program aktiviti ekonomi tambahan atau AET yang merupakan salah satu inisiatif bagi membantu usahawan untuk meneruskan perniagaan setelah terkesan akibat bencana terutamanya banjir. RISDA telah memperuntukkan sebanyak RM119,000.00 dan telah memberi manfaat kepada 39 orang usahawan yang terkesan. Kadar bantuan adalah RM3,000.00 setiap permohonan secara *One-Off* dengan skop bantuan merangkumi perkara seperti bayaran sewa premis, pembelian peralatan, pembelian mesin, baik pulih mesin dan sebagainya.

Secara keseluruhannya, 384,000 pengusaha telah menerima bantuan pada tahun 2022 dan 185 orang pada tahun ini peringkat awal, dengan nilai keseluruhan peruntukan sebanyak RM2,576,838.00. Secara keseluruhannya Datuk Speaker, kerajaan amat mengambil berat terhadap nasib yang melanda mangsa banjir terutamanya dalam kalangan pengusaha-

pengusaha sektor pertanian. Selain daripada mengambil kira kebajikan para pengusaha, bantuan yang diberikan juga penting bagi melaksanakan semula aktiviti pengeluaran agromakanan bagi menjamin sekuriti makanan negeri dan negara amnya. Terima kasih.

YB Speaker : Sila...

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli (Parit Raja) : Terima kasih pada YB EXCO di atas jawapan tadi yang saya kira melibatkan juga IKS, bantuan-bantuan yang diberikan akibat terlibat bencana banjir. Bila Yang Berhormat EXCO tadi sebut padi, Parit Raja ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas hubungan baik kerajaan negeri, pihak JPS dan juga kerajaan negeri Perlis kerana pam-pam yang diletakkan di Parit Raja adalah dari negeri Perlis kerana banyaknya padi di negeri Perlis. Jadi, soalan tambahan saya, bila dah sebut tadi usaha-usaha pihak kerajaan negeri sebenarnya macam mana cara nak mohon, macam mana kaedahnya dan bila boleh sampai kepada rakyat yang terkesan. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Terima kasih kepada Parit Raja. Yang Berhormat Datuk Speaker, berkenaan dengan bagaimana usaha untuk mempercepatkan atau pun prosedur mendapatkan bantuan. Bagi mempercepatkan pelaksanaan bantuan kepada pengusaha-pengusaha yang terjejas khasnya banjir pada tahun 2023 ini, beberapa langkah alternatif telah diambil oleh jabatan dan agensi berkaitan. Antaranya membuat bancian awal ke kawasan terjejas banjir bagi mendapatkan anggaran awal.

Datuk Speaker, saya boleh ringkaskan untuk prosedur bantuan ini ialah yang pertama, petani yang terkesan dengan bencana boleh membuat permohonan di Pejabat Daerah, Pejabat Pertanian Daerah masing-masing bersama dokumen permohonan bencana iaitu melengkapkan borang permohonan bencana Borang C bersertakan gambar atau video kejadian bencana berserta laporan Polis.

Yang kedua, aktiviti bancian dan siasatan bagi menilai anggaran kerosakan tanaman dan luas musnah akibat bencana akan dijalankan oleh agen pengembangan tanaman atau Pegawai Pertanian Daerah mengikut permohonan petani. Dan pengesahan permohonan bencana akan diluluskan oleh Jabatan Pertanian Negeri bagi peruntukan negeri dan permohonan akan disokong di peringkat negeri seterusnya di peraku oleh ibu Pejabat Jabatan Pertanian sebelum diluluskan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk peruntukan persekutuan. Dan kelulusan permohonan adalah di peringkat Jabatan Pertanian Negeri dan Kementerian. Penyaluran bantuan akan dibuat kepada golongan sasaran mengikut kelulusan Jawatankuasa sama ada pemberian berbentuk kewangan tunai atau bukan.

Kesimpulannya Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mencadangkan semua petani, penternak atau nelayan yang terjejas dengan banjir yang sedang berlaku ini sila laporkan ke jabatan peringkat daerah masing-masing berserta gambar dan video kerana sekarang ni sedang berlaku mudah untuk kita sertakan dokumen tadi. Saya bimbang selepas waktu ini kita sibuk mempersiapkan diri dalam pasca banjir nak puasa pulak, raya pulak, saya bimbang mereka lupa untuk mendapatkan gambar atau video serta laporan Polis. Sekian terima kasih.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Senggarang.

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail (Senggarang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 11. Terima kasih.

Ramai guru Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor (SAKNJ) telah berhijrah ke Kementerian Pelajaran Malaysia. Mohon agar pihak Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM)

Setiausaha Kerajaan Negeri Johor dapat mengisi kekosongan tersebut dengan kadar yang segera.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Pemanis.

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap (Pemanis) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Pemanis nombor 12.

Bilakah kerajaan negeri akan melantik 200 kekosongan guru agama gred DG29 dan bilakah kerajaan akan membuat perubahan dan rasionalisasi jawatan guru KAFA kepada jawatan kontrak S29 dan S19 setelah lebih 40 tahun mereka hanya dibayar gaji secara elaun sahaja?

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama : Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih Datuk Speaker, Terima kasih Yang Berhormat Senggarang dan Yang Berhormat Pemanis. Saya minta izin untuk kedua-dua soalan ini dijawab secara bersekali. Yang Berhormat Pemanis dan Yang Berhormat Senggarang membangkitkan pertanyaan sama ada pengisian kekosongan guru-guru agama di Sekolah Agama Kerajaan Johor sudah diuruskan dan apakah statusnya.

Untuk makluman Yang Berhormat sidang Dewan yang mulia, kerajaan negeri mengambil berat akan isu kekosongan guru-guru yang dihadapi di Sekolah-sekolah Agama kerajaan Johor yang menyebabkan sebahagiannya berhijrah ke Kementerian Pelajaran Malaysia yang akhirnya menyebabkan isu kekosongan guru-guru di sekolah-sekolah agama semakin bertambah.

Bagi mengatasi masalah ini dari terus berlaku, pengisian kekosongan jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan bagi gred DG29 dan DG41 bagi guru-guru Agama Kerajaan Johor sentiasa di dalam perhatian dan tindakan kerajaan negeri. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat kekosongan guru-guru agama setakat ini berjumlah 565 orang bagi waran gred DG29 dan 74 waran bagi gred DG41. Jabatan Agama Islam Negeri Johor melalui Bahagian Pendidikan Islam telah membuat permohonan kepada Setiausaha Kerajaan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) untuk membuat lantikan Pegawai Perkhidmatan bagi gred-gred tersebut.

Perbincangan telah pun di buat pada 11 Disember 2022 dan pada 18 Januari 2023 tahun ini Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah pun sekali lagi bermesyuarat dengan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia yang dipengerusikan oleh Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, bagi membincangkan isu lantikan dan pengisian guru-guru tersebut. Dan hasil mesyuarat tersebut dicadangkan untuk dibuat lantikan secara kontrak secara berperingkat bagi mengatasi masalah kekosongan guru-guru ini.

Cadangan lantikan secara kontrak atas waran tetap adalah disebabkan oleh kekangan kewangan ketika ini. Lantikan kontrak ini dicadangkan bagi memenuhi keperluan semasa. Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah memohon lantikan secara kontrak sebanyak 485 waran bagi jawatan guru DG29 dan 57 waran bagi jawatan guru DG41. Tindakan ini seterusnya akan dibawa oleh pihak BPSM dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ).

Bagi maksud kebimbangan daripada berterusan, pihak saya sendiri akan memastikan urusan dan perbincangan ini disegerakan dalam tempoh yang terdekat. Yang Berhormat Pemanis juga bertanya mengenai rasionalisasi jawatan guru KAFA untuk diserap kepada jawatan kontrak bagi gred perjawatan S29 dan S19. Untuk makluman Yang Berhormat serta

Dewan yang mulia, waran bagi guru KAFA negeri Johor sebanyak 2,000 waran dan sebanyak 1,985 waran telah pun diisi bagi jawatan tersebut.

Kerajaan negeri amat memahami skop tugas yang dipikul oleh guru KAFA amat besar bahkan sebahagiannya hampir menyamai dengan skop tugas guru-guru sekolah agama Johor sedia ada, sekali pun mereka hanya dibayar elaun RM1,000.00 dari JAKIM dan RM512.00 dari kerajaan negeri. Kerajaan negeri Johor melalui Jabatan Agama Islam Negeri Johor sedaya upaya membantu menambah baik lantikan guru-guru KAFA ini dengan cara mencadangkan perjawatan tersebut dinaik taraf kepada gred S19 dan perkara tersebut telah pun dimajukan kepada pihak JAKIM berikutan guru KAFA merupakan di bawah seliaan dan juga lantikan JAKIM.

Walau bagaimanapun, dalam sesi perbincangan bajet persekutuan baru-baru ini yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, kerajaan persekutuan telah pun bersetuju menaikkan elaun guru KAFA di seluruh negara sebanyak RM100.00 yang juga memberi manfaat kepada 1,985 orang guru KAFA di negeri Johor. Perkara ini merupakan usaha bersama, bahkan saya sendiri telah pun membangkitkan isu ini semasa sesi dialog Belanjawan 2023 bersama Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan di Kota Iskandar pada 16 Februari yang lalu. Alhamdulillah ianya telah didengar oleh kerajaan persekutuan.

Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian guru KAFA yang berkhidmat di negeri Johor juga turut menerima bantuan khas kewangan tahun 2022 sebanyak minima RM1,000.00 sekurang-kurangnya yang telah pun selesai proses pembayarannya pada 17 Februari yang lalu. Kerajaan Johor amat memahami situasi yang dialami oleh guru-guru KAFA di negeri Johor dan apa-apa tindakan yang dibuat oleh kerajaan negeri mahupun kerajaan persekutuan bagi maksud menaiktaraf perjawatan tersebut akan sentiasa menjadi perhatian dan keutamaan kami. Terima kasih Yang Berhormat-Yang Berhormat atas pertanyaan yang telah pun diberikan. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB Speaker : Sila Pemanis.

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap (Pemanis) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO yang telah dapat memberikan jawapan sebentar tadi. Saya bertanya soalan ini kerana kita mendapat aduan daripada guru-guru sekolah agama ini berkaitan dengan kebajikan mereka, cuma soalan tambahan saya Datuk Speaker, adakah guru-guru yang memangku tugas-tugas kekosongan yang ada ini diberikan sebarang elaun atau pun insentif kepada mereka kerana terpaksa memangku kerja-kerja yang sepatutnya bukan menjadi tanggungjawab kepada mereka dan bilakah agaknya program pemberian skim SOCSO ini akan dilaksanakan kepada guru-guru agama ini termasuk kepada guru-guru KAFA ini. Terima kasih Datuk Speaker.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama : Terima kasih Yang Berhormat Pemanis. Buat masa ini guru-guru yang memangku mahu pun mengambil tugas guru-guru sedia ada di sekolah agama tiada elaun-elaun khas atau pun tambahan yang diberikan. Walau bagaimanapun, kami mengambil kira beban yang ditanggung ini dan sudah pastilah saya sendiri akan mengambil kira dan melihat keperluan-keperluan tambahan bagi menjaga kebajikan dan manfaat guru-guru yang bertugas luar daripada skop dan juga beban tugas sedia ada.

Bagi maksud pembayaran elaun SOCSO dan juga KWSP bagi guru-guru KAFA ianya pun telah dilaksanakan oleh kerajaan persekutuan bahkan tambahan elaun yang diberikan oleh kerajaan Johor ketika ini juga telah meliputi sebahagian daripada kebajikan guru-guru tersebut. Terima kasih YB Pemanis dan saya mengambil tanggungjawab untuk terus meneliti kebajikan dan manfaat guru-guru ini agar terus segera diberikan perhatian

terutamanya dari aspek pengambilan guru-guru lantikan bagi mengurangkan beban guru-guru sedia ada. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Pulai Sebatang. Tahniah Yang Berhormat.

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan (Pulai Sebatang) : Terima kasih Datuk Speaker, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam Maju Johor. Soalan Pulai Sebatang nombor 13, terima kasih.

Status pemilikan Rumah Mampu Milik Bangsa Johor. Apakah telah dibuat penambahbaikan dalam proses permohonan berkaitan penukaran nama bagi status tanah di bawah Pejabat Tanah Negeri dari segi tempoh, masa. Hal ini kerana, proses yang sedia ada mengambil masa yang terlalu lama.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Soalan YB Pulai Sebatang berbunyi, apakah telah dibuat penambahbaikan dalam proses permohonan berkaitan penukaran nama bagi status tanah di bawah Pejabat Tanah Negeri dari segi tempoh, masa. Yang Berhormat Datuk Speaker, Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) merujuk kepada rumah kos rendah dan sederhana yang komponennya merangkumi RMMJ (A) RMMJ (B) RMMJ (C) dan RMMJ (D) dan kedai kos sederhana. Sebelum penyempurnaan pindah milik di Pejabat Tanah dan Galian atau PTG dilakukan pemohon hendaklah mendapatkan terlebih dahulu kebenaran pindah milik dari PKPJ atau Perbadanan Kemajuan Perumahan Johor.

Bagi Rumah Mampu Milik Johor atau RMMJ, permohonan kebenaran pindah milik dibahagikan kepada 2 kategori iaitu pindah milik secara kasih sayang dan pindah milik secara jual beli dan proses kedua-dua kategori ini telah pun ditambah baik dengan pelaksanaan inisiatif seperti berikut: Pertama, proses kerja dipendekkan daripada 14 hari bekerja kepada 7 hari bekerja. Kedua, green lane inisiatif proses atau proses pindah milik melibatkan ahli keluarga dengan kelulusan serta merta. Ketiga, permohonan pindah milik secara atas talian menggunakan sistem e-Rumah. Keempat, pengurangan dokumen permohonan pindah milik daripada 10 dokumen kepada 6 dokumen. Kelima, pembayaran permohonan pindah milik secara atas talian melalui aplikasi *JohorPay*. Terima kasih

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Johor Jaya.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 14.

Nyatakan rancangan pemulihan laluan penerbangan antarabangsa dan laluan penerbangan baru.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, terima kasih Yang Berhormat Johor Jaya atas soalan. Yang Berhormat Datuk Speaker, pihak Senai Airport Terminal Services Sdn. Bhd. sememangnya mempunyai pelbagai usaha dan inisiatif bagi menarik minat syarikat-syarikat penerbangan domestik dan antarabangsa untuk penerbangan terus ke negeri Johor. Selepas pandemik COVID buat masa ini pada tahun 2022 kita dah ada lebih kurang 406 *Weekly flight* iaitu yang kita ambil kira daripada *arrival* dan juga *departure* dan *flight international* pula adalah untuk ke Ho Chi Minh City, Bangkok, Jakarta dan juga Surabaya. Dan bagi tahun 2023 Senai Airport telah merancang akan memulakan penerbangan secara terus dari Guangzhou China, serta Busan, Korea bagi laluan antarabangsa serta dari Kuala Namu, Batam dan Phnom Penh bagi laluan ASEAN.

Manakala bagi tahun 2024 dan seterusnya Senai Airport merancang untuk memulakan penerbangan secara terus daripada Jeju, Shenzhen, Taipei, Trichy, Hongkong, Tushkent dan Hualien bagi segmen antarabangsa bukan ASEAN adalah daripada Jogjakarta, Balik Papan, Siem Reap, Pekan baru dan Bandung, Hat Yai dan juga Chiang Mai Thailand, terima kasih.

YB Speaker : Ke Korea ada Yang Berhormat?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya : Korea tahun, untuk makluman Datuk Speaker, *flight* ke Guangzhou China akan dimulakan pada akhir bulan ini.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Terima YB EXCO. Adalah penting bagi kita memulihkan laluan penerbangan supaya kita dapat menarik lebih pelancong ke negeri Johor. Dan adalah penting juga kalau Speaker dah tanya Korea, bawa lah Speaker pergi Korea.

Soalan tambahan saya, adalah penting untuk menambah laluan penerbangan baharu untuk menarik pelancong dari luar negara apabila meningkatkan laluan ini, fasiliti dan infrastruktur bagi *airport* adalah penting juga. So, sama ada kita ada fasiliti menaik taraf fasiliti atau infrastruktur supaya kapasiti dapat menampung pelancong yang lebih ramai. Sekian, terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya : YB Johor Jaya. Kalau nanti *flight* ke Busan, Korea, dia buka kalau dibenarkan mungkin boleh bagi Datuk Speaker pula ke Korea.

YB Speaker : Sebab sekarang ini Yang Berhormat, orang Korea dah ramai yang boleh cakup Melayu kalau kita ke sana.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya : Ya..

YB Speaker : Itu yang saya suka ke sana tu.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya : Betul tu, Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Johor Jaya atas pertanyaan untuk kemudahan di Senai Airport. Pada tahun 2023, Senai Airport Terminal Services Sdn. Bhd. telah memeteraikan perjanjian konsesi dengan pihak kerajaan Malaysia yang telah memberi keizinan secara eksklusif untuk mengurus, mengendali, menyenggara dan membangunkan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai bagi tempoh 50 tahun sehingga 31 Oktober 2053. Dan daripada *agreement* tersebut, Senai Airport telah pada tahun 2007 telah mengubahsuai terminal penumpang bagi meningkatkan kapasiti pada 1 juta. Dan pada 2021 hingga 2022 pula, ia telah meningkatkan kapasiti daripada 4 juta kepada 5 juta. Dan dalam proses peningkatan kapasiti tersebut kali ini, ia berada dalam fasa terakhir iaitu menyiapkan balai berlepas, *departure hall lounge* yang sedia ada bagi menambah jumlah pintu pelepasan dari 4 pintu ke 8 pintu. Pembangunan yang hampir selesai ini bakal dibuka kepada orang ramai tahun ini dan dijangka akan boleh menampung sehingga 5 *million passenger per annum* menjelang tahun 2025.

Selain itu, Senai Airport juga akan membina Kompleks Kargo baharu yang berkapasiti 80,000 tan setahun untuk menggalakkan pertumbuhan kargo di selatan tanah air.

Untuk maklumat sidang Dewan juga, Senai Airport adalah merupakan satu-satunya lapangan terbang di Malaysia yang dianugerahkan Penarafan 5 Bintang Cemerlang sempena Anugerah Penarafan Bintang Sasaran Penting oleh Jabatan Perdana Menteri

dalam meningkatkan kawalan perlindungan dan penyenggaraan aset sumber infrastruktur kritikal sasaran penting dalam melindungi maklumat serta rekod keselamatan negara. Terima kasih.

YB Speaker : Saya jemput Mengkibol.

YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Senai sejak tahun 2018, sudah beberapa kali Mengkibol mencadangkan kemungkinan melaksanakan *visa on arrival* yang saya rasa sangat penting untuk menarik pelancong. Contohnya di Thailand selepas pelaksanaan *visa on arrival*, mereka mencatat sebanyak 11 *million* pelancong dari China. Pada tahun yang sama 2019, Malaysia cuma menarik 3 *million*. Dan juga *visa* atau pun *transit visa*, secara automatik.

Ini sangat penting dan dibuktikan di Dublin dan London. Mereka yang dapat Visa UK, boleh pergi ke Ireland secara automatik. Jadi untuk menarik pelancong atau pun pelaburan, ini sangat penting sebab ramai yang pergi ke *Singapore*. Sekiranya Senai dapat memberikan VOA atau pun *transit visa*, saya percaya ini satu langkah yang dapat menarik para pelancong dan juga mereka yang ingin melabur di negeri Johor. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya : Terima kasih Yang Berhormat Mengkibol. Memang saya setuju *visa on arrival* ia akan meningkatkan lagi kemudahan untuk pelancong datang ke melalui pintu *gate* Senai Airport. Apa pun kita, bukan keputusan dibuat dari segi peringkat negeri, tapi apa pun kita dari segi peringkat negeri akan dari semasa ke semasa memohon untuk meningkatkan lagi kapasiti-kapasiti dari segi *visa on arrival*. Terima kasih.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Kota Iskandar.

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad (Kota Iskandar) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 15. Terima kasih.

Klinik Kesihatan Gelang Patah telah menghadapi kesesakan. Kualiti perkhidmatannya perlu di pertingkat dan dinaik taraf seiring dengan penambahan penduduknya. Sekiranya terdapat lokasi sesuai dan cukup keluasannya, bolehkah sebuah pusat kesihatan lebih besar dibina di Gelang Patah bagi menggantikan bangunan klinik sedia ada?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan : Terima kasih Datuk Speaker dan terima kasih YB Kota Iskandar. Salam Bangsa Johor, salam Maju Johor dengan seisi Dewan sekalian.

Menyedari keadaan klinik yang lama dan ruang yang terhad dan sempit, pihak Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru ada mengesyorkan permohonan menaik taraf klinik ini kepada pembinaan baharu klinik kesihatan jenis 2 bagi menyelesaikan isu ruang dan kesesakan di klinik tersebut di samping pertambahan perkhidmatan seperti perkhidmatan X-ray kepada penduduk setempat. Bagi langkah penyelesaian, pihak Pejabat Kesihatan telah mengenal pasti tapak tanah baharu yang sesuai untuk dicadangkan pembinaan klinik kesihatan baharu bagi menggantikan Klinik Kesihatan Gelang Patah yang lama.

Permohonan pengambilan balik tanah cadangan tapak klinik kesihatan jenis 2 baharu telah dikemukakan kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia untuk pertimbangan dan kelulusan pihak kerajaan persekutuan.

Maklum balas Unit pembangunan JKNJ pula, JKNJ mengambil maklum berkaitan kesesakan perkhidmatan di Klinik Kesihatan Gelang Patah pada ketika ini. Sehubungan itu, jabatan ini telah mengenal pasti tapak bersesuaian bagi pembinaan baharu Klinik Kesihatan

Iskandar Puteri bagi menggantikan perkhidmatan kesihatan KK Gelang Patah. Tanah tersebut adalah di atas tapak PTD 204040 dan PTD 204041 Mukim Pulau Daerah Johor Bahru dengan keseluruhan keluasan adalah 7 ekar.

Status terkini permohonan hak milik tapak adalah dalam tindakan Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya untuk proses pengambilan balik tanah (PBT). Sekian, terima kasih.

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad (Kota Iskandar) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker dan YB EXCO. Kerajaan Johor adalah kerajaan yang prihatin pada isu kesihatan rakyat.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih di atas penjelasan yang diberikan oleh YB EXCO. Apa yang saya nak soalkan di sini berapa lamakah lagi dan saya tidak berapa jelas PTD yang dinyatakan sebentar tadi, di mana kawasan dia kerana KK Gelang Patah ini, ia menampung 15 kampung dan 7 taman besar. Yang kita daif sekarang ini. Soalan saya di mana kawasan mana atau pun bila, benda ini akan dilakukan? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan : Terima kasih soalan tambahan daripada Iskandar Puteri. Dan tanah tersebut adalah di Mukim Pulau Daerah Johor Bahru. Mungkin kalau nak lokasi tempatnya nanti mungkin kita boleh adakan lawatan bersama dengan YB Iskandar Puteri. Dan kami sedang menunggu keputusan daripada KKM supaya kelulusan, proses pengambilan balik tanah tersebut dapat dipercepatkan. Dan kalau tidak dapat hak milik tanah tersebut dan juga pihak KKM tidak akan meluluskan peruntukan. So, itu sahaja sekian maklum. Terima kasih.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini ditangguhkan sehingga jam 11.20 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11.20 pagi.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Saya jemput Yang Berhormat Penggaram. 15 minit.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker. Penggaram Merafak Sembah Menjunjung Kasih atas keberangkatan dan Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Kedua bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-15. Daulat Tuanku.

Penggaram ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi ruang dan peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pada kali ini. Yang Berhormat Datuk Speaker, kita mengetahui negeri kita telah dilanda musibah banjir yang teruk khususnya di beberapa kawasan seperti di Chaah dan Batu Pahat. Di dalam isu banjir ini, Penggaram ingin menyentuh beberapa perkara berkaitan banjir iaitu pengurusan bencana dan keterlibatan di dalam pengurusan bencana serta rancangan tebatan banjir.

Terlebih dahulu, Penggaram berasa bersyukur apabila cadangan Yang Berhormat Perling pada sidang Dewan yang lalu untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi menangani

impak perubahan iklim telah diterima. Penggaram memuji perubahan yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan penubuhan Jawatankuasa Perubahan Iklim. Di mana ia melibatkan seluruh Ahli Dewan ini tanpa mengira dari pihak kerajaan mahu pun pengimbang. Dan merasakan perubahan seperti ini juga perlu direalisasikan di peringkat daerah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, walau pun keadaan di sekitar bandar Batu Pahat hanya seperti hujan biasa dan tidak begitu lebat seperti sebelum ini, namun Penggaram terkejut apabila Batu Pahat dilanda banjir sehingga menyebabkan kerugian harta benda. Penggaram tidak boleh terima alasan taburan hujan yang lebat telah menyebabkan Batu Pahat dilanda banjir. Sedangkan realitinya cuaca di bandar Batu Pahat tidak seperti diperkatakan. Guruh tidak didengari, cuaca pun baik tetapi kami dikejutkan oleh panggilan telefon dari orang ramai yang menyatakan kawasan perumahan mereka dibanjiri air. Walaupun cuaca tidak hujan, beberapa kawasan terus dinaiki air dan situasi ini terus terus berlaku dalam beberapa hari hingga memaksa beberapa pusat pemindahan sementara dibuka bagi memindahkan mangsa banjir.

Perkara ini memberi kepelikan bukan sahaja kepada rakyat tetapi kepada Wakil-Wakil Rakyat juga. Kami ditanya oleh rakyat. Tapi tanpa sebarang maklumat yang benar dan tepat, bagaimana kami boleh menyampaikan kepada rakyat?

Yang Berhormat Datuk Speaker, Penggaram ingin bertanya adakah pelepasan air dari Empangan Bekok sebagai salah satu punca utama berlakunya banjir di beberapa kawasan khususnya di sekitar Bukit Pasir, Batu Pahat. Saya faham, JPS perlu memastikan paras air empangan berada di tahap yang selamat bagi mengelakkan bencana yang lebih serius berlaku. Adakah pihak JPS mempunyai sebarang garis panduan di dalam melepaskan air dari empangan? Apakah prosedur yang perlu dijalani oleh JPS sebelum pelepasan air empangan dilakukan? Dan apakah peranan BAKAJ di dalam isu melepaskan air dari empangan? Adakah terdapat jadual berkala untuk pelepasan air di empangan dan adakah garis panduan dan jadual tersebut ini mengambil kira laporan kaji cuaca dari Jabatan Meteorologi?

Bukan itu sahaja, jika terdapat pelepasan air dari empangan dengan jumlah kapasiti yang tinggi dan dijangka boleh menyebabkan banjir. Adakah perkara ini dimaklumkan kepada agensi-agensi yang terlibat seperti pejabat daerah agar boleh memberi amaran kepada rakyat untuk bersiap sedia. Rakyat di luar sana sentiasa bertanya kepada Wakil Rakyat, malangnya Wakil Rakyat sendiri khususnya dari pihak pengimbang seperti Penggaram seolah-olah diketepikan untuk mendapatkan info-info yang tepat. Penggaram yakin penyampaian maklumat yang tepat dan berkesan kepada orang ramai amat penting dan pasti dapat banyak membantu rakyat terutamanya di dalam mengurangkan risiko dan kerugian harta benda. Ia juga secara tidak langsung dapat membantu menjaga nama dan imej kerajaan dengan lebih berkesan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, apa yang dilihat setelah beberapa hari, Segamat dilanda banjir. Seharusnya kerajaan mengetahui lebih awal bahawa Empangan Bekok telah mencapai tahap yang membimbangkan dan mampu memberi kesan banjir kepada daerah Batu Pahat. Malangnya tiada sebarang amaran banjir yang diberikan oleh kerajaan kepada penduduk yang di kawasan-kawasan yang berkemungkinan menghadapi risiko banjir. Sehingga ada penduduk yang ingin meninggalkan rumah kediaman mereka, kerana disangka, disangkakan ia adalah banjir kilat dan keadaan akan kembali pulih dalam waktu yang singkat. Penggaram merasa amat kecewa sebagai seorang Wakil Rakyat yang mewakili DUN yang mempunyai jumlah penduduk paling padat di daerah Batu Pahat, Penggaram seolah-olah diketepikan hak untuk mendapatkan sebarang informasi-informasi penting dan tepat. Penggaram memohon agar kerajaan sentiasa melibatkan ADUN-ADUN walaupun dari pengimbang ke dalam Mesyuarat Pengurusan Bencana di peringkat daerah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, semalam saya mengikuti jawapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kepada Parit Raja berkaitan bantuan tunai yang disalurkan oleh kerajaan negeri sebanyak RM300.00 kepada setiap isi rumah, di mana jumlahnya yang telah disalurkan adalah sebanyak RM3.7 juta. Di sini, Penggaram ingin mengetahui, adakah bantuan tunai ini hanya diberikan kepada mangsa banjir yang berpindah ke PPS sahaja ataupun juga yang tidak berpindah ke PPS? Sebelum ini Penggaram ada melihat siaran langsung daripada dan kenyataan akhbar yang dibuat oleh Yang Berhormat EXCO dari Yong Peng menyatakan bahawa terdapat juga bantuan tunai daripada kerajaan negeri untuk mangsa banjir yang tidak berpindah ke PPS. Malangnya, pengumuman tersebut tidak berserta dengan penerangan berkaitan mekanisme permohonan yang lebih lanjut sehingga menyebabkan rakyat ke sana sini untuk mendapat borang yang untuk memohon bantuan tunai, tunai ini.

Semalam, pada lewat petang saya masih diberitakan oleh Pegawai Daerah Batu Pahat, yang menyatakan memang tiada bantuan wang tunai kepada, kepada mangsa yang tidak berpindah ke PPS. Dan setakat ini, Jawatankuasa Bencana Peringkat Daerah masih mengguna pakai senarai JKM yang menduduki di PPS. Jadi, Penggaram berasa pelik, bila maklumat yang diberi oleh Pegawai Daerah Batu Pahat berlainan dengan apa yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan rakan-rakan di dalam sidang yang mulia ini. Di dalam Dewan yang mulia ini, Penggaram memerlukan satu pengesahan dari Yang Amat Berhormat Menteri Besar, supaya seluruh rakyat Johor tahu duduk benar perkara ini. Ada atau tidak bantuan tunai kepada mangsa banjir sama ada mereka duduk di PPS ke atau tidak duduk di PPS?

Penggaram berharap jika ada bantuan tunai untuk semua mangsa banjir, tak kira-kira sama ada berpindah atau tidak harap kerajaan permudahkan urusan mereka agar tidak ada sesiapa yang tercicir di dalam mendapatkan bantuan-bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan. Apa yang difahami, mereka yang telah berpindah masuk ke PPS tidak perlu mengisi Borang Bantuan Wang Ihsan iaitu BWI. Jadi, untuk mangsa yang tidak duduk di PPS, adakah mereka perlu mengisi dua jenis borang iaitu untuk bantuan dari kerajaan negeri dan juga BWI. Penggaram juga berharap agar satu taklimat diberikan kepada Ahli-Ahli Dewan dan agensi-agensi berkaitan untuk menyelaraskan mekanisme permohonan bantuan. Semoga perkara ini dapat memberi manfaat dan meringankan beban yang telah sedia dihadapi oleh rakyat. Penggaram juga mencadangkan agar kerajaan menggerakkan kakitangan mahupun sukarelawan untuk membantu pendaftaran permohonan, bukalah kaunter-kaunter di kawasan yang terlibat dengan banjir.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Penggaram bukanlah mencari salah mana-mana satu pihak, tetapi hanya ingin mendapatkan maklumat yang lebih tepat supaya boleh disampaikan kepada rakyat, agar rakyat tidak diperlakukan seperti bola hanya untuk mendapatkan bantuan. Seperti yang dimaklumkan oleh Sri Medan semalam, kita Wakil-Wakil Rakyat tidak mencampuri urusan pendaftaran dan permohonan bantuan ini, cuma kita sebagai pemudah cara membantu rakyat untuk mendaftar. Sebab itu, pada awal tadi disebut, Penggaram berasa kecewa apabila Penggaram seperti dikecualikan khususnya untuk mendapatkan informasi-informasi yang tepat seperti bantuan dari kerajaan negeri. Jika info mengenai tapak pengumpulan sisa banjir pun hendak disembunyikan dari pengetahuan, sudah pasti Penggaram berasakan ada yang tidak kena dengan pengurusan bencana pada kali ini. Yang Berhormat Datuk Speaker...

YB Speaker : Yang Berhormat, tinggal 3 minit lagi.

YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) : Ok. Selain daripada penduduk yang turut menjadi mangsa bencana banjir, adalah peniaga-peniaga kecil, pekilang-pekilang, petani-petani, apa bantuan yang boleh diberikan oleh kerajaan kepada mereka, agar mereka dapat

merancang kembali aktiviti ekonomi di tempatan. Sama seperti yang diucapkan oleh YB Seri Medan, kita perlu membantu golongan-golongan ini, mungkin kerajaan boleh mempertimbangkan seperti mengecuali cukai pintu atau apa-apa geran khas yang difikir sesuai untuk membantu golongan tersebut. Diharap Rancangan Tebatan Banjir, menurut Yang Amat Berhormat Menteri Besar, permohonan-permohonan di bandar Batu Pahat adalah berkos sebanyak RM175 juta.

Penggaram ingin tahu kos ini hanya untuk mengatasi masalah fenomena air pasang laut yang semakin meningkat ataupun mengambil kira sekali sebagai rancangan berhadapan dengan perubahan iklim? Krisis iklim menjadikan paras air laut meningkat 1cm pada setiap tahun dan ramalan menjangkakan bandar Batu Pahat akan tenggelam pada tahun 2050. Jika, jangkaan RTB adalah untuk 50 tahun ia hanya tinggal 27 sahaja dari sekarang. Penggaram juga mempunyai kerisauan mengenai perkara ini. Ini disebabkan itu belum masuk kiraan fenomena air pasang yang bertembung dengan hujan lebat dan pelepasan air dari empangan. Penggaram ingin tahu, selain daripada RTB, apakah rancangan jangkaan panjang kerajaan dan juga apakah, adakah kerajaan akan mencari tempat yang sesuai untuk membina kolam takungan air?

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum Penggaram mengakhiri ucapan pada kali ini, Penggaram ingin menuntut hutang jawapan bertulis yang telah dijanji oleh Yang Berhormat EXCO Kerja Raya pada sidang yang lepas. Akhir kata, Penggaram merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat di dalam pengurusan bencana, barisan hadapan penguatkuasa, para sukarelawan, para NGO yang telah sama-sama berganding bahu di dalam menghadapi bencana pada kali ini. Kita berdoa, agar Johor kekal makmur, bermuafakat dan berharap agar projek tebatan banjir yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat segera dilaksanakan agar rakyat Johor tidak lagi merasai derita banjir. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Penggaram. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini ingin mengalu-alukan kehadiran para pemerhati 34 orang daripada kawasan DUN Penawar (Dewan bertepuk), dan 4 orang daripada kawasan DUN Maharani. Dijemput Yang Berhormat Panti.

YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, Panti merafak sembah menjunjung kasih atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar berangkat ke Dewan yang mulia ini. Dan seterusnya merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-15. Ampun Tuanku. Terima kasih juga kepada pelbagai pihak sama ada agensi negeri dan persekutuan, sukarelawan, individu, dalam kita mendepani banjir yang melanda negeri Johor amnya dan kawasan Panti khususnya. Banjir kali ini mungkin lebih buruk melanda Panti berbanding beberapa tahun kebelakangan ini.

Dan, saya juga ingin ambil kesempatan ini, Panti ambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan, Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar atas pengumuman yang akan membentangkan Usul Rundingan Penubuhan Jawatankuasa Perubahan Iklim dan Bencana. Juga atas segala bantuan serta langkah kerajaan negeri khususnya untuk membantu mangsa-mangsa banjir.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Panti sekali lagi merafak sembah, menjunjung kasih atas keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Tuanku khususnya berkaitan perihal infrastruktur negeri Johor ini. Sesungguhnya, pasca banjir pasti akan meninggalkan pelbagai isu seperti jalan yang rosak, terputus, saluran terhakis, tanah runtuh berdekatan kawasan penduduk dan lain-lain lagi. Peruntukan khas yang telah diumumkan perlu disegerakan dan Panti menyeru agar segala birokrasi dapat diminimumkan.

Begitu juga dengan semua infrastruktur di bawah seliaan kerajaan negeri yang perlu dilihat sebaiknya. Mungkin, infrastruktur-infrastruktur ini sama ada di bawah negeri ataupun persekutuan, tidak terjejas secara langsung oleh bencana banjir tetapi perlu diperbaiki dan diselenggarakan sebagai contoh banyak PPS, kita tahu menggunakan sekolah dan dewan tetapi semasa berlakunya bencana baru-baru ini banyak maklum balas yang diterima mengatakan banyak fasiliti yang tidak berada pada tahap sepatutnya, tandas yang rosak, kipas tidak berfungsi dan sebagainya.

Seperkara lagi yang berkaitan banjir ini, Panti ingin menyeru agar negeri melihat juga kerugian yang ditanggung oleh pekebun kecil, pengusaha ternakan sama ada ruminan atau ternakan lain seperti ikan dan sebagainya. Negeri juga perlu pastikan, jika adanya bantuan, jika ianya datang dari pusat bagi mereka pekebun-pekebun dan penternak ini. Terima kasih Yang Berhormat EXCO atas jawapan semasa soalan jawab lisan tadi, yang kita dimaklumkan ada bantuan seperti yang dimaklumkan. Dan yang Panti ingin tekankan di sini, adalah perkara ini perlulah di umum seluasnya bagaimana untuk bantu mereka, agar mereka tahu untuk mereka bina usaha yang tergendala akibat bencana banjir ini seperti soalan sahabat saya dari Parit Raja tadi kalau boleh dipermudahkanlah urusan mereka untuk memohon bantuan-bantuan ini.

Seterusnya, perihal banjir ini, saya bersetuju dengan apa yang dibangkitkan oleh Seri Medan, macam mana kita nak bantu lagi, negeri atau persekutuan, khususnya dari kerajaan negeri terlebih dahulu saya ucapkan juga terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO Pendidikan, semasa banjir yang lepas ada isu yang dibangkitkan oleh mangsa tentang keperluan untuk ganti buku-buku khususnya yang musnah akibat banjir, kos dia tinggi, kalau anak lebih seorang dengan kerugian rumah lagi, ianya sangat membebankan mangsa banjir tersebut.

Namun, EXCO ada bercakap, ada beritahu saya, yang beliau akan cuba untuk salurkan peruntukan khas melalui PIBG untuk setiap sekolah ini bagi melihat keperluan membantu pelajar-pelajar mangsa banjir ini. Terima kasih saya ucapkan dan saya harap, Panti harap ianya dapat disegerakan dan pastikan ibu bapa yang terkesan ini faham, tahu dan dapat memohon bagi anak-anak mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pendidikan merupakan perkara yang amat penting kepada negeri Johor. Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku agar mutu pendidikan di sekolah-sekolah dan pusat pengajian tinggi tidak boleh dipandang mudah. Panti faham akan urusan pendidikan ini kebanyakan dia adalah tanggungjawab persekutuan namun sebagai kerajaan negeri yang bertanggungjawab, negeri perlu ada langkah sendiri untuk pastikan mutu pendidikan khususnya di negeri Johor sentiasa pada tahap sepatutnya. Di kesempatan ini Panti ingin mencadangkan agar kerajaan negeri sendiri mewujudkan satu program khas bagi menghubungkan industri dan sekolah-sekolah serta universiti ini, jangan tunggu persekutuan untuk lakukan perkara ini. Dengan adanya program seperti ini, sekolah atau universiti akan lebih peka kepada kehendak dan keperluan industri dan bergerak menjadikan pekerja yang sesuai dengan keperluan industri itu sendiri. Bagi pihak industri juga ini akan memastikan mereka faham akan komitmen negeri yang bukan sahaja bersedia memberi pelbagai bantuan bagi mereka terus melabur di negeri Johor, malahan memandang lebih jauh untuk terus menyediakan tenaga kerja yang sesuai, lebih baik dan sangat mahir dalam memacu industri yang mereka pilih.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya Panti ingin mengambil peluang dalam perbahasan kali ini untuk menyuarakan beberapa isu setempat bagi pertimbangan dan tindakan kerajaan negeri.

Yang pertama, Panti sekali lagi merasa keperluan untuk isu ini dibangkitkan, ianya adalah tentang sistem pembentungan dan logi rawatan kumbahan di Bandar Tenggara. Panti berpendapat sistem pembentungan ini perlu dinaik taraf bagi memastikan isu ini tidak berulang lagi. Campur tangan kerajaan diperingkat negeri amatlah Panti harapkan. Kawasan Bandar Tenggara melibatkan lima taman perumahan yang agak luas, saban minggu pasti berlaku insiden yang tidak diingini hingga berlakunya pencemaran bau dan sebagainya. Terlebih dahulu Panti mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak Majlis Daerah Kota Tinggi dan pihak Kejora yang sentiasa membantu untuk melalukan kerja-kerja pembersihan secara berkala. Seperkara lagi, berkaitan kawasan Bandar Tenggara ini ialah berkaitan pencemaran akibat daripada tiada tanggungjawab segelintir pengusaha kilang di kawasan tersebut. Kilang yang mengeluarkan racun ini khususnya banyak menimbulkan rasa tidak senang penduduk yang terpaksa berdepan dengan beberapa isu seperti pencemaran bau dan sebagainya. Saya yakin pihak Jabatan Alam Sekitar dan agensi berkaitan tahu akan isu ini, tetapi hasil tinjauan saya bersama mereka tidak banyak yang dapat kita lakukan. Ini kerana, mengikut pemahaman saya, bagi penceramahan bau dan pencemaran bunyi kurang dan sukar disabitkan di bawah mana-mana akta bagi memastikan pengusaha ini dapat diambil tindakan. Biasanya, ianya hanya akan di bawah klausa kacau ganggu ataupun tindakan menarik lesen di bawah Majlis sahaja. Pihak kerajaan negeri melalui EXCO perlu peka dan memohon untuk dibawa perkara ini ke peringkat persekutuan bagi kita sama-sama untuk cuba menyelesaikan isu-isu seperti ini.

Yang kedua adalah tentang industri pelancongan di Panti. Panti sebenarnya pernah membangkitkan perkara ini dan seperti yang sedia maklum, Panti tidak ketandusan tempat dan kawasan menarik untuk dilawati. Antaranya ialah Gunung Muntahak, Gunung Panti, Air Terjun Kota Tinggi, Air Terjun Kota Tinggi ini pun lama tidak dibuka dan kita faham sebagai pemimpin mungkin kita faham atas sebab-sebab dan alasan yang diberi, tetapi rakyat di bawah memerlukan penjelasan yang lebih baik dan, Panti harap ianya dapat dilakukan segera. Selain daripada itu, kawasan-kawasan menarik adalah seperti *homestay* Kampung Temenin, *Raf Adventure Village* dan sedang dalam pembinaan adalah Santuari Gajah, cuma Santuari Gajah ini seperti yang kita maklum sepatutnya agenda utamanya ialah untuk menyelesaikan masalah gajah dengan penduduk dan kedua barulah sebagai pusat tarikan pelancong. Panti ingin mencadangkan sekali lagi untuk kawasan pelancongan ini dapat di beri perhatian oleh kerajaan negeri. Pertama dari segi pengurusan dan penyelenggaraannya, peruntukan yang mencukupi perlu disediakan agar segala kemudahan awam dapat kita pastikan ada dan berfungsi dengan baik. Pengurusan perlu dipastikan yang betul-betul mampu bukan pengurusan sebelum ini yang gagal, diambil semula untuk mengurus tempat-tempat ini. Kedua adalah aspek promosi yang Panti kira sangat lemah. Kerjasama antara pusat pelancongan ini dengan agensi negeri, dengan kawasan pelancongan di kawasan yang lain pula perlu diadakan agar ianya dapat dipakejkan. Program juga perlu sentiasa dipantau di peringkat negeri agar tempat-tempat ini sentiasa ada dalam kalendar pelancongan negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum Panti mengakhiri perbahasan Panti harap segala perkara yang dibangkitkan oleh Panti dan rakan-rakan mendapat perhatian yang khusus oleh pihak kerajaan negeri. Dikesempatan ini, Panti juga ingin mengucapkan selamat berpuasa kepada semua umat Islam khususnya warga Johor, semoga Allah SWT sentiasa melimpahkan rahmat-Nya buat kita semua. Sekian. Wabillahitaufiq wahidayah wassalamualaikum warahmatullahiawabarakatuh. Panti mohon menyokong. (Dewan bertepuk).

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Panti. Dijemput Yang Berhormat Tenang.

YB Puan Haslinda binti Salleh (Tenang) : Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahiawabarakatuh dan salam Maju Johor. Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker, di atas peluang yang diberikan kepada Tenang untuk turut mengambil

bahagian dalam sesi perbahasan sidang Dewan pada kali ini. Tenang merafak sembah dan menjunjung tinggi, setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertua Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku merasmikan persidangan Dewan yang mulia pada kali ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu Tenang ingin menzahirkan rasa simpati kepada lebih 48,000 mangsa banjir daripada lebih 26,000 keluarga dari negeri ini yang diuji baru-baru ini. Di mana ini termasuk juga ADUN Tenang salah seorang mangsa apabila pertama kali rumah dinaiki air separas pinggang. Di DUN Tenang sahaja sebanyak 12 PPS telah dibuka dengan 743 ketua isi rumah melibatkan 2,379 mangsa. Penghargaan juga Tenang ingin titipkan kepada semua pihak terdiri daripada agensi kerajaan, kerajaan negeri, kerajaan persekutuan, pasukan keselamatan, pertubuhan bukan kerajaan serta orang perseorangan yang telah bertungkus-lumus membantu mangsa dalam kejadian banjir yang di sifatkan antara yang terburuk di negeri ini. Di sebalik bencana banjir yang dihadirkan oleh Allah SWT sebagai ujian kepada hamba-Nya kejadian banjir ini secara tersiratnya membuktikan Bangsa Johor mampu berganding bahu, saling bantu-membantu diantara satu sama lain sewaktu diuji musibah. Syabas Bangsa Johor.

Banjir merupakan satu fenomena alam yang tidak dapat dielakkan, banyak faktor yang menyebabkan berlakunya banjir, namun salah satu faktor yang menjadi penyebabnya adalah sikap manusia sendiri yang begitu rakus memusnahkan hutan termasuk di kawasan hulu sungai. Menyentuh mengenai penerokaan rizab hutan simpan secara haram bagi tujuan perkampungan baharu Orang Asli serta tanaman getah dan kelapa sawit seperti yang dititah Duli Tuanku Sultan semasa merasmikan penggal sidang Dewan ini tempoh hari. Kejadian seupama ini turut berlaku di kawasan DUN Tenang, yang melibatkan kemusnahan rizab hutan simpan sekitar Taman Eko Rimba Taka Melor, sempadan FELCRA Peta Temalek dan Kampung Orang Asli Segamat Kecil yang melibatkan keluasan hampir ribuan ekar. Perbuatan mereka ini bukan sahaja mencabar undang-undang dan memusnahkan eko-sistem alam semula jadi malah, merugikan kerajaan negeri apabila kayu balak yang sepatutnya boleh dijadikan hasil kerajaan negeri dibakar begitu sahaja ketika kerja-kerja memugar hutan secara haram dilakukan. Walaupun kejadian tersebut berlaku lebih sepuluh tahun yang lalu. Tenang amat berharap satu tindakan tegas dapat diambil oleh pihak berwajib bukan sekadar mengheret penceroboh kemuka pengadilan, malah rampasan tanah yang sudah ditanam dengan tanaman getah mahu pun kelapa sawit perlu disegerakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sehebat mana pun kita sebagai manusia sememangnya kita tidak berupaya untuk menghalang hukum alam seperti banjir yang berlaku baru-baru ini. Namun kita boleh berusaha untuk mengurangkan impak daripada kejadian tersebut dengan pelbagai kaedah yang bersesuaian mengikut keperluan semasa. Sehubungan itu, Tenang ingin mencadangkan agar dilaksanakan kerja-kerja mendalam dan membina benteng di jajaran Sungai Tenang sepanjang kira-kira 500 meter di kawasan pekan Air Panas Labis bagi mengurangkan serta melambatkan limpahan air sungai ke kawasan penempatan penduduk setiap kali berlaku hujan lebat, sekaligus mampu mengurangkan kesan kemusnahan akibat banjir kepada penduduk setempat.

Oleh yang demikian, Tenang juga berharap kerajaan memberi perhatian terhadap cadangan ini dan menyalurkan peruntukan melalui agensi terbabit seperti Jabatan Parit dan Saliran bagi tujuan pelaksanaan kerja-kerja berkaitan demi kesejahteraan penduduk di kawasan berkenaan. Dalam masa yang sama juga Tenang juga ingin mencadangkan agar Tenaga Nasional Berhad daerah Segamat, menempatkan satu unit tindakan pantas secara *on call* di pejabat cawangan TNB Labis bagi menangani sebarang masalah berkaitan bekalan elektrik di kawasan Labis, Chaah dan Bekok yang memerlukan tindakan segera seperti dalam kejadian kebakaran dan banjir baru-baru ini. Maklum balas daripada penduduk setempat unit tersebut ketika ini ditempatkan di kawasan Segamat dan risiko kelewatan untuk sampai

ke lokasi bencana bagi tujuan kerja-kerja memutuskan bekalan elektrik jika berlaku musibah dan kebakaran mahu pun banjir di sekitar Labis, Chaah dan Bekok. Diharapkan isu ini diberi perhatian serius oleh pihak TNB bagi memastikan keselamatan nyawa dan harta penduduk terjamin.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain terpaksa berdepan cabaran ekonomi yang menyebabkan peningkatan kos hidup. Musibah banjir yang berlaku ternyata memberi satu lagi tekanan ekonomi yang bukan sedikit kepada golongan petani. Apabila projek tanaman mahu pun ternakan yang diusahakan musnah ketika dilanda bencana. Situasi tersebut menyukarkan mereka yang rata-ratanya adalah golongan B40 untuk bangkit semula tanpa sebarang bantuan daripada pihak berwajib, khususnya kerajaan. Tidak dinafikan nasib golongan tersebut diberi perhatian oleh kerajaan yang menyediakan bantuan melalui Jabatan Pertanian seperti yang diumumkan baru-baru ini. Namun, syarat yang memerlukan petani terjejas membuktikan projek yang diusahakan terjejas banjir melalui rakaman gambar projek yang diusahakan dari sudut sama ketikan sebelum, semasa dan selepas ditenggelami banjir agak tidak munasabah dan menyukarkan mereka. Secara logiknya agak sukar petani untuk merakam gambar projek yang diusahakan ketika kejadian banjir kerana ketika itu sudah pasti terdapat pelbagai halangan dan kekangan seperti kawasan projek yang tidak boleh dimasuki akibat ditenggelami air dan sangat berbahaya. Saya berpandangan, Tenang berpandangan pengesahan penghulu dan ketua kampung sudah memadai dengan bukti projek yang diusahakan mangsa terjejas banjir dan layak memohon bantuan yang disediakan.

Selain itu, pegawai pertanian juga boleh melawat kawasan terlibat bagi tujuan pengesahan bukannya membahayakan petani semata-mata untuk merakam gambar kebun yang dinaiki air ketika banjir. Tenang ingin melahirkan rasa hairan dengan tindakan Jabatan Pertanian yang boleh diragui keikhlasannya untuk membantu menaikkan ekonomi petani apabila terdapat program bantuan yang diwujudkan boleh disifatkan sebagai melepas batuk ditangga. Ini merujuk kepada projek peningkatan tahap sara diri, SSR, sayur terpilih cili dan halia yang dibuka permohonannya kepada petani pada awal Februari 2023 yang lalu. Antara lain projek ini menawarkan bantuan sehingga RM50,000 per hektar dalam bentuk pembersihan tapak, jentera serta peralatan *input* pertanian lain. Namun, apa yang menjadi tanda tanya adalah mengenai tempoh permohonan hanya dibuka dalam tempoh 24 jam sahaja. Di mana pengumumannya di muat naik di laman muka buku Jabatan Pertanian Negeri Johor pada pukul 8.27 pagi hari Sabtu, 11 Februari 2023 dan permohonan ditutup pada hari Ahad, 12 Februari 2023 iaitu keesokan harinya. Tenang perlukan penjelasan. Selain tempoh hanya 24 jam yang diberikan tiada sebarang borang yang dikeluarkan oleh Pejabat Pertanian di daerah bagi tujuan permohonan. Tenang berharap, Jabatan Pertanian akan lebih prihatin dalam meletakkan syarat permohonan yang lebih mudah dan munasabah untuk dipenuhi petani bagi memohon sebarang bantuan yang disediakan bukan menyusahkan kerana golongan tersebut sebenarnya amat memerlukan bantuan, bukan sekadar peralatan serta input pertanian malah khidmat nasihat bagi menjayakan projek yang diusahakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Tenang sekali lagi ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berhubung Kompleks Institusi Labis dalam Tenang yang terbiar sejak sekian lama dan ini amat merugikan sekiranya tiada sebarang usaha dimanfaatkan sekurang-kurangnya kepada penduduk setempat. Ini kali kedua perkara ini dibawakan dalam sidang Dewan yang mulia ini. Suka Tenang mencadangkan agar digerakkan satu usaha membaik pulih unit-unit kediaman tersebut dan diberi peluang untuk penduduk di beberapa kampung berhampiran terutama mereka yang sering terjejas setiap kali berlaku banjir menduduki penempatan tersebut dengan kadar bayaran minimum. Ketika ini Kompleks tersebut adalah di bawah kuasa Kementerian Pendidikan Malaysia. Namun, kerjasama antara Kementerian dan Jabatan Kerajaan dalam usaha menangani isu tersebut boleh dilakukan di mana pengurusan Kompleks tersebut diberikan kepada Kementerian berkaitan antaranya

Kementerian Pembangunan Luar Bandar bagi tujuan membaik pulih dan manfaatnya kepada masyarakat di dalam DUN Tenang.

Akhir kata, diharapkan kerajaan terbuka hati seluas-luasnya menerima segala cadangan yang dibawa ini agar ianya mampu mensejahterakan rakyat secara menyeluruh sekali gus rakyat akan kekal percaya, kerajaan sedia ada mampu membela nasib mereka. Sekian, wabillahi taufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Tenang. Dijemput Yang Berhormat Johor Jaya.

YB Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya) : Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih atas peluang yang diberi untuk berbahas dalam Dewan yang mulia ini. Patik merafak sembah menjunjung kasih atas keberangkatan dan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Takzim sempena Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Kedua Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-15. Patik turut merafak sembah menjunjung kasih dan setinggi-tinggi penghargaan sempena Hari Keputeraan Rasmi Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 23 Mac.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu Johor Jaya menzahirkan rasa simpati dan dukacita kepada mangsa-mangsa yang terkesan dalam bencana banjir baharu-baharu ini. Sehingga hari ini, masih terdapat lebih kurang 20,000 orang mangsa yang masih menduduki di PPS. Bagi mereka yang sudah keluar dari PPS pula, kerja-kerja pembersihan dan kiraan kos kerugian adalah amat menderitanya. Johor Jaya sempat membantu membersihkan beberapa tempat banjir. Dengan ini, Johor Jaya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua jabatan, agensi, anggota dan sukarelawan mahupun dari Johor atau negeri yang lain yang rela menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir kali ini. Inilah semangat rakyat Malaysia.

Johor Jaya menyambut baik keputusan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menubuhkan Jawatankuasa Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana dalam sidang Dewan kali ini. Supaya kita dapat membincang impak perubahan iklim dan juga risiko yang akan dihadapi dan bagaimana mencegah bencana dengan tindakan yang lebih cergas dan sempurna. Ini adalah penting kerana seperti apa yang dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, RTB iaitu Rancangan Tebatan Banjir yang sedang atau akan dilaksanakan adalah berjangka menyelesaikan masalah banjir bagi tempoh 50 tahun. Kalau kita lihat sejarah banjir negeri Johor, sejak tahun 1986 iaitu tahun saya lahir dan setiap 20 tahun banjir berlaku di negeri Johor. Dan baru-baru ini iaitu bulan lepas banjir teruk berlaku. Dan, Johor Jaya amat risau dengan perubahan iklim dan tidak menentu RTB ini tidak dapat mencegah banjir selama 50 tahun.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan taburan hujan yang luar biasa kali ini iaitu 2 kali ganda daripada purata taburan hujan bulanan, pastinya empangan terpaksa lepaskan air. Johor Jaya ingin bertanya, apakah prosedur apabila empangan ingin lepaskan air? Adakah pihak yang bertanggungjawab memberi amaran yang lebih awal kepada penduduk tempatan? Ini adalah penting di mana kita lihat dari *social media* mahupun baca dalam berita, penduduk tidak sempat untuk membuat persediaan awal bagi banjir. Saya baca satu berita, seorang bayi yang baru lahir 2 hari sahaja oleh sebab air naik dengan laju dan ibunya tidak sempat untuk menyediakan susu tepung untuk bayi tersebut. Ibu dan bayi tersebut terpaksa sangkut dalam hujan selama beberapa jam. Untuk menunggu sukarelawan datang ke rumah menyelamatkan mereka. Ini mungkin hanya salah satu insiden yang berlaku. Mestilah banyak lagi cerita yang menyedihkan. Adakah amaran diberi kepada penduduk supaya warga emas, OKU atau pesakit terlantar dapat dipindahkan ke PPS dulu?

Yang Berhormat Datuk Speaker, apabila musim hujan, air hujan terlampau banyak, kita risau, risau dengan banjir kilat. Apabila musim kemarau, kita risau juga. Risau tiada bekalan air yang mencukupi. Penduduk Pasir Gudang pernah mengalami satu *nightmare*, dengan izinnya pada tahun 2015. Pada masa itu, bekalan air di kawasan Pasir Gudang terputus disebabkan oleh kemarau dan bekalan air secara berjadual satu hari ada bekalan air, satu hari tidak ada bekalan air selama 6 bulan. Kini Johor Jaya dimaklumkan bahawa kita akan menghadapi musim kemarau pada bulan Jun dan Julai yang akan datang. Apakah usaha pihak kerajaan negeri untuk memastikan bekalan air yang mencukupi dan tidak terputus bagi penduduk pada waktu musim kemarau ini?

Yang Berhormat Datuk Speaker, sektor pelancongan merupakan sektor yang penting bagi memajukan negeri dan merangsang ekonomi tempatan. Kalau kita lihat, tidak kira sama ada dalam negeri atau luar negara masing-masing merebut dan berusaha untuk menarik pelancong ke tempat masing-masing. Ada negara juga yang memberikan tiket terbang percuma kepada pelancong untuk menarik pelancong ke negara tersebut. Dalam usaha memajukan sektor pelancongan di negeri Johor, kerajaan negeri telah pun melancarkan Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor Tahun 2014 hingga 2023. Kalau dikatakan sebagai Pelan Induk pastinya ia menjadi salah satu *direction*, dengan izinnya atau rujukan bagi segala kerja atau rancangan berkenaan dengan sektor pelancongan. Antaranya, salah satu fokus dalam Pelan Induk tersebut adalah penswastan atau dikatakan pengkorporatan, *Privatized Tourism Johor* supaya dapat menjadi sebuah agensi yang lebih proaktif. Saya percaya kalau idea tersebut dirangkumi dalam Pelan Induk pasti ada kajian yang telah dilaksanakan dan ada sebabnya.

Semasa saya memegang portfolio Pelancongan, saya berpeluang berjumpa dengan pihak Tourism dari negeri lain. Saya dapati pihak Tourism di negeri lain telah pun mengambil langkah penswastan sejak dahulu. Ini membolehkan mereka gerak dengan lebih cepat, pantas. Mengikuti *trend* pelancongan yang terkini dan menjalankan promosi dan *marketing* dengan lebih kreatif. Sebagai contoh, pihak Tourism di negeri Sabah, Sarawak, Selangor, Pulau Pinang, Melaka, Perak atau Pahang. Kesemua negeri ini sudah pun mengambil inisiatif untuk menjalankan penswastan.

Johor Jaya percaya dan yakin bahawa negeri Johor yang terletak di lokasi strategik di mana kita bukan sahaja mempunyai 14 pintu masuk di negeri Johor tetapi juga khazanah flora dan fauna yang cukup indah. Kepulauan yang jernih airnya, taman negara yang cukup *adventure*. Kaya dengan warisan budaya dan makanan enak serta berbeza di setiap daerah. Sejarah negeri Johor juga cukup menarik dan pasti dapat menjadi tumpuan pelancong. Tahun ini adalah tahun 2023. Genap 10 tahun bagi Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor. Johor Jaya ingin bertanya apakah status terkini bagi penswastan Tourism Johor dan bagaimana prestasi Tourism Johor dan pencapaian mengikut Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor ini? Johor Jaya berpendapat bahawa penswastan perlu dilaksanakan supaya kita dapat bersaing dengan negeri lain dan bukan digelar sebagai pintu laluan sahaja.

Yang Berhormat Datuk Speaker, 3 isu utama dalam DUN Johor Jaya yang saya ingin bangkitkan. Pertama sekali, adalah isu Lebuhraya Pasir Gudang. Sejak saya menjadi Wakil Rakyat di Johor Jaya, isu naik taraf Lebuhraya Pasir Gudang sudah pun menjadi salah satu tumpuan utama saya. Lebuhraya Pasir Gudang yang merupakan jaringan utama dalam Johor Bahru masih belum habis kerja-kerja naik taraf. Masalah lampu jalan, jalan berlubang-lubang terutamanya selepas hujan memang menyedihkan pengguna jalan. Johor Jaya berharap, JKR dapat memandang serius terhadap isu Lebuhraya Pasir Gudang dan Johor Jaya ingin bertanya bilakah fasa kemudian dapat bermula dan bilakah keseluruhan projek ini dapat siap? Bukan sahaja jalan yang berlubang-lubang tetapi masalah banjir kilat yang berlaku di arah Masai, Seri Alam dan juga Taman Rinting turut perlu dipandang serius.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu kedua adalah isu JJ Square dan Pasar Awam Johor Jaya. Kawasan JJ Square dan Pasar Awam Johor Jaya merupakan satu kawasan *Golden Triangle* di Johor Jaya iaitu satu pusat ekonomi. Namun, bangunan tersebut sudah lama terbiar dan disyaki penagih dadah yang pecah masuk bangunan tersebut. Baru-baru ini, saya telah melawat Pasar Awam Johor Jaya di mana infrastruktur perlu dibaiki seperti bumbung yang bocor, tangga yang rosak, suis elektrik yang rosak dan sebagainya. Memandangkan KPKT komited untuk mewujudkan Pasar Awam yang lebih selesa, moden dan mampan. Saya cadangkan satu pertandingan reka bentuk terbuka kebangsaan bersama Persatuan Arkitek Malaysia dijalankan supaya ia menjadi satu contoh model di negeri Johor.

JJ Square dan Pasar Awam bukan sahaja satu tempat beli sayur, ikan atau bahan masak sahaja tetapi boleh diberi ruang kepada penduduk yang ingin menjalankan perniagaan kecil, ibu tunggal, orang muda yang ingin bermula perniagaan dengan sewa yang murah. Selain itu, jadikan sebahagian bangunan tersebut sebagai pusat komuniti dan beri ruang kepada pihak yang ingin sewa untuk menjalankan mesyuarat dan aktiviti.

Sebagai contoh, Rex KL sebuah *cinema* yang lama dan terbiar telah diberi satu imej yang baharu. Kini, tempat tersebut bukan sahaja dijadikan ruang aktiviti tetapi juga *bookstore*, *cafe*, medan selera dan anak-anak muda dapat membuat bisnes kecil di tempat tersebut. Dengan ini, adalah mustahak bahawa projek naik taraf atau transformasi Pasar Awam Johor Jaya dan JJ Square dilaksanakan supaya Pasar Awam ini dapat bersaing dengan pasar raya besar dan membolehkan peniaga kecil terus berniaga.

Selain daripada itu, isu ketiga iaitu Projek Taman Seri Molek Perdana. Penangguhan projek Taman Seri Molek Perdana selama 13 tahun telah beberapa kali saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Atas usaha pelbagai pihak saya juga mengucapkan terima kasih dan tahniah dengan usaha YB EXCO, SPNB kini telah menjalankan serahan kunci sebanyak 240 unit bagi fasa 2, iaitu bagi Blok A, B dan C. Dijangka akan siap dalam sebelum bulan Mei. Namun begitu, Blok D dan E masih lagi menunggu-nunggu serahan kunci. Saya berharap pihak kerajaan dapat memantau supaya Blok D dan E ini turut dapat kunci dalam masa terdekat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan saya akhiri ucapan saya dengan serangkap pantun. Setitis embun di pagi hari, jatuh di atas bunga melati, inilah waktunya untuk perbaiki diri, di bulan Ramadhan yang suci ini'. Selamat menjalani ibadah puasa. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Johor Jaya. Saya jemput Yang Berhormat Endau.

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib (Endau) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam Maju Johor. Pertamanya, Endau merafakkan puji dan syukur kepada Allah SWT serta selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW di atas limpah kurnia serta keberkatanNya Endau berada di Dewan yang mulia pada hari ini.

Terima kasih Endau ucapkan kepada Yang Berhormat Datuk Speaker, kerana membenarkan Endau mengambil bahagian dalam sesi perbahasan pada kali ini. Sesungguhnya, Persidangan pada kali ini adalah penting bagi Endau untuk menyampaikan beberapa permasalahan yang dihadapi di kawasan Endau. Semoga apa yang Endau bangkitkan pada kali ini mendapat perhatian oleh pentadbiran kerajaan negeri.

Terlebih dahulu Endau merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor atas perkenan baginda mencemar Duli merasmikan Persidangan ini dan Endau menjunjung Titah kepada tiap pandangan dan teguran Tuanku.

Pandangan Tuanku berkaitan perkataan pembangkang yang dilihat kurang sesuai dan Tuanku bertitah dengan panggilan pihak pengimbang kerajaan, amatlah patik sanjungi dengan kebijaksanaan Tuanku. Patik juga merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi ucapan selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang akan menyambut Hari Keputeraan pada 23 Mac ini. Patik serta seluruh rakyat Endau mendoakan agar Duli Yang Maha Mulia Tuanku bersemayam di atas takhta negeri dengan naungan kasih sayang Allah serta diberikan kesihatan yang baik serta dilanjutkan usia Tuanku. Ampun Tuanku.

Di kesempatan ini, Endau ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar Johor serta kerajaan negeri yang telah menyalurkan sumbangan wang ihsan kepada mangsa banjir melalui Pejabat Daerah Mersing. Endau juga merakamkan ucapan takziah kepada seluruh keluarga mangsa-mangsa yang terjejas teruk dan juga yang terkorban akibat banjir baru-baru ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ada beberapa perkara yang Endau ingin utarakan pada perbahasan kali ini bagi menyampaikan suara hati orang Endau. Pertama, mengenai isu serangan gajah liar. Yang Berhormat Datuk Speaker, isu ini telah Endau bangkitkan pada sidang Dewan pada bulan Ogos 2021 dan sidang Dewan pada bulan Jun 2022, berkaitan dengan kebimbangan penduduk di kawasan Endau terhadap kacau ganggu tanaman mereka oleh kumpulan gajah liar ini.

Untuk makluman Sidang Dewan, sehingga kini gangguan gajah masih berlaku dan semakin ramai pemilik kebun yang mengadu dengan Endau tentang permasalahan ini yang masih berlarutan, yang mana tanaman mereka telah habis dirosakkan.

Pada 2021, Endau sendiri telah berjumpa dan melawat kebun-kebun yang telah dirosakkan dan Endau ketika itu telah menyediakan 2 biji meriam besar, meriam besi untuk kegunaan pekebun bagi menghalau gajah daripada mendekati kawasan kebun di Tenglu. Endau...

YB Speaker : Yang Berhormat jumpa gajah itu ke?

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib (Endau) : Ya. Endau percaya bukanlah mudah untuk pihak jabatan yang bertanggungjawab mengatasi masalah ini disebabkan kekangan yang tertentu terutamanya berkaitan dengan kos. Namun, hal ini tidak boleh kita jadikan alasan kerana mereka juga menanggung kerugian besar akibat ancaman serangan gajah ini. Endau pasti masalah serangan gajah liar ini bukan hanya berlaku di kawasan Endau malahan berlaku juga di kawasan-kawasan Yang Berhormat yang lain.

Jadi, Endau berpandangan sudah tiba masanya pihak kerajaan negeri mengenakan syarat yang lebih terperinci kepada aktiviti pembukaan tanah bagi tujuan pertanian secara besar-besaran. Ini juga termasuk dalam Titah Ucapan Tuanku Sultan Johor berkaitan pencerobohan hutan simpan atas tujuan penanaman sawit dan getah dan Tuanku juga menitahkan agar diambil tindakan ke atas hal ini. Kita perlu lihat keseimbangan alam semula jadi serta hidupan gajah dengan kawasan rayau yang diperlukan oleh mereka untuk mencari sumber makanan. Adakah pihak jabatan yang terlibat telah membuat kajian yang terperinci berkaitan dengan jumlah populasi gajah yang sedia ada dan melihat keperluan kawasan rayau yang bersesuaian? Sekiranya tidak seimbang, apakah perancangan awal dan perancangan jangka masa panjang bagi mengatasi masalah ini?

Endau kkuatir, sekiranya pekebun-pekebun ini berang dan hilang pertimbangan waras akal manusia dengan mengambil tindakan yang tidak sewajarnya kepada gajah liar itu. Sebagai contoh, memasang perangkap bagi tujuan mencederakan gajah atau meracun gajah melalui penyediaan makanan yang diletakkan racun bagi tujuan membunuh gajah-gajah itu. Jadi, sekali lagi Endau berharap isu berkaitan gajah ini dapat diselesaikan sebaiknya oleh pihak kerajaan dan jabatan berkaitan. Kasihan pekebun kecil ini, Yang Berhormat Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, yang kedua, Pertanian Pemangkin Pendapatan. Dalam usaha kita mempergiatkan ekonomi melalui agenda jaminan bekalan makanan, perkara asas yang mesti diberikan perhatian adalah berkenaan dengan isu tanah. Sering kali Endau dimaklumkan bahawa permohonan tanah secara besar-besaran oleh sesebuah syarikat besar akan dilayan terlebih dahulu, sebaliknya permohonan penduduk kampung hanya akan dipandang sepi ataupun mengambil masa yang begitu lama.

Endau memahami keupayaan syarikat besar ini dalam pembangunan, membangunkan tanah secara besar-besaran dari segi modalnya, dari segi sumber manusia, dari segi kepakaran dan kemahiran ataupun dari segi jentera dan alatan mesin yang dimiliki. Namun, kita juga harus menyediakan tanah kepada penduduk setempat untuk mengusahakan projek tanaman bagi pendapatan mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam pemerhatian Endau, petani di kawasan Endau hanya mampu mengusahakan projek tanaman berskala kecil disebabkan ada dalam kalangan mereka terpaksa menyewa tanah, sebagai contoh, purata seorang penanam tembikai hanya mampu mengusahakan tanaman tembikai seluas 3 hingga 5 ekar sahaja. Dengan keluasan tanah ini, bagaimana mereka mampu mendapat pulangan pendapatan yang tinggi sekali gus mampu menjamin bekalan yang berterusan dalam memenuhi kehendak semasa pasaran. Sebab itu, sidang Dewan, bila kita menyebut berkenaan jaminan makanan, aspek dan minat, pendapatan petani juga dalam kaca mata kita. Endau mendesak kerajaan negeri untuk mengambil inisiatif bagi memperkasa petani sedia ada terutamanya dalam kawasan DUN Endau dengan menyediakan kawasan baru projek tanaman makanan yang dilengkapi dengan kemudahan asas. Semoga hal ini mendapat perhatian yang khusus daripada pihak kerajaan negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu ketiga adalah Rumah Asas Kehidupan. Endau rasa setiap kali soalan lisan atau bertulis mahupun Endau mengambil bahagian dalam sesi perbahasan setiap kali persidangan, isu perumahan ini banyak kali dah Endau utarakan. Endau terkilau isu ini Endau bawa ke dalam Dewan negeri yang mulia ini sejak tahun 2018, masih dipandang sepi dan tiada tindakan oleh pihak kerajaan dalam memenuhi keperluan perumahan untuk DUN Endau.

Endau ibaratkan hubungan Endau dengan masyarakat di Endau tidak beza antara seperti ibu dan anak. Ibu mana yang tidak fikirkan anaknya, berhujan ke, berpanas ke, tidur ke, dengan selamatnya dan selamat ke? Kawasan Endau ini kawasan luar bandar, ramai orang susah, tak mampu nak beli rumah, taman yang dijual oleh pihak pemaju sampai beratus ribu. Apa yang mereka harapkan, rumah yang murah, yang mampu mereka beli, sesuai dengan pendapatan mereka. Mereka ini, anak-anak muda ini khususnya telah pun berusaha, bukan tak berusaha, jadi atas semangat ini, atas semangat mereka itu, Endau akan sentiasa memperjuangkan hal perumahan ini.

Dalam ziarah kasih Endau di kawasan, di kampung-kampung baru-baru ini, ada seorang warga emas merupakan penerima Baitulmal. Rumah uzur dek dimakan anai-anai, tunggu masa untuk roboh. Yang bahagian depan roboh, yang bahagian depan dah roboh dah, YB Datuk Speaker, tinggal bahagian dapur pun sahaja, itu pun bocor di sana sini. Sebelah rumah pakcik ni, ada rumah Baitulmal, jadi bila tahu pakcik ni penerima Baitulmal, Endau sarankan pakcik ini memohon bantuan rumah Baitulmal. Rupanya, rumah yang di sebelah rumah pakcik tu, adalah rumah milik pakcik tersebut tapi telah diserahkan kepada anak dan menantunya kerana anaknya itu tidak mempunyai rumah sendiri. Jadi, dikiranya, pakcik ini dia mengalah dan duduklah di rumahnya yang dah nak hampir nak roboh, Yang Berhormat Datuk.

Dan, saya juga faham dan untuk makluman juga sidang Dewan pada pagi ini, majoriti penduduk di Endau, rumah mereka didiami oleh seramai 4 hingga 5 pasang keluarga duduk bersama. Jadi, sekali lagi Endau merayu agar projek perumahan rakyat untuk penduduk DUN Endau diberikan perhatian oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, keempat ialah Keperluan Pengubahsuaian Membesarkan dan Kemudahan Masjid Jamek Bandar Endau. Untuk pengetahuan sidang Dewan, di daerah Mersing terdapat dua buah masjid daerah yang di selenggara oleh Pejabat Agama Daerah Mersing. Satu masjid terletak di Bukit Cantik dalam bandar Mersing dan satu lagi terletak di bandar Endau. Untuk masjid di bandar Mersing pengubahsuaian telah dijalankan dan menjadi sebahagian tarikan di bandar Mersing. Bagi Endau, keperluan untuk pengubahsuaian dan pembesaran masjid jamek ini adalah wajar berikutan masjid ini merupakan masjid tumpuan masyarakat sekitar bandar Endau untuk solat-solat khusus seperti solat Jumaat ataupun solat Aidilfitri.

Jadi, bila jadi tumpuan ini, maka ianya tidak dapat menampung jumlah kapasiti jemaah pada satu-satu masa serentak sebegitu. Endau berpandangan bahawa kerja-kerja ini boleh dilakukan berikutan masjid tersebut masih mempunyai keluasan tanah dan kawasan yang mencukupi. Satu lagi berkaitan masjid ini adalah kemudahan van jenazah untuk kariah setempat. Sepanjang terbina masjidnya ini, masjid ini tidak pernah mempunyai sebuah van jenazah untuk kegunaan fardu kifayah ini. Kebiasaannya pihak waris terpaksa menghubungi pihak NGO mahupun masjid sekitar yang mempunyai perkhidmatan van jenazah untuk menguruskan kematian ahli keluarga mereka. Jadi, Endau mohon kalau boleh, Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri Johor dapat melihat keperluan mengubahsuaikan dan membesarkan masjid ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, yang terakhir, yang ingin Endau akan sentuh sekali lalu sahaja, jadi Endau mohon pihak ada jabatan yang berkaitan boleh *take note*, dengan izin dan ambil tindakan. Pertama, kalau boleh Endau ingin minta pihak Jabatan Kerja Raya untuk tengok balik pencahayaan jalan di kawasan Masjid Kampung Sawah Datuk. Endau dah dapat banyak kali aduan daripada orang kampung, yang mana sering berlaku kemalangan di situ, disebabkan jalan yang gelap, kadang-kadang lampu jalan hidup, kadang-kadang tak hidup.

Yang kedua, mohon pihak Jabatan Pertanian untuk semak berkaitan status permohonan jawapan padi untuk sawah Kampung Semaloi. Endau rasa hal ini masa YB Simpang Ulu Jeram jadi Menteri Pertanian pun, YB ada melawat dan cuba menyelesaikan masalah ini. Berkaitan padi juga, mohon pihak Jabatan Pengairan dan Saliran untuk membantu pesawah di situ berkaitan air. Yang mana air dari Empangan Labong tak sampai ke petak sawah mereka yang jauh, tak silap Endau, jarak parit yang mengalirkan air dari Empangan Labong nak sampai ke kawasan sawah lebih kurang 8 kilometer.

Endau faham, masalah yang dilalui adalah disebabkan rumput yang panjang dalam parit hingga memperlambatkan pergerakan air. Kerja pembersihan pun JPS Mersing pernah laksanakan tapi tak lama keberkesannya. Jadi, pihak JPS boleh cuba memohon, mohon peruntukan dari pihak kerajaan untuk mungkin membina parit konkrit dari Empangan Labong ke sawah untuk laluan air.

Ketiga, Endau juga mohon Majlis Daerah Mersing untuk lihat balik apakah status pusat pelupusan sampah di Batu Enam hingga 9, Jalan Endau. Setahu Endau, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyediakan proses perolehan tanah.

YB Speaker : Yang Berhormat, tinggal 2 minit.

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib (Endau) : Yang keempat, mohon kalau boleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat sediakan sejumlah peruntukan untuk bayaran elaun petugas sukarelawan JKM. Endau dimaklumkan mereka hanya akan menerima elaun untuk tugas *home health* dengan izin. Tapi Yang Berhormat Datuk Speaker, hampir 60% hingga 70% pengurusan pusat pemindahan sementara banjir diuruskan dengan bantuan pihak sukarelawan ini secara tanpa bayaran elaun.

Yang Berhormat Ahli Parlimen Mersing juga, dah membangkitkan isu ini dalam Sidang Dewan Rakyat kepada Yang Berhormat Menteri Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Endau rasa setakat ini sahaja yang Endau ingin sampaikan di Dewan yang mulia ini. Endau sentiasa menginsafi bahawa setiap pemimpin sentiasa ada kelebihan dan kelemahannya. Segala kelebihan yang ada, Endau akan terus perjuangkan membawa isi hati rakyat Endau di kawasan, di Dewan ini. Segala kelemahan yang ada pula Endau akan sentiasa perbaiki dari semasa ke semasa.

Mengambil kesempatan ini, Endau ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Pegawai Tadbir Negeri Johor, anggota keselamatan, Jabatan Penyelamat, pihak sukarelawan dan NGO yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pengurusan Bencana Banjir Negeri Johor pada tahun ini. Semoga dengan muafakat kita, semua Bangsa Johor, negeri ini akan terus makmur, di bawah rahmat Allah SWT.

Akhir kalam, Endau mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadan Tahun 2023 kepada seluruh Ahli Dewan serta petugas-petugas Pejabat Jurutulis Negeri Johor. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalammualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Endau. Sekarang dijemput Yang Berhormat Sungai Balang.

YB Tuan Haji Selamat bin Takim (Sungai Balang) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh. Salam sejahtera, salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, alhamdulillah syukur kehadiran Allah SWT kerana limpah kurnia atas kurniaan serta izin-Nya memberikan kemudahan dan kelancaran Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Penggal Persidangan Kedua Dewan Undangan Negeri Johor yang Ke-15 pada hari ketiga pada hari ini. Patik dan seluruh warga DUN Sungai Balang menzahirkan rasa takzim dan menjujung kasih di atas titah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Al Haj yang menyentuh aspek menyeluruh dalam hal ehwal ekonomi negeri Johor. Patik juga menzahirkan ucapan menjujung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Al Haj, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim dan Permaisuri Johor Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah, yang berkenan mencemar duli melawat rakyat tuanku yang terjejas akibat banjir di pusat penempatan banjir sementara bagi seluruh negeri Johor Darul Ta'zim. Tidak lupa juga patik menzahirkan ucapan terima kasih kepada paduka-paduka anaknda tuanku yang turut sama mencemar duli melawat dan menyantuni rakyat yang sedang berdukacita atas kejadian banjir yang menimpa mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, firman Allah SWT dalam surah Al-'Ankabut ayat 2 yang bermaksud, "apakah manusia mengira bahawa mereka dibiarkan dengan hanya menyatakan kami telah beriman, sedangkan mereka tidak diuji". Baru-baru ini negeri Johor telah melalui Mehnah dalam ujian Allah SWT yang mana kita telah dilanda banjir yang agak parah. Sesungguhnya seramai 74,453 orang rakyat Johor yang melibatkan 26,376 keluarga telah diuji dengan musibah ini yang mengakibatkan kehilangan nyawa dan kerugian harta benda. Saya merakamkan ucapan takziah kepada semua mangsa yang terlibat khususnya kepada penduduk di Seri Medan kerana masih hari ini terjejas akibat banjir termenung dan mendoakan mereka semua diberi kekuatan dan ketabahan menghadapi ujian ini. Bagi

menangani permasalahan ini saya memohon agar pihak kerajaan melalui Jabatan Perparitan dan Saliran dapat menambah jumlah peruntukan menyelenggara perparitan di kawasan-kawasan berisiko banjir seluruh negeri serta menambah kekerapan kerja penyelenggaraan parit dan longkang. Namun demikian, kita perlu mengakui bahawa fenomena banjir ini bukan lagi satu fenomena bermusim akan tetapi ia akan datang dalam masa yang tidak terduga. Kadar taburan hujan yang melebihi daripada kadar biasa telah mendedahkan kita semua kepada bencana banjir.

Saya amat menghargai usaha Yang Berhormat Semerah yang kerana mengambil inisiatif menyediakan makanan kepada mangsa banjir di PPS oleh pihak masjid di sekitar kawasan bencana. Jadi, usaha ini berjaya mencerminkan organisasi masjid dapat berperanan dan dalam komuniti dikala musibah berlaku. Kita menyedari bahawa kerajaan tidak dapat menampung keseluruhan kos kerugian yang berlaku pasca banjir ini. Tambahan pula bencana tersebut menjadi berulang kali yang meninggalkan impak besar kepada rakyat dan prasarana awam. Anggaran awal kerugian akibat kerosakan jalan dan infrastruktur awam sebanyak RM168 juta telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Bukit Pasir pada 14 Mac 2023 yang lalu. Jika sekiranya jumlah ini berganda dalam setahun, sudah tentu ia akan memberi bebanan kewangan yang lebih tinggi kepada kerajaan untuk mengeluarkan bajet pemuliharaan tersebut. Oleh yang demikian, saya mencadangkan kerajaan merangka satu dasar keterlibatan pihak swasta dan GLC dalam solusi pemulihan pasca banjir kepada rakyat. Sebagai contoh, penyaluran dana pemuliharaan pasca banjir tersebut di keluarkan oleh kedua-dua pihak bagi usaha meringankan beban mangsa-mangsa banjir yang mengalami kerosakan dan kemusnahan harta benda.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain daripada itu pembinaan pintu air di kawasan yang bersesuaian perlu dibuat bagi mengawal air di samping penyelenggaraan pintu air yang secara efisien. Di kesempatan ini saya memohon kerajaan negeri agar dapat menaik taraf parit kecil di kawasan Seri Menanti sehinggalah ke Parit Kesang sepanjang jalan Muar-Batu Pahat dengan memasang longkang besar bagi melancarkan aliran air.

Tatkala saya berdiri di Dewan yang mulia ini, secara konsisten saya ingin membawa isu pembangunan di kawasan saya iaitu Sungai Balang dalam hal ini kerana permintaan rumah mampu milik adalah begitu tinggi dikalangan rakyat di kawasan luar bandar. Seperti mana juga yang dituntut yang diajukan oleh YB Endau. Kawasan yang bersesuaian untuk projek perumahan mampu milik Johor ini juga telah dikenal pasti dalam kawasan zon Sungai Balang. Acap kali saya telah suarakan akan isu perumahan mampu milik yang dibina dikawasan Sungai Balang. Yang Berhormat EXCO Perumahan juga telah saya suarakan tentang hal ini dan beliau mengambil maklum. Tambahan pula kawasan Sungai Balang bakal menerima limpahan ekonomi koridor *Maharani Energy Gateway* atau MEG yang pastinya akan melonjakkan permintaan bagi sektor perumahan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, rakyat di luar sana sedang menunggu projek tersebut dimulakan oleh pihak kerajaan bagi merealisasikan hasrat mereka memiliki rumah sendiri. Saya mencadangkan pihak kerajaan negeri mengadakan kerjasama dengan izin, *joint venture* dengan pihak pemaju hartanah dan juga perumahan bagi mempercepatkan usaha pembinaan perumahan mampu milik tersebut di kawasan yang telah dikenal pasti. Dengan adanya usaha sama ini harga jualan rumah akan dapat dikurangkan dan pihak kerajaan negeri telah menyediakan tanah dan pihak pemaju bertanggungjawab membina rumah di atas kawasan tapak tersebut. Golongan muda khasnya adalah golongan yang amat-amat menanti berita gembira ini, kerana sekiranya mereka, umur mereka semakin meningkat syarat pinjaman perumahan oleh pihak bank sudah tentunya akan menjadi lebih sukar kerana perkiraan tempoh pembayaran balik tersebut dalam menjangkau sehingga usia 30 tahun.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya telah beberapa kali dalam kunjungan dan lawatan bangunan ke fasiliti Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar. Sungguh pun hospital di luar kawasan Parlimen dan DUN saya namun rakyat Sungai Balang majoritinya mendapatkan khidmat rawatan di hospital ini. Bersama-sama dengan Pengarah hospital tersebut Dr. Yusof Sibert, beliau telah memberi taklimat dan permasalahan yang dihadapi pentadbiran hospital dan rakyat Muar. Saya dapati terdapat fizikal dan infrastruktur bangunan ini, bangunan hospital ini dalam keadaan yang sangat uzur dan perlu dinaik taraf bagi memberikan perkhidmatan terbaik untuk rakyat. Dari segi peralatan perubatan pula ia perlu ditambah dan dinaik taraf berdasarkan keperluan semasa selaras dengan status sebagai sebuah hospital pakar. Dalam aspek tempat letak kereta pula, saya difahamkan cadangan membina sebuah parkir bertingkat telah dibawa dan diajukan ke kerajaan pusat. Oleh hal yang demikian, saya memohon kerajaan negeri mendesak supaya kelulusan projek tersebut dipercepatkan oleh kerajaan pusat demi keselamatan dan penggunaan Hospital Pakar Sultanah Fatimah ini. Saya berdiri disini untuk sukar mendapatkan parkir kereta, sebab dalam tempoh lawatan ke hospital itu, walaupun kita akan datang seawal 7.00 pagi namun untuk bagi membina sebuah bangunan parkir kereta dilihat dapat membantu permasalahan ini. Tambahan pula Hospital Pakar Sultanah Fatimah ini menjadi pilihan penduduk bersebelahan, seperti Segamat, Tangkak malahan rakyat dari negeri Melaka juga turut mendapatkan rawatan di hospital ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam aspek pendidikan pelajar dan guru memerlukan persekitaran yang kondusif dan selesa bagi menjalankan proses pendidikan dan pembelajaran. Dengan jumlah sebanyak 1,189 buah sekolah di seluruh negeri Johor, hal ini secara tidak langsung berkait dengan fizikal dan keadaan bangunan yang harus berada dalam keadaan baik dan selamat kepada penghuninya. Di kawasan Sungai Balang terdapat 5 buah sekolah menengah dan 14 buah sekolah rendah kebangsaan. Dari jumlah tersebut terdapat beberapa sekolah yang berada dalam keadaan yang sangat uzur dan daif serta memerlukan pembaikan dan naik taraf. Selain daripada sekolah menengah dan rendah sekolah agama kerajaan Johor juga tidak kesampingkan. Dalam usaha menaik taraf dan memulihkan bangunan yang uzur, sebanyak 16 buah sekolah agama kerajaan Johor dalam DUN Sungai Balang juga memerlukan perhatian dalam aspek kebajikan infrastruktur serta fasiliti sekolah. Semoga peruntukan RM9.4 juta pada tahun ini dapat dinaikkan lagi untuk tahun hadapan agar kerja-kerja penyelenggaraan sekolah agama ini dapat diluaskan skopnya. Perkara yang pokok yang penting dalam aspek keselesaan adalah keadaan bangunan sekolah yang elok bercat sempurna. Saya memohon pihak kerajaan memberikan peruntukan bagi kerja-kerja mengecat semula bangunan yang telah kusam dan terkopek catnya agar indah mata memandangi seterusnya menarik minat pelajar untuk menuntut ilmu. Perkara ini sememangnya berkait rapat dengan faktor emosi dan psikologi manusia melalui pancaindera mata.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga sering mendapat aduan dan permintaan oleh penduduk kampung kawasan saya akan lampu jalan yang kurang dan masjid, terdapat banyak kawasan yang gelap yang memerlukan lampu. Yang mana saya dan YB Endau adalah merupakan DUN kawasan pendalaman, lampu ini sangat penting bagi kami. Faktor-faktor tersebut adalah perlu diberi perhatian bagi mengurangkan risiko bahaya kepada penduduk kampung dan penduduk dan pengguna jalan kampung pada waktu malam. Dan, di Sungai Balang kebiasaannya kita bermasalah dengan kehidupan khizir atau pun babi, sama juga seperti di Endau yang menghadapi masalah tentang gajah. Tahun lalu sahaja di kawasan saya telah terjadi sebanyak 7 kes penunggang motorsikal melanggar babi hutan yang melintas jalan dan daripada kemalangan tersebut 3 orang mangsa telah meninggal dunia akibat kecederaan parah di kepala. Kes-kes ini terjadi pada waktu malam di kawasan gelap. Seperti saya nyata tadi, justeru itu langkah mengurangkan risiko kemalangan tersebut saya mohon kerajaan melalui pihak bertanggungjawab supaya memfokuskan pemasangan lampu jalan di kampung-kampung berisiko tinggi. Dengan peruntukan

sebanyak RM3.5 juta bagi pemasangan lampu jalan dalam belanjawan 2023 diharap dapat menambah bilangan lampu-lampu jalan di kawasan-kawasan yang memerlukan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kemudahan-kemudahan jalan dan jalan kampung yang baik juga menyumbang kepada aspek keselamatan dan keselesaan kepada pengguna jalan raya. Selain menjadi faktor kesambungan jaringan jalan ia turut memainkan peranan sebagai kemudahan untuk membawa hasil pertanian di kampung-kampung ke pusat jualan. Dalam waktu pasca banjir ini sudah semestinya jalan-jalan kampung yang tenggelam untuk tempoh yang lama akan mudah pecah dah berlubang. Apabila keadaan melalui jalan tersebut, justeru itu pihak kerajaan perlu menghantar pasukan pemantau fizikal jalan bagi memastikan jalan dalam keadaan sentiasa baik dan saya mengharapkan Yang Berhormat EXCO berkaitan dapat memberikan fokus kepada permasalahan ini khususnya di kawasan di DUN Sungai Balang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, rakyat juga terhimpit dengan kos sara hidup yang begitu ketara apabila negara berhadapan situasi dengan izin, *the great decision global*. Kadar inflasi yang meningkat telah menyumbang kepada kemampuan kuasa beli pengguna yang mengecil. Kos beli terpaksa dilakukan juga meningkat, barang keperluan makanan seperti ikan, sayur, telur dan daging telah meningkat harganya dengan begitu tinggi. Rakyat di kampung juga turut terasa dengan kenaikan barang ini disumbang pula dengan penurunan harga sawit yang menjadi sumber pendapatan mereka. Para peniaga memberikan alasan bahawa mereka menghadapi kekurangan bekalan makanan menyebabkan peniaga terpaksa menaikkan harga barang. Dalam hal ini, pihak kerajaan perlu melakukan pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang kepada pembekal dan pemborong agar tiada cubaan untuk menyorok stok demi manipulasi pasaran.

YB Speaker : Yang Berhormat, tinggal 2 minit.

YB Tuan Haji Selamat bin Takim (Sungai Balang) : Bagi mengelakkan impak kenaikan harga barangan keperluan makanan diharap kerajaan dapat menjanakan pelbagai inisiatif dalam usaha menangani kenaikan harga barang tersebut. Sumber makanan domestik perlu diperkasa dan memastikan kejaminan bekalan makanan sentiasa mencukupi untuk menyumbang kepada kestabilan harga. Pemberian subsidi bersasar kepada pertanian, nelayan juga mampu menyumbang kepada kestabilan *output* yang akan dinikmati dan oleh rakyat.

Dan, dikesempatan ini juga dalam lubuk hati saya sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO Pertanian kita dimana beliau telah menyalurkan bantuan pasca banjir kepada petani dan penternak yang terjejas akibat bencana banjir baru-baru ini. Sekian Yang Berhormat Datuk Speaker, Sungai Balang menjunjung titah ke bawah Duli Yang Mulia Tuanku dan mohon menyokong. Terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Balang. Sekarang dijemput Yang Berhormat Tangkak.

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Selamat tengahari, salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker kerana telah memberi peluang dan ruang kepada Tangkak untuk terus menyertai dalam perbahasan atas rundungan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang dibawa oleh rakan saya Yang Berhormat Kukup. Yang Berhormat Datuk Speaker, Tangkak merafak sembah setinggi-tinggi kasih di atas keberangkatan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Tuanku ke Dewan yang mulia ini dan seterusnya bertitah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor yang Ke-15. Tangkak juga menjunjung kasih atas keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkenaan dengan bencana banjir yang sedang berlaku dan isu-isu

penting di negeri Johor. Tangkak juga ingin menzahirkan rasa simpati sedih dan berdukacita kepada mangsa-mangsa yang terkesan dalam bencana banjir kali ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, banjir bukan hanya fenomena alam tetapi juga ada unsur-unsur manusia. Tangkak bagi contoh, rumput dan tumbuhan air di parit menjadi begitu subur disebabkan cara pembajaan tanaman yang dilakukan oleh pihak petani dengan cuma meletakkan beg-beg baja yang telah dibocorkan berhampiran dengan tanaman. Apabila berlakunya hujan, baja tersebut dilarutkan dan mengalir ke parit dan sungai. Oleh itu, Tangkak minta para petani supaya menambahbaikkan cara pembajaan ini untuk mengelakkan pembaziran dan juga pengaliran terus baja ke parit dan sungai.

Contoh kedua, penduduk-penduduk sekarang selalu membuang sisa dan sampah sarap ke dalam parit dan sungai. Kelakuan ini juga akan mencemarkan sungai dan juga menghalang saliran air terutama pada waktu hujan lebat dan berterusan. Sikap-sikap manusia yang tidak bertanggungjawab inilah antara punca-punca musibah banjir menjadi semakin serius dan kerap. Sekiranya sikap-sikap ini dibiarkan berterusan kos yang tinggi terpaksa ditanggung oleh kerajaan bagi membersihkan parit dan sungai dari tumbuhan air yang tumbuh subur dan sampah sarap yang telah dibuang ke dalam saliran air.

Tangkak menyeru anak Johor menyahut gesaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor supaya membudayakan amalan mesra alam, menjaga kebersihan dan mengurangkan pencemaran alam sekitar. Selain itu, Tangkak juga bercadang Kerajaan Johor supaya mengusulkan kepada Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim supaya dapat membeli peruntukan khas bagi negeri Johor untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan parit, sungai dan juga kolam-kolam takungan banjir di negeri Johor. Terutamanya di daerah-daerah yang sering kali ditimpa, dilanda banjir seperti dan juga daerah-daerah yang mempunyai batang sungai ataupun parit yang banyak seperti di daerah Batu Pahat. Dimaklumkan Batu Pahat adalah salah satu daerah di negeri Johor yang mempunyai paling banyak saliran parit di negeri Johor dan sepanjang 2,695 kilometer.

Selama ini, kita selalu diberitahu kerana kekurangan atau ketidakcukupan ataupun peruntukan yang terhad yang telah mengakibatkan kerja-kerja pembersihan parit dan sungai tidak dapat dijalankan dengan kerap ataupun sempurna. Jadi, Tangkak berpendapat peruntukan bagi kerja-kerja penyelenggaraan ini haruslah diberi dengan secukup-cukupnya kerana kita perlu memastikan saliran air di negeri kita sentiasa berada di dalam keadaan yang boleh berfungsi supaya ia akan berkesan apabila berlaku hujan lebat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kos kerugian selepas berlaku musibah banjir adalah jauh lebih tinggi daripada jumlah peruntukan kerajaan untuk penyelenggaraan parit dan sungai. Tangkak juga mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri dan juga kerajaan persekutuan yang telah menyediakan bantuan-bantuan kepada mangsa-mangsa banjir di Johor. Tangkak meminta supaya bantuan kewangan, bantuan barang-barang keperluan asas dan juga bantuan pembaikan rumah dapat disalurkan dengan seberapa segera yang mungkin kerana ramai mangsa terutama kepada umat Islam yang akan memasuki bulan Ramadan dalam beberapa hari ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perubahan iklim adalah satu isu kompleks yang merentasi pelbagai bidang dan sektor seperti tenaga, pertanian, pengangkutan, industri, perhutanan, kesihatan awam, sumber air, pemulihan biodiversiti dan lain-lain lagi. Perubahan iklim ini bukan sahaja berlaku di Johor dan bukan sahaja di Malaysia tetapi di setiap bandar dan negara. Kini dirasakan keadaan cuaca berubah-ubah secara ekstrim. Kenaikan paras air laut serta berlaku bencana alam. Tangkak mengalu-alukan pengumuman Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar Johor berkenaan dengan cadangan Penubuhan Jawatankuasa Perubahan Iklim dan Bencana Banjir di bawah Dewan Negeri Johor baharu-baharu ini. Tangkak percaya dengan adanya Jawatankuasa ini, ia dapat membantu kerajaan merangka

satu hala tuju yang jelas selain sebagai persediaan untuk mendepani kemelut perubahan iklim. Jawatankuasa ini juga boleh menggariskan beberapa isu penting melibatkan kemelut iklim, mencari formula terbaik sebagai rencana untuk daya tahan iklim dan tebatan banjir. Mengerakkan Johor ke arah pelepasan sifar bersih dengan izin, *net zero emissions* sambil menekankan aspek ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menurut maklumat yang dibekalkan oleh kerajaan Johor sebanyak 1,249 tan sampah dikutip di seluruh negeri kesan bencana banjir sejak 3 Mac lalu. Peningkatan sebanyak 4 kali ganda berbanding dengan hari biasa. Sudah tentu jumlah sisa dan sampah akan terus meningkat sehingga selesainya kerja-kerja pembersihan di kawasan banjir. Sisa dan sampah ini juga akan mengakibatkan ruangan di tapak pelupusan sampah yang sedia ada mengurang dengan lebih laju. Tangkak mohon pihak kerajaan dapat memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini berkenaan dengan jangka hayat terkini bagi ke semua tapak pelupusan sampah di negeri Johor.

Pengurusan tapak-tapak pelupusan sampah di Johor perlu diteliti. Bagi tapak pelupusan sampah yang telah ditutup sejak beberapa tahun yang lalu ini. Seperti, Tapak Pelupusan Sampah Bekok di Tangkak yang tutup pada tahun 2018, Ladang CEP Simpang Renggam pada 2019 dan Tapak Pelupusan Sampah Bukit Bakri pada tahun 2020. Tangkak rasa kita tidak boleh membiarkan tapak-tapak pelupusan sampah yang telah ditutup, yang lama ini dibiarkan begitu sahaja. Sebaliknya, pemulihan tapak pelupusan sampah dengan teknologi terkini yang sedia ada pelbagai jenis perlu dimulakan oleh kerajaan Johor bermula dari sekarang supaya tapak-tapak yang dipenuhi sampah sarap itu dapat diguna semula.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan persekutuan melalui Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan ada menyediakan insentif bagi projek-projek pemulihan tapak pelupusan sampah yang lama. Dan insentif itu dibeli dengan mengikut kapasiti tapak pelupusan sampah yang ingin dipulihkan. Di bandar Tangkak, saya bagi contoh, disebabkan tapak pelupusan Bekok telah ditutup, sampah domestik perlu dihantar ke daerah bersebelahan, tapi ia telah menyebabkan munculnya banyak tapak pelupusan sampah haram. Di tanah lapang, di tepi jalan dan ada juga terus dibuang ke dalam parit dan sungai. Masalah ini berulang walaupun penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Alam Sekitar dan juga SWCorp telah mengambil tindakan dan membersihkan tapak haram itu dalam beberapa hari lagi ia berulang lagi, Yang Berhormat Tuan Speaker.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dalam titah di Dewan yang mulia ini telah mengiktirafkan kami Wakil Rakyat bukan kerajaan negeri sebagai penimbang kerajaan. Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar Johor dan juga Barisan EXCOnya juga telah bermula menjemput kami untuk menghadiri ke program-program atau mesyuarat yang melibatkan kepentingan ramai. Tangkak rasa ini adalah satu permulaan yang baik dan sebenarnya selama ini kami walaupun Wakil Rakyat bukan kerajaan negeri tetapi kami juga sentiasa membantu dan menyokong kerajaan dalam isu-isu penting.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada 7 Februari 2023 Jabatan Perdana Menteri Malaysia telah mengeluarkan Arahan Nombor 1 2023 iaitu Mekanisme Penyelarasan Pelaksanaan Pembangunan Negara dan di peringkat daerah dinyatakan keahlian bagi Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah (JTPD) adalah semua Ahli Parlimen dan semua Ahli Dewan Undangan Negeri bagi daerah berkenaan. Bersama juga ketua-ketua jabatan dalam daerah dan JTPD ini akan di pengerusi oleh Pegawai Daerah. Oleh itu, saya harap Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat menjelaskan ataupun dapat memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini iaitu bilakah ke semua Ahli-Ahli Dewan Negeri Johor yang berada di Dewan yang mulia ini dapat dibenarkan untuk memasuki atau menghadiri ke Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah supaya kita dapat melaksanakan tugas kami sebagai Ahli di JTPD?

YB Speaker : Yang Berhormat, satu minit.

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Yang Berhormat Datuk Speaker, tujuan kita masuk ke JTPD adalah untuk membantu dan menelitikan sebarang isu-isu berkaitan dengan daerah kita. Dan Tangkak percaya, setelah kita dapat selesaikan masalah tempatan di peringkat daerah, sudah tentu masa perbahasan kita yang singkat di Dewan yang mulia ini dapat digunakan untuk kita sama-sama membincangkan isu-isu yang lebih penting di peringkat negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu yang terakhir yang Tangkak ingin bawa pada kali ini adalah cadangan pembinaan Pusat Pentadbiran Baharu Daerah Tangkak yang terletak di Batu 15, Bandar Tangkak telah diumumkan pada tahun 2008. Tindakan pengambilan balik tanah dan keluasan 348.3 ekar oleh kerajaan Johor juga telah selesai pada tahun yang sama. Kelulusan permohonan Kebenaran Merancang (KM) daripada Majlis Daerah Tangkak juga telah diluluskan pada 24 Disember tahun 2008. Namun, hingga hari ini keadaan di tapak lagi terdiri daripada tanaman kelapa sawit. Pelan Pembinaan Pusat Pentadbiran ini melibatkan membina 7 unit blok pentadbiran kerajaan, ada pejabat daerah, ada hospital, ada balai polis ada balai BOMBA, ada terminal pengangkutan dan perjanjian kerajaan dengan pemaju ketika itu juga telah memberi baki tanah tapak untuk digunakan oleh pemaju untuk membina 6 desa perumahan dan 3 blok kawasan komersial. Tapi...

YB Speaker : Yang Berhormat, masa tamat.

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Ok. Oleh itu, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon pihak kerajaan negeri dapat menelitikan lagi projek yang telah diumumkan 15 tahun yang lalu ini. Akhir kata, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker atas masa yang diberi. Sebelum Tangkak menutup perbahasan pada tengah hari ini, Tangkak mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menjalankan ibadah puasa kepada Yang Berhormat Datuk Speaker, kepada rakan-rakan Yang Berhormat, kakitangan-kakitangan kerajaan dan semua seluruh umat Islam sempena memasuki bulan Ramadhan. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Kalau ada kurma lebih, bagi pada semua YB-YB ini Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.00 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan disambung semula. Dijemput Ahli Yang Berhormat Parit Yaani.

YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri (Parit Yaani) : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, salam sejahtera dan Salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Pertama sekali, Parit Yaani ingin merakamkan sembah, merakam setinggi-tinggi penghargaan dan juga Menjunjung Kasih Kebawah Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor bersempena Pembukaan Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-15.

Dalam tempoh ruang yang terhad ini, Parit Yaani mahu mengangkat dan menyentuh beberapa perkara khususnya yang melibatkan kepentingan serta kebajikan buat seluruh bangsa Johor khususnya di DUN Parit Yaani. Kita semua sedia maklum pada awal bulan ini, Johor berdepan dengan situasi yang agak mencabar dan agak mencemaskan apabila

puluhan ribu rakyat di negeri ini terpaksa mengharungi kepayahan ekoran banjir yang melanda di kawasan mereka. Menurut rekod Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), jumlah mangsa yang dipindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) sahaja merekodkan jumlah tertinggi seramai 74,453 orang daripada 26,376 keluarga iaitu melibatkan 10 daerah di negeri Johor. Sebanyak 379 Pusat Pemindahan Sementara ini juga dibuka di negeri ini. Kejadian banjir kali ini hampir mengulangi sejarah bah besar yang pernah melanda negeri Johor iaitu pada tahun 2006 dulu. Kali ini, Batu Pahat menjadi daerah paling teruk terjejas dengan mangsa yang dipindahkan dan mendapat perlindungan di PPS menjangkau angka lebih 39,000 orang mewakili lebih 10,000 keluarga. Sebanyak 112 jumlah PPS juga sudah dibuka di Batu Pahat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, DUN Parit Yaani antara kawasan yang terjejas. Jumlah mangsa yang dipindahkan juga antara yang tertinggi melibatkan lebih 12,000 mangsa daripada 3,000 keluarga. Di DUN Parit Yaani sahaja terdapat 35 PPS dan sebahagiannya adalah menampung keperluan daripada mangsa banjir daripada DUN Sri Medan, DUN Yang Berhormat Datuk Speaker sendiri dan juga Yang Berhormat Parit Raja. Dan di kesempatan ini juga saya ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri Johor supaya untuk jangka masa panjang, diwujudkan sebuah PPS yang berskala besar di kawasan tinggi di kawasan DUN Parit Yaani untuk menampung sekurang-kurangnya 2,000 hingga 3,000 orang. Ini kerana, pada awal musibah banjir itu berlaku di DUN Parit Yaani ini menampung mangsa di jiran sebelah ini iaitu di DUN Sri Medan dan akhirnya penduduk atau pun pengundi di Parit Yaani sendiri pun terpaksa menduduki PPS di tempat lain yang agak jauh daripada kampung sendiri, mungkin boleh diketengahkan cadangan itu tadi.

Jalan penghubung utama antara pekan Jalan Parit Yaani ke Jalan Sri Bengkal juga terputus hubungan termasuklah Jalan Parit Jalil ke Jalan Parit Sulong. Situasi yang dialami di DUN Parit Yaani ini, samalah derita yang terpaksa ditanggung oleh mangsa-mangsa dan mereka yang terjejas banjir di kawasan Yang Berhormat Sri Medan, Yong Peng, Semarah, Semarang dan Parit Raja. Bukan sahaja kediaman mangsa-mangsa banjir ini dinaiki air sehingga ada yang melewati ketinggian lebih 1 meter atau lebih 3 kaki. Lebih buruk lagi seperti diketahui umum, banjir di kawasan DUN-DUN ini dikategorikan sebagai banjir termenung. Untuk makluman, Parit Yaani sememangnya terkenal dengan masalah isu banjir termenung. Kalau tak ada bah besar pun memang adalah isu banjir termenung. Banjir termenung ini sudah tentunya menyukarkan pelbagai pihak. Ia turut mendatangkan masalah berganda khususnya dari segi bentuk infrastruktur seperti jalan raya yang sudah mula berlopak dan berlubang. Keadaan tebing sungai yang semakin rapuh dan sebagainya. Benarlah anggaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) sebelum ini yang menyatakan bahawa negeri ini sebenarnya mengalami kerugian kira-kira RM168 juta akibat kerosakan beberapa jalan dan infrastrukturnya akibat banjir.

Selain itu, mangsa juga perlu menginap di PPS lebih lama dalam situasi banjir termenung ini. Kesukarannya juga dirasai oleh warga pekerja yang terpaksa mengharungi 1001 rintangan untuk berulang-alik ke tempat kerja setiap hari. Bagi pekebun dan peladang, penternak, mereka tidak dapat pergi ke kebun untuk memetik kelapa sawit atau pun menoreh. Bahkan, yang menanam sayuran dan bertani juga hasilnya turut musnah ditenggelami air. Malah, saya lihat sendiri ada lembu yang mati lemas, yang berniaga juga terpaksa menutup premis dan perniagaan ini. Banyak harta benda milik individu atau harta awam seperti di masjid dan surau, balai raya, dewan orang ramai, bahkan premis awam seperti balai Polis dan sekolah yang mula mengalami kerosakan serta ada juga barang-barang yang sudah pun musnah ditenggelami air. Semalam, saya sendiri mengikuti program gotong royong di satu tempat iaitu di Pusat Dalam Komuniti (PDK) DUN Parit Yaani. Saya lihat di situ, hampir 90% musnah dan saya minta kalau boleh YB EXCO bantulah sama PDK tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di sebalik beban besar yang ditanggung mangsa-mangsa banjir ini, peranan pihak berkuasa dan agensi penyelamat amat besar sejak hari pertama lagi. Dari pemantauan awal di kawasan *hotspot* arahan berpindah kepada mangsa yang terjejas di kawasan banjir. Operasi mengeluarkan mangsa yang terjejas di kawasan banjir, kerja keras anggota dan pasukan penyelamat Bomba, APMM, Rela, Polis dan lain-lain menjadikan segala urusan menyelamat di daerah Batu Pahat khususnya di daerah DUN Parit Yaani berjalan lancar.

Saya juga mengucapkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga khususnya buat Pejabat Daerah Batu Pahat, Tuan Pegawai DO yang merupakan Pengerusi Bencana Daerah, Pejabat Kesihatan Daerah Batu Pahat, Jabatan Pengairan Dan Saliran Batu Pahat, JKM Batu Pahat dan lain-lain agensi atas khidmat terbaik mereka dalam mengurus serta mengendali urusan mangsa banjir di kawasan DUN Parit Yaani. Dan sudah pastinya juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor Datuk Onn Hafiz Ghazi dan barisan kepimpinan kerajaan negeri yang pantas bertindak dalam memastikan pengurusan banjir di Batu Pahat sentiasa terkawal. Usaha pantas kerajaan negeri pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar Johor dalam mengusahakan kerja-kerja mengepam air banjir keluar dari kawasan terjejas menerusi peranan di laksana JPS Daerah termasuk mendapatkan bantuan pam air dari negeri lain akhirnya menyaksikan banyak air yang menenggelami kawasan kediaman di DUN Parit Yaani sejak minggu lalu, kini sudah mula surut dengan mendadak. Terima kasih, terima kasih, terima kasih.

Di sini, saya juga merakamkan terima kasih di atas keprihatinan yang jelas terzahir oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor serta Tuanku Tunku Mahkota Johor yang berkenan turun sendiri melihat dan memantau situasi banjir di negeri ini. Keprihatinan Tuanku turun sendiri menyantuni dan membantu mangsa-mangsa banjir telah banyak meringankan beban besar yang terpaksa ditanggung mereka. Tuanku memang dekat di hati bangsa Johor, terima kasih Tuanku.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam mendepani situasi pasca banjir, cabarannya juga besar buat kita semua. Saya meletakkan sepenuh harapan dan daya supaya kerja-kerja pembaikan infrastruktur seperti jalan raya, kawasan saliran dan sebagainya yang mengalami kerosakan fizikal dapat disegerakan demi keselesaan kepada penduduk. Rancangan Projek Tebatan Banjir (RTB) membabitkan kerja menyelenggara seperti mendalam sungai-sungai utama di daerah Batu Pahat khususnya yang melibatkan kawasan DUN Parit Yaani, dapatlah kiranya supaya disegerakan pelaksanaannya. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengarahkan supaya Projek Tebatan Banjir di daerah Batu Pahat ini dapat dimulakan dengan segera dalam tempoh beberapa bulan ini. Usaha ini sudah tentunya dapat melegakan penduduk khususnya di kawasan yang terdedah banjir seperti sekarang. Kita harap usaha dan langkah berterusan seumpama ini baik yang di laksana pihak kerajaan negeri atau persekutuan akhirnya mampu mendatangkan impak besar dalam menjamin keselesaan penduduk pada masa akan datang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Khamis ini seluruh umat Islam akan menyambut ketibaan Ramadhan, bulan mulia yang dinanti kehadirannya buat seluruh umat Islam setiap tahun. Kira-kira sebulan dari sekarang juga, umat Islam akan menyambut pula Aidilfitri. Dengan situasi hiba yang sedang kita alami ini, tentunya banyak belanja yang perlu ditanggung oleh mangsa-mangsa banjir. Bukan hanya belanja untuk memulihkan barangan dan kelengkapan yang rosak dan perlu diganti baru tetapi persediaan Aidilfitri juga sudah tentunya terjejas. Untuk itu, Parit Yaani menggesa supaya Bantuan Wang Ihsan banjir yang telah diumumkan oleh kerajaan menerusi kerajaan pusat atau pun kerajaan negeri dapat disegerakan dan diberikan baik oleh pihak kerajaan menerusi Agensi Pengurusan Bencana Negara, mahupun pihak kerajaan negeri sendiri dapatlah juga disegerakan. Segala birokrasi dalam urusan agihan bantuan-bantuan kepada mangsa banjir ini hendaklah

dikurangkan. Kasihanilah mereka, beban di bahu mereka kini sudah cukup berat untuk ditanggung. Janganlah kita menambah lagi beban yang bukan-bukan. Memang menjadi amanah dan tanggungjawab kita sebagai Wakil Rakyat dan pemimpin untuk membantu dan meringankan beban buat seluruh bangsa Johor yang memerlukan.

Sekian Yang Berhormat Datuk Speaker, Parit Yaani Menjunjung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan memohon untuk menyokong. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Parit Yaani. Dijemput Yang Berhormat Gambir.

YB Tuan Sahrihan bin Jani (Gambir) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, pertamanya saya bersyukur kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam sesi Perbahasan menjunjung kasih atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor pada hari ini. Terlebih dahulu patik mewakili keseluruhan rakyat DUN Gambir merafak sembah setinggi-tinggi kasih atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor untuk bertitah merasmikan Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke 15 pada 16 Mac yang lalu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dalam titahnya telah membangkitkan keprihatinan baginda tentang isu banjir yang telah melanda hampir keseluruhan negeri Johor baharu-baharu ini dan hampir keseluruhan Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini sama ada dipihak kerajaan mahupun dipihak pengimbang kerajaan telah mengambil bahagian dalam perbahasan kali ini turut menyentuh dan membahaskan isu banjir ini dari pelbagai sudut dan sarat dengan pandangan dan cadangan.

Sesungguhnya saya senada dan bersetuju dengan semua pandangan dan cadangan yang dilontarkan. Malah, saya berkongsi kesedihan yang sama apabila lebih kurang 300 keluarga yang dipindahkan di 11 Pusat Pemindahan Sementara di DUN Gambir. Saya mengucapkan syabas dan tahniah, jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah segera turun ke lokasi menyalurkan bantuan dan mengusahakan peruntukan tambahan. Begitu juga syabas dan tahniah kepada semua agensi yang terlibat termasuk juga badan bukan kerajaan dan juga individu orang perseorangan yang tampil menghulurkan bantuan. Mungkin tidak keterlaluan jika saya menyifatkan bahawa pengurusan bencana banjir di Johor ini lebih hebat, lebih baik malah jauh lebih tersusun berbanding negeri-negeri lain. Dan ini menunjukkan kepimpinan negeri sedia ada benar-benar bersedia untuk bersama dengan rakyat pada ketika susah dan senang. Tidak terhad pada ketika tawa ria, gelak ketawa malah mereka tetap bersama ketika rakyat menggugurkan titisan air mata mengenang nasib ditimpa musibah.

Saya merakamkan jutaan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan seluruh kepimpinan negeri yang telah mengambil langkah segera dalam mengumumkan dan melaksanakan 7 inisiatif bagi mengurangkan impak banjir di negeri ini yang menelan perbelanjaan ratusan juta ringgit. Keprihatinan kerajaan pusat melalui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam menyalurkan bantuan segera kepada negeri Johor sangat-sangat kita hargai. Begitulah natijahnya apabila kerajaan ini stabil, apabila kerajaan negeri dan kerajaan pusat berada dalam keadaan stabil yang mana isu-isu, akhirnya isu-isu dan permasalahan rakyat dapat ditangani secara segera dan bersama-sama. Justeru kepada seluruh bangsa Johor teruskanlah mengekalkan kerajaan negeri sedia ada yang jelas berpaksikan kepada kestabilan demi kemakmuran masa depan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Gambir ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini agar dalam fasa pemulihan pasca banjir ini kerajaan negeri membuat semakan semula terhadap kemudahan-kemudahan sedia ada di PPS di seluruh negeri, peruntukan-peruntukan tertentu

harus disediakan dan disalurkan kepada PPS ini untuk membaik pulih dan menaik taraf kemudahan sedia ada untuk kegunaan hakiki PPS tersebut dan persediaan untuk menerima mangsa-mangsa banjir pada masa akan datang. Dukacita dimaklumkan, terdapat PPS yang mempunyai fasiliti bilik air yang agak tidak sesuai dan tidak kondusif untuk digunakan seperti pintu tandas yang rosak, ketiadaan tandas duduk, ketiadaan kipas angin dan sebagainya. Malahan, ada dewan-dewan terbuka PPS yang mengalami kerosakan bumbung, salur air dan sebagainya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini terhadap isu pembekalan bahan makanan bermasakan, yang dikatakan tidak berkualiti dan tidak menepati masa penghantaran. Mangsa banjir ini bukanlah bersifat *demanding*, dengan izin tetapi mereka berada dalam keadaan *stress*, tertekan dan sedih dengan menghantar bekalan makanan yang tidak berkualiti atau tidak sepadan dengan nilai kontrak yang ditawarkan adalah sangat-sangat tidak munasabah. Apatah lagi di sesetengah tempat, masa penghantaran bekalan bermasa ini terlalu lambat. Pohon supaya ianya disemak semula dan ditambah baik pada masa akan datang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Maju Johor sebuah gagasan, satu iltizam serta tekad yang telah dizahirkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor untuk memastikan negeri Johor tercinta ini menjadi sebuah negeri yang maju pada tahun 2030. Ianya berbaki lebih kurang 7 tahun daripada sekarang. Ia adalah sebuah gagasan yang mahu dicapai bukan sahaja oleh kerajaan negeri dan juga penjawat awam malah perjalanan menuju ke sebuah negeri yang maju menjelang 2030 ini harus dikongsi matlamatnya, kesungguhannya, kepayahannya, keinginannya dan keazamannya oleh seluruh Bangsa Johor. Sebagaimana yang pernah saya sebutkan dalam beberapa siri ucapan saya sebelum ini, Maju Johor ini harus tidak meminggirkan mana-mana wilayah dan daerah, harus membawa daerah-daerah kecil untuk maju seiring bersama demi Johor, demi sebuah kelangsungan dan *survival* Bangsa Johor. Usaha dan hasrat ini harus dirasai denyut nadinya oleh seluruh rakyat Johor.

6 teras yang dibentangkan harus disertai dengan indeks penunjuk prestasinya. Bentangkan kepada rakyat perjalanan negeri ini menuju kemajuan, rakyat harus merasai langkah-langkah yang telah disusun, rakyat harus merasai nikmatnya, rakyat wajar didedahkan dengan segala kepayahannya dan rakyat harus memahami bahawa perjalanan menuju sebuah negeri maju menjelang 2030 adalah sebuah misi bersama. Satu keinginan dan cita-cita yang harus dikongsi bersama. Persoalannya, adakah hari ini seluruh Bangsa Johor mengetahui, memahami, merasai keazaman dan cita-cita ini? Jentera penerangan negeri harus lebih kreatif dalam menerobos pemikiran rakyat, harus lebih proaktif dalam menarik perhatian khalayak dan audiens bukan lagi sekadar selesa dengan *method* penyampaian yang konvensional dan kandungan siaran bertaraf biasa-biasa sahaja.

Tiap apa yang telah dilaksanakan oleh kerajaan, setiap idea dan perancangan serta pelaksanaan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan seluruh barisan EXCO Kerajaan Negeri perlu berulang kali ditular dan ditayangkan agar seluruh Bangsa Johor merasai keazaman dan cita-cita kita untuk menjadi sebuah negara maju, negeri maju menjelang 2030. Kita tidak mahu anasir-anasir luar menuba pemikiran rakyat sehingga tertanam dalam pemikiran mereka bahawa kerajaan hari ini sebuah kerajaan yang gagal, kerajaan negeri yang tidak berbuat apa-apa, kerajaan negeri yang tidak efektif. Walhal, dalam kebanyakan perkara, dalam kebanyakan isu kerajaan negeri Johor terbukti jauh lebih efisien berbanding negeri-negeri lain. Apakah kita mahu akhirnya nanti rakyat Bangsa Johor menghukum kita dengan mengatakan Maju Johor sekadar satu retorik yang dilaung-laungkan tetapi tiada usaha untuk merealisasikannya. Pada hari ini Yang Berhormat Datuk Speaker, kerja bukan sahaja perlu dilaksanakan tetapi ia perlu dilihat telah dilaksanakan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dalam Pembukaan Rasmi Persidangan ini telah antara lain bertitah, saya petik titah tersebut 'sehubungan itu

juga, kerajaan harus meningkatkan mutu pendidikan di sekolah-sekolah dan di pusat pengajian tinggi bagi melahirkan generasi masa depan yang tinggi ilmu pengetahuan'. Gambir menjunjung kasih atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor ini, sesungguhnya pendidikan merupakan titik pertama untuk memastikan negeri ini diwarisi oleh mereka yang benar-benar mampu untuk meneruskan tradisi kecemerlangan Bangsa Johor selama ini. Perubahan dan dinamika dalam dunia pendidikan begitu pantas, pelbagai dasar baharu diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan bagi memastikan kualiti pendidikan Malaysia tidak ketinggalan dengan arus perubahan malah setanding dengan negeri-negeri lain.

Persoalannya, sejauh mana Johor mendepani perubahan dalam bidang pendidikan ini? Sejauh mana kita berkolaborasi bagi meningkatkan kemudahan yang ada di sekolah-sekolah dalam negeri Johor? Sebagai contoh, berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi termasuk penyediaan makmal komputer, robotik dan sains, teknologi kejuruteraan dan matematik bukan sesuatu yang murah dan memerlukan kos tinggi. Makmal komputer misalnya telah wujud sejak tahun 2000. Tetapi, adakah kita bila sebut tentang komputer ini bolehkah kita masih lagi menggunakan komputer yang telah ketinggalan zaman? Begitu juga dengan teknologi, kita perlukan alatan dan teknologi yang baharu dengan bantuan PdP seperti pada ketika ini iaitu papan elektronik.

Semua ini, mahu tidak mahu kita kena bantu pihak sekolah untuk sediakan. Lanya merangkumi aplikasi untuk digunakan oleh para pelajar dan guru sekali gus, memastikan ia dapat dimanfaatkan sama ada pelajar di luar bandar ataupun di bandar ataupun di luar bandar. Malah penyediaan kemudahan PdP yang bercirikan teknologi digital dan autonomi bukan sahaja diperlukan di sekolah, malah sekolah yang menyediakan pendidikan teknikal dan latihan vokasional juga perlu disediakan. Sekiranya kerajaan mahu melihat, sebagai contoh bidang pertanian mengaplikasikan teknologi digital, pelaburan bagi menyediakan kemudahan dan teknologi terkini perlu bermula di peringkat persekolahan lagi. Justeru saya menyeru kerajaan Johor perlu ke hadapan dalam memacu sekolah-sekolah di Johor untuk melengkapkan kemudahan-kemudahan ini bagi menjayakan hasrat menjadikan Johor sebagai nombor satu dalam bidang pendidikan ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin membawa sedikit isu kawasan, yang saya fikir perlu diambil perhatian oleh kerajaan negeri. Sebagaimana yang saya sering sebutkan kemajuan dan pembangunan yang ingin dicapai dan dibawa oleh kerajaan negeri harus tidak meminggirkan *people happiness*. Apalah gunanya kemajuan tetapi rakyat berduka lara? Apalah maknanya sebuah pembangunan jika rakyat berdukacita?

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu pertama ialah isu monyet liar dan anjing liar serta haiwan-haiwan liar yang lain, yang mengganggu kehidupan rakyat. Isu ini telah sering kali dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini termasuk oleh rakan-rakan Ahli Dewan yang lain dan saya mohon satu tindakan bersepadu dilaksanakan oleh kerajaan negeri dan jabatan berkaitan agar masalah ini dapat diselesaikan. Alasan-alasan seperti kekangan peruntukan, kekangan undang-undang diharap tidak lagi digunakan pada ketika rakyat mengharap satu penyelesaian yang tuntas terhadap isu ini. Hampir semua kampung di DUN Gambir mengadu tentang perkara ini dan saya benar-benar merayu kerajaan negeri dan jabatan berkaitan dapat mencari jalan penyelesaian yang baik dan komprehensif.

Isu kedua adalah Klinik Kesihatan Bukit Gambir. Saya merayu kepada YB EXCO kerajaan negeri agar dapat mengusahakan segera pembinaan Klinik Kesihatan Bukit Gambir. Saya sedikit kecewa apabila posting YB EXCO yang menghadap ataupun berjumpa YB Menteri Kesihatan tidak memasukkan pembinaan semula Klinik Kesihatan Bukit Gambir dalam senarai perbincangan. Begitu juga dalam pembentangan bajet kerajaan pusat baru-baru ini, tidak memasukkan peruntukan untuk pembinaan Klinik Kesihatan Bukit Gambir.

Isu yang ketiga adalah tekanan air rendah di Kampung Temenin Bukit Gambir dan kawasan sekitarnya. Saya sering menerima aduan, malah pada hari semalam juga terima aduan berkenaan isu tekanan air yang rendah di kawasan ini dan kawasan sekitarnya sehingga bekalan air sentiasa terputus. Wakil SAJ Ranhill, dalam jawapan dalam Mesyuarat Tindakan Daerah menyatakan bahawa perancangan mengatasi masalah ini adalah dengan membina sebuah tangki air baharu bagi membekalkan air terawat di kampung tersebut. Saya mohon kepada EXCO yang berkaitan agar dapat memberikan jawapan dalam sesi penggulungan nanti bilakah tangki air tersebut dapat dibina? Isu ini telah lama berlaku. Bayangkan rumah kita secara tiba-tiba tiada air. Adakah kita akan gembira dengannya Yang Berhormat Datuk Speaker? Berapa lama lagi terpaksa penduduk-penduduk kampung ini menunggu, menunggu dan menunggu? Kebetulan saya duduk sebelah YB DUN Bekok dan isu sama juga kita kongsi bersama. (Dewan bertepuk.) Jadi, saya mohon ianya dilaksanakan sebelum akhir penggal kita pada kali ini.

Yang seterusnya saya ingin merayu kepada YB EXCO Sukan berkenaan isu menaik taraf sekurang-kurangnya sebuah gelanggang futsal di Bukit Gambir untuk menjadi gelanggang futsal berbumbung. Selaku Naib Ketua Pemuda Umno Malaysia yang telah disahkan jawatan, saya sangat percaya YB EXCO sangat memahami kehendak orang-orang muda terutamanya di kawasan luar bandar. Saya mohon agar ianya juga dapat dijawab dalam sesi penggulungan EXCO nanti. Yang Berhormat Datuk Speaker, Gambir mohon menyokong. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Gambir. Dewan mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran pemerhati daripada kawasan DUN Maharani seramai 2 orang. Dewan mengalu-alukan kehadiran mereka.

Seterusnya Yang Berhormat Bentayan, dijemput.

YB Tuan Ng Yak Howe (Bentayan) : Selamat petang. Salam sejahtera Yang Berhormat Datuk Speaker, Bentayan ingin mengambil bahagian untuk membahas usul Menjunjung Kasih Ke atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena Pembukaan Rasmi Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-15. Bentayan ingin merakamkan setinggi tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan titah Baginda kepada Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, banjir besar yang melanda seluruh daerah di Johor baru-baru ini telah mengakibatkan kira-kira 80,000 mangsa banjir terpaksa berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara terutamanya di Muar, Mersing, Batu Pahat dan Segamat. Kita kini berada dalam era perubahan iklim yang tidak dapat dielakkan. Dahulu pada bulan Mac, Johor menghadapi kekeringan tetapi tahun ini negeri Johor mengalami banjir yang sangat teruk dan luar biasa. Tahun 2023 telah memasuki bulan April, namun Johor telah mengalami banjir sebanyak dua kali iaitu pada awal tahun dan bulan April. Projek tebatan banjir amat penting untuk mengatasi masalah banjir. Oleh itu, Bentayan memohon penjelasan daripada kerajaan mengenai mengapa Projek Pemulihan Sungai Muar dan Projek Saringan Mesra Alam Bandar Maharani di bawah RMK-12 telah ditangguhkan. Sistem perparitan juga perlu dibersihkan dan diselenggarakan secara berkala.

Walau bagaimanapun, peruntukan pembangunan JPS telah dikurangkan daripada RM40 juta pada tahun 2022 ke RM30 juta pada tahun 2023. Bentayan ingin menarik perhatian kerajaan negeri bahawa peruntukan JPS seharusnya meningkat bukan menurun memandangkan banjir kerap berlaku di Johor. Selain daripada pelaksanaan projek tebatan banjir oleh JPS dan penyelenggaraan sistem perparitan oleh JPS dan PBT, banyak bandar di dunia kini beralih daripada pertahanan banjir semata-mata kepada konsep ketahanan air yang lebih besar dengan melaksanakan pendekatan berpusat. Sistem perparitan sekarang hanya mampu menampung taburan hujan sebanyak 60mm sejam jika taburan hujan sejam

melebihi 60mm selama dua hingga empat jam, risiko banjir akan meningkat. Berdasar data JPS, taburan hujan di banyak tempat di Johor Utara telah melebihi 150mm. Namun pembinaan longkang yang mampu menampung taburan hujan lebih daripada 150mm tidak praktikal dan tidak kos efisien.

Agensi-agensi kerajaan perlu memastikan perancangan dan reka bentuk sesuatu bandar atau taman perumahan serta kediaman mengambil kira keadaan yang ditakrifkan sebagai kawasan banjir agar setiap rancangan lebih responsif terhadap alam semula jadi. Oleh itu, konsep Bandar Span yang mengutamakan penyerapan, penyimpanan dan pemprosesan air hujan perlu diintegrasikan dalam fasa perancangan dan pembinaan bandar untuk mewujudkan bandar yang sensitif terhadap air.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tindakan drastik keseluruhan kerajaan perlu diambil dengan membentuk satu jawatankuasa khas di peringkat negeri yang merangkumi EPU, BPEN Johor, PlanMalaysia, JPS, JKR, JAS, METMalaysia, IKRAM dan PBT. Jawatankuasa ini bertujuan untuk menyelaraskan semua agensi kerajaan negeri dan persekutuan serta mengkaji pelan tindakan bagi melaksanakan konsep Bandar Span. Sebagai contoh, sumber alam seperti sungai, jeram, kolam, parit dan tali air perlu dipelihara dan dirizabkan dalam pembangunan bandar untuk melambatkan kelajuan aliran air.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kawasan hijau menjadi semakin mengecil dan landskap baru turut diturap dengan tar akibat pembangunan bandar. Oleh itu, infrastruktur biru yang merujuk kepada unsur air seperti sungai, terusan, kolam, tanah lembap, dataran banjir dan kemudahan rawatan air serta infrastruktur hijau yang mencakupi pokok, rumput, taman padang dan hutan perlu dipelihara atau dibangunkan ditanam semula bagi mengurangkan jurang pengaliran air ke sistem perparitan. Pembinaan *bio waste* atau saluran tanah berhumus dengan rumput dan vegetasi lain serta sistem pengekalan bio perlukan agar air dapat diserap atau disimpan di bawah tanah.

Bentayan mengalu-alukan cadangan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang mewajibkan semua pemaju menyediakan laluan pejalan kaki dan lorong berbasikal untuk mendapatkan Kebenaran Merancang. Bentayan mencadangkan pembinaan jalan berliang atau permukaan yang dapat menampung lalu lintas kereta, pejalan kaki dan basikal dengan bahan yang membolehkan air diserap meresap dan mengisi semula air bawah tanah. Mengelakkan takungan air di atas jalan dan mengakibatkan kebolehan serapan air hujan. Kolam takungan air yang berfungsi untuk menyimpan dan menakung air sementara dari sistem perparitan sebelum mengalir ke sungai perlu dirancang awal dan rizabkan sebelum memulakan pembangunan projek.

Ini tidak boleh dikembangkan sewenang-wenangnya untuk pembinaan bangunan komersil perumahan yang tidak selaras dengan Rancangan Tempatan Daerah untuk mengurangkan risiko banjir. Usaha-usaha ini bertujuan untuk mengurangkan beban sistem perparitan ketika hujan lebat berterusan sehingga mencegah banjir kilat dan meningkatkan ketahanan bandar terhadap banjir. Sistem birokrasi dan pendekatan dalam menghadapi banjir harus diubah untuk mengatasi kesan perubahan iklim yang kian serius. Pembangunan projek perlu diperiksa secara menyeluruh melalui pusat OSC dan kerajaan tidak seharusnya meluluskan projek tanpa mempertimbangkan kesan terhadap risiko banjir dan kesesakan lalu lintas. Projek yang sedang dibina harus dipantau dengan ketat dan cuma untuk memastikan semua pembangunan mengikuti pelan asas yang telah diluluskan. Tindakan yang melibatkan pelbagai jabatan atau agensi kerajaan perlu dilaksanakan secara efektif dan berkesan demi mengatasi isu banjir secara menyeluruh dan efisien.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sepanjang Januari dan Februari tahun ini, kawasan Bentayan telah mengalami gangguan bekalan air sebanyak 6 kali dalam tempoh 40 hari disebabkan masalah kebocoran paip lama. Sebanyak 8,312 akaun yang melibatkan 6

kawasan telah terjejas. Pernah juga 2 kali terjadi insiden di mana berlakunya kebocoran paip sebanyak 2 kali pada hari yang sama di kawasan yang sama. Masalah kebocoran paip lama bukan sahaja memberi impak kepada air tidak berhasil atau NRW yang merugikan SAJ tetapi juga turut mendatangkan kesan kepada pengguna. Sebagai contoh, golongan penjaja terpaksa menutup gerai lebih awal dan pengusaha salon rambut yang terpaksa membatalkan temu janji kerana tiada bekalan air. Menurut statistik kekerapan kes gangguan bekalan air di negeri Johor adalah sebanyak 3,961 kes pada tahun 2020, 3,904 kes pada tahun 2021 dan 3,144 kes setakat Ogos 2022. Punca utama kepada gangguan bekalan air adalah masalah kebocoran paip yang merangkumi 96.2% daripada keseluruhan kes pada tahun 2020 dan 96.4% pada tahun 2021. Menurut data yang dikeluarkan pada tahun 2018, daerah Muar mempunyai rangkaian paip sepanjang 1,958 km di mana 35% atau 685.3 km daripadanya terdiri daripada paip jenis AC yang telah berusia lebih daripada 40 tahun. Setakat tahun 2017, hanya 110 km atau 16% daripada panjang keseluruhan paip AC yang telah diganti. Berdasarkan maklumat yang diterima, sasaran Ranhill SAJ yang pelaksanaan kerja-kerja penggantian paip di daerah Muar untuk tahun 2022 dan 2023 adalah sepanjang 13 km. Dengan kadar kemajuan seperti ini, Bentayan ingin bertanya berapa lama masa yang diperlukan untuk mengganti sepenuhnya keseluruhan paip AC di daerah Muar?

Pada Jun 2022 yang lalu, kerajaan persekutuan telah meluluskan kenaikan tarif secara purata 25 sen per meter padu untuk penggunaan bukan domestik yang berkuat kuasa mulai Ogos tahun yang sama. Menurut Maybank Investment Bank, kenaikan tarif air di Johor bermula Januari 2023 mungkin akan menggandakan keuntungan bersih Ranhill Utility Berhad bagi Tahun Kewangan 2023. Dalam Belanjawan Tahun 2023, peruntukan sebanyak RM280 juta telah dilaburkan untuk kerja-kerja menggantikan paip lama sepanjang 234 km. Ini menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM937 juta yang telah dibelanja untuk tujuan sama dalam tempoh 5 tahun. Sehubungan dengan ini, Bentayan menyeru SAJ supaya terus meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan menambahkan lagi peruntukan untuk mempercepat proses penggantian paip lama supaya gangguan bekalan air dapat dikurangkan. Bentayan percaya dengan usaha ini kadar air tidak berhasil atau keuntungan Ranhill SAJ juga akan bertambah baik.

Yang Berhormat Datuk Speaker, program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) merupakan salah satu program yang memerlukan penglibatan secara aktif oleh ibu bapa, penjaga dan ahli keluarga kepada golongan kurang upaya bersama komuniti setempat untuk membantu golongan ini hidup berdikari dan diintegrasikan dalam masyarakat. Setiap pelatih yang mengikut program pemulihan di PDK akan dibayar elaun khas bulanan sebanyak RM150.00 seorang. Semua urusan pembayaran elaun ini dibuat menerusi jawatankuasa PDK melalui geran pengurusan PDK yang diberikan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat setiap tahun mengikut kelayakan. Kita sepatutnya menggalak golongan OKU untuk menyertai PDK dan bukan hanya duduk sahaja di rumah. Ini adalah penting supaya mereka dapat mempelajari kemahiran untuk menjaga diri sendiri di samping dapat menjana pendapatan tambahan untuk keluarga. Sebagai contoh, kita lihat bantuan JKM untuk golongan OKU tidak berupaya bekerja, bantuan bulanan sebanyak RM300.00 akan diberi. Manakala untuk elaun khas OKU PDK hanya RM150.00 sebulan. Perbezaan RM150.00 sebulan telah menyebabkan ramai ibu bapa atau ahli keluarga kurang berminat untuk menghantar anak-anak, OKU mereka untuk menyertai PDK sebab yang menjadi pelatih PDK tidak layak untuk menerima bantuan RM300.00 daripada JKM. Justeru adakah pihak kerajaan boleh meningkatkan elaun khas OKU kepada RM300.00 atau lebih supaya lebih ramai golongan OKU bermotivasi untuk menyertai PDK yang menyediakan program pemulihan secara percuma untuk meningkatkan tahap penjagaan diri dan kemahiran.

Akhirnya Bentayan ingin mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan rasa sedih dan simpati terhadap semua mangsa yang terkesan daripada bencana banjir kali ini dan juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua agensi persekutuan, negeri, NGO,

sukarelawan dan semua rakyat Malaysia yang terlibat dalam membantu mangsa banjir di negeri Johor. Sekian terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Bentayan. Dijemput Yang Berhormat Pasir Raja.

YB Puan Rashidah binti Ismail (Pasir Raja) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. (Selawat) Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam Maju Johor. Segala puji-pujian bagi Allah Tuhan semesta alam, demikian juga limpahan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW semoga kita mendapat syafaat dan rahmat kelak. Terlebih dahulu dengan hormat dan penuh takzimnya izinkan patik mewakili DUN Pasir Raja merafak sembah menjunjung kasih atas titah DiRaja oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar khas pada pembukaan rasmi Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang ke-15. Pasir Raja juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan barisan EXCO sempena genap setahun mentadbir kerajaan Johor. Tahniah, telah membawa Johor ke tahap yang terbaik ketika ini. Umpama condong yang akan menongkat, rebah yang akan menegakkan. Terima kasih kerana sentiasa mendengar aduan rakyat dan rajin turun padang bagi melihat sendiri permasalahan yang dihadapi rakyat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pertama sekali izinkan Pasir Raja merakamkan ucapan terima kasih kerana diberi ruang dan peluang kepada Pasir Raja untuk menyatakan suara rakyat dan mewakili pendapat, pandangan dan mengemukakan cadangan-cadangan khusus serta mengambil bahagian di dalam ucapan perbahasan ini. Diharapkan agar apa yang akan dibahaskan ini mampu memberi manfaat dan melakukan yang terbaik khusus buat warga DUN Pasir Raja dan juga bangsa Johor amnya. Ibarat pohon yang rendang di tengah padang, tempat bernaung kepanasan, tempat berlindung kehujaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker negeri Johor yang kita kasihi ini dilanda duka apabila bencana banjir besar telah berlaku dan rakyat menerima kesannya. Ada yang kehilangan wang ringgit, harta benda dan ada juga yang kehilangan orang tersayang. Apa yang datang adalah ujian Allah SAW, tidak kecil tidak besar, kita kena menerima sesuatu yang tidak dijangka. Semoga keadaan segera pulih dan kembali kepada sedia kala. Semoga semua mangsa-mangsa banjir diberi kekuatan dan kesabaran dalam menghadapi ujian bencana ini, insya-Allah.

Pasir Raja mengambil kesempatan menzahirkan penghargaan kepada skuad Pengurusan Bencana DUN Pasir Raja. Skuad Bencana DUN Pasir Raja telah menjadi barisan hadapan membantu agensi-agensi kerajaan ketika berlaku banjir baru-baru ini. Mereka terlibat secara langsung dari mula memindahkan mangsa, membantu, menjaga kebajikan mangsa banjir sepanjang berada di PPS sehinggalah PPS ditutup. Terima kasih skuad Pengurusan Bencana DUN Pasir Raja yang dilancarkan pada 29 Oktober 2022. Peranan utama skuad ini ialah membantu setiap agensi berkaitan untuk mengurangkan impak bencana seminima mungkin kepada warga setempat yang terlibat. Ia turut berperanan memberi perkhidmatan awal kepada komuniti dalam membantu sekiranya berlaku bencana. Terima kasih juga kepada semua agensi yang terlibat di dalam mengurus masa banjir terutamanya Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Kota Tinggi yang telah berusaha memberikan perkhidmatan terbaik untuk memastikan segala keperluan dapat disediakan. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan dari segi penyediaan keperluan yang perlu diteliti untuk penambahbaikan. Antaranya proses membekal makanan yang lambat sampai di PPS dan kualiti makanan yang kurang memuaskan.

Oleh itu Pasir Raja mencadangkan agar Jabatan Kebajikan Masyarakat membenarkan gotong royong dilakukan oleh Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) setempat untuk memasak makanan mereka sendiri pada masa yang akan datang

jika berlaku musibah seumpamanya. Begitu juga dengan keperluan seperti khemah, selimut dan lain-lain. Pasir Raja mencadangkan agar stok keperluan disimpan oleh Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) setempat sebagai persediaan bagi memudahkan urusan mengurus mangsa banjir jika ianya berulang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kesan dari hujan yang mengakibatkan banjir baru-baru ini telah menyebabkan berlakunya tebing runtuh di beberapa lokasi di dalam DUN Pasir Raja iaitu di FELDA Bukit Besar dan FELDA Sungai Sayong. Ianya begitu membimbangkan kerana berlaku berhampiran dengan lokasi kediaman. Pasir Raja bimbang jika tidak diambil langkah segera ia akan menjadi lebih serius dan akan menyebabkan kemalangan jiwa. Tanah runtuh bukan isu baru di dalam FELDA. Ia kerap berlaku terutamanya di perumahan generasi kedua FELDA ekoran daripada sistem perparitan yang tidak dibina dan tidak diurus dengan baik. Pasir Raja berharap masalah ini mendapat perhatian sewajarnya. Pasir Raja sedia maklum yang FELDA tidak lagi menyediakan bantuan bagi segala bentuk bencana alam dan kerosakan infra di kawasan lot generasi FELDA. Bantuan bencana sedia ada hanya disalurkan kepada lot kawasan peneroka atas faktor pengurusan penyelenggaraan FELDA iaitu setiap peneroka di dalam rancangan telah mencarum di dalam tabung bencana setiap bulan.

Oleh yang demikian, satu ketetapan perlu dibuat iaitu agensi manakah yang seharusnya bertanggungjawab menangani isu tersebut. Selain daripada tanah runtuh yang berlaku di perumahan peneroka dan generasi kedua FELDA terdapat satu kes tanah runtuh di jalan masuk FELDA Pasir Raja yang masih belum diambil sebarang tindakan. Hampir setahun lebih kawasan tersebut hanya ditandakan dengan kun dan tali pita merah AWAS. Ianya sangat merbahaya terutamanya pada waktu malam. Bagai berseru di padang pasir, aduan bertulis sudah dibuat, aduan bergambar sudah dihantar, namun tiada tindakan yang diambil sehingga hari ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, secara umumnya masyarakat hari ini melihat masjid dan surau sebagai tempat ibadah khusus dalam kehidupan Muslim. Persepsi sedemikian perlu dimurnikan agar seluruh masyarakat memahami konsep sebuah masjid dan menyedari pentingnya peranan sebuah masjid dalam membangunkan ummah. Masjid dan surau bukan sekadar lambang dan syiar dalam kehidupan masyarakat Islam, malahan lebih penting dari itu di mana masjid adalah nadi dan pusat kegiatan aktiviti umat Islam. Oleh itu Pasir Raja memohon agar sebuah masjid dibina di Taman Daiman Jaya, taman yang telah berusia 10 tahun lebih ini masih belum mempunyai masjid dan penduduknya terpaksa berulang alik sejauh 3 kilometer untuk menunaikan solat Jumaat di luar kariah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mempunyai jalan raya yang memang baik menjadi dambaan sesiapa sahaja tidak kiralah di mana negara pun. Jalan raya yang dijaga baik permukaan yang rata dan tidak berlubang-lubang boleh menjamin perjalanan harian para pengguna sentiasa lancar. Bukan itu sahaja kualiti jalan juga boleh menentukan hidup dan mati seseorang pengguna, sampai di rumah disambut senyum tawa atau air mata oleh keluarga. Memang tiada siapa pun dapat menafikan kepentingan untuk sentiasa memelihara kualiti jalan-jalan yang ada.

Pasir Raja sering menerima aduan jalan FT003 Jalan Johor – Kota Tinggi atau lebih spesifik jalan FT 003 antara Ulu Tiram sehingga simpang lampu isyarat Kem PULADA, jalan yang berlubang-lubang menjadi punca kerosakan kepada kenderaan dan menyebabkan keadaan yang tidak selamat untuk semua pengguna. Apabila aduan dibuat tindakan segera yang diambil hanyalah menampal kawasan yang berlubang. Terima kasih kepada JKR Kota Tinggi tetapi cara demikian tidak menyelesaikan masalah kerana dalam tempoh masa tertentu pasti kerosakan yang sama akan berulang. Pasir Raja ingin memohon agar diberi keutamaan untuk diturap semula.

Yang Berhormat Datuk Speaker, satu lagi jalan yang perlu disegerakan kerja-kerja menaik taraf yang melibatkan pembetulan ialah Jalan Seluang, Kampung Desa Mahkota Rantau Panjang. Pasir Raja difahamkan peruntukan telah diluluskan. Pasir Raja mendesak kerja-kerja dapat disegerakan memandangkan laluan tersebut adalah laluan utama penduduk kampung ke kebun mereka. Kerosakan jalan juga semakin serius selepas bencana banjir.

Yang Berhormat Datuk Speaker sektor pelancongan merupakan sebuah industri yang menguntungkan bukan sahaja dari aspek ekonomi sesebuah negara malahan ianya juga mampu memberi impak positif dalam meningkatkan tahap sosio ekonomi serta memenuhi keperluan sumber manusia dengan tenaga kerja yang ujud daripada industri ini. Bagi menangani krisis kemiskinan yang semakin meningkat dan bebanan kos sara hidup yang saban tahun membebani kehidupan masyarakat, maka satu solusi sedang dilakukan bagi mengurangkan impak jangka panjang terhadap kemelut ini.

Satu projek berimpak tinggi yang diberi nama projek *Lacara Dimalayos* yang dibangunkan di Kampung Sungai Telor oleh Koperasi Jaringan Insani Wasatiah Johor Berhad yakni KOJIWA sedang berlangsung dan dilaksanakan bagi menjadikan kawasan setempat sebagai destinasi tumpuan kepada pelancong hasil dari terwujudnya tempat-tempat menarik untuk dikunjungi. Diharapkan dengan limpahan tersebut akan mewujudkan kuasa beli yang akan memanfaatkan seluruh warga kampung.

Antara tempat-tempat menarik yang sedang dibangunkan ialah taman tema air, penginapan, *river cruise* dengan izin di Sungai Johor, aktiviti menghasilkan produk kraf berasaskan pertanian, tapak perkhemahan, ATV dan pelbagai lagi aktiviti yang menarik. Dengan pelaksanaan projek ini ia akan memberi peluang perniagaan kepada lebih 80 orang pengusaha dari pelbagai bidang, sekali gus memberi limpahan kepada penduduk setempat dan menaikkan martabat Insani sekali gus dapat menyelesaikan masalah ekonomi serta dapat memberi input tambahan dari aspek pendidikan dan spiritual.

Besarliah harapan Pasir Raja agar projek Edu Agro Tourism ini dengan izin, mendapat perhatian dan bantuan sewajarnya daripada kerajaan negeri Johor. Pasir Raja juga dengan rendah hati menjemput Tenggaroh, EXCO Pelancongan dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor datang melawat dan melihat sendiri projek yang diusahakan 100% oleh warga kampung Kampung Sungai Telor, semoga dengan lawatan ini mereka akan lebih bermotivasi untuk segera menyiapkan projek tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, antara isu yang hangat diperbincangkan setiap kali bertemu rakyat ialah kenaikan harga barang keperluan dan ketidaktentuan adanya bekalan barangan. Tidak dapat dipastikan dengan jelas apakah faktor yang menjadikan kemampuan ekonomi menjadi sangat tidak stabil tetapi ia menjadi masalah besar rakyat terutama yang berpendapatan rendah B40 dan mereka yang bergantung hidup kepada ekonomi jenis perniagaan secara kecil-kecilan. Antara barangan yang menjadi tumpuan utama dalam isu tersebut seperti telur, minyak makan dan gula pasir juga mungkin beberapa barangan lain yang menjadi keperluan asas seperti tepung gandum dan seumpamanya. Dengan kemungkinan berlaku kenaikan mendadak harga minyak, bahan api dan sumber tenaga ia dilihat sangat berpotensi untuk meningkatkan lagi impak kenaikan harga barang dan kestabilan bekalan. Lebih-lebih lagi menjelang perayaan hari raya nanti. Bukan sahaja harga barangan makanan dalam negara naik, bahkan turut membabitkan kenaikan harga barangan lain, ia umpama kesan domino dalam rangkaian ekonomi.

Kenaikan harga barang ini bukan isu terpencil, bahkan boleh menjadi bom jangka ekonomi. Malah kenaikan harga ayam, telur, ikan laut, ikan air tawar, sayur-sayuran serta barangan makanan lain amat meresahkan dan membimbangkan rakyat secara keseluruhannya. Jika barang terus meningkat, ia akan memberi kesan besar kepada pengguna terutama golongan B40 yang mempunyai pendapatan kurang RM2,000.00 sebulan. Jadi, kerajaan

perlu memastikan pengguna terutama yang berpendapatan kurang RM2,000.00 ada cukup makanan atas meja mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menu rahmah adalah matlamat jangka pendek untuk menangani isu ini tetapi ia dilihat sebagai inisiatif kerajaan pusat untuk menampai isu tersebut. Walaupun ia bukanlah satu penyelesaian menyeluruh, namun Pasir Raja mengucapkan terima kasih kepada kerajaan pusat atas cakna mereka terhadap kesusahan rakyat. Matlamat jangka pendek adalah menstabilkan harga dan memastikan barang sentiasa ada di pasaran. Matlamat jangka sederhana pula adalah menurunkan harga, manakala matlamat jangka panjang adalah meningkatkan pendapatan pengguna. Itu lebih penting.

YB Timbalan Speaker : Pasir Raja, masa.

YB Puan Rashidah binti Ismail (Pasir Raja) : Sikit lagi. Kalau kawal harga tetapi pendapatan tidak meningkat, pengguna akan kecewa kerana tidak apa-apa perubahan terhadap kos sara hidupnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung. Pasir Raja menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang mahukan semua ADUN saling bekerjasama, bagai aur dengan tebing, menjaga kebajikan bangsa Johor. Ibarat telur sesangkar, pecah sebiji, pecah semua. Marilah kita mengetepikan sentimen politik demi kestabilan dan kemajuan negeri Johor yang kita sayangi. Akhir kata, Pasir Raja mengucapkan selamat berpuasa kepada semua umat Islam. Marilah kita sama-sama memanjatkan syukur dan doa, mudah-mudahan Allah SWT akan terus melimpahkan rahmat perlindungan dan peliharaannya ke atas negeri Johor dan naungan keselamatan, keamanan dan kemajuan. Sekian dan terima kasih, Pasir Raja mohon menyokong. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk)

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Pasir Raja. Dijemput Yang Berhormat Senggarang.

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail (Senggarang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu Senggarang dengan penuh hormat dan takzimnya merafak sembah menjunjungkan setinggi-tinggi kasih di atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, berkenan mencemar duli berangkat ke istiadat dan bertitah menyempurnakan majlis perasmian di Mesyuarat Kedua Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-15 ini. Senggarang juga turut menzahirkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan yang telah bertitah agar pihak kerajaan pusat dapat memberikan peruntukan khas untuk membaik pulih infrastruktur awam yang telah rosak dan harta benda yang telah musnah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seperti Yang Berhormat Sri Medan dan Yang Berhormat Parit Raja, berbahas mengenai banjir. Senggarang turut ingin menzahirkan perkara yang sama meskipun Senggarang hanya mengalami tempias banjir tersebut. Namun ia turut menjejaskan beberapa kampung di kawasan Senggarang hingga menyebabkan dua buah PPS turut dibuka. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker serta Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, meskipun jumlah mangsa di kedua-dua PPS dalam DUN Senggarang hanyalah mencatatkan sebanyak 129 keluarga dan hanya seramai 598 orang. Namun, saya turut merasakan kelelahan walaupun hanya baru dibuka pada 10 Mac 2023 berbanding di kawasan Sri Medan dan Parit Raja serta di beberapa kawasan yang lain yang lebih teruk.

Senggarang juga mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua agensi yang telah membantu rakyat ketika menghadapi situasi banjir, tidak kira sama

ada agensi kerajaan, swasta mahupun pertubuhan-pertubuhan. Ini termasuklah khususnya Pegawai Daerah Batu Pahat, Pengarah JKM Negeri Johor, YDP Majlis Perbandaran Batu Pahat, JKR Batu Pahat, PDRM, Bomba dan Penyelamat Batu Pahat, APM, JKM, Pejabat Pendidikan Daerah, Pejabat Pendidikan Islam Daerah, Pejabat Kadi, KKM, SWCorp, JPS, Jabatan Penerangan, MAIJ serta *Southern Volunteers*. Tidak lupa pihak SAJ yang memberi bekalan tong simpanan dan bekalan air bersih.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Senggarang berharap pihak kerajaan negeri dan pusat dapatlah bersama-sama dalam membantu mangsa-mangsa banjir untuk bangkit daripada kepayahan mereka menghadapi situasi banjir ini. Pelbagai usaha perlu dilakukan bagi mengatasi masalah tersebut. Jika di tempat-tempat lain ada yang pertama kali dinaiki air banjir namun di Senggarang, masalah banjir ini berlaku hampir setiap tahun dan hingga ke hari ini masih dapat dirasakan dan tidak dapat diatasi. Mungkin agak kalis jika Senggarang acap kali mengutarakan berkenaan isu penggalian parit namun jika ia tidak diutarakan, masalah ini akan menyebabkan aliran air lembap hingga menyebabkan kawasan yang dibanjiri lambat surut airnya dan ia menghadapi masalah air termenung. Sehubungan dengan itu, pihak JPS diharap dapat menggali, mendalamkan parit-parit yang sedia ada yang terlibat dengan masalah tersebut.

Pada sesi Persidangan DUN tahun lalu, Senggarang ada membangkitkan isu keperluan pam air di pintu-pintu *gate* air di Senggarang memandangkan Senggarang merupakan kawasan yang terakhir akan dilanda banjir berikutan air banjir yang turun dari Parit Raja dan Parit Yaani berikutan Senggarang adalah kawasan yang berhampiran dengan laut. Di kesempatan ini, Senggarang merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar Johor kerana sudi datang ke Senggarang untuk melawat tempat pengepaman air di pintu air Sungai Senggarang pada 17 Mac yang lalu.

Alhamdulillah, Senggarang mengucapkan syukur kerana beberapa buah negeri telah memberikan bantuan pam air sebanyak 5 buah bagi menyedut air di pintu air Senggarang untuk mempercepatkan aliran air banjir ke laut. Dan setelah lawatan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor yang lalu terdapat 2 buah pam air lagi telah didatangkan di pintu air berkenaan. Dan setelah kehadiran pam air ini, nampaknya paras air semakin berkurangan. Terima kasih diucapkan kepada kerajaan negeri Kedah dan Perak kerana telah memberi bantuan pam air dengan menempatkannya di pintu *gate* air Parit Hailam dan juga pintu air Senggarang. Tidak lupa kepada tenaga kerja serta petugas JPS yang bertungkus lumus mengendalikan pam-pam berkenaan.

Justeru, Senggarang berharap pembinaan rumah pam air kekal yang dipohon dapat di segera kelulusan dan pembinaannya khususnya di pintu air Parit Hailam. Selain isu pam air, pembinaan *plate gate* di beberapa benteng di Senggarang juga pernah Senggarang utarakan di Persidangan yang lalu, Senggarang mohon untuk ianya turut dapat disegerakan kelulusan dan pembinaannya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Senggarang mencadangkan satu kajian semula pintu-pintu air di kawasan panas di *hot spot* berlakunya banjir dilakukan. Ia bagi mengelakkan berlakunya banjir berulang dan menjadikan bencana ini seperti acara ulang tahun. Contohnya melihat *upstream* dan *downstream* serta mewujudkan satu badan yang dapat mengkaji penyelesaian masalah bencana seperti Projek Johor Barat yang pernah dilaksanakan suatu ketika dahulu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi menghadapi pasca banjir, Senggarang seperti juga Parit Yaani mengharapkan bantuan yang disalurkan kepada mangsa dapat dilaksanakan dalam kadar yang segera. Seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar, tidak kira dari agensi manapun bantuan itu ia tidak perlu dilengahkan bagi membantu mereka memandangkan kedatangan Ramadan dan bakal menjelang hari

raya. Senggarang juga sangat mengharap segala bantuan dari pelbagai pihak seperti yang disebut oleh Parit Raja menekankan peranan Angkatan Pertahanan Awam, Senggarang menekankan peranan yang dilakukan oleh petugas-petugas PDK, PKPDK. Mereka merupakan pertubuhan yang mewakili pihak JKM dalam menyusun atur pembukaan pusat pemindahan PPS khususnya di Senggarang. Merekalah yang mengendalikan keluar masuk mangsa banjir, urusan makan dan minum serta bantuan-bantuan yang diterima. Ini berikutan pihak JKM tidak mempunyai tenaga kerja yang mencukupi. Merekalah yang mengambil alih tugas pihak JKM meskipun khidmat mereka tidak didendang memandangkan mereka hanyalah petugas dan penyelia di PKPDK. Tanpa bantuan mereka, maka pengurusan di PPS tidak dapat berjalan lancar. Justeru, Senggarang berharap agar elaun petugas PKPDK ini dinaikkan kepada RM1,500.00. Manakala penyelia mereka dinaikkan kepada RM1,800.00 dengan tempoh masa bekerja yang tertentu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada 12 Julai tahun 2022 yang lalu, Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar Johor dalam lawatannya ke Batu Pahat telah melihat *hot spot* banjir di Jalan Tanjung Labuh berhadapan dengan PETRONAS dan kuari JKR FT05. Sehingga hari ini, belum ada apa-apa tindakan diambil oleh JKR untuk mengatasi jalan tersebut dan keadaan jalan tersebut sangat teruk. Senggarang berharap agar ada tindakan lanjut akan diambil selepas ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum menamatkan perbahasan di Persidangan pada kali ini, Senggarang ingin menyentuh berkenaan dengan guru-guru agama SAKNJ. Senggarang mohon pihak Jabatan Agama Islam Negeri Johor khususnya Bahagian Pendidikan Islam mengkaji semula penghijrahan guru-guru agama yang telah memiliki ijazah sarjana muda ke Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini berikutan Jabatan Agama Islam Negeri Johor mengalami kerugian ekoran kehilangan tenaga pengajar yang berpengalaman. Kebanyakan mereka berhijrah ke KPM disebabkan Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor tidak dapat menyediakan gred atau laluan khas untuk mereka kekal di Bahagian Pendidikan Islam dan tugas di SAKNJ mahupun di sekolah menengah agama. Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri hendaklah mengkaji dan mencari jalan penyelesaian bagi isu berkaitan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir kalam Senggarang ingin mengucapkan salam Ramadan pada semua, mohon maaf. Sekian, Senggarang mohon menyokong. Wabillahi taufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan hingga pukul 4.00 petang

Persidangan ditangguhkan pada jam 3.50 petang.

Persidangan disambung semula pada jam 4.00 petang.

YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung semula. Dipersilakan Yang Berhormat Bukit Batu.

YB Tuan Chiong Sen Sern (Bukit Batu) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan usul menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor Sempena Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-15. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan titah Baginda kepada Dewan yang mulia ini pada 16 Mac 2023. Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan saya memulakan perbahasan hari ini dengan memberi penghargaan kepada semua

Ahli Dewan Undangan Negeri yang hadir di sini. Sebagai Wakil Rakyat, tanggungjawab kita adalah untuk memperjuangkan kepentingan rakyat yang kita wakili dan memastikan pembangunan negeri yang berkesan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, isu yang saya bangkitkan sekarang adalah masalah yang sudah lama membelenggu rakyat DUN Bukit Batu secara khususnya, bukan satu atau dua tahun. Di DUN Bukit Batu kami mempunyai sebuah projek jalan yang berada dalam keadaan terbengkalai selama lima tahun sehingga kini. Saya telah bertanya soalan mengenai status terkini projek naik taraf selekoh 'S' di DUN Bukit Batu yang tergendala lama sejak 2019 dan bila boleh disiapkan memandangkan kenaikan kos mengikut harga semasa sekarang. Projek yang dimaksudkan adalah projek cadangan kerja-kerja memperelok jajaran di laluan FT001 Johor Bahru ke Ayer Hitam, KM30 sampai 40 Kulai – Johor yang juga dikenali sebagai selekoh 'S'. projek ini telah dilaksanakan oleh kontraktor Empangan Makmur Sdn Bhd dengan tarikh milik tapak asalnya pada 12 Disember 2017 dan dijangka siap pada 19 Jun 2019. Oleh kerana kontraktor asal gagal untuk menyiapkan projek tersebut dan telah mengalami kelewatan sebanyak 549 hari. Ahli-Ahli Yang Berhormat, bukan lima hari, bukan 50 hari tetapi 549 hari. Berdasarkan syarat-syarat kontrak, notis penamatan pengambilan kerja kontraktor telah dikeluarkan pada 21 Oktober 2021. Baki kerja yang perlu disiapkan adalah sebanyak 10% sahaja. Jadi untuk maklumat semua warga Bukit Batu, berdasarkan jawapan yang saya diterima daripada EXCO JKR bahawa jangkaan iklan baru projek ini adalah pada bulan September 2022 dan tarikh penyiapan projek hanya akan diumumkan selepas mendapat kontraktor baru.

Sebelum saya menjadi Wakil Rakyat di Bukit Batu pun isu ini sudah bermula. Rakyat sengsara dan marah kerana keadaan jalan yang sangat teruk dengan adanya penurunan jalan yang tidak lengkap dan sebagainya. Apabila saya menyuarakan isu ini dalam sesi pertanyaan pada bulan Jun tahun lepas, jawapan yang saya dapat adalah JKR sedang dalam proses untuk melantik semula perunding asal bagi menyediakan dokumen tender semula. Seterusnya apabila soalan sama yang ditanyakan pada bulan Disember tahun lepas, saya dimaklumkan bahawa projek tersebut dalam fasa perolehan dan surat setuju terima, SST dijangka akan dikeluarkan sekitar bulan Mac tahun 2023. Kini kita sudah pun memasuki minggu keempat dalam Mac, tapi setakat ini tiada maklumat terbaru mengenai projek terbengkalai ini. Projek tersebut dijangka siap dalam enam bulan hanya jika SST dikeluarkan pada bulan ini. Rakyat berfikir Wakil Rakyat tidak bekerja dalam memperjuangkan isu ini. Namun saya sudah pun memperjuangkan isu ini sejak mengangkat sumpah sebagai Wakil Rakyat DUN Bukit Batu. Penyelesaian isu selekoh 'S' adalah salah satu manifesto yang saya janjikan kepada rakyat DUN Bukit Batu. Bukan setakat ini memasuki dalam manifesto saya, tetapi saya telah membuat petisyen, memorandum, kunjungan hormat ke Pejabat MB, EXCO JKR dan *site visit* bersama JKR Kulai untuk membincangkan proses menyiapkan projek ini dapat diawalkan. Bukan itu sahaja, dalam tempoh menunggu penyiapan projek tersebut, perlu ada, adanya tindakan daripada pihak pengurusan dengan menyusun semula, dengan izin, *barrier* dan meletakkan lampu *blinkers* supaya dapat mengelakkan kemalangan di jalan tersebut. Jangan membiarkan begitu sahaja kerana jalan tersebut sering digunakan oleh pengguna jalan raya dan berisiko tinggi untuk berlaku kemalangan. Majoriti daripadanya adalah golongan pekerja yang mencari nafkah untuk keluarga masing-masing. Jadi, sebagai kerajaan negeri yang pro rakyat, dengan rendah dirinya, saya memohon kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta EXCO JKR agar membantu mempercepatkan penyiapan projek selekoh 'S' pada tahun ini juga.

Ahli Dewan Negeri yang saya hormati sekalian, di DUN Bukit Batu, isu geran kongsi menjadi salah, sering menjadi salah satu isu yang tiada penamatannya. Saya dimaklumkan bahawa sebanyak 25 keluarga di Kampung Seri Paya, Kelapa Sawit sedang menghadapi masalah geran kongsi setelah mereka menduduki di kawasan tersebut selama 40 tahun. Mereka telah membeli rumah atas tanah geran kongsi pada tahun 1980an pada harga yang

ditetapkan pada masa itu adalah sebanyak RM12,500.00 sahaja, RM12,500.00 sahaja daripada pemilik geran besar. Setiap daripada mereka yang membeli rumahnya telah membayar cukai harta, bil elektrik, bil air selama 40 tahun yang lepas, namun masalahnya timbul apabila mereka mahu menukarkan geran kongsi tersebut sebagai geran individu dengan memecahkan tanah berikuit dengan pelan tanah masing-masing, tetapi pemegang amanah bagi geran kongsi tersebut tidak mahu berurusan dengan penduduk-penduduk tersebut.

Jadi keadaan ini lebih merumitkan proses untuk mendapatkan cara penyelesaian. Saya sebagai Wakil Rakyat DUN Bukit Batu juga sudah cuba menghubungi pemegang amanah bagi tanah tersebut, tetapi beliau tidak mahu respons langsung. Para penduduk di Kampung Seri Paya sungguh gelisah akan masa depannya jika tanah mereka dijual tanpa pengetahuan mereka oleh pemegang saham kerana mereka tidak mempunyai geran individu bagi rumah mereka masing-masing. Di tangan saya dengan izin Tuan Speaker, adalah surat borang pengadu di Pejabat Tanah Daerah Kulai. Izinkan saya bacakan pengaduan mereka. Saya seperti nama di atas telah membayar segala cukai dan menunggu selama 40 tahun untuk menuntut geran rumah saya. Minta pihak berkuasa untuk mempercepatkan urusan keluar geran berikuit. Inilah penduduk-penduduk Bukit Batu yang susah-susah nak minta geran. Saya berharap Pejabat Tanah Daerah Kulai serta EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' YB EXCO Jafni, Dato' Jafni dapat membantu mereka supaya isu ini dapat diselesaikan bagi mereka. Saya juga mengalu-alukan kunjungan YB Dato' EXCO, Dato' Jafni ke kawasan perumahan yang terlibat dalam isu ini untuk memberikan satu gambaran jelas kepada beliau mengenai isu yang dihadapi oleh mereka. Namun kelewatan daripada beberapa pihak yang tidak bertanggungjawab telah mengakibatkan kemelut ini tidak dapat diselesaikan sehingga ini.

Seterusnya saya ingin membangkitkan isu soal mengenai cadangan pembinaan *crematorium* bagi komuniti India di DUN Bukit Batu. Di DUN Bukit Batu, kami mempunyai sebanyak 7% pengundi kaum India secara purata. Kebanyakan daripada komuniti mereka telah mengadu kepada saya bahawa mereka mahukan sebuah *crematorium* bagi tujuan upacara kematian komuniti India di DUN Bukit Batu. Mereka mahu kerajaan negeri berintervensi dalam cadangan permintaan ini dengan pertimbangkan keperluan mereka. Ini kerana kebanyakan *crematorium* swasta mengenai caj yang tinggi terhadap upacara yang dilaksanakan oleh komuniti India yang beragama Hindu. Ia sangat membebankan kaum India yang berlatar belakang B40 untuk membayar kos yang tinggi kepada syarikat *crematorium* swasta. Mereka berpendapat bahawa jika cadangan ini bakal dilaksanakan, ia akan membantu sangat-sangat kepada komuniti India di negeri Johor. Sebagai ADUN Bukit Batu, saya mewakili suara mereka di Sidang Dewan negeri ini untuk mencadangkan kerajaan negeri bagi memperuntukkan satu tanah sekurang-kurangnya dua ekar serta dana pembinaan bagi proses pembinaan *crematorium* Hindu di DUN Bukit Batu. Saya juga faham dan dimaklumkan cadangan ini bukan mudah untuk dilaksanakan. Prosesnya agak rumit, namun dengan adanya intervensi kerajaan negeri, kita boleh melihat perubahan yang diinginkan oleh komuniti India di DUN Bukit Batu. Di bawah kerajaan perpaduan ini saya percaya bahawa tiada golongan minoriti yang dipinggirkan atau ditindas hak mereka di negeri Johor. Saya percaya bahawa semua berhak untuk bersuara, bertanyakan hak mereka.

Baru-baru ini, negeri Johor telah dilanda banjir yang sangat teruk dan ia telah memberikan satu impak yang teruk kepada rakyat Johor yang terlibat dalam dugaan ini. Jumlah mangsa banjir di Johor mencecah lebih daripada 50 ribu orang apabila mangsa-mangsa banjir telah dipindahkan ke 268 buah Pusat Pemindahan Sementara, PPS di seluruh negeri Johor. Bukit Batu juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan takziah dan bersimpati kepada mangsa-mangsa banjir di Johor dan saya percaya kerajaan negeri telah melakukan segala-galanya untuk menjamin keselamatan Bangsa Johor. Mudah-mudahan urusan mereka dipermudahkan dan kerajaan persekutuan dan juga kerajaan negeri dapat sama-

sama membantu. Di sini saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kerajaan persekutuan kerana telah memberi peruntukan sebanyak RM210 juta untuk membantu mangsa banjir di negeri Johor.

Sidang hadirin sekalian, jangan kita lupa golongan petani dan penternak juga adalah mangsa banjir apabila mereka dihadapi, mengalami kerugian dalam keadaan yang, apabila mereka dihadapi dengan kerugian besar. Ini kerana banjir berlaku hujung bulan Februari dan awal Mac. Petani-petani baru sahaja mula tanam dan semai tanaman mereka. Jadi mereka telah mengalami kerugian dalam keadaan yang tidak bersedia langsung. Saya ingin mencadang kepada Yang Berhormat Dato' EXCO Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar bahawa kerajaan negeri boleh melaksanakan sebuah inisiatif dengan memberikan baja kepada golongan pertanian dalam kadar subsidi.

Kesimpulannya Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin menekankan bahawa kita harus memperhatikan keperluan rakyat kita dan memastikan kebajikan mereka diletakkan di tempat. Saya yakin bahawa dengan bekerjasama, kita dapat mencapai penyelesaian yang efektif bagi isu rakyat dan memberikan kepuasan kepada rakyat yang kita wakili. Saya berharap agar perbahasan kita hari ini dapat menghasilkan keputusan yang positif dan memberi manfaat kepada rakyat negeri Johor kita. Terima kasih kepada semua anggota PDRM, Bomba, APMM, JKN, KKM, NGO dan sukarelawan yang telah membantu dalam usaha bantuan banjir. Ini depan di mata-mata saya tiga hari di Bukit Batu, PPS Bukit Batu, PPS Air Manis, PPS SJKT Oil Palm. Mereka semua ini bertungkus lumus dari pagi sampai malam, tidak putus untuk menolong mangsa-mangsa banjir. Tidak cukup kata-kata untuk menyatakan rasa terima kasih kami atas masa, tenaga dan usaha yang anda berikan untuk membantu penduduk yang terjejas banjir. Saya amat menghargai semangat kerja berpasukan yang telah anda tunjukkan dalam situasi sukar ini. Anda telah membuktikan bahawa dengan kebersamaan dan perpaduan, kita boleh mengatasi cabaran dan menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan. Sekali lagi, terima kasih banyak atas kerja keras anda. Semoga Tuhan membalas segala jasa baik anda dan memberi keberkatan dalam kehidupan. Saya seru kepada semua, terima kasih, maju bersama Bukit Batu.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Bukit Batu. Disambung Yang Berhormat Tanjung Surat.

YB Tuan Aznan bin Tamin (Tanjung Surat) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Maju Johor, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker. Alhamdulillah dengan izin dan inayahNya saya masih lagi berdiri di sini untuk mengambil bahagian dalam rundingan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dalam Persidangan Dewan yang mulia ini.

Pertamanya Tanjung Surat ingin terlebih dahulu merafak sembah dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku merasmikan Dewan Negeri yang mulia ini. Daulat Tuanku.

Tanjung Surat juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, EXCO Kerajaan Negeri dan agensi-agensinya kerana berjaya menguruskan bencana banjir dengan baik dan sempurna.

Yang Berhormat Datuk Speaker, setiap kali saya berdiri saya pasti akan menyentuh perkara berkenaan Projek RAPID Pengerang kerana projek ini berada dalam kawasan saya. Seperti kita semua sedia maklum Projek RAPID Pengerang ini merupakan projek mega, telah terbukti memberi impak positif kepada penduduk setempat dari segi pembangunan, ekonomi kawasan sekitar, infrastruktur dan ratusan ribu peluang pekerjaan kepada anak muda.

Namun begitu, adalah lumrah dalam kehidupan setiap sesuatu mesti mempunyai pro dan kontranya, setiap sesuatu pembangunan mesti ada kos lepasnya, setiap kejayaan pasti ada pengorbanannya.

Kejayaan projek ini disusuli dengan pengorbanan hampir 4,000 keluarga dari 10 buah kampung perlu berpindah ke Taman Bayu Damai untuk memberi laluan kepada projek ini. Antara masalah yang masih tiada penghujungnya dan seolah-olah dilupakan ialah kerosakan dan keretakan rumah, kerosakan jalan, sistem pembetulan dan sistem perparitan. Masih banyak rumah rosak yang dibiarkan, masih banyak berlaku kejadian tanah mendap. Saya khuatir jika dibiarkan akan timbul masalah lain pula seperti tempat pembiakan nyamuk aedes, menjadi sarang penagih dan lain-lain lagi.

Perkara ini juga sering dibangkitkan beberapa kali sebelum ini. Jadi, saya mohon kepada kerajaan negeri agar memberi tumpuan terhadap isu-isu yang saya sebutkan tadi. Selain itu, apa yang lebih penting ialah kita mencari punca sebenar masalah tersebut supaya masalah ini benar-benar dapat diatasi secara total dan tidak berulang lagi. Jadi di sini saya juga mohon agar terdapat kajian khusus yang dijalankan terhadap isu mendapan tanah.

Selain itu, isu keselamatan penduduk sekitar juga antara perkara yang kerap saya bangkitkan. Projek-projek seperti ini, projek RAPID ini merupakan projek yang amat berisiko dan saya gesa supaya setiap maklumat-maklumat penting seperti info keselamatan, kesihatan dan impak-impak projek yang baru perlu disalurkan kepada ADUN kawasan supaya kami sebagai Wakil Rakyat boleh menyampaikan maklumat tersebut kepada penduduk dan kami juga boleh memberikan jawapan yang tepat sekiranya mendapat pertanyaan dari penduduk.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, usaha menarik pelaburan berkualiti tinggi perlu seiring dengan usaha melahirkan ramai tenaga mahir di negeri Johor untuk mengatasi masalah pengangguran *mismatch* dan juga pekerjaan bergaji rendah. Memetik kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, terdapat 51,944 kekosongan jawatan di Johor pada tahun lalu. Jumlah ini melebihi jumlah mencari pekerja iaitu seramai 34,278 orang. Keadaan ini sebenarnya menggambarkan wujud isu lain dalam sektor pekerjaan di negeri kita seperti isu *mismatch* atau ketidakpadanan kerja dan juga penawaran pekerjaan berpendapatan tinggi yang masih kurang untuk tenaga kerja tempatan. Isu ketidakpadanan pekerjaan ketika ini amat serius menurut kajian dari seorang pensyarah dari Pusat Pengajian Ekonomi Kewangan Dan Perbankan UUM setiap tahun kemasukan graduan ke dalam pasaran pekerjaan adalah sekitar 300,000 orang namun hanya 90,000 orang yang diambil bekerja. Jika dibuat tinjauan, kebanyakan mereka merasakan pendapatan yang mereka perolehi tidak setimpal dengan kelayakan dan kemahiran yang mereka miliki. Sebenarnya, jika ditinjau rakyat Johor khususnya Orang Muda Johor tidak kisah sangat berkenaan status pekerjaan tetapi apa yang mereka mahukan ialah pekerjaan yang memberikan pendapatan tinggi kepada mereka. Sebab itulah kita lihat ramai rakyat negeri di Johor ini lebih rela bekerja di Singapura.

Pada pendapat saya salah satu penyelesaian untuk masalah ini ialah kita perlu membawa masuk lebih banyak pelaburan yang berkualiti tinggi supaya syarikat-syarikat ini boleh mewujudkan peluang pekerjaan yang bergaji tinggi kepada rakyat negeri Johor. Seperti kita semua tahu, Johor telah menerima pelaburan besar tahun 2022 iaitu kira-kira RM60.9 bilion. Saya melihat ini adalah peluang untuk kita memperbanyakkan penawaran pekerjaan bergaji tinggi kepada tenaga tempatan. Seperkara lagi yang perlu diteliti ialah tahap kesediaan tenaga kerja itu sendiri. Jadi, di sini jelas bahawa usaha membawa masuk pelaburan berkualiti tinggi perlu seiring dengan usaha meningkatkan jumlah tenaga mahir di negeri Johor. Dalam hal ini saya ingin mencadangkan bahawa kerajaan negeri boleh menjadikan Pusat khidmat wakil rakyat di setiap DUN sebagai pusat maklumat untuk mendapatkan maklumat berkaitan pekerjaan dan kursus-kursus kemahiran yang berkaitan yang

ditawarkan oleh kerajaan. Agensi-agensi terlibat juga perlu menghantar pegawai untuk sama-sama memberi maklumat secara terus kepada Wakil Rakyat. Kita perlu bersedia dari aspek tenaga mahir untuk melengkap keperluan pekerjaan dan pelaburan yang bakal masuk. Kita perlu sama-sama memastikan negeri Johor mampu menjadi sumber utama tenaga mahir lebih-lebih lagi dalam bidang minyak dan gas kerana projek terbesar minyak dan gas adalah terletak di negeri Johor. Bekalan tenaga mahir yang mencukupi juga secara tidak langsung akan meningkatkan keyakinan para pelabur seterusnya dapat menarik lebih banyak pelaburan berkualiti tinggi di negeri ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita perlu akui bahawa masih ramai di antara ibu bapa di luar sana yang masih menganggap TVET adalah satu bidang kelas kedua atau pilihan kedua. Kita perlu sedar bahawa bidang TVET menyediakan peluang pekerjaan yang banyak dengan gaji yang agak lumayan. Menurut kajian, berdasarkan pengesanan graduan TVET Malaysia keboleh pasaran graduan kemahiran adalah lebih tinggi berbanding dengan graduan universiti yang mempunyai Diploma, *Degree*, *Master* dan PhD. Namun begitu, persoalannya mengapakah TVET masih lagi menjadi topik utama setiap kali musim pengumuman perbelanjaan baik kerajaan persekutuan mahupun kerajaan negeri? Antara isu yang kerap diperkatakan ialah isu gaji yang tidak setimpal diterima oleh graduan TVET. Ketidakeragaman antara kementerian dan agensi yang menguruskan TVET kadar *enrollment* atau penyertaan yang rendah dan juga kesanggupan pihak swasta atau GLC untuk menjadi tempat graduan TVET menjalani latihan industri. Dalam hal ini kita boleh lihat kerajaan sentiasa berusaha untuk menambah baik sistem TVET ini setiap tahun pelbagai MOU ditandatangani bersama pihak swasta, pelbagai perbincangan bersama pihak penyelia TVET bersama pihak swasta, pihak rakan universiti dan lain-lain lagi.

Namun, saya melihat salah satu isu pokok kepada semua ini ialah gaji yang diterima graduan. Walau pun hampir 90% graduan TVET memperolehi pekerjaan tetapi 90% daripada mereka meraih gaji sekitar RM1,500.00 hingga RM2,000.00 sebulan. Sekiranya gaji yang ditawarkan rendah, bagaimana untuk kita menarik lebih ramai anak muda menyertai TVET selepas melalui proses pembelajaran yang lama mereka hanya diberi gaji sebanyak itu. Mereka layak menerima gaji yang bermaruah kerana mereka merupakan golongan tenaga pekerja mahir. Jika tidak TVET akan terus menjadi pilihan kedua kepada para ibu bapa dan penyelia atau institusi TVET akan terus berdepan dengan masalah kekurangan *enrollment* dalam bidang TVET.

Baru-baru ini Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi telah menyatakan bahawa majikan atau pemain industri disarankan memberi gaji minimum RM3,000.00 sebulan untuk graduan atau pekerja berkemahiran tinggi yang telah mengikuti kursus TVET. Saya menyambut baik cadangan ini dan mungkin satu hari nanti perkara ini perlu diperundangan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan arus pemodenan dan tuntutan pendidikan yang semakin kompleks ketika ini saya harap kerajaan negeri terus memperkasakan sistem pendidikan sekolah agama di negeri ini dalam usaha melahirkan modal insan yang cemerlang dunia dan akhirat. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri khususnya di bawah Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri yang sentiasa berusaha memberi dan menyediakan kemudahan terbaik di sekolah agama demi keselesaan semua pihak. Saya dimaklumkan bahawa sehingga tahun lepas tiada sekolah agama yang usang direkodkan. Saya ingin bertanya, apakah kriteria-kriteria yang diambil kira dalam mengklasifikasikan sesebuah sekolah agama sebagai sekolah usang? Saya juga ingin bertanya apakah perkembangan terkini inisiatif pemasangan *Wi-fi* di sekolah-sekolah agama. Adakah semua sekolah agama dalam negeri Johor akan menerima *Wi-fi* tersebut? Saya juga mohon YB EXCO meneliti tahap kemudahan kerusi dan meja di setiap sekolah agama kerana saya menerima banyak permohonan untuk menukar kerusi dan meja yang dikatakan telah uzur oleh sekolah-sekolah agama di kawasan saya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai Presiden Majlis Belia Negeri Johor yang baru diangkat pada penggal ini Belia Bangsa Johor ibarat pemegang taruh utama negeri Johor. Data tahun 2022 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa hampir separuh penduduk Johor adalah generasi muda atau belia yang mewakili sebanyak 45.1% daripada jumlah 4.0 juta penduduk keseluruhan negeri Johor. Belia akan memberi impak secara langsung kepada pertumbuhan ekonomi negeri Johor melalui sumbangan sektor pekerjaan yang disertai golongan ini selain kadar perbelanjaan dan pendapatan mereka. Justeru, setiap perancangan dasar dan polisi kerajaan negeri wajib mengambil kira peranan belia.

Tahniah pada Yang Berhormat EXCO Belia, JOYDEC, Jabatan Belia Sukan di setiap daerah dan semua agensi berkaitan belia sentiasa bergerak proaktif membangunkan belia-belia Bangsa Johor dalam pelbagai aspek. Dengan Duli Yang Amat Mulia Mejar Jeneral Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor, Penaung Majlis Belia Negeri Johor pelbagai inisiatif telah dan sedang berjalan pada masa yang tepat dalam usaha melahirkan belia Bangsa Johor cemerlang dari setiap aspek. Dalam usaha membangunkan belia negeri Johor salah satu aspek yang perlu diberi perhatian ialah pemantapan aspek kepimpinan dan kemajuan kelab-kelab dan persatuan belia di negeri Johor. Dalam hal ini, saya mohon kerajaan negeri mempertimbangkan pemberian peruntukan dan bantuan-bantuan oleh kelab-kelab dan persatuan belia di negeri Johor terutamanya bantuan kewangan. Hal yang demikian saya dapati tiada butiran peruntukan kewangan untuk kelab-kelab dan persatuan belia dalam belanjawan kerajaan negeri pada tahun 2023.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin menyentuh sedikit perkara berkaitan dengan usahawan. Di negeri Johor ini, kawasan luar bandarnya masih banyak termasuklah FELDA-FELDA. Di kawasan saya sendiri selain nelayan antara kegiatan ekonomi penduduk ialah berniaga. Masih ramai peniaga kecil yang berniaga di tepi jalan dan ruang *parking*. Jadi saya mohon agar agensi terbabit dapat memastikan penempatan peniaga-peniaga ini khususnya peniaga bumiputera di dalam kemudahan premis dan prasarana perniagaan. Tak perlu lagilah berjual di tepi jalan.

Saya ucapkan berbilang terima kasih kepada pihak KEJORA yang sentiasa bergerak membantu peniaga-peniaga di kawasan saya dan juga menganjurkan pelbagai program yang telah dapat meningkatkan sosioekonomi penduduk DUN Tanjung Surat. Saya juga mohon agar pihak KEJORA dapat meningkatkan lagi pengembangan projek-projek sosioekonomi kepada projek-projek komersial. Perbanyakkan juga program-program yang boleh mengupayakan usahawan-usahawan desa supaya mereka boleh mengkomersialkan produk mereka kerana di kawasan ini banyak potensi dan industri yang boleh diperkembangkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ekoran masalah banjir terjadi beberapa buah rumah di kawasan FELDA yang mana kerosakan rumah dan juga kejadian tanah runtuh. Mereka mengalami kerugian yang sangat besar namun buntu kerana tidak tahu ke mana tempat yang perlu dituju untuk membuat aduan. Saya merujuk permasalahan ini kepada pihak FELDA dan pihak FELDA menyatakan bahawa mereka tiada peruntukan untuk membaik pulih kawasan rumah terlibat dengan tanah runtuh kerana ia melibatkan kos yang besar. Jadi, saya harap kerajaan negeri melalui agensi-agensi yang terlibat dapat mencari solusi terbaik untuk mengatasi masalah tanah runtuh yang sering kali melanda penduduk sama ada di kawasan FELDA mahupun kawasan kampung tradisi.

Saya juga mahu membangkitkan isu penyelenggaraan jalan raya di kawasan kampung. Saya kerap mendapat aduan rumput lambat dipotong selain mencerminkan landskap yang kurang menarik. Kadang kala menimbulkan situasi bahaya kepada pengguna jalan raya. Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir sekali saya berharap semua isu yang dibangkitkan dapat diselesaikan demi kesejahteraan rakyat dan pembangunan Negeri Johor

Darul Ta'zim yang kita cintai. Sekian sahaja, saya akhiri ucapan saya dengan ucapan wabillahi taufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Tanjung Surat. Seterusnya, dijemput Yang Berhormat Kemelah.

YB Puan Saraswati a/p Nallathamby (Kemelah) : Salam Muafakat Johor, salam Segamat selamat, salam Maju Johor dan salam keluarga Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker kerana memberi peluang dan ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-15. Sebelum lidah ini berbicara dengan lebih panjang izinkan Kemelah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim yang telah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-15 pada Khamis yang lalu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, maka memulakan ucapan perbahasan pada hari ini tidak ada frasa yang lebih baik untuk saya tuturkan di Dewan yang mulia ini selain ucapan tahniah yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar selaku pemimpin tertinggi dalam tadbir negeri Johor yang telah berusaha keras seperti titah oleh Duli Yang Maha Mulia kerana telah meletakkan semula Kerajaan Negeri Johor di tangga nombor 1 bagi pelaburan tertinggi yang diluluskan pada tahun 2022 sebanyak RM70.6 bilion. Tahniah Kemelah ucapkan di atas pencapaian terbaik ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, maka mendukung hasrat yang sama dalam kejayaan besar yang dibawa oleh pemimpin kita ini, Kemelah ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini terhadap beberapa perkara yang cukup penting dan perlu diutamakan oleh kita semua selaku pemimpin yang diberi amanah dan tanggungjawab membawa harapan besar kepada penduduk di kawasan Kemelah. Melihat kembali pada titah Duli Yang Maha Mulia dua minggu lepas negeri kita telah ditimpa musibah bencana banjir yang sangat besar. Sehingga berlakunya banyak kerosakan bukan sahaja harta benda awam, harta benda persendirian bahkan telah meragut beberapa nyawa dalam tempoh bencana ini. Kemelah juga merakamkan dukacita kepada keluarga mangsa telah terlibat dalam bencana ini serta takziah kepada sebuah keluarga di Sabah kerana anaknya telah meninggal dunia akibat renjatan elektrik ketika sedang melakukan usaha murni membersihkan Sekolah Kebangsaan Pogoh, DUN Kemelah pada minggu yang lalu. Semoga keluarga beliau reda dengan kemalangan tersebut.

Jika diimbaz kembali isu banjir ini, kita semua sedar bahawa taburan hujan kali ini begitu banyak tidak seperti tahun yang lalu dan hanya dalam tempoh yang singkat kurang dari 48 jam, Kemelah telah dipenuhi air di serata pelosok kampung sehingga menyebabkan banyak jalan terputus hubungan dalam tempoh tersebut. Perkara ini menyebabkan banyak PPS telah dibuka secara segera dan semestinya kita akur dalam keadaan yang memaksa mangsa pindah segera. Pelbagai masalah timbul tidak seperti banjir yang lalu. Kita lebih bersedia dalam semua permasalahan. Sepanjang banjir ini melanda, Kemelah telah mencatatkan sebanyak 17 buah PPS telah dibuka secara berturut turut dan ada yang telah ditutup dan dibuka kembali bahkan ada PPS yang belum sempat pulangkan barang keperluan bencana dahulu telah digunakan semula dalam waktu terdesak ini. Bagi 17 buah PPS ini, Kemelah merekodkan sebanyak 270 buah keluarga yang melibatkan sebanyak 1,490 mangsa banjir hanya dalam tempoh 1 minggu tersebut. Jumlah ini agak banyak kerana ada beberapa tempat yang tidak pernah dinaiki air sebelum ini terlibat dengan banjir sehingga mereka hadir ke PPS dalam keadaan sehelai sepinggang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara utama Kemelah lihat ialah bekalan asas yang sampai lewat di PPS terputus hubungan seperti Kampung Codan, Kampung Pogoh Tengah,

Kampung Tekam dan beberapa buah PPS yang lain. Sebelum ini, mungkin pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat telah bersedia awal dengan membekalkan bekalan pengkalan hadapan akan tetapi kali ini banjir di luar jangka dan begitu ramai mangsa tinggal di PPS tanpa bekalan makanan asas sehingga terpaksa berlapar hingga ke petang. Kemelah yakin dan percaya bahawa, maaf. Kemelah yakin dan percaya sahabat ADUN lain turut mengalami isu serupa dan semestinya. Kami yang telah diamanahkan akan terus menyantuni mangsa-mangsa ini dalam kadar seberapa segera bagi meringankan beban mangsa serta jabatan kerajaan yang terlibat. Dalam pada ini, Kemelah ingin menarik perhatian yang mulia tentang kedudukan PPS yang kurang *relevant* memandangkan tempat itu sendiri terlibat dengan banjir. Seperti di Kemelah, Sekolah Agama Taman Pelangi, Paya Pulai telah menempatkan seramai 826 mangsa dengan 87 buah keluarga. Namun, pada masa yang sama sekolah itu dinaiki air sehingga paras tingkatan satu sekolah tersebut.

Bagi PPS di Kampung Codan pula, Kemelah rasa bersyukur ada seorang insan berhati mulia memberi keizinan untuk tinggal di kawasan syarikatnya dengan nama bangunan Syarikat Paduan untuk di diami oleh 16 buah keluarga dengan jumlah 66 mangsa sepanjang tempoh banjir ini melanda. Meskipun seperti ini sudah menjadi tradisi tahunan, acap kali banjir tempat ini dijadikan PPS. Kemelah masih berharap agar kerajaan menilai dan meneliti semua fasiliti yang lebih baik untuk mereka memandangkan Kampung Codan antara kampung terawal dinaiki air dan terakhir akan pulang ke rumah masing-masing setiap tahun.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berkata tentang banjir ini ada juga masalah baru setelah bencana ini hadir secara cepat baru-baru ini. Dalam DUN Kemelah, isu bekalan air terputus sudah berlarutan sepanjang beberapa tahun. Tambahan pula, banjir kali ini makin menyedihkan apabila terdapat beberapa saluran air utama telah musnah dek air yang deras waktu itu. Antara kawasan yang terlibat ialah FELDA Kemelah, Kampung Tekam, Kampung Pogoh, Kampung Codan dan beberapa buah perkampungan rangkaian di situ. Kemelah juga tidak lupa mengucapkan jutaan terima kasih atas prihatin SAJ Ranhill yang saya yakin mereka tidak putus-putus berusaha bagi memastikan bekalan air bersih dapat disalurkan kepada mangsa-mangsa terlibat. Meskipun begitu, sebagai Wakil Rakyat, Kemelah juga mengambil pelbagai inisiatif awal selain menghantar air bersih bagi kegunaan harian untuk minuman dan masakan terdahulu sementara menanti bekalan air tersebut dihubungkan sebaik setelah rosak dibadai air besar. Kita semua maklum bekalan air bersih adalah penting bagi setiap orang dan kejadian ini boleh ditafsirkan sebagai kejadian luar jangka meskipun pernah dilaporkan sudah terlalu lama berlaku namun masih lagi di takuk lama. Bagi permasalahan bekalan air sebelum banjir pula, saya pernah dimaklumkan sebelum ini, peruntukan telah disediakan untuk permasalahan ini. Namun, ia masih lagi belum dapat diselesaikan. Kemelah berharap setelah insiden bekalan air terputus sehingga mencecah 13 hari di kampung pedalaman pada banjir kali ini, ianya dapat disegerakan agar tidak berulang kembali di masa akan datang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mengambil ruang yang sama ini juga saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk mengkaji semula peruntukan baharu yang lebih bersesuaian setelah mengambil kira dari segi aspek pengurusan kerja-kerja dalam kawasan FELDA. Dalam bencana banjir kali ini, terdapat sebuah jambatan dalam FELDA Kemelah telah terputus dan perkara ini menyebabkan peneroka tidak dapat membawa keluar hasil pertanian mereka sekali gus memberi kesan kepada pendapatan peneroka bulan ini. Oleh yang demikian, Kemelah berharap sekiranya terdapat kelulusan seperti baik pulih jambatan di FELDA Kemelah ini dapat disegerakan dan mengambil kira aspek kegunaan harian penduduk dalam FELDA tersebut. Kemelah juga ingin mengetengahkan tentang penternak-penternak dalam DUN Kemelah. Memandangkan DUN ini terletak di luar bandar, kebanyakan penduduk kampung menyara hidup melalui pertanian, nelayan dan menternak haiwan. Akibat banjir besar ini bukan sahaja tanaman musnah akan tetapi ternakan mereka juga tidak ketinggalan turut sama musnah dibawa arus deras yang muncul

secara mendadak. Kejadian ini mengakibatkan penternak haiwan seperti kambing, lembu, kerbau, ayam telah mengalami kerugian besar dan mereka amat memerlukan sokongan awal untuk memulakan semula usaha ternakan ini.

Oleh itu, Kemelah berharap kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang begitu peka tentang kebajikan Bangsa Johor untuk meneliti bantuan-bantuan berbentuk ternakan agar mangsa banjir ini tidak rasa terlalu terbeban atas kehilangan punca pendapatan mereka sebelum ini. Meskipun kita tidak dapat menyalurkan bantuan kewangan secara terus kepada penternak-penternak ini, namun begitu Kemelah melihat perlunya kerajaan mengambil kira tentang permasalahan terpencil ini kerana ianya masalah besar bagi penduduk luar bandar, amnya seperti dalam DUN Kemelah.

Dalam Dewan yang mulia ini, Kemelah ingin menzahirkan ucapan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua Ketua-Ketua Kampung, Penghulu, ketua cawangan, ketua bahagia, sayap Parti Politik, Ketua Masyarakat, JKM, APAM, MPS, Bomba, IPD, RELA, Pejabat Kesihatan, Pejabat Daerah, Jabatan Penerangan, nelayan-nelayan, NGO serta semua yang terlibat dalam misi bantuan banjir DUN Kemelah. Sesungguhnya pengorbanan anda semua tidak ternilai harganya dan bantuan sokongan semua amat Kemelah hargai.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bercakap mengenai fasiliti perubatan ini, tidak pernah mendapat kesempurnaan secara keseluruhan kerana faktor kesihatan perkara utama yang akan dilalui oleh setiap insan tidak kira golongan B40 mahu pun golongan T20. Baru-baru ini Hospital Segamat telah menerima sebuah bangunan tambahan yang terletak bersebelahan Hospital Segamat sedia ada. Bangunan baru ini dilengkapi dengan pelbagai mesin yang lebih canggih dan semestinya Kemelah mengimpikan servis yang lebih efisien dari sebelum ini. Dapat juga disediakan selari dengan peningkatan perkhidmatan yang disediakan di Hospital Segamat. Pada hemat saya, andainya kita telah memiliki bangunan tambahan baharu, maka seharusnya kita juga telah menemui jalan keluar untuk membantu menyelesaikan lebih banyak masalah perubatan seperti kekurangan doktor pakar, jururawat serta juga ambulans. Saya difahamkan setakat ini, Hospital Segamat hanya mempunyai 6 buah ambulans sahaja. Dan terpaksa beri khidmat bukan sahaja untuk penduduk Segamat bahkan pesakit dari Gemas, Bahau dan daripada kawasan yang jauh daripada Segamat. Semestinya lebih ramai pesakit yang memerlukan perubatan di Hospital Segamat dan jika hanya membekalkan 6 buah ini, tidak mencukupi bagi melancarkan urusan perubatan dalam tempoh segera. Kemelah berharap kemudahan fasiliti kesihatan seperti ambulans dapat diutamakan juga kerana ramai pesakit mengadu terpaksa menunggu dari pagi hingga petang semata-mata untuk menanti ambulans kosong untuk dipindahkan ke Hospital Johor Bahru. Perkara ini perlu dipandang serius dan seharusnya ianya tidak berulang sebaik sahaja bangunan tambahan baharu Hospital Segamat ini beroperasi kelak.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam DUN Kemelah terdapat dua buah FELDA iaitu FELDA Redong dan FELDA Kemelah. Pada masa sama kedua-dua buah FELDA ini masih lagi menuntut dan ternanti nantikan lot-lot tanah bagi Generasi Kedua ini. Sehingga hari ini, Generasi Kedua FELDA Redong dan FELDA Kemelah masih menanti racikan terkini untuk dikurniakan kepada mereka. Saya difahamkan perkara ini masih lagi dalam proses di mana penempatan lebih 100 penerima bagi kedua-dua FELDA tersebut. Kemelah berharap seiring dengan inisiatif Belanjawan yang dibentangkan terdahulu, perkara seperti ini dapat memberi lebih kemakmuran dan kesejahteraan kepada Generasi Kedua di masa akan datang. Ada juga tanah yang telah diusahakan oleh peneroka FELDA boleh diteruskan oleh Generasi Kedua dan ada juga Generasi Kedua yang masih kosong tidak mempunyai asas dan hanya berharap agar kelulusan tapak tanah Generasi Kedua dapat dikurniakan dalam tempoh yang terdekat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, jika direnung kembali di persekitaran DUN Kemelah, banyak kawasan industri terletak dalam DUN ini jika dibandingkan dengan DUN berdekatan

Kemelah. Meskipun begitu industri ini masih lagi di takuk lama yang tidak dapat berkembang pesat seiring dengan peningkatan pengeluaran produk mereka memandangkan isu-isu asas tidak selesai sehingga hari ini. Terdapat sebuah kawasan luas yang sepenuhnya mengusahakan pelbagai produk di Segamat Inland Port masih lagi mengalami masalah bekalan elektrik walaupun sudah berkali-kali kertas kerja cadangan diutarakan kepada pihak berkaitan demi kestabilan bekalan elektrik di kilang mereka.

Kawasan Segamat Inland Port ini menempatkan pelbagai jenis kilang dan saya sendiri telah menerima cadangan dari pelabur luar untuk mengusahakan kilang baharu di terminal tersebut. Namun, agak mendukacitakan bila mereka membuat analisis terdapat masalah utama yang menyebabkan mesin tidak dapat beroperasi mengikut jadual kerana bekalan elektrik kerap terganggu di kawasan ini. Kemelah mencadangkan agar sekiranya stesen elektrik tidak dapat dibina dalam skala yang besar dapatlah kiranya bekalan elektrik di bekalkan tanpa gangguan yang kerap memandangkan mesin-mesin besar ini memerlukan voltan terlebih tinggi dari kegunaan harian kita di rumah seperti bila, serta bila terganggu hasil produk juga kurang berkualiti.

YB Timbalan Speaker : Kemelah, masa.

YB Puan Saraswati a/p Nallathamby (Kemelah) : Sekian, terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Salam Berpuasa.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Kemelah. Dijemput Yang Berhormat Pulai Sebatang.

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan (Pulai Sebatang) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Maju Johor, salam Makmur Bersama Rakyat. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, pertamanya saya ingin menjunjung kasih atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim dan juga atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah berkenan merasmikan pembukaan Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor ini.

Seterusnya saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas peluang dan ruang yang diberikan kepada saya untuk perbahasan kali ini yang mana saya hanya akan menyentuh dua perkara sahaja iaitu pertamanya berkaitan dengan isu banjir dan yang keduanya berkenaan dengan penerapan nilai-nilai murni yang berkisar tentang tanggungjawab masyarakat terhadap menjaga kebersihan dan kebersihan ini juga dia ada bersangkutan paut dengan banjir Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, bila kita bercerita tentang isu banjir ini. Sebenarnya banjir ini ada dua kategori. Kategori yang pertama adalah kategori banjir besar. Yang mana banjir besar ini sebenarnya dia berlaku selang di antara 15 hingga 20 tahun. Saya yakin dengan pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Onn Hafiz Ghazi selaku Menteri Besar Johor, projek-projek serta perancangan bagi mengatasi masalah banjir ini telah pun ada dalam perancangan. Dan kita pun tahu bahawa Yang Amat Berhormat Menteri besar Johor juga bercadang mewujudkan Jawatankuasa Perubahan Iklim Dan Pengurusan Banjir. Johor dilanda banjir besar pada tahun 1986, 20 tahun kemudian tahun 2006 kita dilanda lagi sekali banjir besar dan 17 tahun selepas 2006 tahun ini kita sekali lagi dilanda banjir besar. Cuma agak menjadi persoalan bila dulu Johor dilanda banjir besar pada tahun 1986, 20 tahun kemudian kita dilanda banjir besar pada tahun 2006. Apakah perancangan kerajaan negeri ketika itu kalau misalnya banjir berlaku lagi dan nampaknya memang banjir ini berlaku pada tahun ini dan sekiranya kalau ketika itu ada perancangan sudah pastinya ianya tidak berapa menjejaskan dan tidak melibatkan kerugian besar yang mana kita alami sekarang ini.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, jadi saya mengharapkan perancangan projek tebatan banjir ini dapat dijelaskan di dalam Dewan ini bila nak mula? Bila nak siap? Kawasan mana yang nak dibuat? Kalau dibuat pun dekat kawasan itu dia boleh mencakupi keluasan seberapa besar dan sekiranya berlaku lagi banjir, 15 atau 20 tahun akan datang apakah impak positif yang kita akan dapat hasil daripada perancangan projek yang kita nak rancang nak buat ketika ini.

Tadi kategori pertama banjir besar, kategori banjir kedua banjir kilat, acara tahunan. Saya bual-bual dengan kawan-kawan ADUN ni Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, semua setuju kalau dulu, kalau hujan lebat makin nyenyak tidur. Sekarang ini kalau hujan lebat makin tak nyenyak nak tidur. Bukan hanya kami ADUN-ADUN, ketua-ketua jabatan juga begitu kerana apa sebab takut banjir kilat. Dalam kita bercerita untuk menangani masalah banjir yang berlaku sekarang ini, sebenarnya memang hakikatnya kita ini mengalami masalah banjir ini setiap tahun dan setiap tahun bukan hanya sekali. Contoh macam kawan saya YB ADUN Pekan Nanas, setahun saya rasa dekat 3, 4 kali banjir kilat. Ada banjir yang disebabkan kerana adanya pembangunan, ada banjir yang disebabkan kerana penerokaan kawasan hutan yang tidak dikawal, ada banjir disebabkan kerana longkang sumbat, ada banjir disebabkan kerana sungai tidak digali dan sebagainya. Dan sudah pastinya bertambah buruk banjir kilat ini kalau berlakunya air pasang besar. Bertahun berlaku tapi yelah dah namanya acara tahunan kan, tapi kalau pun namanya banjir acara tahunan takkan takda perancangan, takkan tak ada solusi, banjir besar tadi kita kata ada perancangan tebatan banjir dan sebagainya. Adakah projek mengatasi masalah banjir besar itu akan dapat membantu masalah banjir kilat ataupun banjir acara tahunan ini. Saya rasa EXCO Perumahan dengan bantuan PBT dan juga Pejabat Daerah, saya rasa kita perlu ada rekod yang *proper*, kita ada perlu data yang *proper* yang mana kita kena ada rekod kawasan mana yang terlibat dengan banjir, kita kena ada rekod kawasan mana yang dulu banjir sekarang tak banjir, kita kena ada rekod kawasan mana yang kawasan banjir baru supaya rekod-rekod ini dapat memberikan data kepada kerajaan negeri supaya dapat mengukur tahap prestasi sejauh mana kerajaan Johor dapat menyelesaikan isu banjir kilat ini.

Untuk isu banjir kilat ini saya ada beberapa cadangan untuk dibentangkan di dalam Sidang Dewan ini. Kita tahu Pejabat Daerah dia tidak ada peruntukan khas kecemasan banjir tetapi kalau berlaku banjir, Pejabat Daerah boleh mohon bila-bila aje dekat pejabat MB, cuma isunya nak mohon tu dia ambil masa, orang kampung ini kalau banjir, la tu juga dan-dan tu juga dia nak minta kita gali parit, la tu juga, dan-dan tu juga dia nak minta kita gali sungai. Jadi saya rasa adalah elok sekiranya adanya peruntukan khas kecemasan banjir ini yang mana kita tahu memang berlaku pun saban tahun. Kalau kita lambat gali sungai, kalau kita lambat gali parit, kalau boleh hari ini banjir orang kampung nak minta kita gali hari ini juga. Makin lambat kita gali, kalau dekat kawasan pedalaman ini dia bukan banjir masuk rumah sahaja dia juga banjir dalam kawasan-kawasan kebun dan tanaman orang kampung. Makin lambat kita menyelesaikan isu banjir ini makin tinggi risiko tanaman-tanaman orang kampung untuk rosak.

Jadi makin tinggi kerugian yang akan dialami oleh orang-orang kampung. Kalau dekat Pulau Sebatang ini JPS lah kesihatan. Kalau banjir aje cari JPS. Senyum rakan saya dekat sebelah ini. Kalau banjir je cari JPS bukan JPS tak nak bantu, bukan JPS tak nak tolong tetapi JPS ini nak bantu pun kalau peruntukannya tak cukup macam mana JPS nak bantu. Orang kampung kadang dia tak faham yang dia tahu tolong selesaikan isu masalah banjir dia. Jadi di dalam Jabatan JPS ini sebenarnya dia ada sumber, dia ada 2 sumber peruntukan yang diterima oleh JPS. Satu daripada kerajaan Persekutuan yang mana kerajaan persekutuan ini bagi peruntukan lebih kepada untuk mengatasi masalah sungai-sungai. Yang kedua JPS dapat peruntukkan daripada kerajaan negeri yang mana peruntukan ini berbentuk penyelenggaraan bagi parit-parit tanah kawasan kampung. Kita

tengok, saya nak tengok untuk daerah Pontian dan saya yakin perkara ini berlaku, masalah ini berlaku sama bagi daerah-daerah lain. Bagi JPS daerah Pontian, tahun lepas kerajaan persekutuan bagi peruntukan sebanyak RM4 juta aje. RM4 juta nak *cover* apa dekat daerah Pontian. RM4 juta ini nak *cover* 12 batang sungai. 12 batang sungai ni panjangnya berapa, panjangnya 268.83 kilometer, berapa kos nak gali sungai-sungai dalam daerah Pontian, nak gali sebanyak 12 batang sungai sepanjang 268.83 kilometer ini, kosnya RM35.4 juta. *Federal* bagi baru RM4 juta. Berapa pula kos nak buat kerja-kerja pembersihan, dia sungai ini dia ada 2, Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, satu dia gali dia nak mendalamkan sungai tu. Itu skop kerja pertama.

Skop kerja kedua, dia buat pembersihan, pembersihan dari segi membersihkan rumput-rumput dan membuang halangan-halangan dalam sungai. Untuk gali tadi RM4 juta nak *cover* 12 batang sungai, nak bersihkan sungai ni pulak, 12 batang sungai nak bersihkan aje 12 batang sungai tu menelan belanja RM2.66 juta tapi dapat tadi RM4 juta aje. Macam mana JPS nak bantu, bukan JPS tak nak bantu tetapi peruntukannya terlalu sedikit. Dan kalau kita nak bersihkan sungai ini Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, ia bukan sepatutnya sekali setahun, tapi apa yang JPS boleh buat, JPS hanya boleh gali setahun sekali sahaja sebab peruntukan berlaku sedikit, sedangkan kita tahu dalam keadaan iklim Malaysia ini memang kalau rumput tu tumbuh subur tak sampai 2, 3 bulan dah tebal dah dia. Tapi banjir ni pula kalau kita gali bulan 1, kita sekarang ni banjir bulan 3, kalau kita gali bulan 3, bersihkan bulan 3, bulan 11, 12 kita banjir lagi. So rumput itu sepatutnya dibersihkan setahun paling kurang pun 3 kali setahun.

Jadi Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, itu tadi peruntukan di bawah kerajaan persekutuan. Peruntukan sumber kedua yang JPS ada adalah peruntukan di bawah kerajaan negeri. Jadi untuk daerah Pontian, saya bagi contoh bagi daerah Pontian, purata tahunan yang kalau JPS daerah Pontian dapat ini dalam RM5 juta setahun. RM5 juta setahun ini lebih kepada untuk menyelenggara parit-parit tanah dalam kawasan-kawasan jalan kampung di daerah-daerah. Sungai tadi *federal cover* tapi tak cukup baru RM4 juta perlukan tidak kurang RM38 juta. Untuk parit-parit tanah ini negeri tolong *cover*, berapa yang negeri bagi, negeri bagi untuk daerah Pontian anggaran setiap tahun dalam RM5 juta. RM5 juta ini boleh *cover* apa? RM5 juta ini hanya dapat *cover* 40% sahaja panjang parit tanah yang ada dalam daerah Pontian. Dalam daerah Pontian ini ada 1400 kilometer parit tanah dapat *cover* cuma 40% sahaja. Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, Datuk Timbalan Speaker, apa yang saya nak cadangkan di sini saya harap kerajaan negeri dapat bantu tambah duit peruntukan penyelenggaraan untuk JPS ini, saya faham kita minta tu mungkin kita tak boleh dapat semua tapi sekurang-kurangnya bantulah dari segi untuk menambahkan peruntukan sedia ada.

Yang keduanya di dalam Sidang Dewan yang lepas saya ada mencadangkan agar kerja-kerja penggalian parit tanah ini dipulangkan semula kepada ketua-ketua kampung. Sebab peruntukan tak cukup jadi ketua kampung aje yang lebih mahir dan lebih tahu parit mana yang nak kena gali dulu. Saya tak lah nak menafikan pegawai-pegawai dan kakitangan JPS sebab mereka ini tidak *round* macam ketua kampung. Jadi kalau dipulangkan semula kerja-kerja penggalian parit tanah ini kepada ketua kampung sekurang-kurangnya ketua kampung dapat membantu mengurangkan masalah banjir kilat yang berlaku di kawasan-kawasan kampung. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, selesai isu banjir, sebelum selesai isu banjir saya tutup isu banjir ini dengan pantun. Banjir melanda ianya ujian, moga tabah kukuhkan iman. Harap cadangan ini dipertimbangkan, wujudkan peruntukan khas kecemasan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, seterusnya berkaitan dengan nilai-nilai murni yang saya sebutkan di awal tadi. Kita sering mengutarakan tentang permasalahan berkaitan dengan cadangan penambahbaikan sistem perkhidmatan sedia ada, kita sering timbulkan isu masalah pasal jalan, hospital dan sebagainya namun saya rasa kali ini perlu juga kita

menyentuh isu berkaitan perkara nilai-nilai murni dan tata etika Bangsa Johor. Negeri Johor memerlukan generasi dan rakyat yang memiliki moral yang unggul dan berakhlak tinggi demi memelihara keharmonian perpaduan dan kemajuan pembangunan. Saya yakin negeri Johor akan lebih maju dan makmur sekiranya negeri ini memiliki masyarakat dengan ciri-ciri yang saya sebutkan tadi. Namun sejak akhir-akhir ini, mungkin apa yang saya sebutkan ini agak sensitif tapi saya rasa kita perlu bincangkan dalam Sidang Dewan ini. Saya perhatikan sejak kebelakangan ini nilai-nilai murni masyarakat Bangsa Johor itu semakin menipis. Kalau dulu-dulu masa saya kecik-kecik, kalau adalah binatang mati dekat tengah jalan ayah saya tak telefon Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah apa yang ayah saya buat dia ambil bangkai anjing tu tarik buang dan tanam. Tetapi perkara ini tidak berlaku sekarang ini mungkin ada tetapi semakin berkurangan. Banyak sebenarnya kalau kita nak cerita pasal nilai murni dan tata etika. Contoh saya yakin rakan-rakan ADUN sama ada di pihak kerajaan atau pun di pihak pengimbang kerajaan turun kawasan bagi bantuan. Jarang saya lihat kalau orang bersalin sekarang ini susah sidai lampin. Susah macam mana pun tetap nak *pampers*. Jadi nilai-nilai murni ini saya rasa kerajaan negeri bertanggungjawab membantu mengembalikan semula nilai-nilai murni ini dalam negeri Johor untuk Bangsa Johor.

Banyak kalau kita nak cerita isu nilai murni saya nak sentuh pasal isu kebersihan saja. Kita tahu Menteri Besar Johor melaksanakan Program Johor Bersih. Saya nak tanya pada kerajaan negeri, kita buat Johor Bersih ini, sejauh manakah sebenarnya perancangan kerajaan negeri nak meneruskan Program Johor Bersih ini? Sampai bila Menteri Besar Johor setiap Ahad nak kutip sampah? Apa rakyat bantu? Apa rakyat buat? Perkara ini kita perlu ambil berat dan perkara ini bukan hanya kita letakkan di bahu Menteri Besar Johor, EXCO-EXCO yang berkaitan juga perlu mengambil berat begitu juga dengan jabatan-jabatan. Kita perhebatkan kempen dan juga iklan, EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan perlu mainkan peranan, EXCO Pembangunan Keluarga dan Masyarakat perlu main peranan, EXCO Pendidikan perlu main peranan, EXCO Hal Ehwal Agama Islam perlu main peranan, EXCO Kesihatan dan Perpaduan perlu main peranan, EXCO Belia perlu main peranan, saya lihat sekarang ini *Digital Billboard* dah ada buat ayat *catchy* sikit, buang sampah ke daripada kereta? Tak malu? nak kena saman? Saya rasa perkara-perkara ini kita perlu buat. Mungkin kita buat hari ini, mungkin kita buat tahun ini kesannya bukan tahun ini atau tahun depan tetapi mungkin kesannya 5, 10 tahun akan datang. Sekurang-kurangnya Bangsa Johor ini menjadi bangsa yang boleh kita banggakan berbanding dengan negeri-negeri lain.

YB Timbalan Speaker : Masa Pulai Sebatang.

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan (Pulai Sebatang) : Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, saya mohon agar dalam penggulungan nanti EXCO yang berkaitan mungkin dapat menjawab persoalan sejauh manakah sebenarnya perancangan kerajaan negeri untuk meneruskan Program Johor Bersih ini supaya Bangsa Johor ini dapat kita terapkan nilai-nilai murni yang berkaitan dengan kebersihan. Sekian daripada saya Pulai Sebatang. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Pulai Sebatang. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga hari esok Selasa, 21 Mac 2023 jam 9.30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 5.04 petang.

PENYATA RASMI

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15**

HARI KEEMPAT

SELASA, 21 MAC 2023

BIL. 5 TAHUN 15

HADIR

YB Speaker,

Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, PJN., DSAP., PIS.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar

Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.
(Buloh Kasap)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, DIMP.
(Bukit Permai)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya

Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, KMN.
(Tenggaroh)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Puan Hajah Khairin-Nisa binti Ismail @ Md On
(Serom)

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam

Tuan Mohd Fared bin Mohd Khalid
(Semerah)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan

Tuan Ling Tian Soon
(Yong Peng)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna

Tuan Lee Ting Han
(Paloh)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur

Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh
(Bukit Pasir)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi

Cik Norlizah binti Noh
(Johor Lama)

YB Dato' Ir. Hasni bin Mohammad, SPMJ., SUMW., PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Haji Abd Mutalip bin Abd Rahim, PSI., PIS.
(Layang-Layang)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan, DIMP.
(Kukup)

YB Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, DSAP., PJN.
(Rengit)

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap
(Pemanis)

YB Puan Hajah Haslinda binti Salleh, AMN., BCM.
(Tenang)

YB Datuk Haji Mohd Fuad bin Tukirin, PMW., BCM.
(Bukit Naning)

YB Tuan Sahrihan bin Jani
(Gambir)

YB Tuan Tan Chong
(Bekok)

YB Tuan Muszaide bin Makmor
(Sedili)

YB Puan Saraswati a/p Nallathamby, PPN.
(Kemelah)

YB Tuan Tan Eng Meng, PPN.
(Pekan Nanas)

YB Puan Fauziah binti Misri
(Penawar)

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan, PPN.
(Pulai Sebatang)

YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri, DPSM.
(Parit Yaani)

YB Tuan Haji Selamat bin Takim
(Sungai Balang)

YB Tuan Aznan bin Tamin
(Tanjung Surat)

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib
(Permas)

YB Datuk Haji Ramlee bin Bohani, DPSM., JMN., AMN.
(Kempas)

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail
(Senggarang)

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad, DPSM., PPN.
(Kota Iskandar)

YB Tuan Azizul bin Bachok
(Tiram)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Cik Amira Aisya binti Abd Aziz
(Puteri Wangsa)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Tuan Chiong Sen Sern
(Bukit Batu)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

YB Puan Marina binti Ibrahim
(Skudai)

YB Puan Ng Kor Sim
(Jementah)

YB Tuan Wong Bor Yang
(Senai)

YB Dato' Dr. Sahrudin bin Haji Jamal, DMIJ.
(Bukit Kepong)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, JSM., PIS.
(Endau)

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib
(Maharani)

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

**YAB Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan,
Perancangan dan Pembangunan Ekonomi)**

Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, PMW.
(Machap)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan
Sumber Manusia**

Tuan Mohd Hairi bin Mad Shah
(Larkin)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.
(Mahkota)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub, DSPN., DGSM.
(Simpang Jeram)

YB Tuan Liew Chin Tong
(Perling)

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN
NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, PSM., SPMJ., DMIJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Amir bin Nasruddin, DMIJ.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji Salehuddin bin Haji Hassan, DMIJ., SIJ., PIS.

Persidangan bermula jam 9.30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.

(Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.

YB Speaker : Bismillahirrahmanirrahim. Allahu Akbar. Allahu Akbar. Allahu Akbar. (Bacaan selawat). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Maju Johor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, untuk makluman Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri akan mula membuat penggulangan pada esok pagi dan hanya satu soalan lisan sahaja yang akan dibenarkan, yang akan dijawab oleh Yang Amat Berhormat Machap dan Sidang akan ditamatkan lebih awal pada jam 1 untuk Majlis Tahlil Dan Yassinan Sempena Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya jemput Yang Berhormat Kota Iskandar.

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad (Kota Iskandar) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, salam sejahtera, salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 1. Sekian, terima kasih.

Kepadatan penduduk di Taman Nusantara telah meningkat beberapa tahun ini dan akan terus meningkat pada tahun-tahun mendatang. Apakah ada rancangan pihak kementerian dan kerajaan negeri untuk menambah bilangan sekolah kebangsaan di dalam kawasan tersebut bagi memenuhi keperluan yang mendesak sekarang?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, salam sejahtera, salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Speaker, merujuk kepada soalan daripada Kota Iskandar, Jabatan Pendidikan Negeri Johor sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan dan infrastruktur pendidikan yang kondusif dalam konteks pembinaan sekolah baru. JPN Johor akan mendapatkan input dan cadangan daripada Pejabat Pendidikan Daerah Johor Bahru, seterusnya JPN Johor akan melaksanakan analisis keperluan selain kesediaan tapak atau tanah. Antara perkara lain yang diambil kira adalah bilangan dan kapasiti sekolah sedia ada yang berhampiran, kepadatan pendudukan di kawasan sekitar, liputan kawasan tadahan penduduk serta perancangan pembangunan kawasan tersebut berdasarkan perbincangan bersama-sama dengan Pihak Berkuasa Tempatan.

Berhubungan dengan pertanyaan cadangan pembinaan sekolah kebangsaan baru di Taman Nusantara, ingin saya maklumkan bahawa kapasiti sekolah kebangsaan sedia ada masih berupaya menampung pertambahan *enrolment* murid di kawasan tersebut. Sekiranya pada masa akan datang, ada keperluan yang mendesak di kawasan tersebut, JPN Johor akan mengangkat permohonan pembinaan bagi sekolah baru dalam Rancangan Malaysia 5 Tahun. Walau bagaimanapun, perlaksanaannya adalah tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kemampuan kewangan negara. Sekian, terima kasih.

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad (Kota Iskandar) : Terima kasih Datuk Speaker dan Yang Berhormat EXCO. Soalan saya, Datuk Speaker, boleh tak YB EXCO menyatakan

berapa bilangan sekolah rendah, sekolah kebangsaan, sekolah menengah di kawasan Kota Iskandar? Dan, ingin saya maklumkan bahawa di Sekolah Menengah Nusajaya itu sendiri sekarang 1,800 orang murid yang belajar situ. Jadi, kalau dibandingkan dengan kapasiti yang ada lebih daripada 60,000 di kawasan Nusantara itu, maka Pengetua memaklumkan kepada saya bahawa keadaan tak dapat menampung kebanjiran penduduk yang ada dalam Kota Iskandar. Sekian, terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi : Terima kasih Yang Berhormat Kota Iskandar. Untuk makluman, kerajaan negeri Johor bersama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Johor sentiasa, sentiasa mengenal pasti akan masalah isu kepadatan murid di setiap kawasan. Semasa kehadiran YBM Menteri Pendidikan di Johor, inilah isu yang kami angkat untuk sama-sama kita bawa, makluman kepada Yang Berhormat Menteri. Jadi, berdasarkan soalan daripada YB Kota Iskandar, saya akan jawab secara bertulis kerana kita nak kan data yang tepat dan jelas untuk makluman semua. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Maharani.

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib (Maharani) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 2.

Apakah tindakan pihak berkuasa berikutan aduan daripada pihak nelayan berkenaan penggunaan pukot tunda yang mengganggu aktiviti nelayan-nelayan kecil di perairan Muar?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Speaker, terima kasih kepada ADUN Maharani. ADUN Maharani bertanyakan tentang tindakan pihak berkuasa berikutan aduan daripada pihak nelayan berkaitan penggunaan pukot tunda yang mengganggu aktiviti nelayan kecil di perairan Muar.

Untuk makluman Datuk Speaker, secara umumnya terdapat 5 zon perairan aktiviti perikanan berdasarkan sistem pengezonan perairan perikanan Malaysia. Ianya adalah Zon A iaitu melibatkan antara 0 hingga 5 batu nautika, Zon B antara 5 hingga 12 batu nautika, Zon C, 12 hingga 30 batu nautika. Zon C2 antara 30 batu nautika hingga sempadan lautan lepas dan Zon C3 adalah Lautan Hindi. Setiap zon telah ditetapkan jenis peralatan tangkapan yang dibenarkan untuk menangkap ikan. Sebagai contoh nelayan di Zon A hanya dibenarkan untuk menangkap ikan dengan penggunaan peralatan menangkap ikan kategori tradisional iaitu pukot tarik dan pukot hanyut. Manakala, peralatan menangkap ikan kategori komersial seperti pukot tunda tidak dibenarkan dalam Zon A. Nelayan di Zon B, Zon C, Zon C2 dan C3, boleh menggunakan peralatan tangkapan ikan sama ada kategori tradisional atau komersial seperti pukot tunda dan pukot jerut.

Dalam menangani permasalahan menggunakan pukot tunda yang mengganggu aktiviti nelayan kecil seperti di perairan Muar, Jabatan Perikanan Negeri Johor sebagai agensi yang bertanggungjawab memandang serius di atas perkara ini. Aktiviti penguatkuasaan sentiasa dilakukan selaras dengan Akta Perikanan 1985, bagi memastikan kelestarian sumber perikanan di perairan Malaysia khususnya di perairan negeri Johor.

Aktiviti pencerobohan *vesse/* pukot tunda Zon B ke zon penangkapan nelayan pantai di Zon A akan memberikan kesan negatif ke atas ekosistem pinggir pantai. Perubahan bentuk muka bumi dasar laut akibat daripada aktiviti penundaan di pinggir laut yang cetek akan menyebabkan kemusnahan habitat semula jadi kepada benih ikan dan hidupan akuatik marin yang lain. Selain itu, Akta ini dikuatkuasakan bagi mengelakkan konflik dan pertelingkahan antara nelayan pantai iaitu Zon A yang menggunakan peralatan menangkap ikan tradisional dengan nelayan komersial yang menggunakan peralatan menangkap ikan

berkapasiti tinggi. Pengezonan ini dapat memastikan pembangunan sosioekonomi nelayan yang lebih seimbang di samping menjamin kemampanan sumber perikanan khususnya di negeri Johor.

Antara langkah-langkah yang dilaksanakan Jabatan bagi menangani isu ini adalah seperti peningkatan program pemantauan, pengawalan dan pengawasan sebanyak 20% berbanding tahun sebelum ini dengan sentiasa mengerakkan aset dan anggota secara berterusan. Kedua, memberikan penerangan dan melaksanakan program kesedaran kepada nelayan setempat secara berkala berkaitan persempadanan kawasan pukut tunda dan kesalahan melanggar zon penangkapan ikan tradisi. Yang ketiga, menjalinkan kerjasama dengan lain-lain agensi seperti APMM dan PDRM dalam melaksanakan aktiviti penguatkuasaan terutamanya dalam perkongsian maklumat, risikan dan aduan.

Dan, yang keempatnya, meningkatkan keupayaan penguatkuasaan Jabatan Perikanan Malaysia, dengan menambah aset bot peronda di Pangkalan Perlindungan Sumber Batu Pahat, yang dijangka di terima pada akhir tahun 2024 atau awal tahun 2025. Sebagai rekod untuk tahun 2022 sahaja, kes tangkapan di perairan Johor menerusi 4 Pangkalan Perlindungan Sumber di Johor adalah sebanyak 63 kes bagi pelbagai kesalahan dan 14 kesalahan daripadanya adalah kes bagi kesalahan penggunaan zon pukut tunda yang menceroboh Zon A.

Untuk makluman Yang Berhormat Maharani, jumlah kes tangkapan oleh Pangkalan Perlindungan Sumber Batu Pahat di sekitar perairan Batu Pahat dan Muar adalah sebanyak 24 kes dan 3 daripadanya adalah kes pukut tunda yang menceroboh Zon A. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ya, sila Maharani.

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib (Maharani) : Terima kasih kepada Datuk Speaker dan YB EXCO. Soalan saya, walaupun telah diadakan beberapa tindakan oleh pihak berkuasa terhadap penceroboh bot pukut tunda, masih lagi kedengaran daripada pihak-pihak nelayan tentang penglibatan pencerobohan pukut-pukut tunda di kawasan Zon A ini. Adakah setuju sekiranya dihukum pada mereka ini dengan hukuman yang lebih berat, supaya mereka takut untuk berada di kawasan Zon A? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Terima kasih kepada DUN Maharani atas soalan dan pandangan itu. Saya setuju bahawa tidak ada rasa takut di kalangan nelayan Zon B, C untuk menggunakan pukut tunda di Zon A. Ini berpandukan kepada rekod tangkapan di perairan Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat Speaker, bagi tahun 2020 hingga 2023, rekod kes tangkapan ikan di perairan Johor, yang ditangkap oleh Jabatan Perikanan adalah sebanyak 119 kes manakala yang ditangkap oleh PDRM adalah sebanyak 165 kes yang memberi jumlah sebanyak 280 kes. Dan kompaun yang telah diperolehi adalah sebanyak RM195,260.00. Manakala lelongan, hasil lelongan berjumlah RM27,099.00. Dan ianya melibatkan kes pukut tunda sebanyak 81 kes dengan jumlah hasil RM220,359.00. Ini menunjukkan bahawa mereka tidak takut langsung tentang penguatkuasaan yang dikenakan oleh pihak berkuasa.

Untuk makluman Yang Berhormat Speaker dan juga Ahli Dewan, bahawa antara yang dikenakan tindakan termasuk penyitaan dan juga pelelongan peralatan yang digunakan. Walau bagaimanapun, Tuan Speaker saya percaya. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan yang dijalankan, hasil tangkapan yang begitu besar mungkin tidak menakutkan mereka ini. Dan sebab itu, seperti saya sebutkan di awal tadi, bahawa antara usaha yang dijalankan oleh kerajaan ialah memberi penerangan untuk melaksanakan

kesedaran kepada nelayan-nelayan ini. Jadi kepada Yang Berhormat Speaker dan kepada Datuk, DUN Maharani, saya harap penerangan saya jelas, jika perlukan penerangan lebih lanjut, saya akan berikan secara bertulis. Insyallah.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Tenang.

YB Puan Hajah Haslinda binti Salleh (Tenang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 3. Terima kasih.

Apakah Pengangkutan Awam Johor (PAJ) bersedia untuk mengkaji semula masa dan laluan Bas Muafakat Johor di PBT Labis bagi membolehkan perkhidmatan tersebut dimanfaatkan oleh pelajar berikutan tiada perkhidmatan bas sekolah di beberapa penempatan penduduk.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Tenang.

Untuk makluman semua, kerajaan negeri melalui Perbadanan Awam, Perbadanan Pengangkutan Awam Negeri Johor sentiasa akan mengkaji semua laluan-laluan Bas Muafakat Johor, sekiranya terdapat cadangan bagi menambah baik dari segi masa dan laluan perkhidmatan tersebut, PAJ mengalu-alukan pandangan dari wakil penduduk dan PBT sendiri jika ada keperluan bagi mengoptimumkan penggunaan perkhidmatan bas percuma ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Tenang, di Labis pada masa sekarang terdapat 3 laluan Bas Muafakat Johor iaitu LB 001 di dalam Pekan Labis, LB 001A antara Terminal Labis ke Kolam Air Panas dan LB 002 dari Terminal Labis ke Bekok. Mesyuarat berkala bersama PBT dan operator bas yang mengendalikan perkhidmatan di kawasan tersebut menjadi panduan bagi mengenal pasti isu dan cadangan yang boleh ditambah baik. Belanjawan Johor 2023 yang lepas, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah merancang untuk membuat penilaian semua, penilaian semula laluan sedia ada dan ada mencadangkan laluan yang berkapasiti tinggi, agar dana kerajaan dapat dioptimumkan. Perancangan, penetapan dan semakan laluan Bas Muafakat Johor sentiasa dijalankan berdasarkan beberapa kriteria iaitu melalui kawasan berpenduduk yang tiada perkhidmatan sebelum ini dengan kepadatan tinggi serta melalui kawasan kemudahan awam, pejabat agensi kerajaan, sekolah, kawasan rekreasi dan lain-lain kawasan tumpuan masyarakat setempat.

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan, laluan Bas Muafakat Johor juga mengambil kira keadaan infrastruktur sedia ada seperti kelebaran jalan, radius pusingan di persimpangan, kemudahan pondok bas sedia ada, *lay-by* dan lain-lain.

Selain itu laluan Bas Muafakat Johor yang dicadangkan juga perlu mempunyai integrasi dengan perkhidmatan pengangkutan bas dan teksi sedia ada serta perkhidmatan pengangkutan awam yang lain.

Bagi perkhidmatan Bas Muafakat Johor di kawasan Labis, kerajaan negeri telah meluluskan cadangan laluan baru di Labis iaitu LB 003 yang akan menghubungkan Hentian Labis ke Bekok dan ke Pekan Chaah.

Pihak Perbadanan Pengangkutan Awam Johor sedang menjalankan proses perolehan bagi melantik operator yang berkelayakan untuk menjalankan operasi di laluan tersebut. Semua laluan baru Bas Muafakat Johor dijangka akan beroperasi pada pertengahan tahun 2023.

Bagi pengoperasian di kawasan Labis setakat ini 100% telah dibiayai oleh kerajaan negeri iaitu sebanyak RM350,000.00 setahun dan sejak diperkenalkan pada tahun 2017, seramai 55,922 pengguna telah direkodkan menggunakan perkhidmatan ini sehingga Februari 2023. Terima kasih.

YB Speaker : Ya sila Tenang.

YB Puan Hajah Haslinda binti Salleh (Tenang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, YB EXCO. Sejauh mana PAJ mempromosikan perkhidmatan bas ini supaya rakyat tahu... keseluruhan rakyat tahulah waktu laluan dan sebagainya. Sejauh mana promosi itu dibuat? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Tenang. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan, pada tahun ini kita PAJ diperuntukkan... peruntukan untuk melakukan kajian tentang pempromosi dan juga insentif-insentif khas kepada pengguna-pengguna Bas Muafakat Johor. Bas Muafakat Johor setakat ini memang kita sebut *rideship* nya kurang, tapi walau bagaimanapun kita akan buat satu kajian khas iaitu kita nak buat kajian tentang fleksibel... laluan yang fleksibel. Sebagai contoh ada laluan hanya ramai pada waktu pagi dan petang, jadi kita hanya mungkin akan lalukan bas itu pada waktu-waktu tersebut. Pada waktu lain, kita akan buat laluan di tempat lain.

Selain itu untuk makluman Yang Berhormat Tenang, PAJ juga dalam rangka kerja untuk melihat supaya bas-bas ini dapat juga digunakan oleh pelancong-pelancong untuk pergi ke kawasan pelancongan khususnya di kawasan-kawasan pelancongan yang sedia ada, jadi mungkin kita akan sediakan satu kad yang boleh digunakan untuk semua laluan dan semua perkhidmatan awam di negeri Johor. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Tangkak.

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Selamat pagi dan selamat sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Tangkak nombor 4.

Apakah bantuan yang disediakan bagi pertubuhan-pertubuhan yang sedang mengusahakan sektor pelancongan di tempatan?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Tangkak atas soalan. Salam sejahtera dan salam Maju Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan di sini merakamkan ucapan jutaan terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada badan-badan-badan bukan kerajaan atau pertubuhan-pertubuhan seperti persatuan agensi pelancongan, persatuan pemandu pelancongan, persatuan *homestay* dan sebagainya di atas sumbangan yang telah diberikan bagi menyemarakkan lagi industri pelancongan negeri Johor.

Antara bantuan yang boleh diberikan oleh kerajaan negeri melalui Tourism Johor adalah seperti berikut :

1. Membantu memberi khidmat nasihat, latihan dan sokongan;
2. Membantu membuat penyelarasan dengan agensi-agensinya kerajaan atau swasta;
3. Membantu mempromosi di media sosial, media cetak dan media elektronik; dan
4. Memberi bantuan kewangan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, namun begitu terdapat badan-badan bukan kerajaan atau pertubuhan-pertubuhan ini mestilah berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) dan mempunyai dokumen lengkap sebagai sebuah badan atau pertubuhan yang sah di sisi undang-undang.

Manakala program yang ingin dilaksanakan pula hendaklah memberi impak positif terhadap industri pelancongan negeri Johor dan disokong dengan maklumat seperti jumlah atau unjuran kedatangan pelancongan atau pendapatan kepada kerajaan negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain itu juga kerajaan negeri melalui Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa membantu pemain-pemain industri pelancongan dan budaya tempatan.

Sepanjang 2021, 2022, MOTAC telah menyediakan pelbagai inisiatif sebagai platform bantuan dan kemudahan kepada penggiat industri pelancongan. Antara inisiatif di bawah MOTAC bagi tahun 2022 adalah seperti berikut:-

1. Bantuan Khas Tunai berjumlah RM85 juta yang telah memanfaatkan kumpulan sasarannya iaitu pemandu pelancong, syarikat agensi pelancongan, syarikat *Malaysia My Second Home*, usahawan kraf, pengusaha spa dan pusat urut kaki dan komuniti orang asli Mahmeri;
2. Geran padanan bagi tujuan pembaikan hotel bajet dan *homestay*;
3. Dana galakan bagi aktiviti promosi dan pelancongan domestik yang berjumlah RM65 juta yang melibatkan aktiviti promosi dan pengiklanan, galakan pelancongan domestik, penganjuran acara menyokong pelancongan Islam, pemberian baucar diskaun atau rebat, dan *3R Business Event* iaitu *Reset, Restart dan Responsible*;
4. Geran padanan berkaitan seni budaya berjumlah RM50 juta melibatkan geran bagi acara-acara pelancongan dan geran bagi acara-acara kesenian dan kebudayaan;
5. Penyelenggaraan infrastruktur pelancongan berjumlah RM35 juta;
6. Program subsidi upah bersasar berjumlah RM600 juta;
7. Penjana *Tourism Financing & BPMB Rehabilitation Scheme* berjumlah RM600 juta.

Berdasarkan kepada Belanjawan 2023, kerajaan persekutuan telah mengumumkan inisiatif di bawah MOTAC sepertimana berikut:-

1. Promosi pelancongan berjumlah RM250 juta yang melibatkan promosi pelancongan antarabangsa dan domestik. Geran padanan menggalakkan aktiviti promosi dan penganjuran acara besar seperti sukan antarabangsa dan kebudayaan. Dan geran sepadan bagi usaha sama dengan syarikat Malaysia Airport Holdings Berhad dan syarikat penerbangan antarabangsa bagi menggalakkan penerbangan *charter*.
2. Ada juga promosi kebudayaan, dana promosi kebudayaan yang berjumlah RM25 juta.

Terima kasih.

YB Tuan Ee Chin Li (Tangkak) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih atas jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat EXCO.

Soalan tambahan Tangkak adalah selain daripada bantuan-bantuan kewangan ataupun geran sepadan, Tangkak rasa pelancong sekarang terutama pelancongan dari luar negeri... luar negara ke Johor ini, mereka lebih minat dalam menerokai cita rasa di kawasan desa atau kampung.

Oleh itu soalan tambahan saya adalah bagi tempat-tempat ataupun tempat penarik pelancong atau di kampung dan desa, penduduk atau pertubuhan-pertubuhan yang ada menyediakan mungkin hiasan lampu, ada buat *landscaping*, adakah Tourism Johor dapat membantu dari segi mempromosikan produk-produk pelancongan di desa dan kampung ini kepada pelancong contohnya melalui *leaflet* yang dibekalkan, yang disediakan Tourism Johor ataupun laman web ataupun rakaman video yang dapat dibantu oleh Tourism Johor supaya lebih ramai pelancong dari luar dan dalam negara ini dapat menerokai produk-produk tersebut. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya : Terima kasih Yang Berhormat Tangkak atas soalan. Yang Berhormat Datuk Speaker, tadi bila saya jawab ialah peruntukan-peruntukan, dana-dana kewangan daripada negeri dan juga *federal*... daripada iaitu melalui MOTAC, memang kita banyak keluarkan dana untuk mereka memperkembangkan lagi bisnes-bisnes mereka.

Tapi pun apa yang dimaklumkan sebagai oleh YB Tangkak, dia lebih kepada produk-produk tempatan. Mereka pun boleh mohon pada dana tapi mereka perlu ada *reach requirements* tersebut. Tapi apa pun melalui Tourism Johor, kita telah memperkasakan Johor Tourism *application*, satu apps iaitu Johor... Johor JTI sebagai salah satu medium untuk membantu memudahkan para pelancongan untuk mendapatkan maklumat berkaitan pelancongan-pelancongan yang kecil dan Tourism Johor juga akan buat kerjasama pintar dengan media elektronik, media cetak seperti *Program Majestic Johor* di astro dan media elektronik lain.

Sementara itu untuk produk-produk kecil, mereka boleh di *promote* kan melalui *travel guide fun map* daerah, Johor..... dengan izin, untuk melibatkan mereka. So mereka boleh berhubung dengan pihak Johor Tourism dan juga pihak-pihak peringkat daerah iaitu melalui Majlis Daerah dan juga di Pejabat Daerah, kita boleh libatkan mereka punya produk di dalam *map, fun map* daerah-daerah. So untuk perkembangan mereka, ini untuk yang industri kecil.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Benut. Batu Pahat bagi undi Datuk, janji ditunaikan.

YB Dato' Ir. Hasni Bin Mohammad (Benut) : Terima kasih. Terima kasih Datuk Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Soalan nombor 5.

Minta dinyatakan apakah jenis pelaburan baharu yang telah diterima negeri Johor setakat ini dengan pecahan-pecahan mengikut sektor dan jumlah pelaburannya.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Salam sejahtera dan salam Maju Johor. Jumlah pelaburan yang diterima oleh negeri Johor pada tahun 2022 adalah RM70.6 bilion iaitu kira-kira 26.7% daripada angka Malaysia, sebanyak RM264.6 bilion. Dan daripada jumlah tersebut, sejumlah RM58.78 bilion atau 83.26% adalah daripada pelaburan asing, manakala RM11.81 bilion atau 16.74% adalah daripada pelaburan domestik. Dan jumlah projek yang diluluskan adalah 570, manakala jumlah pekerjaan yang dijangka dapat diwujudkan adalah 16,762.

Sektor pelaburan dibahagikan kepada 3 kategori utama iaitu sektor premier atau sektor utama, sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan. Nilai pelaburan bagi sektor premier

pada tahun 2022 adalah RM38.91 juta, manakala sektor pembuatan telah menerima pelaburan sebanyak RM14.58 bilion dan sektor perkhidmatan berjaya menerima nilai pelaburan yang tertinggi iaitu RM55.98 bilion.

3 sektor utama tersebut juga dibahagikan kepada pelbagai subsektor. Sektor premier dibahagikan kepada 2 subsektor iaitu sektor pertanian dan sektor perladangan serta sektor komoditi. Sektor pertanian menerima pelaburan sebanyak RM33 juta, manakala sektor... subsektor perladangan dan komoditi adalah RM5.89 juta.

Bagi sektor pembuatan, ia dibahagikan kepada 18 subsektor iaitu bahan kimia, produk kimia, peralatan saintifik, elektrik dan elektronik, produk mineral, bukan logam dan sebagainya.

5 subsektor utama yang menerima pelaburan tertinggi dalam sektor pembuatan ialah bahan kimia dan produk kimia RM5.2 bilion; kedua adalah peralatan saintifik dan pengukuran RM3.65 bilion, elektrik dan elektronik RM1.96 bilion; keempat adalah produk mineral RM736 juta; dan kelima adalah tekstil dan produk tekstil RM432 juta.

Bagi sektor perkhidmatan pula, ia dibahagikan kepada 10 subsektor iaitu maklumat dan komunikasi, utiliti, hartanah, perdagangan, pengedaran, perkhidmatan sokongan dan sebagainya.

5 subsektor dalam sektor perkhidmatan yang menerima pelaburan tertinggi adalah sektor maklumat dan komunikasi RM51 bilion iaitu untuk pusat data. Kedua adalah utiliti RM2.8 bilion; ketiga adalah hartanah RM1.1 bilion; keempat adalah perdagangan pengedaran ataupun logistik RM521 juta; dan kelima adalah perkhidmatan sokongan RM317 juta. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Dato' Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh pihak kerajaan. Subsektor pertanian yang diumumkan tadi menunjukkan satu jumlah pelaburan yang masih rendah. Sedangkan negeri kita Johor telah memulakan *Jemaluang Dairy Valley* sebagai contoh, kerjasama dengan ECER. Kemudian baru-baru ini JCorp ada juga melancarkan *Farmbyte Food Hub*. Ini adalah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengukuhkan lagi ekosistem keselamatan bekalan makanan. Jadi kalau kita lihat dari segi pengalaman dan juga usaha-usaha yang dah dibuat selama ini untuk menjadikan Johor sebagai pengeluar makanan yang besar, kita dari segi pengeluaran buah-buahan nombor 1 atau nombor 2, sayur-sayuran nombor 1 atau nombor 2 dalam negara. Itu menunjukkan bahawa negeri kita ini ada potensi untuk meningkatkan ekosistem dari segi keselamatan bekalan makanan.

Jadi, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin tahu adakah sebarang fokus secara spesifik yang dibuat oleh kerajaan untuk meningkatkan FDI di dalam sektor pertanian dalam bentuk kerjasama dengan Pihak Berkuasa Wilayah ataupun dengan GLC kerajaan negeri? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih Yang Berhormat Benut. Memang benar kerajaan negeri mengambil berat tentang kemajuan sektor pertanian dan memang dalam perancangan adalah kerjasama dengan ECERGC untuk *Jemaluang Dairy Valley* dan kerajaan negeri sedang dalam usaha untuk membawa satu kertas dasar kepada Jawatankuasa Penyelarasan Industri antara kerajaan negeri Johor dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk kawasan Segamat dan juga Mersing sebagai kawasan pertanian yang memberi fokus kepada sektor pertanian dan Jawatankuasa Pertanian Dan Kemajuan Luar Bandar juga dalam usaha untuk membincangkan dengan Kementerian untuk membangunkan kawasan

pertanian moden di Ayer Hitam dan inilah usaha-usaha untuk memenuhi sektor pertanian yang setakat ini. Terima kasih.

YB Speaker : Ya, sila Mengkibol.

YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Mengikut Ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Bajet Persekutuan 2023. Yang Amat Berhormat berkata bahawa Malaysia sebenarnya mempunyai lebih daripada 100 jenis insentif pelaburan dan lebih daripada 30 agensi promosi. Jadi, masalahnya ialah sekarang pelaburan yang kita tarik, banyak pelaburan yang tidak mempunyai nilai tambah tinggi, *value added* yang tinggi. Maka, sekarang kerajaan tumpu kepada menarik ataupun merencanakan ekonomi, menarik pelaburan dari sektor teknologi tinggi. Jadi, apakah arahan atau apakah arah yang kita menarik pelaburan bagi negeri Johor? Sekian, terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna : Tiga arah itu adalah telah pun dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Benut iaitu kita fokus kepada 3H, *High Impact*, *High Value* dan *High effort* adalah 3 hala tuju yang kita, kerajaan negeri dan juga kerajaan persekutuan memberi fokus dan antaranya kita dari segi perkhidmatan, sektor perkhidmatan, sektor pertanian dan juga sektor pembuatan kita cuba berbincang dan juga mengadakan usaha untuk menarik pelaburan yang menuju ke 3H, strategi 3H ini. Terima kasih.

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Kemelah.

YB Puan Saraswati a/p Nallathamby (Kemelah) : Selamat pagi, salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Kemelah nombor 6. Terima kasih.

Program Duta Perpaduan Johor telah dijalankan tahun lalu, apakah sebenarnya peranan Duta Perpaduan dan apakah impaknya kepada masyarakat serta perancangan kerajaan negeri untuk memastikan program ini memberi impak kepada Bangsa Johor?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan : Terima kasih Datuk Speaker, terima kasih YB Kemelah. Salam Bangsa Johor, salam perpaduan, salam Maju Johor. Untuk maklumat seisi Dewan sekalian, Program Duta Perpaduan Johor merupakan platform melahirkan orang muda Johor yang mempunyai kebolehan *hardskill* dan *softskill*, dengan izin, dengan matlamat meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan generasi muda agar lebih kompetitif serta menguasai aspek 3C iaitu *Critical Thinking*, *Creativeness* dan *Communication*. Seajar dengan itu, maka Duta Perpaduan Johor haruslah memainkan peranan yang progresif. Antaranya adalah mendorong Institusi Raja, Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Kedua, mempengaruhi untuk penghebah luasan mesej-mesej positif dan pendidikan perpaduan. Ketiga, pemangkin kepada pengukuhan perpaduan dan penerapan nilai kebersamaan antara kaum.

Sehubungan itu, dengan peranan dan tanggungjawab yang diberikan adalah menjadi hasrat kerajaan negeri agar Duta Perpaduan Johor dapat mencapai objektif-objektif seperti:

1. Meningkatkan sahsiah jati diri dan ilmu.
2. Membangunkan modal insan dan melahirkan generasi yang mempunyai semangat patriotisme dan semangat cinta negara yang tinggi.
3. Membentuk pemikiran rasional dan matang ketika mendepani isu-isu semasa, perpaduan serta boleh menepis fahaman ekstremis yang menjadi ancaman kepada kestabilan dan keselamatan negara. Mendaya upayakan kebolehan memahami

sensitiviti dan jiwa perpaduan yang kental sebagai pembimbing generasi akan datang bagi memastikan perpaduan terus terpelihara.

Justeru itu, dengan pencapaian objektif Duta Perpaduan Johor, maka ianya memberi impak kepada masyarakat dari pelbagai aspek seperti peningkatan keupayaan Duta Perpaduan Johor sebagai pembimbing generasi muda. Duta Perpaduan Johor beridentiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin dan tanggungjawab. Duta Perpaduan Johor mempunyai *softskill* dan *hardskill*, dengan izin, dalam menangani isu dan cabaran semasa.

Duta Perpaduan Johor mula diperkenalkan pada bulan Ogos tahun 2022 yang lalu dan hampir satu tahun perlaksanaannya. Bagi melihat pencapaian objektif dan impak Duta Perpaduan Johor, maka, analisa dan penilaian program sedang berjalan dari masa ke semasa. Justeru itu, bagi memastikan program ini memberi impak besar kepada Bangsa Johor, maka semua program anjuran JPNIN Johor akan melibatkan penyertaan Duta Perpaduan Johor. Dalam masa yang sama, Duta Perpaduan Johor diberi tanggungjawab untuk melaksanakan projek bersama Komuniti Rukun Tetangga di peringkat daerah. Ini secara langsung akan meningkatkan kebolehan insaniah dan mengeratkan hubungan antara golongan muda dengan komuniti berbilang kaum.

Sebagai maklumat, hingga kini pelaksanaan Duta Perpaduan telah menarik minat beberapa pihak antaranya kerajaan negeri Melaka melalui EXCO Perpaduan Melaka yang telah membuat kunjungan hormat pada 9 Februari tahun 2023 untuk mendapat imput pelaksanaan Duta Perpaduan Johor supaya ia dapat dilaksanakan di negeri Melaka.

Selain itu, Mesyuarat Jawatankuasa Perpaduan Negara atau dinamakan sebagai *Max Unity* di peringkat Kementerian Perpaduan Negara yang akan diadakan pada bulan April ini telah memutuskan agar saya selalu EXCO Perpaduan Johor membuat pembentangan mengenai pelaksanaan Duta Perpaduan Johor ini. Di samping itu, JPNIN Johor juga telah diminta untuk membuat pembentangan pelaksanaan Duta Perpaduan Johor dalam sesi libat urus Sekretariat Rukun Negara di peringkat Kementerian pada 8 Mac 2023 yang lalu. Ini membuktikan pelaksanaan Duta Perpaduan Johor berupaya menjadi pemangkin kepada perpaduan dan penyatupaduan masyarakat berbilang kaum selaras dengan konsep Malaysia Madani untuk membina dan mencorak masa hadapan yang lebih mampan, sejahtera, berdaya cipta, saling menghormati serta bersikap insan.

Semua perkara ini berpadanan dengan konsep Bangsa Johor yang dihasratkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang mana bukan sahaja menjadikan Johor sebagai sebuah negeri yang sejahtera dan progresif, malah berbudaya menjadi Malaysia lebih sejahtera dan harmoni. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Pasir Raja.

YB Puan Rashidah binti Ismail (Pasir Raja) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 7.

Penerimaan peguam syarie di Johor setiap tahun amatlah sedikit sedangkan permohonan yang diterima begitu ramai. Oleh yang demikian, apakah ciri khusus yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor dalam melahirkan lebih ramai peguam syarie di negeri Johor?

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, terima kasih Datuk Speaker, salam sejahtera, salam Maju Johor. Yang Berhormat Pasir Raja membangkitkan persoalan mengenai penerimaan atau pengambilan peguam syarie di negeri Johor yang amat sedikit setiap tahun. Untuk makluman Dewan yang mulia, sehingga hari ini seramai 192 orang

peguam syarie sudah menerima Sijil Peguam Syarie dan Sijil Amalan Guaman Syarie untuk beramal di Mahkamah Syariah Negeri Johor. Peguam syarie di negeri Johor diterima masuk berdasarkan Kaedah-Kaedah Peguam Syarie Negeri Johor 2015 dan dinilai berdasarkan 3 tahap. Pertama, Kelayakan berdasarkan Kaedah 9, Kaedah Peguam Syarie. Kedua, berdasarkan peperiksaan bertulis dan ketiga, menerusi temu duga.

Majlis Agama Islam Johor menetapkan bahawa calon peguam syarie yang berkualiti haruslah melepasi markah 60% bagi peperiksaan bertulis untuk melayakkan mereka masuk ke peringkat temu duga. Bagi peringkat temu duga pula, calon perlu melepasi markah 80% untuk lulus. Markah penilai ini akan dibawa dalam Jawatankuasa Peguam Syarie untuk di bentang dan jika di peringkat Jawatankuasa meluluskan, maka calon-calon yang layak akan dimajukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Peguam Syarie untuk mendapatkan pengesahan lantikan.

Adalah diperakui bahawa penerimaan masuk peguam syarie memang agak ketat. Saya bacakan sedikit jumlah penerimaan masuk sejak tahun 2020 sehingga tahun 2022 yang baru lalu. Pada tahun 2020, yang memohon untuk masuk peperiksaan adalah seramai 82 orang, namun yang berjaya hanya 5 orang. Pada tahun 2021, yang memohon adalah seramai 65 orang tetapi yang berjaya hanya 7 orang dan pada tahun lepas 2022, yang memohon seramai 87 orang tetapi yang berjaya diterima masuk hanyalah seorang.

Punca penerimaan Peguam Syarie Negeri Johor amat sedikit pengambilannya adalah kerana pertama, calon yang memohon sebahagian besarnya tidak mahir dan tidak menguasai penulisan jawi kerana soalan dan jawapan yang diberikan dalam proses peperiksaan adalah menggunakan tulisan jawi. Ini adalah antara karakter dan model unik kepada peguam-peguam syarie di negeri Johor Darul Ta'zim. Saya juga salah seorang Peguam Syarie Negeri Johor, Tuan Speaker. Saya merujuk peruntukan seksyen contohnya kesalahan umum dibawa dalam Undang-Undang Islam negeri lain sedangkan peperiksaan tersebut adalah mengenai Undang-Undang Negeri Johor. Adalah diperakui bahawa semua peguam-peguam dalam Malaysia boleh memohon untuk diterima masuk sebagai Peguam Syarie Negeri Johor tetapi mestilah menepati kelayakan yang ditetapkan oleh negeri Johor itu sendiri. Dan yang ketiganya, mereka kurang mahir kepada membaca jawi dan ada calon yang juga tidak faham kepada kehendak soalan yang dikenakan. Seorang peguam sivil boleh juga memohon sebagai peguam syarie tetapi kelayakannya perlulah juga menguasai penulisan dan tulisan jawi. Dan Datuk Speaker, saya juga seorang merupakan peguam sivil di negara ini. (Dewan bertepuk).

Bagi memastikan negeri Johor dapat melahirkan lebih banyak, lebih ramai peguam syarie yang berkualiti, Majlis Agama Islam Negeri Johor mengambil inisiatif dengan melakukan penambahbaikan dengan cara membukukan soalan-soalan tahun-tahun yang lalu sebagai rujukan bagi menghadapi peperiksaan dan calon yang berminat boleh membeli buku soalan ini melalui medium yang dimaklumkan kelak. Penjualan buku-buku soalan ini juga akan diumumkan penjualannya dalam masa yang terdekat. Namun, yang tak boleh kita bantu Datuk Speaker, adalah berkenaan pemahaman dan penguasaan tulisan jawi itu sendiri. Ia kena bergantung kepada individu yang memohon.

Majlis Agama Islam Negeri Johor turut mencadangkan agar Persatuan Peguam Syarie Negeri Johor untuk menganjurkan Kursus Persediaan Peperiksaan kepada calon-calon peguam syarie terutamanya dalam penguasaan tulisan jawi. Kaedah-Kaedah Peguam Syarie Negeri Johor 2015 menyatakan bahawa mereka yang memohon sebagai Peguam Syarie Negeri Johor hendaklah memenuhi kehendak-kehendak berikut:- Kaedah 9, kelayakan sebagai peguam syarie iaitulah saya bacakan sedikit Datuk Speaker. Pertamanya, hendaklah beragama Islam. Keduanya, warganegara Malaysia. Seorang yang berkelakuan baik, tidak pernah disabitkan oleh kesalahan di mana-mana Mahkamah, bukanlah seorang yang bankrap, tidak pernah dipecat atau kehilangan kelayakan.

Sekiranya mereka seorang peguam sivil juga memiliki kelayakan akademik, sama ada Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Diploma Pentadbiran Kehakiman Islam, Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang Syariah dan sekiranya mereka merupakan seorang peguam sivil, mereka perlu memiliki Diploma Pentadbiran Kehakiman Islam atau yang setaraf dengannya dan yang paling penting di sini Datuk Speaker, telah lulus ujian bertulis dan temu duga yang disediakan. Di sinilah ramai calon-calon kita tidak dapat melepaskannya, Datuk Speaker. Di antara yang paling besar kelemahannya yang kita dapati adalah penguasaan dalam tulisan jawi itu sendiri.

Datuk Speaker, mereka yang diterima masuk sebagai peguam syarie akan nanti menerima Sijil Peguam Syarie dan Sijil Amalan Guaman Syarie untuk mengamal di negeri Johor dalam tempoh setahun dan setiap tahun perlulah mereka perbaharui. Terima kasih Datuk Speaker.

YB Puan Rashidah binti Ismail (Pasir Raja) : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih kepada jawapan daripada YB EXCO. Soalan tambahan saya adalah dengan bilangan peguam syarie yang terhad di negeri Johor, adakah kes-kes seperti fasakh, pengesahan lafaz cerai, hak penjagaan anak, daftar nikah luar negara, faraid dan lain-lain dapat diselesaikan dalam waktu yang singkat? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Terima kasih Yang Berhormat Pasir Raja. Seperti mana yang saya maklumkan tadi, ketika ni seramai 192 orang peguam syarie yang bertauliah sedang pun berkhidmat dalam negeri Johor dan alhamdulillah kesemua mereka ini mampu dan berupaya untuk mengendalikan kes-kes dalam Mahkamah Syariah kita, tambahan pula selain daripada 192 orang peguam syarie swasta ini, terdapat juga Jabatan Bantuan Guaman yang bersedia memberikan khidmat kepada mereka yang layak menerusi perkhidmatan yang disediakan. Dan berdasarkan pengalaman saya sendiri sebagai peguam syarie, juga mengikuti rapat statistik penyelesaian kes-kes semasa dalam Mahkamah Syariah kita, alhamdulillah Yang Berhormat Pasir Raja, kesemua kes-kes ini dapat dikendalikan dengan baik walaupun sebahagiannya mungkin terpaksa memakan sedikit masa itu bukan disebabkan oleh kelemahan peguam itu sendiri tapi adalah disebabkan oleh kekangan ataupun cabaran mengikut kes-kes yang tertentu. Terima kasih Datuk Speaker.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Maharani.

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib (Maharani) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 8.

Apakah status terkini rumah kos rendah dan kos sederhana serta rumah kedai yang terbengkalai di Taman Parit Unas Laut, Jalan Abdul Rahman?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, selamat pagi. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan YB Maharani berbunyi, rumah kos rendah dan kos sederhana serta rumah kedai yang terbengkalai di Taman Parit Unas Laut, Jalan Abdul Rahman, apakah statusnya?

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Yang Berhormat, projek ini merupakan projek sakit, yang sepatutnya siap pada bulan Oktober 2022. Kerajaan negeri melalui PKPJ ketika ini, sedang melaksanakan penyelarasan projek sakit untuk diselesaikan sehingga memperolehi CCC. Bagi projek ini pihak pemaju akan menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa *PDRC, Plan Design Review Committee*, dalam masa yang terdekat. *PDRC* ini adalah satu Jawatankuasa *Task Force* melihat projek-projek pembangunan di seluruh Johor, dia dianggotai oleh PTG, Plan Malaysia, PBT dan pemaju itu sendiri. Terima kasih.

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib (Maharani) : Terima kasih kepada Datuk Speaker dan juga YB EXCO. Oleh kerana projek perumahan ini adalah merupakan projek sakit dan diharapkan kepada pihak kerajaan dapat mengadakan langkah yang secepat mungkin untuk mengatasi masalah ini sebab projek perumahan ini telah pun lebih kurang 10 tahun terbelang dan kepada pemilik-pemilik rumah ini terutamanya B40, memang sangat memerlukan perumahan yang mana sekiranya projek perumahan ini dapat diteruskan ianya akan membantu B40 untuk memiliki rumah dan juga tempat tinggal. Jadi, saya mengharapkan supaya dapat disegerakan projek ini. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, setakat 31 Januari 2023 tahun ini, sebanyak 33 projek sakit yang ada di seluruh Johor. Untuk, boleh saya kongsi kepada YB, bila sebut projek sakit ini YB, dia dah tentulah projek sakit dan projek terbelang, dia bukan di dalam bidang kuasa kerajaan negeri, itu semua YB kena tahu. Bila sebut projek sakit, isu dia banyak, sama ada pemaju lari, pemaju tinggalkan projek, isytihar *bankruptcy* dan tinggalkan projek mereka. Selepas itu, pemaju tak ada inisiatif langsung, atau kontraktor tak ada inisiatif langsung untuk menyiapkan rumah tersebut. Inilah isu-isu yang dihadapi oleh semua projek-projek sakit seperti isu yang YB bangkitkan ini, di peringkat pemaju sendiri, datang kepada kami di Perumahan, nak bekerjasama dengan kerajaan negeri, untuk menyiapkan projek-projek ini. Bila pemaju ada inisiatif untuk datang kepada kerajaan di peringkat Perumahan jadi kita akan masukkan dia dalam *PDRC*, *PDRC* adalah satu Jawatankuasa yang tadi saya sebutkan, di dalamnya ada dan dipengerusikan oleh saya sendiri, ada, ada Pengarah Perumahan, ada Dato' PTG, ada PBT, ada PLAN Malaysia, jadi di dalam *PDRC* itu kita akan melihat isu dia di mana. Dan, juga jika perlu agensi-agensi seperti TNB, SAJ, IWK yang terlibat dalam isu ini kita akan panggil. Syaratnya, mesti ada inisiatif daripada pemaju datang kepada kerajaan untuk minta kerajaan bantu untuk selesaikan isu ini. Baru perkara itu boleh dibuat. Sebab isu-isu projek sakit ini dia melibatkan undang-undang dan perjanjian antara pembeli, bank dan *lawyer*. Jadi, untuk makluman Yang Berhormatlah. Terima kasih.

YB Speaker : Jemput Benut.

YB Dato' Ir. Hasni bin Mohammad (Benut) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Baru-baru ini kita ada mendengar tentang usaha sama yang dibuat oleh Kementerian dengan negara jiran kita, Singapura sebagai contoh, untuk menangani isu perumahan sosial ini ataupun rumah kos rendah dan sebagainya. Jadi, soalan saya ialah adakah kerajaan negeri juga terlibat bersama-sama dengan pihak Kementerian, lebih-lebih lagi Johor, yang lebih hampir dengan negara jiran kita Singapura sama ada dalam bentuk kerjasama dengan *Housing Development Board* dan sebagainya untuk mencari jalan terbaik, cara mana dan bagaimana kita *moving forward* dengan izin, dari segi pembangunan *sosial housing* ini. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Terima kasih kepada Yang Berhormat Benut. Seperti semua sedia maklum bahawa di peringkat Menteri KPKT, Yang Berhormat Ng Kor Ming, ada buat usaha sama bersama kerajaan Singapura tetapi setakat ini di peringkat kerajaan Johor belum lagi ada maklumat untuk penyelarasan atau gerak kerja yang ditaklimatkanlah oleh kerajaan negeri. Setakat ini belum ada lagi YB. Terima kasih.

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Penawar.

YB Puan Fauziah binti Misri (Penawar) : Bismillahirrahmanirrahim Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Soalan saya soalan nombor 9.

Nyatakan jenis-jenis bantuan berbentuk sokongan moral dan mental yang ditawarkan oleh kerajaan kepada mereka yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga dan apakah bentuk perlindungan yang diberikan kepada mereka?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih YB Penawar. Soalan yang ditanyakan oleh YB Penawar adalah jenis-jenis bantuan berbentuk sokongan moral dan mental yang ditawarkan oleh kerajaan kepada mereka yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga dan bentuk perlindungan yang diberikan kepada mereka?

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan negeri Johor melalui Unit Kaunseling dan Motivasi, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim, mempunyai beberapa bentuk bantuan sokongan moral dan mental seperti perkhidmatan kaunseling secara individual atau bersama keluarga, yang meliputi aspek psikologi serta bantuan selain daripada keperluan makanan seharian. Sekiranya, isu yang melibatkan pihak Polis atau hospital, kaunselor akan membuat surat rujukan dan konsultasi bersama klien untuk proses yang seterusnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Jabatan Pembangunan Wanita di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, melalui programnya Wanita Anti Jenayah, merupakan salah satu inisiatif untuk menjadikan komuniti sebagai Agen Wanita Anti Jenayah, melalui psiko-sosial dan aktiviti dalam komuniti khususnya wanita bagi meningkatkan sokongan moral dan mental pada wanita. Jabatan Pembangunan Wanita juga berperanan dalam memberi panduan kepada masyarakat tentang pentingnya usaha menghentikan sebarang bentuk keganasan terhadap wanita.

Pada tahun 2022, program meningkatkan daya tahan dan psikologi wanita diperkenalkan di mana Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Johor bekerjasama dengan kaunselor-kaunselor berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, kaunselor di bawah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan kaunselor di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) untuk mempergiatkan lagi program-program bersifat psikologi wanita.

Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat turut menganjurkan sambutan Hari Antarabangsa menangani keganasan terhadap wanita yang disambut pada 25 November setiap tahun. Ianya dapat memberi kesedaran tentang wujudnya isu keganasan terhadap wanita dan masyarakat boleh memainkan peranan masing-masing untuk membantu menangani isu ini daripada terus menerus berlaku. Perkhidmatan kaunseling juga merupakan salah satu bantuan dan sokongan emosi yang disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di bawah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Johor bagi membantu individu yang mengatasi konflik keluarga seperti keganasan rumah tangga, individu yang mengalami isu tersebut boleh mendapatkan kaunseling individu secara terapi atau terapi berpasangan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sehingga kini terdapat seramai 11 orang panel kaunselor yang berkhidmat di bawah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, 7 orang di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim dan 16 orang di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sepanjang tahun 2020, Datuk Speaker, sehingga Februari 2023, sebanyak 1,134 sesi yang melibatkan 4,089 orang klien telah dilaksanakan oleh Unit Kaunseling, LPPKN Negeri Johor. Terima kasih Datuk Speaker.

YB Speaker : Ya, sila.

YB Puan Fauziah binti Misri (Penawar) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, seperti Yang Berhormat EXCO katakan tadi, berapakah jumlah kes berkaitan keganasan rumah tangga yang merujuk kepada sesi kaunseling di bawah YPKDT dan LPPKN dan apakah usaha kerajaan negeri dalam memperhebatkan usaha, program kaunseling yang telah dijalankan bagi tahun 2023?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan negeri Johor melalui Jabatan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim telah mewujudkan satu inisiatif melalui Unit Kaunseling dan Motivasi bagi mempromosi kesejahteraan psikologi dan menangani masalah mental dalam kalangan masyarakat Johor. Kerajaan negeri Johor sentiasa berusaha dalam menyantuni Bangsa Johor dan antara usaha bagi tahun 2023, adalah satu program intervensi keluarga dan komuniti diperluaskan bagi meningkatkan kesejahteraan psikologi dan mental dengan peruntukan sebanyak RM200,000.00 seperti yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada 1 Disember 2022 yang lalu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, program ini bertujuan untuk menjadikan institusi kekeluargaan sebagai agen utama pembangunan dan kesejahteraan secara holistik, ia akan memanfaatkan seramai 5,000 penerima manfaat di negeri Johor melibatkan kanak-kanak, dewasa hingga ke warga emas. Program di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 3.0 ini, bermula dari tahun 2021, telah menerima sebanyak 10 kes rujukan mangsa keganasan rumah tangga.

Yang Berhormat Datuk Speaker, manakala jumlah sesi dan klien kes keganasan rumah tangga yang dikendalikan oleh LPPKN bermula tahun 2020 hingga Februari 2023, menunjukkan kes tertinggi adalah pada tahun 2021 iaitu sebanyak 4 sesi dan 3 klien, diikuti pada tahun 2022 iaitu 3 sesi dan 2 klien tentang isu keganasan rumah tangga.

Yang Berhormat Datuk Speaker, manakala jumlah sesi dan klien kes keganasan rumahtangga yang dikendalikan oleh LPPKN bermula tahun 2020 hingga Februari 2023, menunjukkan kes tertinggi adalah pada tahun 2021 iaitu sebanyak 4 sesi dan 3 klien diikuti pada tahun 2022 iaitu 3 sesi dan 2 klien tentang isu keganasan rumah tangga. Diikuti tahun 2020 pula hanya 2 sesi dan 2 klien terlibat dalam kes keganasan rumahtangga. Setakat Februari 2023, seramai 1 kes sahaja yang melibatkan 1 klien berkaitan dengan isu keganasan rumahtangga. Jumlah keseluruhan kes keganasan rumahtangga bagi tahun 2020 hingga Februari 2023 adalah sebanyak 10 sesi yang melibatkan 8 orang klien.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ingin saya kongsikan bahawa Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Johor berperanan memberi panduan kepada masyarakat tentang pentingnya usaha menghentikan sebarang bentuk keganasan terhadap wanita. Seramai 20,541 sukarelawan telah dilantik mewakili 26 Parlimen di Negeri Johor termasuk beberapa anggota Amanita iaitu satu unit khas di bawah Polis Diraja Malaysia dalam usaha mendapatkan maklumat berkaitan kegiatan jenayah yang tidak dilaporkan kepada masyarakat.

Pada masa ini, Pergerakan Skwad Wanita Anti Jenayah di bawah Jabatan Pembangunan Wanita sentiasa bergerak aktif dalam menyantuni masyarakat bagi menangani keganasan terhadap wanita tanpa melibatkan mana-mana peruntukan daripada kementerian atau kerajaan negeri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, namun setiap kes yang dirujuk ke unit kaunseling, jabatan-jabatan tidak dapat pasti sama ada ia menjadi kes mahkamah atau tidak kerana ianya adalah pilihan setiap klien untuk melakukan langkah seterusnya. Ada yang pihak jabatan terima di mana klien hanya ingin mendapatkan sokongan moral ataupun ada yang hanya mendengar luahan mereka. Tetapi setiap klien yang merujuk kepada kaunseling jabatan, akan tetap menerima khidmat nasihat dan panduan sehingga semuanya selesai.

Terima kasih Datuk Speaker.

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Tiram.

YB Tuan Haji Azizul bin Bachok (Tiram) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 11.

Berapakah peratus terkini penduduk di DUN Tiram yang telah mengambil dos penggalak yang kedua? Apakah usaha kerajaan negeri untuk menggalakkan usaha mendapatkan dos penggalak di kalangan Bangsa Johor?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan : Terima kasih Datuk Speaker. Terima kasih soalan daripada YB Tiram. Salam Bangsa Johor, salam Maju Johor, salam perpaduan.

Untuk maklumat seisi Dewan, pelaksanaan pemberian vaksin COVID-19 dos penggalak ataupun *booster dose* telah bermula pada 13 Oktober 2021 dengan menggunakan vaksin pfizer. Pemberian dos penggalak dilakukan secara sukarela dan percuma. Sehingga 6 Mac 2023, seramai 2,156,483 atau bersamaan dengan 78.9% penduduk dewasa berumur 18 tahun dan ke atas di negeri Johor telah menerima vaksinasi COVID-19 dos penggalak pertama. Dan seramai 87,343 atau bersamaan dengan 3.2% orang telah lengkap menerima dos penggalak kedua. Dan saya perlu meminta maaf dengan YB Tiram kerana saya tak dapat bekalkan apa ini jumlah penerima vaksin dos penggalak kedua mengikut kawasan DUN kerana pihak JKNJ tiada maklumat tersebut. Tetapi saya boleh bekalkan dengan mengikut daerah, yang saya berikan di daerah Johor Bahru jumlah penerima dos penggalak kedua adalah 4.2%, bagi Kulai 2.5%, bagi Pontian 1.5%, Batu Pahat 2.3% dan Muar 3.8%, Tangkak 2.3%, Segamat 2% dan Kluang 2.5%, Mersing 1.2% dan Kota Tinggi 1.9%. Dengan purata negerinya 3.2%.

Bagi penduduk dewasa yang berusia 18 tahun ke atas yang layak tetapi masih belum menerima dos penggalak vaksin COVID-19 pertama dan kedua, diharapkan dengan segera ke klinik kesihatan ataupun klinik swasta yang dikhaskan untuk segera mendapatkan bagi dos penggalak kedua tersebut. Ok, begitu sahaja jawapan saya, terima kasih.

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Bukit Naning.

YB Datuk Haji Mohd Fuad bin Tukirin (Bukit Naning) : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 12.

Bas Muafakat Johor merupakan inisiatif Kerajaan Johor untuk mengurangkan beban rakyat dengan menyediakan pengangkutan awam percuma, selesa dan berkesan. Adakah kerajaan bercadang meluaskan laluan perjalanannya contohnya di laluan utama Muar – Yong Peng agar turut dimanfaatkan oleh penduduk setempat selain mengurangkan kesesakan lalu lintas?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Naning.

Perkhidmatan bas percuma di negeri Johor adalah inisiatif dan keprihatinan kerajaan dalam memberikan perkhidmatan pengangkutan awam secara percuma dan meringankan kos sara hidup kepada seluruh warga negara Malaysia terutama yang bermastautin di negeri Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Naning, bagi perkhidmatan bas laluan rentas daerah, pengguna biasanya menggunakan perkhidmatan bas ekspres dan bas berbayar yang menjalankan operasi di kawasan atau jajaran laluan tersebut. Bagi pengguna dari Muar yang ingin ke Yong Peng, mereka perlu menaiki bas Mayang Sari ke Terminal Bas Batu Pahat dahulu sebelum mengambil perkhidmatan bas ke Yong Peng.

Sebelum ini Syarikat Lian Hoe Sdn. Bhd. ada menjalankan perkhidmatan bas dari Yong Peng ke Parit Sulong ke Muar dan balik ke Yong Peng. Namun syarikat ini telah menghentikan operasinya atas faktor kekangan kewangan bagi menampung kos operasi harian.

Kebanyakan laluan Bas Muafakat Johor dijalankan di dalam sempadan kawasan sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan. Perkhidmatan yang melibatkan rentas daerah dan kawasan PBT perlu mendapat persetujuan bersama PBT yang terlibat kerana akan melibatkan perkongsian kos pengoperasian. Jika terdapat permintaan yang tinggi yang melibatkan pengoperasian lebih dari satu kawasan PBT, pihak PAJ akan membawa cadangan bagi rundingan perkongsian kos kerana operasi Bas Muafakat Johor dijalankan setelah mendapat persetujuan Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat dan kerajaan negeri. Jarak perjalanan yang jauh juga merupakan aspek yang perlu dititikberatkan supaya perkhidmatan Bas Muafakat Johor dapat digunakan pada tahap yang maksimum. Jarak yang jauh juga menyebabkan pertambahan kilometer yang tinggi dan sekali gus melibatkan kos operasi harian perkhidmatan Bas Muafakat Johor yang akan ditanggung oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Bukit Naning, saya telah menerima sendiri surat permohonan daripada Yang Berhormat untuk diadakan Bas Muafakat Johor di kawasan Yang Berhormat di DUN Bukit Naning. Dan insya-Allah pihak kami akan menilai kebolehlaksanaan Bas Muafakat Johor di kawasan Yang Berhormat. Terima kasih.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Pekan Nanas.

YB Tuan Tan Eng Meng (Pekan Nanas) : Selamat pagi, salam sejahtera dan salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 13.

Adakah kerajaan mempunyai sebarang perancangan bagi memajukan sektor pelancongan khusus di kawasan Pekan Nanas?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya : Selamat sejahtera dan salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Pekan Nanas atas soalan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berdasarkan Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor 2014 – 2023, sememangnya terdapat pelbagai cadangan untuk membangunkan industri pelancongan di kawasan Pekan Nanas. Antaranya selaku pintu masuk bagi tapak RAMSAR Sungai Pulai di kawasan Jeram Batu, pintu masuk bagi air terjun dan taman ekorimba Gunung Pulai 1 dan 2 serta pusat perhubungan di antara Johor Bahru serta destinasi pelancongan daerah Pontian.

Terdapat juga cadangan bagi mewujudkan destinasi pelancongan agro seperti taman bertemakan agri nanas di Kampung Sawah, Pekan Nanas. Taman bertemakan ini bukan sahaja akan menjadi salah satu tarikan pelancongan baharu di daerah Pontian, tetapi juga turut akan berperanan sebagai pusat rujukan serta penyelidikan dalam bidang pertanian nanas. Taman tema ini juga akan jadi pelengkap kepada Muzium Nanas sedia ada yang terletak berhampiran dengan Pekan Nanas.

Antara komponen pembangunan taman tema ini yang dicadangkan adalah sepertimana berikut :

1. Pusat Proses dan Hasil Produk Nanas
2. Ladang Pertanian
3. Pusat Penjualan Hasil Nanas
4. Ruang Permainan Nanas Maze
5. *Farmstay* dan Ruang Persembahan Kebudayaan
6. Ruang TIC, Seminar dan Latihan
7. Pejabat Pengurusan

Walau bagaimanapun, cadangan ini masih belum dapat dilaksanakan lagi kerana tindakan pelaksanaannya memerlukan perancangan yang sangat rapi khususnya di dalam mengenal pasti pengusaha lokasi pengambilan tanah, latihan dan pengambilan pekerja untuk serta peruntukan ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan negeri melalui Majlis Perbandaran Pontian juga telah melaksanakan inisiatif dengan menubuhkan Jawatankuasa *Focus Group Discussion* Pelancongan Daerah Pontian. Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk menyokong dan membantu Jawatankuasa Tindakan Pelancongan Daerah Pontian yang dipengerusikan oleh Tuan Pegawai Daerah.

Objektif penubuhan *Focus Group Discussion* ini adalah untuk memperkasa promosi produk atau lokasi pelancongan di dalam daerah Pontian selain mengemas kini inventori produk atau lokasi pelancongan daerah Pontian bersama pihak berkepentingan antara agensi atau jabatan serta badan bukan kerajaan.

Majlis Perbandaran Pontian juga telah melaksanakan promosi produk atau lokasi pelancongan melalui digital *board* (papan digital) milik Majlis Daerah Pontian di lokasi seperti di persimpangan Pusat Perdagangan Pontian, persimpangan Jalan Alsagoff, persimpangan empat Benut, persimpangan Jalan Sawah Pekan Nanas dan Kukuk Laut.

Selain itu, Majlis Perbandaran Pontian juga telah menyediakan brosur pelancongan daerah Pontian yang dinamakan Jom Pontian dan terdapat QR Code di dalam brosur tersebut untuk memudahkan pelancong untuk melawati lokasi-lokasi produk pelancongan di dalam inventori yang telah dikemas kini. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ya sila.

YB Tuan Tan Eng Meng (Pekan Nanas) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker dan YB EXCO.

Soalan tambahan saya, berapakah statistik pelancong yang datang ke Pontian khususnya Pekan Nanas pada tahun 2022? Yang kedua, setakat ini berapa produk pelancongan di kawasan Pekan Nanas? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya : Terima kasih Yang Berhormat Pekan Nanas.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi rekod statistik pengunjung ke daerah Pontian adalah sebanyak 462,970 orang dan jumlah bagi jumlah pengunjung ke produk pelancongan di kawasan Pekan Nanas tahun 2022 adalah 94,498 merangkumi 20% pengunjung keseluruhan. Produk pelancongan di Pekan Nanas, untuk eko pelancongan ada Sinar Eco Resort, untuk produk agro pelancongan ada Nitar Farm, Pusat Teknologi Nanas Alor Bukit, untuk rekreasi ada Lata Seri Pulai, Nur Jannah Kem dan Eco Resort, untuk IKS dan

kraftangan ada *fast burger* cendawan, untuk makanan ada nanas cafe dan kopi dan mentega dan untuk penginapan *D'Hijrah Residence*. Terima kasih.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Tiram.

YB Tuan Haji Azizul bin Bachok (Tiram) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Maju Johor. Soalan saya, soalan 15.

Apakah perancangan kerajaan dalam mengatasi kesesakan dari arah Bandar Tiram/Bandar Cemerlang menuju pusat bandar yang sesak teruk pada waktu puncak terutama di kawasan Taman Desa Cemerlang/Taman Desa Jaya?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Tiram.

Yang Berhormat Tiram bertanyakan tentang kesesakan dari arah Bandar Tiram/Bandar Cemerlang menuju Pusat Bandar yang sesak teruk pada waktu puncak terutama di kawasan Taman Desa Cemerlang/Taman Desa Jaya.

Jalan yang dimaksudkan adalah laluan persekutuan FT003 Johor Bahru – Kota Tinggi. Kesesakan ini adalah berpunca daripada kadar bilangan aliran trafik yang tinggi hingga memasuki ke taman-taman perumahan berkepadatan tinggi di kawasan tersebut seperti Taman Perindustrian Cemerlang, Taman Desa Jaya dan Taman Mount Austin dan berlaku hanya pada waktu puncak.

Jalan Tebrau ke Puteri Wangsa sedia ada mempunyai 3 lorong, namun berlaku pengurangan kepada 2 lorong dan kembali ke 3 lorong selepas susur Taman Puteri Wangsa. Pengurangan lorong tersebut menjadi faktor utama kesesakan ini.

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan, susulan dari pemerhatian pihak JKR Daerah Johor Bahru mendapati kesesakan yang berlaku di kawasan tersebut adalah akibat pertembungan aliran trafik di antara persimpangan yang menjadikan kesesakan lebih buruk terutama pada waktu puncak.

Cadangan awal yang boleh dipertimbangkan untuk membantu mengurangkan kesesakan aliran trafik ini adalah dengan membina laluan bertingkat (*elevated route*) dari selepas persimpangan Taman Desa Jaya hingga sebelum Taman Pandan berhadapan Kem Desa Perwira Tebrau di Pandan untuk laluan Kota Tinggi ke Johor Baharu. Permohonan projek ini boleh diangkat di dalam *Rolling Plan* akan datang tertakluk kepada senarai keutamaan kerajaan negeri.

Sementara itu untuk makluman Yang Berhormat Tiram, pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru juga sedang menaik taraf sistem lampu isyarat kepada sistem kawalan berpusat di persimpangan lampu isyarat di sepanjang laluan tersebut. Sistem baharu ini membolehkan lampu isyarat dikawal secara dinamik dan automatik melalui pelan-pelan pemasangan lampu isyarat yang telah ditetapkan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru. Justeru itu, kesesakan lalu lintas dapat dikurangkan dengan pengurusan pemasangan lampu isyarat yang cekap mengikut keperluan semasa di tapak.

Selain itu Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi membantu pengguna jalan raya merancang perjalanan, MBBJ juga telah membangunkan laman sesawang *ittrafik.mbjb.gov.my* yang memaparkan keadaan semasa aliran trafik melalui cerapan gambar CCTV MBBJ. Ittrafik MBBJ juga boleh didapati dalam bentuk aplikasi *android* dan aplikasi *mbjbsport version 2*, dengan izin. Seterusnya, bagi perancangan jangka masa panjang, saya akan meminta

pihak pengangkutan awam negeri Johor untuk menambah baik sistem pengangkutan awam di kawasan tersebut. Dengan penyediaan sistem pengangkutan awam yang cekap, dapat mengurangkan bilangan kenderaan persendirian di atas jalan raya secara tidak langsung dapat mengurangkan kesesakan lalulintas. Terima kasih.

YB Speaker : Ye, sila Tiram.

YB Tuan Azizul bin Bachok (Tiram) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO di atas jawapan dan perancangan yang akan dilaksanakan bagi mengurangkan kesesakan trafik yang ada di kawasan tersebut. Cuma, saya minta satu kajian dibuat kerana dilihat di kawasan tersebut, khususnya daripada arah Bandar Tiram selepas persimpangan lampu isyarat Taman Desa Cemerlang di Petronas bawah itu, kalau kita menuju ke arah pusat bandar, sebelum susur ke persimpangan bertingkat menghala ke kawasan perindustrian Desa Cemerlang, kawasan Taman Pelangi Indah, Taman Gaya, dekat situ kalau kita tengok struktur ataupun kita tengok keadaan jalan raya di situ, sebelum susur naik ke atas itu, di situlah letaknya jejantas, di situ juga ada satu hentian *bus stop*, dengan izin. So, mungkin boleh dibuat satu kajian untuk melihat kesesuaian kerana dekat situlah yang menyebabkan jadi *bottleneck*, dengan izin, dekat situ khususnya pada waktu puncak. Sebab kesesakan itu berlarutan sehingga ke Bandar Tiram yang menyebabkan kalau mereka daripada arah Bandar Tiram menuju ke Daerah Johor Bahru ini paling tidak pun sekurang-kurangnya makan masa sehingga sejam setengah untuk sampai pada waktu pagi. Jadi, saya harap satu kajian dapat dibuat untuk melihat kesesuaian, kemudahan yang ada di situ. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Tiram. Saya mengambil maklum tentang cadangan daripada Yang Berhormat Tiram kerana kesesakan jalan raya bukan sahaja melibatkan jalan yang sempit tetapi juga melibatkan infra-infra di sekitarnya dan insya-Allah pihak saya, JKR Johor Bahru akan menilai cadangan Yang Berhormat. Terima kasih.

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Tenang.

YB Puan Hajah Haslinda binti Salleh (Tenang) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 16. Terima kasih.

Apakah kerajaan negeri mempunyai sebarang cadangan untuk menyediakan penempatan baharu kepada penduduk (B40) di Kampung Paya Merah Lama, Labis yang terjejas teruk setiap kali berlakunya bencana banjir?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh, selamat pagi Yang Berhormat Datuk Speaker. Soalan YB Tenang, apakah kerajaan negeri mempunyai sebarang cadangan untuk menyediakan penempatan baharu kepada penduduk (B40) di Kampung Paya Merah Lama, Labis yang terjejas teruk setiap kali berlakunya banjir, bencana banjir.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Pejabat Daerah Segamat akan menyelaraskan perbincangan mengenai cadangan untuk menyediakan penempatan baharu kepada penduduk (B40) di Kampung Paya Merah Lama, Labis yang terjejas teruk akibat banjir. Penyelarasan ini akan dijalankan bersama-sama wakil penduduk, Pejabat Tanah Daerah, JPS dan agensi yang terlibat. Pejabat Daerah juga akan memperhalusi cadangan tersebut sebelum dibawa kepada pertimbangan kerajaan negeri. Terima kasih.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Gambir.

YB Tuan Sahrihan bin Jani (Gambir) : Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 17. Terima kasih.

Berapakah jumlah penerima manfaat Program i-Berkat dan bagaimanakah kaedah penyampaian bantuan tersebut?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Gambir, terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Soalan Gambir adalah berkenaan jumlah penerima manfaat i-Berkat atau Inisiatif Bantu Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor dan bagaimanakah kaedah penyampaian bantuan tersebut?

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada tahun 2022, kerajaan negeri Johor telah melaksanakan Program Bantuan Kasih Bangsa Johor di mana salah satu inisiatif di bawah BKBJ ini adalah pelaksanaan Program Inisiatif Bantu Keluarga dan Masyarakat yang dilaksanakan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim. Program i-Berkat ini memfokuskan kepada bantuan sokongan kesihatan kepada golongan sasaran yang memerlukan seperti bantuan kerusi roda, katil boleh laras, susu khas, lampin pakai buang, tongkat pelbagai yang berkaitan tentang hal kesihatan. Salah satu objektif pelaksanaan ini adalah menyantuni golongan berpendapatan rendah melalui bantuan barangan sokongan kesihatan dan meringankan beban golongan sasaran yang berkeperluan khas terutamanya berkaitan kesihatan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pelaksanaan program ini pada tahun 2022 telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan telah memberi manfaat kepada lebih 1,600 orang yang terdiri daripada pesakit kronik dan terlantar, orang kurang upaya, warga emas, B40, ibu tunggal, kanak-kanak.

Yang Berhormat Datuk Speaker, penyampaian bantuan ini disampaikan dengan pelbagai cara atau kaedah seperti penyampaian terus ke rumah iaitu bagi penerima atau pesakit terlantar, warga emas, orang kurang upaya. Penyampaian ke rumah ini disampaikan sama ada melalui Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan atau wakilnya melalui pegawai serta kakitangan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim. Pengagihan bantuan i-Berkat ini turut disampaikan sama ada dalam majlis-majlis rasmi kerajaan atau dalam program yang dilaksanakan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim sendiri di peringkat negeri dan daerah. Berdasarkan sambutan yang menggalakkan serta manfaat dari program ini, kerajaan negeri Johor telah meneruskan pelaksanaan ini sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi semasa Pembentangan Bajet Negeri Johor pada 1 Disember 2022 yang lalu, di bawah Teras Ketiga Jaringan Keselamatan Sosial Strategi 2 Kebajikan Rakyat, Inisiatif 2, Penguatkuasaan Institusi Keluarga dan Pemerkasaaan Wanita melalui peruntukan sebanyak RM1.5 juta pada tahun 2023 dianggarkan seramai 2,000 orang akan menerima manfaat secara langsung di bawah program ini. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Tuan Sahrihan bin Jani (Gambir) : Terima kasih YB EXCO. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan saya. Apakah syarat utama dalam membuat permohonan Program i-Berkat ini dan bagaimana rakyat boleh membuat permohonan tersebut? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Gambir. Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan negeri Johor melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim sentiasa menyantuni dan membantu meringankan beban golongan sasaran. Bantuan khusus ini merupakan bantuan barangan keperluan kesihatan bagi memastikan Bangsa Johor terus disantuni dan kekal sihat.

Program ini disasarkan kepada golongan berpendapatan rendah atau golongan yang memerlukan bantuan sokongan kesihatan, OKU, warga emas, pesakit uzur kronik terlantar, merangkumi semua peringkat umur. Permohonan ini adalah secara terbuka kepada yang layak melalui borang permohonan i-Berkat 2023 yang diwar-warkan di laman sesawang Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim, media sosial Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim dan kerajaan negeri Johor serta melalui Wakil-Wakil Rakyat, penghulu, ketua-ketua kampung, ketua masyarakat setempat dan Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Pemohon juga boleh mengimbas QR Code atau klik pautan borang yang disediakan di poster menghantar borang permohonan.

Pemohon juga boleh memuat turun melalui laman sesawang ypkdt untuk dilengkapkan dan menghantar segala dokumen yang diminta secara fizikal ke Pejabat YPKDT berhampiran. Semua borang permohonan yang diterima akan disemak dan dibuat siasatan oleh pegawai YPK bagi tujuan kelulusan. Program ini dijalankan sepanjang tahun 2023 dan kini YPK sedang dalam proses melepasi penerima. Insya-Allah, jika tiada aral melintang Yang Berhormat Datuk Speaker, program ini dan penyampaian akan disampaikan tidak lama lagi iaitu bermula awal 2023. Terima kasih Datuk Speaker.

YB Speaker : Saya jemput Yang Berhormat Stulang. Ada? Tidak ada?

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Sidang ini ditangguhkan sehingga 11.20 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11.20 pagi.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat. Hari ini adalah hari terakhir untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat berbahas atas Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Esok kita akan mendengar penggulungan daripada Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa dan seterusnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan membuat penggulungan pada hari Isnin, 27 Mac 2023 atas perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Dijemput Yang Berhormat Bukit Naning.

YB Datuk Haji Mohd Fuad bin Tukirin (Bukit Naning) : Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, Salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, Speaker Dewan Undangan Negeri Johor, Yang Berhormat Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Johor, Yang Amat Berhormat Datuk Onn Hafiz Ghazi Menteri Besar Johor, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Johor, tuan-tuan, puan-puan Sidang Dewan yang saya hormati sekalian.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Alhamdulillah segala puji dan syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan izin dan kehendakNya jua, maka kita berkumpul pada hari ini menghadiri sesi Persidangan Dewan Undangan Negeri ini. Saya bersama seluruh Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri serta sidang Dewan menzahirkan sekalung tahniah serta usul terima kasih dan ucapan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan

Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tuanku Mahkota Johor bagi pembukaan Persidangan Dewan Undangan Negeri Johor ini. Sejarah Johor gemilang bestari, kaya warisan makmur terulung, Tuanku laksana payung negeri, seluruh rakyat sejahtera bernaung.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di kesempatan ini dengan penuh hormat dan rendah hati saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan, Tunku Mahkota Johor.

Alhamdulillah, hari ini takdir Allah menetapkan kita dapat berhimpun di Dewan yang mulia ini bersama Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri serta Sidang Dewan yang dihormati sekalian bagi menyempurnakan tanggungjawab kita sebagai Wakil Rakyat sempena persidangan kali ini. Sejambak syabas juga kepada Yang Berhormat Datuk Speaker yang telah berjaya mengendalikan sidang Dewan dengan jayanya. Semoga Yang Berhormat Datuk Speaker terus dipermudahkan dalam urusan mengendalikan Persidangan Dewan ini demi mengangkat martabat Dewan yang mulia ini.

Di kesempatan ini saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar Johor di atas kecemerlangannya memacu ekonomi negeri Johor sehingga berjaya membantu negeri ini iaitu negeri Johor merekodkan pelaburan langsung iaitu *FDI* tertinggi dalam negara kita bagi tahun 2022 iaitu sebanyak RM70.6 bilion. Di mana dengan kemasukan pelaburan tersebut akan menghasilkan lebih 12,000 peluang pekerjaan. Kami seluruh rakyat DUN Bukit Naning turut mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk semoga kecemerlangan ini dapat mempertingkatkan lagi kecemerlangan Bangsa Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagaimana kita sedia maklum pembangunan dan pembentukan sahsiah amat penting dalam membentuk sesebuah masyarakat yang berjaya di mana ianya melibatkan proses penerapan, membina dan mencapai kemajuan insan atau masyarakat.

Dengan erti kata lain, pembinaan modal insan yang tepat dan betul dapat membantu sesebuah negara dalam melahirkan masyarakat cemerlang yang dapat memastikan kejayaan masa depan negara.

Secara umum dan amnya, konsep pembangunan modal insan dan kepentingannya berkenaan dalam pembangunan negara pada masa kini dan masa hadapan. Pembangunan insan dirujuk sebagai pembangunan sumber manusia yang perlu digilap di peringkat awal iaitu semasa di usia muda kerana ia merupakan elemen penting bagi memastikan negara terus berdaya saing dan tahan lebih-lebih dalam zaman ekonomi sejagat yang berlandaskan pengetahuan serta bertunjangkan sains dan teknologi.

Ini bertepatan dengan tema belanjawan kita bagi tahun 2023 iaitu Maju Johor Makmur Bersama Rakyat dengan menggariskan 6 teras dalam urus tadbir Belanjawan 2023 iaitu Urus Tadbir Kerajaan, Pembangunan Ekonomi, Jaringan Sosial, Kemudahan dan Keperluan Asas, Keselamatan, Kebersihan dan Alam Sekitar serta Orang Muda Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pembangunan dan pembentukan sahsiah insan hanya akan dapat dijayakan melalui latihan dan penerapan motivasi dalam usaha melahirkan generasi muda yang berketerampilan serta mempunyai semangat jati diri dan berkeyakinan tinggi.

Bagi merealisasikan hasrat ini, kami di DUN Bukit Naning mohon diwujudkan fasiliti kemudahan latihan seperti kem bina semangat bagi kemudahan belia khasnya di DUN Bukit Naning.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pendidikan merupakan satu proses mendidik seseorang insan untuk memperoleh keilmuan sehingga dapat mengubah tingkah laku serta sikap daripada negatif kepada positif. Pendidikan juga dapat mengembangkan potensi individu ke arah positif seperti membina akhlak budi, pekerti dan peribadi yang mulia. Malahan, pendidikan membangunkan modal insan daripada aspek sosial iaitu sumbangan seseorang kepada diri, masyarakat serta negeri Johor.

Kami di DUN Bukit Naning ingin bersama menjadi sebahagian daripada penyumbang kepada pembangunan insan seterusnya membantu ke arah pembangunan negeri Johor. Dengan adanya fasiliti kemudahan latihan seperti kem bina semangat ini, ianya akan dapat memberi banyak faedah dan manfaat kepada golongan belia di DUN Bukit Naning. Burung pipit terbang melata, hinggap sebentar di dahan yang rapuh. Puncak jaya yang ingin dicita, segala cabaran harus ditempuh.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pusat pengajian tinggi mahu pun institut kemahiran perlu diwujudkan di DUN Bukit Naning. Ia bagi melahirkan graduan dalam bidang-bidang tertentu yang akan menyumbang kepada pembangunan negara. Adakah kerajaan sedia menimbangkannya demi kemajuan dan pembangunan jangka panjang di DUN Bukit Naning?

Yang Berhormat Datuk Speaker, masyarakat yang mempunyai pendidikan yang tinggi akan membantu memacu pembangunan dan meneruskan kesinambungan kejayaan sesebuah negara. Malah tidak keterlaluan kalau saya nyatakan bahawa masyarakat yang gagal menguasai ilmu serta kemahiran seiring perkembangan semasa akan memberi kesan kepada pembinaan negara dan bangsa itu sendiri.

Melihat senario semasa, kerajaan cukup menekankan pentingnya pendidikan sehingga peringkat tertinggi termasuk pembelajaran sepanjang hayat. Namun, statistik yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan baru-baru ini 72.1% atau 390,000 pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia iaitu SPM tidak berminat menyambung pelajaran selepas keputusan yang amat mengejutkan sekali. Ianya menimbulkan persoalan dan kebimbangan kita. Berdasarkan kajian ini juga, hanya 170,000 daripada 560,000 calon yang mengambil peperiksaan itu berminat menyambung pelajaran di dalam bidang akademik. Sudah tentu ini bukan isu remeh dan boleh dipinggirkan begitu sahaja. Jauh sekali dipandang sebelah mata kerana ia melibatkan soal masa depan negara. Apabila hal sebegini terjadi pasti ramai tertanya-tanya mengapa ianya berlaku. Ketika negara mahu rakyatnya maju dan menguasai pelbagai kemahiran dan teknologi tertinggi.

Seterusnya, kita perlu memikirkan apakah sebenarnya dimahukan oleh anak-anak muda hari ini yang sepatutnya menjadi pelapis kepada pembangunan dan kepimpinan negara di masa akan datang. Justeru, saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini bagi menyatakan usul bahawa DUN Bukit Naning memerlukan perhatian daripada kerajaan negeri di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi agar dapat kiranya menyediakan sebuah tapak untuk pembinaan sebuah institut kemahiran bagi memberi peluang kepada anak-anak muda warga DUN Bukit Naning menyambung pelajaran di dalam bidang kemahiran.

Yang Berhormat Datuk Speaker, usaha ini juga bagi memastikan kecemerlangan bangsa yang bertunjangan kepada kualiti masyarakatnya dalam pendidikan. Di mana majoriti negara maju di dunia ini mempunyai penduduk yang memiliki kelulusan ijazah pertama dan seterusnya.

Justeru itu, kita harus beri perhatian serius agar mereka ada kualiti dan kelayakan untuk kesinambungan kejayaan pada masa akan datang.

Di samping itu, usaha ini bagi memastikan pelajar yang berminat dalam bidang kemahiran supaya tidak ketinggalan untuk melanjutkan pengajian dalam bidang tersebut kerana kemahiran yang tidak diiringi kelulusan dari pusat pengajian tinggi akan menghadkan potensi tawaran pekerjaan yang lebih baik. Hendak belayar ke Telok Betung, sambil mencuba labuhkan pukut. Buat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai menyahut seruan kerajaan terhadap memperkasakan sekuriti makanan negara adakah kerajaan mengaktifkan agensi-agensi berkaitan dalam membangunkan tanah-tanah terbiar, contohnya dengan menganjurkan kerjasama pintar antara syarikat swasta dengan pemilik tanah bagi penanaman berasaskan makanan khususnya di DUN Bukit Naning.

YB Speaker : Yang Berhormat, tinggal 2 minit.

YB Datuk Haji Mohd Fuad bin Tukirin : Sebagai.. Minta maaf, Yang Berhormat Datuk Speaker. Sikit lagi.

Sebagai contoh, program jualan terus dari ladang iaitu JTDL dianjurkan oleh FAMA sebagai inisiatif menyediakan *outlet* pemasaran kepada usahawan yang juga peserta ladang kontrak mempromosikan produk hasil pertanian dan industri asas tani kepada pengguna pada harga yang berpatutan. JTDL mampu menawarkan harga lebih berpatutan kepada pengguna iaitu lebih 5 hingga 20% lebih rendah daripada harga pasaran dan harga yang munasabah kepada pengeluar iaitu sekitar 50% daripada harga pengguna.

Program sebegini menggalakkan peserta ladang kontrak membuat jualan terus hasil pertanian masing-masing kepada pengguna tanpa membabitkan orang tengah. Dengan ini mereka mampu mendapat pulangan yang lebih tinggi.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pembangunan usahawan asas tani di bidang agro makanan dan usahawan memproses makanan yang menekankan kepada peningkatan pengeluaran produk yang berkualiti dan berdaya saing di pasaran global telah dipelopori oleh beberapa kementerian khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Sehubungan itu, aspek promosi, pemasaran serta penggunaan teknologi tinggi diberi tumpuan ke arah mencapai objektif ini. Usaha ini bagi memperkasakan sekuriti makanan negara di samping mengurangkan kebergantungan terhadap barangan import sebaliknya merencanakan kembali industri makanan dalam negara untuk mengatasi kenaikan harga yang melampau kini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir kalam saya sudahi ucapan saya ini dengan wabillahitaufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Bukit Naning mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Naning. Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan ini mengalu-alukan kehadiran pemerhati seramai 18 orang daripada kawasan DUN Pasir Raja. Seterusnya dijemput Yang Berhormat Skudai.

YB Puan Marina binti Ibrahim (Skudai) : Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih Datuk Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Maju Johor, salam Malaysia Madani.

Saya memulakan perbahasan pada hari ini sebagai Ahli Dewan yang mulia, dengan menjunjung kasih atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar tatkala berlangsungnya Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Ke-15 pada minggu lalu. Alhamdulillah, sesungguhnya setiap butir titah Duli Yang Maha Mulia menjadi panduan dan pedoman untuk kita semua berbahas dengan harmoni demi kepentingan negeri dan juga Bangsa Johor. Patik dan juga rakyat Johor juga sentiasa bersyukur di atas keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor serta seluruh kerabat Diraja Johor terhadap banjir besar yang dialami oleh Bangsa Johor baru-baru ini. Banyak sumbangan segera yang dikurniakan bagi mengurangkan bebanan mangsa-mangsa banjir.

Saya juga ingin ambil kesempatan pada hari ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak EXCO Yang Berhormat sekalian, agensi serta kakitangan kerajaan yang turut bersama-sama bagi menghulurkan tangan dan meringankan beban mangsa-mangsa banjir tanpa mengira kawasan. Dan, saya juga mengambil dan menyambut baik cadangan Menteri Besar Johor yang mana bagi mewujudkan satu Jawatankuasa Perubahan Iklim dan juga Pengurusan Bencana yang turut melibatkan pihak pengimbang. Ini sebenarnya membuktikan bahawa Menteri Besar adalah seorang yang *walk the talk*, dengan izin dan benar-benar meletakkan kepentingan rakyat sebagai keutamaan, berbanding dengan kepentingan politik semata. Saya percaya jika kerjasama sebegini berterusan dalam menjaga kepentingan rakyat, insya-Allah, lebih banyak isu-isu yang dapat kita bersama-sama perjuangkan untuk kepentingan Bangsa Johor.

Ahli Yang Berhormat sekalian, 12 Mac lalu maka genaplah setahun kita semua diangkat menjadi pembawa suara rakyat di dalam Dewan yang mulia ini. Kita semua rela menggalas amanah dan kepercayaan yang diberikan oleh rakyat pada hari ini. Maka, di sinilah pada hari ini kita berdiri dan kita duduk untuk membawa suara mereka dan semoga dalam tahun ini dan tahun-tahun seterusnya sehingga habis penggal insya-Allah, kita semua akan terus berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik. Malahan lebih baik sepanjang perkhidmatan kita sebagai pembawa suara rakyat.

Ahli Dewan sekalian, saya dengan penuh rendah diri pada hari ini mengambil bahagian dalam sesi perbahasan dalam Dewan yang mulia dengan mencerakinkan suara rakyat di Skudai kepada 2 titik tumpu iaitu rejuvenasi Skudai dan juga penguatkuasaan teras kesejahteraan pada masa hadapan. Ahli Yang Berhormat sekalian, rejuvenasi Skudai, saya mendukung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dan menggalas amanah sebagai Ahli Dewan yang mulia ini dengan baik. Sehubungan dengan itu, saya mewakili suara rakyat Skudai ingin mengambil perhatian kerajaan negeri dan juga agensi terlibat di sini. Kalau kita lihat Skudai merupakan salah satu kawasan yang mana mempunyai populasi yang terbanyak di kawasan Johor, lebih kurang 160,000 orang. Kawasan perumahan seperti Taman Ungku Tun Aminah, Bandar Selesa Jaya, Taman Sri Skudai dan juga Taman Skudai Baru antara kawasan perumahan lama di Skudai. Pejabat saya juga sering menerima pelbagai aduan berkenaan dengan masalah komuniti di kawasan-kawasan tersebut.

Jadi untuk pengetahuan semua, Taman Ungku Tun Aminah merupakan kawasan perumahan moden yang terawal dibangunkan di kawasan Skudai iaitu pada tahun 80an. Taman ini dilengkapi dengan kawasan perniagaan, perumahan, pusat membeli belah, pelbagai kemudahan awam dan juga kawasan flat-flat kos rendah. Akan tetapi setelah 40 tahun berlalu, banyak taman baharu di sekeliling telah wujud dan membawa pertumbuhan kepada penduduk keseluruhan di kawasan Skudai untuk membangunkan ekonomi di sini. Di sebalik pembangunan baharu, Taman Ungku Tun Aminah sedang menjadi lebih usang dan uzur. Keusangan itu menjadi lebih jelas apabila di kelilingi dengan taman-taman yang lebih moden dan juga teratur. Antara masalah yang selalu timbul adalah dinding longkang runtuh, lampu jalan tidak berfungsi, penyambungan haram di kawasan perniagaan, malahan perumahan yang mana mengundang masalah. Masalah longkang lama yang tidak mampu

menampung taburan hujan pada masa kini juga menjadi satu masalah yang harus difikirkan kerana banyak kes-kes ataupun masalah banjir yang berpunca daripada longkang yang sempit. Masalah longkang tersumbat juga sering berlaku apabila penduduk membuat penyambungan haram. Apabila masalah-masalah sedemikian wujud, mereka pula akan menyatakan bahawa tidak ada pihak yang menegur mereka, kerana mereka bebas berbuat demikian lebih daripada 30 tahun. Dan mereka tidak memahami kesalahan mereka. Sikap peniaga yang degil dan penguatkuasaan yang lemah juga menyebabkan masalah kebersihan kawasan perniagaan berlarutan sekian lama.

Namun kita juga perlu faham bahawa di kawasan yang tua seperti ini, penduduk di sini terdiri daripada golongan yang berpendidikan rendah, B40 ataupun warga emas. Ia mempunyai sedikit kekangan untuk komunikasi dan juga memahamkan mereka berkenaan undang-undang PBT yang sedia ada. Keadaan kawasan flat di Taman Ungku Tun Aminah juga dibina pada tahun 80an, makin teruk dan sangat merisaukan. Banyak fasiliti flat semakin usang dan semakin tidak selesa untuk diduduki oleh penduduk. Keadaan menjadi lebih teruk apabila Badan Pengurusan Flat ataupun JMB lemah dalam menunaikan tanggungjawab dan juga penduduk enggan membayar bayaran pengurusan. Oleh yang demikian, JMB ataupun Badan Pengurusan tidak mempunyai dana yang secukupnya untuk menaik taraf fasiliti flat. Namun kita juga tak boleh menyalahkan ataupun meletakkan kesalahan hanya kepada Badan Pengurusan, kerana mereka juga menghadapi kekangan. Yang mana terdapat Badan Pengurusan di sini terdiri daripada beberapa penduduk yang berusia dan mereka tidak memahami langsung undang-undang. Apabila mereka ini membuat sesuatu dengan tujuan membangunkan kawasan seperti di flat Tun Aminah, tidak ada orang yang membimbing mereka. Pelbagai masalah seperti apa yang saya sebutkan di atas adalah sebab-sebab mengapa kita perlu merancang, pelan rejuvenasi untuk membangunkan semula kawasan-kawasan lama seperti Taman Ungku Tun Aminah. Ini supaya dapat mewujudkan satu nafas baru terutamanya di kawasan terpinggir, terbiar usang dan tidak ekonomik.

Proses pembaharuan semula bandar ataupun *urban renewal* boleh dilakukan supaya nilai, imej dan reka bentuk bandar boleh ditingkatkan. Pelan tersebut perlu untuk memastikan kelestarian bagi kawasan-kawasan yang uzur ini supaya kualiti kehidupan penduduk sedia ada dapat dijamin dalam jangka masa yang panjang. Tindakan yang patut dirangkumkan adalah penguatkuasaan undang-undang PBT, menaik taraf fasiliti awam, mengubah perancangan tempatan, seliaan dan bimbingan kepada Badan Pengurusan Flat Kos Rendah dan sebagainya.

Selain itu, konsep bandar pintar iaitu *Smart City* dan bandar rendah karbon juga merupakan usul yang penting agar dapat memastikan hala tuju yang selaras dengan agenda nasional dan global yang menitikberatkan pembangunan mampan. Kerjasama antara PBT dan syarikat persendirian amat diperlukan dalam membangunkan semula bangunan terbengkalai, perancangan penggunaan tanah kosong dan juga mewujudkan kawasan ekonomi yang lebih teratur dan mampu memanfaatkan penduduk setempat. Sebagai contohnya, pihak PBT boleh membantu syarikat persendirian dalam proses untuk membangunkan medan selera di sebuah tanah lapang. Ia dapat menempatkan peniaga-peniaga yang kini mencari rezeki di jalanan. Mengurangkan masalah restoran yang menghalang kaki lima dan sekali gus menyelesaikan masalah kebersihan sekian lama. Pejabat saya dan juga pejabat Ahli Parlimen Iskandar Puteri menyambut baik jika Pihak Berkuasa Tempatan ingin berbuat demikian.

Kedua, penguatkuasaan teras kesejahteraan masa hadapan. Sebelum saya menghuraikan isu ini lebih lanjut, sukalah untuk saya menterjemahkan maksud penguatkuasaan. Untuk pemahaman kita bersama, penguatkuasaan bererti satu tindakan untuk memastikan orang ramai mematuhi undang-undang atau peraturan tertentu untuk kesejahteraan awam. Dalam PBT apa tujuan penguatkuasaan? Untuk memastikan masyarakat mematuhi undang-

undang, memastikan premis-premis mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan agar tidak menimbulkan masalah kepada awam, memastikan persekitaran bandar raya ataupun kawasan teratur serta memberi keselesaan awam. Kalau nak diterjemahkan panjang sangat. Jadi sebenarnya peranan proaktif agensi-agensi penguatkuasaan dalam mendaulatkan undang-undang membabitkan kesejahteraan rakyat sebenarnya sangat penting. Dan pihak kerajaan tempatan kita pada hari ini mempunyai banyak sangat undang-undang yang mana bertujuan mewujudkan kesejahteraan, mengawal rakyat demi kebaikan awam. Akan tetapi kalau kita lihat kekurangan penguatkuasaan. Tindakan mewujudkan undang-undang tanpa penguatkuasaan akhirnya akan memakan diri Pihak Berkuasa Tempatan yang mana kesannya mungkin akan dituai 5 hingga 15 akan datang. Ini boleh kita lihat dalam situasi ataupun apa yang berlaku di kawasan Skudai pada hari ini yang mana penyambungan haram yang telah berlaku lebih daripada 10 tahun. Penyambungan haram yang berleluasa seolah tiada siapa yang nampak. Pelanggaran undang-undang pembangunan, kegunaan tanah dan perkara lain-lain ini.

Saya ambil contoh tuan-tuan dan puan-puan sekalian, penyambungan haram yang mana kebanyakannya melibatkan pembinaan, binaan di atas longkang dan akhirnya menimbulkan masalah seperti tersumbat, yang mana menyusahkan kerja pembersihan. Penyambungan yang menutup laluan belakang rumah ataupun sehingga mengambil hak tanah pihak lain yang menimbulkan isu yang sangat sukar diselesaikan setelah bertahun lama dibiarkan. Dalam isu sebegini, kebanyakan pemilik premis kediaman mahu pun perniagaan akhirnya akan mempersoalkan integriti pihak berkuasa seperti mengapa setelah berbelas tahun baru tindakan diambil? Kenapa di sana boleh lakukan penyambungan tetapi di sini tidak boleh? Ada pulak pihak awam melihat dan mempertikaikan selama ini adakah pihak berkuasa tidak melihat segala kesalahan yang dilakukan secara terang-terangan? Perkara sebegini akhirnya hanya akan mengelirukan orang awam dan menjadi bebanan kepada PBT pada hujungnya.

Peranan proaktif yang dimainkan bukan sekadar menguatkuasakan undang-undang, sebaliknya perlu dimulai dengan pendidikan, kesedaran dalam masyarakat terlebih dahulu. Ini bagi memahamkan masyarakat apa keperluan sesuatu undang itu diterapkan dan ditetapkan. Penguatkuasaan undang-undang tanpa pendidikan kesedaran hanya satu perkara yang sia-sia dan memberi kesan kepada masyarakat serta menjejaskan reputasi penguatkuasaan itu sendiri. Sistem penguatkuasaan kita kini penuh dengan undang-undang yang dapat menjadikan rakyat teratur tetapi sejauh mana undang-undang ini dikuatkuasakan, harus dikaji. Jangan menunggu sesuatu masalah itu telah merebak menjadi barah, masa itu baru undang-undang yang ada, ingin dipakai dengan betul. Waktu itu sukar untuk kita merawat akar permasalahan tersebut.

Pada hari ini saya nak ambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Datuk Bandar Iskandar Puteri, Dato' Hafiz yang mana baru-baru ini beliau berusaha mengadakan dialog bagi menjelaskan kepada pihak premis perniagaan di kawasan-kawasan Skudai yang mana ada di antara mereka melanggar syarat berkenaan mengapa tindakan penguatkuasaan itu diambil terhadap premis yang melanggar peraturan. Tindakan yang diambil oleh MBIP yang mana menjelaskan, memberikan penjelasan kepada peniaga, kepada penduduk melalui dialog adalah sangat baik, berbanding mengambil tindakan tanpa diperjelaskan kesalahan dan kemudaratan daripada kesalahan yang dilakukan. Saya juga ingin ambil kesempatan di sini kepada Yang Berhormat sekalian. Sebagai pemimpin kita harus berani dan bertegas untuk memastikan rakyat kita mematuhi undang-undang. Jangan pula hanya kerana undi, kita menyebelahi mereka dan memejamkan mata terhadap kesalahan yang mereka lakukan. Jangan pula bila kita pergi keluar negara, kita memuji-muji sikap rakyat luar negara dalam mematuhi undang-undang, dalam menjaga kesejahteraan kawasan akan tetapi apabila di negara sendiri kitalah menjadi penyumbang, penyebab rakyat kita berani melanggar undang-undang dan berbuat sesuka hati.

YB Speaker : Yang Berhormat tinggal 2 minit.

YB Puan Marina binti Ibrahim (Skudai) : Baik Tuan. Dan sebagai seorang yang biasa dalam NGO, yang mana juga bekas Ahli Majlis dan kini seorang ADUN, saya suka sangat dengan kenyataan yang dilontarkan oleh Dato' Jasni selaku EXCO semalam, yang mana kenyataannya penuh nilai kemanusiaan terhadap penjaja, yang mana membantu mendapatkan solusi bukan menghukum tanpa menilai kedudukan mereka.

Dan kesimpulannya akhir kata, saya menggulung perbahasan pada hari ini dengan sekali lagi Menjunjung Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dan berharap agar kita semua sentiasa dapat berkerjasama erat dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik bagi Bangsa Johor. Salam Ramadan dan selamat berpuasa kepada semua muslimin dan muslimat semua. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Skudai. Dijemput Yang Berhormat Penawar.

YB Puan Fauziah binti Misri (Penawar) : Bismillahirrahmannirahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian mewakili suara DUN Penawar dalam sesi perbahasan Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dalam Sidang Dewan yang mulia ini. Patik menjunjung kasih ke atas Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku merasmikan Dewan yang mulia ini.

Seperti Ahli-Ahli Dewan yang lain, saya juga mengambil peluang untuk membawa isu banjir yang melanda negeri kita. Khususnya di kawasan saya iaitu DUN Penawar. Cuma bezanya, banjir di Penawar berlaku lebih awal, iaitu pada Januari yang lalu. Patik menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar di atas perkenan mencemar Duli berangkat ke DUN Penawar untuk menemui mangsa-mangsa banjir di PPS Dewan Muafakat Taman Desaru Utama dan Sekolah Kebangsaan Bandar Penawar 1, pada 26 Januari 2023 yang lalu. Baginda turut perkenan menyampaikan sumbangan daripada Yayasan Sultan Ibrahim Johor kepada mangsa-mangsa di PPS tersebut. Patik mewakili rakyat DUN Penawar mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuanku, sesungguhnya kehadiran Tuanku memberikan penawar dan kegembiraan kepada masyarakat yang sedang berduka ditimpa musibah banjir.

Yang Berhormat Datuk Speaker, banjir yang melanda Penawar pada tahun ini boleh dikatakan antara yang terburuk dalam sejarah. Sebanyak 3 pusat pemindahan banjir di buka dan pelbagai kerugian terpaksa di hadapi penduduk. Saya dan juga beberapa agensi seperti Majlis Perbandaran Pengerang dan juga Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Kota Tinggi telah pun mengadakan pelbagai lawatan ke kawasan *hot spot* banjir dan pelbagai langkah jangka masa pendek telah di ambil. Namun begitu, tiada siapa yang boleh menghalang kekuasaan Allah SWT.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua agensi yang terlibat membantu mangsa banjir dan juga kerja-kerja pasca banjir terutamanya Pejabat Daerah, JPS Daerah Kota Tinggi, Majlis Perbandaran Pengerang, Jabatan Bomba dan Penyelamat, ATM, APM, *Southern Volunteers*, kelab-kelab belia, badan-badan bukan kerajaan dan ramai lagi.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, di kawasan Penawar terdapat 3 kawasan utama yang teruk di landa banjir iaitu Taman Desaru Utama, Kampung Baru Sungai Mas dan juga

Taman Sri Penawar iaitu di Jalan Ladang Siang. Mesyuarat Majlis Tindakan Daerah telah menggariskan beberapa pelan jangka pendek dan pelan jangka panjang. Antaranya ialah naik taraf sistem perparitan di Jalan Balau, baik pulih dan selenggara Sungai Cemar dan baik pulih setiap longkang dan pembentung sedia ada. Saya berharap kerajaan negeri memastikan bahawa kesemua perancangan dan cadangan penyelesaian ini dapat dilaksanakan mengikut jadual supaya kejadian sama tidak berulang lagi. Paling tidak pun kita dapat mengurangkan risiko dan juga kesan banjir tersebut.

Saya juga memohon kerajaan negeri untuk mengkaji dan mencari langkah penyelesaian segera dan terbaik untuk mengatasi banjir di kawasan Taman Penawar Harmoni. Saya dapati bahawa *culvert* berhampiran loji air IWK perlu di naik taraf dan perlu membina saluran baru untuk menampung air bukit atau tanah UTM. Dalam hal ini, saya berharap kerajaan negeri dapat mengkaji dan mengenal pasti punca utama berlakunya banjir terutamanya di kawasan *hot spot* di kawasan DUN Penawar. Jika tidak, situasi sama perlu dihadapi penduduk pada setiap tahun. Saya tidak mahu langkah-langkah jangka masa pendek sahaja yang dilakukan kerana lama kelamaan kejadian sama pasti berulang. Justeru, saya memohon kepada kerajaan negeri melalui agensi berkaitan untuk menyenaraikan semua langkah jangka masa pendek dan jangka masa panjang untuk mengatasi masalah banjir di DUN Penawar.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin beralih kepada isu yang amat penting untuk generasi yang akan datang. Berdasarkan statistik dari JKM, sebanyak 5,572 kes melibatkan penderaan dan pengabaian kanak-kanak di kendalikan Jabatan Kebajikan Masyarakat sehingga November 2022. Ia meliputi kes-kes yang terlibat seperti penderaan fizikal, seksual, emosi dan pengabaian. Hal ini sangat membimbangkan kanak-kanak akan menjadi trauma dan berisiko tinggi untuk menghadapi masalah mental. Kanak-kanak mempunyai hak untuk hidup dengan aman, dan dibesarkan dengan cara yang baik. Bukan setakat ibu bapa kita semua perlu sama-sama berganding bahu memperjuangkan nasib-nasib kanak-kanak yang menjadi mangsa dan dalam masa yang sama merangka pelan tindakan untuk mencegah masalah ini menjadi lebih barah dalam negara kita khususnya dalam negeri Johor. Saya tidak mahu kes-kes yang meruntun jiwa dan merobek hati kita berulang lagi.

Rakyat Malaysia tidak pernah lupa apa yang telah terjadi kepada allahyarhamah adik Nurin Jazlin Jazimin dan adik Nurul Huda Abdul Ghani dan allahyarhamah Nurul Nadirah Abdullah yakni Dirang pada 2012. Baru-baru ini sekali lagi kita digempar lagi dengan berita menyahat hati apabila kanak-kanak berusia empat tahun mati akibat di dera. Saya menjunjung kasih titah Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah yang bertitah supaya kerajaan perlu mempertimbangkan untuk menubuhkan jawatan khas bagi menangani isu kanak-kanak termasuk penderaan dan buli di sekolah. Baginda juga bertitah akta kanak-kanak perlu diperkukuhkan dengan memperuntukan perundangan supaya tindakan yang lebih proaktif dan agresif boleh diambil. Titah tersebut ada faktanya dan turut disokong oleh Pesuruhjaya, Surahanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia yakni SUHAKAM, Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal yang menyatakan bahawa sebuah jabatan atau institusi khas kanak-kanak perlu ditubuhkan kerana institusi sedia ada ketika ini menumpukan kepada pelbagai peringkat umur dan tidak khusus.

Alhamdulillah, pada pengumuman belanjawan kerajaan perseketuan baru-baru ini, kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan mewujudkan Jabatan Pembangunan Kanak-kanak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk memberikan perkhidmatan sokongan lebih komprehensif kepada kanak-kanak. Segala hal ehwal berkaitan kanak-kanak perlu diperkasa dan perlu wujudnya satu badan khas untuk mengelola hal ini. Kita sudah tidak boleh mengharap JKM semata-mata kerana di bawah JKM sudah terlalu banyak portfolio dan tugas-tugas lain terutamanya dalam memastikan aspek kebajikan rakyat. Jadi, kita semua sebagai masyarakat yang

bertanggungjawab perlu sama-sama memainkan peranan untuk mengatasi isu ini. Kita sebagai masyarakat perlu sama-sama menjadi duta kepada pihak berkuasa dan juga JKM untuk sama-sama membantu menyebarkan segala kempen kesedaran yang dianjurkan oleh kerajaan termasuklah melaporkan kepada pihak berkenaan sekiranya mengetahui wujudnya kejadian penderaan.

Dalam hal ini, saya juga ingin bertanya kepada kerajaan apakah usaha kerajaan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat akan kewujudan dan kepentingan masyarakat, kepentingan saluran aduan kes penderaan kanak-kanak iaitu talian kasih 15999, memandangkan masih ramai tidak tahu akan saluran ini untuk membuat aduan.

Selain itu, apakah usaha kerajaan untuk menggalakan lebih banyak penglibatan secara langsung oleh badan bukan kerajaan yakni NGO supaya mereka sama-sama memainkan peranan penting dalam usaha menangani isu penderaan kanak-kanak? Saya juga memohon kerajaan menyatakan statistik terkini kes penderaan kanak-kanak mengikut kategori sepanjang tahun 2020 ini di negeri Johor dan apakah usaha kerajaan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan mangsa ini sendiri supaya berani untuk membuat aduan dan laporan sekiranya mereka di derah? Saya juga ingin mencadangkan lebih banyak NGO dilibatkan untuk meningkatkan sokongan sosial kepada mangsa-mangsa seperti aspek kaunseling, khidmat masyarakat dan juga bantuan wang ringgit kepada pusat-pusat perlindungan kanak-kanak di negeri ini.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Serom yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor yang telah memulakan sesi lawatan ke Pusat Perlindungan Kanak-Kanak Dan Wanita di seluruh Johor bersama-sama ADUN-ADUN wanita, bagi menggambarkan gambaran, memberi gambaran jelas untuk memahami keperluan perlindungan, keselamatan diperlukan golongan berkenaan dan aspek perlu diperbaiki.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain kanak-kanak wanita juga perlu diberikan perhatian. Saya hendak berkongsi beberapa statistik berkenaan wanita di Dewan yang mulia ini. Di anggarkan 15.6 juta penduduk Malaysia adalah perempuan daripada keseluruhan 32.6 juta penduduk pada tahun 2021. Kadar Penyertaan Tenaga Buruh yakni KPTB, wanita masih rendah iaitu 55.5% pada tahun 2021 jika dibandingkan dengan negara Asian Tenggara lain seperti Laos 74.8% dan Kemboja 74.0%. Peratus sebagai profesional dan pekerja teknikal lebih rendah berbanding lelaki yakni wanita 40.6%, lelaki 59.4%.

YB Speaker : Yang Berhormat, tinggal 2 minit.

YB Puan Fauziah binti Misri (Penawar) : Bagi setiap RM100.00 gaji dan upah diterima lelaki, wanita menerima RM96.21.

Yang Berhormat Datuk Speaker, data-data ini menunjukkan bahawa bilangan atau penyertaan wanita dalam tenaga kerja negara kita masih berkurangan. Kadar penyertaan tenaga buruh wanita di Malaysia masih rendah berbanding negara lain di negara Asia Tenggara iaitu 55.5% pada tahun 2021. Melihat kepada perbandingan Malaysia berada di tangga ke-8 daripada 10 negara Asian bagi individu berusia 15-64 tahun dari segi penyertaan buruh wanita. Antara punca-punca yang dikenal pasti mengapa kurangnya penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan ialah ramai wanita terpaksa berhenti kerja kerana terpaksa memenuhi tanggungjawab menjaga anak. Hal yang demikian, adalah kerana kewujudan taksa-taksa di tempat kerja adalah masih rendah dan kebanyakan ibu-ibu yang khuatir untuk mencari pengasuh yang benar-benar boleh dipercayai.

Saya mohon kerajaan negeri menyatakan kadar penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan pada tahun 2022 dan sejauh manakah usaha-usaha kerajaan untuk menyediakan

pesekitaran kerja yang kondusif seperti menyediakan bilik menyusu dan penjagaan kanak-kanak? Menawarkan waktu kerja anjal, perkongsian kerja dan pilihan bekerja dari rumah dalam meningkatkan kadar penyertaan wanita dalam sektor kerajaan di negeri Johor.

YB Speaker : Yang Berhormat, masa tamat.

YB Puan Fauziah binti Misri (Penawar) : Minta sikit lagi Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya gulung. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya hendak menyentuh sikit mengenai isu kawasan seperti kita sedia maklum DUN Penawar merupakan salah satu destinasi pelancongan terkemuka di negeri Johor lebih-lebih lagi setelah kewujudan Desaru Coast. Setiap hujung minggu juga kawasan saya akan *jammed* penuh dengan kenderaan pelancong-pelancong dari, baik dari dalam mahupun luar negeri. Keadaan ini akan mendatangkan pelbagai manfaat kepada ekonomi Johor dan imej negeri Johor dan juga peluang perniagaan pada penduduk setempat. Saya berharap dengan pembangunan pesat di Bandar Penawar, limpahan ekonomi tersebut turut dapat dirasakan dan dinikmati oleh penduduk-penduduk tempatan.

Saya juga mohon segala fasiliti terutama jalan raya dan liputan Internet ditambah baik untuk memberi keselesaan kepada pelancong dan penduduk setempat. Saya berharap dengan pembangunan pesat di Bandar Penawar, limpahan ekonomi tersebut turut dapat dirasakan dan dinikmati oleh penduduk-penduduk tempatan. Saya juga mohon segala fasiliti terutama jalan raya dan liputan Internet ditambah baik untuk memberi keselesaan kepada pelancong dan penduduk setempat.

YB Speaker : Yang Berhormat..

YB Puan Fauziah binti Masri (Penawar) : Sekian sahaja daripada saya. Saya mohon menyokong titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Penawar. Dijemput Yang Berhormat Senai.

YB Tuan Wong Bor Yang (Senai) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Selamat pagi dan salam Maju Johor, salam Malaysia Madani diucapkan kepada semua. Senai amat bersyukur kerana diberi kesempatan untuk berbahas di Dewan yang mulia ini.

Patik Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar sempena Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Kedua Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-15. Senai ingin merakamkan penghargaan dan mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri atas permohonan melaksanakan projek naik taraf Lebuhraya Utara – Selatan dari Yong Peng Utara ke Senai Utara daripada 4 kepada 6 lorong yang telah diluluskan oleh Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim dengan menggunakan peruntukan sebanyak RM525 juta dalam Bajet 2023.

Projek naik taraf ini dijangka dapat menyuraikan lalu lintas bukan sahaja di sekitar Senai, Kulai, Simpang Renggam, Yong Peng tetapi juga dapat memendekkan masa perjalanan Lebuhraya Utara – Selatan dari Johor Bahru ke Kuala Lumpur ataupun bandar-bandar yang lain. Walau bagaimanapun, Senai berharap projek jalan pintasan Senai ke Kulai ataupun Senai – Kulai *Bypass* yang telah dirancang oleh Jabatan Kerja Raya sejak Rancangan Malaysia Ke-9 RMK-9 tetapi asyik tertangguh ke RMK-12 juga dapat diluluskan secepat mungkin atas sebab-sebab berikut:-

Pertama, pelaksanaan projek ini dijangka dapat merancakkan lagi aktiviti pelaburan di Iskandar Malaysia untuk *Flagship E* iaitu Senai Tol Skudai dan *Flagship F*, Sedenak yang sekali gus turut membawa lonjakan kepada ekonomi negeri Johor.

Kedua, daerah Kulai telah menarik pelaburan yang besar seperti *Bridge Data Centre* di Pusat Teknologi Sedenak, Iskandar *Data Exchange* juga di Sedenak, Johor Bahru *Gateway DHL Express* di Senai dan juga *Wiwynn Corporation* di Senai Airport City. Kelengkapan infrastruktur akan memberikan keyakinan kepada pelabur-pelabur tersebut untuk terus komited dalam melaksanakan projek-projek yang dirancang.

Ketiga, daerah Kulai melalui proses transformasi pembangunan yang begitu pesat sejak 16 tahun yang lalu dan populasi sudah mencapai 300,000 orang. Warga Kulai memerlukan jalan alternatif untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas di FT001, Jalan Persekutuan.

Keempat, projek ini dapat meringankan beban pengguna jalan raya tanpa membayar tol melalui lebuhraya Utara ke Selatan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menjunjung kasih dan bersetuju dengan Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku bahawa jalan yang berlubang-lubang perlu diberi perhatian kerana ianya membahayakan pengguna jalan raya.

Setiap tahun kerajaan telah mengeluarkan peruntukan besar untuk menyelenggara kemudahan jalan dan kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan oleh konsesi syarikat berkaitan. Senai diumumkan, dimaklumkan kontrak konsesi untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan negeri telah tamat pada Oktober tahun 2022 tetapi kontrak hanya diperbaharui pada Januari tahun ini. Kelewatan pembaharuan kontrak ini telah menyebabkan jalan-jalan negeri seperti Jalan Seelong, J105 dan Jalan Susur Getting, Gunung Pulai J165 dan lain-lain jalan negeri menghadapi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan tidak dapat dilaksanakan sepanjang 3 bulan.

Sepatutnya kontrak konsesi baru perlu diperbaharui lebih awal kerana kerja-kerja penyelenggaraan jalan ini telah dijadualkan tidak boleh terputus. Ini telah memberi impak besar dan mengundang risiko kepada para pengguna jalan raya. Oleh demikian, Senai berharap kerajaan negeri memberi penjelasan tentang sebab pelantikan baru tidak dibuat sebelum kontrak tamat dan apakah langkah yang boleh diambil supaya masalah ini tidak berulang lagi?

Yang Berhormat Datuk Speaker, Hospital Temenggung Seri Maharaja Tun Ibrahim, Kulai ataupun Hospital Kulai terletak di kawasan DUN Senai. Dan juga satu-satunya hospital kerajaan di daerah Kulai. Pada 21 Disember tahun lepas, Senai dan YB Bukit Batu telah melawat ke Hospital Kulai dan mendengar taklimat tentang status pembangunan hospital terkini.

Kami dimaklumkan Hospital Kulai menghadapi keperluan kritikal bagi tujuan pengisian kekosongan sebanyak 28 orang bagi pelbagai perjawatan serta perjawatan baharu sebanyak 75 orang bagi memenuhi keperluan keseluruhan perkhidmatan. Hospital Kulai bukan sahaja menghadapi kekurangan kakitangan tetapi juga turut menghadapi kekurangan aset termasuk memerlukan 2 buah ambulans baharu secara mendesak. Selain itu, perkhidmatan bedah siasat di Hospital Kulai terpaksa dihentikan sementara berikutan berlaku kerosakan alat *alter scissor* sejak November tahun lepas. Ini menyebabkan perkhidmatan tersebut tidak dapat dilaksanakan seperti biasa dan kesemua kes terpaksa dibawa ke Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru selain menimbulkan kesulitan kepada ahli keluarga yang terlibat dengan kes kematian serta anggota-anggota bertugas yang berkaitan.

Memandangkan permohonan penggantian alat baru perlu menunggu lama, Senai telah mengambil inisiatif untuk memohon sumbangan daripada budiman-budiman dan akhirnya sebanyak RM37,500.00 telah disumbangkan untuk membeli peralatan *alter scissor* yang diperlukan. Senai amat bersyukur perkhidmatan bedah siasat di Hospital Kulai telah

beroperasi semula pada 19 Februari yang lepas dengan usaha semua pihak. Senai ingin mengambil contoh ini bertujuan menarik perhatian kerajaan tidak kira negeri ataupun persekutuan supaya bersama-sama memberikan bantuan dan menyelesaikan permintaan yang mendesak Hospital Kulai agar keperluan perubatan warga Senai dan Kulai dapat terbela.

Yang Berhormat sekalian, banjir di Johor kali ini melibatkan semua 10 daerah dan merekodkan 74,453 orang mangsa dan dijangka akan membawa impak yang besar khususnya bagi mereka yang mengalami kerosakan dan kerugian harta benda. Senai menzahirkan rasa simpati, sedih kepada mangsa-mangsa yang terkesan dalam banjir. Senai juga merakamkan ribuan terima kasih kepada Perdana Menteri atas meluluskan peruntukan segera sebanyak RM50 juta bagi membantu mangsa-mangsa banjir Johor dan meluluskan projek tebatan banjir di daerah Kota Tinggi, Segamat dan Batu Pahat untuk dilaksanakan dengan segera.

Bukan itu sahaja, Perdana Menteri juga mengumumkan tambahan peruntukan sebanyak RM150 juta bagi usaha pemulihan meliputi program dan projek pasca banjir khususnya di Johor. Selain bantuan yang disalurkan oleh kerajaan persekutuan, Senai juga berharap kerajaan negeri Johor juga boleh mengumumkan pakej bantuan mangsa banjir untuk meringankan beban golongan mangsa banjir yang terjejas seperti mengurangkan cukai harta, mengurangkan bayaran lesen perniagaan, mengecualikan bayaran lesen penjaja bergerak dan lain-lain bantuan.

Senai ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua petugas-petugas, anggota-anggota sukarelawan, ketua-ketua kampung dan tidak lupa Yang Berhormat yang duduk di dalam Dewan ini. Dalam bencana banjir ini, kita telah menunjukkan semangat, tabah dan bersatu-padu dan cukup membanggakan sebagai Bangsa Johor. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua.

Senai mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor berkaitan penubuhan Jawatankuasa Perubahan Iklim dan Pengurusan Banjir yang akan dianggotai ADUN merentasi parti politik. Ini adalah satu pengiktirafan kepada ADUN-ADUN Pengimbang yang memang boleh memberi kerjasama dan cadangan konstruktif terhadap isu berkenaan kepentingan rakyat dan pada masa yang sama turut memainkan peranan semak dan imbang dalam Dewan Negeri.

Senai berharap bahawa, bukan sahaja nama Pembangkang ditukar kepada Pengimbang tetapi dari isinya juga akan berubah diikuti dengan lebih banyak ruang kerjasama yang juga akan diberikan di bawah semangat perpaduan dan juga inisiatif-inisiatif yang akan diambil oleh barisan kerajaan pada masa yang terdekat. Sekian Yang Berhormat Datuk Speaker, Senai Menjunjung Kasih Titah Tuanku dan memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Senai. Sekarang dijemput Yang Berhormat Kahang.

YB Tuan Vidyantnan a/l Ramanadhan (Kahang) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Salam sejahtera, salam Perpaduan, salam Maju Johor. Saya merakamkan sembah Menjunjung Setinggi-tinggi Kasih di atas Perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku hadir dan seterusnya bertitah dan menyempurnakan Majlis Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-15.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam sesi perbahasan pada kali ini, rata-ratanya ramai Ahli-Ahli Yang Berhormat menceritakan tentang pengalaman mereka mengharungi banjir di kawasan masing-masing.

Dalam konteks itu, saya juga ingin menyebut tentang apa yang berlaku di kawasan Kahang, di DUN Kahang. Sebenarnya di kawasan DUN Kahang ini, banjir ini merupakan sesuatu yang berlaku setiap tahun. Pada tahun ini ianya berlaku 2 kali. Dan setiap kali apabila berlakunya banjir jalan ke Kahang itu terputus hubungan. Di Kahang, saya ada 9 perkampungan Orang Asli, tetapi setiap kali banjir sekurang-kurangnya 6 perkampungan Orang Asli akan terputus hubungan dan cara untuk menghubungi mereka dan menghantar bantuan dan bekalan menerusi motorbot dan helikopter. Inilah sesuatu yang berlaku setiap tahun.

Dan juga pada masa yang sama, kalau Yang Berhormat Speaker rata-rata di beberapa perkampungan di DUN Kahang ini, kalau kita masuk ke rumah mereka, kita akan nampak ada rak yang dibina di atas. Rak, ataupun *shell* kata orang. Inilah sebenarnya untuk apabila berlakunya banjir mereka akan mengambil barang-barang yang penting, letak di rak tersebut dan keluar rumah ke PPS kerana ini akan menyebabkan paras air yang begitu tinggi sekali ya di kampung-kampung tersebut.

Jadi saya terdengar Yang Berhormat Parit Sulong menyatakan bahawa beliau memerlukan empangan di kawasan tersebut di mana ia akan mengurangkan risiko banjir, tetapi di kawasan saya ada empangan. Empangan Kahang, yang dibina beberapa tahun yang lepas. Tetapi selepas empangan itu dibina, penduduk kampung menyatakan bahawa selepas adanya empangan, paras air semakin meningkat, limpahan air lagi deras, dan juga mengikut cerita orang kampung ini berlaku ialah kerana apabila paras air di empangan itu semakin naik, empangan akan dibuka. Bila empangan dibuka, makna airnya akan memasuki ke kawasan perkampungan. Ia akan melimpah ke Sungai Kahang, ia akan melimpah masuk ke semua kawasan-kawasan perkampungan Orang Asli dan juga perkampungan-perkampungan tradisional yang ada di situ. Saya bukan seorang yang mempunyai kepakaran dalam konteks teknikal seperti ini tetapi dari segi logiknya, dari segi logiknya, apa yang saya bawa dalam sidang Dewan ini adalah sesuatu yang sebenarnya diharapkan oleh masyarakat di peringkat akar umbi bahawa kerajaan negeri harus membuat sesuatu. Mencari satu mekanisma untuk mengurangkan risiko banjir kerana di kawasan saya ianya berlaku setiap tahun. Seolah-olah tidak ada kehidupan yang lain selain daripada mengharungi bencana ini saban tahun.

Saya juga pernah berjumpa dengan beberapa agensi di peringkat daerah Kluang. Berjumpa dengan mereka, tanya dengan mereka apakah cara kita boleh mengurangkan risiko banjir ini. Banjir ini bencana alam, kuasa Tuhan. Hujan kita tidak boleh berhenti, tetapi risiko air cepat naik, risiko berlakunya banjir mungkin dapat dikurangkan. Apakah caranya?

Pada hari ini kerajaan negeri kita memang hebat. Dalam konteks memberi bantuan kepada mangsa-mangsa banjir, A1. Terima kasih saya ucapkan kepada semua agensi yang terlibat. Tetapi itu adalah bantuan sementara semata-mata. Ketika musim banjir, kita nak satu *solution* jangka panjang supaya masalah permasalahan banjir ini dapat diselesaikan ataupun dikurangkan. Kalau tengok di kawasan saya ini, setiap tahun penduduk di situ bukannya orang kaya. Mereka adalah pekebun-pekebun kecil, bukan pemilik estet ataupun ladang yang besar. Impak banjir mungkin tidak ada kesan kepada mereka. Pekebun-pekebun kecil baru tengah tunggu hasil tanaman, hancur, rosak. Pada masa yang sama rumah mereka, rumah-rumah lot bukan rumah-rumah banglo. Rumah-rumah lot dengan perkakas yang biasa setiap tahun kena tukar, beli baru. Hari itu bulan Januari banjir, rosak beli pula, Februari banjir lagi sekali. Jadi apakah masa depan mereka? Apa yang kita nak buat untuk mereka generasi seperti ini? Takkan sepanjang zaman generasi ini harus berdepan dengan bencana banjir seperti ini seolah-olah tidak ada masa depan?

Mesti ada satu *solution*, kerajaan belanja wang berjuta, berbilion untuk pelbagai perkara. Tetapi kita kena cari satu *solution* bagaimana nak mengurangkan risiko banjir di negeri tercinta kita Johor ini. Kalau kita tak buat sekarang, pada hari ini alam sekitar ni kalau kita tengok *climate change* ini kita tidak akan tahu berlakunya banjir, bila akan berlaku benda-benda seperti yang kita tidak inginkan. Siapa sangka bulan 1 banjir, bulan 2 banjir semula. Tak pernah berlaku. Dulu kalau banjir bulan 11, bulan 12, sekarang dah masuk 1, 2. Mungkin pada zaman-zaman yang akan datang bulan 5, bulan 4, bulan 3 akan berlaku banjir. Jadi dalam konteks itu saya merayu kepada kerajaan khususnya kepada mereka yang mempunyai kepakaran, tolonglah tampil ke depan cari satu *solution*. Sekiranya ini tidak kita buat, berzamanlah kita akan menghadapi, lebih-lebih lagi bukan sahaja banjir berlaku di kawasan luar bandar, tetapi pada hari ini banjir berlaku di kawasan bandar. Jadi mana progres kita bagaimana kita nak maju? Kalau benda-benda seperti ini tidak ada *solution* jangka panjang.

Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, saya merayu kepada pihak-pihak yang berkenaan cuba cari *solution* untuk selesaikan isu banjir bukan sahaja di kawasan saya, tetapi di semua kawasan. Lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar. Kita kadang-kadang saya terdengar juga ada orang yang cerita, orang yang tidak bertanggungjawab mengatakan kalau kawasan itu banjir mintalah mereka pindah? Mereka nak pindah ke mana? Ini orang kampung, yang mereka itulah harta mereka, lot rumah itulah harta mereka. Mereka tidak akan ke mana-mana. Tak ada sebab untuk mereka pindah. Kita sebagai kerajaan mesti membantu mereka mencari *solution* untuk selesaikan isu banjir di kawasan mereka itu. Jadi inilah satu perkara yang paling penting. Saya harap kerajaan akan memberi fokus sedalam-dalamnya dalam konteks mencari *solution* untuk banjir ini.

Yang Berhormat Speaker, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana di bawah kepimpinan beliau begitu proaktif, turun padang, mencari pelabur daripada luar negara datang untuk menjemput mereka melabur di negeri Johor. Saya difahamkan ada negara seperti Netherlands, seperti Australia, China semuanya berminat untuk melabur di negeri Johor. Syabas dan tahniah kita ucapkan. Tetapi kita kena ingat bahawa pembangunan negeri Johor tidak harus hanya tertumpu di selatan Johor. Pembangunan negeri Johor mestilah ke seluruh negeri Johor, utara Johor, pertengahan Johor dan sebagainya. Apabila pelabur-pelabur ini masuk ke Johor saya berharap agensi-agensinya yang berkaitan, mintalah mereka juga untuk tengok lokasi-lokasi di kawasan-kawasan luar bandar. Mungkin di Kemelah, mungkin di Pasir Raja, mungkin di kawasan-kawasan lain, kawasan-kawasan perkampungan dan sebagainya. Apabila kilang dibuka, industri dibuka di kawasan-kawasan seperti ini, maka kawasan tersebut secara automatik akan maju, kawasan tersebut akan membangun. Ini akan memberi rangkaian ekonomi untuk berkembang dan juga akan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Seringkali kita terdengar anak-anak muda yang berkelayakan tinggi berhijrah keluar daripada FELDA, keluar daripada desa, keluar daripada ladang. Ini berlaku ialah kerana tidak ada peluang pekerjaan, tidak ada peluang yang setimpal dengan pendidikan yang ada pada mereka di kawasan mereka. Jadi terpaksa mereka pindah ke kawasan-kawasan lain, ke Kuala Lumpur, ke Johor Bahru dan ke Singapura. Seringkali kita terdengar kenapa rakyat Johor nak bekerja di Singapura? Apatah tidak? Sekiranya tidak ada peluang pekerjaan, pertama tidak ada peluang pekerjaan mengikut kelayakan, tidak ada gaji yang *attractive* maka dalam dunia moden ini mereka akan berhijrah. Jadi inilah kerugian yang besar kepada negeri kita.

Jadi saya harap dalam konteks pembangunan negeri Johor, kita ada Pelan Mampan Johor 2023 – 2030, kita ada Pelan Strategik Johor, di mana penekanan diberi kepada pembangunan di peringkat daerah dan sebagainya. Jangan hanya memberi fokus kepada industri-industri kecil di kawasan luar bandar, tetapi kawasan luar bandar juga mesti dibangunkan untuk menjadi kawasan yang maju. Dibangunkan untuk menjadi kawasan

yang menjadi *economic powerhouse*, kalau Johor menjadi *economic powerhouse*, kejayaan negeri Johor bukan hanya di kawasan Iskandar Malaysia. Bukan sahaja di kawasan selatan Johor, tetapi seluruh negeri Johor mesti merasai limpahan ekonomi yang dibawa ke negeri Johor ini. Jadi saya amat berharap bahawa kerajaan negeri akan peka bahawa pembangunan di peringkat luar bandar juga harus menjadi fokus. Pelabur-pelabur yang dibawa masuk ke Johor. Saya juga harap agar menggalakkan mereka membuka industri kilang dan juga pelaburan mereka di kawasan-kawasan luar bandar.

Yang Berhormat Speaker, saya juga ingin membawa isu mengenai peluang pekerjaan dan latihan kemahiran. Apabila pelabur masuk ke negeri Johor, selain daripada isu logistik, kemudahan infrastruktur dan sebagainya, perkara yang akan diberi fokus ialah *human capital*. Mereka memerlukan tenaga kerja mahir, *local talent*, sekiranya kita terlalu ghairah membawa pelabur daripada luar negara, yang membawa industri yang *sophisticated* tetapi anak-anak muda kita tidak diberi latihan yang setimpal dan secukupnya berdasarkan apa yang diharapkan oleh pelabur, maka peluang pekerjaan itu akan terlepas daripada tangan kita. Terpaksa pelabur mengambil pekerja daripada negeri lain. Pada satu ketika dahulu apabila Johor ingin membangunkan *oil and gas, industry oil and gas*, salah satu perkara kerajaan negeri memberi fokus ialah untuk memastikan anak-anak muda Johor mempunyai latihan kemahiran yang secukupnya dalam bidang *oil and gas*, kerana kita risau ketika itu, sekiranya anak-anak muda Johor tak bersedia, maka pelabur yang masuk akan membawa pekerja daripada Terengganu, Sabah, Sarawak dan sebagainya. Akhirnya kita akan menjadi *spectator* dalam konteks limpahan ekonomi yang berlaku di depan mata kita. Jadi kerajaan negeri ada banyak agensi, Strategik Modal Insan, Yayasan Pelajaran Johor dan agensi-agensi yang lain, sila pastikan apabila industri baru di bawa masuk ke Johor, kita juga memberi latihan yang sama kepada anak-anak muda kita itu, supaya mereka akan terlatih dan mendapat peluang pekerjaan *first choice* akan diberikan kepada anak-anak daripada negeri Johor.

Yang Berhormat Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang peluang pekerjaan ataupun peluang kontrak kepada kontraktor-kontraktor kecil India di negeri Johor.

YB Speaker : Yang Berhormat ada 2 minit lagi.

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan (Kahang) : Saya faham. Bila kerajaan negeri ada memberi pekerjaan supaya 10% kepada kontraktor kecil India tetapi pada hari ini difahamkan belum lagi diberi walaupun beberapa siri perjumpaan telah pun dibuat dengan pihak EXCO dan juga dengan agensi-agensi seperti dulu TEITO, Amanah, IDJ, SAFWA dan sebagainya, Banyak memberi pekerjaan kepada kontraktor kecil India. Jadi saya harap dalam konteks difahamkan dalam pasca banjir ini ada bajet infrastruktur sebanyak lebih daripada RM160 juta dan sebagainya, saya juga harap perhatian juga akan diberikan kepada kontraktor kecil India.

Yang Berhormat Speaker, tentang isu di kawasan Kahang, antara perkara yang saya nak memberi fokus ialah jeti Kahang. Jeti Kahang sepatutnya menjadi tempat untuk nelayan darat membawa hasil dan sebagainya dan juga menjadi tempat untuk bantuan diberikan ketika banjir, tetapi dalam banjir yang lepas ini, di jeti Kahang hanya tinggal bumbung sahaja. Jeti dah terus tak nampak. Dan banyak kerosakan yang dihadapi dalam jeti tersebut. Saya harap kerajaan negeri ataupun agensi yang berkaitan akan membantu untuk menaik taraf jeti Kahang yang dah usang untuk kemudahan penduduk setempat. Begitu juga pembinaan dataran di Taman Sri Lambak, T6. Saya difahamkan ada proses PBT yang perlu dilakukan untuk mendapat tanah tersebut. Saya harap perkara ini juga akan diberi perhatian oleh agensi berkaitan untuk mempercepatkan pembinaan Dataran Kahang, dataran di Taman Sri Lambak.

Yang Berhormat Speaker, saya juga akhirnya sekali saya ingin menyatakan bahawa saya banyak memberi fokus kepada isu-isu luar bandar dalam konteks itu latihan kemahiran kepada anak-anak muda daripada FELDA, anak-anak muda daripada masyarakat India dan juga daripada kawasan luar bandar harus menjadi fokus kerajaan negeri supaya mereka juga dapat disediakan untuk bersaing dalam konteks pembangunan ekonomi negeri Johor.

Yang Berhormat Speaker, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas kebenaran untuk berbahas dalam Sidang pada kali ini dan itu sahaja buat masa ini. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Kahang. Dijemput Yang Berhormat Tiram.

YB Tuan Azizol bin Bachok (Tiram) : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatulahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Bangsa Johor, salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan merakamkan ucapan merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas titah Diraja oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sempena Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Kedua Bagi Dewan Undangan Negeri Johor untuk Penggal Ke-15 pada 16 Mac 2023 yang lalu.

Dikesempatan ini juga izin patik bagi pihak rakyat DUN Tiram menzahirkan ucapan menjunjung kasih di atas keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim, Duli Yang Mulia Raja Zarith Sofia binti Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor. Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim Tunku Mahkota Johor, Yang Amat Mulia Che' Puan Khaleeda binti Bustamam serta paduka-paduka anakanda atas perkenan mencemar duli menziarahi mangsa-mangsa banjir, menyumbang tenaga, wang ringgit dan aset-aset untuk meringankan beban mangsa banjir. Patik yakin rakyat Tuanku yang terjejas dengan banjir cukup teruja dan berterima kasih di atas kunjungan dan bantuan yang diberikan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga bersetuju dengan ucapan perbahasan Yang Berhormat Gambir, Yang Berhormat Pasir Raja tentang perkara-perkara yang perlu diperbaiki dan ditambah baik dalam menyediakan perkhidmatan terbaik buat penduduk yang terjejas banjir di pusat-pusat pemindahan sementara, khususnya hal-hal berkaitan dengan penyediaan makan minum yang disediakan oleh agensi-agensi terbabit. Bayangkan kalau satu pembekal yang terpaksa menyediakan makan minum di 2 PPS yang berjauhan, sebagai contoh baru-baru ini pembekal yang sama membekalkan makan minum di PPS di sekitar Skudai dan sebuah lagi di Sungai Tiram. Pada pandangan saya ianya tidak bersesuaian kerana jaraknya yang terlalu jauh dan sudahnya sarapan pagi yang diterima di PPS Sungai Tiram hanya terima pada jam 11.00 pagi. Tapi tak apalah pada ketika itu caknanya kepimpinan kita di kawasan tersebut, kita dapat menyediakan makanan lain untuk dibekalkan kepada mangsa-mangsa banjir di PPS tersebut. Perkara-perkara seperti ini boleh ditambah baik pada masa akan datang sebagaimana cadangan Yang Berhormat Pasir Raja seperti dibuat gotong royong untuk kita sediakan makan minum untuk mangsa-mangsa banjir dan juga petugas di PPS tersebut. Tiram mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang membantu dari awal hingga akhirnya sehingga tutupnya PPS semasa musim banjir baru-baru ini. Semoga jasa baik semua menjadi asbab untuk digantikan yang lebih oleh Allah SWT.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah berkongsi dengan Dewan yang mulia ini tentang tujuh usaha kerajaan negeri dan kerajaan pusat untuk menyelesaikan masalah banjir semasa menjawab soalan-soalan lisan Ahli Dewan pada hari kedua Persidangan baru-baru ini. Tahniah Yang Amat

Berhormat Menteri Besar, terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tiram juga mengharapkan agar segala kemajuan teknologi yang ada pada hari ini dapat digunakan seperti penggunaan *artificial intelligence* dengan izin, ataupun kepintaran buatan dalam melaksanakan inisiatif keenam Program Ramalan Amaran Banjir Negara (PRABAN). Buat masa ini pada pandangan Tiram kerajaan juga boleh menggunakan sistem SMS iaitu SMS yang dikelolakan oleh pihak kerajaan iaitu SMS dapat yang dalam membuat hebahan awal kepada penduduk yang terlibat dengan potensi kawasan mereka dinaiki air pada musim banjir ataupun pada musim hujan lebat. Platform-platform ataupun saluran sedia ada seperti Portal Info Banjir semua cukup baik tetapi, kita bimbang ianya tidak sampai kepada penduduk yang tinggal di kawasan-kawasan yang berisiko banjir. Gunakanlah data penduduk yang kita perolehi semasa pendaftaran mangsa-mangsa banjir di PPS untuk kita daftarkan nombor-nombor telefon mereka dan sebagainya sebagai satu cara untuk kita menyampaikan, menyalurkan maklumat kepada penduduk sekitar.

Saya juga mengharapkan agar kerajaan negeri terus mengambil serius masalah-masalah infrastruktur pasca banjir dan fenomena hujan lebat. Khususnya masalah-masalah berkaitan dengan kerosakan jalan yang cukup terus khususnya dalam kawasan DUN Tiram juga berlaku seperti di Jalan Kota Tinggi – Johor Bahru berhampiran Bandar Cemerlang dan juga bandar Tiram di kedua-dua arah. Telah berlaku kemalangan yang berulang kali yang melibatkan penunggang motorsikal di kawasan tersebut. Kawasan ini juga dikenal pasti sebagai kawasan yang mengalami kerosakan berulang yang berlaku di kawasan tersebut. Selain daripada itu jalan selepas fenomena hujan lebat baru-baru ini, jalan ke loji Sultan Iskandar dari arah Kampung Cahaya Baru juga cukup rosak teruk. Jalan ini untuk makluman Yang Berhormat EXCO dan hadirin sekalian, merupakan jalan alternatif penduduk di sebelah timur DUN Tiram untuk menghala ke Sungai Tiram ataupun bandar Tiram. Pembaikan jalan juga saya harapkan dapat diselesaikan dirangkaian jalan-jalan mesra di dalam Kampung Pasir Puteh yang juga turut terjejas apabila berlakunya fenomena air pasang yang berserta juga dengan hujan lebat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, itu adalah masalah jalan rosak selepas musim hujan dan juga banjir di kawasan saya. Pagi ini saya baru menerima aduan melalui *Whatsapp*, melalui *Facebook* melalui media sosial berkaitan dengan kesesakan jalan yang begitu teruk di bandar Tiram. Mungkin rezeki Yang Berhormat EXCO JKR pada pagi ini untuk menjawab soalan lisan berkaitan dengan kesesakan jalan di kawasan saya pada pagi tadi dan yang ini saya bawa juga masalah kesesakan lalu lintas jalan raya yang berlaku di pekan Tiram. Pelbagai mesej suara yang saya terima yang lebih berbaur kepada marahnya penduduk apabila berhadapan dengannya kesesakan yang begitu teruk akibat pembaikan jalan yang berlaku yang dibuat di hadapan Shell pekan Tiram. Saya dimaklumkan kesesakan berlaku lebih awal sebelum jam 6.30 pagi lagi kesesakan telah berlaku dan telah memberi kesan yang teruk, memberi kesan kepada penduduk yang perlu menghadiri temu janji di hospital dan kebetulan baru masuk ketiga sekolah dibuka, keadaan menjadi begitu teruk memberi masalah kepada penduduk untuk bergerak ke sana dan ke sini. Kesesakan ini berlaku daripada banyak arah, saya dimaklumkan sehingga ke Batu 19, Sungai Tiram dan juga kesesakan ini berlanjutan sehingga ke PULADA di kawasan Yang Berhormat Pasir Raja.

Begitu juga kesesakan ini berlaku dari arah FELDA Ulu Tiram di kawasan Yang Berhormat Puteri Wangsa. Jadi, saya merasakan, kita faham apa yang dilakukan oleh pihak JKR ini merupakan satu kaedah yang baik dalam kita hendak membantu aduan-aduan ataupun menyelesaikan aduan-aduan berkaitan dengan kerosakan jalan raya yang telah yang pernah dibawa sebelum ini. Cuma masalahnya, penduduk tidak dimaklumkan dengan apa yang hendak dilakukan. Maksudnya, saya dimaklumkan bahawa apa yang dibuat pada hari ini memerlukan 24 jam untuk diteruskan proses yang berikutnya. Tetapi, penduduk tidak dimaklumkan akan ditutup jalan tersebut daripada dua lorong kepada satu lorong. Jadi, saya harap selepas ini adanya pemantauan daripada pihak berkuasa ataupun pihak agensi yang berkaitan kerana saya difahamkan pada pagi ini kesesakan yang berlaku ini tiada

kontraktor yang berada di kawasan tersebut. Maksudnya dia dah korek semalam, dia tinggalkan tanpa ada pengawasan dan tiada ada bantuan daripada apa-apa pihak daripada mana-mana pihak untuk melancarkan trafik. Jadi, saya harap perkara ini perlu difikirkan kaedah terbaik untuk kita mengelakkan kesesakan yang menjadi punca yang begitu teruk, yang memberi kesan kepada penduduk untuk pergi bekerja, untuk ke sekolah dan sebagainya. Ada juga sindiran-sindiran yang dibuat dalam komentar-komentar dalam *Facebook* antaranya, kalau pesakit lambat mungkin dimarahi doktor, tetapi kalau doktor yang lambat pesakit boleh *complaint* ataupun tidak? Itu antara *comment* kalau tuan-tuan boleh lihat dalam *Facebook* saya, dalam *Fanpage* saya macam-macam *comment* yang diutarakan oleh netizen dalam *Facebook* saya. Jadi, saya harap ada tindakan yang sewajarnya daripada pihak Yang Berhormat EXCO dan agensi yang terlibat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, itu berkaitan dengan isu yang panas pada pagi ini yang saya terima, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Digital ada membuat lawatan ke PEDi, Pusat Ekonomi Digital Sungai Tiram sempena dengan penyampaian sumbangan kepada mangsa banjir di Dewan Sungai Tiram. Yang Berhormat Menteri memaklumkan kepada Tiram akan ada penambahan 11 lagi buah PEDi lagi di negeri Johor ini. Dalam Dewan yang mulia ini saya mohon Yang Berhormat EXCO dapat mencadangkan kepada pihak Yang Berhormat Menteri KKD untuk menambah lagi PEDi di kawasan DUN yang mempunyai keluasan yang besar dan mempunyai jumlah penduduk yang tinggi. Sebagai contoh, di DUN Tiram itu sendiri saya merasakan perlu penambahan 2 hingga 3 PEDi lagi untuk membantu masyarakat di DUN Tiram ini untuk terus berkarya melalui platform digital khusus dalam meningkatkan pendapatan isi rumah mereka. Selain daripada itu saya juga mohon mencadangkan kepada Yang Berhormat EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga, Masyarakat serta EXCO Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam untuk turut menggunakan PEDi ini sebagai platform untuk golongan-golongan yang menerima bantuan daripada JKM dan juga mungkin asnaf-asnaf yang berpotensi untuk memajukan ekonomi dan pendapatan isi rumah mereka. Peluang sudah ada, hanya perlu bawa mereka ke hadapan dan bantu mereka menggunakan kemudahan PEDi yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. Jadi, Tiram menggesa agar ketiga-tiga Yang Berhormat EXCO berkaitan dapat bersama-sama berbincang dan merealisasikan hasrat ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih saya ucapkan Yang Berhormat EXCO Kemajuan Luar Bandar atas jawapan kepada soalan lisan berkaitan dengan Program Iqra' dan fardhu ain iaitu IQFA'. Peningkatan pencapaian bilangan kanak-kanak mencecah hingga 1,000% sejak ia diperkenalkan pada 2014 hingga sasaran pada tahun ini walaupun ianya dihentikan pada tahun 2018. Terima kasih kerajaan negeri Johor yang mengembalikan semula IQFA' ini pada tahun 2021 dan ini menunjukkan keseriusan kerajaan negeri dalam memastikan pendidikan juga tidak ketinggalan dan seiring dengan modul yang diperkenalkan oleh pihak KEMAS. Insya-Allah kalau seawal umur 6 tahun mereka sudah menghafaz surah tertentu saya yakin hafazan di sekolah-sekolah agama juga bukan sesuatu yang asing buat mereka apabila mereka mula masuk ke sekolah agama pada darjah 1. Saya sendiri menyaksikan kehebatan anak-anak ini membaca hafazan satu surah yang saya tidak ingat surahnya apa, semasa merasmikan program apresiasi KEMAS Parlimen Tebrau awal Februari yang lalu. Cuma Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam kejayaan kelas yang saban tahun senantiasa ditambah jumlah kelasnya, jumlah gurunya, jumlah anak-anaknya saya ingin mengambil perhatian tentang elaun yang diterima oleh guru-guru agama yang dipinjamkan ke tadika KEMAS ini untuk mengajar kelas IQFA'. Elaun yang diterima agak rendah berbanding dengan usaha yang dibuat oleh guru-guru agama ini dalam mendidik anak cucu cicit kita. Mohon dipertimbangkan sedikit kenaikan yang setimpal untuk elaun guru-guru IQFA' ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Tiram juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Permas yang membawa isu pelantikan jawatankuasa masjid dan surau baru-baru ini. Permas dan Tiram ini umpama kalau dicubit peha kiri, peha kanan juga akan terasa

kerana kedudukan DUN Permas dan DUN Tiram ini adalah bersebelahan dan malahan kami juga berkongsi PBT yang sama. Saya yakin ianya bukan sahaja berlaku di Permas, ianya berlaku di banyak tempat dengan pelbagai aduan yang diterima daripada qariah masjid dan surau terbabit. Ini termasuklah berlaku di beberapa masjid dan surau dalam DUN Tiram. Saya mengharapkan agar ada tindakan yang sebaiknya daripada Yang Berhormat EXCO agama tentang perkara ini.

YB Speaker : Yang Berhormat tinggal 2 minit.

YB Tuan Azizul bin Bachok (Tiram) : Yang Berhormat Datuk Speaker, ada beberapa perkara sahaja lagi, satu perkara yang ingin saya bawa malahan perkara ini telah dibawa beberapa kali dalam Dewan yang mulia iaitu masalah kesesakan lalu lintas di Taman Kota Masai, Taman Pasir Puteh yang masih belum ada penyelesaian. Ianya juga termasuk dengan isu persimpangan bertingkat di Plaza Tol Cahaya Baru yang masih belum dibuka kepada pengguna dikawasan sekitar. Jadi, besar harapan saya tinggi harapan penduduk di kawasan terlibat agar kerajaan negeri campur tangan tentang masalah pembukaan persimpangan bertingkat berhampiran Plaza Tol Cahaya Baru tersebut. Titik penyelesaian perlu dicari oleh pihak-pihak yang terbabit. Mohon juga ianya diselesaikan bagi memudahkan demi keselesaan penduduk yang berulang-alik dari Taman Kota Masai menuju ke Pasir Gudang dan juga Tanjung Langsat. Di akhirnya setinggi penghargaan saya ucapkan kepada semua ketua-ketua jabatan dan anak buah mereka di semua agensi yang ada di negeri Johor sama ada agensi kerajaan negeri mahu pun kerajaan pusat yang begitu cakna dengan aduan yang disalurkan kepada mereka dalam menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan oleh masyarakat. Terima kasih di atas kerjasama yang diberikan selama ini khususnya sejak setahun kami ADUN-ADUN ini dipilih dalam pilihan raya negeri pada Mac 2022 yang lepas. Semoga kerjasama seumpama ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang, pada tahun 2023 dan seterusnya. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan sekadar menyebut beberapa agensi seperti Majlis Bandaraya Pasir Gudang, Majlis Bandaraya Johor Bahru, Pejabat Daerah Johor Bahru, JPS, JKR, JKM dan agensi yang lain. Sesungguhnya dalam kita menyelesaikan apa jua tugas ini tiada yang sempurna. Tetapi mencari kesempurnaan itu insya-Allah berphala.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Tiram menyokong rundingan menjunjung kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan. Selamat menyambut bulan Ramadan kepada muslim dan muslimat yang tinggal berapa hari sahaja lagi untuk disambut. Semoga Ramadan kali ini lebih baik daripada Ramadan sebelum-sebelum ini dan bersama-samalah kita berdoa agar ianya bukanlah Ramadan terakhir buat kita semua. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Tiram. Ahli-Ahli Yang Berhormat kita ada 7 lagi pembahas yang belum berucap, dan kita akan habiskan di sesi petang dan di sesi petang ni nanti tidak ada waktu rehat, kita akan habis awal dan Ahli-Ahli Yang Berhormat bolehlah nanti balik awal untuk mengopi dan mengeteh dengan pengundi-pengundi di kawasan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Persidangan ini saya tangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

Persidangan ditangguhkan pada jam 12.55 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung sekarang. Saya dapati banyak tempat duduk kosong ni, mana pergi Ahli-Ahli Yang Berhormat? Saya harap tidak kosong seperti inilah, kita kena jaga kualiti Dewan Undangan Negeri kita. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya jempit Mengkibol.

YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Selamat sejahtera dan salam madani kepada semua Ahli Dewan. Mengkibol menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar di pembukaan Sidang Dewan Negeri, perlulah ia menjadi panduan kepada semua penjawat awam negeri Johor dan ADUN-ADUN Negeri Johor yang tercinta. Ucapan Mengkibol akan menyentuh empat perkara utama:

1. Banjir di negeri Johor.
2. Rejuvenasi bandar atau *urban renewal*.
3. Reformasi Dewan Negeri Johor.
4. Aduan rakyat.

Pertama, banjir di negeri Johor. Mengkibol mendesak agar peruntukan JKR, JPS dan pengangkutan ditambah dan bukannya dikurangkan 18% seperti dalam Bajet 2023. Mentaliti yang mengatakan banjir tidak boleh diselesaikan juga perlu dihapuskan. Banjir boleh diatasi, banjir boleh dielak. Dengan pengurusan yang cekap dan perancangan teliti secara jangka panjang kerajaan negeri perlu komited dan mempunyai *political will* untuk menyelesaikan isu ini. Sebagai contoh, atas permohonan Mengkibol projek penambahan *crossing culvert* di Persimpangan Jalan Mersing – Jalan Kota Tinggi di hadapan Econsave, terima kasih kepada JKR Kluang dan penambahan longkang tepi jalan di Persimpangan Jalan Sekolah, Jalan Lambak, terima kasih kepada MPK telah berjaya diselesaikan dan tidak lagi berlaku banjir kilat setelah masalah *bottle neck* ini diselesaikan, contoh yang baik.

Selepas banjir besar Johor pada tahun 2006, JPS Kluang mempunyai Rancangan Tebatan Banjir jangka panjang 10 tahun, jangka panjang 10 tahun. Namun ia tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana tidak diberikan bajet yang mencukupi. Mengkibol juga ingin tahu apakah status pembinaan Kolam Takungan Banjir Sungai Mengkibol yang seluas 17 hektar dan juga Kolam Takungan Banjir Sungai Melantai seluas 35 hektar dan juga Takungan Air Banjir Sungai Kluang seluas 6.7 hektar. Sungai perlu diselenggara secara berterusan, maka Mengkibol mencadangkan ianya termasuk pendalaman dan pembersihan sungai sebenarnya boleh juga dilaksanakan oleh pihak korporat secara CSR demi mengurangkan kos kerajaan negeri. Mengkibol mencadangkan GLC dan syarikat korporat haruslah membantu melalui CSR atau sumbangan bagi membantu melegakan kekangan kewangan kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri.

Banyak projek yang memberi kebaikan kepada kehidupan harian rakyat tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan dan ketirisan kewangan. GLC Johor seperti Johor Corp, KPJ dan lain-lain perlu tampil ke hadapan bagi membantu rakyat. Mengkibol mengambil kesempatan ini juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada syarikat-syarikat dan individu yang menderma bagi banjir kali ini termasuk Zenxin Organic Farm derma RM10,000.00, ada juga yang menderma RM1.00 pun ada dan juga terima kasih kepada sebuah GLC yang besar yang mempunyai *cash in hand* sebanyak hampir RM460 *million* dan syarikat ini setelah Mengkibol memohon CSR, syarikat GLC ini memberi derma sebanyak RM300.00 untuk Kluang dan Paloh. Datuk Speaker susah untuk Mengkibol untuk mengagihkan lebih kurang 6 sen per mangsa sebab di Kluang ada lebih daripada 5,000 mangsa.

Yang Berhormat Datuk Speaker, peruntukan khas juga perlu diberikan kepada kawasan ADUN yang kawasannya yang mengalami banjir secara automatik tanpa perlu untuk ADUN memohon. Permohonan-permohonan peruntukan khas Mengkibol untuk banjir di bulan Januari dan permohonan di bulan Mac kepada Pejabat Menteri Besar telah ditolak. Sebenarnya kerajaan boleh memberikan atau menetapkan jumlah peruntukan banjir mengikut jumlah mangsa yang berdaftar mengikut kawasan.

Kedua, Rejuvenasi bandar atau *urban renewal* dengan izin, saya, tahniah kepada Kluang, saya anak jati Kluang, lahir dan dibesarkan di Kluang. Kluang diiktirafkan sebagai antara 10 bandar paling bahagia tahun 2022, bawah Kajian Indeks Kebahagiaan PLANMalaysia, bawah KPKT. Yang Berhormat Datuk Speaker, rejuvenasi bandar perlu dilakukan bagi menyuburkan semula ekonomi dan potensi sesebuah kawasan dengan menggabung ciri-ciri budaya dan sejarahnya. Mengkibol konsisten sejak tahun 2018 mempromosikan, melaksanakan banyak program rejuvanasi bandar Kluang dan pembentukan tempat atau *place making* dengan izin, agar ia dapat memesatkan lagi sosio-ekonomi penduduk setempat. Rejuvanasi bandar saya percaya merupakan *solution* pembangunan semula dan seimbang bagi bandar *sekunder*, bandar *tertier* di seluruh negeri dan negara.

Bandar-bandar seperti Kluang, Segamat, Labis, Pontian telah kehilangan banyak populasi muda yang berhijrah ke bandar-bandar besar atau bandar baharu seperti Puchong disebabkan oleh aktiviti ekonomi dan komersial mereka yang rendah. Ketidakeimbangan struktur sosioekonomi ini perlu diatasi segera. Pihak kerajaan negeri perlu menjalankan kajian mendalam dan memikirkan pembinaan semula rantai industri, *industry chain* ekonomi dan kaedah rejuvanasi bandar-bandar ini. Mengkibol telah menjalankan kajian tempatan daerah Kluang bersama kumpulan akademik sarjana tempatan dan antarabangsa seperti universiti tempatan dan juga *National University of Singapore* (NUS) untuk melihat Kluang dari pelbagai perspektif yang baharu. Hasil kajian ini akan Mengkibol bentangkan di Kluang pada bulan Mei yang akan datang. Mengkibol melihat projek landasan elektrik keretapi berkembar yang melalui beberapa bandar *sekunder*, bandar *tertier* akan juga membawa limpahan ekonomi yang sangat besar. Demi menuju ke matlamat sebagai *liveable city* dan rejuvanasi bandar Kluang, Mengkibol telah mencadangkan Projek Taman *Railway Linear* Kluang yang akan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi.

Selain itu, Mengkibol juga berharap projek Jalan Sambung VBC yang telah banyak kali Mengkibol dalam Dewan yang mulia ini akan melancar yakni dapat diselesaikan kerana ia akan melancarkan trafik bandar Kluang. Mengkibol telah dimaklumkan oleh YDP MPK bahawa projek Jalan Sambung VBC ini akan diketuai oleh Pegawai Daerah Kluang bagi menyelaraskan perancangan dan pelaksanaannya. Terima kasih.

Bagi menjayakan projek rejuvenasi bandar, pendanaan korporat sebenarnya ia boleh juga menjadi salah satu sumber pendanaan projek. Mengkibol menjemput agar syarikat-syarikat GLC kerajaan negeri Johor dapat bersama-sama merealisasikan agenda rakyat ini.

Ketiga, Reformasi Dewan Negeri. Yang Berhormat Datuk Speaker. Pertama, Akta dan Enakmen Pendanaan Politik Awam. Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri Undang-Undang Reformasi dan Institusi, Datuk Seri Azalina, agenda Akta Pendanaan Politik Awam akan dibawa kepada Jawatankuasa Pilihan Parlimen (PSC) supaya Akta Pendanaan Politik dapat diperincikan secara bertulis. Akta yang dibentangkan di Parlimen tidak merangkumi untuk pelaksanaan di peringkat negeri. Maka Mengkibol mencadangkan Dewan yang mulia ini juga mengambil langkah proaktif untuk membincangkan keperluan dan kaedah pelaksanaan enakmen ini. Pendanaan politik awam boleh meningkatkan integriti ahli-ahli politik. Mengkibol berharap Johor juga akan menjadikan negeri pertama yang meluluskan Enakmen Pendanaan Politik ini. Pendanaan awam juga harus diperuntukkan kepada calon yang kalah dalam pilihan raya sekiranya mereka mendapat sokongan daripada ramai pengundi supaya mereka walaupun kalah tetapi boleh juga dapat dana awam bagi meneruskan pusat perkhidmatan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kedua ialah Enakmen Anti Lompat Parti Johor. Sebenarnya, banyak kali Mengkibol sebut ini sejak penggal yang lepas. Akta Anti Lompat Parti telah berjaya diluluskan dan dilaksanakan oleh Dewan Rakyat dan DUN Pulau Pinang telah berjaya melucut empat orang ADUN kerana lompat parti dan tahniah kepada DUN Pulau Pinang. Ia merupakan satu langkah ke hadapan bagi meningkatkan kepercayaan

rakyat terhadap sistem demokrasi yang kita amalkan. Sehubungan dengan itu, Enakmen Anti Lompat Parti perlu dibawa untuk diluluskan oleh Dewan Negeri Johor agar ia dapat dilaksanakan di peringkat negeri dan memastikan amalan lompat parti tidak berlaku di Johor. Sudah 8 negeri lulus Enakmen Anti Lompat Parti iaitu Selangor, Penang, Perak, Perlis, Negeri Sembilan, Kelantan, Sarawak dan Kedah. Negeri Johor seharusnya tidak ketinggalan.

Ketiga ialah Enakmen Kebebasan Maklumat, ini juga banyak kali Mengkibol sebut dalam Dewan. Sebagai langkah proaktif di dalam tata kelola yang lebih telus dan berintegriti, Enakmen Kebebasan Maklumat perlu dibincangkan oleh Dewan ini. Ia membolehkan maklumat diperolehi dan diakses oleh orang awam, pihak awam bagi kepentingan awam. Akses kepada maklumat yang dibuat oleh setiap jabatan negeri, kerajaan negeri akan membolehkan kajian terperinci dilakukan dan meningkatkan kualiti semak dan imbang terhadap pentadbiran sesebuah kerajaan. Setakat ini, negeri Selangor, negeri Pulau Pinang sudah ada Enakmen Kebebasan Maklumat.

Keempat, aduan rakyat Yang Berhormat Datuk Speaker, fi kemudahan tambahan Terminal Larkin. Fasiliti caj, caj fasiliti kemasukan ke balai berlepas Singapura. Terminal Bas Larkin telah mengenakan bayaran fasiliti caj tambahan RM1.00 untuk penumpang bas ke Singapura mulai 15 Februari. Caj baharu ini perlu dibatalkan kerana kebanyakan pengguna bas adalah golongan B40 dan mereka bekerja keras untuk mendapatkan pertukaran asing untuk Malaysia. Fasiliti caj ini juga sebagai diskriminasi kerana ini cuma caj terhadap mereka naik bas ke Singapura, terhadap pekerja Singapura pada terminal yang sama hanya penumpang ke Singapura sahaja yang dikenakan fasiliti caj, inisiatif perlindungan kemalangan atau PA *insurance* untuk pekerja Malaysia yang ulang alik seharian ke Singapura.

Yang Berhormat Datuk Speaker, satu lagi tragedi berlaku kemalangan berlaku, kehilangan ibu bapa akibat kemalangan motosikal terlanggar oleh kereta berhampiran *Second Link* dan meninggalkan anak berusia 3 tahun dan ibu yang meninggal itu juga mengandung 6 bulan. Ibu ini juga, ini suatu realiti sebenar risiko yang dihadapi oleh pekerja Malaysia yang ulang alik *Singapore* setiap hari. Saya harap kerajaan dapat membela nasib mereka. Kira-kira 300 ribu orang rakyat ulang alik Singapura untuk bekerja. Mengkibol mencadangkan satu inisiatif insurans PA diwujudkan bagi melindungi mereka, keluarga mereka sekiranya terdapat kemalangan.

YB Speaker : Yang Berhormat tinggal satu minit ya.

YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) : Sekejap, terima kasih. Cadangan ini sebenar saya pun bincang dengan *insurance company* mengenai satu perkara yang fleksibel. Selangor pun sudah melaksanakan polisi sebegini.

Akhir sekali, pada pembentangan Bajet 2023, sebanyak RM300,000.00 telah diperuntukkan untuk menaik taraf fasiliti Gunung Lambak di kawasan DUN Mengkibol. Pihak kami mencadangkan pencahayaan dan fasiliti pendakian waktu malam. Mengapa waktu malam? Sebab pada waktu malam ia satu pengalaman yang baharu. Pelancong dapat melihat keunikan dan kepelbagaian hidupan liar dan juga spesies serangga yang cuma keluar pada waktu malam. Selain itu, ia akan meningkatkan pelancongan kerana pengunjung perlu menginap di Kluang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir sekali Mengkibol berharap agar usul-usul dan cadangan-cadangan ini yang dibawa oleh Mengkibol dapat dipertimbangkan dan seterusnya dilaksanakan. Mengkibol mohon menyokong Rundingan Menjunjung Kasih Titah Tuanku. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Mengkibol. Sekarang dijemput Yang Berhormat Kempas.

YB Datuk Haji Ramlee bin Bohani (Kempas) : Bismillahirrahmanirrahim. (Bacaan Doa). Selawat dan salam ke atas rasul junjungan Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat baginda. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat sejahtera dan salam Maju Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayah-Nya Kempas berpeluang mengambil bahagian membahaskan usul Menjunjung Kasih di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Negeri Johor Darul Ta'zim. Justeru Kempas menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor atas keberkatan Mesyuarat Pertama bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor yang ke-15 pada 16 Mac 2023 yang lalu.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kempas ingin mengambil kesempatan dalam ucapan pada petang yang mulia ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor dan barisan EXCO kerajaan negeri kerana telah melepasi tempoh setahun pentadbiran mereka. Pelbagai kejayaan dan pencapaian membanggakan kita sebagai rakyat negeri Johor telah diraih dari sudut ekonomi dan pelaburannya, pembangunan belia dan sukannya malah urus tadbir yang cekap serta mampan yang meletakkan nama Johor gah di persada politik, di persada domestik serta antarabangsa. Maka dengan segala keyakinan dan kepercayaan terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, hala tuju untuk menjadikan Johor sebagai sebuah negeri yang maju menjelang tahun 2030, pasti akan dapat direalisasikan dengan izin Allah SWT jua.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kempas sangat menyokong idea program Johor Bersih yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Kempas melihat program sebegini amat penting dalam mendidik masyarakat ke arah kebersihan sejagat. Matlamat menjadikan Johor sebagai negeri maju bertaraf antarabangsa perlu seiring dengan tahap kebersihannya. Agama juga menggesa kita untuk menjaga kebersihan, kerana kebersihan itu adalah sebahagian daripada iman. Kempas sendiri sudah menyahut seruan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang menjalankan beberapa program Johor Bersih seperti di kawasan Kampung Denai Aman, Taman Bukit Kempas, Taman Cempaka dan beberapa lokasi lain. Sebegitu dalam hal ini Kempas ingin memanjangkan sedikit isu yang disifatkan sangat penting iaitu masalah kewujudan tapak pelupusan sampah haram di kawasan Bandaraya Kempas yang menghadirkan pencemaran dengan lambakan pembuangan sisa pepejal, sisa binaan dan mungkin sisa toksik yang sudah berlarutan sejak sekian lama.

Untuk makluman Dewan yang mulia, isu ini sebenarnya sudah berlarutan sejak 2019 hingga kini. Ada yang mengatakan isu ini berlaku di atas tanah milik persendirian status tanah pertanian ini telah berlaku dalam tempoh lebih lama daripada itu. Adalah amat tidak wajar tindakan pihak yang tidak bertanggungjawab yang membenarkan pembuangan sisa kawasan ini memandangkan lokasi ini terletak berdekatan dengan kawasan perumahan terutama Taman Bukit Kempas. Agak malang bagi penduduk sekitar khususnya yang tinggal tidak jauh daripada lokasi tapak pelupusan sampah haram ini apabila berhadapan dengan ancaman pencemaran bau yang berkemungkinan mengandungi toksik yang amat kuat selain pencemaran air berikutan sisa buangan yang tidak terkawal kerana terdapat kawasan tadahan air berhampiran.

Maka menjadi tanggungjawab Kempas untuk membuat penegasan sekali gus memanjangkan isu ini di dalam Dewan yang mulia ini. Seterusnya berharap EXCO kerajaan Johor yang bertanggungjawab dapat memberikan perhatian terhadap isu yang telah sekian lama membelenggu rakyat sehingga mendapat liputan arus media beberapa kali. Tindakan

penguatkuasaan yang tegas perlu diambil bagi menghentikan secara kekal aktiviti pembuangan dan pelupusan sampah haram ini kemudian disusuli dengan usaha atau proses untuk memulihkan semula keadaan tanah di lokasi ini. Kempas melihat mendapat kewajaran yang signifikan untuk dilakukan semua ini memandangkan sisa buangan dan kemudian sisa toksik dibimbangi sudah meresap jauh ke dalam tanah. Apa yang turut menjadi kegusaran Kempas adalah kewujudan tapak pelupusan sampah haram di kawasan Kempas ini akan menjadi masalah yang lebih besar pada masa akan datang dan ia terkait dengan soal kesihatan penduduk sekitar sehingga berulangnya kejadian pencemaran seperti Sungai Kim Kim Pasir Gudang tahun 2019 yang telah menggemparkan negara. Justeru kerajaan menerusi EXCO kerajaan Johor yang bertanggungjawab bersama dengan jabatan agensi yang berkaitan perlu menguatkuasakan undang-undang sekali gus menggesa pemilik tanah persendirian ini untuk menghentikan perbuatan tidak bertanggungjawab ini dengan segera untuk memulihkan keadaan tanah sebagai syarat dan status tanah. Sekiranya pemilik tanah gagal untuk mematuhi arahan yang dikeluarkan maka Kempas mengusulkan kepada kerajaan supaya mengambil tindakan mengikut lunas perundangan, mengikut peruntukan seksyen 129 Kanun Tanah Negara dan tindakan untuk menguatkuasakan pelucut hak kerana pelanggaran syarat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kempas ingin merakamkan ucapan terima kasih tidak terhingga pada pihak KPKT dan SUK Perumahan Negeri Johor yang telah memberikan peruntukan pada PPR Kempas Permai. Untuk makluman, menerusi peruntukan telah diberikan, terdapat pemasangan satu lif baharu di Projek Perumahan Rakyat PPR Kempas Permai dengan kos RM10.3 juta serta RM2.4 juta bagi kerja-kerja mengecat. Alhamdulillah Kempas juga amat berbesar hati telah menerima lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz pada 3 Januari lalu bagi melihat sendiri kemajuan kerja-kerja baik pulih tersebut. Bagaimana pun terdapat satu lagi isu penting ingin Kempas bawakan di Dewan yang mulia ini. Isu tersebut adalah berkaitan isu parkir atau tempat letak kenderaan di kawasan PPR Kempas Permai yang berada pada tahap kritikal dan menuntut perhatian kerajaan untuk mencari penyelesaian secara tuntas demi kemaslahatan penghuni.

Untuk makluman, PPR Kempas Permai ini terdapat 2,250 unit rumah dengan 780 petak parkir sahaja. Ini telah menunjukkan ketidak seimbangan antara unit rumah dengan ruang parkir yang tidak sepatutnya berlaku. Kempas melihat isu ini tidak boleh dipandang enteng atau remeh oleh semua pihak. Bayangkan apabila berlakunya situasi kecemasan penduduk terpaksa mengalihkan kenderaan penduduk lain yang telah diletakkan secara bertindih. Menolak satu persatu kereta yang diparkir bertindan untuk mengeluarkan kereta sendiri dari ruang parkir. Sebagai makluman pertambahan jumlah bilangan kenderaan di kawasan pelan ini datang daripada pelbagai faktor. Antaranya disebabkan bertambahnya bilangan ahli keluarga bersatu isi rumah. Sekiranya sebuah keluarga terdiri daripada ibu bapa dan 3 anak dewasa yang tinggal sebumbung, berkemungkinan mereka memiliki 3 atau 4 kereta bagi keluarga tersebut. Patutnya tidak dapat dikaut oleh kerajaan namun Kempas berkeyakinan ia dapat diatasi dengan kaedah dan berkarisma parti yang boleh ditetapkan oleh kerajaan.

Faktor lain adalah lambakan kenderaan yang tersadai disebabkan kerosakan atau ketiadaan pemilik yang diletakkan di ruang disediakan sehingga menyumbang kepada masalah jumlah letak parkir. Tak kurang pula ada segelintir tindakan penduduk yang bekerja sebagai pemandu membawa kenderaan berat syarikat dan kemudiannya meletakkan kenderaan berkenaan di tempat parkir kereta yang disediakan. Pada akhirnya parkir pasukan ini telah mengakibatkan kuota atau ruang letak parkir disediakan untuk penduduk setempat terganggu, berkurangan atau mungkin menjadi rebutan. Bagaimana pun kita tidak perkara ini boleh diatasi dengan ketegasan pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Perumahan. Selain kerjasama mesti tindakan kompaun pelupusan kenderaan di Pihak Berkuasa Tempatan, PBT dan ia juga menuntut kerjasama pihak Badan Pengurusan PPR.

Di samping itu, Kempas melihat sebagai status perumahan awam, keadaan hampir sukar untuk mengehadkan pembelian kenderaan yang boleh parking berstiker penduduk. Apatah lagi dengan masalah ketiadaan ruang untuk meletakkan kenderaan. Maka Kempas ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri Johor supaya membenarkan *multilevel parking* atau sistem parking bertingkat. Kempas berpandangan, di kesempatan ini amat sesuai dengan perkembangan dan keadaan penduduk di PPR Kempas Permai dengan mengguna pakai material seperti besi dan keluli dalam pembinaan. Pemasangan struktur akan hanya melibatkan kerja plug ini sahaja sekali gus dapat menjimatkan kos pembinaan selain turut menjimatkan bahkan *utilise*, dengan izin ruang yang ada serta diperlukan. Sekiranya dapat disediakan sistem ini, Kempas percaya, isu bilangan parkir Kempas kian terhad mungkin dapat diatasi seterusnya sedikit sebanyak dapat digunakan pada jangka masa yang lama serta sekiranya ianya dapat dilaksanakan melalui kerjasama kerajaan negeri Johor dan syarikat berkaitan kerajaan negeri Johor demi kemudahan dan keselesaan penduduk. Untuk itu Kempas mengalukan inisiatif Kempas Permai sebagai model contoh atau projek perintis.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kempas ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mencadangkan kepada kerajaan negeri menerusi Jabatan Agama Islam Negeri Johor agar melakukan pemerkasaan terhadap modul kursus Pra Perkahwinan terutama melibatkan topik serta mental untuk para peserta kursus yang berhasrat mendirikan rumah tangga. Sekiranya kerajaan negeri masih belum dapat atau belum berupaya untuk mewajibkan ujian saringan minda sihat sebelum bernikah maka sebagai langkah awal adalah lebih baik untuk kerajaan negeri memberikan tumpuan terhadap usaha perkasakan pemeriksaan mental di dalam modul kursus pra perkahwinan negeri Johor dengan lebih terperinci. Sekarang ini dibuat oleh Kempas rentetan daripada isu-isu berkaitan fizikal dan mental di kalangan pasangan muda untuk hari ini yang semakin mengusar bimbangkan saban hari yang akhirnya membawa kepada penceraian. Pemerkasaan topik ini amat penting bagi memberikan pendedahan mahupun kesedaran kepada pasangan yang ingin berkahwin terutama mereka yang mempunyai masalah kesihatan mental pada tahap lain.

Syukur untuk Kempas berkongsi contoh dewan yang mulia ini salah satu masalah mental ini adalah penyakit skizofrenia. Menurut petikan artikel penyakit mental dan bukan dalam portal *MyHealth*, Kementerian Kesihatan yang bertarikh 19.12.2013. Penyebab yang khusus bagi penyakit skizofrenia belum dijumpai dan ia dikelaskan sebagai *multi fracture syndrome* yang membawa maksud mungkin disebabkan oleh faktor genetik dan juga mungkin faktor persekitaran yang memainkan peranan sebagai penyebab penyakit ini. Antara fakta lain adalah penyakit ini juga punca daripada ketidakseimbangan dopamine yang berfungsi sebagai *neurotransmitter* iaitu bahan kimia yang juga dikenali sebagai penghantar neuron atau penghantar impulse dalam otak. Kesan bagi ini memberi impak yang buruk terhadap kehidupan harian seorang yang menerima gangguan berbentuk halusinasi dan juga delusi. Jadi diambil kira mengenai penyakit ini, mungkin premier untuk pihak Jabatan Agama Islam Negeri Johor berkolaborasi bersama Jabatan Kesihatan Negeri Johor dan jabatan agensi berkaitan lain untuk mendasari penyakit mental dan institusi kekeluargaan terutama pada pasangan muda pada hari ini.

Oleh itu, saya ini bukanlah kejam kepada golongan yang mempunyai penyakit berkaitan tanpa mengetahui tahap sama ada *minor* atau *major* tapi asalnya adalah memberikan kesedaran kepada peserta yang bakal mendirikan rumah tangga ini agar dapat mungkin dapat melakukan saringan awal dan mengambil langkah susulan yang sewajarnya seperti mengawal dengan cara perubatan atau sebagainya sekali gus mengatasi mainan emosi dalam perkahwinan tanpa melibatkan sebarang insiden keganasan yang melibatkan fizikal atau meragut nyawa pasangan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kempas seterusnya ingin majukan dalam ucapan perbahasan pada hari ini adalah berkaitan dengan terhadap isu permasalahan lampu

sepanjang jalan sekitar DUN Kempas. Untuk makluman Dewan yang mulia, Kempas merupakan sebuah kawasan terletak di dalam kawasan Bandar raya Johor Bahru, lokasi Kempas yang begitu strategik dan menghubungkan segala akses kemudahan yang ada seperti Hospital Pakar Kempas, Stesen Keretapi Tanah Melayu KTMB, Kolej Kesihatan Bersekutu di bawah Kementerian Kesihatan dan Kempas juga berhampiran dengan Pejabat Kementerian Dalam Negeri di Setia Tropika. Selain itu, terdapat banyak juga kawasan perumahan terletak di dalam DUN ini. Kempas menjadi sewajarnya segala kemajuan dan kepesatan pembangunan di DUN ini adalah selari dengan infrastruktur pencahayaan dan jalan rayanya. Terdapat keperluan untuk kawasan ini diberikan solusi isu pencahayaan yang mencukupi serta jalan teratur oleh kerajaan. Maka Kempas ingin mohon kerajaan negeri agar dapat memberikan keutamaan bagi menaik taraf pencahayaan di kawasan yang sebelum mempunyai lampu jalan termasuklah di kawasan-kawasan kampung tradisi seperti Kampung Denai Aman, Setia Kempas 2 dan taman-taman lama seperti Taman Dahlia.

Di Taman Dahlia sebenarnya, Yang Berhormat Datuk Speaker, sepanjang pihak MBBJ pada tahun 2020 lagi telah pun memberikan persetujuan dan telah mengarahkan pihak TNB untuk memasang lampu jalan di kawasan tersebut, ketika itu pihak TNB tidak dapat menjalankan kerana terdapat kekangan semasa PKP menyebabkan kerja-kerja ini telah tertangguh. Memandangkan keadaan telah pun lama pulih seperti sedia kala, dipohon agensi berkenaan dapat menyediakan pemasangan lampu jalan di kawasan tersebut. Manakala bagi kawasan yang tidak mempunyai akses kepada elektrik dicadangkan agar kerajaan dan mula pakai sistem panel solar bagi lampu-lampu jalan tersebut. Saya ini dilihat praktikal dan ianya lebih menjimatkan kos dan mudah untuk dipasang. Selain itu, masa optimum kemudahan lampu jalan yang menggunakan sistem solar ini hanya bergantung kepada waktu dan keadaan cuaca namun ia dapat memberikan pencahayaan yang mencukupi sekali gus meningkatkan aspek keselamatan melibatkan soal jenayah dan kemalangan. Menyentuh tentang keadaan jalan adalah tidak lengkap jika menyentuh masalah keadaan jalan raya. Hal ini dapat dilihat mulai sepanjang Jalan Kempas Baru atau sebahagian besar penduduk memberikan gelaran nama jalan ini sebagai '*highway* tengkorak'. Kenapa penduduk menggelarkan sedemikian? Ini kerana jalan ini mempunyai dua lorong dan keadaan dua hala serta permukaan cerun jalan ini yang beralun dan agak gelap pada waktu malam. Laluan ini dan laluan *alternative* pertama antara pusat bandar ke Lebuhraya Utara – Selatan, perkara ini bukan sahaja mengurangkan kesesakan lalulintas pada waktu puncak, bahkan lebih mengerikan lagi jika berlaku kemalangan di jalan ini, ia membawa kepada kemalangan maut yang meragut nyawa di kawasan berkenaan. Justeru, Kempas berharap laluan tersebut yang sebahagiannya telah dilebarkan kepada empat lorong dapat dinaik taraf kepada empat lorong keseluruhannya di jalan tersebut, bermula di persimpangan Lebuh raya Pasir Gudang sehingga ke Taman Setia Tropika. Semua ini akan dapat meningkatkan keselesaan dan meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya yang menggunakan laluan tersebut yang sesuai dengan lokasinya yang terletak di dalam kawasan bandar raya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kempas ingin turut berdukacita dan bersimpati kepada mangsa-mangsa yang mengalami banjir di beberapa daerah di Johor baru-baru ini. Semoga mereka tabah dan redha menempuhi ujian pada kali ini dan lebih teruk daripada keadaan banjir sebelum ini. Kempas bersyukur kerana pada kali ini kawasan DUN Kempas tidak terlibat dalam kejadian banjir walaupun kebiasaannya Kempas turut menjadi kawasan *hotspot* banjir dalam daerah Johor Bahru. Dalam menghadapi masalah banjir yang berlaku, Kempas mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri, yang telah menggariskan usaha-usaha bagi menangani mangsa banjir di Johor, serta cadangan untuk menubuhkan Jawatankuasa Perubahan Iklim dan Pengurusan Banjir. Kempas juga mengucapkan terima kasih kepada usaha kerajaan negeri bersama Jabatan Pengairan dan Saliran yang akan memulakan kajian terhadap Projek Rancangan Tebatan Banjir di Sungai Tebrau. Projek ini sedikit sebanyak akan dapat memberikan impak positif dalam mengurangkan kejadian banjir terutamanya di kawasan Permatang Kempas, Kempas berharap dapat dilaksanakan dengan kadar yang segera.

Di akhir ucapan ini, marilah bersama-sama kita berdoa agar usaha kerajaan negeri dalam menjayakan agenda Maju Johor demi melihat Johor menjadi maju menjelang tahun 2030 Insya-Allah akan tercapai. Marilah kita bersama bagi pihak kerajaan mahupun di pihak pengimbang kerajaan berganding bahu dan menjayakan hasrat ini. Semua yang diusahakan perkara ini bukan semata untuk kita sahaja, tetapi untuk anak cucu kita, generasi kita pada tempoh lima hingga sepuluh tahun yang akan datang. Sesungguhnya pencapaian dan kejayaan yang telah ditempuh tidak akan datang secara bergolek, tetapi hadir dengan iltizam dan impian yang menggunung, semangat juang Bangsa Johor yang dipacukan dengan pegangan Johor mesti jadi Johor, semoga negeri Johor akan terus memperoleh kejayaan dan terus menjadi tauladan bagi negeri lain dalam segenap aspek.

Akhir kata, Kempas ingin mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadan al Mubarak dan selamat menunaikan ibadah puasa kepada semua Ahli Dewan yang beragama Islam, semoga kita semua sudah bersedia sekali gus tidak melepaskan peluang, dengan kehadiran bulan Ramadan dengan pelbagai fadilat dan keberkatan besar Insya-Allah. Sekian wabillahitaufik walhidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Kempas mohon menyokong.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Kempas. Sekarang dijemput Yang Berhormat Kota Iskandar.

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad (Kota Iskandar) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum saya memulakan ucapan ini, pertama saya melafazkan janji ditunaikan, memberi satu undi kepada Datuk Speaker.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat.

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad (Kota Iskandar) : Bismillahirrahmanirrahim. (Doa) Assalamualaikum warahmatullhitaala wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Makmur Johor. Pertama sekali saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih dan syukur kepada Allah SWT pada petang yang berbahagia ini, saya diberi keizinan untuk bersama mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim.

Yang Berhormat Datuk Speaker, patik merafak sembah dan menjunjung setinggi kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Tak'zim atas perkenan Tuanku merasmikan Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Ke-15, Khamis yang lalu. Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan menjadi pegangan dalam menjalankan tugas dan amanah sebagai Wakil Rakyat di kawasan DUN Kota Iskandar ini. Patik merafak sembah dan menjunjung setinggi kasih ke atas keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan kerabat Diraja Johor turun menyantuni dan memberikan sumbangan kepada rakyat jelata, khususnya kepada mangsa-mangsa banjir yang melanda negeri baru-baru ini. Keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan kerabat Diraja Johor memberi suntikan semangat kepada patik dan rakan-rakan Yang Berhormat memberi khidmat bakti yang terbaik kepada rakyat-rakyat di kawasan masing-masing.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kota Iskandar ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Johor serta EXCO-EXCOnya yang sentiasa prihatin dan turun padang menyantuni mangsa banjir yang lalu. Ternyata banjir kali ini antara yang terburuk sehingga menjejaskan kira-kira 85,000 mangsa, malah hingga kini masih ada lagi rakyat terpaksa menduduki Pusat Pemindahan Sementara (PPS) khasnya di kawasan Batu Pahat. Namun Kota Iskandar berharap bantuan yang ada, yang

disalurkan oleh kerajaan persekutuan, mahupun kerajaan negeri dapat diberikan segera bagi membantu mangsa memulakan kembali kehidupan pasca banjir.

Yang Berhormat Datuk Speaker, banjir kali ini memang luar biasa. Kota Iskandar berharap semua mangsa banjir terutama di kawasan DUN-DUN yang terlibat sabar dan tabah menghadapi ujian daripada Allah SWT. Walau bagaimanapun, Kota Iskandar meminta pihak berkuasa meneliti punca-punca yang menyebabkan banjir yang melanda dengan cepat, pantau dan sentiasa selenggara parit, longkang jika ada yang tersumbat, sungai-sungai cetek harus didalamkan bagi melancarkan aliran air ke muara supaya tidak melimpah ke kawasan-kawasan yang rendah. Usaha ini harus dilakukan secara berterusan, bukannya apabila banjir melanda baru hendak kita bertindak.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, Baginda menekankan peri pentingnya menyediakan kemudahan yang baik untuk rakyat. Justeru, memang menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menyediakan infrastruktur kemudahan yang baik demi keselesaan rakyat jelata. Dalam melaksanakan semua usaha tersebut, terdapat beberapa isu yang Kota Iskandar ingin bawakan, diberi perhatian tumpuan utama dalam kawasan Kota Iskandar. Pertama, kesesakan di pintu sempadan. Isu kesesakan pintu sempadan khususnya Kompleks Sultan Abu Bakar bukan isu baru, terutamanya pada hujung minggu, Jumaat, Sabtu dan Ahad. Kota Iskandar ingin merakam ucapan terima kasih kepada Tanjung Piai dan Stulang yang turut membangkitkan isu ini serta pelbagai cadangan-cadangan yang baik diusulkan untuk mengatasi kesesakan tersebut. Walaubagaimana langkah di ambil, namun isu ini ibarat air pasang surut. Ada masalah berlaku kesesakan luar biasa khususnya semasa sambutan perayaan Tahun Baru Cina dan Hari Raya Aidilfitri, serta cuti umum, apabila banyak pihak ingin bercuti dan pulang ke kampung halaman masing-masing. Keadaan sesak ini bertambah teruk sekiranya masalah atau gangguan pada sistem yang di guna pakai sehingga melambatkan proses keluar masuk sempadan Malaysia dan Singapura. Sebagai Wakil Rakyat Kota Iskandar, saya hari-hari menerima aduan tentang kesesakan yang berlaku khususnya di KSAB ini. Saya mengharapkan supaya isu kesesakan yang sering berlaku di pintu masuk sempadan Malaysia, Johor ini diatasi segera kerana isu tersebut boleh menjejaskan imej negara dan negeri kita yang kini sedang berusaha menjadi negeri yang maju di masa yang akan datang ini. Malu kalau kita asyik mencanangkan negeri maju, tetapi cara kerja dan sistem yang diguna pakai tidak menggambarkan sebagai sebuah negeri yang maju.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kota Iskandar ingin mencadangkan bayaran VEP, *Vehicle Entry Permit* dengan izin Datuk Speaker, yang dikenakan terhadap kenderaan dari negara jiran dinaikkan. Saya dimaklumkan pada masa ini, bayaran RM20.00 dikenakan terlalu rendah jika kita mengambil kira kadar Ringgit Malaysia dengan Dolar *Singapore*, nilai RM20.00 hanya bersamaan dengan SD6.00. Ibarat kata orang, celah gigi sahaja jumlah bayaran itu boleh mereka bayar. Justeru, saya mencadangkan supaya kadar bayaran tersebut dinaikkan kepada RM40.00 atau hingga RM50.00 bagi setiap kenderaan. Jika tidak dapat dilakukan pada hari biasa, bayaran boleh dikenakan pada hujung minggu, Jumaat, Sabtu dan Ahad. Langkah ini sekali gus mampu menambah pendapatan negara dan negeri dan hasil kutipan yang diperolehi juga boleh dipulangkan semula kepada semua pengguna dari kedua-dua negara iaitu dengan menyediakan kemudahan yang lebih baik. Apabila kemudahan dan sistem disediakan lebih baik, maka isu kesesakan yang sering berlaku mampu dikurangkan. Jadi kedua-dua pihak mendapat manfaat kepadanya, malah Kota Iskandar dimaklumkan bahawa kadar RM20.00 dicajkan, dikenakan sekarang sudah lama tidak dikaji semula. Kini sudah tiba masanya perkara ini kerajaan negeri dan pusat meneliti semula. Saya mohon supaya perkara ini diangkat ke peringkat lebih tinggi dan dipertimbangkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara yang kedua. Selepas pasca banjir ini, banyak jalan rosak dan berlubang. Isu ini bukan baru, malah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam

tintah Baginda semasa merasmikan Persidangan Dewan yang mulia ini pada Khamis yang lalu telah menzahirkan kesedihan tentang jalan-jalan di negeri yang banyak rosak dan membimbangkan, hingga rim kenderaan Baginda pun turut bengkok. Malah isu jalan berlubang ini bukan sahaja di kawasan kampung dan pekan kecil, banyak jalan yang ada di bandar, termasuk di bandar raya Johor Bahru yang ditadbir dan diselihkan oleh tiga Majlis Bandaraya, iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan Majlis Bandaraya Pasir Gudang dan termasuk juga Majlis Perbandaran Kulai. Di kawasan Kota Iskandar ini, jalan utama khususnya Jalan Skudai – Pontian banyak kawasan yang mengalami kerosakan dan berlubang, khususnya dari Universiti Teknologi (UTM) ke Jalan Ulu Choh dan terutama di kawasan Jalan Taman Pulai Indah, Pulai Perdana dan Kangkar Pulai serta sekitarnya. Memandulah ke sana. Kiri dan kanan jalan kedua arah banyak kerosakan dan lubang-lubang. Saya mohon, mohon kerosakan ini dibaik pulih dengan baik. Bukan ibarat melepas batuk di tangga, bukan hanya menampal begitu sahaja lubang-lubang tersebut, dan kerosakan yang ada tidak akan berkesan, tidak menyelesaikan masalah yang sering berlaku hari ini, tampal beberapa hari kemudian rosak esok harinya.

Justeru itu, Kota Iskandar mohon supaya Jurutera sama ada Jabatan Kerja Raya, MBIP dan Majlis Perbandaran Kulai sentiasa memantau dan memastikan kualiti kerja dilaksana mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Sekiranya kerja yang dilakukan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan, kontraktor mesti diminta melaku semula tugas tersebut. Jangan hanya kita menunggu laporan di pejabat. Turun dan periksa kualiti kerja yang dilakukan. Ini kerana banyak kerja baik pulih yang dijalankan ibarat hanya buat dan dalam tempoh yang singkat. Jalan akan berlubang dah rosak, apatah lagi dengan keadaan cuaca sering hujan dan cuaca yang tidak menentu. Selain faktor struktur muka bumi yang lembut, kerosakan jalan raya juga disebabkan oleh kenderaan berat, khususnya lori-lori yang sering membawa lebih muatan. Perkara ini pun diakui oleh EXCO Pengangkutan dan Kerja Raya, semasa penyerahan Jalan J4 pada minggu yang lalu. Persoalannya, kenapa perkara ini berlaku? Jelas kerajaan menerusi beberapa agensi yang berkaitan perlu meningkatkan penguatkuasaan. Justeru Kota Iskandar mohon supaya, jabatan jalan (JPJ), Suruhanjaya Pengangkutan Awam (SPAD) dan Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat supaya berganding bahu menjalankan pemeriksaan. Jika kemampuan jalan itu hanya boleh menampung 30 tan muatan, tindakan mesti di ambil ke atas pemandu dan syarikat pengangkutan yang melanggar syarat tersebut. Usah tutup mata, tapi buka telinga dengar aduan rakyat. Jalan raya ini milik semua. Justeru, nyawa semua pengguna harus dijaga, jangan ada suatu insiden buruk berlaku kerana kecuaiian dan lambat tindakan kita. Nyawa itu tiada nilainya berbanding kos yang digunakan untuk baik pulih jalan yang rosak dan berlubang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, keperluan mesin ATM di kawasan yang tertentu. Seiring dengan kepesatan dan pertambahan jumlah warga di kawasan Bandar Baharu Kangkar Pulai, Pulai Indah, kawasan-kawasan yang sekitarnya, kawasan ini amat memerlukan mesin ATM. Kawasan ini mempunyai lebih 10 taman dengan kira-kira 50,000 penduduk. Justeru, saya memohon supaya bank-bank yang ada dalam memberi perkhidmatan mereka kepada penduduk di kawasan tersebut walaupun tidak membuka cawangan, cukup pada masa ini dengan menempatkan mesin-mesin ATM di premis-premis kedai ataupun di premis-premis, kiosk minyak dan sebagainya untuk kegunaan penduduk. Jadi penduduk di taman-taman perumahan Bandar Baharu Kangkar Pulai dan taman sekitarnya tidak perlu pergi jauh untuk mendapatkan perkhidmatan bank menerusi mesin ATM yang disediakan. Walaupun pada masa ini urusan dan khidmat bank dapat dilakukan secara digital ataupun dalam talian, namun khidmat seperti pengeluaran dan memasukkan wang menerusi mesin ATM masih diperlukan. Kita perlu sedar bahawa tidak semua orang selesa dengan urusan secara talian khususnya golongan orang-orang lama atau warga emas. Dengan ada mesin ATM ditempatkan di premis-premis perniagaan akan dapat memenuhi keperluan mereka.

YB Speaker : Yang Berhormat...

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad (Kota Iskandar) : Yang Berhormat Datuk Speaker...

YB Speaker : Tinggal dua minit.

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad (Kota Iskandar) : Kemudahan sekolah agama di Johor. Institusi pendidikan agama Johor amat terkenal dengan sistem tersusun dan moden mendahului negeri-negeri lain malah negeri lain mengambil contoh sistem khususnya dalam aspek pendidikan agama. Namun saya ingin melahirkan kekecewaan terhadap kemudahan disediakan di beberapa sekolah terutamanya di kawasan Kota Iskandar ini, sebagai contoh Sekolah Taman Pulai Indah. Anak-anak terpaksa belajar dalam keadaan sesak, dimaklumkan sekolah tersebut menempatkan kira-kira hampir 2,000 murid. Bayangkanlah Datuk Speaker diri kita dalam keadaan sesak bagaimana dalam memberi tumpuan sepenuhnya waktu pembelajaran. Lebih menyedihkan lagi apabila saya dapati murid terpaksa belajar di koridor dan menumpang di surau yang berhampiran di sekolah tersebut. Ini tidak mencerminkan nilai dan imej institusi pendidikan agama Johor. Perkara ini bukan sahaja tidak berlaku malah paling utama ditangani segera. Kota Iskandar mohon Jabatan Agama Islam (JAINJ) mencari tapak baharu untuk dirikan sekolah agama yang baharu untuk murid-murid tersebut. Jangan biarkan anak kita terus belajar dalam keadaan sesak, tidak selesa malu kita dengan orang lain sedangkan imej pendidikan agama Islam disanjung oleh pelbagai pihak. Justeru Kota Iskandar mohon EXCO dan Jabatan Agama turun padang pantau cari solusi untuk mengatasi masalah tersebut.

Saya ingin menyentuhkan satu lagi yang amat menyedihkan. Pembinaan sekolah agama di Kampung Sungai Melayu tanah dibeli tahun 2012 tetapi sehingga kini tidak dapat dibina kerana tapak tanah yang dibeli tidak bersesuaian dan tidak cukup had untuk membina sekolah. Apakah perkiraan ketika dibeli tanah tersebut sedangkan sekolah tak dapat dibina hingga memumpang Sekolah Kebangsaan Sungai Melayu dan kekurangan guru-guru agama juga harus diatasi segera di semua sekolah-sekolah agama di dalam kawasan Kota Iskandar.

Oleh kerana masa tidak mengizinkan satu sahaja Yang Berhormat Datuk Pengerusi, Rumah Makmur Johor. Mengapa rumah ini tidak dapat diteruskan? Besar harapan rakyat, rakyat di kawasan Kota Iskandar ini memerlukan rumah yang mampu dimiliki. Saya kira kalau rumah ini baik, perlu diteruskan. Dan akhirnya pengorbanan yang dilakukan oleh rakyat di kawasan Kota Iskandar ada tiga perkara pengorbanan yang besar Yang Berhormat Datuk Speaker. Pertama, pengambilan tanah pembinaan Jambatan Kedua, *Second Link*, Pelabuhan Tanjung Pelepas dan pusat kerajaan itu sendiri telah mengorbankan rakyat, mengorbankan tanah untuk pembangunan. Apakah salah kiranya, apalah kiranya, apalah kiranya ihsan kerajaan Johor membalas Johor penduduk Kota Iskandar dengan membina sebuah hospital yang baharu di dalam kawasan Kota Iskandar yang sangat-sangat memerlukan. Itulah harapan Kota Iskandar di akhir-akhir ucapan ini.

Dengan kata-kata itu Yang Berhormat Datuk Speaker, saya sekali lagi mengucapkan banyak terima kasih kepada pegawai-pegawai kerajaan yang bertungkus lumus membantu kita menyelesaikan masalah dan kehendak penduduk di kawasan Kota Iskandar. Terima kasih daun keladi, kalau kami mohon pertolongan bantu-bantulah lagi. Akhir kata, sebelum mengakhiri ucapan ini Kota Iskandar sekali merafakkan sembah dan menjunjung setinggi kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Naungan Baginda menjadikan negeri Johor Darul Ta'zim amat kita cintai kini kekal aman damai serta harmoni. Semoga Tuanku dan kerabat DiRaja sentiasa dalam lindungan Rahmat Allah SWT. Kepada Yang Berhormat Datuk Menteri Besar semoga memimpin negeri Johor dengan baik khususnya dalam melonjakkan lagi ekonomi dan pembangunan negeri sekali gus membawa manfaat besar kepada rakyat Bangsa Johor yang kita sayangi.

Datuk Speaker, saya mendapat rintihan daripada ramai yang hadir pada hari ini *sound system* yang dalam Dewan ini perlu dibaiki semula, ada yang kita toleh ke belakang menganggu rupanya nak mendengar ucapan Yang Berhormat-Yang Berhormat tetapi *sound system* nya mengganggu untuk mencatat apa yang dicatitkan, apa yang disuarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kota Iskandar menjunjung setinggi-tinggi kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar. Kepada Allah kita berserah, Allah berkati Johor. Kota Iskandar mohon menyokong. Sekian wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warah matullahi taala wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih Kota Iskandar. Sekarang dijemput Yang Berhormat Maharani.

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib (Maharani) : Assalamualaikum warah matullahi wabarakatuh dan salam sejahtera, salam maju Johor. (Bacaan selawat). Alhamdulillah, kalau berakit saudara berlima, jangan dilupa bawalah pukut, ada sedikit kongsi Maharani bersama, besarnya nikmat membawa berkat. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker kerana memberi laluan kepada Maharani untuk membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim. Puji dan syukur kehadiran Allah SWT atas limpah kurnia dan rahmatNya berlangsungnya Penggal Persidangan Kedua Bagi Dewan Negeri Johor Ke-15 kali ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang menjadikan pedoman kita dalam kehidupan pada hari ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan ini patik ingin merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sudi hadir dan seterusnya bertitah merasmikan Persidangan kali ini. Patik juga ingin merakamkan ucapan menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor dan kerabat-kerabat Diraja yang telah berkenan sudi hadir di dalam Persidangan ini.

Alhamdulillah telah genap setahun Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Johor dipilih dan dilantik. Maharani mengucapkan syukur kehadiran Allah SWT di atas ucapan titah Tuanku yang berpuas hati terhadap semua Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Johor ini. Mengambil kesempatan ini juga Maharani berasa teruja dengan gelaran yang diberikan oleh Tuanku kepada Ahli-Ahli Dewan bukan kerajaan dengan gelaran Pengimbang dan Pemeriksa bagi kerajaan menggantikan gelaran Pembangkang. Semoga dengan ini seluruh Ahli-Ahli Dewan terus bersatu padu menaikkan imej negeri Johor dan menjaga kebajikan rakyat negeri tanpa mengira fahaman politik dan ianya menjadi amalan budaya politik matang dan sejahtera. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah Al Maidah ayat yang kedua, (bacaan ayat al-Quran) yang bermaksud, 'Bekerjasamalah dalam melaksanakan perkara kebaikan dan takwa dan janganlah kamu bekerjasama dalam perkara dosa dan bermusuh-musuhan.'

Maharani turut menzahirkan rasa simpati atas musibah yang menimpa rakyat negeri Johor kali ini dalam masa yang sama bermula sesi persekolahan tahun 2023 dan menjelang bulan mulia iaitu bulan Ramadan. Semoga rakyat negeri ini tabah membina kehidupan baharu pasca banjir dan Allah akan gantikan dengan perihal yang lebih baik. Setiap yang berlaku itu pasti ada hikmahnya. Walaupun Maharani kali ini tidak ditimpa banjir tetapi Maharani mengambil maklum akan kenyataan Menteri Besar Johor, Yang Amat Berhormat Datuk Onn Hafiz yang menyatakan tidak cukup petugas untuk menangani misi banjir kali ini. Alhamdulillah pertemuan saya bersama-sama dengan Agensi Khidmat Malaysia Pusat di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Muar pada 14 Mac yang lalu menyebut akan hal ini dan kami sedia membantu sedaya upaya yang kami mampu serta melibatkan aset-aset yang ada. Ingin saya maklumkan melalui agensi Jabatan AMAL Malaysia yang turut sama terlibat dalam misi banjir kali ini terutamanya misi penyelamat dan pembersihan pasca banjir

di Sekijang, di Ledang, Pagoh, Parit Sulong, Batu Pahat dan beberapa daerah lagi serta Dapur Rakyat di Sri Medan dan juga di Sri Gading.

Yang terkini pada 19 hari bulan yang lalu, anggota-anggota kami dari Jabatan Amal Malaysia dari Muar dan Parit Sulong serta Melaka dan juga daripada Kelab Permotoran *Ride* (ARC) juga turut sama membantu misi pembersihan di Sri Medan. Beberapa buah rumah telah berjaya dibersihkan dan mendapat kerjasama daripada penduduk, alhamdulillah misi berjalan dengan baik.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Maharani berharap agar pihak kerajaan sedia memberi bantuan secara langsung dan tidak langsung dengan tangan yang terbuka. Suka untuk saya ingatkan birokrasi antara jawatankuasa dan pemimpin masyarakat di setengah tempat terhadap agensi kami iaitu Agensi Khidmat Malaysia dan Jabatan Amal Malaysia untuk masuk ke tempat yang terjejas sangat amat dikesali. Tindakan ini menyebabkan bantuan tidak sampai kepada mangsa banjir walaupun kita sudah selesai melaporkan diri, usah kita politikkan isu banjir ini dan berilah laluan kepada agensi kami untuk membantu dengan baik. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah Al-Baqarah ayat 148, (bacaan ayat al-Quran) yang bermaksud, 'maka berlumba-lumlah dalam membuat kebaikan di mana sahaja kamu berada pasti Allah akan mengumpulkan kamu sekalian pada hari kiamat, sesungguhnya Allah Maha Berkuasa atas segala sesuatu.'

Melihat kepada gejala banjir yang berlaku hampir setiap tahun ini, apakah jaminan kerajaan negeri dan pihak berwajib untuk mengatasi bagi jangka masa pendek dan jangka masa panjang terutamanya masalah banjir termenung apabila empangan dibuka tempiasnya kepada kawasan yang rendah sehingga hari ini masih ada kawasan terjejas dengan air termenung. Cadangan Maharani agar pimpinan setempat merangka sistem perparitan longkang di kawasan terjejas ini supaya air dapat keluar dengan baik terutamanya di kawasan-kawasan perumahan dan juga lorong-lorong.

Maharani juga mencadangkan untuk mengatasi masalah banjir kilat terutamanya yang berlaku di kawasan Maharani agar kerajaan atau pihak JPS dapat membersihkan parit-parit mengikut jadual yang ditentukan. Jangan menunggu setelah semak ataupun aduan baru diadakan pembersihan. Maharani juga ingin mencadangkan pemberian terus peruntukan iaitu *One-Off* kepada ADUN-ADUN yang terlibat dengan kawasan banjir supaya dapat memudahkan pemberian bantuan dan meringankan bebanan kepada mangsa-mangsa banjir di kawasan tersebut. Maharani mengharapkan agar bantuan segera yang disalurkan kepada mangsa-mangsa banjir yang terjejas khususnya ibu bapa yang sedang menghadapi awal persekolahan dan bulan Ramadan. Di kesempatan ini juga Maharani mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua agensi-agensi kerajaan dan juga badan-badan NGO yang telah membantu mangsa-mangsa banjir di sepanjang melanda negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menyambut baik atas titah Tuanku yang menegaskan perihal tauliah Majlis Agama Islam Negeri Johor kepada penceramah-penceramah agama agar terjaga agama daripada penyelewengan dan tersimpang daripada syarak yang berlandaskan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Terutamanya golongan anak-anak muda yang sentiasa mencari sesuatu yang baharu dalam keadaan kurang berilmu. Maharani mohon dipertimbangkan semula tindakan pemecatan jawatankuasa masjid dan surau bagi mengelakkan daripada ketiadaan ahli jawatankuasa untuk mengurus masjid dan surau. Sebaiknya bolehlah dinilai dahulu melalui guru ta'mir setempat mahupun pejabat kadi daerah. Disini juga maharani meminta agar birokrasi urusan bagi mendapatkan tauliah kepada penceramah-penceramah luar yang telah dikenal pasti akidah dan tauhidnya. Ilmu itu luas bidangnya dan ulamak itu bukan sahaja dari, dari dalam negeri bahkan ada dari luar negara seperti ulamak-ulamak antarabangsa yang kebetulan berkunjung ke bumi Malaysia sebaiknya kita boleh memanfaatkan ilmu, ilmu mereka kepada rakyat. Pesan Baginda Nabi Muhammad SAW. (bacaan ayat al-Quran) sampaikan lah dariku walaupun satu ayat.

Maharani mencadangkan agar proses pemberian tauliah sementara bagi penceramah luar yang masuk ke negeri Johor ini dipermudahkan. Ianya sangat penting bagi program penyebaran Syariah Islam untuk masyarakat negeri Johor dengan program-program ceramah agama di masjid, di surau dan juga di kawasan-kawasan luas seperti di stadium dan seumpamanya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Maharani juga bersetuju akan titah Tuanku mengenai peningkatan mutu pendidikan di sekolah-sekolah dan pusat pengajian tinggi agar dapat melahirkan generasi mengenal Allah. Maharani mencadangkan agar Pendidikan Darjah Khas diperkasakan dan membolehkan pemegang sijil tersebut melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat yang lebih tinggi. Selain daripada itu Maharani juga mohon guru-guru KAFA di negeri Johor dinaikkan gred dan diberikan pencen. Dengan usaha murni ini Maharani yakin pembangunan institusi pendidikan dan guru-guru akan melahirkan generasi masa depan yang tinggi ilmu pengetahuan dan berkualiti di negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam kesempatan ini Maharani ingin membawa beberapa isu setempat yang dikemukakan di Dewan ini. Yang pertama, aduan daripada persatuan pemandu teksi dan kereta sewa sekitar bandar Maharani. Antara isu yang dibangkitkan ialah saingan moden platform *e-hailing* seperti *Grab* dan *Lalamove*, Maharani mencadangkan agar pihak kerajaan dapat membuat penambahbaikan sistem dengan mewujudkan aplikasi kereta sewa dan teksi-teksi negeri Johor dalam talian sebagaimana yang digunakan oleh aplikasi *GrabCar*, *MyCar* dan seumpamanya. Pihak persatuan juga memohon kepada pihak kerajaan agar diberikan bantuan subsidi seperti subsidi petrol dan subsidi tayar serta bantuan sara hidup bagi membantu meringankan kos sara hidup mereka. Mereka juga menghadapi masalah pengurusan pinjaman bank untuk pembelian kereta-kereta baharu semoga ia mendapat perhatian daripada pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Yang kedua, Maharani juga membawa rintihan para nelayan mengenai isu pukut tunda yang sentiasa mengganggu aktiviti para nelayan di sepanjang perairan daerah Muar. Walaupun berbagai-bagai-bagai tindakan telah dilakukan oleh pihak kerajaan, isu ini masih terus berlaku dan menjejaskan mata pencarian para nelayan. Diharapkan pihak kerajaan melalui agensi Maritim dan Polis Marin dapat menyelesaikan masalah ini dengan sewajarnya.

Yang ketiga, sekali lagi Maharani ini membangkitkan Projek Perumahan Islam Negeri Johor yang masih belum lagi dibina agar dapat disegerakan atas keperluan rakyat. Rumah-rumah kos rendah ini perlu diperbanyakkan memandangkan kos sara hidup sekarang ini terlalu rendah untuk membeli rumah yang bertaraf kayangan. Maharani mengharap agar pihak berwajib dapat menyelesaikan masalah rumah yang terbengkalai di Parit Unas, Jalan Abdul Rahman kerana ia boleh dijadikan satu inisiatif bagi menyelesaikan masalah pemilik rumah terutamanya golongan B40 ke bawah.

Yang keempat, seterusnya bangunan *Rest House* iaitu Rumah Persinggahan Muar yang terbengkalai dan gelenggang tenis di kawasan Tanjung Ketapang yang terbiar dan tidak terurus agar dapat dibaik pulih dan dimajukan oleh pihak PBT untuk kegunaan pengunjung ke Bandar Maharani sebagai salah satu sumber pendapatan.

Yang kelima, kawasan jalan kampung yang berlaku mendapan terutamanya kawasan kampung yang telah mempunyai taman-taman perumahan seperti di sepanjang Parit Korma Jalan Abdul Rahman, Parit Raja, Parit Besar, Parit Unas, Parit Haji Ali, Parit Pinang Seribu dan seumpamanya. Diharapkan pihak kerajaan atau PBT dapat membina parit konkrit U menggantikan parit tanah untuk mengelakkan jalan mendap serta melebarkan jalan-jalan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir kata Maharani menyeru kepada seluruh Ahli-Ahli Dewan yang Mulia ini supaya bekerjasama tolong menolong dan bantu membantu serta berlaku adil serta terus beristiqomah berpandukan firman Allah, surah Al-Imran ayat 103, (bacaan ayat al-Quran). Yang bermaksud, yang bermaksud dan berpegang lah kamu semuanya kepada tali Allah dan janganlah kamu bercerai berai. Akhir kata, Maharani mengucapkan selamat berpuasa kepada seluruh umat Islam semoga sentiasa dirahmati Allah dan sabar dalam menghadapi ujian. Dengan ini, Maharani menyokong titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim. Sekian terima kasih. Wabillahitaufik walhidayah wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Maharani. Dan sekarang saya jemput Yang Berhormat Sedili.

YB Tuan Muszaide bin Makmor (Sedili) : Bismillahirrahmanirrahim, (bacaan doa). Yang Berhormat Datuk Speaker dan Ahli Dewan yang Mulia pada petang yang berbahagia ini. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh, salam sejahtera, salam Maju Johor. Simpang Waha, Bukit Waha dan Easter itu gugusan, Kampung Sentosa dan tanah putih itu legaran, giliran Sedili mengambil bahagian titah Tuanku Pembukaan Dewan. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, yang memberi giliran kepada saya mengambil bahagian dalam bahas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Takzim pada Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Kali Yang Ke-15.

Yang Berhormat Datuk Speaker, banjir merupakan bencana yang kita tidak dapat halang dan elakkan. Banjir ini sering berlaku dalam kawasan DUN Sedili pada hujung bulan Januari yang lalu sebanyak 4 pusat pemindahan sementara telah dibuka di kawasan Sedili. Manakala hujung bulan Februari yang lalu 1 pusat pemindahan sementara juga telah dibuka semula di kawasan Sedili. Alhamdulillah, kita telah pun berjaya mengurus mangsa ini dari mula berpindah ke PPS sehinggalah pulang ke rumah masing-masing. Terima kasih kepada semua pihak, agensi yang terlibat dan orang awam dan bukan kerajaan dalam usaha dan kerjasama yang telah diberikan. Cumanya Datuk Speaker, banyak ruang tambah baik yang boleh kita lakukan contohnya, kita faham PPS ini menumpang bangunan sekolah tetapi khemah sering kali lambat dan tidak mencukupi. Berkaitan bekalan makanan pula, kita faham pihak JKM telah menambah baik sistem operasi dengan tidak membenarkan aktiviti masak memasak di kawasan PPS dan melantik pembekal untuk makanan siap bermasak. Tapinya bila berlaku keadaan sampai lambat, kualiti makanan yang sangat rendah, ada pula kes di tempat yang makanannya basi, kita nak tahu apakah pembetulan dan langkah pencegahan pihak JKM daripada perkara ini berulang pada masa yang akan datang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Sedili mengambil berat isu perumahan generasi, kalau kita lihat kita ada 3 kategori dan masalah berkaitan ini. Di tanah Rancangan FELDA dan FELCRA kita hadapi masalah pembinaan rumah. Yang kedua di Kawasan kampung tradisi pula kita hadapi masalah pemilikan tapak rumah. Dan ketiga di kawasan bandar dan pinggir bandar pula kita hadapi masalah kekurangan unit untuk rumah mampu milik. Saya pikir pihak berwajib perlu meneliti kategori ini dan memberi jalan keluar serta dimudahkan. Perkara ini adalah perkara asas yang saya pikir perlu untuk diberi perhatian pada masa ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar Johor yang baru-baru ini telah menyambut baik cadangan pihak USIM, Universiti Sains Islam Malaysia untuk menubuhkan sebuah Hospital Universiti di dalam kawasan Sedili, tidak lupa juga kepada Yang Berhormat Datuk Menteri Pendidikan Tinggi Ahli Parlimen Kota Tinggi yang membawa perkara ini. Kita

sedar inisiatif ini adalah sangat baik bagi dasar pendidikan negara, lebih dari itu kami di Sedili menyambut baik dan bersedia dengan keperluan sokongan untuk projek ini dilaksanakan. Saya juga sering berpesan kepada anak-anak muda di Kota Tinggi dan Sedili khususnya agar bersedia dari sekarang untuk mengambil peluang daripada atas limpahan dan hiliran kesan inisiatif pihak kerajaan ini. Cumanya saya ingin menyeru agar pihak pelaksana dapat teliti dalam perancangan projek besar ini, ini kerana kesannya nanti apabila projek mega ini terlaksana, perumahan yang kan tumbuh perlulah dengan kadar yang tidak menekan. Bekalan air dan elektrik perlu dirancang sebaiknya agar bekalan untuk penduduk Sedili tidak terjejas. Yang Berhormat Datuk Speaker, berkaitan Orang Asli di DUN Sedili ada sebuah kampung Orang Asli iaitu Kampung Pungai Pelangi, penempatan Kaum Kanak antara kaum yang tinggal dalam negara kita. Saban tahun masalah bekalan air dipotong kerana tidak ada pembayaran dilakukan kepada pihak SAJ. Apakah pihak JAKOA maklum perkara ini dan jika maklum apakah langkah pencegahan yang diambil untuk mengelak perkara ini berulang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin menyentuh beberapa perkara lain antaranya yang pertama, pendawaian elektrik bagi sekolah-sekolah tidak kiralah sekolah rendah ataupun menengah perlu diberi peruntukan penyelenggaraan segera. Maklumlah Datuk Speaker, bila bangunan dah berpuluh tahun kita tidak mahu bila tidak ada penyelenggaraan terancang kita akan terpaksa menanggung kerugian yang lebih besar nanti. Yang kedua, keperluan pesakit terlantar dirumah juga perlu diberikan perhatian, jika perlu kita tambah pengecualian cukai terhadap anak-anak yang berbelanja untuk orang tua mereka bolehlah dipertimbangkan. Disebabkan kos perubatan yang semakin meningkat sekarang. Isu binatang liar di kawasan saya ini, gajah je lah yang selalu menjadi topiknya yang sekian kalinya saya bangkitkan minta lah jabatan berkaitan memberikan penjelasan dan kemas kini SOP gerak kerja membenteras masalah dan juga isu ini kerana minggu lepas sekumpulan gajah masuk di dalam Kawasan FELCRA Sungai Ara hingga menyebabkan rasa ketakutan dan trauma penduduk di FELCRA tersebut selain kemusnahan tanaman penduduk. Isu gajah ini juga pernah saya bangkitkan dalam sidang DUN yang lalu, saya bangkitkan sekali lagi pada hari ini kerana ia melibatkan peneroka FELDA di Kawasan FELDA Lok Heng Barat yang mana sudah hampir 4 tahun tidak memiliki hasil dari lading mereka kerana langsung tidak mempunyai pokok sawit disebabkan serangan gajah ini. FELDA telah menghentikan bantuan RM1,000.00 kepada peneroka ini bermula Januari yang lalu. Setahun sahaja mereka mendapat bantuan daripada FELDA untuk membantu peneroka yang tidak ada pendapatan. Ini belum ditolak dengan hutang dan lazim peneroka. Dua hari lepas saya mendapat *Whatsapp* daripada salah seorang anak peneroka terbabit yang menunjukkan baki pendapatan ayah mereka sebanyak RM345.16. Bayangkanlah situasi mereka ketika ini. Diharap pihak kerajaan mahupun FELDA dapat segera membantu mengatasi masalah isu ini. Ada lot FELDA yang masih tidak berpeneroka supaya dapat diberi kepada peneroka ini 7 atau 8 ekar untuk menampung permasalahan ini.

Mereka ini terjejas kerana berdekatan dengan Empangan Seluyut, yang sebelum ini gajah-gajah ini berkeliaran di kawasan hutan yang ada di Empangan Seluyut. Tetapi disebabkan hutan ini dijadikan empangan, gajah kebetulan berada di situ dan akhirnya mereka yang berdekatan dengan empangan ini secara tak langsung memusnahkan tanaman yang telah disulam semula selepas 25 tahun, kelapa sawit ini ditebang dan dibuat semula.

Saya juga mengambil peluang ini dalam Dewan pada petang ini untuk merakamkan setinggi penghargaan terima kasih kepada Pegawai Daerah Kota Tinggi serta kakitangannya, ketua-ketua jabatan di peringkat negeri mahupun persekutuan, Penghulu-Penghulu Mukim, Ketua-Ketua Kampung, pemimpin-pemimpin masyarakat di DUN Sedili khususnya sudah 1 tahun saya menjadi Wakil Rakyat di DUN Sedili ini saya mendapat bantuan dan kerjasama yang baik di setiap isu-isu yang ada di kawasan saya. Moga Allah SWT merahmati dan memberkati usaha murni ini. Saya juga ingin mengucapkan selamat berpuasa kepada

semua muslimin muslimat yang ada di dalam Dewan pada petang ini. Akhir kalam, saya amat berharap pihak kerajaan berikan keutamaan kepada Sedili dan mengambil serius langkah penambahbaikan. Sekian Sedili mohon mencadang.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Sedili. Sekarang dijemput Yang Berhormat Pekan Nanas.

YB Tuan Tan Eng Meng (Pekan Nanas) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Selamat petang, salam sejahtera dan Maju Johor. Terlebih dahulu dengan hormat dan penuh takzim patik ingin merafak sembah menjunjung kasih di bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar yang telah berkenan berangkat dan merasmikan Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-15 pada 16 hari bulan Mac yang lepas. Berdasarkan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor yang lepas, saya ingin menyentuh dan membawakan beberapa usul berkaitan kepentingan masyarakat kawasan Pekan Nanas.

Yang Berhormat Datuk Speaker baru-baru ini negeri Johor dilanda dengan kejadian banjir yang terburuk dengan sejarah negeri ini. Kebanyakan daerah di Johor terjejas untuk sehingga memaksa ribuan rakyat untuk berpindah ke pusat penempatan sementara. Ahli-Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan perkara yang sama sejak permulaan sesi perbahasan kali ini. Patik juga merafak sembah menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor di atas keprihatinan dan bantu yang dihulur kepada mangsa-mangsa yang terjejas di kawasan banjir yang terlibat.

Saya turut menghargai komitmen kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan untuk membantu mangsa banjir dan menyelesaikan permasalahan banjir di negeri ini. Untuk maklum Yang Berhormat Datuk Speaker dan sidang Dewan yang mulia, Pekan Nanas juga terlibat sama dalam kejadian banjir baru-baru ini dengan hampir 300 mangsa terjejas dan harta benda musnah kerana ditenggelam air. Walaupun jumlahnya taklah sebanyak mangsa di daerah Batu Pahat, Segamat dan lain-lain kawasan, namun sejarah banjir Pekan Nanas ini telah berlaku hampir 40 tahun di kawasan yang sama dan setiap tahun kejadian banjir sama berulang 3 hingga 4 kali.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam penyelesaian masalah banjir ini, saya difahamkan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Johor telah menyediakan satu pelan cadang menyelesaikan banjir jangka pendek dan jangka panjang di beberapa *hot spot* Pekan Nanas iaitu Kampung Paya Embun, Kampung Melayu Raya, Kampung Sri Gambut dan Kampung Melayu Raya, Bukit Bachang. Cadangan ini meliputi kerja-kerja penyelenggaraan parit secara berkala, pembinaan pam *flood gate*, *converter portable pam* dan galian sungai yang menelan kos sebanyak RM125 juta. Ini merupakan satu jumlah yang besar. Untuk yang demikian, saya mohon Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk melihat dan membantu dalam perkara ini agar kerja-kerja tersebut dapat dilaksanakan dengan segera demi kesejahteraan masyarakat setempat.

Saya juga sependapat dengan jiran saya, Yang Berhormat DUN Pulai Sebatang tentang keperluan satu peruntukan kecemasan diberikan kepada Pejabat Daerah agar pengurusan situasi banjir dapat dilaksanakan dengan lebih cekap, pantas dan efisien. Kita tidak boleh lagi hanya menunggu permohonan demi permohonan diluluskan baharulah peruntukan hendak disalurkan. Pada hemat saya Yang Berhormat Datuk Speaker, masalah banjir tidak dapat diselesaikan dengan penyelesaian jangka pendek sahaja, dia memerlukan usaha dan rancangan mitigasi jangka panjang yang menyeluruh. Saya menyambut sangat baik cadangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menubuh Jawatankuasa Perubahan Iklim dan Pengurusan Banjir di negeri ini. Kita sudah ada pemetaan risiko banjir dan mengenal pasti kawasan yang berisiko tinggi. Oleh itu kita manfaatkan data-data tersebut

dan ambillah langkah mitigasi banjir yang terbaik supaya kita dapat meminimalkan kesan banjir ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya saya ingin menyentuhkan tentang infrastruktur awam di kawasan saya Pekan Nanas. Pekan Nanas sekarang semakin membangun sebagai kawasan perindustrian, lebih-lebih lagi setelah pembukaan Jambatan Sungai Pulai meskipun dahulu merupakan kawasan luar bandar yang kurang perkembangan. Namun begitu, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya sangat berdukacita melibat bahawa masih terdapat banyak fasiliti dan kemudahan awam yang tidak selenggara dengan baik seperti access kepada internet, jalan raya, dan lain-lain. Ini termasuklah fasiliti dan kemudahan kawasan luar bandar. Walaupun berada di kawasan luar bandar, kawasan kampung juga penting sebagai salah satu penyumbang kepada pendapatan sosioekonomi yang seimbang di Pekan Nanas.

Untuk maklum Yang Berhormat Datuk Speaker, saya telah menerima banyak permohonan bagi menaik taraf jalan-jalan kampung dan lampu jalan di kawasan luar bandar. Apabila saya usulkan kepada pihak berwajib, makluman yang sama diterima. Bajet tiada dan permohonan masih belum diluluskan. Inilah menyebabkan kawasan luar bandar sering terpinggir daripada pembangunan infrastruktur yang baik sehingga menyebabkan kepercayaan masyarakat kampung terhadap kebolehan kerajaan semakin terhakis. Oleh itu, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon pihak kerajaan untuk segerakan kerja-kerja naik taraf jalan-jalan kampung dan lampu-lampu jalan di kawasan luar bandar khususnya di Pekan Nanas.

Berkaitan dengan infrastruktur awam ini juga Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon agar pihak kerajaan negeri memperkuat sektor agro pelancongan di Pekan Nanas dengan melancarkan promosi yang sesuai. Kita ada Pusat Perkembangan Teknologi Pertanian Nanas (FTDC) di Pekan Nanas sebagai pusat untuk teknologi pertanian nanas dan menjadi pusat rujuk utama modul Pembangunan Industri Nanas Global. Sektor agro pelancongan di Pekan Nanas perlu dihidupkan semula untuk merancak ekonomi tempatan sekali gus dapat meningkat taraf hidup penduduk setempat. Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyambut baik insentif kerajaan negeri dalam mempromosikan sektor pelancongan negeri Johor melalui pelbagai insentif seperti *Majestic Johor*. Namun, saya mohon langkah yang sama dilaksanakan untuk agro pelancongan Pekan Nanas.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berkaitan sosio pendidikan, saya suka untuk sentuh tentang situasi semasa Pendidikan Khas di Pekan Nanas. Kerana saya perkenal Pendidikan Khas di Pekan Nanas dan paling penting ialah menubuhkan sebuah Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) untuk memenuhi keperluan bilangan murid keperluan khas yang semakin meningkat di daerah saya dah memberi fokus untuk membangunkan potensi mereka dengan lebih baik.

Kelas Program Integrasi Pendidikan Khas di sekolah harian biasa di daerah Pontian mempunyai masalah dari segi kemudahan mesra OKU seperti *parking* OKU, *lamp*, *lining* dan tandas mesra OKU serta kelas yang tidak kondusif dan sempit. Ingin saya tegaskan di sini kemenjadian murid melalui pendidikan termasuk arus Pendidikan Khas tidak boleh diabaikan dalam usaha menjadi Johor sebagai sebuah negeri maju menjelang tahun 2030.

Dalam pada itu juga Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon apalah kira bila kerajaan dapat meneliti dan menyemak semula elaun guru bertugas bagi Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang mana pada kadar semasa RM1,200.00 sekarang. Ada amatlah tidak wajar lebih-lebih lagi dengan meningkat kos sara hidup pada ketika ini, tugas mereka amat mulia bagi mendidik dan mempersiapkan golongan kurang upaya untuk dunia sebenar di luar sana. Pengorbanan dan usaha gigih mereka dalam mendidik anak-anak keperluan khas ini juga harus diberikan penghargaan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di sini juga saya ingin menyentuh tentang aktiviti sindiket penipuan atau *scammer* yang semakin meluas di dalam masyarakat kita. Sindiket ini bukanlah suatu yang baru, namun pastinya perkembangan teknologi dan Internet penipuan mencari lebih mudah dilakukan dan masyarakat semakin merasa bimbang akan masalah ini. Saya sendiri di pusat khidmat menerima pelbagai aduan mengenai sindiket penipuan yang melibatkan mangsa warga tempatan kita. Kerugian yang ditanggung bukan sikit Yang Berhormat Datuk Speaker, malah boleh mencecah ribuan dan puluhan ribuan ringgit. Penipuan dilakukan melalui pelbagai cara dari panggilan telefon, pesanan ringkas, *whatsapp*, atau aplikasi palsu yang direka untuk menipu pengguna. Contohnya ada satu penipuan palsu, penipuan loteri, penipuan pekerjaan, penipuan sewa rumah dan banyak lagi. Masalah ini tidak hanya merugikan aktiviti tetapi juga membahayakan keselamatan negara dan mengancam kestabilan ekonomi.

Oleh itu, kita perlu mengambil tindakan yang serius untuk mengatasi aktiviti penipuan ini. Saya sering dimaklumkan mangsa yang telah membuat laporan Polis tidak diambil tindakan sewajarnya terhadap sindiket penipuan. Sindiket hanya lapor di atas kertas sahaja tiada tindakan susulan untuk menggesa atau memberkas sindiket yang akhirnya sindiket yang sama melakukan penipuan yang lain. Saya mohon pihak berkuasa untuk bertindak dengan lebih tegas dan proaktif dalam menyiasat perkara ini. Lakukan siasatan yang lebih terperinci. Sindiket yang sama telah melakukan penipuan masih berleluasa di luar sana mencari mangsa baru. Saya tidak mahu lebih ramai lagi warganegara tempatan kita yang menjadi mangsa dalam sindiket penipuan ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir kata sekali lagi patik sembah takzim Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim di atas kesudian dan perkenan Tuanku merasmikan Pembukaan Rasmi Penggal Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-15. Saya harapkan cadangan dan usul yang dibawa akan diberikan perhatian sewajarnya oleh pihak kerajaan. Dengan kesempatan ini juga saya ucapkan selamat menyambut bulan puasa kepada Yang Berhormat Datuk Speaker dan rakan-rakan Ahli yang Muslim serta Bangsa Johor. Sekian, itu sahaja perbincangan saya, terima kasih. Pekan Nanas mohon menyekong.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pekan Nanas. Dan sekarang saya jemput Yang Berhormat Pemanis. Silakan.

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap (Pemanis) : Bismillahirrahmanirrahim, assalammualaikum warahmatullahi ta'ala wabarokatuh dan salam sejahtera, salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, (Membaca Doa). Yang Berhormat Datuk Speaker, dan semua Ahli-Ahli Dewan yang saya muliakan sekalian, saya merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim di atas perkenan Duli Tuanku dan kerabat-kerabat Diraja sudi hadir dan seterusnya bertitah merasmikan Persidangan pada kali ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, semalam Setiausaha Agung PBB, Antonio Guterres memberi amaran bahawa bom jangka iklim sedang berdetik. Menurut beliau, kadar kenaikan suhu sepanjang setengah abad yang lalu adalah yang tertinggi dalam tempoh 2,000 tahun. Kepekatan karbon dioksida berada pada tahap tertinggi dalam sekurang-kurangnya 2 juta tahun. Pagi tadi juga dalam satu majlis pelepasan misi pasca banjir, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengarahkan Kementerian Kewangan agar menyegerakan peruntukan bantuan banjir berjumlah RM150 juta. Ini maklumat semasa yang saya kira boleh kita kongsikan dalam Dewan pada petang ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, titah awal Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku pada minggu lepas menyentuh isu berkaitan dengan banjir. Malah, hampir semua perbahasan oleh rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat tak kira di sebelah kerajaan mahupun di pihak pengimbang memberikan fokus pada isu yang sama. Isu banjir menjadi tumpuan rakyat dan juga para pengamal media. Apatah lagi dalam daerah Segamat, daerah yang paling teruk sebenarnya pada peringkat awal kejadian banjir ini. Dan di DUN Pemanis sebenarnya 3 minggu sebelum kejadian banjir besar ini seolah-olah dah dapat amaran awal telah berlaku kejadian banjir yang turut menenggelamkan beberapa kawasan yang rendah. Dan acap kali hujan lebat kawasan-kawasan ini akan dilimpahi oleh air sungai. Cuma bila berlakunya limpahan air yang lebih besar, dia bermula daripada Chaah turun ke Tenang, Tenang sampai ke Pemanis, maka kawasan yang dulunya tak banjir kini tenggelam malah ada yang lebih teruk daripada kejadian tahun 2006 dahulu.

Di dalam titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, Baginda meletakkan harapan yang sangat tinggi kepada kerajaan pusat untuk memberikan peruntukan khas bagi membaik pulih infrastruktur awam yang telah rosak dan harta benda yang musnah. Pemanis amat menyokong saranan Duli Yang Maha Mulia Tuanku ini. Ramai di kalangan mereka yang terlibat dengan banjir kali ini kehilangan hampir 100% harta benda dan keperluan harian mereka. Walau pun sedikit, jika ada bantuan kewangan dapat diberikan kepada mereka pun dah memadai. Cuma Yang Berhormat Datuk Speaker, janganlah pula kerajaan persekutuan melambat-lambatkan sangat kelulusannya. Kalau dapat disegerakan bayarannya mungkin dalam bulan Mac ini walaupun dah tinggal tak beberapa hari, dapatlah mereka gunakan untuk bulan Ramadan dan mungkin Aidilfitri nanti. Saya harap Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita bolehlah berunding dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan agar dapat mengambil perhatian tentang perkara ini.

Dan di dalam jawapan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar apabila menjawab soalan lisan berkaitan dengan isu banjir pada Isnin yang lepas, dimaklumkan kerajaan ada memperuntukkan sejumlah bantuan kewangan bagi meringankan beban mangsa banjir. Cuma pada kebanyakan kes, tumpuan diberikan kepada keluarga yang tinggal di rumah kediaman sahaja. Saya tak pasti jika rumah kedai atau lot kawasan perniagaan juga dimasukkan dalam kategori yang sama. Jika tiada, Pemanis minta jasa baik pihak kerajaan untuk turut membantu para penjaja, peniaga-peniaga kecil dan usahawan-usahawan yang turut terjejas apabila peralatan perniagaan, kenderaan dan premis mereka turut musnah dan rosak teruk. Terima kasih kepada kerajaan negeri kerana memberi saranan kepada institusi kewangan agar memberikan moratorium kepada mereka yang terlibat dengan bencana banjir pada kali ini. Cuma, moratorium ini hanya memanjangkan tempoh pinjaman, jika dapat diberikan insentif, seperti pengurangan pinjaman melalui pemotongan BLR dan sebagainya. Saya kira, ini juga memadai bagi meringankan beban mereka yang terlibat kerana dia tidak memotong pinjaman pokok, tetapi memotong jumlah faedah BLR yang dikenakan oleh bank ataupun institusi kewangan kepada peminjam-peminjam.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berikut adalah beberapa cadangan daripada Pemanis berkenaan isu banjir kali ini. Cadangan yang pertama, selepas ini mana-mana kawasan yang memang kita kenal pasti sebagai kawasan yang kerap berlakunya banjir, kerajaan negeri boleh memberikan cadangan kepada Kementerian Kewangan agar wakil mereka dapat berbincang dengan syarikat berkaitan dengan perlindungan insurans untuk memikirkan satu polisi baru berkaitan dengan banjir. Mungkin polisi ini kelak dapat memanfaatkan ramai pihak dengan memberikan perlindungan terutama berkaitan dengan kecederaan, kehilangan nyawa, dan kerosakan harta benda di dalam rumah. Ini kerana bukan semua daripada mereka yang terlibat dengan banjir ini berlaku kepada mereka setiap tahun. Ada yang tiga tahun sekali, ada yang lima tahun sekali malah ada yang sepuluh tahun sekali barulah berlakunya kejadian banjir besar di tempat mereka. Jadi kalau terkesan mereka boleh membuat tuntutan menerusi polisi sedia ada tanpa mengharapkan bantuan yang akan diberikan oleh pihak kerajaan.

Bagi cadangan kedua pula ialah mana-mana pembangunan melibatkan kawasan rendah dan berisiko banjir bolehlah disyaratkan kepada para pemaju pembangunan agar membina bangunan secara bertingkat dan kukuh agar lebih mudah dalam keadaan kecemasan banjir untuk mereka berpindah ke tingkat yang lebih tinggi berbanding berpindah ke kawasan pusat penempatan sementara yang kita tahu selalunya sesak dengan mangsa banjir. Dan, sebaiknya pembangunan di kawasan yang diketahui sebagai kawasan tadahan air sepatutnya dielakkan walau pun nilai komersialnya tinggi demi mengelakkan permasalahan banjir pada masa depan.

Bagi cadangan ketiga pula, kita boleh melantik mana-mana individu atau daripada kumpulan tertentu di dalam kawasan kampung atau kawasan taman-taman yang kerap berlakunya banjir untuk hadir ke kursus menyelamatkan dan pengendalian bot fiber serta enjin agar mereka ini boleh membantu melakukan operasi menyelamatkan mangsa sementara menunggu pasukan penyelamat datang. Ini penting kerana jika mereka diberikan kemudahan bot dan enjin kelak, mereka dilihat boleh dan lebih memahami keadaan kawasan selok belok laluan yang betul berbanding pasukan penyelamat yang baru sahaja hadir untuk membantu. Ini penting bagi memastikan kejadian bot terbalik, dan kejadian-kejadian yang tidak diingini berlaku pula kejadian yang akhirnya melibatkan kehilangan nyawa semasa proses menyelamatkan mangsa banjir.

Bagi cadangan keempat pula ialah sudah sampai masanya pihak kementerian, jabatan dan agensi kerajaan bekerjasama dengan mana-mana institusi pendidikan IPTA terutamanya dan juga IPTS yang ada di negeri Johor ini untuk kembali semula membuat kajian tentang perubahan iklim, bentuk muka bumi, situasi semasa kejadian banjir yang dilihat semakin kerap berlaku di negeri Johor. Antaranya ialah kajian berkaitan dengan kaedah keberkesanan kawasan tebatan banjir sedia ada dan keperluan untuk pembinaan beberapa empangan baru di kawasan-kawasan yang terlibat dengan banjir. Sistem berkaitan dengan hujan dan sungai serta aplikasi baru melalui telefon bimbit termasuk sistem amaran awal banjir mungkin dah perlu dikemaskini dan dinaik taraf.

Bagi cadangan kelima ialah untuk memastikan semua kawasan perparitan dan sungai di kawasan terlibat dengan banjir diberikan jadual berkala tahunan dan peruntukan khas baik daripada persekutuan mahupun di peringkat negeri. Inilah sebenarnya antara punca utama apabila parit dan saliran tidak diselenggara dengan baik, sungai tidak didalamkan. Jika ia dapat dilaksanakan dengan teratur, Pemanis yakin ia akan dapat mengurangkan keterlibatan lebih ramai lagi mangsa banjir di kawasan-kawasan yang berisiko.

Yang Berhormat Datuk Speaker, semasa lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ke DUN Pemanis pada bulan November yang lepas, antara cadangan yang masih belum dapat dilaksanakan ialah memindahkan sebuah fasiliti Klinik Kesihatan Desa yang terlibat dengan banjir ke kawasan lebih tinggi. Cadangan tapak telah diserahkan kepada pihak kementerian, saya minta kerjasama daripada YB EXCO Kesihatan, agar dapat memantau dan memastikan peruntukan daripada kerajaan persekutuan kelak dapat disegerakan memandangkan acap kali berlakunya banjir, klinik tersebut pun akan banjir sama.

Dan satu lagi, yang dah lulus tapi masih belum mendapat sebarang peruntukan iaitu untuk menyiapkan Sekolah Agama Kampung Tengah. Pemanis minta perhatian daripada YB EXCO Agama agar dapat membantu menyegerakan pembinaan sekolah ini memandangkan sekolah kebangsaan yang menjadi sekolah tumpang mereka turut sama tenggelam pada kejadian banjir yang lepas. Dan jika dapat disiapkan kelak, sekolah agama ini adalah tempat yang akan menjadi PPS baru kepada mangsa-mangsa banjir yang berada di Kampung Tengah tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selesai isu berkaitan dengan banjir. Di dalam titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, Baginda turut menyentuh isu laluan Gemas ke Yong Peng. Laluan ini adalah termasuk dalam laluan utama FT001 di mana kerajaan persekutuan dan JKR menjadi agensi yang bertanggungjawab menjaganya. Laluan ini semasa tragedi banjir banyak yang tenggelam. Saya ingin bertanya kepada YB EXCO Kerja Raya untuk tahun ini adakah sebarang peruntukan daripada kerajaan pusat berkaitan pembaikan dan menaik taraf laluan ini memandangkan ia telah mendapat perhatian daripada Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Walau pun isu penambahan lorong untuk dua kawasan lebuhraya utama telah diumumkan, namun laluan utama Gemas – Yong Peng ini juga sepatutnya tidak dipandang sepi untuk sama dinaik taraf. Bukan hanya rim kereta Duli Yang Maha Mulia Tuanku sahaja yang bengkok, malah di beberapa kawasan merbahaya ada di kalangan pengguna jalan raya yang kehilangan nyawa akibat kejadian kemalangan di sepanjang laluan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya sering membawa isu berkaitan isu berkaitan pelaburan dalam negeri Johor terutama di kawasan DUN Pemanis. Untuk Persidangan kali ini, saya ingin mencadangkan pada YB EXCO Pelaburan dan YB Datuk EXCO Pertanian untuk melihat potensi membangunkan industri berkaitan dengan lembah tenusu di daerah Segamat terutamanya di DUN Pemanis. Dengan keluasan tanah yang dimiliki oleh kerajaan negeri, ada kawasan yang boleh kita cadangkan untuk dibangunkan industri tenusu ini. Sementelahan, di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Belanjawannya baharu-baharu ini beliau ada menyebut potensi sebuah syarikat berkaitan dengan tenusu negara iaitu *Farm Fresh* yang dilihat mampu membangunkan pelaburan berkaitan industri ini. Kita semua sedia maklum bahawa syarikat ini memulakan perniagaan mereka di negeri Johor, Pemanis ingin sarankan agar kerajaan negeri berbincang dan mengadakan kerjasama dengan pemain industri berkaitan tenusu ini untuk memastikan agar cadangan ini dapat dilaksanakan. Kalau Jemaluang telah isytihar sebagai salah satu kawasan pengeluaran susu bagi negeri Johor dengan kerjasama ECERDC, saya ingin mencadangkan kerjasama yang sama juga dilaksanakan di kawasan DUN Pemanis. Ini akan dapat membangunkan kawasan industri dan secara tidak langsung akan menambahkan lagi peluang pekerjaan pada penduduk setempat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Pemanis ingin menegur beberapa agensi kerajaan negeri yang dilihat masih gagal melaksanakan janji terutama melibatkan golongan asnaf dan B40 di daerah Segamat. Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan dan Pembangunan Daerah, apabila dibentangkan tentang prestasi kemajuan kerja-kerja bina baharu tak banyak pun Datuk Speaker, 15 unit je kediaman dengan jumlah RM65,000.00 bagi sesebuah rumah serta urusan membaik pulih rumah-rumah asnaf ini, jawapannya belum dimulakan pembinaannya. Janjinya kerajaan nak laksanakan pembinaannya daripada awal tahun lepas lagi. Namun, sebuah rumah pun masih belum dapat dibina. Justeru, saya ingin bertanya kepada agensi pelaksana PKPJ di bawah peruntukan BPEN dan juga agensi di bawah KKDW, kenapalah perkara-perkara ni boleh berlaku? Adakah peruntukannya dah habis? Atau masih belum diterima? Atau terlalu fokus pada urusan lain sehingga ianya gagal untuk diselesaikan?

Jika tiada kemampuan, saya cadangkan peruntukan yang disediakan oleh kerajaan itu boleh disalurkan kepada mana-mana agensi ataupun kepada Pejabat Daerah untuk diselesaikan. Kerana nila setitik, rosaklah kita semua satu belanga. Kesian golongan asnaf ini, mereka tak tahu nak mengadu kepada siapa, rumah yang ada kini semakin uzur dan tidak selamat untuk didiami. Orang ramai bila buka *Facebook* tengok rumah nak runtuh asyik menyalahkan Wakil Rakyat, seolah-olah kami ni tutup mata dan tidak mempedulikan rakyat. Keluar dalam media sosial komen netizen asyik bahan pemimpin setempat. Jadi, Pemanis amat berharap pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh memantau tentang perkara ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhir kata walaupun ini adalah ucapan perbahasan yang paling akhir, Pemanis minta jasa baik Yang Berhormat YB-YB EXCO-EXCO terutamanya yang ada pada petang ini agar dapat menjawab semua persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan berkaitan dengan perbahasan ini tadi. Almaklumlah Datuk Speaker dah hujung-hujung ni, saya ingat kalau yang lepas tu bila hujung tu tertinggal sahaja perkara-perkara yang nak dibawanya jadi harapnya semua perkara-perkara yang dibangkitkan tadi tu dapatlah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga YB-YB EXCO yang ada pada hari ini. Dan Pemanis sekali lagi ingin mengucapkan selamat berpuasa dan selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada semua Bangsa Johor. Terima kasih. sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Pemanis. Ahli-Ahli Yang Berhormat selesai sudah Perbahasan atas rundingan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Setinggi tahniah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah berjaya berbahas dengan baik membawa segala isu dengan sempurna dan mudah-mudahan apa yang dibangkitkan itu akan mendapat penjelasan, jawapan dan tindakan susulan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga hari esok, Rabu, 22 Mac 2023, jam 9.30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 4.20 petang.

PENYATA RASMI

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15**

HARI KELIMA

RABU, 22 MAC 2023

BIL. 5 TAHUN 15

HADIR

YB Speaker,

Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, PJN., DSAP., PIS.

**YAB Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan,
Perancangan dan Pembangunan Ekonomi)**

Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, PMW.
(Machap)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar

Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.
(Buloh Kasap)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, DIMP.
(Bukit Permai)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya

Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, KMN.
(Tenggaroh)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Puan Hajah Khairin-Nisa binti Ismail @ Md On
(Serom)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan
Sumber Manusia**

Tuan Mohd Hairi bin Mad Shah
(Larkin)

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam

Tuan Mohd Fared bin Mohd Khalid
(Semerah)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan

Tuan Ling Tian Soon
(Yong Peng)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna

Tuan Lee Ting Han
(Paloh)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur

Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh
(Bukit Pasir)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi

Cik Norlizah binti Noh
(Johor Lama)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Tuan Haji Abd Mutalip bin Abd Rahim, PSI., PIS.
(Layang-Layang)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

YB Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, DSAP., PJN.
(Rengit)

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap
(Pemanis)

YB Puan Hajah Haslinda binti Salleh, AMN., BCM.
(Tenang)

YB Datuk Haji Mohd Fuad bin Tukirin, PMW., BCM.
(Bukit Naning)

YB Tuan Sahrihan bin Jani
(Gambir)

YB Tuan Tan Chong
(Bekok)

YB Tuan Muszaide bin Makmor
(Sedili)

YB Tuan Tan Eng Meng, PPN.
(Pekan Nanas)

YB Puan Fauziah binti Misri
(Penawar)

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan, PPN.
(Pulai Sebatang)

YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri, DPSM.
(Parit Yaani)

YB Tuan Haji Selamat bin Takim
(Sungai Balang)

YB Tuan Aznan bin Tamin
(Tanjung Surat)

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib
(Permas)

YB Datuk Haji Ramlee bin Bohani, DPSM., JMN., AMN.
(Kempas)

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail
(Senggarang)

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad, DPSM., PPN.
(Kota Iskandar)

YB Tuan Azizul bin Bachok
(Tiram)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Cik Amira Aisya binti Abd Aziz
(Puteri Wangsa)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Tuan Chiong Sen Sern
(Bukit Batu)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

YB Puan Marina binti Ibrahim
(Skudai)

YB Puan Ng Kor Sim
(Jementah)

YB Tuan Wong Bor Yang
(Senai)

YB Dato' Dr. Sahrudin bin Haji Jamal, DMIJ.
(Bukit Kepong)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, JSM., PIS.
(Endau)

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib
(Maharani)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, PSM., SPMJ., DMIJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Amir bin Nasruddin, DMIJ.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji Salehuddin bin Haji Hassan, DMIJ., SIJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Dato' Ir. Hasni bin Mohammad, SPMJ., SUMW., PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.
(Mahkota)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan, DIMP.
(Kukup)

YB Puan Saraswati a/p Nallathamby, PPN.
(Kemelah)

YB Tuan Liew Chin Tong
(Perling)

YB Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub, DSPN., DGSM.
(Simpang Jeram)

Persidangan bermula jam 9.30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.

(Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.

YB Speaker : Bismillahirrahmaanirrahim. Allahu Akbar. Allahu Akbar. Allahu Akbar. (Bacaan selawat). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Maju Johor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almahum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Johor dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim pada hari esok, 23 Mac 2023, patik dan seluruh Ahli Dewan Negeri merafak sembah dengan ucapan menjunjung setinggi-tinggi kasih dan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Semoga Allah SWT mengurniakan keafiatan untuk terus bersemayam di atas singgahsana takhta kerajaan negeri Johor Darul Ta'zim. Semoga negeri Johor Darul Ta'zim juga akan terus makmur, aman di bawah naungan pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

YB Speaker : Dijemput Yang Berhormat Stulang.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 1.

Apakah perancangan dan hasil pertemuan rombongan kerajaan Johor ke Singapura yang telah berlangsung pada Februari 2023?

YAB Menteri Besar : Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Maju Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Stulang bertanyakan tentang apakah perbincangan dan hasil pertemuan rombongan kerajaan Johor ke Singapura yang telah berlangsung pada bulan Februari tahun ini.

Seperti yang kita semua sedia maklum, hubungan antara Johor dan Singapura sudah terjalin berabad lamanya. Insya-Allah dengan bantuan kerajaan persekutuan, hubungan Johor dengan Singapura akan terus kukuh dan akrab. Hubungan diplomatik yang akrab ini insya-Allah akan membawa limpahan ekonomi, perdagangan, pelaburan yang akhirnya menguntungkan rakyat daripada kedua-dua pihak khususnya Johor dan juga Singapura.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya bersama delegasi kerajaan negeri Johor telah mengadakan lawatan kerja ke Singapura pada 12 hingga 14 Februari tahun ini. Ia merupakan lawatan siri keempat saya secara rasmi ke Singapura. Dan lawatan itu turut dihadiri delegasi iaitu Pesuruhanjaya Tinggi Malaysia ke Singapura, Tuan Yang Terutama Dato' Dr Azfar, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) serta agensi kerajaan negeri seperti BPEN, JETCO dan juga Invest Johor.

Ini merupakan satu manifestasi bahawa kerjasama kerajaan persekutuan dan juga kerajaan negeri adalah senada dalam mengeratkan lagi hubungan akrab antara kerajaan Malaysia dan juga Singapura.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya dalam sesi lawatan tersebut telah berjumpa dengan 4 orang Menteri, 4 syarikat yang berhasrat untuk melabur di negeri Johor dan juga mengadakan sesi dialog bersama *Singapore Manufacturing Federation* ataupun SMF.

Semasa perjumpaan saya dengan Tuan Yang Terutama Dr. Vivian Balakrishnan, Menteri Ehwat Luar dan juga Tuan Yang Terutama Dr. Maliki Osman, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Menteri Ehwat Luar Kedua, dalam sesi perbincangan tersebut kerajaan Singapura telah menzahirkan penghargaan kepada kerajaan Malaysia dan juga Johor yang sentiasa membantu terutamanya semasa COVID-19 melanda. Dan pada masa ketika itu, Yang Berhormat Benut merupakan Menteri Besar di mana kerajaan negeri bersama dengan kerajaan persekutuan telah memudahcarakan pergerakan bekalan makanan dan juga *pharmaceutical* untuk masuk ke Singapura.

Pada masa sama, kerajaan negeri juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan Singapura yang telah memberikan kita bantuan dari segi vaksin-vaksin dan juga peralatan-peralatan perubatan untuk masuk ke Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Menteri yang kedua yang dapat kami bertemu ialah Puan Yang Terutama Ms Grace Fu iaitu Menteri Kemampanan dan Sekitaran. 4 agenda yang telah dibincangkan. Pertamanya ialah tentang *carbon credit*, keduanya dari segi *food security*, ketiganya dari segi pembersihan sungai dan keempatnya dari segi pelan mitigasi banjir.

Kita semua sedia maklum Yang Berhormat Speaker, disebabkan kedudukan geografi yang amat dekat di antara Johor dan Singapura, apa sahaja yang berlaku di Singapura dari segi alam sekitar dan sebagainya, dan apa sahaja yang berlaku di Johor pasti akan memberi kesan kepada kedua-dua belah pihak.

Jadi, pertamanya dari segi *carbon credit*. Mereka akan berkongsi dengan kerajaan negeri tentang *framework* pelaksanaan *carbon credit* yang dilaksanakan di Singapura. Dan ini insya-Allah akan memberi manfaat kepada negeri Johor dari segi macam mana kita nak membuat hala tuju kita dari segi *carbon credit framework*.

Keduanya dari segi keterjaminan makanan. Pada sesi lawatan ini Yang Berhormat Speaker, kita telah berjumpa juga dengan SFA ataupun Singapore Food Agency di mana kita bertukar-tukar pandangan tentang kaedah terbaik melihat kepada macam mana kita nak memastikan bahawa Johor juga boleh membantu jadi *food basket*, yang memastikan *food security* bukan sahaja untuk Johor, tetapi membantu Singapura. Mereka juga mempunyai teknologi dari segi *modern farming*, *vertical farming*. Dan itu juga ada persefahaman untuk kita bertukar-tukar ilmu dan juga teknologi.

Kita juga berbincang tentang pembersihan sungai dan juga pelan mitigasi banjir., seperti saya sebutkan tadi. Di Singapura, mereka telah berkongsi tentang program ABC. Program ABC bermaksud program air di mana *A stands for Active*, *B, Beautiful* dan juga *C, Clean*.

Untuk makluman Dewan, sama juga seperti Johor pada satu ketika dahulu, *the Singapore river* adalah antara sungai yang paling tercemar di *Singapore*. Tetapi berkat usaha, perancangan yang cukup rapi dalam hanya masa 10 tahun, mereka dapat membersihkan sungai itu sekali gus menjadikan kawasan tersebut antara pusat pelancongan untuk Singapura. Jadi perkara-perkara ini Yang Berhormat Stulang, mungkin kita boleh

bincangkan lagi dengan lebih terperinci Yang Berhormat Speaker dalam jawatankuasa yang bakal kita adakan.

Menteri yang seterusnya ialah Tuan Yang Terutama Encik S. Iswaran, Menteri Pengangkutan. Perkara yang kita semua setuju ialah tentang *Rapid Transit System* yang dijangka siap dan beroperasi sepenuhnya pada bulan Januari 2027. Kedua-dua belah pihak bersetuju bahawa di peringkat Kementerian MOT Malaysia dan juga Singapura perlu bekerja bertungkus-lumus agar perkara ini dapat dijayakan seperti yang dirancang.

Keduanya ada cadangan Yang Berhormat Speaker, di Johor sekarang ini kita ada 2 feri servis daripada *Singapore* ke Johor. Pertamanya Tanah Merah ke Desaru Coast dan keduanya daripada Tanah Merah ke Tanjung Belungkor. Kita mencadangkan supaya ada 3rd terminal ataupun feri servis daripada Puteri Harbour ke Tuas. Namun begitu, ini masih lagi dalam proses perancangan dan semestinya memerlukan kelulusan di peringkat MOT Malaysia sebelum ia dibawa ke MOT Singapura.

Yang Berhormat Speaker, semasa berjumpa dengan Minister. S. Iswaran, antara perkara yang kita juga lihat ialah tentang penggunaan kereta-kereta elektrik, bas elektrik dan sebagainya. Dalam sesi perbincangan saya dengan *Minister*, beliau telah berkongsi bahawa pada tahun 2030, mereka akan berhenti pendaftaran kereta-kereta petrol, *so they will start buying electric cars* ya, dengan izin. *By the year 2040*, tidak ada lagi kereta yang mengeluarkan *emission carbon* dan semuanya akan ke arah elektrik. Ini satu perkara yang Johor tidak boleh elak, bermaksud di Johor sudah ada perancangan untuk kita mengadakan usahasama dengan PBT-PBT dan saya bincang dengan Tan Sri SUK supaya ada satu mekanisme yang lebih teratur dan juga strategik melibatkan agensi yang mempunyai punca kuasa untuk meluluskan strategi kita untuk tahun-tahun mendatang.

Dalam sesi perjumpaan saya dengan pelabur-pelabur juga Yang Berhormat Datuk Speaker, saya berjumpa dengan 4 syarikat. Pertamanya sebuah syarikat pusat data yang berskala besar, ini syarikat daripada Australia. Keduanya Wilhelmsen Group, sebuah syarikat maritim. Ketiganya, saya berjumpa dengan sebuah syarikat daripada China dalam jurusan petrokimia dan keempatnya, Syarikat Atkinson yang melihat kepada *modern farming*.

Sukacita saya maklumkan, jika semua pelaburan ini berjaya, ia akan melibatkan pelaburan lebih daripada RM10 hingga RM15 bilion, yang melibatkan ribuan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi untuk Bangsa Johor.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa sebagai contoh Atkinson akan mengadakan sesi lawatan ke Johor pada bulan April ini yang *modern farming* tu dan akan melihat kepada tanah-tanah ataupun kawasan-kawasan yang sesuai untuk mereka melabur.

Dan akhirnya saya berjumpa dengan SMF (*Singapore Manufacturing Federation*) Yang Berhormat Speaker. Saya teruja dan gembira untuk melaporkan bahawa peserta-peserta ataupun *federation-federation* yang terlibat adalah seperti *Singapore Business Federation*, *Singapore Chinese Chambers*, *Singapore National Employers Federation* dan sebagainya. Semua menyuarakan hasrat untuk datang ke Johor untuk melabur kerana dari segi situasi apa nama kedudukan kita berjiran dengan kerajaan Singapura ini adalah satu *advantage* untuk negeri Johor.

Jadi Yang Berhormat Speaker, usaha berterusan akan dilaksanakan dengan negara jiran yang kita akrab ini dan kita akan terus mengadakan sesi-sesi dialog dua hala bersama mereka dalam masa-masa akan datang. Sekian, terima kasih.

YB Speaker : Ya sila Stulang.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker dan terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Datuk Menteri Besar.

Datuk Speaker izinkan saya komen sedikit dulu sebelum menanya soalan. Berkaitan dengan hubungan simbiosis Malaysia Johor Singapura ini, memang kita tidak boleh lari daripada perihal pelaburan, sektor hartanah dan kelancaran trafik.

Sebelum saya tanya soalan mengenai sektor hartanah yang berkaitan dengan perihal pelaburan...

YB Speaker : Tanya soalan sahaja Yang Berhormat.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Hah... soalan sahaja? Oo saya komen sikit saja, komen sikit. Saya rasa ini penting kerana ketiga-tiganya sangat penting kerana artis Singapura, artis Singapura Wang Lei yang terkenal, dia datang ke Johor 14 jam tetapi 7 jam dia *jammed jammed jammed* dekat Tambak Johor. Saya rasa ini salah satu saya rasa kita perlu lagi untuk pertingkatkan usaha. Kerana saya dah tahu memang kita sudah ada usaha untuk memantau kesesakan tapi saya rasa masih ada lagi tempat untuk kita perbaiki dalam apa-apa jua bentuk ataupun jawatankuasa dan sebagainya untuk memantau, meneliti dan mencari punca kelancaran trafik di Tambak Johor, supaya usaha-usaha penarikan pelaburan kita ini tidak akan dikekang ataupun disia-siakan ataupun dilambatkan oleh kelancaran trafik di CIQ.

Jadi, soalan saya berkenaan dengan perihal pelaburan dan sebagainya adalah berkaitan dengan sektor hartanah. Kerana sektor hartanah juga perlu suntikan pelabur untuk rancakkan ekonomi. Jadi, kerana sudah ada usaha untuk menarik pelabur, saya rasa penting juga kita apa, adakan hartanah, EXPO Hartanah untuk orang asing atau Singapura untuk membeli hartanah kita yang banyak belum dijual terutama yang mewah-mewah, yang lebih daripada RM1 juta. Maksudnya, cadangan saya adalah boleh tak kita kumpulkan semua pemaju, sama ada pemaju berikan diskaun kepada orang asing ataupun dipakejkan dengan industri sampingan yang lain seperti hotel, kelab, keahlian, destinasi pelancongan, *shopping* dan sebagainya? Jadi, ini akan memberikan limpahan kepada sektor lain...

YB Speaker : Soalan Yang Berhormat.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Ok, selain memberikan impak, selain mereka boleh membeli, sektor...

YB Speaker : Yang Berhormat, soalan?

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Soalannya adalah, adakah kerajaan boleh mempertimbangkan untuk mengadakan sektor, mengadakan EXPO Hartanah untuk orang asing dan Singapura, supaya mereka boleh membeli hartanah di mana, di mana ia dipakejkan dengan industri-industri sampingan yang lain untuk mereka membeli dan *compliment* kepada usaha penarikan pelaburan tersebut. Terima kasih.

YAB Menteri Besar : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Ketua Pengimbang, atas soalan tambahan tersebut. Dari segi isu yang dibangkitkan, pertamanya, dari segi *congestion* yang berlaku di CIQ. Kita semua sedia maklum bahawa perkara ini, perkara yang bukan baru ya. Ia berlaku semenjak berabad-abad lagi ataupun berdekad-dekad lamanya. Tetapi itu tidak mematahkan semangat kerajaan negeri dan juga persekutuan untuk bekerjasama memastikan bahawa perkara ini dapat dilangsaikan secepat mungkin.

Saya nak berkongsi dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat sebagai contoh, semasa lawatan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya percaya YB Stulang pun ada masa itu dan beberapa Ahli-Ahli Yang Berhormat, di mana pada 21 Januari, kerajaan telah memutuskan untuk memperluaskan penggunaan *E-Gate* pejalan kaki, bukan sahaja untuk warganegara Malaysia tetapi juga untuk warga negara Singapura. Jadi, *Auto Gate* itu, sekarang ini, bukan untuk orang Malaysia sahaja, orang Singapura pun dah mula boleh pakai.

Keduanya, sukacita saya nak maklumkan, bahawa sudah ada persetujuan di peringkat persekutuan untuk menambah *MBIKE* punya *lane*, kalau dulu kita hanya ada disediakan 20, dia akan tambah lagi 18 untuk masuk dan juga ke Singapura dan juga untuk masuk ke Johor. Jadi, penambahan *MBIKE Lane* ni pihak Imigresen sedang membuat, tengah memperhalusi supaya perkara ini dapat dilaksanakan secepat mungkin.

Dari segi penggabungan kaunter juga, Yang Berhormat Speaker, terutamanya di Tambak Johor kita sedang menyiapkan 4 zon dari segi penggabungan kaunter, sekarang ini kereta terpaksa berhenti dua kali untuk *clear passport* dan juga *Touch N Go*. Selepas ini Yang Berhormat Speaker, mereka akan berhenti sekali dan semuanya sekali harung diselesaikan. So, itu antara perkara-perkara yang sedang dibuat oleh kerajaan persekutuan. Saya mohon maaf dari segi faktanya untuk *MBIKE* 50, 50 sedia ditambah lagi 25. Sama juga untuk masuk ke Johor sekarang ni ada 50, dia akan tambah lagi 25.

Dari segi hartanah Yang Berhormat Speaker, saya tertarik dengan apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Stulang, untuk mengadakan sesi, untuk buat EXPO Perumahan ye, di peringkat kita, bagi menyelesaikan dan membantu menjual *property-property* yang diklasifikasi sebagai *property overhanged*.

Yang Berhormat Speaker, saya juga teringat ucapan penggulungan ataupun perbahasan Yang Berhormat Stulang awal minggu tentang inisiatif-inisiatif seperti MM2H yang perlu lebih menarik supaya orang dapat membeli hartanah kita. Jadi, saya sebenarnya pun dah bercakap dengan Yang Berhormat EXCO, untuk mengadakan program EXPO ini, supaya kita dapat mempakejkan segala hartanah yang ada di Johor dan sama-sama kita bekerjasama dengan kerajaan persekutuan kerana MM2H ini adalah dasarnya dari kerajaan persekutuan. Kita di peringkat negeri tidak boleh *imposed* apa yang, apa nama, dikeluarkan dasarlah di peringkat persekutuan tetapi ini kita perlukan bantuan daripada pihak Pengimbang untuk sama-sama kita mempengaruhi ataupun bercakap dengan Menteri Dalam Negeri di peringkat Putrajaya, insya-Allah. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, untuk makluman, pada hari ini, kita akan mendengar penggulungan daripada Yang Berhormat Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa, masa yang diberikan ialah selama 15 minit seorang dan saya mohon kerjasama semua agar mematuhi masa yang diberikan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Perbahasan itu disambung sekarang. Dijemput Yang Berhormat, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, salam sejahtera dan salam Maju Johor. Pertama-tamanya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Sesi

Penggulungan Perbahasan di Mesyuarat Pertama Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Yang Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-15. Di kesempatan ini, patik ingin merakamkan ucapan merafak sembah dan menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sempena Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Yang Kedua Bagi Dewan Undangan Negeri Johor Untuk Penggal Ke-15 pada 16 Mac 2023 yang lalu.

Segala titah, nasihat dan ingatan, Duli Yang Maha Mulia Tuanku sentiasa patik semat dalam ingatan sepanjang menjalankan amanah sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor. Dalam masa yang sama, patik merafak sembah dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah serta ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena Ulang tahun Hari Keputeraan Rasmi Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada esok jatuh 23 Mac 2023.

Buah berangan di rumpun pisang, sayang merbah di pohon cemara, Ahli Dewan selamat bersidang, giliran saya pemula berbicara.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menyentuh kepada Belanjawan Malaysia 2023, yang dibentang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tempoh hari, saya mengucapkan terima kasih di atas peruntukan bajet ke kerajaan negeri Johor terutamanya melibatkan Portfolio saya. Rancangan Tebatan Banjir seluruh negara yang akan ditender dan dilaksanakan pada tahun ini termasuk Rancangan Tebatan Banjir di Sungai Johor, Kota Tinggi, Johor. Saya juga menyambut baik projek penambah baik kemudahan jaringan lebuh raya ke Pengerang melalui pembinaan lorong memotong di Senai – Desaru *Expressway* dan projek naik taraf Lebuh raya Utara - Selatan di Senai Utara, Sedenak, Johor Bahru dari 4 hingga kepada 6 lorong. Pelaksanaan projek-projek ini akan merancakkan lagi pendapatan kerajaan negeri dalam sektor pelancongan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, banjir Johor baru-baru ini merupakan pengalaman yang paling pahit buat Bangsa Johor. Di mana lebih daripada 85,000 rakyat Johor yang terkesan dan kerugian berjuta ringgit. Walaupun hujan telah berhenti, air masih, air banjir masih bertakung di kebanyakan kawasan. Kerajaan negeri telah mengambil langkah bagi mengepam keluar air banjir yang bertakung. Sehingga 21 Mac 2023, penempatan 69 unit pam bergerak di 7 daerah yang terkesan telah dilaksanakan dan paling banyak di daerah Batu Pahat iaitu 49 unit.

Saya mengambil kesempatan ini bagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada JPS luar daripada Johor yang turut membantu dalam usaha pam air banjir dari JPS Malaysia, JPS Perlis, Pulau Pinang, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu dan Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia.

Sejak berlakunya bencana banjir pada Januari yang lalu, saya amat serius terhadap isu ini, dalam masa yang sama, saya sendiri telah turun ke hampir ke semua Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah bagi membentangkan kerja-kerja yang akan dijalankan pada tahun ini kepada ADUN-ADUN kerajaan dan juga Pengimbang kerajaan. Tambahan pula, saya juga dapat memahami secara mendalam isu-isu kawasan yang sering dihadapi oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam sesi Sidang kali ini, isu banjir dan projek tebatan banjir merupakan topik yang paling ketara yang telah dibangkitkan oleh rata-rata semua Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Kerajaan persekutuan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia sedang merangka langkah jangka pendek, *temporary works*, sebagai persediaan

menghadapi kemungkinan bencana banjir sementara menunggu projek tebatan banjir siap sepenuhnya.

Kerajaan negeri telah memperuntukkan sejumlah RM42 juta bagi kerja penyenggaraan infrastruktur JPS seperti sungai, parit, pembentung, pintu air, pantai dan jalan ladang. Selain itu, kerajaan persekutuan juga telah memperuntukkan dana bagi fasa pertama kerja-kerja untuk mengurangkan risiko banjir di lokasi yang telah dikenal pasti melibatkan 10 daerah di negeri Johor. Manakala, projek Rancangan Tebatan Banjir, RTB yang akan dilaksanakan ialah:-

1. Projek mengatasi banjir di Kampung Sungai Kapal Lama, Kota Tinggi.
2. Projek Rancangan Tebatan Banjir di Kampung Sepang Loi, Segamat.
3. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Batu Pahat.
4. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Batu Pahat, Seri Medan, Johor.
5. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pemandi, Kota Tinggi.
6. Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Kesang.
7. Projek Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Johor, Fasa 1, Kota Tinggi, Johor.

Kesemua projek ini dijangka siap antara 3 hingga 5 tahun. Pelaksanaan projek bagi Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara di bawah Pusat Ramalan dan Amaran Banjir melibatkan menaik taraf 140 stesen hidrologi dan membina baru stesen hidrologi di 107 lagi kawasan lokasi di seluruh negeri Johor untuk meramal kejadian banjir 7 hari lebih awal dan mengeluarkan amaran banjir 2 hari sebelum hari kejadian kepada pihak NADMA untuk disebarkan kepada kawasan terlibat dan kepada agensi lain seperti Polis, JPAM, BOMBA dan lain-lain bagi tujuan kesiapsiagaan operasi. Projek ini sedang dijalankan dan dijangka siap pada tahun 2024.

Menjawab kepada persoalan yang dibangkit oleh YB Bentayan mengenai projek pemulihan Sungai Muar dan Projek Saliran Mesra Alam Bandar Maharani di bawah RMKe-12. Kerajaan negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah mengemukakan permohonan bagi kedua-dua projek ini di dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Bagi Projek Saliran Mesra Alam Bandar Maharani, kerajaan akan melaksanakan Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PRISMA) Bandar Maharani, Muar Johor terlebih dahulu. Status terkini bagi kedua-dua projek di bawah Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia, adalah masih lagi di peringkat pembentangan Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, dan masih belum diluluskan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan kedua-dua projek ini adalah bergantung kepada kelulusan yang diterima untuk projek RMKe-12 yang akan datang.

Menjawab kepada soalan daripada Yang Berhormat Seri Medan, yang mencadangkan agar dibina satu empangan di Seri Medan. Pihak JPS telah pun melaksanakan kajian bagi mengenal pasti punca dan cadangan penyelesaian bagi mengurangkan kesan banjir di kawasan Seri Medan, antaranya termasuklah cadangan membina kolam takungan banjir. Namun, ia bukanlah penyelesaian yang terbaik berdasarkan kriteria, implikasi kewangan dan *volume of flood reduction*.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Penggaram, Johor Jaya yang menyentuh mengenai pelepasan air empangan. Untuk makluman, Jabatan Pengairan dan Saliran mempunyai 4 buah empangan di bawah seliaan jabatan iaitu Empangan Bekok, Empangan Sembrong, Empangan Machap dan Empangan Labong. Pihak JPS mempunyai *Manual Operation* dan *Maintenance*, bagi setiap empangan. Prosedur sebelum pelepasan air empangan telah diperincikan di dalam *Manual OM* tersebut. Pelepasan air empangan telah dilaksanakan secara berperingkat bagi memastikan aras empangan adalah berada 20% di bawah paras normal, di mana pelepasan ini dibuat secara berperingkat bermula sebelum Monsun Timur Laut yang bermula pada 1 Oktober 2022.

Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran sentiasa komited dalam memberikan maklumat awal kepada penduduk setempat bagi bersiap siaga dari apa juga kemungkinan banjir yang akan berlaku. Taklimat *Table Talk* telah diadakan pada 7 dan 8 November 2022 kepada agensi-agensi yang terlibat dengan bencana serta ketua-ketua kampung dan ketua masyarakat setempat di bahagian hilir empangan yang mempunyai potensi dilanda banjir bagi penerangan SOP pelepasan air empangan dan kesan sekiranya empangan melimpah dan mengalami kegagalan bagi Empangan Bekok dan Sembrong.

Sekiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat masih ingin dapat penjelasan secara terperinci saya bersama Jabatan Pengairan dan Saliran akan mengaturkan satu lawatan tapak bagi kita sama-sama melihat dengan lebih dekat SOP pelepasan air Empangan Bekok dan Sembrong dalam masa terdekat. Pihak jabatan akan memaklumkan kepada pusat kawalan operasi bencana daerah sekiranya operator empangan mendapati tahap kecemasan mencapai aras yang telah tertulis tahap 2 di dalam pelan tindakan kecemasan.

Selain itu, siren amaran juga dibunyikan iaitu pada 3 fasa. Siren fasa 1 dan fasa 2 akan diaktifkan apabila aras air empangan berada di aras amaran dan fasa 3 akan diaktifkan apabila aras air empangan berada di paras bahaya. Siren amaran ini berupaya menjangkau 1 hingga 2 kilometer radius bergantung pada keadaan topografi setempat.

Bagi isu fenomena air pasang besar, projek fenomena air pasang besar yang melibatkan daerah Pontian dan Batu Pahat telah pun selesai melalui proses Makmal Kejuruteraan Nilai (VE) yang telah pun dilaksanakan pada 6 hingga 10 Mac 2023.

Untuk kawasan Batu Pahat, Pontian melibatkan panjang ban pantai 35 kilometer di Batu Pahat dan 10 kilometer di Pontian. Status terkini adalah di peringkat kerja ukur tapak sedang dijalankan, dilaksanakan untuk memuktamadkan rekabentuk terperinci yang akan ditender pada tahun 2024.

Untuk kawasan pertanian Johor Barat di daerah Pontian, Batu Pahat dan Muar, kerajaan negeri telah melaksanakan kajian semula Projek Johor Barat dan kini di peringkat akhir, dimana elemen perubahan iklim juga telah diambil kira di dalam menyediakan cadangan-cadangan spesifikasi banjir termasuk banjir termenung. Antaranya termasuklah mengenalpasti keperluan *flood gate* untuk air ke ban serta sistem saliran sedia ada yang masih boleh berfungsi dengan baik atau perlu dinaiktaraf.

Yang Berhormat Senggarang mencadangkan satu kajian semula pintu-pintu air di kawasan panas, di *hotspot* berlakunya banjir segera dilakukan. Untuk makluman Yang Berhormat Senggaran JPS akan menaiktaraf satu rumah pam di pintu air Kuala Senggarang dan dijangka ditender pada Mei 2023.

Yang Berhormat Panti pula ada membangkitkan isu berkaitan pencemaran yang kerap berlaku di kawasan Tenggara berikutan sebuah kilang yang mengeluarkan racun menyebabkan banyak menimbulkan rasa tidak senang kepada penduduk. Pencemaran bau di kawasan bandar Tenggara yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Panti adalah dipercayai berpunca daripada sebuah premis yang menjalankan aktiviti menyimpan cecair baja. Bau yang diadu dikenal pasti berpunca daripada penyimpanan cecair baja dan tumpahan daripada bekas penyimpanan yang menimbulkan gangguan kepada penduduk sekitar. Kerajaan negeri melalui Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor telah mengarahkan premis untuk membersihkan dan melupuskan kesemua cecair baja tersebut. Pada masa ini premis telah dikosongkan oleh pemilik.

Yang Berhormat Datuk Speaker saya menyambut baik ulasan daripada Yang Berhormat Perling bahawa isu banjir tidak dapat diselesaikan hanya melalui pendekatan kejuruteraan atau *engineering solution* kerana melibatkan kos dan bajet yang tinggi. Lebih-lebih lagi

berlaku di kawasan yang sudah ada pembangunan. Oleh itu saya menyarankan agar pihak PBT, segala perancangan pembangunan baru yang akan dijalankan untuk masa yang akan datang harus dikaji kapasiti aliran air di lokasi tersebut supaya isu air aliran air dan isu bertakung dapat diurus terlebih dahulu. Saya akan bekerjasama dengan YB EXCO Kerajaan Tempatan secara rapat bagi merangka garis panduan dan ketetapan yang sesuai.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada tahun 2022 bagi sektor pelancongan negeri Johor telah menerima sebanyak 3 anugerah iaitu *Gold Award Tourism App* bagi aplikasi *Johor Tourism Interchange*, *Gold Award Attractive State Tourism Event* bagi *Majestic Johor Festival 2022* dan ketiga ialah Taman Negara Endau – Rompin telah mendapat pengiktirafan sebagai *Asean Heritage Park* yang ke 51.

Pada 16 Januari 2023 Tourism Johor telah melancarkan kalendar acara *Majestic Johor 2023* yang memberi fokus kepada 8 acara utama dan berbagai acara lain yang bersifat antarabangsa dan domestik dengan menyasarkan pengunjung melebihi 1 juta orang ke acara-acara ini. Acara-acara *Majestic Johor* ini juga akan dibagikan kepada lokasi berasingan bertujuan bagi memastikan limpahan ekonomi tersebut dapat dibahagin sama rata kepada penduduk setempat tempatan, yang secara proaktif mengambil bahagian di dalam sektor pelancongan.

Dalam masa yang sama kerajaan negeri juga telah melancarkan Pelan Perancangan Strategik Pelancongan Johor 2023 – 2027. Pelan ini akan menjadi panduan kepada pelaksanaan serta pemantauan bagi perancangan pelancongan yang telah ditetapkan. Saya mengharapkan sokongan semua pihak agar semua projek dan program yang dirancang dapat dilaksanakan secara berkesan dan memberi impak besar kepada Tourism Johor serta Bangsa Johor khususnya.

Selain itu di kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas sokongan yang diberikan oleh industri pelancongan Johor di atas pelbagai usaha untuk mengerakkan industri ini. Tidak dilupakan juga kepada jabatan-jabatan kerajaan serta pelbagai agensi lain yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan menepati objektif yang ditetapkan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya dapati Sidang kali ini beberapa Ahli-Ahli Berhormat ada memberi cadangan bagi mempergiatkan sektor pelancongan di kawasan masing-masing. Yang Berhormat Stulang mencadangkan syarat *Malaysia My Second Home* (MM2H) perlu dikaji semula dengan syarat kewangan yang lebih rendah. Yang Berhormat Datuk Speaker saya bersama Tourism Johor telah membangkitkan isu ini kepada Yang Berhormat Menteri Pelancongan Malaysia dan juga Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia pada 20 Disember 2020 yang lepas dan perkara tersebut telah dalam tindakan kerajaan persekutuan.

Untuk makluman Yang Berhormat Stulang perkara berkaitan Imigresen ini adalah bidang kuasa kerajaan persekutuan dan usaha kerajaan negeri dalam mengemukakan permohonan telah dilaksanakan namun ia terpulang kepada kerajaan untuk memberi kelulusan atau kelonggaran. Yang Berhormat Johor Jaya menanyakan apakah status terkini bagi pengkopran, *corporatization* dengan izin Tourism....

YB Speaker : Yang Berhormat tinggal 1 minit

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya : Untuk maklumat Yang Berhormat Johor Jaya, kerajaan negeri sedang memperhalusi cadangan untuk menjadikan Tourism Johor sebagai sebuah badan korporat khususnya perkara-perkara yang berkaitan dengan menentukan hala tuju, fungsi, peranan struktur jawatan-jawatan pengambilan kakitangan pengajian dan peruntukan. Kerajaan juga masih

lagi mengkaji cadangan ini bagi memastikan ianya menepati cadangan dan objektif awal penubuhan Jabatan Pelancongan Negeri Johor. Walau bagaimanapun, Tourism Johor telah menyediakan kertas kerja di peringkat akhir dan dalam peringkat penilaian.

Yang Berhormat Datuk Speaker, secara kesimpulannya daripada ucapan, jawapan dan cadangan yang telah saya uraikan sedikit sebanyak dapat memberi pencerahan kepada sesi sidang Dewan akan soalan dan perkara yang telah diutarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat semua. Segala cadangan, buah fikiran yang dilontarkan kepada saya sangat saya hargai dan alu-alukan. Dan sekiranya masih ada idea-idea baru selepas berakhirnya Sidang kali ini datanglah berjumpa dengan saya.

Saya pasti saya akan lapangkan masa. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat perkara-perkara yang terlepas pandang tindakan susulan akan diambil oleh ketua-ketua jabatan saya. Semoga segala yang tersimpul dapat dihuraikan, yang keruh dijernihkan, yang kurang ditambahkan. Akhirnya di kesempatan ini saya ingin mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadan kepada semua umat Islam khususnya Bangsa Johor. Lebat kemiri pohonnya rendah, dahan terikat tali perkasa, ucapan saya sampai kepenyudah, selamat menjalankan ibadah puasa. Sekian terima kasih.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Tenggaroh. Sekarang dijemput Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Maju Johor. Mudik ke muara mencari tinta, singgah di teluk sambil berangan, Assalamualaikum pembuka Kata, EXCO sembah ucapan penggulungan. yang Berhormat Datuk Speaker dan seluruh Ahli Dewan yang mulia, awal bicara merakamkan rasa setinggi-tinggi syukur kepada Allah SWT kerana sekali lagi diberikan kesempatan dan peluang bersama Yang Berhormat EXCO-EXCO kerajaan negeri Johor yang lain, bagi menyampaikan ucapan penggulungan di dalam Dewan yang mulia ini bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-15.

Keduanya, patik juga ingin merakamkan ucapan merafak sembah dan junjung setinggi-tinggi kasih ke atas Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Sultan Iskandar Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku hadir dan seterusnya bertitah merasmikan Penggal Kedua Persidangan Dewan Negeri Johor yang mulia ini pada Khamis yang lalu. Dalam masa yang sama patik merafak sembah dan ucap setinggi-tinggi tahniah serta ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena ulang tahun keputeraan rasmi Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada esok hari pada 23 Mac 2023.

Patik juga ingin merakamkan ucapan menjunjung setinggi-tinggi kasih ke atas Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim Tunku Mahkota Johor dan kerabat-kerabat Diraja yang berkenan hadir ke dalam Majlis Persidangan. Patik mendoakan agar Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor serta seluruh kerabat Diraja Johor dikurniakan keafiatan serta berpanjangan untuk terus menaungi negeri Johor Darul Ta'zim.

Yang Berhormat Datuk Speaker, di kesempatan ini juga saya ingin menzahirkan rasa simpati, sedih dan berdukacita kepada mangsa-mangsa dan keluarga yang terkesan akibat bencana banjir yang melanda negeri Johor. Bahkan sehingga kini masih terdapat mangsa-mangsa khususnya di Batu Pahat yang di tempatkan di Pusat Pemindahan Sementara ataupun (PPS) di saat umat Islam sedang membuat persiapan menyambut bulan Ramadan Al-Mubarak.

Walaupun saya sendiri bukan mangsa, sebagaimana yang dinyatakan Sri Medan tempoh hari dalam ucapan perbahasannya namun Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan saya selaku EXCO yang bertanggungjawab menggerakkan sukarelawan *Southern Volunteers* yang diarahkan oleh Yang Amat Berhormat supaya menggerakkan secepat yang mungkin untuk membantu mangsa-mangsa di setiap daerah. Saya sedikit sebanyak merasai dalam mendalami perasaan mangsa-mangsa banjir apabila melawat banyak PPS di daerah Muar, Segamat, Kluang, Kota Tinggi termasuk juga Batu Pahat.

Insyallah saya bertekad akan terus memastikan *Southern Volunteers* digerakkan ke seluruh pelosok negeri Johor bagi membantu keluarga-keluarga yang terkesan khususnya dalam pasca banjir yang amat memerlukan tenaga dan kudrat membersihkan rumah yang ditenggelami air.

Yang Berhormat Datuk Speaker menerusi persidangan kali ini selain isu-isu banjir yang banyak diperkatakan Ahli-Ahli Dewan yang menyertai perbahasan, terdapat juga berbagai maklumbalas yang diberikan sama ada dalam bentuk soalan, cadangan, sokongan mahu pun teguran yang dilontarkan kepada pihak pengimbang kerajaan mahu pun rakan-rakan saya pihak kerajaan dan semuanya telah saya ambil maklum.

Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Bukit Gambir, Puteri Wangsa, Tanjung Surat, Sri Medan, Bukit Naning, Kahang dan Jementah yang bertanya, memberi cadangan serta sokongan terhadap isu atau perkara yang berkaitan dengan portfolio-portfolio di bawah tanggungjawab saya. Selain itu saya juga telah memperhalusi soalan-soalan yang diajukan oleh Ahli-Ahli Dewan dan setiap maklum balas yang diberikan saya menerima dengan berlapang dada dan sukacitanya saya menjawab soalan-soalan berbangkit ini pada sesi pengulangan pagi ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Jementah, ingin tahu apakah perancangan kerajaan negeri dalam mengatasi masalah kesuntukan wang ataupun masalah pengangguran dalam kalangan remaja terutamanya di kawasan pinggir bandar dan kampung-kampung. Untuk makluman Yang Berhormat Jementah dan Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini, berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSIM) jumlah penganggur di Malaysia pada suku keempat 2022 adalah seramai 600,500 orang iaitu pada kadar 3.6 % jumlah penganggur.

Manakala kadar pengangguran pada suku keempat di negeri Johor adalah 2.4%. Berdasarkan laporan Sistem Insuran Pekerjaan, (SIP), Perkeso pula bilangan pekerja yang kehilangan pekerjaan dari tempoh Januari 2023 hingga 3 Mac 2023 adalah seramai 7,736 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 202 orang golongan muda yang berumur antara 15 hingga 30 tahun telah kehilangan pekerjaan di negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO terus mempergiatkan usaha-usaha bagi merencanakan pasaran buruh menerusi pelbagai inisiatif bagi menangani masalah pengangguran termasuklah dalam kalangan remaja di kawasan pinggir bandar dan kampung. Antaranya di bawah Bajet 2023, PERKESO telah diberikan peranan untuk melaksanakan 5 inisiatif program iaitu Program Pasaran Buruh Aktif sebagaimana jawapan lisan bersekali yang sudah saya nyatakan ketika menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Benut dan Yang Berhormat Panti pada Ahad yang lalu.

Selain itu, untuk maklumat Ahli-Ahli Dewan yang mulia, Kementerian menerusi PERKESO telah menyediakan platform pencarian pekerjaan dalam *portal MyFuture Job*, dengan izin, dalam usaha menangani pengangguran termasuk golongan remaja. *MyFuture Job* merupakan *portal* berteknologi tinggi dan terkini bagi membuat padanan pekerjaan (*job matching*) dengan izin berdasarkan dengan kemahiran, pengalaman, gaji dan lain-lain

mengikuti keperluan-keperluan majikan. Platform ini dimanfaatkan oleh setiap pencari kerja termasuk anak muda kerana ia merupakan langkah awal untuk golongan ini berada dalam pasaran kerja sekali gus membantu kebolehan pasaran dalam kalangan mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, PERKESO turut menjalinkan kerjasama, kerjasama strategik dengan beberapa agensi di Kementerian dengan penubuhan pusat satelit *MyFuture Job*. Penubuhan pusat satelit ini adalah bertujuan untuk membantu golongan mencari kerja yang berada di kawasan pinggir bandar dan kampung khususnya bagi mendapatkan perkhidmatan penempatan pekerjaan. Pusat ini turut berfungsi untuk memudahkan dan membantu masyarakat luar bandar mendapatkan perkhidmatan seperti penggunaan komputer capaian internet yang lebih stabil dan tepat serta selesa. Sehingga kini, untuk makluman, terdapat 21 buah pusat satelit *MyFuture Job* di negeri Johor. Seperti di Pusat Komuniti Desa Tanjung Sedili, PKD Air Merah, PKD Melayu Nyior dan Pusat Ekonomi Digital (PEDi) di Semangar Dalam. Jumlah ini juga termasuk 16 buah pusat pengajian di bawah Kementerian Pengajian Tinggi iaitu Politeknik dan Kolej Komuniti yang telah dijadikan pusat satelit *MyFuture Job*. Antaranya ialah Politeknik Sultan Ibrahim, Politeknik Mersing, Johor; Kolej Komuniti Ledang dan Kolej Komuniti Muar.

Untuk makluman Yang Berhormat, PERKESO secara berterusan mempergiatkan karnival di seluruh negara sebagai galakan kepada pencari-pencari kerja dengan secara tidak langsung turut membantu memberangsangkan pasaran buruh negara. Berdasarkan laporan sistem insurans pekerja, PERKESO, SIP pada tahun 2022 sehingga 19 Mac 2023, PERKESO Negeri Johor telah melaksanakan sebanyak 31 kali program karnival kerjaya yang melibatkan seramai 6,048 orang pencari kerja.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Puteri Wangsa dan Tanjung Surat dalam perbahasannya ada memberikan cadangan berkaitan usaha memperkasakan TVET. Antaranya supaya semua institusi TVET dalam negeri ini bertapak di negeri Johor diberikan ruang autonomi iaitu bekerjasama semua industri-industri yang melabur di Johor supaya pembelajaran murid tertumpu kepada bidang berkaitan di dalam industri negeri ini.

Bagi soalan, menjawab soalan Yang Berhormat Kahang juga turut membangkitkan kebimbangan beliau mengenai keperluan anak-anak muda Johor diberikan latihan setimpal dan secukupnya berdasarkan apa yang diharapkan oleh pelabur. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puteri Wangsa, Tanjung Surat dan Kahang atas cadangan dan pandangan yang dikemukakan berkaitan TVET dan latihan kemahiran.

Untuk makluman Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan yang mulia, kerajaan negeri Johor melalui Unit Strategik Modal Insan Johor mengambil maklum tentang peranan TVET dalam melahirkan tenaga buruh yang kompeten bagi memajukan dan memajukan ekonomi di negeri Johor. Antara inisiatif adalah melalui penganjuran program Karnival TVET yang bakal dijalankan pada Julai 2023 nanti. Objektif karnival ini adalah untuk memperkenalkan pembelajaran TVET kepada murid-murid sekolah rendah dan sekolah menengah selain memberi kesedaran kepada golongan ibu bapa tentang kelebihan dan peluang kerjaya yang luas dalam bidang TVET.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya Unit Strategik Modal Insan Johor sedang menjalankan satu kajian bersama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berkenaan penawaran dan permintaan guna tenaga di Johor yang meliputi pengumpulan data maklumat yang lengkap mengenai jumlah sebenar permintaan guna tenaga di negeri Johor. Kajian ini akan menjadikan satu tanda aras rujukan pihak kerajaan khususnya dalam Kementerian serta agensi yang terlibat dalam merangka pelan yang meliputi dasar dan polisi kerajaan komprehensif serta merangka mesra industri agar Johor terus berdaya saing memakmurkan ekonomi domestik dan antarabangsa Insya-Allah. Di samping itu, Unit Strategik Modal Insan telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Modal Insan negeri Johor

sebagai platform perkongsian dan pengumpulan maklumat berkaitan skop pekerjaan, kemahiran dan peluang industri dengan menghimpunkan agensi-agensi berkaitan pembangunan modal insan dan pemain industri. Dengan penubuhan jawatankuasa ini, sebuah strategik baru dapat dirangka dalam membantu institut TVET melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi mengikut kepasaran yang berbeza, sekali gus mengisi peluang pekerjaan hasil pelaburan di terima di negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker...

YB Speaker : Ini, Yang Berhormat satu minit lagi.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Dua minit Datuk, Yang Berhormat, mohon.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menjawab bagi soalan Yang Berhormat Tanjung Surat dalam perbahasan beliau turut menekankan soal hebahan dan mendapatkan maklumat berkaitan pekerjaan. Insya-Allah, bagi soalan dan jawapan sekiranya tidak dapat saya menjawab dengan masa yang begitu singkat, insya-Allah saya akan menjawab soalan-soalan daripada cadangan-cadangan daripada Yang Berhormat secara bertulis, insya-Allah.

Penutupnya Yang Berhormat Datuk Speaker, kesimpulan daripada ucapan jawapan dan cadangan yang telah saya utarakan sedikit sebanyak dapat memberikan pencerahan kepada seisi Sidang Dewan akan soalan dan perkara yang telah diatur oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat semua.

Akhir sekali, selaku EXCO Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia negeri Johor saya mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih dan syabas kepada semua jabatan-jabatan dan pasukan yang berada di bawah portfolio saya dalam keadaan kekangan masa serta kewangan selain beberapa cabaran, mereka tetap terus bekerja keras meskipun baru sahaja suku pertama tahun 2023. Kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan di bawah portfolio saya, saya telah cuba yang terbaik untuk memberikan semua jawapan kepada isu-isu yang dibangkitkan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat perkara-perkara yang terlepas pandang, tindakan susulan akan diambil oleh saya dan ketua-ketua jabatan saya. Semoga segala yang tersimpul dapat dihuraikan, yang keruh kita jernihkan, yang kurang ditambahkan.

Negeri Melayu adat terbilang, syariat Islam jadi pegangan, kini Ramadan mula menjelang, salah silap mohon dimaafkan. Kepada semua Ahli-Ahli Dewan seluruh negeri Johor yang beragama Islam, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut kedatangan bulan Ramadan Al-Mubarak dan selamat menunaikan ibadah puasa. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Bulan Ramadan tak boleh kempen Yang Berhormat ya. Terima kasih Yang Berhormat Larkin. Dijemput Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi : Bismillahirrahmanirrahim. (Bacaan selawat). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kerana sekali lagi memberi peluang kepada saya untuk menggulung dalam sesi penggulungan perbahasan pada Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-15. Terlebih dahulu patik ingin merafak sembah menjunjung kasih atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertua bagi Negeri dan Jajahan

Takluk Johor Darul Ta'zim di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku berangkat ke Dewan yang mulia ini dan seterusnya merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-15. Ampun Tuanku, patik mendoakan semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku serta seluruh kerabat Diraja akan terus diberkati, dirahmati dalam menaungi negeri Johor dengan sejahtera, harmoni dan terus maju.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pendidikan memainkan peranan penting untuk mencapai hidup berkualiti kerana pendidikan merupakan antara petunjuk terpenting dalam kualiti hidup manusia. Pendidikan mempunyai hubungan rapat dengan ilmu dan ilmu dikenal pasti sebagai faktor hasil. Pendidikan membantu individu membina keyakinan diri untuk berhadapan dengan dunianya, menikmati kemudahan yang ada di persekitarannya serta memahami diri sendiri. Dengan pendidikan, maka lahirlah para cerdik pandai. Hal ini secara langsung memperlihatkan perkaitan antara pendidikan dengan pembangunan sesebuah negara apabila dengan lahirnya para cerdik pandai, maka segala pentadbiran dan pengurusan negara dapat diuruskan dengan baik dan para cerdik pandai inilah bakal menaikkan nama negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Belanjawan Kerajaan Persekutuan 2023 yang telah diumumkan pada 24 Februari 2023, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima peruntukan tertinggi iaitu RM55.2 bilion berbanding RM52.6 bilion pada tahun lepas. RM900 juta untuk kerja-kerja menyelenggara kemudahan semua jenis sekolah termasuk Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

Yang Berhormat Datuk Speaker, walaupun bidang pendidikan ini merupakan organisasi yang terletak tanggungjawabnya kepada kerajaan persekutuan, kerajaan negeri Johor amat komited dalam menjayakan agenda pendidikan yang lestari berpandukan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dalam mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Negara. Oleh itu, pelajar di negeri Johor yang uniknya telah didedahkan dengan pembelajaran Modul Kesultanan Islam Johor (KIJ) yang dikelolai oleh Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Johor. Kerajaan negeri Johor juga memperkenalkan Modul Karakter Murid Johor (KRMJ) yang dikelolai oleh Jabatan Pendidikan Negeri Johor yang dimasukkan dalam bidang akademik yang digunakan dalam menyerapkan elemen-elemen teras prinsip rukun negara dan jati diri Bangsa Johor. Oleh itu, kerajaan negeri Johor berharap agar kita dapat melahirkan Bangsa Johor yang berkualiti dari segi intelektual, rohani dan jasmani.

Yang Berhormat Datuk Speaker serta Ahli Dewan yang mulia ini, baru-baru ini kita semua telah diuji dengan dugaan bencana banjir yang telah menimpa di negeri Johor. Bencana banjir baru-baru ini telah mengakibatkan beberapa sekolah dinaiki air dan beberapa pelajar yang mengikuti pelajaran Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) terpaksa ditangguhkan. Bencana ini juga perkara yang berlaku di luar jangka kita. Saya ingin menyentuh perkara yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Seri Medan berkenaan sekolah yang terlibat banjir dan PPS, pada 28 Februari 2023 sehingga 21 Mac 2023, sebanyak 52 buah sekolah di negeri Johor telah dinaiki air dan sebanyak 187 buah sekolah telah menjadi pusat penempatan sementara. Sehingga kini, masih ada 19 buah sekolah di daerah Batu Pahat yang masih lagi menjadi PPS. Saya juga sendiri turun padang bersama dengan guru-guru dan para sukarelawan membantu bagi membersihkan kawasan-kawasan sekolah yang terlibat dengan banjir. Saya telah menyaksikan sendiri kerosakan kerusi dan meja serta peralatan-peralatan lain. Sedih, pilu dan remuk hati ini melihat semua kerosakan ketika itu apatah lagi perasaan warga sekolah itu sendiri.

Walau bagaimanapun, jumlah kerusi murid setakat ini masih boleh menampung keperluan murid dengan penyelarasan antara Pejabat Pendidikan Daerah Johor. Namun demikian, kerusi dan meja guru yang rosak telah dalam tindakan Sektor Infrastruktur dan Perolehan di

bawah Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Bahagian Perolehan Kementerian Pendidikan Malaysia telah menurunkan waran perolehan aset sekolah dengan menggunakan peruntukan sedia ada bagi membuat perolehan penggantian aset khusus sekolah-sekolah yang terkesan dengan banjir.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi mengurangkan bebanan keluarga murid yang terlibat dengan banjir, pelajar terkesan dengan banjir dibenarkan hadir ke sekolah tanpa pakaian seragam sekolah. Kelonggaran ini diberi kerana tidak mahu membebankan ibu bapa dengan mewajibkan mereka membeli pakaian seragam anak sedangkan masing-masing terkesan dengan bencana. Peralatan persekolahan termasuk alat-alat tulis serta buku-buku tulis juga diberi kelonggaran agar murid yang terjejas banjir dapat memulakan sesi pembelajaran di sekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperuntukkan sebanyak RM2.363 juta bagi kerja-kerja baik pulih dan penyelenggaraan untuk 58 buah sekolah yang akan dilaksanakan paling awal pada minggu hadapan. Oleh itu, kerajaan negeri Johor juga turut akan menyalurkan peruntukan sebanyak RM500,000.00 yang akan diberikan kepada sekolah yang mengalami kerosakan yang sangat teruk di daerah Segamat dan Batu Pahat akibat bencana banjir ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin menyentuh perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Raja mengenai pusat penempatan sementara di sekolah-sekolah. Secara asasnya, kerajaan persekutuan telah pun bersetuju untuk membina Pusat Pemindahan Sementara (PPS) ini kekal di lokasi *hotspot* yang sentiasa mengalami banjir di negeri Johor. Pada masa kini, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bersama Kementerian Pendidikan Malaysia sedang mengenal pasti lokasi yang sesuai untuk pembinaan PPS dengan kriteria seperti berikut:

1. Kawasan strategik di mana sekolah kerap digunakan sebagai PPS.
2. Mempunyai kawasan atau keluasan tanah yang sesuai.
3. Sekolah yang dicadangkan telah didaftarkan sebagai PPS.
4. Infra sedia ada lengkap seperti bekalan elektrik dan air yang mencukupi untuk penambahan dewan serba guna.

Pihak NADMA telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM768,000.00 kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Johor pada 25 Ogos 2022 bagi tujuan pembaikan dan penyelenggaraan kecil kepada 151 PPS yang aktif dan berdaftar di negeri Johor sebelum berlakunya monsun timur laut. Sebanyak 75 buah sekolah dan 76 buah balai raya, dewan orang ramai dan dewan serba guna telah menerima manfaat tersebut. Selain itu juga, pihak NADMA telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM2,584,000.00 kepada Setiausaha Kerajaan Johor pada 28 Disember 2022 bagi melaksanakan kerja-kerja baik pulih dan naik taraf pusat pemindahan sementara di sekolah dan dewan orang ramai.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seterusnya saya, seterusnya bagi mengatasi jurang liputan ini dengan lebih efektif, pelbagai program peringkat nasional telah diperkenalkan seperti JENDELA yang akan menjadi platform penambahbaikan komunikasi digital negara. Pelan tindakan JENDELA ini adalah usaha semua pihak. Kejayaan pelaksanaannya memerlukan kerjasama semua terutamanya kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan serta agensi-agensis yang berkaitan dalam membantu mempermudah proses-proses.

Saya juga ingin menyentuh perkara yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Jementah berkenaan pemasangan *fiber optic* dan liputan Internet serta komunikasi. Usaha penambahbaikan liputan dan rangkaian adalah merupakan satu usaha yang berterusan oleh kerajaan agar kualiti pengalaman oleh pengguna sentiasa diperbaiki dari semasa ke semasa. JENDELA Fasa 2 seterusnya akan memberi tumpuan untuk merapatkan jurang digital yang tidak tercapai ketika fasa pertama. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan dan pelaksanaan 5G telah dipertanggungjawabkan kepada Digital National

Berhad (DNB) di bawah seliaan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Secara keseluruhannya DNB telah merancang untuk mendirikan hampir 7,500 stesen pemancar 5G di seluruh Malaysia menjelang penghujung 2023 dengan sasaran sebanyak 80% liputan 5G di kawasan berpenduduk di mana 899 daripadanya berada di negeri Johor.

Sehingga 12 Mac 2022, sebanyak 676 stesen pemancar 5G telah siap di Johor dan 630 daripadanya telah pun beroperasi sepenuhnya. Sehingga 28 Februari 2023, liputan 5G di kawasan berpenduduk negeri Johor berada pada kadar 52.3%. Meskipun pelaksanaan 5G masih belum meluas terutama di kawasan luar bandar, liputan 4G melalui pelaksanaan JENDELA di kawasan berpenduduk di Johor sehingga suku keempat 2022, telah mencapai 99.9% dan di daerah Segamat liputan 4G di kawasan berpenduduk berada pada kadar 97.07%.

Yang Berhormat Datuk Speaker, merujuk perbahasan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tiram berkenaan Pusat Ekonomi Digital atau lebih dikenali PEDi, kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sentiasa meletakkan penekanan transformasi digital sebagai agenda utama di Pusat Ekonomi Digital itu supaya masyarakat di luar bandar dan kawasan miskin bandar boleh memperkasakan diri dengan kegiatan ekonomi serta menambah pendapatan melalui aktiviti ekonomi digital. Antara inisiatif bagi menggalakkan rakyat khususnya usahawan mikro menceburi perniagaan dalam talian menerusi platform e-Dagang bagi menyokong ekonomi digital negara iaitu melalui program pemerkasaan pendigitalan usahawan kecil yang dinamakan PUPUK. Program ini melibatkan kerjasama strategik antara penyedia platform digital syarikat telekomunikasi serta PEDi bagi memperkasa dan membantu usahawan luar bandar terlibat dalam ekonomi digital.

Sebagai tambahan bagi merealisasikan aspirasi pendigitalan ekonomi negara, sejumlah 600 rakan digital PEDi telah dilantik di 600 buah PEDi terpilih di seluruh negara di mana seramai 61 rakan digital PEDi telah dilantik di negeri Johor bagi membantu memberi maklumat sokongan kewangan, melatih dan membangunkan usahawan mikro PEDi ini. Maklum balas daripada daripada orang awam bagi kawasan secara spesifik yang masih mempunyai masalah perkhidmatan adalah amat-amat dialukan bagi membolehkan tindakan selanjutnya diambil. Sebarang aduan yang berkaitan kualiti perkhidmatan dan rangkaian telekomunikasi boleh disalurkan terus kepada portal aduan MCMC menerusi pautan laman web <http://jendela.my> atau <https://aduan.skmm.gov.my>.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ada sedikit pantun untuk didengari oleh Ahli Dewan yang mulia ini. Dari Desaru ke Kota Tinggi, singgah berehat di Johor Lama, kalau YB semua nak maklumat lagi, silalah datang berbincang bersua bersama. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat berpuasa kepada muslimin dan muslimat. Sekian saya mengakhiri penggulungan saya dengan wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Johor Lama. Sekarang dijemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Selamat sejahtera, salam Maju Johor. (Bacaan selawat). Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu Bukit Pasir ingin merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berangkat ke Dewan yang mulia ini dan seterusnya bertitah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kedua Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-15. Di kesempatan ini juga, Bukit Pasir ingin menjunjung kasih dan menzahirkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk

Johor Darul Ta'zim sempena ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang jatuh pada 23 Mac 2023. Ribut bertiup dari selatan, lima Daeng membelah samudera, taat setia patik sembahkan, daulat Tuanku kekal bergema.

Patik juga ingin merafak sembah menjunjung kasih atas titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku tempoh hari yang turut menyentuh isu-isu infrastruktur terutamanya jalan-jalan persekutuan di dalam negeri Johor. Insya-Allah, patik yakin titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya kerajaan persekutuan dapat memberikan peruntukan yang lebih besar bagi membaiki kerosakan-kerosakan jalan-jalan persekutuan ini akan diambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Alhamdulillah, berkat titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku semasa Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Pertama Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-15 yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dalam ucapan pembentangan Belanjawan Negara 2023, telah mengumumkan beberapa projek yang dinanti-nantikan rakyat negeri ini. Antaranya ialah pelebaran Lebuhraya Utara – Selatan dari empat lorong kepada 6 lorong dari Yong Peng Utara ke Senai Utara Fasa 1 yang bernilai RM525 juta dan pembinaan lorong memotong di *Senai – Desaru Expressway* yang bernilai RM160 juta.

Yang Berhormat Datuk Speaker, ucapan penggulungan saya hari ini berkisar tentang keadaan infrastruktur negeri Johor yang terjejas teruk akibat banjir yang melanda negeri ini terutamanya keadaan jalan-jalan raya. Sekiranya masa mencukupi, saya akan turut menjawab beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Berhormat lain yang menyentuh portfolio saya semasa ucapan perbahasan mereka. Tiga beradik pergi ke Kedah, pokok Delima di tepi rumah, sabar itu cantik redha itu indah, yakinlah semua pasti ada hikmah.

Saya mulakan dengan jalan-jalan persekutuan yang turut disentuh dalam titah perasmian Duli Yang Maha Mulia Tuanku serta beberapa Ahli-Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, terdapat 123 jalan-jalan persekutuan yang berada dalam negeri Johor dengan panjang 2,415 kilometer. Daripada jumlah tersebut, sepanjang 537 kilometer telah menggunakan *Performance Based Contract (PBC)* manakala selebihnya masih menggunakan *Federal Road Maintenance (FRM) Contract*. Yang Berhormat Datuk Speaker, terdapat 256 lokasi kerosakan dikesan di sepanjang jalan-jalan persekutuan di seluruh negeri Johor. Pihak JKR juga telah mengajukan permohonan berjumlah RM223.5 juta. Namun begitu, hanya RM20.8 juta sahaja diluluskan setakat ini tahun 2023, yang mana angka ini hanya dapat membaiki 20 lokasi sahaja atau tidak sampai 8% daripada keseluruhan lokasi kerosakan. Dari Dewan yang mulia ini, sekali lagi saya memohon kerajaan pusat untuk mempertimbang dan meluluskan permohonan-permohonan kerajaan negeri Johor ini.

Bagi jalan-jalan persekutuan FT01, FT03 dan FT05 jalan-jalan ini melalui kontrak PBC telah menerima peruntukan sebanyak RM105 juta bagi tahun 2023, bagi kerja-kerja pembaikan di 112 lokasi dengan pecahan seperti berikut : FT1 yang melibatkan Mersing – Kota Tinggi – Johor Bahru, menerima RM29 juta dan melibatkan pembaikan di 36 lokasi. FT003 maafkan saya, FT1 Batu Pahat-Johor Bahru, FT003 menerima RM37 juta yang mana akan digunakan untuk membaiki 27 lokasi dan FT005 menerima RM39 juta bagi pembaikan di 49 lokasi.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja pembaikan di ketiga-tiga jalan persekutuan ini dipantau secara rapat oleh pejabat saya. Kerana jalan-jalan ini merupakan jalan yang paling banyak menerima aduan kerosakan teruk di dalam negeri Johor. Bagi tujuan pembaikan dan pemantauan secara terperinci, jalan FT01, FT03 dan FT04 dibahagikan kepada blok-blok yang mana setiap blok mewakili 100 meter per lorong. Ketiga-tiga jalan ini dibahagikan kepada blok dengan jumlah blok keseluruhan berjumlah 239,500 blok. Dan, daripada jumlah ini sebanyak 4,874 blok rosak direkodkan setakat tahun 2023 dengan pecahan seperti berikut : FT1 kita ada 896,000 blok dan 2,141 daripadanya

rosak. Dan insya-Allah pada tahun 2023 kita merancang untuk memperbaiki 1,193 dan akan ada baki blok yang rosak sebanyak 948 dan insya-Allah kita mohon kerajaan pusat dapat memberikan peruntukan yang lebih atau kita akan bawa kepada tahun hadapan.

Bagi FT003, sebanyak 725,400 blok yang mana kita kenal pasti 1,444 daripadanya merupakan blok yang rosak. Dan, insya-Allah pada tahun 2023 kita telah merancang untuk memperbaiki sebanyak 1,157 blok dan baki 287 blok akan disediakan pada tahun hadapan. Dan, bagi FT005 sebanyak 773,600 blok dan dikenal pasti 1,289 daripadanya rosak dan insya-Allah sebanyak 977 blok akan dibaiki pada tahun ini dan bakinya 312 akan dibawa ke tahun hadapan. Sekiranya kerja-kerja pembaikan di FT001,003 dan 005 ini berjalan mengikut jadual yang telah disusun dan ditetapkan, insya-Allah kerosakan jalan-jalan ini dapat dikurangkan kepada hanya 0.06% sahaja.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi Lebuhraya Pasir Gudang pula yang turut disentuh oleh Yang Berhormat Permas, Yang Berhormat Johor Jaya dan lain-lain Ahli-Ahli Yang Berhormat melibatkan dua jalan persekutuan iaitu FT17 dan FT35. Jalan ini merupakan antara jalan yang paling banyak aduan diterima termasuklah kemalangan yang sering berlaku akibat permukaan jalan yang teruk.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pihak JKR telah pun merancang pembaikan secara menyeluruh jalan sepanjang 28.2 kilometer ini melalui tiga fasa. Fasa satu, sepanjang 8 kilometer dari Kangkar Tebrau ke Plentong telah pun siap pada 2016 dengan kos RM143.9 juta. Fasa kedua, Fasa 2A, melibatkan panjang 7.7 kilometer dari Plentong ke Seri Alam, Taman Rinting juga telah siap pada tahun 2018 dengan kos RM155.2 juta. Dan, Fasa 2B melibatkan panjang jalan 5.5 kilometer dari Seri Alam, Taman Rinting ke Pasir Gudang telah pun dalam proses pembinaan melibatkan kos RM78 juta dan dijangka siap pada tahun 2025.

Untuk Fasa 3 yang Yang Berhormat Datuk Speaker, melibatkan 7 kilometer dari Perling ke susur naik Lebuhraya PLUS masih lagi dalam perancangan dan akan diangkat dalam *Rolling Plan* yang ketiga. Skop fasa 3 ini membabitkan kerja-kerja menaik taraf jalan daripada 4 lorong kepada 6 lorong sepanjang 7 kilometer, pembinaan semula struktur jalan sedia ada, menaik taraf sistem saliran, pelebaran jambatan FT17, FT6 dan FT21, meroboh dan membina baru jambatan FT17, FT2 dan FT60. Selain empat fasa ini, pihak JKR sentiasa melakukan permohonan melalui kontrak FRM bagi membaiki jalan-jalan yang rosak sepanjang Lebuhraya Pasir Gudang ini. FT17 memiliki 178,800 blok manakala FT35 memiliki 64,000 blok.

Mengikut perancangan dan peruntukan yang telah diluluskan untuk tahun 2023 setakat ini bagi FT17 sebanyak 36 blok akan dibaiki daripada 59 blok yang dikenal pasti sebagai rosak. Manakala bagi FT35, 12 blok akan dibaiki pada tahun ini berbanding 58 blok yang rosak seperti dalam rekod JKR. Bagi projek fasa 2B yang sedang berjalan, sebanyak 34,800 blok akan terlibat dalam kerja-kerja pembaikan yang mengambil tempoh masa 36 bulan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya berpindah ke jalan-jalan negeri seperti yang disentuh oleh beberapa Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pihak JKR dan konsesi telah mengenal pasti sebanyak 227 lokasi jalan rosak termasuk akibat banjir. Angka 227 lokasi ini dijangka bertambah selepas lokasi-lokasi banjir sudah boleh dimasuki oleh anggota kerja bagi tujuan penilaian kerosakan. Daripada jumlah itu, hanya 61 lokasi yang mampu dirancang dan dibaiki pada tahun ini dengan kos keseluruhan sebanyak RM37.5 juta. Daerah yang mencatatkan kerosakan paling teruk ialah daerah Segamat.

Oleh itu, pihak JKR Negeri Johor telah mengemukakan permohonan peruntukan kecemasan sebanyak RM168 juta melalui kerajaan negeri Johor kepada kerajaan persekutuan bagi menampung kos pembaikan jalan-jalan raya seluruh negeri Johor yang rosak akibat banjir.

Kerosakan jalan-jalan ini bukan sahaja melibatkan permukaan jalan yang berlubang-lubang malah turut membabitkan cerun runtuh, jalan yang mendap dan struktur jambatan yang rosak. Seperti yang saya sebutkan tadi, kos ini adalah kos semasa dan dijangka bertambah sebaik sahaja kawasan-kawasan yang masih ditenggelami air dapat di akses bagi tujuan penilaian.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja pembaikan jalan tidak boleh dilakukan secara serta merta selepas banjir surut. Ini kerana keadaan tanah yang masih mengandungi air yang banyak akan mengganggu kekuatan struktur base tanah jalan, seterusnya menyebabkan jalan yang dibaiki memiliki kualiti ketahanan yang rendah seterusnya mengakibatkan kerosakan yang berulang. Selain itu, kajian mesti dilakukan khususnya yang melibatkan runtuh cerun kerana tempoh masa yang lebih panjang diperlukan bagi melihat dan mengukur pergerakan tanah di tapak. Oleh itu, saya menyeru pengguna-pengguna jalan raya di luar sana agar dapat bersabar seterusnya berhati-hati ketika melalui jalan-jalan yang rosak ini. Pihak kami sedang berusaha keras memastikan jalan-jalan ini dapat dibaiki segera demi kesejahteraan semua.

Yang Berhormat Datuk Speaker, selain jalan raya, bekalan air bersih dan bekalan elektrik juga merupakan antara keperluan yang turut terjejas juga disentuh Ahli-Ahli Yang Berhormat semasa perbahasan mereka antaranya Yang Berhormat Kemelah dan Yang Berhormat Bentayan. Semasa keadaan banjir pihak Ranhill SAJ telah memastikan semua pusat pemindahan sementara PPS mendapat bekalan air bersih yang mencukupi. Meski pun terdapat aduan tekanan air yang rendah, kebanyakan masalah itu adalah disebabkan oleh penggunaan yang terlalu ramai di sesetengah PPS.

YB Speaker : Yang Berhormat, 1 minit.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Genapkan pukul 11.00 Yang Berhormat Datuk Speaker, boleh?

YB Speaker : 1 minit Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Sikit bolehlah eh. Semasa, dah hilang dah Yang Berhormat Datuk Speaker. Pihak Ranhill SAJ telah mengambil langkah proaktif dengan menyediakan tangki-tangki statik di PPS yang memiliki penggunaan yang tinggi. Terdapat juga laporan mengenai beberapa paip milik RSAJ yang mengalami kerosakan akibat banjir. Namun begitu telah dapat dibaiki secara kecemasan, kini pasca banjir akibat penggunaan air yang tinggi disebabkan untuk mencuci kediaman tekanan air adalah sedikit rendah dan pihak RSAJ tidak dapat menaikkan lagi tekanan air bagi mengelakkan kejadian pecah daripada berlaku.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman juga pihak TNB Johor telah membelanjakan setakat ini RM8.55 juta bagi membantu membaik pulih bekalan elektrik di kawasan-kawasan terjejas banjir di negeri Johor selain bantuan-bantuan keperluan asas di PPS.

Akhir sekali Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih atas cadangan, pandangan dan persoalan yang diajukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkaitan portfolio saya, saya minta maaf tidak dapat menjawab kesemuanya dan insya-Allah akan diberikan jawapan secara bertulis. Saya berjanji, pembangunan infrastruktur akan sentiasa menjadi keutamaan saya bagi menyahut hasrat Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar untuk menjadikan Johor sebuah negeri maju menjelang 2030. Saya yakin sokongan dan dokongan serta doa Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita mampu menjadikan infrastruktur negeri Johor berkelas dunia insya-Allah. Saya juga

ingin mengambil kesempatan mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadan dan selamat berpuasa semoga Johor terus diberkati.

Dari Kedah terus ke Sabah, waktu Zohor solat bersama, Muafakat sudah Makmur pun sudah, kini Maju Johor jadi matlamat kita semua. Sekian, wabillahitaufik walhidayah assalamualaikum warahmatullhi wabarakatuh.

YB Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Pasir. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menyambut Ramadan, Ramadan Kareem kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dan juga yang hadir dalam Dewan pada hari ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga jam 11.20 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Persidangan disambung semula pada jam 11.20 pagi.

Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan ini disambung sekarang. Di jemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, salam sejahtera, salam Maju Johor. Terlebih dahulu patik merafak sembah menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim yang telah sudi mencemar Duli bagi menyempurnakan majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-15.

Patik juga merafak sembah setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan sempena sambutan ulang tahun hari keputeraan rasmi Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada para pegawai kerajaan termasuk anggota kesihatan, askar, Polis, Bomba serta NGO-NGO dan sukarelawan seperti *Southern Volunteers* yang telah memberi bantuan kepada mangsa-mangsa banjir dan membantu kita mengharungi detik-detik sukar ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Johor, saya merakamkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi soal jawab mahu pun sesi perbahasan sepanjang sesi Sidang yang telah berlangsung. Saya bercadang tidak mengulangi perkara yang telah dibangkitkan semasa sesi soal jawab dan memberi tumpuan kepada isu-isu yang bersifat dasar di bawah Jawatankuasa ini. Dan hari ini seperti Dewan ini sedia maklum, negeri Johor telah mencatatkan jumlah pelaburan sebanyak RM70.6 bilion iaitu satu angka yang meletakkan negeri Johor di tangga pertama di Malaysia, menurut statistik Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia. Terima kasih saya ucapkan kepada para pegawai JCS, kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan termasuk Invest Johor, MIDA, MITI, IRDA, JPDC, Jcorp, PBT-PBT serta sektor swasta atas pencapaian ini. Dengan kerjasama semua pihak, mudah-mudahan kita dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti untuk Bangsa Johor dan meningkatkan lagi daya saing negeri Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, secara amnya kerajaan negeri Johor menyambut dan telah menyokong dasar-dasar berkaitan pelaburan yang dirangka oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Aspirasi pelaburan nasional telah meletakkan, telah melibatkan lima teras utama, iaitu meningkatkan kepelbagaian dan ekonomi yang kompleks melalui pelaburan yang canggih. Kedua, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti tinggi. Ketiga, memperluaskan hubungan domestik dan kerantaian bekalan serantau. Keempat, mengembangkan kluster baharu yang melibatkan R&D dan kelima meningkatkan keterangkuman sosioekonomi. Dan di peringkat kerajaan negeri juga telah Pelan Pembangunan Mampan Johor 2030 telah menggariskan 3 dasar dan 11 strategi utama untuk menarik pelaburan berkualiti dengan teras, dengan hala tuju 3H iaitu *High Technology*, *High Value* dan Halal.

Berkaitan dengan persoalan daripada Yang Berhormat Kukup, mengenai pembesaran kawasan Iskandar Malaysia untuk merangkumi seluruh daerah Pontian, pihak *Iskandar Regional Development Authority* telah menyiapkan rancangan pembangunan komprehensif ketiga yang menentukan hala tuju dan pembangunan kawasan Iskandar Malaysia sehingga tahun 2030. Dalam pelan tersebut sempadan Iskandar Malaysia sedia ada akan dikekalkan manakala 2 prinsip utama iaitu berdaya tahan, *resilient* dan *inclusive* telah diperkemas bagi menyokong misi dan pembangunan Iskandar Malaysia melalui 4 fokus utama, iaitu ekonomi bernilai tinggi. Kedua, masyarakat yang produktif, ketiga, kawasan berdaya tahan iklim dan wilayah rendah karbon dan keempat, bandar berdaya huni dan berintegrasi.

Seterusnya, cadangan strategik yang telah dikenal pasti yang dijangka dapat memanfaatkan daerah Pontian adalah, pertama, meningkat promosi sektor pelancongan sektor pelancongan eco dan inap desa, industri petrokimia, minyak dan gas, pusat hab halal dan kawasan perindustrian baharu termasuk kawasan perindustrian *tropicana* dan kawasan perindustrian Tanjung Bin. Bagi menjayakan konsep masyarakat yang produktif, program-program peningkatan kemahiran pekerja akan dilaksanakan di daerah Pontian. Ketiga, beberapa projek alam sekitar seperti program pengurangan dan pengurusan risiko bencana akan dilaksanakan di sekitar perairan selatan Pontian bagi menangani isu hakisan. Dan keempat peningkatan perhubungan antara bandar seperti teksi air, pembersihan sungai dan peningkatan Internet telah dirancang bagi membangunkan daerah Pontian untuk menjadi daerah, bandar berdaya huni dan berintegrasi.

Selain itu, Taman Negara Tanjung Piai telah diwartakan dan mempunyai beberapa pengiktirafan sebagai Penghujung Selatan Tanah Besar Benua Asia. Dan diiktiraf sebagai tapak RAMSAR iaitu tanah lembap berkepentingan antarabangsa. Sukacita juga dikongsikan bahawa sebagai salah satu kawasan hijau atau akses semulajadi utama dalam kawasan Iskandar Malaysia, IRDA bekerjasama rapat dengan Perbadanan Taman Negara Johor, Jabatan Pengairan dan Saliran serta agensi-agensi teknikal lain bagi memastikan isu hakisan yang dihadapi di kawasan berkenaan dapat dikawal melalui pembinaan pemecah ombak yang telah pun disiapkan pada tahun 2018. Pembangunan masyarakat setempat melalui strategi pemerksaan dan pemerdayaan komuniti turut diberi peningkatan. Projek terbaru adalah pembinaan inap desa berkonsepkan *tiny house*. Restoran fasiliti terbuka yang terletak di kawasan Tanjung Piai. Pejabat Daerah Pontian bertindak sebagai agensi pelaksana di mana kemudahan ini diserahkan kepada Koperasi Muafakat Tanjung Piai yang berfungsi sebagai penggerak sosioekonomi penduduk yang dapat mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan selain bertindak sebagai penjana dan penyedia modal bagi kesinambungan perniagaan penduduk setempat,

Yang Berhormat Datuk Speaker, berkaitan zon kewangan khas yang diumumkan dalam bajet kerajaan persekutuan, jabatan dan agensi kerajaan negeri sedang mendapatkan perincian berhubung inisiatif ini daripada Kementerian Kewangan. Sektor perkhidmatan kewangan dan perniagaan merupakan sektor yang dipromosikan di dalam kawasan Iskandar Malaysia. Dan sektor akan menjadi sektor fokus untuk inisiatif zon kewangan khas

ini. Dalam hal ini pelabur yang disasarkan merangkumi pelabur tempatan dan antarabangsa khususnya dari negara Singapura yang merupakan hab kewangan antarabangsa di rantau ASEAN dan juga Asia.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berkaitan dengan usaha-usaha untuk menyelaraskan isu-isu yang dihadapi oleh pemain industri dan pelabur sepertimana yang telah pun yang dinyatakan, kerajaan negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan Negeri Johor atau *Johor Investment Committee* yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor untuk menyelaraskan polisi-polisi dan dasar-dasar kerajaan mengenai pelaburan supaya ia diterima pakai dan diambil tindakan sewajarnya selain membuat pemantauan secara berkala tentang projek-projek yang sedang dilaksanakan. Isu-isu dasar yang perlu diberi perhatian akan diangkat dan dimuktamadkan keputusannya dalam mesyuarat ini.

JIC merangkumi 3 jawatankuasa kecil yang dipengerusikan oleh saya iaitu Jawatankuasa Promosi Pelaburan, Jawatankuasa Pemantauan Pelaburan dan *Johor Convention And Exhibition Bureau*. Untuk sesi pra pelaburan, Jawatankuasa ini ditubuhkan menyelaras segala kemasukan pelaburan kerana terdapat beberapa agensi kerajaan yang menjalankan tugas yang lebih kurang sama iaitu untuk membawa masuk pelaburan ke negeri Johor. Negeri Johor mempunyai beberapa agensi pelaburan seperti MIDA, MITI, IRDA, JPDC, JCorp dan lain-lain. Sekiranya pelaburan tidak diselaraskan, ianya agak menyukarkan pihak kerajaan negeri untuk memantau dan juga mungkin mengelirukan pelbagai pihak terutamanya para pelabur sendiri. Dengan adanya Jawatankuasa ini, kerajaan negeri akan lebih fokus dalam menjalankan promosi bagi menarik pelaburan ke negeri Johor dengan memberi pendekatan kepada sektor-sektor yang berpotensi tinggi.

Untuk Jawatankuasa Pasca Pelaburan, penyelarasan pemantuan kemajuan aktiviti yang telah diluluskan secara bersepadu di negeri Johor adalah diperlukan bagi tujuan penambahbaikan aktiviti-aktiviti berkenaan pelaburan dan perindustrian di negeri ini. Melalui Jawatankuasa ini, kerajaan negeri, melalui jabatan dan agensi yang berkaitan terutamanya Pejabat Tanah dan Galian, Pihak Berkuasa Tempatan, agensi-agensi di bawah kerajaan persekutuan dan badan bukan kerajaan dapat mencapai kesepakatan dan keputusan bersama dalam hal ehwal berkaitan pelaburan dan perindustrian sedia ada. Seterusnya *Johor Convention And Exhibition Bureau* pula merupakan satu inisiatif untuk meneroka bidang baru dalam mempelbagaikan aktiviti dan pertumbuhan ekonomi negeri Johor. Bidang baru ini dikenali sebagai *business event* yang sangat berpotensi untuk menjana limpahan ekonomi pelbagai sektor kepada rakyat negeri Johor. Antara sektor utama yang mendapat faedah limpahan ekonomi melalui penganjuran *business event* ini adalah sektor pelancongan termasuk industri perhotelan, perkhidmatan, pelaburan dan perdagangan antarabangsa. Seterusnya kerajaan negeri juga menubuhkan *Industrial Park Management Committee* di setiap kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Ahli-ahli IPMC adalah terdiri daripada agensi-agensi kerajaan, separa kerajaan, persatuan pemain industri setempat dan lain-lain. IPMC dipengerusikan oleh Tuan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan sebagai platform perantaraan pihak industri dengan pihak jabatan kerajaan yang berkaitan untuk berbincang serta mencari jalan penyelesaian untuk menangani masalah-masalah industri.

Seterusnya Jawatankuasa ini akan meneruskan usaha penstrukturan *Invest Johor* bagi menjayakan transformasi *Invest Johor* kepada sebuah badan korporat profesional yang diiktiraf dan dipercayai dalam sektor pelaburan domestik mahu pun antarabangsa. Selepas 18 tahun *Invest Johor* ditubuhkan, sebelum itu dikenali sebagai JSIC (*Johor State Investment Centre*), tugas dan peranan *Invest Johor* semakin bertambah seiring dengan revolusi dan *trend* pelaburan ke negeri Johor. Ia memerlukan nilai tambah dalam agensi ini supaya ia kekal menjadi pemudahcara dalam memastikan kemasukan pelaburan bermutu tinggi ke Johor, dan mewujudkan persekitaran yang kondusif kepada para pelabur. Justeru,

Jawatankuasa ini berpendapat pemeraksanaan *Invest Johor* adalah tindakan yang tepat bagi memperluaskan skop perkhidmatan *Invest Johor* pada sektor-sektor baru selain sektor pembuatan, menawarkan khidmat nasihat dan penghubung perniagaan kepada bakal pelabur. Merangka polisi berkaitan pelaburan dan sebagai *marketing arm* kerajaan negeri Johor dalam hab pelaburan, perdagangan dan industri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Perling membangkitkan isu berkaitan dengan kerjasama mewujudkan Jawatankuasa Pilihan Kerjasama Johor – Singapura. Berkaitan cadangan ini memang sudah ada satu platform melalui *Joint Ministerial Committee For Iskandar Malaysia* yang dipengerusikan bersama oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan Menteri Ekonomi Malaysia serta Menteri Pengangkutan dan Menteri Pembangunan Singapura. JMCIM ini mempunyai beberapa kumpulan kerja iaitu, pertama, kumpulan kerja Imigresen untuk memudahkan meningkatkan kelancaran pemeriksaan hal-hal berkaitan Imigresen. Kedua, kumpulan kerja pelancongan untuk meningkatkan aliran pelancongan di antara kawasan Iskandar Malaysia dan Singapura. Ketiga, kumpulan kerja alam sekitar untuk menggalakkan perkongsian pengetahuan tentang isu alam sekitar yang mempunyai kepentingan dan kemampunan bersama melalui bengkel pembinaan kapasti. Keempat, kumpulan kerja inovatif yang memberi fokus kepada kerjasama teknologi. Kelima, kumpulan kerja perbadanan industri yang berusaha mempergiatkan kerjasama dan peluang pelaburan sedia ada dan baharu. Keenam, kumpulan kerja pautan pengangkutan dan ketujuh, kumpulan kerja ekosistem makanan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berkaitan cadangan membangunkan tenaga kerja mahir terutamanya dalam sektor minyak dan gas yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjung Surat. Berkaitan kerajaan negeri Johor dan juga kerajaan persekutuan telah melaksanakan pelbagai program dan gerak kerja untuk melatih dan mempersiapkan tenaga kerja. Sebagai contoh, sejak tahun 2013 hingga kini *Johor Petroleum Development Corporation Berhad* (JPDC) secara aktif menyediakan kelompok tenaga kerja Malaysia dan Bangsa Johor yang berkemahiran untuk tujuan pembangunan operasi industri hiliran minyak dan gas dan industri petrokimia serta kerja-kerja berkaitan di Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang yang terletak di kawasan Yang Berhormat Tanjung Surat. Inisiatif JPDC ini adalah di bawah rangka kerja *MYMATCHER* atau *Malaysia's Manpower Training, Certification, Hiring and Retention Programme*. Matlamat utama inisiatif ini adalah menyediakan latihan kemahiran industri termasuk *up-skilling* dan *re-skilling* kepada Bangsa Johor dan juga rakyat Malaysia secara amnya demi mempersiapkan kelompok tenaga kerja berkemahiran tinggi serta mempunyai persijilan daripada institut latihan teknikal yang mempunyai pentauliahn industri. Dalam melaksana inisiatif ini JPDC sentiasa memberi keutamaan untuk melatih anak muda dan tenaga dari kalangan masyarakat setempat khususnya dari negeri Johor dari rekod tertinggi dan daerah kecil Pengerang tanpa mengabaikan rakyat Malaysia yang lain. JPDC menggunakan saluran ketua-ketua masyarakat untuk mendapat calon-calon pelatih selain melalui platform seperti *job and career fair* portal peluang pekerjaan dan lain-lain. Hasilnya, untuk tempoh mula 2013 hingga akhir tahun 2022, inisiatif ini telah menyediakan seramai 6,299 orang tenaga kerja mahir untuk industri hiliran minyak dan gas, industri petrokimia serta industri berkaitan. Ini termasuk 3,702 orang tenaga kerja mahir yang dilatih dan diambil bekerja oleh pelbagai majikan.

YB Speaker : Yang Berhormat, 1 minit.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna : Masa, semasa pembinaan Kompleks PETRONAS ini. Sukacita dimaklumkan bahawa 95% daripada 6,299 tenaga mahir yang dilatih berjaya mendapat pekerjaan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan akan terus meneruskan strategi membangunkan sosioekonomi semua daerah di Johor yang berteraskan potensi dan kearifan setempat untuk mewujudkan pertumbuhan seimbang. Dalam usaha membangunkan ekonomi, kerajaan

negeri juga peka terhadap isu-isu kos sara hidup yang semakin meningkat. Oleh itu, kerajaan negeri menerima baik cadangan dan usaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup yang telah merangka program Rahmah untuk membantu kumpulan miskin tegar dan golongan kurang berkemampuan. Program yang dikenali sebagai Payung Rahmah telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 11 Januari 2023 yang meliputi 4 inisiatif iaitu, Bakul Rahmah, Jualan Rahmah, Pakej Rahmah dan Cafe Rahmah. Jawatankuasa ini akan bekerjasama dengan Jawatankuasa Pertanian Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar serta KPDN Johor untuk menjayakan program-program Rahmah termasuk Bazar Ramadan Rahmah yang sedang dirancang. Sukacita dimaklumkan juga bahawa sehingga 19 Mac 2023, sebanyak 127 restoran di negeri Johor telah menyahut seruan kerajaan dengan mengadakan Menu Rahmah di premis mereka. Informasi berkaitan premis Menu Rahmah boleh didapati melalui laman web KPDN Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, akhirnya sekali mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu-isu semasa pada Persidangan Dewan kali ini. Ahli-Ahli yang Berhormat, bunga dedap di atas para, anak dusun pasang pelita, andai tersilap tutur bicara, jari disusun maaf dipinta. Sekian, terima kasih. Salam Maju Johor. (Dewan bertepuk).

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat YB Paloh. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan. 15 minit.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Sidang Dewan yang dimulikan. Pertamanya patik merafak sembah menjunjung kasih atas keberangkatan dan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim sempena Pembukaan Rasmi Penggal Persidangan Kedua Bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-15.

Patik turut merafak sembah menjunjung kasih dan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku sempena sambutan ulang tahun keputeraan rasmi Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada esok hari, 23 Mac 2023.

Tidak lupa juga patik menzahirkan ucapan terima kasih kepada Tuanku yang turut sama mencemar duli melawat dan menyantuni rakyat yang sedang berdukacita atas kejadian banjir yang menimpa mereka.

Seperti semua sedia maklum, banjir yang dihadapi negeri Johor kali ini bagaikan satu mimpi negeri yang mengulangi nostalgia tahun 2006 dan 2007 yang lalu. Banyak rumah-rumah dan harta benda yang musnah dan tidak dapat diselamatkan. Saya mohon doa seisi Dewan agar musibah banjir ini berlalu dengan cepat terutamanya ketika umat Islam akan menyambut bulan Ramadan pada hari esok.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz bin Ghazi serta sahabat-sahabat EXCO, sahabat-sahabat ADUN dan juga semua agensi dan juga NGO dan sukarelawan yang bertungkus-lumus memastikan musibah yang kita lalui ini kita atasi bersama dan memudahkan urusan semua pihak.

Sidang Dewan sekalian, untuk makluman semua sepanjang musim banjir ini Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) telah menubuhkan pasukan *mobile* yang bergerak dari satu PPS ke PPS yang lain. Sebanyak 91 pasukan dengan kekuatan 455 orang petugas kesihatan bergerak untuk menjalankan ujian saringan kesihatan dan mengenal pasti jika ada penularan wabak di PPS. Dan setakat hari ini, semuanya masih terkawal. Selain itu turut diselitkan pendidikan kesihatan kepada penduduk-penduduk yang mendiami PPS.

Saya juga ingin memaklumkan banjir kali ini telah menyebabkan sebanyak 41 fasiliti kesihatan di negeri Johor seperti klinik kesihatan dan klinik desa yang terjejas operasinya setakat 21 Mac 2023. Dari 41 fasiliti kesihatan tersebut, 38 sudah mula beroperasi kembali selepas air surut dan kerja-kerja pembersihan dilakukan. 3 lagi fasiliti kesihatan tidak beroperasi kerana 2 fasiliti kesihatan iaitu Klinik Desa Kundang Ulu Tangkak dan Klinik Kesihatan Chaah di bawah kategori masih tidak selamat untuk beroperasi dan dipindahkan pengoperasiannya di Klinik Kesihatan Gersik dan Dewan Serba Guna Chaah bagi satu lagi fasiliti kesihatan Klinik Desa Sri Pandan masih dalam proses pembersihan.

Sehubungan dengan ini juga, JKNJ telah menghantar permohonan bagi peruntukan khas kepada Kementerian Kesihatan Malaysia bagi pembaikan dan pembelian peralatan perubatan, bukan perubatan serta kenderaan yang rosak akibat bencana banjir ini. Jumlah permohonan adalah sebanyak RM2,894,175. Dan mudah-mudahan permohonan ini dapat disegerakan dan diberi perhatian oleh Yang Berhormat Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri Kesihatan Malaysia merangkap Ahli Parlimen Sekijang supaya semua fasiliti kesihatan dapat beroperasi seperti sediakala.

Sidang Dewan sekalian, sepanjang perbahasan ada beberapa isu kesihatan yang timbul dan perlukan pencerahan.

Pertamanya, soalan dari YB Kukup berkenaan dengan pembangunan hospital swasta di Pontian. Untuk makluman, saya pernah dibentangkan mengenai pembinaan hospital swasta bagi daerah Pontian oleh satu syarikat yang berminat untuk melabur. Dalam pembentangan ada menyatakan yang syarikat ini sedang berada dalam fasa perbincangan bersama kontraktor mengenai isu pemilikan tanah dan pembinaan hospital. Moga-moga ada sinar untuk orang Pontian. Selain dari itu, satu berita baik untuk orang Pontian adalah melalui pembentangan Bajet 2023 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim juga mengumumkan kerja-kerja awalan bagi menaik taraf 26 hospital di seluruh negara termasuk Hospital Pontian, Johor yang berusia hampir seabad sekali gus memberi manfaat kepada warga Pontian mendapatkan kemudahan rawatan terbaik.

Seterusnya, bagi menjawab persoalan dari YB Parit Raja berkenaan penaiktarafan klinik-klinik kesihatan ini. Pertama sekali, saya nak ucapkan terima kasih dan tahniah kepada YB Parit Raja kerana sentiasa menerjah dan memastikan Klinik Kesihatan Parit Raja ini dapat disegerakan pembinaannya. Bagi memberi kemudahan akses kesihatan untuk orang Parit Raja dan sekitar. Untuk makluman YB Parit Raja dan seisi Dewan, KK Parit Raja kini berada di dalam fasa pengiklanan dan pengeluaran tender, dijangka akan diiklan pada 24 Julai 2023 dan tarikh SST dijangka pada 1 November 2023.

Bagi penaiktarafan klinik-klinik kesihatan dan klinik-klinik desa ini kita sedang usaha secara berperingkat. Buktinya setiap tahun JKNJ menghantar permohonan kepada pihak Kementerian Kesihatan agar diberi fasiliti kesihatan yang baru atau menaiktaraf yang sedia ada. Tahun ini sahaja, kita baru merasmikan pembukaan bangunan baru Hospital Segamat dan dalam pembentangan belanjawan tahun ini telah diumumkan penaiktarafan dan pemulihan Hospital Pontian. Dan pada tahun 2024, sebuah lagi hospital akan di siap di Pasir Gudang.

Untuk soalan YB Bukit Gambir, berkenaan pembinaan Klinik Kesihatan Bukit Gambir adalah JKNJ sedang dalam usaha untuk mengenal pasti tapak yang bersesuaian bagi tujuan pembangunan Klinik Kesihatan Jenis 3 Bukit Gambir berserta kuarters. Jabatan ini telah menerima cadangan permohonan tapak yang baru daripada Pejabat Kesihatan Daerah Tangkak pada 31 Januari 2023 dan sedang dalam tindakan mendapat ulasan daripada agensi dan jabatan teknikal yang terlibat.

Untuk makluman seisi Dewan, berkenaan soalan YB Kemelah mengenai Hospital Segamat. Oleh kerana kita telah membina satu bangunan baru di Hospital Segamat, 331 perjawatan baru ataupun tambahan telah dibuka berdasarkan agihan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia melalui waran perjawatan KKM Bil. 186 Tahun 2022 bertarikh 23 Disember 2022. Jadi kita akan dapat pertambahan petugas kesihatan di Segamat khususnya.

Satu lagi isu yang dibangkitkan mengenai bilangan ambulans yang tidak mencukupi. Untuk makluman, bilangan ambulans yang berfungsi dengan baik di Hospital Segamat adalah sebanyak 6 buah. Selain itu, bagi menampung keperluan pengguna ambulans bagi penduduk daerah Segamat, terdapat 13 buah ambulans di bawah Pejabat Daerah Segamat yang turut membantu Hospital Segamat dalam menjalankan perkhidmatan rawatan pra hospital dan ambulans. KKM dan JKNJ sentiasa memantau keperluan ambulans dan akan membuat permohonan perolehan mengikut keperluan semasa.

Saya juga mendapat soalan dari YB Sungai Balang berkenaan dengan Hospital Muar. Buat masa ini di dalam Rancangan Malaysia Ke-12, kita berfokus kepada beberapa projek utama namun kepentingan di Hospital Muar seperti dari sudut bangunannya, perubatannya, peralatannya, perubatan dan parkir akan saya dan pihak JKNJ diperhalusi dan bawa ke Kementerian Kesihatan Malaysia dari masa ke semasa.

Untuk sekarang, projek yang akan dijalankan di Hospital Muar adalah penaiktarafan sistem loji rawatan air kumbahan Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-10, *Rolling Plan* Ke-4.

Bagi menjawab persoalan YB Senai. Untuk makluman, jumlah perjawatan tetap di Hospital Temenggung Seri Maharaja Tun Ibrahim, Kulai sehingga 28 Februari 2023 ialah sebanyak 445 orang dengan pengisian sebanyak 419 orang. Selain itu, bagi menampung keperluan perkhidmatan dan beban tugas di fasiliti terdapat juga 39 jawatan di bawah lantikan kontrak.

Selain itu, berkenaan ambulans di Hospital Kulai. Pembaikan 2 ambulans sedang dilaksanakan dan dapat digunakan dalam masa terdekat. Bagi memastikan isu pengisian jawatan sedia ada diberi perhatian dan tindakan berterusan oleh KKM dan JKNJ. JKNJ sentiasa mengemukakan permohonan pengisian kekosongan pelbagai jawatan dan gred kepada Bahagian Sumber Manusia, KKM secara berkala. Ini termasuk pelaporan atau *retend* bulanan bagi urusan perjawatan bagi Bahagian Sumber Manusia KKM untuk semua skim perkhidmatan di JKNJ.

Bagi soalan YB Kota Iskandar dan YB Pemanis, saya ucapkan terima kasih di atas cadangan yang diberi. Saya akan perinci dan bawa ke perbincangan agar pembangunan sistem di kawasan tersebut dapat direalisasikan.

Sidang Dewan yang dihormati. Walau pun isu perpaduan hangat diperkatakan baru-baru ini, tetapi kita di Johor kekal sebagai Bangsa Johor dan cara Johor. Seperti saya dan YB Fared, EXCO Agama Johor, kami sentiasa mengekalkan komunikasi dan perpaduan bersama. Selain itu kita bertuah kerana Duli Yang Maha Mulia Tuanku sentiasa memberi nasihat dan panduan kepada kita orang Johor. Saya melarang sekeras-kerasnya mana-mana pihak yang cuba mengganggu permuafakatan dan keamanan di Johor sama ada melalui provokasi atau apa-apa cara sekali pun.

Saya juga terima beberapa soalan baik secara bertulis mahu pun lisan mengenai peruntukan Rumah Ibadat Selain Islam (RISI). Untuk makluman semua, kita sekarang berada di dalam proses tatacara pengelolaan kewangan dan hampir selesai. Tidak lama lagi duit permohonan akan dikreditkan ke akaun yang telah ditetapkan selepas proses semakan

tuntutan kepada NGO selesai dan mendapat kelulusan dari Pejabat Kewangan Negeri. Jangan risau, kami di kerajaan Johor, janji ditepati.

Sidang Dewan sekalian, di penghujung penggulungan saya, saya ingin mengucapkan, bangun pagi sahur bersama, berbuka pula makan ikan. Jangan dilupa buah kurma, selamat berpuasa saya ucapkan. Selamat berpuasa kepada semua umat Islam khususnya Bangsa Johor. Satu lagi pantun sebelum saya mengundur diri. Tanah subur bunga berkembang, banyak bunga banyaklah kumbang. Di sini kerajaan di sana pengimbang, berkhidmat dengan penuh cemerlang. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Yong Peng. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam.

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Bismillahirrahmanirrahim. (bacaan doa). Assalamualaikum warahmatullah, salam sejahtera, salam Maju Johor. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Alhamdulillah, sama-sama kita merafak kesyukuran kepada Allah SWT pada hari ini sampailah ke sesi penggulungan dalam Mesyuarat Pertama Pembukaan Rasmi Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Ke-15.

Patik merafakkan sembah menjunjung kasih setinggi-tingginya di atas Titah Diraja Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor yang telah berkenan bertitah dan menyempurnakan Mesyuarat Pertama pada kali ini. Di kesempatan ini patik juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah sempena hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan pada esok, tanggal 23 Mac 2023. Patik dan sekalian rakyat khususnya masyarakat Semerah berdoa kehadiran Allah SWT agar Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar dan Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor dikurniakan keselamatan dan kesihatan serta dilanjutkan apalah jua kiranya akan usia Tuanku berdua, bertambah-tambah lagi darjah kebesaran dan kedaulatan.

Seperti yang kita sedia maklum Datuk Speaker, pada penghujung Februari bulan ini, negeri Johor ditimpa dengan ujian yang besar dan sehingga hari ini masih lagi ada kawasan yang belum pulih sepenuhnya dari ujian banjir. Ia berpunca daripada taburan hujan yang luar biasa hampir 2 kali ganda dari purata hujan bulanan pada 28 Februari sehingga 1 Mac.

Daerah Batu Pahat merupakan daerah yang terkesan dengan ujian ini bahkan di kawasan saya sendiri Semerah turut tidak terkecuali. Walau bagaimanapun, pada 20 Mac yang lepas semua PPS di DUN Semerah khususnya telah pun ditutup dan orang Semerah semuanya Datuk Speaker telah pun berada di rumah masing-masing.

Datuk Speaker, saya memetik firman Allah SWT dalam surah Al-Ankabut Ayat 2. (bacaan ayat al-Quran), Allah berfirman yang maksudnya, "Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata kami beriman sedang mereka tidak diuji dengan sesuatu cubaan". Maka kita perlulah menginsafi ujian yang Allah beri kepada negeri kita ini dengan banjir dan kesannya yang amat besar. Antara hikmahnya Datuk Speaker yang dapat saya kongsi sebagai Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam pada kali ini ialah kita telah membantu dengan memberikan arahan kepada masjid-masjid yang berdekatan dengan semua kawasan-kawasan banjir untuk di buka dan turut dijadikan PPS di seluruh negeri Johor. Sebanyak 11 buah masjid dan surau dijadikan sebagai PPS yang menempatkan hampir 2009 orang mangsa banjir dengan kos keseluruhan yang ditanggung menggunakan kewangan masjid dan surau sebanyak RM69,125.00.

Bagi masjid yang tidak terkesan dengan banjir pula, bantuan sumbangan yang turut diberikan kepada PPS yang berdekatan adalah dianggarkan sebanyak RM136,590.00 yang dimanfaatkan seramai 4,727 orang mangsa. Tercetusnya langkah ini dapat memperkasakan

semula fungsi dan juga peranan masjid dan surau sebagai tempat perlindungan kepada masyarakat dan juga dijadikan perlindungan untuk penduduk setempat.

Pembukaan PPS ini mengikut garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor melalui Bahagian Pengurusan Masjid. Saya juga suka mengongsikan Datuk Speaker, bahawa sehingga ke hari ini, terdapat kira-kira 20 buah PPS yang masih dibuka di Batu Pahat, dan di antara PPS-PPS ini, keperluannya menjelang bulan Ramadan adalah keperluan untuk diadakan solat tarawih. Maka dengan ini, saya suka maklumkan Dewan yang mulia, kesemua 20-20 PPS yang sedang berlangsung di Batu Pahat ini telah pun ditempatkan dengan imam-imam dan bilal yang khas dari masjid yang berdekatan untuk aktiviti jemaah dan juga solat tarawih ditunaikan di PPS yang berkenaan. Contohnya di SK Sri Jagung Sri Medan, surau sekolah tersebut akan digunakan sebagai pusat ibadah dan juga ruang untuk menjadikan solat tarawih juga solat secara berjemaah.

Inilah di antara hikmah apabila Allah turunkan ujian kepada kita. Saya suka memetik riwayat yang berlaku kepada Nabi Yusuf AS, ketika Baginda ditanya tentang apakah keperluan berpuasa? PPS pada kali ini akan menempatkan mangsa-mangsa yang akan berpuasa dalam PPS itu sendiri. Nabi Yusuf AS berkata, *'kenapa aku berpuasa? Aku kkuatir apabila aku kenyang nanti aku melupakan perut fakir dan miskin.'* Maka saya menyeru Dewan yang mulia, dalam keadaan kita tidak diuji dengan banjir, sedangkan masih lagi ada masyarakat kita yang teruji dengan bencana ini. Marilah kita sama-sama terus menghulurkan bantuan dan sumbangan untuk meraikan kedatangan bulan Ramadan, supaya mangsa-mangsa ini terubat hatinya dan mendapat kelegaan di jiwa mereka.

Saya juga melaporkan Datuk Speaker, Sekolah Agama Kerajaan Johor juga tidak terkecuali dari ujian banjir ini. Hasil naziran yang dibuat sebanyak 54 buah sekolah terlibat dengan banjir, 60 buah sekolah agama sebagai pusat penempatan sementara banjir. Daerah Batu Pahat mencatatkan jumlah yang tertinggi di mana sebanyak 26 buah sekolah terkesan dan 30 buah dijadikan PPS. Mengikut laporan, kerugian yang dianggarkan adalah sebanyak RM547,730.00 yang diklasifikasikan dalam empat kategori. Kategori ringan, sederhana, berat dan sangat berat.

Saya juga mengucapkan dalam ruangan penggulungan ini jutaan terima kasih kepada semua pihak yang membantu bencana banjir seluruh negeri Johor dan diucapkan untuk terus membantu sehingga banjir selesai sepenuhnya. Saya juga ingin merekodkan bahawa Majlis Agama Islam Negeri Johor juga turut menyumbang dalam perbelanjaan operasi banjir di mana Majlis Agama Islam Negeri Johor telah membelanjakan sekitar RM1.6 juta bagi maksud bantuan banjir. PIJ, Perbadanan Islam Johor juga menyumbangkan keperluan bantal dan juga toto, Lembaga Tabung Haji menyumbangkan 700 kit solat yang berjumlah RM140,000.00. Kita juga menerima bantuan daripada agensi luar, antaranya Lembaga Zakat Negeri Kedah menyalurkan keperluan barang dapur, kuantitinya sebanyak 22,664 jenis barangan di mana 12,000 daripadanya adalah beras lima kilogram. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan juga menyalurkan bantuan tunai RM1 juta dan sumbangan lain termasuk peralatan kebersihan berjumlah RM511,000.00.

Datuk Speaker, saya mula menggulung. Yang Berhormat Kukup dan Yang Berhormat Layang-Layang begitu cakna dan prihatin terhadap keperluan tauliah yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor. Terima kasih atas cadangan yang diberikan dan sudah pasti kami akan menitik beratkan setiap cadangan yang diberikan. Isu tauliah penceramah ini amat penting. Bahkan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan juga telah menitahkan di dalam titah pembukaan Baginda, bahawa mana-mana jawatankuasa masjid dan surau yang memanggil mana-mana penceramah yang tidak bertauliah hendaklah dipecat.

Saya juga suka berkongsi bahawa perlulah diluruskan sedikit pandangan tentang prosedur pemberian tauliah di negeri Johor Darul Ta'zim. Seksyen 18(3) Enakmen Pentadbiran

Agama Islam (Negeri Johor) menyatakan hanya Majlis Agama Islam Negeri Johor lah di dalam negeri Johor, pihak berkuasa yang berkuasa untuk memberikan tauliah kepada mana-mana orang yang berkelayakan. Proses pemberian tauliah ini bukanlah boleh diberikan dengan sewenang-wenangnya. Mereka yang memohon itu perlu selari dengan hukum syarak yang dikanunkan pada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor (Pindaan) 2014 yang menyatakan mestilah penceramah itu berakidah dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran al-Asyairah dan al-Maturidiyyah, bermazhab Syafie tanpa menolak mazhab-mazhab muktabar yang.

Mereka juga hendaklah memenuhi kelayakan Jawatankuasa Fatwa yang sekurang-kurangnya mempunyai pendidikan darjah khas dan memiliki kelulusan dalam bidang pengajian agama Islam. Permohonan boleh dibuat di mana-mana Pejabat Kadi untuk mendapatkan tauliah. Tempoh permohonan ini adalah lebih kurang tiga bulan, tertakluk kepada tapisan kerana semakan yang terperinci perlu di buat bagi menapis mereka yang benar-benar layak untuk memberikan ceramah agama di negeri Johor Darul Ta'zim. Selepas mendapat tauliah, mereka-mereka ini boleh membuat penyambungan dan penyambungan ini juga perlu ditapis semula oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor. Kesemua penganjur yang ingin menjemput penceramah perlulah terlebih dahulu memohon kepada Pejabat Kadi Daerah selawat-lewatnya 14 hari bekerja sebelum tarikh penganjuran berlangsung. Berkaitan penganjuran ini, didapati pihak-pihak yang hendak menjadi penganjur memang memohon kepada Pejabat Kadi Daerah, namun kadang-kadang mereka menyertakan nama penceramah yang masih tidak mempunyai tauliah. Maka saya nasihatkan, kesemua pihak yang ingin menganjurkan ceramah-ceramah agama, berhubunglah dengan Pejabat Kadi Daerah masing-masing bagi mendapatkan senarai mereka-mereka yang dibenarkan menyampaikan ceramah juga ajaran agama Islam dalam negeri Johor ini.

Datuk Speaker, Yang Berhormat Pasir Raja melalui perbahasan mencadangkan agar sebuah masjid di bina di Taman Daiman Jaya, memandangkan taman tersebut hampir 10 tahun tidak mempunyai masjid. Hasil laporan yang diperolehi, didapati pembinaan masjid di Taman Daiman Jaya, Kota Tinggi masih belum dapat dilaksanakan kerana kawasan perumahan tersebut masih belum mempunyai tapak tanah wakaf atau masjid yang sesuai. Saya akan berurusan dengan jabatan yang berkaitan, termasuk mendapatkan kerjasama dari Majlis Daerah Kota Tinggi juga Pejabat Daerah Kota Tinggi untuk memperhalusi dan insya-Allah menyelesaikan perkara ini. Kita juga akan membantu bagi maksud kelulusan dan juga seterusnya pendanaan bagi pembinaan masjid yang dicadangkan tersebut.

Yang Berhormat Tanjung Surat bertanyakan mengenai fasiliti dan status pemasangan *Wi-fi* di seluruh Sekolah Agama Kerajaan Johor. Untuk makluman Dewan yang mulia, hasil laporan yang diperolehi dari Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor, bagi mana-mana sekolah yang memohon penggantian perabot yang telah usang akan dimuktamadkan pada bulan April ini. Saya juga ingin memaklumkan, pada tahun lepas Datuk Speaker, hanya sekitar RM500,000.00 sahaja peruntukan untuk perabot-perabot sekolah agama. Tetapi alhamdulillah pada tahun 2023 ini, peruntukan untuk memenuhi keperluan perabot sekolah telah ditingkatkan kepada RM2.5 juta. Mudah-mudahan ia dapat memenuhi keperluan sebanyak sekolah yang memohon.

Bagi status pemasangan *Wi-fi* di Sekolah-sekolah Kerajaan Johor, sebanyak 575 buah sekolah akan dilengkapi kelengkapan *Wi-fi* ini bermula bulan April tahun ini bagi memenuhi keperluan pembelajaran digital JPID Al-Bayen.

Yang Berhormat Maharani mencadangkan agar dikaji semula tindakan pemecatan ahli jawatankuasa masjid yang melanggar garis panduan yang ditetapkan. Kerajaan negeri Johor sangat terbuka dalam menerima semua cadangan penambahbaikan. Walau bagaimanapun, perlu diperhatikan bahawa semua jawatankuasa masjid dan surau tertakluk

kepada peraturan-peraturan juga Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor. Pemecatan ataupun pembatalan perjawatan yang dipegang oleh mana-mana pegawai-pegawai masjid sebenarnya tertakluk kepada Peraturan No.18 dan 19, Peraturan-Peraturan Jawatankuasa Masjid dan Surau Negeri Johor. Saya bacakan Datuk Speaker, bahawa penamatan jawatankuasa pengurusan masjid kariah boleh di buat pertama, sekiranya dia meninggal dunia, kedua, dia tidak berada di Malaysia dalam tempoh melebihi tiga bulan ataupun dia tidak lagi menjadi ahli kariah masjid di kawasan itu. Pembatalan juga boleh berlaku ke atas mana-mana pegawai masjid dan surau sekiranya, saya bacakan Datuk Speaker, dia disabitkan dengan kesalahan jenayah, ataupun berkelakuan sama ada berkaitan dengan kewajibannya sebagai jawatankuasa masjid yang boleh memburukkan nama majlis, jabatan dan masjid itu sendiri, ataupun diisytiharkan bankrap oleh Mahkamah di Malaysia. Dia juga mungkin boleh ditamatkan, juga dibatalkan jawatannya sekiranya tidak berupaya menjalankan tanggungjawabnya sebagai jawatankuasa masjid, mengingkari ataupun melanggar mana-mana arahan pihak berkuasa, tidak menghadiri tiga kali mesyuarat dan juga tidak melaksanakan tugas-tugasnya seperti mana di bawah Enakmen.

Datuk Speaker, Yang Berhormat Kempas mencadangkan agar dilakukan pemerksaan terhadap modul Kursus Pra Perkahwinan dari segi kesihatan mental kepada bakal pengantin. Suka saya mengulas bahawa ketika ini, di dalam modul bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam sudah terdapat beberapa tajuk khusus yang membantu memberikan panduan kepada pasangan suami isteri khususnya di dalam permasalahan konflik rumah tangga. Misalnya, tajuk modul Pengurusan Stres dan Konflik, telah diberikan tumpuan bagaimana cara untuk menguruskan tekanan mahupun stres dalam perkahwinan. Datuk Speaker, saya mohon seminit sahaja lagi.

Di akhir sesi penggulungan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang memberikan kerjasama sehingga berakhirnya sesi penggulungan pada hari ini. Saya mohon Yang Berhormat Datuk Speaker, supaya kedatangan bulan Ramadan yang baik ini, di sambut dengan penuh kegembiraan oleh kita semua umat Islam. Saya petik sabda Rasulullah SAW, dalam riwayat Al-Bukhari, dalam hadis yang ke-1,896, Nabi bersabda, Muhammad SAW bahawa 'di syurga nanti ada sebuah pintu yang bernama Ar-Rayyan yang kelak pada hari kiamat akan dimasuki oleh orang-orang yang berpuasa.' Maka jalanilah ibadah puasa dengan penuh kesabaran dan penuh ketabahan.

Tiga pantun Datuk Speaker. Jemput datang tuan puan, jemput mari makan bersama, selamat datang bulan Ramadan, bulan ibadah untuk semua. Kopi tenggek di Kota Tinggi, kopi Kluang tepi landasan, esok jangan sarapan pagi, kalau di tangkap jangan buat-buat pengsan. Kuih koci di beli orang, di jual gadis bertudung bawal, solat tarawih jemputlah datang, zakat fitrah bayarlah awal. Terima kasih, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Semerah. Insya-Allah, tak sarapan pagi esok kita. Di jemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dipersilakan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk memberi ucapan penggulungan bagi pihak kerajaan dalam Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Kali Yang Ke-15. Pertamanya, patik ingin menjunjung kasih dipersembah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Al-marhum Sultan Iskandar di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan bertitah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kedua bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-15.

Di kesempatan ini juga, patik ingin merafak sembah setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Al-marhum Sultan Iskandar sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Saya juga ingin menzahirkan rasa dukacita dan simpati terhadap mangsa-mangsa yang terkesan dan menerima impak yang mendalam dari bencana banjir yang telah melanda negeri Johor pada hujung Februari yang lalu. Syabas saya ucapkan kepada Pejabat Daerah, agensi-agensi kerajaan, di antaranya Angkatan Pertahanan Awam, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Polis Diraja Malaysia, Bomba dan Penyelamat, Kementerian Kesihatan Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, *Southern Volunteers* dan sebagainya, sangat komited serta bertungkus lumus dalam menangani situasi banjir yang cukup getir pada kali ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, patik Merafak Sembah Takzim Menjunjung Kasih Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofea binti Almarhum Sultan Idris Shah dan Yang Amat Mulia Che Puan Besar Khaleda binti Bustamam yang sentiasa mengambil berat akan hal ehwal berkaitan kanak-kanak, khususnya negeri Johor. Kerajaan negeri Johor melalui portfolio Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa berusaha dalam memastikan kanak-kanak yang juga merupakan golongan rentan sentiasa terbelas. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa mengambil berat titah Duli Yang Maha Mulia Permaisuri dan Yang Amat Mulia Che Puan Besar dan akan terus berperanan aktif serta bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Pejabat Perundangan Negeri, penglibatan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Komuniti dan masyarakat setempat yang dititik beratkan.

Terima kasih Yang Berhormat Penawar atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap isu kanak-kanak. Suka ingin saya kongsi di antara inisiatif kerajaan negeri Johor bagi menangani isu ini adalah, pertama, Pembangunan Modul Lindungi Permata Johor. Kerajaan negeri Johor merupakan antara negeri pertama dalam Malaysia yang membangunkan sendiri modul khas bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam mengendalikan kes kanak-kanak. Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia telah membangunkan Modul Lindungi Permata Johor dengan peruntukan dana sebanyak RM86,600.00. Modul Lindungi Permata Johor ini dibangunkan dengan komprehensif dan efektif bagi individu dan sukarelawan yang mengendalikan kes perlindungan kanak-kanak dengan tujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam mengendalikan kes kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemeliharaan. Dalam kalangan individu sukarelawan dan pertubuhan yang bekerja dengan kanak-kanak. Modul ini terdiri daripada 6 komponen iaitu Motivasi, Perkembangan Kanak-Kanak dan Remaja, Perundangan dan Advokasi Berkaitan Kanak-Kanak, Kanak-kanak dan Multi Budayanya, Kemahiran Mengakses Kanak-Kanak, Kemahiran Membantu Kanak-Kanak. Inisiatif kedua adalah Program Pasukan Sokongan Kanak-Kanak atau *Child Support Team* Negeri Johor. Kerajaan negeri Johor dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai perintis telah mewujudkan satu inisiatif untuk mengukuhkan lagi tahap perlindungan kanak-kanak. Menerusi program sokongan kanak-kanak yang dilatih untuk menggunakan Modul Lindungi Permata Johor. Objektif program ini adalah, pertama memberi latihan kepada individu atau sukarelawan yang bekerja dengan kanak-kanak agar dapat meningkatkan kemahiran pengetahuan dan komited dalam membantu dan menguruskan kanak-kanak yang memerlukan bantuan serta perlindungan.

Program ini juga berfokus untuk meningkatkan tanggungjawab komuniti dalam memastikan persekitaran yang selamat dan kondusif pada kanak-kanak. Seramai 300 orang pasukan sokongan kanak-kanak atau *Child Support Team* negeri Johor akan mula dilatih pada tahun 2023 ini yang terdiri daripada pertama, pembantu pelindung di bawah Seksyen 8A Akta Kanak-Kanak. Pembantu, pasukan kebajikan kanak-kanak di bawah Seksyen 7A Akta

Kanak-Kanak. Pasukan perlindungan kanak-kanak di bawah Seksyen 7, Akta Kanak-Kanak. Sukarelawan JKM, pengasuh taska di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984. Pengendali Pusat Jagaan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993. Penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung seluruh negeri Johor, Pemimpin-pemimpin tempatan dan Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan Negeri Johor. Pasukan sokongan ini akan di latih melalui lapan siri bengkel sepanjang tahun 2023.

Inisiatif ketiga adalah Naziran dan Penarafan Bintang Pusat Jagaan Kanak-Kanak dengan izin, *Star Rating* Negeri Johor. Kerajaan negeri Johor juga melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri Johor dengan kolaborasi strategik bersama Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Jabatan Kesihatan Negeri Johor bagi pengurusan proses pendaftaran dan pemantauan dilaksanakan terhadap pusat jagaan kanak-kanak yang berdaftar. Tujuan penaziran dan penarafan ini adalah untuk memastikan semua pusat jagaan kanak-kanak yang berdaftar patuh pada *standard* minima yang ditetapkan oleh Akta Pusat Jagaan 1993 dan peraturan-peraturan pusat jagaan kanak-kanak. Program penarafan bintang ini akan dilaksanakan terhadap pusat jagaan kanak-kanak yang berdaftar dalam negeri Johor dan akan dilaksanakan setiap tahun bermula tahun 2023.

Inisiatif keempat adalah *Taskforce* Pendaftaran Taska dan Pusat Jagaan Kanak-kanak Negeri Johor. Semua taman asuhan kanak-kanak hendaklah didaftarkan di bawah akta taman asuhan kanak-kanak dan semua pusat jagaan kanak-kanak didaftarkan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993. Satu pasukan petugas khas memberi notis kepada semua pengusaha taska dalam bentuk amaran untuk mendaftarkan taska tersebut dalam tempoh tiga bulan kegagalan berbuat demikian membolehkan kerajaan menguatkuasakan tindakan terhadap pengusaha yang tidak mematuhi akta dan peraturan dengan menyelak atau *seal* dengan izin, kompaun dan pendakwaan seperti yang termaktub dalam Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984.

Inisiatif kelima iaitu Subsidi Yuran Pengasuhan Taska Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat cakna dengan isu ibu tunggal dan wanita bekerja yang mempunyai anak yang masih kecil. Justeru Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyediakan Bantuan Subsidi Yuran Pengasuhan Kanak-kanak Taska bermula tahun 2014. Tujuan utama subsidi ini adalah untuk meringankan beban ibu bapa yang berpendapatan rendah untuk menampung kos yuran pengasuhan anak, memberi peluang kepada kanak-kanak mendapat asuhan dan didikan di taska dan seterusnya menyumbang ke arah perkembangan menyeluruh kanak-kanak yang berkualiti sihat dan seimbang. Kadar minimum, kadar maksimum subsidi yuran itu adalah sebanyak RM180.00 sebulan bagi seorang kanak-kanak namun jika yuran kanak-kanak itu lebih tinggi dari kadar subsidi, lebihan yuran adalah di bawah tanggungan ibu bapa kanak-kanak berkenaan.

Inisiatif keenam, Insentif Yuran Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Permata. Kerajaan negeri Johor juga telah melaksanakan inisiatif ini dengan memberikan insentif yuran khusus asuhan dan didikan awal kanak-kanak permata kepada 200 orang pengasuh di taska berdaftar dalam negeri Johor. Kerajaan negeri Johor juga telah memperuntukkan sebanyak RM180,000.00 dalam usaha memperkasa perlindungan sosial dan pembudayaan modal insan seperti yang di umumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dalam pembentangan Bajet 2023. Inisiatif ini dapat meningkatkan jumlah pengasuh taska yang bertauliah dan memenuhi kehendak Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 dan Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2021.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Raja, Yang Berhormat Gambir, Yang Berhormat Sedili, Yang Berhormat Tiram atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap kelewatan membekal makanan di Pusat Pemindahan Sementara dan kualiti makanan yang kurang memuaskan serta tidak sepadan dengan nilai kontrak yang ditawarkan. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan

Kebajikan Masyarakat menyambut baik cadangan-cadangan penyediaan makanan secara gotong royong di PPS bagi mengatasi isu kelewatan membekal makanan. Dalam hal ini Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mendapat kebenaran daripada Jabatan Kesihatan Negeri Johor untuk menyediakan makanan secara gotong royong di PPS dengan meletakkan syarat-syarat tertentu. Dengan kaedah penyediaan makanan secara gotong royong di harapkan isu kelewatan dan kualiti makanan dapat diatasi pada masa-masa akan datang. Beberapa langkah segera telah diambil untuk memastikan permasalahan-permasalahan yang ada tidak berulang seperti membenarkan operasi memasak di mana Pusat Pemindahan Sementara yang bersesuaian mengikut kelulusan Pengerusi Jawatankuasa Bencana. Mengemaskini dan mengambil, menambah baik jadual penghantaran makanan yang standard ke PPS sekiranya di bekalkan oleh pembekal. Pemantauan secara khusus di buat bagi memastikan kualiti terjamin oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga Jabatan Kebajikan Masyarakat menyambut baik cadangan semakan semula kadar siling makanan mangsa bencana di PPS bagi mengatasi isu makanan yang tidak berkualiti. Untuk makluman kadar siling makan, minum mangsa dan petugas PPS pada tahun 2017 adalah sebanyak RM15.00 sehari. Namun kadar siling ini telah dinaikkan kepada RM25.00 sehari mulai Januari 2021 hingga kini. Memandangkan juga harga barang yang semakin meningkat kos penyediaan makanan juga meningkat. Oleh yang demikian adalah wajar sekiranya kadar siling makan, minum mangsa di PPS disemak semula. Cadangan ini diharap dapat mengatasi isu makanan di PPS pada masa akan datang.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Endau atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap sukarelawan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sukarelawan *Home Help* Jabatan Kebajikan Masyarakat yang sangat menggalakkan ahli masyarakat untuk menjadi ahli sukarelawan JKM yang bertujuan untuk menggalakkan penglibatan masyarakat dalam kerja kemasyarakatan dan memupuk semangat tolong menolong dan budaya ikram sejajar dengan dasar kebajikan masyarakat. Dalam keadaan banjir yang berlaku baru-baru ini sukarelawan JKM yang bertugas di Pusat Pemindahan Sementara PPS telah bertugas secara sukarela tanpa menerima sebarang elaun dari JKM kerana pihak jabatan tidak menerima sebarang peruntukan untuk membayar elaun kepada mereka namun perkara ini telah dijelaskan kepada semua sukarelawan JKM sebelum mereka mendaftar sebagai sukarelawan JKM.

Terima kasih Yang Berhormat Bentayan, program PDK di tumpukan kepada OKU yang memerlukan pemulihan dan latihan asas dari segi pergerakan pertuturan pendidikan khas dan kemahiran dalam aktiviti kehidupan harian. Program ini dibuka kepada OKU dari semua kategori ketidak upaya dan semua peringkat umur. Sehingga Februari 2023 terdapat seramai 2,371 pelatih OKU sedang menjalani aktiviti pemulihan di 73 buah PDK seluruh negeri Johor. Kehadiran OKU ke PDK adalah dasar sukarela tanpa paksaan. Pengurangan kehadiran pelatih mungkin disebabkan oleh kekangan yang berbeza-beza. Walau bagaimanapun jabatan juga giat menjalankan promosi bagi menggalakkan penjaga OKU untuk menghantar OKU ke PDK untuk mendapatkan pelbagai manfaat dalam program ini. OKU yang hadir ke PDK akan mendapat elaun khas OKU sebanyak RM150.00 sebagai insentif di samping dapat mempelajari kemahiran untuk mengurus diri, mengurangkan kebergantungan dan menjana pendapatan tambahan untuk keluarga. Selain itu bagi melancarkan operasi di PDK ini kerajaan menyediakan bantuan kewangan termasuk elaun kepada penyelia, petugas, bayaran utiliti dan sewaan bangunan PDK ini. Hal ini berbeza dengan bantuan kewangan yang disediakan diberikan kepada Skim OKU Tidak Berupaya Bekerja di mana bantuan kewangan sebanyak RM300.00 diberikan kepada OKU yang berumur 16 tahun ke atas yang telah disahkan oleh pegawai perubatan yang tidak berupaya untuk bekerja.

Terima kasih Yang Berhormat Senggarang, Yang Berhormat Pekan Nanas yang menyatakan tentang elaun penyelia, petugas yang berada di PPS. Kerajaan negeri Johor telah menyalurkan pelbagai bentuk peruntukan bantuan kewangan pada penyelia, petugas dan pelatih PPDK negeri Johor. Pada Bajet 2021 kerajaan persekutuan telah mengumumkan kenaikan sugu hati kepada penyelia, petugas PDK. Sehubungan itu mulai Mac kadar sugu hati yang diterima oleh penyelia telah dinaikkan dari RM1,200.00 kepada RM1,500.00. Sementara elaun yang diterima oleh petugas adalah sebanyak RM1,200.00 berbanding dengan RM800.00 sebelum ini. Dimaklumkan juga negeri Johor mulai 2015, setiap penyelia dan petugas menerima elaun tambahan dari kerajaan negeri Johor sebanyak RM200.00 sebulan bagi setiap penyelia dan petugas. Oleh itu, jumlah elaun yang diterima oleh penyelia adalah sebanyak RM1,700.00 sebulan dan petugas adalah sebanyak RM1,400.00 sebulan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, PDK-PDK di negeri Johor ini adalah di antara PDK-PDK yang bertuah dan istimewa kerana setiap petugas dan penyelia menerima bantuan khas kewangan iaitu bonus tahunan mengikut pengumuman oleh kerajaan negeri Johor setiap tahun berbanding dengan negeri-negeri lain. Terima kasih Yang Berhormat Parit Yaani yang mengutarakan infrastruktur KPDK Parit Yaani. Kerajaan negeri Johor telah menyalurkan pelbagai bentuk bantuan, peruntukan bantuan kepada pengoperasian dan premis PKPDK negeri Johor setiap tahun. Berikutan bencana banjir yang berlaku ketika ini, beberapa buah PDK-PDK di negeri Johor telah terjejas banjir mengalami masalah yang sama dan kerosakan harta benda terutamanya bangunan, peralatan, dokumentasi dan bahan mengajar. Pihak PDK boleh mengemukakan permohonan pembaikan bangunan jika mengalami kerosakan teruk yang perlu dibaiki kepada kerajaan negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri Johor. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PDK ini terletak di bawah Akta Pertubuhan dan pengurusan setiap PDK berdasarkan, berkonsepkan dengan izin *community base* termasuk di tempat-tempat Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, alangkah baiknya jika Ahli-Ahli Yang Berhormat juga turut serta membantu PDK-PDK tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, inilah sahaja yang dapat saya sampaikan untuk sesi penggulungan kali ini. Terima kasih saya ucapkan sekali lagi kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, idea dan cadangan melibatkan jabatan di bawah portfolio Pembangunan, Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat persoalan berbangkit yang saya tidak sempat nak menjawab, pejabat saya akan memeberikan jawapan bertulis kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua jabatan, ketua jabatan, kakitangan jabatan dan kakitangan pejabat di bawah portfolio Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang sentiasa bertungkus lumus dan bersiap sedia dalam segala tugas yang dipertanggungjawabkan. Saya juga ingin mengucapkan selamat menyambut Ramadan 1444 Hijrah. Semoga ibadah puasa kita mendapat redha Allah SWT. Kebajikan adalah tanggung jawab kita bersama. Sebelum saya mengakhiri penggulungan pada pagi ini, izinkan saya mendengarkan serangkap pantun dalam Dewan yang mulia ini. Bangsa Johor berbudi pekerti, berbilang kaum kekal makmur, marilah kita menabur budi, demi kemajuan negeri Johor. Sekian, Assalamualaikum warah matullahi wabarakatuh. (Dewan bertepuk).

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat Serom. Selanjutnya dijemput Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Bismillahirrahmairahim. Assalamualaikum warah matullahi wabarakatuh. Salam Bangsa Johor dan salam Maju Johor. Di ruang dan kesempatan ini, patik Merafak Sembah dengan ucapan setinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim

Sempena Hari Keputeraan Baginda, 23 Mac 2023 bersamaan 1 Ramadan 1444 Hijrah, semoga Allah lanjutkan usia Tuanku. Daulat Tuanku.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya memulakan ucapan ini dengan merafak sembah dan menjunjung kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, mencemar duli berangkat dan seterusnya bertitah menyempurnakan Majlis Pembukaan Sidang DUN kali ini. Dengan mengambil muhasabah diri ke atas titah Tuanku demi perjuangan untuk rakyat jelata di seluruh pelusuk Johor.

Intipati titah Tuanku jelas menggambarkan betapa pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor memenuhi aspirasi rakyat dan membawa Johor ke persada dunia sekali gus memancarkan iltizam pimpinan kita untuk mengangkat kehidupan rakyat sejagat khususnya Bangsa Johor, menjadi sebahagian komuniti dunia yang terhebat. Menginsafi titah Tuanku, patik menjunjung titah Tuanku melaksanakan amanah dan tanggungjawab demi negeri Johor yagn dicintai. Menjunjung kasih ke atas titah Tuanku berkaitan perumahan dan kerajaan tempatan, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian dalam sesi Perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang melibatkan bidang kuasa perumahan dan kerajaan tempatan. Bagi pihak perumahan dan kerajaan tempatan saya sememangnya amat mengalu-alukan pandangan, cadangan, teguran juga kerjasama daripada rakan-rakan Yang Berhormat sama ada daripada pihak kerajaan mahu pun pihak pengimbang. Saya sentiasa memastikan ke semua perkara yang telah dibangkitkan, diteliti oleh ketua-ketua jabatan di bawah portfolio saya untuk diambil tindakan sewajarnya. Tanah jauhar masyhur berzaman, telah terpatri sekian lama, agenda rakyat jadi keutamaan, maju makmur kita bersama.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya akan menjawab isu yang dibangkitkan dalam sesi pergulungan berdasarkan portfolio saya iaitu yang pertama, kerajaan tempatan dan yang kedua, perumahan. Untuk makluman Ahli Sidang Dewan yang dihormati, Kebenaran Merancang atau KM adalah merupakan kelulusan secara bertulis yang diberikan di bawah peruntukan Seksyen 19 (1) Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976, Akta 172 di mana setiap pemajuan yang hendak dimulakan, perlulah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang terlebih dahulu daripada pihak perancangan tempatan. Kebenaran Merancang digunakan sebagai alat kawalan bagi memastikan setiap pemajuan yang dilaksanakan mematuhi keperluan dan kehendak agensi-agensi teknikal seterusnya mewujudkan persekitaran yang terancang, kondusif dan mampan.

Bagi melaksanakan hasrat ini, PLAN Malaysia Johor bersama penglibatan agensi teknikal dan PBT telah pun menyediakan Garis Panduan Perancangan Pembangunan Di Kawasan Bukit Dan Tanah Tinggi Negeri Johor. Garis panduan ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri bil. 02/2022 bertarikh 25 Ogos 2022. Garis panduan yang disediakan ini merupakan salah satu dokumen atau intrumen penting kepada Majlis semasa mempertimbangkan Permohonan Kebenaran Merancang yang melibatkan pemajuan di kawasan berbukit, tanah tinggi, lereng dan puncak bukit serta kawasan sekitarnya. Sebagaimana titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, untuk mengekalkan potografi muka bumi bagi setiap pembangunan di kawasan berbukit dan tanah tinggi. Sekiranya terdapat cadangan pemajuan oleh pihak pemaju di kawasan cerun dan tanah tinggi, perlulah mematuhi Garis Panduan Perancangan Pembangunan Di Kawasan Bukit Dan Tanah Tinggi 2009 yang diterbitkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Garis Panduan Reka Bentuk Cerun 2010 yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia.

Sekiranya cadangan pembangunan oleh pemaju tidak bersesuaian untuk pembangunan, PBT berhak untuk mengenakan syarat-syarat tertentu atau menolak permohonan tersebut. Ciri-ciri potografi hendaklah dipelihara tanpa menjejaskan kestabilan dan keseimbangan

semula jadi tanah, pemaju hendaklah mengekalkan potografi asal tanah seberapa yang boleh. Sebarang pemotongan bukit hendaklah dilaksanakan pada kadar yang minimum dan hanya boleh dibenarkan bagi tujuan penyediaan infrastruktur seperti jalan dan pembinaan infrastruktur yang terbabit sahaja. Ini bererti bahawa, tindakan pemotongan bukit bagi tujuan meratakan permukaan keseluruhan tapak pembangunan adalah tidak dibenarkan.

Kelulusan Kebenaran Merancang atau KM pembangunan dengan menyediakan laluan pejalan kaki dan lorong berbasikal. Di samping itu, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan juga bertitah agar setiap permohonan Kebenaran Merancang atau KM bagi setiap pembangunan pada masa akan datang untuk menyediakan laluan pejalan kaki dan lorong berbasikal. PLAN Malaysia telah menerbitkan lima Panduan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau, panduan pelaksanaan yang terdiri daripada:-

1. Penyediaan laluan pejalan kaki.
2. Penyediaan laluan basikal.
3. Sistem pengumpulan dan penggunaan semula air hujan.
4. Program pengkomposan sisa
5. Pembangunan kebun kejiranan.

Tujuan utama garis panduan ini adalah untuk memelihara alam sekitar, mengurangkan tapak ekologi dan pelepasan karbon, meningkatkan kesihatan awam keselamatan serta kebajikan komoditi sedia ada. Beberapa PBT telah mengguna pakai Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau Sejak pengwujudan panduan ini. Salah satu langkah yang telah digariskan adalah mereka bentuk persekitaran fizikal dengan penghasilan laluan pejalan kaki dan jalan bermotor. Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri telah membangunkan garis panduan tersebut melalui PLAN Malaysia dan seterusnya akan diselarasakan di semua PBT.

Hotspot banjir. Yang Berhormat Datuk Speaker dan Ahli Dewan yang dihormati, saya berdukacita di atas ujian bencana banjir yang melibatkan hampir 50,000 mangsa di seluruh pelusuk negeri, yang menjadi sejarah antara salah satu bencana terburuk yang melanda negeri Johor. Speaker, minta minum air.

Antara faktor yang menyumbang kepada bencana alam ini adalah perubahan iklim global dan juga peningkatan projek pembangunan yang sedang pesat. PBT negeri Johor akan terus komited dalam setiap pembangunan di dalam kawasan PBT terkawal dan tidak memburukkan lagi krisis ini. Satu mesyuarat penyelarasan *hotspot* banjir telah dijalankan sebanyak 3 kali pertemuan yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Hafiz bin Haji Ahmad yang disertai oleh Datuk Bandar Johor Bahru dan Datuk Bandar Pasir Gudang dan Yang DiPertua-Yang DiPertua PBT, Ahli Majlis bagi mengenal pasti isu dan punca masalah. Cadangan penambahbaikan dan agihan peruntukan bagi pengurusan *hotspot* banjir kilat di negeri Johor.

Pelan tindakan kawalan banjir bagi jangka pendek dan jangka panjang telah diwujudkan dan diselarasakan di PBT yang berkenaan. Dalam Ucapan Belanjawan 2023 oleh Yang Berhormat Menteri Besar Johor menyatakan inisiatif penyelenggaraan sungai dan saliran sebanyak RM71 juta telah diperuntukkan yang mana RM62 juta telah diperuntukkan oleh PBT di negeri Johor bagi tujuan pengurusan berkaitan banjir dan penyelenggaraan saliran.

Isu penjaja tepi jalan. Pelbagai usaha PBT dengan kerjasama kerajaan negeri Johor telah dilakukan untuk membantu penjaja-penjaja antaranya ialah memudahkan permohonan lesen dengan mengurangkan jumlah dokumen, menyeragamkan format di semua PBT Johor, tempoh kelulusan yang singkat dan pengurangan syarat permohonan daripada 13 kepada 3 syarat sahaja, membenarkan penjaja berniaga di hadapan rumah dan mengelakkan risiko

keselamatan, mewujudkan pusat penempatan penjaja berkelompok, memperbanyakkan lokasi perniagaan, tapak, petak, *kiosk* dan *food truck*.

Yang Berhormat Datuk Speaker sehingga bulan Mac 2023 sebanyak 103 pusat penempatan penjaja berkelompok telah diwujudkan. Untuk mengelakkan risiko keselamatan dan kacau ganggu di semua PBT dalam negeri Johor. Pusat penempatan penjaja ini telah menyediakan 2,501 jumlah tapak dan hanya 1,671 penjaja yang mendaftar di PBT negeri Johor mengikut kawasan PBT masing-masing. PBT disarankan untuk menawarkan baki petak penjaja kepada golongan B40 yang meniaga di tepi jalan, selain itu keprihatinan dan ihsan PBT terhadap golongan ini perlu diberi pertimbangan untuk dibenarkan beroperasi demi kelangsungan hidup. Daun nipah kajangnya rapat, hidang tetamu di pekan Pontian, kita semua berjiwa rakyat, santunilah dengan sifat ihsan. (Batuk)

Yang Berhormat Datuk Speaker, perumahan. Umum mengetahui bahawa sebilangan besar pembangunan komponen Rumah Mampu Milik yang dimajukan oleh pemaju swasta selain itu pembangunan ini turut disediakan oleh GLC negeri Johor. Bila sebut Rumah Mampu Milik (RMMJ) harganya adalah di bawah RM150,000.00, RM100,000.00 dan RM50,000.00. Mengikut dasar yang berkuatkuasa setiap pembangunan perlu menyediakan 40% rumah mampu milik mana kala baki 60% lagi mengandungi pelbagai jenis komponen pembangunan bercampur. Konsep ini telah lama dipraktikkan di dalam mana-mana kelulusan pembangunan.

Untuk makluman Datuk Speaker, kerajaan negeri telah menasarkkan sebanyak 21,139 unit rumah mampu milik yang perlu disiapkan sehingga tahun 2026. Dengan daripada angka tersebut KPI kerajaan negeri menetapkan 2,459 unit perlu disiapkan pada tahun lepas iaitu tahun 2022. Sukacita diimklumkan bahawa tahun 2022 menyaksikan sebanyak 5,161 unit rumah mampu milik telah berjaya disiapkan oleh pihak pemaju swasta, GLC negeri Johor dan kerajaan persekutuan. Daripada jumlah ini sebanyak 2,044 unit berharga di bawah RM50,000.00, 238 berharga di bawah RM100,000.00, 2,254 berharga di bawah RM150,000.00 dan 625 unit berharga di bawah RM300,000.00 yang telah berjaya disiapkan. Angka ini telah menunjukkan bahawa pencapaian kerajaan KPI negeri pada tahun 2022 adalah melebihi sasaran, dengan peratusan sebanyak 209%. Kerajaan negeri amat memahami keperluan semua ADUN untuk memastikan rumah mampu milik dapat disediakan di kawasan masing-masing. Namun pembangunan rumah mampu milik ini bukanlah suatu yang mudah, ia memerlukan peruntukan yang besar bagi pembinaan tersebut. Alhamdulillah penubuhan PDRC telah berjaya mengikat komitmen dan menetapkan garis masa pembangunan daripada pihak pemaju untuk menyelesaikan pembinaan rumah mampu milik sebanyak 12,518 unit sehingga tahun 2026 melibatkan 68 projek, 25 pemaju, 9 daerah iaitu daerah Johor Bahru, Kulai, Segamat, Muar, Batu Pahat, Mersing, Kota Tinggi, Pontian dan Kluang di dalam 10 kawasan PBT.

Yang Berhormat Datuk Speaker, PPR baharu negeri Johor. Seperti saya nyatakan di awal tadi, sebilangan besar pembangunan komponen rumah mampu milik ini dimajukan oleh pemaju swasta, di mana idea asalnya keuntungan daripada pembangunan komponen rumah mahal akan digunakan oleh pemaju bagi tujuan untuk menampung kos pembinaan rumah mampu milik. Konsep inilah disebut sebagai subsidi bersilang atau dengan izin, *cross subsidy*. Selain itu kerajaan negeri juga turut memohon kepada kerajaan persekutuan bagi pembinaan rumah Perumahan Rakyat PPR di bawah RMK-11, *Rolling Plan-3*, RMK-12 *Rolling Plan-3* dan *Rolling Plan 4*. Berita baik kepada rakyat Johor, alhamdulillah dengan izin Allah, Johor akan menerima 3 projek PPR yang baharu iaitu di Kluang, Larkin dan Kulai. Tiga projek PPR ini akan dilaksanakan proses kajian nilai, kajian kejuruteraan dan semakan nilai oleh pihak KPKT bagi memperincikan skop, kos pembangunan bagi tujuan penyediaan dokumen tender pada tahun ini.

YB Timbalan Speaker : Masa Yang Berhormat.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Bukan itu sahaja kerajaan negeri melalui PKPJ juga telah mengenal pasti untuk dimajukan bagi pihak KPKT bagi pembinaan PPR di kawasan Parlimen Ledang. Kami dan rakyat Johor mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Malaysia, Menteri dan Timbalan Menteri KPKT.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berita baik kepada golongan e-Kasih Johor. Kerajaan negeri amat menitikberatkan keperluan menyediakan kediaman rumah bersesuaian dengan keperluan sasar terendah iaitu B40 kebanyakan adalah rakyat Johor yang dikategorikan miskin bandar yang berdaftar dengan e-Kasih. Insyallah, pembinaan 50 rumah ini adalah untuk golongan miskin bandar, miskin tegar yang mempunyai pemilikan tanah sama ada secara tunggal, secara bersama dan dibina di atas tanah mereka.

Yang Berhormat Datuk Speaker, banyak item tetapi saya habiskanlah, sikit saja lagi. Projek sakit dan terbengkalai. Yang Berhormat Datuk Speaker, kerajaan sentiasa memberi perhatian berkaitan isu-isu melibatkan projek-projek yang mengalami masalah. Berdasarkan rekod yang diperolehi daripada KPKT sehingga 31 Januari 2023, sebanyak 33 projek sakit dan 8 projek terbengkalai di senarai di seluruh negeri Johor. Pihak Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah Jabatan Perumahan Negeri Johor dan ini bukanlah di bawah kuasa bidang kerajaan negeri. Namun, Yang Berhormat Menteri Besar selalu ingatkan saya bahawa pembeli-pembeli yang terlibat dengan isu berkaitan projek sakit dan terbengkalai ini adalah rakyat Johor dan Bangsa Johor. Oleh yang demikian, intimasi kerajaan negeri adalah amat penting dalam menyelesaikan isu yang membelenggu rakyat negeri Johor. Kerajaan negeri sangat mengalu-alukan pemaju-pemaju yang menghadapi masalah untuk mendapatkan bantuan bagi menyelesaikan isu tersebut.

Yang akhir Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menginsafi bahawa memegang amanah sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri adalah suatu amanah yang cukup besar. Menghampiri tempoh setahun mengangkat sumpah sebagai EXCO, saya amat bersyukur dikurniakan pemimpin seperti Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor Datuk Onn Hafiz bin Ghazi dan cukup bijaksana menyelesaikan segala pemasalahan terbuka dengan pandangan, sentiasa tenang menghadapi segala cabaran dan tohmahan, terima kasih Yang Berhormat kerana dalam apa jua keadaan negeri Johor sentiasa menjadi keutamaan. Di ruang dan kesempatan ini juga saya merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor atas nasihat, pandangan dan teguran. Jutaan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dato' Haji Salehuddin bin Haji Hassan, Pegawai Kewangan Negeri Johor atas segala bantuan dan terima kasih kerana memudahkan segala urusan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Amir Nasruddin, Penasihat Undang-Undang Negeri Johor yang sentiasa mengemukakan idea dan nasihat tidak lupa juga kepada sahabat-sahabat EXCO Negeri Johor, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang di sana dan di sini yang sentiasa cakna isu berkaitan Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Saya juga bersyukur dikurniakan pasukan cemerlang iaitu PKPJ yang diketuai oleh Datin Paduka Dr. Suhailizan binti Suliman, pasukan SUKT dulu yang diketuai Encik Mohd. Farid dan terkini oleh Encik Fizwan bin Dato' Haji Mohd Rashidi, keduanya sama bagus.

Pasukan Plan Malaysia Johor yang diketuai oleh Tuan *Town Planner* TPr Saidin bin Latih dan pasukannya, Datuk-Datuk Bandar, Yang Berhormat Dato' Mohd Noorazam bin Haji Osman, Datuk Bandar MBBJ, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pasir Gudang dan tuan, puan YDP PBT-PBT, SU, Ketua Whip, Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan, seluruh kakitangan di bawah pentadbiran saya yang sangat komited dalam memastikan segala urusan demi rakyat terlaksana dengan sempurna. Terima kasih juga kepada semua agensi kerajaan, agensi

persekutuan dan semua yang sentiasa membantu dalam menyelesaikan segala masalah. Semoga komitmen dan kerjasama ini akan terus jitu dan padu. Saya amat yakin dan percaya dalam langkah perjalanan kita untuk bergerak maju ke arah maju Johor, kita semua selaku Wakil Rakyat perlu terus beristikamah serta mengambil iktibar dan ikhtiar berpayung paksi dari titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, setiap Wakil Rakyat wajar untuk bermuhasabah diri kerana perjuangan kita tiada titik nokhtahnya dan tiada batas sempadan kaum apa lagi agama.

Akhir kata saya mohon ampun dan maaf atas segala salah dan silap sesungguhnya saya dan pasukan saya manusia biasa tidak lari daripada membuat kesilapan. Semoga Allah kurniakan pahala yang banyak atas segala usaha kita dan mengampunkan dosa-dosa kita atas keterlanjuran khilaf kepada Maha Pencipta sesama hamba. Selamat menyambut bulan Ramadan Al-Mubarak. Sekian wabillahaufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Waalaikumussalam, terima kasih Yang Berhormat Bukit Permai, dijemput Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Maju Johor. Pertamanya patik ingin merafak sembah ucapan setinggi-tinggi kasih di atas keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim ke Dewan yang mulia ini bagi merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Kali Yang Ke-15.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Kukup, Sri Medan, Layang-Layang, Parit Raja, Penggaram, Panti, Tenang, Endau, Sungai Balang, Bukit Batu, Parit Yaani, Pulai Sebatang, Pemanis, Pekan Nanas, Sedili, Kempas, Maharani, Tiram dan Ahli Dewan yang lain yang menyentuh dan membangkitkan isu-isu berkaitan sektor pertanian dan pembangunan luar bandar dalam negeri Johor termasuk cadangan-cadangan yang dilontarkan. Rata-rata Ahli Dewan juga telah membangkitkan mengenai isu banjir yang melanda negeri ini. Di kesempatan ini saya ingin menzahirkan rasa simpati dan berdukacita terhadap apa yang berlaku terutama kepada mangsa-mangsa banjir. Semoga terus tabah dan akan ujian yang menimpa dan dipermudahkan segala urusan ketika pasca banjir nanti, insya-Allah.

Saya ingin mengucapkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Datuk Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Johor dan Tan Sri Dato' Dr. Azmi Rohani, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor atas komitmen yang tinggi sentiasa memantau tindakan dan penyelarasan kami di barisan EXCO mengenai perkara-perkara berkaitan pengurusan bencana banjir ketika ini. Terima kasih juga kepada agensi-agensi kerajaan, kepimpinan setempat, ketua kampung, NGO, sukarelawan dan orang ramai termasuk Ahli-Ahli Yang Berhormat yang menghulurkan bantuan kepada mereka yang terkesan banjir.

Yang Berhormat Datuk Speaker, banjir yang melanda negeri Johor turut memberi impak kepada aktiviti sektor pertanian dan industri agro makanan. Berdasarkan dapatan awal daripada jabatan dan agensi di bawah sektor pertanian, sehingga setakat ini seramai 4,862 orang telah terkesan dan melibatkan anggaran kerugian bernilai RM35,524,600.00. Ianya termasuklah usahawan-usahawan tani daripada pelbagai sub sektor tanaman, penternakan, perikanan dan industri asas tani bimbingan jabatan-jabatan di bawah portfolio sektor pertanian. Agensi-agensi di bawah portfolio Kemajuan Luar Bandar juga turut terkesan dan melaporkan kesan akibat bencana ini. Antaranya melibatkan impak kepada premis-premis

dan kerosakan infrastruktur dan sebagainya oleh agensi-agensi seperti FELCRA, FELDA, KEMAS, JAKOA, MARA dan RISDA. Keseluruhannya di bawah Kemajuan Luar Bandar anggaran nilai kerugian dan kerosakan berjumlah RM39,754,822.28. Makluman ini telah turut dimajukan kepada agensi masing-masing di peringkat persekutuan untuk perhatian dan tindakan.

Yang Berhormat Sri Medan, Layang-Layang, Parit Raja, Penggaram, Panti, Tenang, Parit Yaani, Kemelah dan Bukit Batu telah membangkitkan bantuan-bantuan pasca banjir bagi pengusaha-pengusaha sektor agro makanan yang terjejas. Sebagaimana yang telah saya ketengahkan semasa menjawab soalan lisan Yang Berhormat Parit Raja kelmarin, kerajaan bersama jabatan dan agensi akan sedaya upaya membantu pengusaha-pengusaha sektor pertanian, penternakan dan industri asas tani yang terjejas bencana banjir menerusi pelbagai insentif dan peruntukan sedia ada. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak jabatan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Veterinar, Jabatan Perikanan dan sebagainya telah bertindak awal bagi membantu pengusaha-pengusaha yang terjejas banjir. Jabatan Perkhidmatan Veterinar misalnya telah membantu memindahkan ternakan ke penempatan sementara yang lebih selamat, agihan makanan ternakan, vitamin anti stress, garam, khidmat nasihat dan pemantauan di sekitar kawasan banjir. Ketika ini jabatan-jabatan di daerah sedang giat melaksanakan banciaan dan siasatan awal kelapangan terhadap petani, penternak dan pengusaha industri asas tani yang terlibat mengikut prosedur operasi standard atau SOP yang telah digariskan oleh Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan bagi tujuan permohonan bantuan bencana.

Untuk makluman Yang Berhormat Tenang, bagi tujuan pelaporan dan pembuktian permohonan bantuan di bawah Tabung Bencana, gambar kejadian selepas bencana adalah salah satu dokumen penting bagi Ahli Jawatankuasa Mesyuarat Teknikal Dan Induk Tabung Bencana mempertimbang dan meluluskan permohonan selain untuk kegunaan pihak audit. Kesimpulannya bagi prosedur permohonan bantuan bencana Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan, petani hanya perlu melengkapkan borang permohonan yakni Borang C yang telah diperakukan oleh Penghulu dan Ketua Kampung dan Pegawai Pertanian Daerah, menyediakan gambar kesan bencana berserta Laporan Polis.

Untuk makluman Ahli Dewan dan Yang Berhormat Bukit Batu pula, bantuan bencana tanaman yang diberikan adalah berbentuk perolehan bahan input ternakan termasuk baja dan kapur, anak pokok dan benih tanaman, alatan atau mesin pertanian, peralatan fertigasi, dan input-input pertanian yang bersesuaian dengan petani.

Yang Berhormat Tenang juga membangkitkan perkara mengenai tempoh masa permohonan program tanaman cili dan halia yang agak singkat. Untuk makluman Yang Berhormat pada tahun 2023, Jabatan Pertanian Negeri Johor telah diperuntukkan sebanyak RM3.7 juta peruntukan negeri dan persekutuan yang melibatkan 6 projek sebagai insentif yang boleh dipohon oleh pengusaha bagi tanaman cili dan halia di seluruh negeri Johor. Berikutan daripada SSR atau kadar sara diri, kedua-dua tanaman ini yang masih rendah iaitu 29.3% bagi tanaman cili manakala 14.6% bagi tanaman halia. Kedua-dua komoditi ini telah menjadi tanaman tumpuan utama negara masa kini. Sehubungan dengan itu, bagi meningkatkan kadar SSR tanaman ini, sekali gus dapat memperkukuhkan sekuriti makanan negara, Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan telah meluluskan peruntukan tambahan melalui projek baharu iaitu Projek Peningkatan Tarap Sara Hidup (SSR), sayuran terpilih untuk komoditi cili dan halia pada Februari 2023.

Menerusi projek ini Jabatan Pertanian Negeri Johor telah diperuntukkan sebanyak RM575,000.00 sebagai tambahan kepada projek sedia ada. Memandangkan projek ini projek baharu, Jabatan Pertanian Negeri Johor telah mengambil inisiatif dengan menyediakan poster projek dan dimuat naik dalam media sosial Jabatan Pertanian Negeri Johor serta ditampal di pejabat-pejabat pertanian daerah. Ini adalah untuk memastikan

hebahan dan promosi dapat dibuat secara holistik kepada golongan sasar. Memang diakui ia menetapkan tarikh iklan yang singkat. Ini kerana ia projek baharu yang perlu dipastikan proses perolehan dapat dibuat bersekali dengan peruntukan pembangunan sedia ada.

Walaupun tarikh tutup penyertaan projek ini dalam tempoh yang singkat, Jabatan Pertanian Negeri Johor telah menerima 103 permohonan dan daripada 103 permohonan ini seramai 31 orang usahawan melibatkan 46 hektar dari semua daerah negeri Johor telah diperaku untuk menerima insentif di bawah projek ini. Baki 72 permohonan lagi akan disalurkan melalui lain-lain insentif projek pembangunan pertanian di bawah Jabatan Pertanian yang bersesuaian. Bagi yang terlepas untuk memohon, mereka masih boleh membuat permohonan untuk -projek projek sedia ada pada bila-bila masa kerana permohonan sedia ada terbuka sepanjang tahun.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Endau pula telah menyentuh tentang pembangunan sektor pertanian dalam kalangan pekebun-pekebun kecil. Yang Berhormat, untuk jimatkan masa YB Endau tak ada, saya *skip* sahaja. Saya akan beri jawapan bertulis kepada Endau. Banyak Endau bangkitkan. Saya *skip*. Yang Berhormat Sungai Balang, Yang Berhormat Pasir Raja telah membangkitkan tentang inisiatif bagi mengurangkan impak kenaikan harga barangan keperluan makanan. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri Johor amat komited dalam usaha untuk mengurangkan beban rakyat akibat isu fenomena kenaikan harga barang yang mengakibatkan tekanan kos hidup yang tinggi.

Antara inisiatif yang dicadangkan adalah Program Bazar Rakyat Agro Johor atau BRAJ dengan FAMA sebagai agensi pelaksana. Dianggarkan 500 usahawan FAMA akan dilibatkan di 30 lokasi terpilih seluruh negeri Johor. Kerajaan negeri telah memperuntukkan RM300,000.00 untuk tujuan tampungan harga kepada beberapa barangan terpilih seperti ayam bulat, telur, minyak masak, sayur dan beberapa barangan lain. Ia dijangka memberi manfaat kepada lebih 20,000 pengunjung Bazar Rakyat Agro Johor ini. Berikutan banjir besar yang berlaku ketika ini, yang mengakibatkan banyak pihak terjejas, kerajaan negeri Johor sedang merangka cadangan untuk menambah 20 ke 30 lagi lokasi BRAJ. Ia diharap dapat meringankan beban rakyat dan Bangsa Johor termasuk dalam persiapan bulan puasa dan hari raya.

Yang Berhormat Pemanis telah membangkitkan mengenai cadangan pembangunan industri tenusu di daerah Segamat. Untuk makluman Yang Berhormat Pemanis dan Ahli Dewan pada masa ini negeri Johor merupakan pengeluar susu kedua terbesar di Semenanjung Malaysia dengan pengeluaran sebanyak 6.83 juta liter setahun pada tahun 2022. Melibatkan 113 pengusaha tenusu seluruh negeri Johor. Di Segamat terdapat 19 pengusaha aktif dengan pengeluaran keseluruhan pada tahun 2022 sebanyak 401,391 liter susu. Kerajaan negeri sememangnya amat mengalu-alukan penglibatan pelabur dalam membangunkan industri tenusu ini secara berskala besar bagi meningkatkan pengeluaran susu dan keterjaminan bekalan susu negeri Johor dan Malaysia amnya.

Bidang usaha penternakan lembu tenusu berpotensi sebagai sumber ekonomi negeri dan sebagai sumber pendapatan kepada penternak dan pengusaha hiliran tempatan. Untuk makluman, salah satu projek pembangunan bagi pembangunan industri tenusu di Johor adalah Projek Lembah Tenusu Jemaluang di Mersing. Projek tersebut kini berada pada tahap kemajuan pelaksanaan 32% dan dijangka siap pada Julai 2024. Apabila beroperasi kelak, ianya dijangka akan menyumbang sebanyak 5 hingga 7 juta liter setahun bersamaan 10 peratus bagi penghasilan tenusu negara. Ianya seterusnya akan meningkatkan pengeluaran susu negeri Johor dengan anggaran sebanyak 13 hingga 15 juta liter setahun. Kerajaan negeri dan pihak ECERDC juga ada merancang untuk bekerjasama dengan pelabur swasta bagi membangunkan industri lembah tenusu di daerah Segamat berdasarkan model perniagaan sebagaimana yang digunakan bagi projek Lembah Tenusu Jemaluang di Mersing. Pihak ECERDC kini sedang bekerjasama dengan Pejabat Daerah

dan Pejabat Tanah Segamat untuk mengenal pasti tanah dan lokasi yang bersesuaian di daerah Segamat bagi membangunkan cadangan projek tenusu tersebut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tiram kerana prihatin akan pelaksanaan Program Iqra` dan Fardhu Ain atau IQFA yang dijalankan oleh KEMAS Negeri Johor. Untuk makluman, waktu pembelajaran kelas IQFA ini adalah selama 1 jam sehari dan dilaksanakan 4 hari seminggu. Pihak kerajaan sangat menghargai usaha komited guru-guru IQFA selama ini. Untuk makluman Ahli Dewan, elaun guru-guru ini baru sahaja dinaikkan pada tahun 2022 iaitu daripada RM400.00 ke RM500.00 sebulan. Mungkin cadangan Yang Berhormat Tiram boleh difikirkan dan dilaksanakan di masa akan datang.

Yang Berhormat Pulai Sebatang pula telah membangkitkan cadangan mengenai pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan parit kampung kepada pihak Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung atau JPKK. Pada masa ini, pihak JPS telah mengemukakan kertas cadangan untuk diangkat kepada kelulusan kerajaan negeri Johor bagi kerja-kerja penyelenggaraan kawasan saliran sebanyak empat pusingan setahun yang akan diserahkan kepada Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung atau JPKK. Kerja-kerja berkenaan berkonsepkan secara gotong royong dengan kadar bayaran yang lebih optimum dibandingkan sekiranya kerja berkenaan diserahkan kepada kontraktor.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Kempas, Bukit Kepong, Sungai Balang dan Pekan Nanas yang membangkitkan tentang isu kekurangan Lampu Jalan Kampung atau LJK. Setelah beberapa kali kerajaan negeri membangkitkan perkara ini kepada kerajaan persekutuan, semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah mengumumkan bahawa Projek Lampu Jalan Kampung akan diteruskan bagi Fasa 11. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah telah memperuntukkan sejumlah RM102.83 juta untuk membiayai kos operasi dan penyelenggaraan lampu jalan kampung di seluruh negara. Dimaklumkan juga bahawa, proses permohonan Lampu Jalan Kampung (LJK) ini berada pada fasa akhir proses perolehan dan bagi negeri Johor, ianya dijangka akan diperuntukkan sebanyak 2,300 unit Lampu Jalan Kampung.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan pelbagai isu semasa persidangan Dewan ini yang saya kira amat penting untuk diberikan perhatian. Saya mohon maaf sekiranya maklum balas yang diberikan menerusi sesi penggulungan ini tidak dapat menjawab semua persoalan secara terperinci. Sekiranya terdapat persoalan yang kurang diperjelaskan, Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh merujuk ke pejabat kami untuk mendapatkan maklum balas secara bertulis atau menerusi perbincangan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua agensi di bawah portfolio Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar atas kerjasama sepanjang tempoh genap setahun saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar pada 26 Mac ini.

Terima kasih juga atas kerjasama mereka dalam menyediakan maklumat dan data sepanjang tempoh Persidangan Dewan kali ini. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang, Yang Berhormat Pegawai Kewangan dan sudah pasti Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor atas tunjuk ajar dan perhatian terhadap portfolio ini. Akhir sekali kepada yang beragama Islam selamat menjalani ibadah puasa. Sekian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Waalaikumussalam warahmatullahi taala wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah, penggulungan 10 orang Yang Berhormat Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa-Jawatankuasa telah pun tamat. Saya mengucapkan setinggi-

tinggi penghargaan, tahniah dan terima kasih di atas kemahiran Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengawal masa masing-masing.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menyambut Ramadan Al-Mubarak dan selamat berpuasa kepada semua. Semoga kita semua diberikan kesihatan dan dapat menjalani ibadah dengan sebaik-baiknya. Insyallah. “Tiada kebahagiaan tanpa syukur, tiada rasa syukur tanpa sabar, tiada sabar tanpa maaf, Marhaban ya Ramadan, maaf zahir dan batin.”

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga Isnin, 27 Mac 2023, jam 9.30 pagi.

Persidangan ditangguhkan pada jam 1.10 tengah hari.

PENYATA RASMI

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15**

HARI KEENAM

ISNIN, 27 MAC 2023

BIL. 5 TAHUN 15

HADIR

YB Timbalan Speaker

Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.
(Semarang)

**YAB Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan,
Perancangan dan Pembangunan Ekonomi)**

Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, PMW.
(Machap)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar

Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.
(Buloh Kasap)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, DIMP.
(Bukit Permai)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya

Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, KMN.
(Tenggaroh)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Puan Hajah Khairin-Nisa binti Ismail @ Md On
(Serom)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan
Sumber Manusia**

Tuan Mohd Hairi bin Mad Shah
(Larkin)

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam

Tuan Mohd Fared bin Mohd Khalid
(Semerah)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan

Tuan Ling Tian Soon
(Yong Peng)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna

Tuan Lee Ting Han
(Paloh)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur

Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh
(Bukit Pasir)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi

Cik Norlizah binti Noh
(Johor Lama)

YB Dato' Ir. Hasni bin Mohammad, SPMJ., SUMW., PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.
(Benut)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.
(Kahang)

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Mutalip bin Abd Rahim, PSI., PIS.
(Layang-Layang)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli
(Parit Raja)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail
(Pasir Raja)

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan, DIMP.
(Kukup)

YB Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, DSAP., PJJ.
(Rengit)

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap
(Pemanis)

YB Puan Hajah Haslinda binti Salleh, AMN., BCM.
(Tenang)

YB Datuk Haji Mohd Fuad bin Tukirin, PMW., BCM.
(Bukit Naning)

YB Tuan Sahrihan bin Jani
(Gambir)

YB Tuan Tan Chong
(Bekok)

YB Tuan Muszaide bin Makmor
(Sedili)

YB Puan Saraswati a/p Nallathamby, PPN.
(Kemelah)

YB Tuan Tan Eng Meng, PPN.
(Pekan Nanas)

YB Puan Fauziah binti Misri
(Penawar)

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan, PPN.
(Pulai Sebatang)

YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri, DPSM.
(Parit Yaani)

YB Tuan Haji Selamat bin Takim
(Sungai Balang)

YB Tuan Aznan bin Tamin
(Tanjung Surat)

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib
(Permas)

YB Datuk Haji Ramlee bin Bohani, DPSM., JMN., AMN.
(Kempas)

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail
(Senggarang)

YB Datuk Haji Pandak bin Ahmad, DPSM., PPN.
(Kota Iskandar)

YB Tuan Azizul bin Bachok
(Tiram)

YB Tuan Chen Kah Eng
(Stulang)

YB Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub, DSPN., DGSM.
(Simpang Jeram)

YB Tuan Liew Chin Tong
(Perling)

YB Cik Amira Aisya binti Abd Aziz
(Puteri Wangsa)

YB Cik Liow Cai Tung
(Johor Jaya)

YB Puan Gan Peck Cheng
(Penggaram)

YB Tuan Chiong Sen Sern
(Bukit Batu)

YB Tuan Ng Yak Howe
(Bentayan)

YB Tuan Ee Chin Li
(Tangkak)

YB Puan Marina binti Ibrahim
(Skudai)

YB Puan Ng Kor Sim
(Jementah)

YB Tuan Wong Bor Yang
(Senai)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, JSM., PIS.
(Endau)

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib
(Maharani)

TURUT HADIR

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
Dato' Amir bin Nasruddin, DMIJ.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.
Dato' Haji Salehuddin bin Haji Hassan, DMIJ., SIJ., PIS.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

YB Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, PJN., DSAP., PIS.
(Rengit)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.
(Mahkota)

YB Tuan Chew Chong Sin
(Mengkibol)

YB Dato' Dr. Sahrudin bin Haji Jamal, DMIJ.
(Bukit Kepong)

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)

YB Setiausaha Kerajaan Johor.
Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, PSM., SPMJ., DMIJ., PIS.

Persidangan bermula jam 9.30 pagi.

YB Speaker mengetuai Persidangan.

DOA.

(Jurutulis membaca doa).

Jurutulis : PEMASYURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TIMBALAN SPEAKER.

YB Timbalan Speaker : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Bismillahirrahmanirrahim (Doa), salam sejahtera dan Salam Maju Johor. Alhamdulillah, hari ini Isnin, 27 Mac 2023, bersamaan 5 Ramadan 1444H, masa berlalu dengan pantas, kita telah pun tiba di hari yang ke-6 yang juga hari terakhir Mesyuarat Pertama Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Ke-15 pada hari ini.

Sempena genap setahun kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dewan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah serta syabas kepada Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar, para EXCO serta Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memimpin dan mengurus negeri ini sejak setahun yang lalu dengan jayanya. Sesungguhnya, muafakat para eksekutif dengan pentadbir dan penjawat awam amat besar maknanya dalam menjayakan aspirasi kepimpinan. Semoga ujian, segala ujian, kejayaan serta muafakat yang terbina akan menambah kebijaksanaan dan kekuatan kepimpinan ke arah Maju Johor 2030. Sesungguhnya Muafakat Itu Berkat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, bersama-sama kita pada hari ini adalah pemerhati-pemerhati yang terdiri dari pemimpin-pemimpin pelajar dari *Johor Student Leader's Council* (JSLC) seramai 21 orang (Dewan bertepuk), diiringi wakil Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) seramai 5 orang (Dewan bertepuk). Bersama kita juga adalah pemimpin belia dari Dewan Muda Johor (DMJ) seramai 13 orang (Dewan bertepuk), bersama kita juga adalah Duta Perpaduan Johor seramai 25 orang (Dewan bertepuk) serta pemerhati daripada DUN Kota Iskandar seramai 11 orang (Dewan bertepuk). Semoga pemerhati-pemerhati yang juga pelapis-pelapis kepada kepimpinan masa depan ini akan dapat menimba ilmu dari lawatan pada hari ini.

Jurutulis : SOALAN LISAN.

YB Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa sesi jawapan lisan, soalan lisan pada hari ini akan dipendekkan sehingga pukul 10.15 pagi untuk memberi laluan penggulungan dan seterusnya rundingan yang akan dibawa. Dimulakan, jemput Puteri Wangsa, Yang Berhormat Puteri Wangsa jemput.

YB Cik Amira Aisya binti Abd Aziz (Puteri Wangsa) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 1.

Adakah kerajaan negeri mempunyai usaha untuk memperkasakan graduan-graduan TVET dengan program seperti *train and place*, di mana mereka diberikan latihan yang memenuhi pasaran industri pekerjaan di negeri Johor?

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Terima kasih Yang Berhormat Puteri Wangsa. Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, menjawab soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Puteri Wangsa, Alhamdulillah soalan yang berbunyi, adakah kerajaan negeri mempunyai usaha untuk memperkasakan graduan-graduan TVET dengan program

seperti *train and place*, dengan izin, di mana mereka diberikan latihan yang memenuhi pasaran industri pekerjaan di negeri Johor?

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini, saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada Yang Berhormat Puteri Wangsa yang mengemukakan pertanyaan. Dan untuk makluman Yang Berhormat Puteri Wangsa, kerajaan negeri melalui Unit Strategik Modal Insan telah menawarkan kursus-kursus kemahiran secara percuma serta penempatan pekerjaan sejurus tamat di dalam Program *Upskilling* dan *Reskilling* yang berkonsepkan *train and place*. Di mana Unit Strategik Modal Insan telah pun menaja kursus pelbagai bidang bagi menarik minat rakyat Johor serta golongan-golongan belia agar kadar pengangguran di negeri Johor dapat dikurangkan. Dan untuk makluman Yang Berhormat juga, pada tahun 2022 sebanyak RM5.2 juta telah diperuntukkan kepada Unit Strategik Modal Insan bagi pelaksanaan Program Latihan Kemahiran Johor atau pun Pro Mahir. Dan sebanyak 45 kursus telah dijalankan pada tahun lepas dan seramai 1,304 orang telah menerima manfaat daripada program Pro Mahir ini. Kalau boleh, saya juga ingin menyatakan beberapa program-program yang telah disenarai pendekkan tetapi hari ini, apabila Yang Berhormat Datuk Speaker menyatakan dipendekkan untuk persoalan atau pun perbincangan pada pagi ini, saya memendekkan dan kursus-kursus bagi menempatkan kursus dan penempatan pekerjaan pada tahun lepas yang bermula pada bulan Ogos bagi Kumpulan 1, 1 hari bulan 5, Ogos 2022 dan Kumpulan 2 pada 15 Ogos hingga 20 Ogos yang mempunyai kos 5 hari tempohnya dalam Kursus *Aviation Fundamental Training*. Pelbagai latar belakang agama, keturunan telah pun ditempatkan boleh saya, kalau boleh saya sebutkan nama-nama, lebih kurang 40 pelajar-pelajar TVET seperti Kashien Sinawasan Ravidan dalam pekerjaan sektor juruterbang dan hari ini pendapatannya melebihi RM5,000.00 dengan di bawah majikan *Asia Aerotical Training Academic* dan Suzliana di bawah pekerjaan *Scenario Asia* dengan pekerjaannya ditetapkan sebagai jurutera dan pendapatannya sebanyak RM3,500.00.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, di bawah PERKESO pula menerusi Program Transaksi Pekerjaan untuk perantis TVET dan lepasan sekolah atau kerjaya TVET yang menyediakan bayaran insentif sebanyak RM600.00 sebulan untuk tempoh 3 bulan kepada majikan yang menggajikan *graduate* atau pun graduan teknikal dan vokasional TVET dan bagi menangani isu ketidak sepadanan pekerjaan, *missed match job*, kerjaya TVET akan memfokuskan kepada Program *Place and Train*, dengan izin, iaitu Penempatan dan Latihan yang membolehkan majikan menghantar belia khususnya graduan TVET yang diambil bekerja untuk menjalani latihan berasaskan kompetensi oleh penyedia latihan yang diiktiraf oleh kerajaan, terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Dijemput.

YB Cik Amira Aisya binti Abd Aziz (Puteri Wangsa) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih YB EXCO atas jawapan sebentar tadi. Mengikut jawapan yang YB EXCO berikan pada saya jawapan bertulis juga ada menyatakan bahawa Jabatan Perangkaan Malaysia meletakkan statistik pengangguran dalam negara kita pada kadar 2.4% pada suku keempat 2022 dan pada masa yang sama, mengikut Jabatan Perangkaan juga kita ada 33.9%, dengan izin Yang Berhormat Datuk Speaker, *graduate missed match*. Bermakna kalau kita lihat, walaupun kita ada peluang pekerjaan yang tidak diisi pada masa yang sama masih banyak graduan-graduan kita yang tidak memiliki pekerjaan yang bersamaan dengan status pendidikan mereka. Jadi, soalan saya sama ada kerajaan negeri ada apa-apa usaha atau pun pembentuk rancangan kerjasama bersama kerajaan persekutuan dan industri-industri di dalam negeri Johor ini untuk menggunakan *big data* sebagai contohnya untuk menjalankan *forecast* pekerjaan-pekerjaan yang akan ada di dalam negeri Johor dan Malaysia untuk memastikan *missed match* ini dapat kita selesaikan. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia : Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih saya mengucapkan kepada Yang Berhormat Puteri Wangsa atas soalan tambahan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puteri Wangsa dan jelas di atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap pembangunan TVET di negeri Johor. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri Johor seperti mana saya kerap mengatakan, menyatakan di bawah Unit Strategik Modal Insan Negeri Johor cukup mengambil maklum tentang peranan-peranan *missed match job* atau pun di bawah TVET ini dalam melahirkan tenaga buruh yang kompeten bagi memajukan ekonomi di negeri Johor. Dan antara-antara inisiatif adalah melalui penganjuran-penganjuran Program TVET yang bakal atau pun yang telah dilaksanakan pada tahun lepas dan tahun ini, Insya-Allah. Di mana, di bawah objektif karnival-karnival *missed match job* atau pun di bawah program-program TVET adalah memperkenalkan pembelajaran TVET kepada murid di bawah sekolah rendah hinggalah sekolah menengah selain memberi kesedaran kepada golongan ibu bapa terhadap tentang kelebihan dan peluang kerjaya yang luas dalam bidang TVET ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, seperti mana soalan-soalan yang diajukan oleh Puteri Wangsa, pemain-pemain utama TVET dan industri di negeri Johor juga disarankan untuk memanfaatkan industri *forward*, dengan izin atau IR4.0. Ini bertujuan bagi meningkatkan keupayaan dan daya saing masing-masing agar dapat bersedia mengharungi cabaran-cabaran yang baharu di mana golongan-golongan masyarakat belia tidak terpinggir dan tidak ketinggalan. Justeru, Johor memerlukan institusi TVET yang lebih fleksibiliti yang lebih fleksibel dan tenaga pengajar dan yang lebih penting kompeten. Malah, infrastruktur itu sendiri perlu lengkap dan kukuh dalam mendepani cabaran akan datang. Kita percaya agenda pemerkasaan TVET bersama-sama dengan penggiat utama industri, harus menjadi hala tuju strategik TVET, terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Maharani, jemput.

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib (Maharani) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 2.

Mohon penjelasan semula mengenai inisiatif kerajaan untuk membantu Persatuan Teksi Negeri Johor khususnya di DUN Maharani?

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Maju Johor setahun bersama. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Yang Berhormat Maharani atas pertanyaan berkenaan inisiatif kerajaan untuk membantu Persatuan Teksi Negeri Johor khususnya di DUN Maharani.

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan, kerajaan negeri sentiasa memantau isu dan permasalahan pembangunan serta perkhidmatan pengangkutan awam di negeri Johor. Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan negeri untuk memastikan semua perkhidmatan pengangkutan awam di negeri ini sistematik dan cekap termasuk perkhidmatan teksi. Kerajaan negeri mengambil maklum akan kesukaran yang dialami oleh persatuan dan pemandu-pemandu teksi dalam menghadapi situasi ekonomi yang agak mencabar ketika ini. Selain daripada terpaksa bersaing dengan pemain industri pengangkutan awam yang lain, pemandu teksi sendiri agak terhimpit dengan keboleh percayaan pengguna terhadap perkhidmatan yang ditawarkan.

Oleh itu, pada tahun lepas melalui pemberian bantuan pekerja ekonomi (GIG) seramai 1,730 pemandu teksi yang berdaftar di seluruh negeri Johor telah menerima bantuan tunai *One-Off* RM300.00 yang telah dikredit ke akaun bank penerima. Jumlah keseluruhan ialah RM519,000.00. Kita sedia maklum, bandar Muar merupakan kawasan tumpuan pelancong

dari dalam dan luar negara. Kerajaan negeri berpendapat mutu dan imej pengangkutan awam seperti teksi dapat ditingkatkan dari aspek kecekapan, kebersihan dan kebolehpercayaan.

Persatuan-persatuan teksi digalakkan mengguna pakai sistem teksi berkupon atau aplikasi *e-Hailing* teksi bagi memudahkan pengguna mendapatkan harga tetap serta senang dicapai. Tidak ramai pemandu teksi di negeri Johor yang berdaftar dengan *e-Hailing* atau menggunakan aplikasi *e-Hailing*. Sistem aplikasi *e-Hailing* untuk teksi juga masih belum digunakan sepenuhnya. Bagi sistem *e-Hailing* berkupon di Johor, hanya Persatuan Teksi di JB Sentral, Larkin Sentral dan Terminal Lapangan Terbang Senai sahaja setakat ini yang menggunakan sistem teksi berkupon. Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) akan membantu menaikkan imej teksi di Johor dengan memperkenalkan pengiklanan di badan teksi. Selain mencantikkan imej kenderaan, inisiatif ini juga akan membuka peluang pemandu teksi menjana pendapatan tambahan dari sumber pengiklanan di badan teksi. PAJ sedang meneliti prosedur dan garis panduan agensi-agensi yang terlibat bagi pemasangan iklan di badan teksi seterusnya akan bekerjasama dengan persatuan teksi di seluruh negeri Johor bagi meluaskan inisiatif ini.

Antara inisiatif yang sedang dikaji oleh pihak kerajaan negeri ialah:-

1. Menggalakkan persatuan teksi menggunakan sistem tiket berkupon bagi meningkatkan kebolehpercayaan pengguna.
2. Bekerjasama dengan APART bagi menyelaraskan undang-undang yang dikenakan kepada pemandu teksi dan pemandu e-hailing.
3. Menyelaraskan tarikh luput kad pemandu mengikut permit teksi.
4. Memudah cara dari segi pinjaman kepada bank.
5. Mencadangkan harga dan cukai yang berpatutan untuk kenderaan teksi baharu.
6. Menaikkan umur teksi dari 10 tahun ke 15 tahun.
7. Skim caruman pekerja untuk teksi melalui Perkeso.
8. Mencadangkan kajian semula kadar tambang teksi kepada Kementerian Pengangkutan. Terima kasih.

YB Timbalan Speaker: Jemput, Maharani.

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib (Maharani) : Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO dan juga Datuk Timbalan Speaker. Soalan tambahan saya, apakah tindakan kerajaan dalam membantu menyelesaikan masalah kesukaran pemandu teksi untuk mendapatkan pinjaman daripada pihak bank untuk membeli kereta dan juga keperluan rumah mereka? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Maharani. Seperti yang saya sebutkan tadi, pihak PAJ sedang dalam kajian dan cadangan dalam 8 cadangan tadi untuk penambahbaikan kepada sistem dan juga pemandu-pemandu teksi antaranya ialah memudah cara dari segi pinjaman kepada pihak bank, insya-Allah nanti, bila kajian telah selesai Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker kita akan maklumkan semula kepada Yang Berhormat Maharani, terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Penawar, jemput.

YB Puan Fauziah binti Misri (Penawar) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, soalan nombor 3.

Apakah usaha kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak penglibatan secara langsung Badan Bukan Kerajaan (NGO) supaya mereka sama-sama memainkan peranan penting dalam usaha menangani isu penderaan kanak-kanak?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Datuk Timbalan Speaker, terima kasih Penawar. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam Maju Johor. Menjawab soalan Penawar, apakah usaha kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak penglibatan secara langsung Badan Bukan Kerajaan supaya mereka sama-sama memainkan peranan penting dalam usaha menangani isu penderaan kanak-kanak?

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kerajaan negeri Johor turut melaksanakan inisiatif untuk menggalakkan Badan Bukan Kerajaan dan sukarelawan bersama-sama memainkan peranan penting dalam menangani isu penderaan kanak-kanak di negeri Johor.

Menjunjung titah Duli Yang Amat Mulia, Che' Puan Besar Khaleeda binti Bustamam, *Child Support Team Johor*, dengan izin, Pasukan Sokongan Kanak-Kanak Negeri Johor yang telah ditubuhkan dan akan diberi latihan menggunakan Modul Lindungi Permata Johor yang telah dibangunkan dengan kerjasama pakar berkaitan kanak-kanak daripada Universiti Kebangsaan Malaysia yang mengandungi 6 komponen, iaitu Motivasi Kanak-Kanak, Perkembangan Kanak-Kanak dan Remaja, Perundangan dan Advokasi berkaitan kanak-kanak, Kanak-Kanak dan Multi budayanya, Kemahiran Mengakses Kanak-Kanak, Kemahiran Membantu Kanak-Kanak.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, program ini akan melibatkan seramai 300 ahli masyarakat yang akan melalui 8 siri bengkel termasuk Badan Bukan Kerajaan, sukarelawan atau individu yang terlibat dengan pengurusan kes kanak-kanak yang memerlukan perlindungan kanak-kanak akibat didera bagi tahun 2023 seperti:-

1. Pembantu Pelindung di bawah Seksyen 8A, Akta Kanak-Kanak.
2. Pembantu Kebajikan Kanak-Kanak, Seksyen 7A.
3. Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak Seksyen 7 di bawah Akta Kanak-Kanak.
4. Sukarelawan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.
5. Pengasuh TASKA, Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak, 1984.
6. Pengendali Pusat Jagaan Akta Pusat Jagaan Kanak-Kanak.
7. Akta Pusat Jagaan 1993.
8. Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung seluruh negeri Johor.
9. Pemimpin-pemimpin tempatan dan Badan Bukan Kerajaan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, Badan Bukan Kerajaan yang mempunyai kepakaran tertentu dilibatkan menganggotai Jawatankuasa Penggubalan Pindaan Akta Dasar serta Pelan Tindakan Berkaitan Kanak-Kanak serta Jawatankuasa Tindakan yang melibatkan kanak-kanak. Mereka juga dilibatkan dalam sesi libat urus bagi mendapatkan pandangan, cadangan dan keperluan pembangunan kapasiti pihak berkepentingan bagi meningkatkan kecekapan prosedur pengurusan kes penderaan kanak-kanak. Badan Bukan Kerajaan Johor juga digalakkan untuk menjalankan kempen-kempen kesedaran dan advokasi kepada pihak-pihak yang berkepentingan di peringkat komuniti. Pihak Jabatan juga sentiasa menyediakan platform kerjasama dengan penganjuran bersama dialog dengan pihak badan-badan bukan kerajaan. Badan-badan Bukan Kerajaan yang mempunyai kepakaran tertentu boleh membantu dengan menyediakan fasiliti-fasiliti seperti

pusat jagaan kanak-kanak yang memerlukan pemuliharaan dan perlindungan serta perkhidmatan sokongan kepada mangsa penderaan.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kerajaan negeri Johor kini sedang berada dalam usaha menubuhkan Majlis Muafakat Kanak-Kanak Negeri Johor bagi menangani isu-isu berkaitan kanak-kanak di negeri Johor terutama berkenaan penderaan dan pengabaian kanak-kanak. Majlis Muafakat Kanak-Kanak ini akan dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor. Manakala, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim akan menjadi urus setia bagi majlis ini. Di peringkat daerah, Pejabat Daerah akan mempengerusikan Majlis Muafakat Kanak-Kanak Negeri Johor dan diurusetikan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim. Majlis Muafakat Kanak-Kanak ini diselaraskan dengan *Convention*, dengan izin *of the Rights of the Child* (CRC), sebagai mana diperuntukkan di bawah Perkara 12 dan 13 yang menghormati pandangan dan perspektif kanak-kanak. Majlis ini juga berperanan untuk mereka bentuk satu sistem pengurusan yang cekap dan berkesan. Mengesyorkan perkhidmatan yang ditujukan khusus untuk memenuhi keperluan kanak-kanak dan membangunkan program-program advokasi berkaitan kanak-kanak.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, kerajaan negeri Johor juga berkolaborasi strategik dengan Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan Negeri Johor bagi pengurusan pendaftaran dan pemantauan dilaksanakan terhadap Pusat Jagaan Kanak-Kanak yang berdaftar. Seterusnya adalah, penaziran dan penarafan untuk kanak-kanak. Untuk memastikan supaya semua Pusat Jagaan Kanak-Kanak yang berdaftar patuh kepada standard minimum yang ditetapkan dalam Akta Pusat Jagaan Kanak-Kanak 1963 dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1984. Untuk memastikan juga Pusat Jagaan Kanak-Kanak memberikan penjagaan dan perkhidmatan yang berkualiti kepada golongan sasar. Terima kasih Datuk Timbalan Speaker.

YB Timbalan Speaker : Jemput, Penawar.

YB Puan Fauziah binti Misri (Penawar) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO. Soalan tambahan saya, apakah tindakan susulan yang akan diambil oleh kerajaan negeri selepas menerima laporan berkenaan penderaan kanak-kanak?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker. Menjawab soalan tambahan daripada Penawar. Sebaik menjurus menerima laporan atau rujukan yang melibatkan penderaan kanak-kanak sama ada melalui talian kasih, media sosial, surat, telefon orang awam, guru, pengasuh, Jabatan Kebajikan Masyarakat akan menyemak rujukan atau aduan tersebut bagi siasatan segera.

Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat akan menjalankan siasatan dalam tempoh 10 jam daripada aduan rujukan tersebut diterima bagi mendapatkan kesahihan aduan dan rujukan tersebut. Sekiranya ada unsur penderaan dan pengabaian, pelindung, pembantu pelindung atau pegawai polis akan menyelamatkan kanak-kanak tersebut di bawah Seksyen 18, Akta Kanak-Kanak 2001. Jika perlu, kanak-kanak tersebut akan dibawa untuk menerima rawatan di hospital. Sepanjang tempoh kanak-kanak di hospital, Jabatan Kebajikan Masyarakat akan mengenal pasti penempatan kanak-kanak selepas dikeluarkan dari hospital. Kanak-kanak tersebut akan dibawa ke mahkamah untuk mengambil perintah penempatan sementara di bawah Seksyen 25, Akta Kanak-Kanak 2001 dalam tempoh 24 jam. Kanak-kanak tersebut seterusnya akan ditempatkan di tempat selamat seperti institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat atau bersama orang yang layak dan sesuai dalam suatu tempoh yang akan ditentukan oleh pihak mahkamah. Siasatan dan penyiasatan penyediaan laporan juga akan disediakan oleh pelindung bagi kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak tersebut.

Jabatan Kebajikan Masyarakat juga akan mendapatkan perintah tetap dari mahkamah bagi kanak-kanak tersebut untuk satu penempatan tetap dan selamat kanak-kanak tersebut. Bagi terus menjaga keselamatan kanak-kanak itu, pemantauan akan dijalankan oleh pelindung yang dipertanggungjawabkan. Tindakan kepada pelaku juga diambil oleh Polis DiRaja Malaysia jika terdapat pendakwaan terhadap mereka. Terima kasih Datuk Timbalan Speaker.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat, Pemanis. Jemput.

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap (Pemanis) : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker. Pat-pat siku lipat, soalan Pemanis nombor 4.

Kenapa dan bilakah BPEN menerusi Perbadanan Perumahan Johor akan melaksanakan pembinaan 15 unit rumah di daerah Segamat menerusi program bantuan rumah tahun 2022 seperti yang dijanjikan kerana sudah lebih setahun masih belum dimulakan pembinaannya?

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Soalan YB Pemanis, berbunyi kenapa dan bilakah BPEN atau Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor menerusi Perbadanan Perumahan Johor akan melaksanakan pembinaan 15 unit rumah di daerah Segamat menerusi program bantuan rumah tahun 2022 yang masih belum dimulakan pembinaannya?

Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, di dalam Ucapan Bajet 2023, Yang Berhormat Menteri Besar telah memperuntukkan sebanyak RM5 juta bagi pembinaan 50 unit Rumah Kasih atau dipanggil RKJ. Untuk makluman Yang Berhormat, kertas kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 15 Februari 2023, telah meluluskan cadangan pemurnian program Rumah Ihsan Johor dan penjenamaan semula Program Ihsan Johor kepada Rumah Kasih Johor atau RKJ. Penawaran akan diberi keutamaan kepada senarai e-kasih yang diurusetikan oleh BPENJ dan pejabat daerah. Syarat tambahan bagi program Rumah Kasih Johor adalah pemohon mestilah merupakan pemilik tunggal atau pemilikan bersama ke atas hakmilik tanah. PKPJ akan mengadakan taklimat kepada wakil pejabat daerah dalam masa terdekat untuk pelaksanaan Program Rumah Kasih Johor ini. Terima kasih.

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap (Pemanis) : Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, terima kasih juga kepada Yang Berhormat EXCO ke atas jawapan yang telah diberikan. Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO bagaimanakah sebenarnya pemantauan dibuat oleh pihak kerajaan negeri kepada agensi pelaksana ini kerana kita lihat apabila berlaku kelewatan untuk menyiapkan rumah-rumah kepada golongan B40 ini, ia memberikan kesan tidak baik sebenarnya kepada kerajaan sementelahan kita telah melancarkan baru-baru ini tadi berkenaan dengan satu tahun pentadbiran, jadi apakah pemantauan ini dibuat dan jika tidak dapat dilaksanakan bolehkah diserahkan kepada agensi lain seperti Pejabat Daerah? Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang Mulia ini. Ya, saya faham di peringkat pelaksanaan Rumah Kasih Bangsa Johor ini sebelum ini dilaksanakan di peringkat Pejabat Daerah melalui BPENJ, itu adalah satu projek perumahan untuk B40 atau senarai e-Kasih, pemegang kad e-kasih. Yang kedua yang banyak juga isu yang timbul ialah perumahan di bawah SPNB, SPNB ini pun ada peruntukan perumahan seperti tahun lepas ada 150 unit untuk Johor. Dan tahun ini dijangka 300 unit, yang ini pun banyak berlaku isu pasal *direct award* kontraktor tu datang daripada kerajaan persekutuan sendiri atau SPNB. Saya balik kepada program yang daripada BPENJ diserahkan kepada Perbadanan Kemajuan Perumahan Johor untuk tahun ini kita akan laksanakan 50 unit,

harga bernilai jumlah RM5 juta dan setiap unit rumah itu sebelum ini RM75,000.00 dan dinaikkan kepada RM100,000.00. Lepas itu kita ada tambahan untuk kerja-kerja *emergency*. Saya faham bila nak bina rumah e-Kasih atau rumah golongan susah ini kadang-kadang dia berada di ceruk-ceruk kampung-kampung termasuklah saliran kadang-kadang berbukit dan sebagainya. Kita pun menyemak banyak isu-isu kenapa rumah B40 ini atau e-Kasih ini tidak disiapkan oleh kontraktor antara sebab yang utama ialah kos yang meningkat secara mendadak, itu salah satu, dan salah satu ialah kontraktor itu mungkin diberi kepada satu-satu tempat tu dia buat cuma 1 rumah atau 2 rumah jadi dari segi *costing* untuk membina rumah itu dah tentulah tidak memberi untung kepada kontraktor-kontraktor yang terlibat.

Jadi dasar baru, yang akan dilaksanakan untuk 50 rumah melibatkan 10 daerah dalam negeri Johor ini dengan nilai tadi, pertama kita tambahkan nilai daripada RM70,000.00 RM75,000.00 kepada RM100,000.00, itu yang pertama. Yang kedua kita akan bekerjasama dengan agensi kerajaan yang mempunyai sumber kewangan yang banyak dan mempunyai pengalaman untuk membina rumah mampu milik ini. Dan kita akan serahkan kepada mereka untuk membina rumah-rumah ini lah. Cuma, ada 2 syarat tambahan tadi yang saya masukkan dalam jawapan ialah pertama, dia mesti golongan e-Kasih yang ada kad e-Kasih yang melalui Pejabat Daerah atau JKM, itu satu. Yang kedua, kali ini punya rumah e-Kasih untuk golongan susah hanya diberikan kepada mereka yang ada geran tanah atas nama dia atau geran bersama. Sebab apa kita dapati ialah bila kita sebelum ini kita praktikkan surat contoh geran, geran saya tapi saya sedara kepada pemohon ini, jadi kita buat surat hitam putih sahaja. Apa yang berlaku bila orang yang dapat rumah ini meninggal dunia berlaku tuntutan pada anak-anak daripada pemilik asal tanah ini. Sebab itu kita syaratkan selepas ini mana rumah-rumah e-Kasih mesti ada geran sendiri atau geran bersama. Nama dia mesti ada dalam geran. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

YB Timbalan Speaker : Terima kasih Yang Berhormat. Dijemput Yang Berhormat Gambir.

YB Tuan Sahrihan bin Jani (Gambir) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Speaker, soalan nombor 5. Terima kasih.

Apakah status program JENDELA untuk keseluruhan negeri Johor?

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi : Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam maju Johor. Terima kasih kepada Timbalan Datuk Speaker. Merujuk, berkaitan dengan soalan Gambir. Perkembangan terkini pelaksanaan JENDELA Fasa 1 sehingga suku keempat tahun 2022 di seluruh negeri Johor, tapak menara baru, perancangan 299, siap 151, naik taraf stesen pemancar perancangan 4,456, siap 4,452. Ketersediaan sambungan gentian optik premis, perancangan 413,494, siap 383,724. Jalur lebar satelit siap 11.

Perkembangan terkini pelaksanaan JENDELA Fasa 1 sehingga suku keempat tahun 2022 di DUN Gambir, tapak menara baru, perancangan 3 siap 2, Naik taraf stesen pemancar perancangan 30 siap 30, ketersediaan sambungan gentian optik premis, perancangan 5,237, siap 5,237.

Dimaklumkan juga lokasi bagi pembinaan 3 buah menara baru adalah seperti berikut, di kampung Parit Pulau beroperasi, Kampung Parit Bagus beroperasi, dan Kampung Sagil Parit 1 dalam pelaksanaan. Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker, usaha penambahbaikan

liputan dan rangkaian adalah merupakan satu usaha yang berterusan oleh kerajaan agar kualiti pengalaman oleh pengguna sentiasa diperbaiki dari semasa ke semasa. JENDELA fasa 2 seterusnya akan memberi tumpuan untuk merapatkan lagi jurang digital yang tidak tercapai ketika di fasa 1. Maklum balas daripada orang awam bagi kawasan secara spesifik yang masih mempunyai masalah perkhidmatan adalah amat dialu-alukan bagi membolehkan tindakan selanjutnya diambil, diambil. Sebarang aduan yang berkaitan kualiti perkhidmatan dan rangkaian telekomunikasi boleh disalurkan terus kepada portal aduan MCMC yang saya maklumkan tempoh hari juga menerusi pautan laman web <http://jendela.my>. Sukacita juga hari ini Timbalan Datuk Speaker, saya maklumkan kepada semua dalam sidang dewan hari ini pihak MCMC hari ini mengadakan Hari Mesra Pelanggan telekomunikasi di luar perkarangan Dewan sidang ini. Jadi Hari Mesra Pelanggan telekomunikasi ini bertujuan bagi menerima aduan atau maklum balas daripada Yang Berhormat ADUN berkenaan masalah berkaitan kualiti liputan telefon dan sambungan internet di kawasan masing-masing. Pihak YB ADUN juga boleh mewakili pegawai khas DUN bagi mendapatkan taklimat dan penerangan lanjut. Sekian terima kasih.

YB Tuan Sahrihan bin Jani (Gambir) : Terima kasih YB EXCO, Terima kasih YB Speaker, YB EXCO soalan saya adalah berkaitan isu capaian internet dan komunikasi ini merupakan satu perkara yang sangat penting dan menjadi satu keperluan kepada kehidupan masyarakat dan hari bertemu masyarakat ini sangat kita alu-alukan pada hari ini. Jadi kalau kita cadangkan agar ianya dapat dan boleh diadakan di peringkat kawasan kami secara mungkin bulanan di tempat-tempat awam supaya masyarakat dapat salurkan segala isu mereka secara terus kepada pegawai MCMC secara terus. Itu sahaja maklumat saya. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi : Terima kasih, Timbalan Datuk Speaker, terima kasih juga kepada cadangan oleh YB Gambir, seperti mana yang saya maklumkan tadi kami usaha penambahbaikan liputan dan rangkaian adalah merupakan satu usaha yang berterusan oleh kerajaan agar kualiti pengalaman oleh pengguna sentiasa diperbaiki dari semasa ke semasa. Oleh itu, saya mengucapkan sekali lagi kepada YB DUN Gambir atas nasihat dan cadangan yang telah diberikan tadi, sekian terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Yang Berhormat Sedili, Jemput.

YB Tuan Muszaide bin Makmor (Sedili) : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan Sedili nombor 6.

Dalam pengupayaan masjid / surau bagi barisan pegawai imam dan bilal. Apakah perancangan dan inisiatif yang telah diambil bagi merangsang kebolehdjian kekurangan barisan imam dan bilal di semua masjid dan surau dalam negeri Johor?

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam : Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih Datuk Speaker, terima kasih YB Sedili atas soalan yang diberikan. Soalan yang dibangkitkan oleh YB Sedili berkenaan perancangan dan inisiatif dalam pengupayaan menyediakan barisan pegawai masjid dan surau, imam dan bilal dalam negeri Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Speaker dan Dewan yang mulia. Sehingga Mac 2023, kerajaan negeri telah melantik seramai 4,463 orang pegawai masjid dan surau untuk memegang jawatan sebagai imam, bilal dan noja di 838 buah masjid dan 1,942 buah surau. Daripada jumlah pegawai masjid dan surau ini, seramai 1,493 imam menerima elaun JAKIM

iaitu sebanyak RM850.00 sebulan manakala 1,306 orang imam dan 1991 bilal menerima elaun kerajaan negeri masing-masing menerima antara RM100.00 dan RM50.00 sebulan. Bagi maksud menjaga kebajikan pegawai-pegawai masjid dan surau ini, Jabatan Agama Islam Negeri Johor melalui Bahagian Pembangunan Masjid Dan Surau telah dan akan memajukan kertas cadangan untuk memohon kenaikan elaun pegawai masjid dan surau daripada kerajaan negeri. Selain daripada itu, bermula dari tahun ini, kebajikan dan keselamatan pegawai masjid dan surau Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah mengambil langkah yang pro aktif dengan mencarumkan caruman PERKESO kepada pegawai masjid dan surau serta penggerak DUN yang memberi manfaat kepada 4,702 orang penerima.

Bagi menjawab isu kekurangan imam dan bilal di masjid dan surau yang tertentu. Kebiasaannya kes kekurangan imam dan bilal ini didengari di kawasan kampung yang mempunyai imam dan bilal yang sudah berumur. Bagi mengatasi masalah kekurangan ini Jabatan Agama Islam Negeri Johor akan membuat pengambilan dan pelantikan imam dan juga bilal dalam tempoh 3 tahun sekali yang mana imam dan bilal ini juga boleh dinamakan oleh pengerusi masjid dan surau bagi kawasan-kawasan yang terbabit. Selain itu bagi mengatasi masalah kekurangan ini Jabatan Agama Islam Negeri Johor mengalu-alukan bagi individu-individu yang menjadi imam secara sukarela di kawasan-kawasan yang terbabit dengan terlebih dahulu perlu melalui prosedur dan juga sesi kursus bagi tauliah yang berkenaan. Bagi pelajar tahfiz tempatan yang juga berkelayakan juga boleh digalakkan untuk memohon bagi mengisi kekurangan imam dan bilal di kawasan-kawasan yang tertentu. Namun kesemua mereka ini perlu melalui proses kursus dan juga tauliah sebagaimana pelantikan imam, bilal yang lain-lain.

Kerajaan negeri Johor juga melalui Jabatan Agama Islam Negeri Johor amat prihatin dalam program pengimarahannya masjid dan surau bukan sekadar pengimarahannya dari sudut fizikal iaitu pembangunan masjid dan surau tetapi juga pengimarahannya dari sudut program-program kerohanian seperti Program Semarak Surah Al-Kahfi, Surah Al-Mulk Dan Bacaan Selawat Nariah. Program ini dilaksanakan di setiap daerah di dalam negeri Johor. Antara pihak yang paling penting dalam usaha kerajaan negeri Johor dalam pengimarahannya masjid dan surau ialah pegawai-pegawai masjid dan surau yang terdiri daripada imam, bilal dan noja yang dilantik untuk bertugas di masjid-masjid surau di seluruh negeri Johor. Setakat tahun 2023, saya memaklumkan Datuk Speaker, pegawai-pegawai masjid dan surau yang berumur 40 tahun ke atas adalah seramai 3,958 orang, manakala di kalangan pegawai berumur 40 tahun ke bawah seramai 608 orang. Bagi memastikan negeri Johor tidak ketandusan dari sudut imam-imam muda pada masa akan datang, kerajaan negeri melalui Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah bekerjasama dengan MARSAM dan juga UTHM melalui kerjasama pintar bagi mengadakan Program Imam Muda dan Eksekutif Imam Profesional selama tempoh 1 tahun. Melalui Program Eksekutif Imam Profesional anjuran UTHM ini seramai 85 orang imam muda berjaya dilahirkan dalam kalangan pelajar dan juga graduan. Selain itu, melalui Program Imam Muda anjuran MARSAM, latihan pembangunan imam dan bilal untuk pelajar MARSAM melalui inisiatif Muslih yang dilaksanakan sejak tahun 2021 bakal melahirkan seramai 50 orang, 500 orang pelajar graduan setiap tahun yang mempunyai tauliah imam muda. Program imam muda ini juga merupakan salah satu dari 8 petunjuk prestasi utama (KPI) saya sendiri bagi melahirkan setiap tahun 500 imam muda mulai tahun 2022 sehingga berakhir penggal ini 500 orang setiap tahun. Ini membuktikan bahawa kerajaan Johor amat prihatin dalam usaha melahirkan imam muda yang berkualiti serta profesional di kalangan anak-anak muda pada masa kini dan mendatang. Terima kasih Datuk Speaker.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, ianya akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Jurutulis : SOALAN-SOALAN BERTULIS.

Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada dibentangkan di atas meja mesyuarat.

SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Perbahasan atas Rundingan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor disambung sekarang. Yang Amat Berhormat Menteri Besar dipersilakan.

YAB Menteri Besar : Bismillahirrahmanirrahim. (Bacaan selawat). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Maju Johor. Yang Berhormat Datuk Speaker, bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua dapat kita bersama-sama hadir di dalam Dewan yang mulia ini bagi menunaikan tanggungjawab kita sebagai Ahli-Ahli Dewan Negeri Johor. Pertama-tamanya patik ingin merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Negeri Johor Darul Ta'zim sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 23 Mac 2023 bersamaan 1 Ramadan 1444H.

Pada kesempatan ini juga, patik menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sempena Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Kedua bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-15 pada 16 Mac yang lalu. Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah menyentuh pelbagai perkara yang semuanya menjurus kepada kepentingan Bangsa Johor. Ini sesungguhnya tidak lain dan tidak bukan mencerminkan keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Tuanku terhadap negeri Johor, kerajaan yang mentadbirnya serta setiap dari Bangsa Johor rakyatnya yang tercinta.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini tidak mungkin dapat dijalankan dengan baik tanpa peranan seorang Speaker dan seorang Timbalan Speaker yang bijaksana dan berhemah tinggi. Lantaran itu, tahniah dan syabas kita ucapkan kepada Yang Berhormat Datuk Speaker dan Yang Berhormat Datuk Timbalan Speaker yang telah mengelolakan perjalanan Persidangan Dewan Negeri Johor ini dengan penuh tertib, tegas dan teratur. (Dewan bertepuk). Pembahas isu penuh tekad, demi rakyat muafakat membulat, Speaker dan Timbalan gandingan sepakat, menjunjung titah raja berdaulat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas membawa suara rakyat setempat dan negeri secara tuntas, matang dan bernas. Insya-Allah, setiap perkara yang dibahas akan diteliti serta dipertimbangkan dengan sebaik dan sehalus mungkin oleh kerajaan negeri. Datuk Speaker, dengan izin Allah SWT pada tanggal 15 Mac 2023, genaplah setahun perkhidmatan saya sebagai Menteri Besar Johor yang ke-19 dan pada tanggal 25 Mac 2023 yang lalu genap setahun pelantikan barisan EXCO kerajaan negeri. Di hadapan Ahli-Ahli Yang Berhormat terdapat sebuah buku yang cukup bermakna buat saya secara peribadi. Ia merupakan buku laporan Maju Johor Edisi 2022-2023. Sesungguhnya, segala pencapaian yang dikecapi sepanjang satu tahun ini tidak mungkin dapat dicapai tanpa sokongan, dorongan dan usaha semua pihak demi kesejahteraan, kemajuan dan kemakmuran negeri dan Bangsa Johor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika kita rujuk muka surat 3 buku ini, suka sekali lagi saya kongsi bahawa visi Maju Johor 2030 di mana Johor bukan sahaja perlu maju dari segi ekonomi dan infrastrukturnya, malah seluruh Johor mestilah maju secara holistik. Rakyatnya juga perlu maju dari segi pemikiran, peradaban, ketamadunan ilmu, perwatakan, adat resam, nilai-nilai murni, jati diri dan sahsiah modal insannya. Johor mesti jadi Johor. (Dewan bertepuk). Maju Johor ini ditunjangi 6 teras iaitu :

1. Urus Tadbir Kerajaan.
2. Pembangunan Ekonomi.
3. Jaringan Keselamatan Sosial.
4. Kemudahan dan Keperluan Asas.
5. Keselamatan, Kebersihan dan Kelestarian Alam Sekitar.
6. Orang Muda Johor.

Melalui 6 teras ini, sebanyak 224 inisiatif telah dilaksanakan sepanjang tahun. Walaupun banyak perkara dan inisiatif yang telah dilaksanakan dalam masa setahun ini, namun begitu saya sedar dan insaf bahawa masih banyak lagi perkara yang perlu dibuat demi kesejahteraan Bangsa Johor. Insya-Allah, saya bersama barisan EXCO dengan sokongan penjawat-penjawat awam akan memastikan negeri ini terus berada di atas landasan yang terbaik dari segenap aspek dan perkara, Insya-Allah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, banyak yang telah disentuh dan dibahaskan sepanjang Dewan bersidang pada kali ini. Namun, bencana banjir menjadi topik utama yang mendominasi hampir ke semua Perbahasan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Satu peristiwa yang sangat menyentuh hati seluruh Bangsa Johor. Saya bersimpati kepada semua yang terkesan dan saya juga amat memahami benak hati dan perasaan setiap Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bertungkus lumus membantu mereka yang terkesan seperti Yang Berhormat Buloh Kasap, Seri Medan, Tenang, Bekok, Semarang, Parit Yaani, Parit Raja, Pemanis, Penggaram dan ramai lagi. Pengorbanan dan usaha-usaha Ahli Yang Berhormat sekalian mengingatkan saya kepada sabda Nabi Muhammad SAW yang berbunyi (Bacaan hadis) yang bermaksud, “Sebaik-baik manusia adalah orang yang paling bermanfaat kepada orang yang lain” – Hadis sahih riwayat Al-Tabrani.

Datuk Speaker, pada kesempatan ini juga, izinkan patik bagi pihak kerajaan negeri menzahirkan junjungan setinggi-tinggi kasih atas keprihatinan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah mengurniakan peralatan elektrik dan tilam bernilai RM700,000.00 baru-baru ini bagi tujuan pasca banjir. (Dewan bertepuk). Patik sentiasa berdoa agar Kebawah Duli Tuanku serta seluruh keluarga DiRaja sentiasa dirahmati dan dilindungi Allah SWT. Saya juga ingin menzahirkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan menteri-menteri persekutuan yang telah banyak membantu Bangsa Johor dalam menghadapi situasi yang getir ini. Tidak lupa juga, setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada kerajaan-kerajaan negeri, pegawai-pegawai daerah, agensi-agensi negeri dan persekutuan, GLC-GLC, pihak swasta, sukarelawan *Southern Volunteers* dan semua yang membantu dalam kita mengharungi cabaran dan dugaan yang luar biasa ini. Tenang-tenang air di laut, sampan kolek mudik ke tanjung, hati terkenang mulut menyebut, budi yang baik rasa nak junjung.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagai tanda penghargaan marilah kita sama-sama memberikan tepukan yang paling gemuruh kepada semua petugas-petugas dan sukarelawan yang bertungkus lumus membantu mangsa-mangsa banjir. (Dewan bertepuk). Yang Berhormat Speaker, syukur Alhamdulillah hari ini semua pusat-pusat pemindahan sementara (PPS) telah tutup sepenuhnya. Namun begitu, kerja-kerja pasca banjir dan bantuan-bantuan perlu diuruskan dengan segera. Mendengar keluhan Ahli-Ahli Yang Berhormat khususnya

sahabat saya Yang Berhormat Seri Medan, izinkan saya berkongsi 5 perkara terkini tentang bantuan banjir.

Pertamanya, kerajaan telah berbincang dengan pihak Ranhill SAJ dan mereka telah bersetuju untuk memberikan diskaun sehingga 40% untuk bil air mangsa-mangsa banjir yang terjejas bagi bulan Mac dan April. (Dewan bertepuk). Keduanya, kerajaan negeri sedar dan faham, ada mangsa-mangsa banjir yang tidak sempat menyelamatkan dokumen-dokumen penting kerana paras air naik begitu mendadak. Oleh sebab itu, kerajaan negeri bersetuju untuk memberi pengecualian bayaran RM250.00 bagi penggantian geran yang hilang atau hancur semasa banjir melanda. Ketiganya, pembayaran Bantuan Wang Ihsan kerajaan persekutuan dan negeri akan selesai selewat-lewatnya akhir bulan ini. Kecuali untuk daerah Batu Pahat dan juga Segamat kerana angka bilangan penerimanya jauh lebih ramai daripada daerah-daerah lain. Bantuan RM1,300.00 ini untuk setiap ketua isi rumah akan melibatkan peruntukan sebanyak RM34.2 juta. Keempat, Bantuan Barangan Keperluan Asas (BBKA) akan mula disalurkan secara berperingkat mulai awal April tahun ini dan bantuan RM2,500.00 untuk setiap ketua isi rumah ini akan melibatkan peruntukan berjumlah RM60.3 juta. Kelima, izinkan saya berkongsi sekali lagi bahawa moratorium pinjaman bagi mangsa-mangsa banjir sehingga 6 bulan telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 7 Mac yang melibatkan hampir kesemua bank.

Yang Berhormat Datuk Speaker, berdasarkan apa yang berlaku di negeri Johor ini, isu perubahan iklim adalah satu perkara yang penting dan perlu diberi perhatian yang serius. Saya sangat menghargai sokongan-sokongan daripada Yang Berhormat Kukup, Permas, Stulang, Perling, Penggaram, Johor Jaya dan Bentayan yang menyokong penuh penubuhan Jawatankuasa Perubahan Iklim dan Bencana. Begitu juga Yang Berhormat Benut, yang kebetulan menyambut hari jadinya hari ini. (Dewan bertepuk). Selamat hari jadi Dato' Hasni, semoga sentiasa dirahmati dan diberkati Allah SWT. Yang Berhormat Benut telah menyuarakan di dalam Sidang Parlimen bahawa Malaysia perlu belajar dan bertukar kepakaran dengan Singapura dalam menangani fenomena perubahan iklim melalui *Singapore Green Plan 2030*. Seperti yang kita semua kita sedia maklum, bencana banjir kilat, pencemaran udara, air dan darat, pemanasan global dan perubahan iklim adalah kesan ketidakstabilan ekosistem yang berpunca daripada aktiviti manusia itu sendiri. Perubahan iklim yang tidak menentu akan memberi impak kepada kehidupan rakyat dan masa depan negeri Johor. Dalam kita mengejar matlamat untuk menjadikan Johor sebuah negeri yang maju menjelang tahun 2030, kita sama sekali tidak boleh melupakan perkara yang asas iaitu kebersihan. Atas sebab itu Agenda Johor Bersih telah digarap dan di laksana dengan satu tujuan khusus iaitu bagi mewujudkan satu gelombang perubahan minda dan sikap supaya masyarakat Johor mencintai alam sekitar dan menjaga kebersihan. Kita boleh membina masa depan yang lebih mampan tetapi isu ini perlu ditangani bersama dengan kadar yang segera.

Data satelit merekodkan kenaikan paras laut antara 4.3 cm dan 11.9 cm dari tahun 1993 sehingga tahun 2010. Satu kajian oleh *Nanyang Technology University (NTU)* Singapura mendapati purata kenaikan aras laut global boleh mencecah antara 30 cm hingga 60 cm menjelang tahun 2100 jika sasaran dunia untuk menangani pelepasan gas tidak dicapai. Dengan monsun dan cuaca yang tidak menentu, kawasan persisiran pantai berisiko besar ditenggelami air akibat kenaikan paras laut menjelang tahun 2050. Kajian yang telah dibuat oleh *Thinkcity* menunjukkan peningkatan 6.7 darjah Celsius suhu permukaan bagi daerah Johor Bahru antara 2005 dan 2018. Kenaikan disebabkan oleh peningkatan persekitaran binaan JB, kadar justifikasi dan peningkatan dalam bilangan beberapa industri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, masa untuk bertindak adalah sekarang. Jangan kita nanti, sudah terhantuk, baru tengadah. Kitalah yang akan menentukan nasib masa depan anak cucu cicit kita. Justeru, adalah amat penting negeri Johor mempunyai rangka gerak kerja yang selari dengan Pelan Adaptasi Kebangsaan, *Next Zero E Mission 2050* dan *United*

Nation Secretariat Climate Exchange Plan 2030 di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Oleh sebab itu, penubuhan Jawatankuasa Perubahan Iklim dan Bencana Johor ini yang akan kita rundingkan dalam Sidang Dewan Negeri adalah sangat penting dan saya berharap semua Ahli-Ahli Dewan Negeri akan memberi sokongan yang tidak berbelah bagi terhadap rundingan ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, beralih kepada perkara yang seterusnya iaitu ekonomi dan juga pelaburan. Syukur, alhamdulillah seperti yang kita semua maklum Johor mencatatkan penerimaan pelaburan yang tertinggi dalam negara dalam tahun 2022 iaitu sebanyak RM70.6 bilion (Dewan bertepuk). Patik menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk memudah cara bagi memastikan bahawa pelaburan-pelaburan ini dapat direalisasikan dengan kadar yang segera. Justeru itu, saya sendiri akan terus mempengerusikan Jawatankuasa Pelaburan Johor atau lebih dikenali sebagai *Johor Investment Committee* secara berkala bagi memastikan apa yang diluluskan dapat dilaksanakan. Jawatankuasa ini akan memantau dan memudah cara urusan-urusan pelaburan di negeri Johor. Sebanyak 570 projek telah diluluskan di Johor yang dijangka akan menghasilkan 16,000 peluang pekerjaan serta limpahan peluang-peluang perniagaan kepada rakyat Johor dan Malaysia. Dalam usaha menarik lebih banyak pelaburan dan mewujudkan peluang pekerjaan untuk bangsa Johor, kerajaan negeri menggalakkan permukaan kawasan perindustrian baharu yang berkonsepkan *Land Industrial Area* atau kawasan perindustrian terancang dengan teliti serta kemudahan asas yang lengkap dan kondusif untuk para pelabur. Ini adalah selari dengan hasrat Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang telah pun menubuhkan unit khas, *Industrial Estate Unit* melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bagi memantau dan membangunkan taman perindustrian untuk menarik pelaburan berkualiti.

Datuk Speaker, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang Zon Khas Kewangan di Iskandar Malaysia yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Pihak kerajaan negeri akan mengalu-alukan cadangan ini dan berharap perkara ini dapat dibincangkan dengan pihak Kementerian Kewangan pada kadar yang segera. Saya yakin ia boleh menjadi *catalyst* untuk merencanakan lagi pembangunan ekonomi di kawasan Iskandar Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum mengakhiri penggulungan ini, izinkan saya berkongsi sedikit berita gembira untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat sempena bulan Ramadan dan Aidilfitri yang bakal menjelma.

YB Timbalan Speaker : Yang Amat Berhormat, ada nak bagi duit raya?

YAB Menteri Besar : Insya-Allah Datuk Speaker, kita akan mengumumkan sedikit bantuan untuk semua Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk terus (Dewan bertepuk) menyantuni rakyat di kawasan masing-masing. Pertamanya, kerajaan negeri bersetuju meluluskan peruntukan sebanyak RM20,000.00 untuk program-program di bulan Ramadan ini (Dewan bertepuk). Disebabkan ada tepukan, kita tambah lagi. (Dewan bertepuk). Kerajaan negeri juga bersetuju meluluskan peruntukan sebanyak RM20,000.00 untuk program-program sempena Hari Raya Aidilfitri (Dewan bertepuk). Nampak gaya makin kuat Datuk Speaker. Tambahan lagi, kerajaan negeri juga bersetuju meluluskan peruntukan sebanyak RM20,000.00 untuk menjayakan Agenda Johor Bersih di kawasan masing-masing. (Dewan bertepuk). Makin kuat Datuk Speaker. Semua peruntukan ini akan disalurkan dalam masa satu minggu. Saya berharap peruntukan ini akan digunakan sebaik-baiknya bagi memberi manfaat kepada rakyat dan Bangsa Johor secara keseluruhannya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada kesempatan ini saya juga ingin mengucapkan selamat menjalankan ibadah puasa kepada semua yang beragama Islam. Semoga kita semua dapat melakukan amal kebaikan di bulan yang penuh keberkatan ini, insya-Allah.

Mengakhiri ucapan, izinkan saya membaca serangkap pantun sebagai renungan kita bersama dalam usaha menjadikan Johor sebuah negeri yang maju menjelang tahun 2030. Negeri Johor nama tersohor, bertamu rakyat pelosok negara, membawa tekad demi Johor, negeri maju rakyat sejahtera. (Dewan bertepuk). Machap mohon menyokong usul titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Sekian wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Waalaikumussalam. Ahli-Ahli Yang Berhormat, anak teruna berbadan sasa, berbadan sasa jadi ikutan, pemimpin memberi rakyat merasa, kerajaan prihatin semoga berkekalan. (Dewan bertepuk.)

Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor suatu ucapan menjunjung kasih sebagaimana berikut:-

Ampun Tuanku, adalah patik, Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Negeri yang bersidang pada hari ini mengambil ketetapan merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berangkat ke Dewan yang mulia ini dan seterusnya bertitah merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kedua Bagi Dewan Negeri Johor Yang Kelima Belas.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rundingan itu dipersetujukan.

Jurutulis : RUNDINGAN-RUNDINGAN DENGAN TIDAK PAYAH DIBERITAHU.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, rundingan Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Perubahan Iklim dan Bencana daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah diterima oleh Jurutulis Dewan Negeri pada 22 Mac 2023, di bawah Peraturan Tetap Bilangan 32(viii), Peraturan-Peraturan dan Perintah-perintah Tetap Bagi Dewan Negeri Johor dan diakui mustahak oleh Yang Berhormat Speaker. Sebagaimana Peruntukan Peraturan yang sama, rundingan itu perlu disokong oleh 10 orang Ahli.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang menyokong rundingan ini sila bangun di tempat masing-masing. Oleh sebab rundingan ini telah disokong, saya membenarkan rundingan itu.

Jurutulis : PENUBUHAN JAWATANKUASA PILIHAN PERUBAHAN IKLIM DAN PENGURUSAN BENCANA NEGERI JOHOR.

YAB Menteri Besar : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan iaitu Dewan ini mengambil ketetapan mengikut Peraturan Tetap Bilangan 103, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Bagi Dewan Negeri Johor untuk menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana Negeri Johor.

Jawatankuasa ini akan menjalankan fungsi-fungsi seperti berikut:

1. Meneliti undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan perubahan iklim dan pengurusan bencana banjir.
2. Mengkaji inisiatif-inisiatif yang diambil dalam menangani perubahan iklim.
3. Mengkaji keberkesanan proses dan langkah-langkah mitigasi banjir yang diambil di peringkat daerah dan negeri secara holistik.

4. Mengkaji alternatif lain dalam menangani isu banjir kilat, banjir termenung dan banjir yang kerap berulang di satu-satu kawasan sekiranya berlaku hujan lebat yang berpanjangan.
5. Mengkaji penyelesaian yang boleh diambil bagi meminimumkan kerosakan harta benda dan infrastruktur akibat banjir merangkumi cadangan penempatan semula penduduk dan sebagainya.
6. Mencadangkan penambahbaikan yang boleh diambil oleh jabatan dan agensi berkaitan perkara-perkara yang melibatkan perubahan iklim dan banjir.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Jawatankuasa ini hendaklah terdiri daripada 14 orang Ahli Dewan Negeri termasuk seorang pengerusi. Korum bagi Jawatankuasa ini adalah seramai 7 orang termasuk Pengerusi. Berikut ialah nama-nama Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa.

1. Yang Berhormat Tuan Anuar Manap, Pengerusi, kawasan Pemanis.
2. Yang Berhormat Dato' Haji Jefridin bin Atan, Ahli Jawatankuasa daripada kawasan Kukup.
3. Yang Berhormat Datuk Haji Zulkurnain bin Kamisan, Ahli Jawatankuasa daripada kawasan Sri Medan.
4. Yang Berhormat Puan Nor Rashidah binti Ramli, Ahli Jawatankuasa daripada kawasan Parit Raja.
5. Yang Berhormat Tuan Tan Chong, Ahli Jawatankuasa daripada kawasan Bekok.
6. Yang Berhormat Tuan Haji Selamat bin Takim Ahli Jawatankuasa daripada kawasan Sungai Balang.
7. Yang Berhormat Puan Hajah Fauziah binti Misri Ahli Jawatankuasa daripada kawasan Penawar.
8. Yang Berhormat Datuk Haji Mohamad Najib bin Samuri, Ahli Jawatankuasa daripada kawasan Parit Yaani,
9. Yang Berhormat Tuan Chen Kah Eng, Ahli Jawatankuasa daripada kawasan Stulang.
10. Yang Berhormat Puan Gan Peck Cheng, Ahli Jawatankuasa daripada kawasan Penggaram.
11. Yang Berhormat Cik Amira Aisya binti Abd Aziz, Ahli Jawatankuasa daripada kawasan Puteri Wangsa.
12. Yang Berhormat Cik Liow Cai Tung, Ahli Jawatankuasa daripada kawasan Johor Jaya.
13. Yang Berhormat Puan Hajah Alwiyah binti Talib, Ahli Jawatankuasa kawasan Endau.
14. Pegawai Kewangan Negeri.
15. Jurutulis Dewan Negeri sebagai Setiausaha.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Jawatankuasa ini diberi kuasa oleh Dewan Negeri untuk memanggil mana-mana orang yang mempunyai kepakaran dan kemahiran di hadapannya dari masa ke semasa bagi maksud penelitian dan kajian terhadap apa-apa berkaitan perubahan iklim dan pengurusan bencana.

Jawatankuasa Pilihan ini juga hendaklah menyiapkan dan membentangkan Penyata Jawatankuasa yang mengandungi syor-syor berkaitan untuk dipersetujui atau mengikut apa-apa cara yang diperintahkan oleh Dewan Negeri Johor. Oleh itu, Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon mencadangkan.

YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

YB Timbalan Speaker : Oleh sebab rundingan itu telah disokong, saya membenarkan rundingan itu dibahaskan oleh seorang ADUN sahaja. Masa yang diberikan 10 minit. Dijemput.

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan (Kukup) : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera, salam maju Johor. Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rundingan Jawatankuasa Perubahan Iklim dan Bencana. Sebagaimana yang kita sedia maklum, perubahan iklim ini bukan suatu yang baharu, malah merupakan satu isu global dan sudah banyak kajian yang membuktikan buruknya kesan perubahan iklim dan *scientist* juga menjangkakan perubahan iklim ini akan semakin buruk dan memberi kesan yang ekstrem dalam tempoh 20 tahun yang akan datang.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga pernah menyatakan bahawa menjelang tahun 2030 dan 2050, kadar kematian disebabkan kesan perubahan iklim adalah sebanyak 250,000 orang dan kos kesihatan yang juga rawatan akan meningkat kepada USD4,000 bilion. Bayangkan berapa ramai nyawa yang terkesan dan berapa banyak pula kos yang perlu dikeluarkan bagi rawatan akibat daripada kesan perubahan iklim. Malaysia juga tidak terkecuali daripada kena tempias perubahan iklim ini. Tidak hairan dan tidak salah jika dikatakan semakin banyak bencana yang berlaku sejak kebelakangan ini adalah disebabkan perubahan iklim yang memberi impak buruk dan memudaratkan masyarakat.

Di Malaysia ada beberapa jenis bencana alam utama yang kerap berlaku, khususnya di negeri Johor seperti banjir, banjir kilat, kemarau dan juga tanah runtuh. Pelbagai faktor yang mendorong kepada berlakunya perkara ini. Namun secara saintifiknya pemanasan global menyebabkan iklim menjadi tidak menentu, sekali gus menyebabkan berlakunya perubahan cuaca yang ekstrem serta menyebabkan berlaku situasi perubahan musim atau iklim yang tidak menentu dan di luar jangkaan. Menyoroti kembali antara bencana alam dan tragedi yang pernah menggemparkan negara, antaranya tragedi banjir buruk di Selangor, contohnya, Disember 2021 dan kejadian tanah runtuh di Batang Kali, yang mengorbankan 30 mangsa. Yang terbaru Februari 2023, hampir seluruh daerah di negeri Johor terjejas akibat banjir buruk dan ditenggelami air sehingga 3 meter serta melibatkan lebih 85,000 mangsa banjir. Banjir kali ini juga diumpamakan sebagai yang terburuk sejak berlakunya pada 2006. Bencana ini diakibatkan oleh situasi yang jarang berlaku, di mana taburan hujan luar biasa yang terlalu tinggi.

Menurut rekod Jabatan Pengairan dan Saliran, bacaan hujan di Stesen Air Panas, Segamat, Johor sejak 28 Februari hingga 3 Mac 2023 adalah sebanyak 731mm. Rekod ini merupakan yang tertinggi yang pernah dicerap, jika dibandingkan dengan rekod hujan bulanan yang tertinggi pada Disember 1991, yakni 621mm, dan Disember 2006, 599mm. Bacaan ini juga dicatatkan sebagai melebihi purata hujan bulanan jangka panjang bagi bulan Mac untuk Johor iaitu 195mm. Memburukkan lagi keadaan, semasa banjir berlaku, takungan air di beberapa empangan terpaksa dilepaskan. Antaranya di Empangan Bekok, Segamat, Empangan Machap, Kluang dan juga Empangan Sembrong, Ayer Hitam kerana empangan ini tidak mampu lagi untuk menampung jumlah air di dalamnya. Apabila air empangan dilepaskan, ia sekali gus menyebabkan air naik mendadak di kebanyakan kawasan dan menyebabkan pula situasi air termenung. Namun syukur dengan keprihatinan dan kecekapan kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, situasi air termenung ini dapat diatasi dan dipercepatkan menerusi operasi mengepam air di kawasan yang terlibat. Bencana alam juga menyebabkan pelbagai impak buruk, termasuklah kehilangan nyawa, kemusnahan harta benda dan kerosakan fasilitis awam yang bernilai hingga ratusan juta ringgit dan memerlukan kos serta tempoh yang lama untuk proses baik pulih dan pembinaan semula.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ambil contoh semasa banjir buruk tahun 2002, Jabatan Perangkaan Malaysia merekodkan Malaysia mencatatkan kerugian berjumlah RM622.4 juta iaitu menyamai 0.03% keluaran dalam negara kasar. Ini termasuklah kerugian daripada aset awam dan infrastruktur sebanyak RM232.7 juta, tempat kediaman yakni

RM157.4 juta, pertanian RM154.5 juta dan premis perniagaan RM50.3 juta. dan kenderaan RM18.8 juta dan sektor pembuatan sebanyak RM8.7 juta. Ternyata ianya bukanlah satu jumlah yang kecil. Bayangkan pula berapa banyak bentuk bantuan kepada rakyat ataupun pembangunan yang boleh dilaksanakan dalam jumlah tersebut, harga yang terpaksa dibayar.

Semasa banjir bukan sahaja kenaikan paras air menjadi kebimbangan, tetapi masalah lain yang menjadi kerisauan adalah berlakunya tanah runtuh disebabkan pergerakan tanah apabila hujan lebat dan berterusan. Di Johor sendiri sudah beberapa kes tanah runtuh direkodkan. Antaranya yang paling baru semasa banjir baru-baru ini, di mana Jalan Sungai Tiram, Ulu Tebrau ditutup kerana berlaku runtuhan di jalan dan berpotensi menyebabkan runtuhan yang lebih besar. Dan yang paling diingati, semasa tragedi tanah runtuh di Kg. Seri, Gunung Pulai pada 26 Disember 2001, kira-kira 22 tahun yang lalu. Gunung Pulai ini umpama satu mercu tanda di Johor Bahru, antara destinasi pelancongan utama dan terkenal di Johor kerana keistimewaan air terjun Gunung Pulai dan kaya pula khazanah alam semula jadi. Bukan hanya bagi penduduk tempatan, tetapi juga tarikan kepada pelancong luar. Bencana tersebut telah menghanyutkan dan memusnahkan 4 rumah penduduk di Kg, Seri, Gunung Pulai, di tebing Sungai Ayer Hitam di kaki Gunung Pulai, lebih memilukan 5 orang telah terkorban termasuk bayi dan kanak-kanak. Punca tanah runtuh ini juga disebabkan oleh hujan berterusan selama beberapa hari penceritaan sahaja tidak boleh cukup untuk menggambarkan betapa dahsyatnya situasi sebenar kejadian tersebut. Malah kebanyakan mangsa tidak mahu bercerita kerana terlalu trauma dalam kejadian ini.

Saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai hakisan pantai di perairan pantai Johor yang semakin serius saban tahun. Beberapa meter kawasan pantai akan terhakis ke dalam laut akibat ombak besar dan juga rumah penduduk yang terjejas disebabkan hakisan pantai malah ada yang sudah ditelan ombak. Ada pula rumah penduduk yang dimasuki air ketika air pasang kerana pantai sudah semakin dekat dengan rumah mereka. Ini menyebabkan kerisauan, mengenai keselamatan dan juga ancaman kemusnahan harta benda. Walaupun ada benteng yang dibina, tetapi ianya tidak mencukupi, dan tidak dapat menangani masalah hakisan pantai apatah lagi, menjelang musim tengkujuh.

Di Johor ada beberapa kawasan menghadapi masalah hakisan pantai. Antaranya seperti di Kg. Seri Menanti, Muar, Taman Sri Pantai, Pontian dan juga di kawasan saya di kawasan Tanjung Piai. Taman Negara Tanjung Piai ini diwujudkan bagi melindungi hutan bakau yang menghadapi masalah hakisan yang serius disebabkan oleh ombak kuat dan pencemaran daripada kapal-kapal yang melalui laluan dari Selat Johor, Selat Melaka dan Singapura. Saban tahun, Tanjung Piai juga tidak terkecuali daripada mengalami hakisan tanah. Walaupun mempunyai pokok bakau yang mana antaranya berfungsi untuk menampakan fenomena tanah hakisan. Hakisan pantai juga tidak ditangani dengan baik akan mencetuskan permasalahan bukan sahaja pada penduduk kawasan itu, tetapi juga pada pengunjung yang mengunjungi pantai yang terhakis.

Yang Berhormat Datuk Speaker, jadi adalah perlu diwujudkan usaha untuk mengurangkan kesan hakisan pantai secara terancang. Fungsi hutan secara semula jadi adalah untuk menakung dan menyimpan air, tetapi apabila hutan ditarah sesuka hati, dan semakin banyak pembalakan dan pembukaan kawasan baru, maka secara relatifnya daya tampungan hutan itu menyimpan air hujan semakin berkurangan. Menjunjung titah Tuanku Sultan Johor semasa titah Diraja, 16 Mac lepas, Baginda juga ada bertitah dan bertegas supaya Bangsa Johor melestarikan alam sekitar dengan membudayakan amalan mesra alam, menjaga kebersihan dan mengurangkan pencemaran alam sekitar. Baginda juga ada mengingatkan supaya setiap bentuk pembangunan yang dilakukan di negeri ini, di kawasan bukit ataupun tanah tinggi mestilah mengekalkan bentuknya. Jika Baginda Sultan sendiri cakna dan peka mengenai hal ini, jadi apa alasan untuk pemaju dan kita semua untuk melakukan tindakan yang sama.

Di bawah Fasal 32(viii) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Johor saya juga ingin menyokong rundingan agar penubuhan Jawatankuasa Perubahan Iklim dan Bencana yang anggotai dan dibarisi oleh Ahli Dewan Negeri merentasi parti politik yang berperanan dalam memberi nasihat dan memantau hal-hal berkaitan perubahan iklim dan bencana.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon menyokong. Terima kasih, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB Timbalan Speaker : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rundingan itu dipersetujukan.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar: Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan. Terima kasih.

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu. Terima kasih.

YB Timbalan Speaker : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum Dewan ini saya tangguhkan, saya dan seluruh Ahli Dewan Negeri Johor ingin merakamkan ucapan takziah dan simpati kepada seluruh mangsa banjir di negeri ini. Dewan ini turut merakamkan ucapan penghargaan, setinggi-tinggi terima kasih kepada jabatan-jabatan kerajaan dan sukarela juga sukarelawan yang sentiasa bersiap siaga tanpa mengenal penat lelah dalam membantu mangsa banjir di negeri ini.

Saya ingin mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa dan semoga segala amal ibadah kita diterima Allah SWT dan semoga Ramadan ini menjadi Ramadan yang lebih baik daripada Ramadan-Ramadan yang sebelumnya. Pada masa yang sama, bersama-samalah kita berdoa semoga Allah SWT mempermudah segala urusan rawatan sahabat kita Yang Berhormat Mahkota yang sedang diuji kesihatannya. Semoga beliau dianugerahkan kesembuhan sepenuhnya dalam kadar yang segera.

Akhir sekali saya juga mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri maaf zahir dan batin. Pada masa yang sama tidak lupa soal pemberian Yang Berhormat Datuk Menteri Besar tadi sesungguhnya ia memberi kelegaan kepada Ahi-Ahli Yang Berhormat yang menjadi mangsa keadaan kepada mangsa-mangsa banjir. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Persidangan ditangguhkan pada jam 11.02 pagi.

PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:

Jurutulis

Encik Mohd Farid bin Kassim

Penolong Jurutulis

Encik Azlan Afandi bin Sauffee Afandi

Koordinator

Cik Norzita binti Abdul Aziz

Pembantu Penerbitan

Puan Malina binti Mohd Nasir
Puan Noraisah binti Mohd Yusof
Encik Ariff bin Abu Bakar

Pembantu Operasi (Bentara)

Encik Razine bin Sulaiman
Encik Hamdan bin Markom
Encik Norhayadi bin Hussien
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi
Encik Mohd Norazri bin Kasim
Encik Mohd Sapri bin Manan
Encik Muhamad Khairul Asyraf bin Abdullah
Encik Muhammad Khairul bin Arop

Setiausaha Pejabat (Pelapor Dewan)

Puan Hajah Zalinah binti Ali
Puan Hajah Saniah binti Kassim
Puan Hajah Azlin bin Bahrin
Puan Junaidah binti Paing
Puan Zahiti binti Muhamad Hamdi
Puan Hajah Fareza binti Musa
Puan Hajah Rumiah binti Semirono
Puan Hajah Haironisha binti Zainal Abidin
Puan Hajah Hairun Nurul Ain binti Zainal Abidin
Puan Noor Dalilah binti Dahalan
Puan Siti Rojimah binti Abd. Razak
Puan Shuriati binti Abdul Hajar
Puan Norazilawati binti Masri
Puan Norlydialina binti Ithnain
Puan Norhafizah binti Osman
Puan Raihanah binti Ismail
Puan Fakhrinnazia binti Fuad

Rakaman

Encik Nor Risam bin Esa
Encik Azizan bin Md Sidi
Encik Khairul Anuar bin Umar Usman

Juruaudio Video

Encik Noorazhan bin Mohd Salleh
Encik Ismail bin Abu Bakar

UNIT DEWAN
PEJABAT JURUTULIS
DEWAN NEGERI JOHOR
16 MAC HINGGA 27 MAC 2023